PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Dato' Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Dato' Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
14.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh

BIL.	NAMA	KAWASAN
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
28.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
29.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
30.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
31.	YB Dato' Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
32.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
35.	YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain	Paroi
36.	YB Tuan Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
37.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 3.00 petang]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Susunan Mesyuarat, perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Seri Menanti.

[YB ADUN Seri Menanti telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum WBT*, salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wabil islami dina, wabi muhammadinnabi warosula. Alhamdulillah,* segala puji bagi Allah; Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga, yakni (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini; 22 November 2024 merupakan hari pertama persidangan. Hadirin sekalian, sebagaimana maklum, agenda utama kita pada hari ini adalah untuk mendengar pembentangan Belanjawan Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2025 yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sebentar lagi. Sesi perbahasan akan dimulakan pada hari Isnin; 25 November 2024 bagi memberi ruang dan peluang kepada semua ADUN untuk membaca dan menelaah pembentangan tersebut. Saya amat berharap semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil

bahagian di dalam perbahasan belanjawan yang akan bermula pada hari Isnin ini.

Selain daripada Rang Undang-Undang belanjawan, persidangan kali ini juga akan membentangkan sebanyak 5 Rang Undang-Undang lain yang akan dibentangkan sepanjang persidangan kali ini. Oleh yang demikian, adalah diharapkan semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi, memberikan perbahasan yang komprehensif bagi memastikan urus tadbir negeri Negeri Sembilan berjalan dengan baik dan lancar.

Hadirin sekalian, sebagaimana biasa saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kala, tata kelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Sekali lagi saya mohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian, terima kasih. Selamat bersidang.

3. MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Mengesahkan Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 5 Ogos 2024.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 5 Ogos 2024 telah pun diedar salinannya. Oleh itu, ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadang dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat disahkan, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Peringatan Mesyuarat di, ini disahkan tanpa pindaan.

[Keputusan undian: 32 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. Manakala YB ADUN Chennah, YB ADUN Temiang, YB ADUN Gemencheh dan YB ADUN Gemas tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu:

- Kertas Dewan Bilangan 4/2024 – Memorandum kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Hasil Tahun 2025 Negeri Sembilan.

- Kertas Bilangan 5/2024 – Memorandum Daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025 Negeri Sembilan.

- Kertas Dewan Bilangan 6/2024 – Memorandum Daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2025 Negeri Sembilan.

- Kertas Bilangan 7/2024 – Cadangan Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 1959.

- Kertas bilangan, Kertas Dewan Bilangan 8/2024 – Cadangan Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

- Kertas Bilangan 9/2024 – Cadangan Mewujudkan Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Melalui Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024.

- Bilang, Kertas Dewan Bilangan 10/2024 – Cadangan Pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

- Dan Kertas Dewan Bilangan 11/2024 – Cadangan Semakan Dan Pelarasan Saraan Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan

Negeri Dan Anggota Pentadbiran Di Bawah Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 4 hingga 11 Tahun 2024 adalah dibentangkan.

5. MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan laporan berikut:

- Pertama: Laporan Tahunan 2023 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Kedua: Statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 2019 – 2023.
- Ketiga: Statistik Urusan SPA Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis Dan Negeri Sembilan 2019 – 2023.
- Keempat: Laporan Ketua Audit Negara Bilangan 3/2024 Negeri Sembilan .
- Kelima: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.
- Keenam: Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.
- Ketujuh: Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.
- Dan yang kelapan: Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Semblian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, laporan seperti yang telah dibacakan tajuknya oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah dibentangkan, adalah dibentangkan.

6. <u>USUL</u>

Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan Usul: Bahawa mengikut Ceraian 3 Seksyen 4, di dalam, dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju perbelanjaan yang dicadangkan sebanyak Ringgit Malaysia 135 juta dengan maksud dan butiran Projek dalam Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Dewan Bilangan 6 Tahun 2024 adalah diluluskan dan diperolehi untuk tujuan yang ditentukan sahaja.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 ada kaitan dengan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024, maka saya mencadangkan supaya Usul ini dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang tersebut.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah mencadangkan agar usul anggaran belanjawan, agar Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024, dan telah mendapat sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Jadi kita teruskan ke perkara berikutnya.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Chennah, YB ADUN Temiang dan YB ADUN Gemencheh tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

7. <u>RANG UNDANG-UNDANG PERTAMA</u>
Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024.

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Rang Undang-Undang yang pertama. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

[Bacaan kali pertama]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk dibelanjakan bagi pengurusan tahun 2025, dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya memberikan penerangan ringkas tujuan-tujuan dan sebab-sebab Rang Undang-Undang ini mustahak dibacakan bagi kali kedua.

Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua. *Bismillahirrahmanirrahim …[*melafazkan mukadimah dalam Bahasa Arab. Seterusnya membacakan ayat 7 Surah Ibrahim]. Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kamu [Kami] akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT atas segala kurniaan-Nya yang tidak terhitung banyaknya kepada negeri yang tercinta ini. Walaupun saiz negerinya kecil, namun

Allah mencucurkan Rahmat-Nya yang amat luas dengan keindahan semulajadi yang memukau, rimbunan hutan yang menghijau, hamparan pantai yang indah, khazanah hasil mahsul yang tidak ternisbah, disulam pula dengan adat budaya warisan turun temurun. Seyogialah kita sebagai pemegang amanah dan pewaris khazanah ini, mengurus, mentadbir, memelihara, membentangi dan memakmurkan negeri ini dengan segala daya yang ada, supaya kemakmuran akan terus didapat dikecapi oleh generasi kita yang akan datang.

Firman Allah dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72: Ertinya: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan demi, dengan, dan bimbang tidak dapat menyempurnakan (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Semasa pembentangan Belanjawan MADANI Ketiga 2025 pada 18 Oktober 2024 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaporkan pertumbuhan ekonomi negara pada suku kedua 2024 adalah sebanyak 5.9% berbanding dengan 4.4% pada suku pertama. Tahap inflasi pada bulan Ogos 2024 pula turun kepada 1.9%, manakala kadar pengangguran menurun kepada 3.2%, iaitu kadar terendah sejak Januari 2020. Prestasi Ringgit diiktiraf salah satu mata wang terbaik dunia sebanyak 14.4% berbanding dolar Amerika dalam suku ketiga 2024, pencapaian terbaik sejak tahun 1973.

Perdagangan global diunjurkan bertambah baik pada kadar 3% berbanding tahun 2023 sebanyak 0.3%, berikutan peningkatan aktiviti eksport dan import. Di samping itu, pelaksanaan langkah rangsangan fiskal secara bersasar, pelak, pelarasan kadar faedah dan peningkatan perbelanjaan infrastruktur ternyata berjaya menyuntik rangsangan ekosistem ekonomi yang lebih positif.

Ekonomi Malaysia pada suku tahun kedua 2024 menunjukkan prestasi yang kukuh dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 5.9% berbanding 4.2% pada suku tahun sebelumnya dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus memacu keseluruhan prestasi serta kesemua sektor mengalami pertumbuhan yang lebih baik dari segi penawaran. Berdasarkan prestasi keseluruhan semasa, Pendapatan Negara Kasar per Kapita sehingga suku tahun kedua 2024 mencatatkan 53,664 ringgit berbanding 51,991 ringgit pada tahun 2023.

Indeks petunjuk utama FTSE Bursa Malaysia KLCI telah mencatat peningkatan sebanyak 15% setakat tahun ini dan menjadikan Bursa Malaysia muncul sebagai pasaran yang mencatat prestasi terbaik di ASEAN di mana permodalan pasaran keseluruhan bursa adalah 2.05 trilion ringgit. Indeks Pelopor (IP) pula mencatatkan 5.2%, mencapai 115.1 mata pada bulan Januari 2024 berbanding 109.4 mata pada bulan yang sama tahun 2023. Indeks IP yang melepasi 100.0 mata menggambarkan ekonomi Malaysia yang berdaya tahan.

Eksport meningkat 1.7% atau 2.1 bilion ringgit kepada 126.0 bilion ringgit. Prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif pada suku tahun kedua 2024. Jumlah dagangan meningkat 8.7% atau 19.0 bilion ringgit untuk mencapai nilai 237.8 ringgit berbanding 218.8 bilion ringgit pada tahun sebelumnya.

Alhamdulillah, kesemua paparan empirikal ini jelas membuktikan betapa kalisnya ekonomi negara meskipun berhadapan dengan tentangan dan ketidaktentuan geopolitik dan kegalauan ekonomi negara. Ini menjadi bukti betapa makmurnya ekonomi negara sekiranya diurus tadbir dengan penuh amanah dan disokong oleh perpaduan politik yang semakin mengukuh dan akrab.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Keluaran Dalam Negara Kasar. Seiring dengan pertumbuhan progresif nasional, Negeri Sembilan turut merekodkan pertumbuhan positif KDNK sebanyak 1.8% pada tahun 2023 dengan nilai sebanyak 51.9 bilion ringgit berbanding 50.9 bilion ringgit pada tahun 2022 yang dipacu oleh Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

Kadar pengangguran di Negeri Sembilan menurun 0.2% kepada 3.2% pada tahun 2023 berbanding 3.4% pada tahun 2022.

Kadar Kemiskinan. *Alhamdulillah*, setakat 15 Oktober 2024, Negeri Sembilan telah berjaya mencapai sasaran sifar miskin tegar, daripada 0.4% tahun 2019 dan 0.1% tahun 2022. Nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah 2,402.00 ringgit sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah 1,173.00 ringgit sebulan dengan saiz isi rumah seramai 3.6 orang. Walau bagaimanapun, kita masih perlu terus memberikan perhatian khusus kepada seramai 1,258 orang yang berada dalam kategori mudah miskin tegar.

Tenaga buruh di Negeri Sembilan meningkat sebanyak 3.5% pada tahun 2023 berbanding 1.6% pada 2022 dengan bilangan tenaga buruh seramai 553.9 ribu orang berbanding 535 ribu orang pada tahun 2022.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di Negeri Sembilan juga meningkat sebanyak 1.0% kepada 66.1% pada 2023, berbanding 65.1% pada tahun 2022.

Manakala inflasi Negeri Sembilan pada 2023 menurun kepada 2.0% berbanding 2.8% pada tahun 2022 berikutan harga komoditi global yang lebih rendah, gangguan bekalan yang ter, beransur pulih, kawalan harga dan pemberian subsidi untuk barangan terpilih. Pada suku kedua tahun 2024, inflasi Negeri Sembilan mencatat 1.2% iaitu di bawah paras nasional 2.0%.

Kekuatan Sektor Ekonomi Dalam Penjanaan KDNK berdasarkan dapatan utama Jadual Input-Output Negeri dan daerah Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

- Sektor yang menunjukkan kesan pengganda ekonomi tertinggi adalah Sektor Perkhidmatan seperti Perdagangan Borong dan peruncitan, Makan dan Minum serta Penginapan;

- Kedua: Sektor Pertanian juga menunjukkan nilai pengganda yang tinggi;

- Dan yang ketiga: Pembangunan Sektor Pembuatan pula memerlukan kepada inisiatif berimpak tinggi dan boleh menjadi pemangkin perubahan struktur seperti pembangunan industri tumpuan dan berteknologi tinggi dalam kawasan *Malaysia Vision Valley* 2.0 yang merangkumi industri aeroangkasa, maritim dan halal.

Pada tahun 2023, Negeri Sembilan telah berjaya mencatat rekod pelaburan tertinggi iaitu sebanyak 10.1 bilion ringgit. Sehingga suku kedua tahun 2024, sebanyak 3.0 bilion ringgit pelaburan telah direkodkan dan kita optimis untuk menyamai rekod pelaburan tahun lalu. Sektor Pembuatan kekal sebagai pemacu utama kepada prestasi pelaburan negeri dengan 73% ataupun 2.18 bilion ringgit. Manakala, baki 0.82 bilion adalah daripada Sektor Perkhidmatan.

Bagi menyokong pertumbuhan positif Sektor Pembuatan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri, inisiatif pembangunan kawasan perindustrian baru terus menjadi agenda utama dalam pembangunan *Malaysian Vision Valley* 2.0. Pada masa ini, tumpuan pembangunan kawasan perindustrian baharu akan melibatkan Taman Perindustrian Hamilton, *XME Business Park, NS Smart Park, MVV Techpark, Techpark 3@Enstek, Vision Business Park, Eka Smart Industrial Park, Sikamat Industrial Park, SPD Techvalley, NS*

Semiconductor Valley dan *Springhill Industrial Park* dengan keluasan 8,348 ekar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Prestasi kewangan Negeri Sembilan terus merekodkan pencapaian yang cemerlang daripada segi kutipan hasil, perbelanjaan, rizab negeri mahupun tatakelola. Hasil Negeri pada tahun 2023 adalah sebanyak 541.43 juta atau 120.32% berbanding sasaran, sekaligus mengubah belanjawan defisit 108.0 juta ringgit kepada *surplus* 4.93 juta ringgit. Penyata Kewangan Negeri Sembilan Tahun 2023 juga telah dibentangkan di Parlimen dengan Sijil Bersih Tanpa Teguran oleh Ketua Audit Negara. Untuk rekod, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya memperolehi Sijil Bersih Tanpa Teguran oleh Ketua Audit Negara sejak 2017 lagi sehinggalah tahun 2023. Tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri selaku peneraju utama pengurusan kewangan negeri ini kerana telah menguruskan kewangan negeri dengan baik.

Sehingga 21 November 2024, jumlah kutipan hasil yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak 505.0 juta ringgit ataupun 97% daripada sasaran 520.0 juta ringgit. Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak 147.0 juta ringgit atau 92%, Hasil Bukan Cukai sebanyak 296.0 juta ringgit ataupun 99% dan Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak 62 juta ringgit ataupun 104%.

Alhamdulillah, tahun ini merupakan tahun kedua Kerajaan Negeri Sembilan menyediakan perbelanjaan tahunan, Belanjawan Tahunan menggunakan pendekatan pengurusan kewangan MADANI berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kewangan MADANI '25 – '30 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 20 September 2023 dan telah diluncurkan secara rasminya pada 26 Oktober 2024 yang lalu oleh Yang Berbahagia Dato' Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Untuk rekod, Negeri Sembilan merupakan Negeri yang pertama menyediakan Pelan Pengurusan Kewangan MADANI di Negara ini. Pelan Pengurusan Kewangan MADANI telah menggariskan sebanyak 49 inisiatif dan 13 strategi untuk dilaksanakan dalam tempoh 2025 dan tahun, hingga 2030. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan cita-cita besar Negeri Sembilan untuk mencapai hasil 1.0 bilion ringgit pada tahun 2030, *insya-Allah*. Saya optimis, sekiranya nilai-nilai teras kewangan MADANI iaitu al-Qawiyyul Amiin dan al-Hafizul 'Alim diamalkan sepenuhnya oleh setiap Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri ini, tidak mustahil sasaran 1.0 bilion ringgit tersebut dapat dicapai lebih awal lagi.

Tatakelola kewangan yang baik juga telah dizahirkan oleh Negeri Sembilan melalui pengurusan MARRIS di mana pada tahun 2020 dan 2022, Negeri Sembilan telah berjaya membelanjakan peruntukan MARRIS dengan peratusan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Bagi tempoh 2019 hingga Oktober 2024, sebanyak 2.32 bilion ringgit telah dibelanjakan bagi pelbagai kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri.

Antara, antaranya, sejak tahun 2019, sepanjang 7,032.91 kilometer jalan telah diselenggara termasuk jalan luar bandar, jalan perbandaran dan kawasan perindustrian. Jumlah 141 buah jambatan telah dibaiki dengan kos sebanyak 68.42 juta ringgit dan sebanyak 194.23 juta ringgit telah dibelanjakan untuk kerja penyelenggaraan dan baik pulih cerun. Sistem perparitan dan longkang turut menjadi sasar, salah satu keutamaan dalam penyelenggaraan MARRIS, di mana sebanyak 310.3 juta ringgit dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Peruntukan yang diterima semakin meningkat setiap tahun bergantung kepada jumlah panjang jalan yang didaftar dan juga prestasi perbelanjaan tahun sebelumnya. Kejayaan ini adalah hasil usaha semua pihak yang terlibat di peringkat penyelarasan dan pelaksanaan di daerah-daerah.

Kerajaan Negeri optimis bahawa Terimaan bagi tahun 2025 akan melebihi Terimaan tahun 2024 selaras dengan strategi perbelanjaan yang telah dirangka oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Sembilan serta JKR Negeri Sembilan. Usaha ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan peluang ini dapat dimanfaatkan oleh kontraktor-kontraktor kecil di Negeri Sembilan terutamanya melalui perolehan kerja secara undian. Untuk rekod, dalam tempoh 2020 hingga 2024, sebanyak 3,766 projek MARRIS telah diundi untuk kos projek melebihi 364 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, "Semua berkeringat membanting diri, tidak mengenal siapa diri, terdirinya kota Kerajaan Negeri, kuasa yang ada teguh berdiri." *Alhamdulillah*, sehingga kini, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan sudah pun berusia 1 tahun 3 bulan dan 10 hari. Setiap hari yang kami lalui bersama, semakin dirasai keakraban, kasih sayang dan keserasian sesama kami dalam mentadbir negeri. Izinkan saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Exco Kanan, Dato' Seri Jalaludin bin Alias dan rakan-rakan Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang lain, kerana telah memberikan kerjasama dan dokongan yang amat kuat kepada Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan, dengan sama-sama menjayakan Aspirasi Kerajaan MADANI yang dicintai. Inilah berkat dan hikmah perpaduan sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali' 'Imran ...

[melafakzan bacaan ayat 103 Surah Ali 'Imran]. Bermaksud: "Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah."

Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mempertahankan hak dan kebajikan rakyat tanpa mengira sempadan politik dan kaum. Bak kata bidalan "adat bersuku, suku dipertahankan, adat bernegeri, negeri dipertahankan." Sepanjang tempoh tahun 2024, sebanyak 29.75 juta ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan 8 inisiatif Aspirasi Perpaduan di bawah Skim Sejahtera Rakyat (SSR). Bantuan secara *cash-aid*, dengan izin, ini dirangka secara holistik dan inklusif dengan mengambil kira semua golongan masyarakat termasuk bayi dan kanak-kanak, belia, pelajar sekolah, mahasiswa, siswazah, ibu tunggal dan warga emas. SSR ini dilaksanakan secara kolaboratif dengan Yayasan Negeri Sembilan melalui bantuan khas kepada pelajar dan mahasiswa dengan peruntukan 2.65 juta ringgit.

Menjadi pemimpin hatinya lurus
Imannya teguh budipun halus
Memikul beban hatinya telus
Mengingat rakyat tiada putus
Dijadikan pemimpin amatlah bagus
Dijadikan tua bertungkus lumus
Dijadikan induk tahu mengurus
Memimpin Negeri umat terurus
Menjadi pemimpin ianya baik
Sifat terpuji perangai pun molek
Tahu mengajar bijak mendidik
Tahu berhemat serta selidik
Membela rakyat tahan dididik
Membela Negeri tahan dibadik
Menjadi pemimpin sentosa rakyat
Menjadi tua ianya tepat
Dijadikan teladan ianya bersifat
Dijadikan induk besar manfaat
Negeri sentosa umat selamat

Kerajaan Negeri juga telah mencatatkan kejayaan dalam mencapai objektif Aspirasi Perpaduan di mana sehingga Oktober 2024, sebanyak 11.68 juta ringgit telah dibelanjakan dan memberi manfaat kepada 42,072 orang penerima termasuk 33,493 orang warga emas. Inisiatif yang dilaksanakan ini ternyata memberi impak yang sangat berkesan kepada masyarakat khususnya golongan berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Belanjawan 2025. Bagi meneruskan kelangsungan dan agenda pembangunan negeri ini, Belanjawan 2025 akan memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat menyeimbangkan antara keperluan hidup, sara hidup dan pengukuhan ekonomi secara berdaya tahan. Oleh itu, sukacita saya mengumumkan tema Belanjawan Tahun 2025 kekal iaitu "BERSAMA MEMBINA NEGERI MADANI".

Setelah menelusuri tahun ketiga pembentangan belanjawan secara defisit, maka pada hari ini, Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini Belanjawan Berimbang untuk tahun 2025 iaitu Anggaran Hasil sebanyak 590.0 juta ringgit dengan Anggaran Belanja Mengurus sebanyak 590.0 juta ringgit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 135.0 juta ringgit diperuntukkan di bawah Anggaran Belanja Pembangunan.

Pada tahun 2025, Anggaran Hasil dijangka diperolehi sebanyak 590.0 juta ringgit iaitu meningkat sebanyak 70.0 juta ringgit atau 13.46% berbanding 520.0 juta ringgit pada tahun 2024. Daripada Anggaran Hasil tersebut, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak 159.35 juta ringgit atau 27.01%, berbanding 160.01 juta ringgit pada tahun 2024. Hasil Bukan Cukai terus menjadi penyumbang utama dengan anggaran sebanyak 364.57 juta ringgit ataupun 61.79% iaitu peningkatan berjumlah 64.33 juta ringgit berbanding 300.24 juta ringgit pada tahun 2024. Peningkatan ini adalah seiring dengan pembangunan pesat sektor hartanah dan perindustrian khususnya di kawasan koridor pembangunan MVV2.0. Selain daripada itu, Terimaan Bukan Hasil dijangka meningkat sebanyak 10.6% iaitu 59.75 juta ringgit pada tahun 2024 kepada 66.08 juta ringgit pada tahun 2025.

Anggaran Belanjawan Mengurus. Pada tahun 2025, diperuntukkan sebanyak 590.0 juta ringgit. Perbelanjaan tertinggi disediakan bagi maksud Emolumen sebanyak 238.49 juta ringgit ataupun 40.42%. Seterusnya, Pemberian Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 214.26 juta ringgit ataupun 36.32%, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 129.74 juta ringgit ataupun 21.99%, Perolehan Aset sebanyak 2.45 juta ringgit atau 0.41% dan peruntukan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain sebanyak 5.06 juta ringgit ataupun 0.86%.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Belanjawan 2025. Pelbagai bantuan kewangan, pemberian tunai, insentif bukan kewangan, bantuan sokongan telah direncanakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan oleh rakyat. Belanjawan 2025 ini akan memberi fokus kepada 9 Bidang Tumpuan iaitu:

- Bidang Tumpuan Pertama: Kemampanan Ekonomi Rakyat;
- Bidang Tumpuan Kedua: Keterjaminan Makanan;
- Bidang Tumpuan Ketiga: Pendidikan;
- Bidang Tumpuan Keempat: Pemerkasaan Komuniti;
- Bidang Tumpuan Kelima: Kerohanian dan Agama;
- Bidang Tumpuan Keenam: Pemerkasaan Wanita, Belia dan Sukan;
- Bidang Tumpuan Ketujuh: Pelancongan, Adat dan Budaya;
- Bidang Tumpuan Kelapan: Kelestarian Alam Sekitar; dan
- Bidang Tumpuan Kesembilan: Kebajikan dan Kesihatan.

Sejak tahun 2019 hingga Belanjawan Tahun 2025, sejumlah 148 inisiatif telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri meliputi pelbagai bidang tumpuan. Kesemua inisiatif ini sama ada diteruskan, ditambah baik atau distruktur semula berdasarkan pencapaian *outcome* masing-masing. Bagi meneruskan transformasi tersebut, sukacita saya umumkan, sebanyak 23 inisiatif baharu akan diperkenalkan dan 43 inisiatif sedia ada akan dikekalkan dan ditambah baik, menjadi jumlah inisiatif Belanjawan 2025 adalah sebanyak 66 inisiatif dengan peruntukan berjumlah 96.23 juta ringgit.

Dato' Yang Dipertua, Inisiatif Belanjawan 2025, Bidang Tumpuan Pertama adalah Kemampanan Ekonomi Rakyat. Kerajaan Negeri meneruskan usaha dan agenda untuk Kemampanan Ekonomi Rakyat dengan mengekalkan 5 inisiatif sedia ada dan memperkenalkan 1 inisiatif baharu dengan jumlah peruntukan sebanyak 6.35 juta ringgit. Inisiatif sedia ada termasuklah Jualan Nismilan Prihatin, Insentif Usahawan Halal Kotej, Karnival Kerjaya dan Kesejahteraan Pekerja Negeri Sembilan, Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) dan Program Pemerkasaan Usahawan Negeri Sembilan (NS Choice) dikekalkan.

Tergesel kena miangnya
Tergegar kena rebasnya
Tersembur kena perciknya
Terlaksana kena manfaatnya

Kerajaan Negeri mengambil cakna akan suara keluh kesah rakyat berkaitan kos sara hidup. Bermula tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mengumumkan peruntukan 5.0 juta ringgit bagi menjayakan inisiatif Jualan Nismilan Prihatin iaitu jualan barang-barang keperluan asas seperti ayam, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan daging pada harga murah sehingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran. Program ini ternyata mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di seluruh kawasan DUN setiap minggu. Saya amat terharu dengan

kesudian kakitangan kerajaan dan sukarelawan yang sanggup berkorban tenaga menyembelih ayam, memproses, membungkus dan menjual barangan setiap minggu di 7 lokasi di seluruh Negeri Sembilan. Hanya *Allah* yang layak membalas kebaikan tuan / puan semua atas usaha murni ini. Untuk itu, sebanyak 2.0 juta ringgit akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi meneruskan Jualan Nismilan Prihatin.

Insentif Halal Kotej juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit bagi mendaya upaya (*empower*) usahawan-usahawan mikro dan mematuhi prinsip halalan toyyiban dan melepasi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh kerajaan seperti kebersihan premis, kualiti alatan dan perkakasan yang digunakan. Sehingga kini, seramai 224 usahawan Halal Kotej telah berjaya melepasi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh kerajaan. Usaha ini berupaya mengembangkan pasaran perniagaan masing-masing dengan lebih luas lagi.

Bagi membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat, sejak 2019, kerajaan telah melancarkan inisiatif Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) yang sehingga kini seramai 6,459 usahawan kecil telah mendapat manfaatnya. Melihat kepada sambutan yang amat baik dan luar biasa, kerajaan bersetuju untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun hadapan dengan peruntukan 3.0 juta ringgit yang dijangka memberi manfaat kepada seribu orang usahawan.

Inisiatif Baharu (1) ialah Program Pemerkasaan TVET. Melihat kepada peningkatan jumlah pelaburan yang diterima dalam tempoh 4 tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri optimis bahawa dalam tempoh 5 tahun akan datang, Negeri Sembilan bakal menerima limpahan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor industri pembuatan dan perkhidmatan. Untuk itu, kita perlu bersedia menyediakan pasaran tenaga separuh mahir yang mencukupi kepada industri dalam bidang TVET. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan 150 ribu ringgit bagi memperhebatkan program promosi TVET di seluruh Negeri Sembilan. Untuk rekod, Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) telah menjalin kerjasama pintar dengan Toyota Laser Motor Group (LMG) Sdn. Bhd. mulai tahun 2023 bagi memperkasakan sektor automotif KYNS. Sehingga kini, seramai 32 orang pelajar dalam bidang automotif telah dihantar untuk menjalani latihan industri dengan elaun bulanan 1,000.00 ringgit sebulan. Seramai 3 orang pelajar telah ditawarkan pekerjaan dengan purata gaji 1,600.00 ringgit hingga 1,800.00 ringgit sebulan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Ke-2 adalah Keterjaminan Makanan. Sektor pengeluaran makanan terutama pertanian dan penternakan perlu diberikan keutamaan dan perhatian bagi memastikan produk Negeri Sembilan, penduduk Negeri Sembilan khususnya, mempunyai bekalan makanan yang mencukupi pada paras harga yang munasabah. Justeru itu, Kerajaan Negeri meletakkan Keterjaminan Makanan sebagai bidang tumpuan utama dalam Belanjawan 2025, sebagai usaha dalam subsektor ternakan, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan makanan. Menyedari kepentingan bidang tumpuan ini, Kerajaan Negeri telah menggarap 8 inisiatif yang terdiri dari 2 yang baharu dan 6 sedia ada dengan peruntukan sebanyak 8.63 juta ringgit pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu Kedau – Program Touchpoint Tanaman Buah-buahan. Program ini merupakan langkah dua hala iaitu pengedaran benih tanaman buah-buahan terpilih dan penghijauan aneka tanaman kepada komuniti taman perumahan dan desa, sekaligus mencetus minda rakyat dalam meneroka bidang pertanian sebagai satu peluang menjana ekonomi. Untuk tujuan, peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit disediakan pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu ketiga – Pembinaan Pavilion MAHA. Program Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan ataupun singkatannya MAHA adalah akan menjadi pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara. Setelah hampir satu abad, MAHA sememangnya terbukti menjadi satu acara yang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat dan menjadi platform pengiktirafan kepada Sektor Pertanian. Acara MAHA juga memberi peluang kepada setiap negeri memperkenalkan produk masing-masing di setiap pavilion negeri yang disediakan. Bagi mengangkat martabat petani Negeri Sembilan ini, sukacita saya umumkan, satu Pavilion kekal MAHA Negeri Sembilan akan dibangunkan pada tahun hadapan dengan kos projek sebanyak 3.0 juta ringgit. Pembinaan pavilion itu dijangka mengambil masa selama 2 tahun dan dijangka siap pada tahun 2026. Untuk itu, peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit akan disediakan pada tahun 2025 bagi kerja-kerja awalan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersetuju mengekalkan 6 inisiatif sedia ada iaitu:

- Pertama: Inisiatif Keterjaminan Makanan, 2.05 juta ringgit;
- Program Touchpoint MUAFAKATANI,1.0 juta ringgit;
- Insentif Galakan Pengeluaran Bekalan Makanan, 1.0 juta ringgit;
- Pembangunan Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian, 500 ribu ringgit;

- Insentif Peningkatan Populasi Ruminan (i-NPOR), 480 ribu ringgit;
- Dan yang terakhir, Program Penanaman Napier, Pastura dan Kekacang
  (i-NPAK), 100 ribu ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Ke-3: Pendidikan.

> Lubuk akal lautan budi, Tahu diadat dan pusaka
> Tahu menimbang sama berat, Tahu mengagak mengagihkan
> Kalau guru kepalang ajar, Umpama bunga kembang tak jadi.
> Alang tukang terbuang kayu
> Alang cerdik binasa adat
> Alang alim rosak agama
> Alang sefaham kacau negeri

Menyedari kepentingan ilmu dan pendidikan dalam membentuk generasi akan datang, bidang tumpuan yang turut diberi perhatian utama oleh Kerajaan Negeri adalah pendidikan. Kerajaan Negeri amat berbangga dengan pencapaian cemerlang yang direkodkan oleh anak-anak Negeri Sembilan semasa peperiksaan SPM pada tahun 2023 yang lalu di mana kita berada di tempat pertama peringkat nasional. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan momentum ini dan untuk itu, sebanyak 19.67 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan merangkumi 15 inisiatif dan 5 inisiatif baharu dan 10 inisiatif sedia ada diteruskan berikut keberkesanan hasil program yang ditunjukkan.

Inisiatif Baharu Ke-4 – Pembinaan Generasi Celik Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (A.I). Teknologi Kecerdasan Buatan atau A.I ini merupakan teknologi terkini yang menjadi pendambing, pendamping ke dalam kehidupan harian, mencakupi pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam bidang pendidikan. Budaya A.I ini dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pengajaran dengan lebih interaktif. Justeru para pelajar perlu segera didedahkan dengan budaya A.I ini untuk persediaan dunia pendidikan yang lebih mencabar dan luas. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 300 ribu ringgit bagi menggalakkan budaya celik A.I dalam kalangan pelajar melalui pertandingan reka cipta, inovasi dan STEM.

Inisiatif Ke-5 – Asrama Sekolah Menengah Agama Chuah, Port Dickson. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh pengurusan Sekolah Menengah Agama Chuah, Port Dickson yang tidak mampu menampung kemasukan pelajar baru yang sentiasa meningkat saban tahun berbanding kapasiti yang hanya boleh menampung seramai 50 orang pelajar sahaja. Pada tahun 2024 sebanyak 101

permohonan diterima berbanding 83 permohonan diterima pada tahun 2023. Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 7.0 juta ringgit bagi pembinaan 2 blok asrama, 1 blok dewan makan dan 1 blok kantin di Sekolah Menengah Agama Chuah dengan tempoh pelaksanaan 2 tahun. Sehubungan dengan itu sebanyak 100 ribu ringgit diperuntukkan pada tahun 2025 untuk pelaksanaan kerja-kerja awalan. Inisiatif ini juga bertujuan membantu mengurangkan kos hidup para pelajar yang terpaksa berulang alik ke sekolah setiap hari.

Inisiatif Ke-6 – Blok Tambahan Kelas Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah. Selain Sekolah Menengah Agama Chuah, kerajaan turut memberi perhatian kepada Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah yang merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang dikelolakan bersama oleh negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sekolah ini menawarkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Kurikulum STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Pada ketika ini, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah hanya mampu menampung 70 tempat sahaja dibandingkan trend permohonan yang semakin meningkat iaitu 970 permohonan pada tahun 2023 dan 1,010 permohonan pada tahun 2024. Sehubungan itu, sukacita saya umumkan peruntukan 1.5 juta ringgit bagi menambah 10 buah kelas bagi keselesaan pembelajaran anak-anak seiring dengan peningkatan jumlah pelajar. Untuk itu, sebanyak 400 ribu ringgit diperuntukkan pada tahun 2025 dan bakinya pada tahun 2026.

Inisiatif Baharu ke-7 – Bayaran Setengah Bulan Elaun Kepada Guru KAFA Tulen Yang Cuti Bersalin 2 Bulan. Jasa pengorbanan seorang ibu sangat besar dan tinggi nilainya kepada kita semua. Bukan sedikit keringat dan air mata yang ditumpahkan untuk melihat anak-anaknya gembira dan berjaya. Apatah lagi apabila menggalas tugas sebagai pendidik dan pada masa yang sama memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu. Sebagai menghargai pengorbanan ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan inisiatif pemberian Bayaran Setengah Bulan Elaun Kepada Guru KAFA Tulen Yang Cuti Bersalin 2 Bulan kepada lebih 100 orang Guru KAFA wanita dengan peruntukan sebanyak 142 ribu ringgit pada tahun 2025. Jumlah ini adalah sebagai insentif tambahan kepada jumlah elaun yang telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan.

Inisiatif Ke-8 – Bayaran Elaun Khas Guru Besar Sekolah Agama Rakyat dan Elaun Khas Penyelaras KAFA di Premis Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan pemberian Elaun Guru Besar Sekolah Agama Rakyat dan Elaun Khas Penyelaras KAFA di Premis Kementerian Pelajaran Malaysia kepada 81 orang Guru Besar SAR dan KAFA dan 214 orang Penyelaras KAFA dengan peruntukan sebanyak 128 ribu ringgit.

Sebagaimana yang telah saya umumkan semasa Belanjawan Tahun 2020 yang lalu, Negeri Sembilan merupakan negeri pertama menubuhkan Akaun Amanah Penyelenggaraan Sekolah di negara ini. Sungguhpun tanggungjawab penyelenggaraan sekolah adalah tanggungjawab persekutuan, namun kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat tetap menjadi keutamaan Kerajaan Negeri, merentasi sempadan politik. Untuk itu sebanyak 1.0 juta ringgit diperuntukkan pada tahun 2025.

Selain itu, Kerajaan Negeri meneruskan Program *Fast Track* Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Lepasan Tahfiz Negeri Sembilan dengan peruntukan 500 ribu ringgit. Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri sejak tahun 2021 yang bertujuan meningkatkan keberhasilan pendidikan kumpulan tahfiz melalui formalisasi pendidikan. Tahun 2026 merupakan tahun kelima pelaksanaannya. Pada tahun 2023, seramai 72 pelajar telah layak menerima sijil SPM (50 orang Aliran Agama dan 22 orang Aliran Sains) dan seramai 50 orang pelajar sedang mengikuti program *Fast Track* ini. Pelajar lepasan program ini telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di luar negara dan dalam negara. Program ini adalah agenda kerajaan dalam mengarus perdanakan pelajar tahfiz dalam sistem pendidikan negara melalui persiapan pelajar tahfiz untuk mendapatkan SPM dalam tempoh satu tahun.

Inisiatif Bantuan Anak Sekolah (N9 BAS) adalah bantuan tunai sebanyak 50.00 ringgit sebulan kepada anak-anak kumpulan B40 yang yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019. Untuk itu, ianya akan diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak 1.0 juta ringgit yang bakal memberi manfaat kepada seramai 1,800 orang murid.

Bagi menyuburkan program pembudayaan ilmu, 2 inisiatif akan diteruskan iaitu Inisiatif Anak Negeri, Negeri Sembilan (N9 BAN) dan peruntukan sebanyak 0.8 juta ringgit, dengan peruntukan sebanyak 0.8 juta ringgit dan Bantuan Sekolah Tahfiz, SJKC, SJKT dan Swasta dengan peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit pada tahun hadapan. Di samping itu, beberapa inisiatif sedia ada diteruskan termasuk sebanyak 3.35 juta ringgit diperuntukkan bagi Bantuan Peranti Mudah Alih Bagi Pelajar Tingkatan 6 dan ke atas, 3.6 juta ringgit bagi Skim Dermasiswa Sara Hidup Untuk Pelajar IPTA, 100 ribu ringgit untuk Insentif Khas Galakan Kecemerlangan SPM, STPM dan STAM. Manakala 1.0 juta ringgit disediakan bagi Pinjaman Pendidikan Tanpa Faedah Pelajar Peringkat Sarjana dan Ph.D di IPTA serta 5.25 juta ringgit bagi Insentif dan Bantuan Pelajar TVET Kolej Yayasan Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak izin [minum]. Bidang Tumpuan Ke-4: Pemerkasaan Komuniti. Komuniti merupakan teras pembentukan jati diri seseorang individu, sebuah keluarga serta organisasi. Komuniti perlu terus diperkasa agar semua entiti masyarakat jadi terangkum serta tiada yang terpinggir dan terus hidup dengan sejahtera dan hormone, harmoni di tanah tercinta ini. Sama-samalah kita berdoa agar perpaduan di Negeri Perpatih ini akan terus subur selama-lamanya. Ibarat kata bidalan "kalau darah nak sama-sama merah, kalau tulang nak sama putihnya, kalau daging nak sama-sama beratnya, maka seuri setembunilah kita". Justeru, untuk tahun 2025 bidang tumpuan ini bakal diperuntukkan sebanyak 16.48 juta ringgit merangkumi 12 inisiatif iaitu 6 inisiatif baharu dan 6 inisiatif sedia ada diteruskan atau ditambah baik.

Inisiatif Ke-9 – Program Pencahayaan Kampung. Program Pencahayaan Kampung adalah inisiatif untuk meningkatkan sistem pencahayaan ke arah keselamatan dan kesejahteraan kawasan luar bandar. Projek Pencahayaan Jalan Negeri, Negeri Sembilan telah berjaya dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dengan peruntukan 6.5 juta ringgit. Melalui inisiatif ini, hampir kesemua kawasan jalan di Negeri Sembilan telah dilengkapi dengan pencahayaan yang lebih baik, memberi manfaat kepada keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya, pada tahun 2025 ini, projek ini diperluaskan lagi melalui Projek Pencahayaan Jalan Kampung dengan peruntukan 1.0 juta ringgit.

Inisiatif bantuan, Inisiatif Baharu Ke-10 – Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan Darul Khusus 2026-2025. Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar yang lebih mampan berteraskan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat luar bandar, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang merangka pelan pembangunan khusus yang dinamakan Pelan Pembangunan Luar Bandar NSDK 2026-2025. Pelan ini dirangka agar selari dengan bidang fokus dan strategi yang terdapat dalam RPNS 2021-2025 dan Rancangan Malaysia Ke-13. Justeru bagi merealisasikan kajian ini, sebanyak 400 ribu ringgit diperuntukkan bagi pembangunan pelan ini.

Inisiatif Baharu Ke-11 – Penyelenggaraan Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Sederhana Rendah di Seluruh Negeri Sembilan. Pembangunan yang mampan bukan hanya melibatkan pembinaan bangunan baharu, tetapi memastikan kebajikan dan kesejahteraan penduduk di kawasan kediaman sedia ada terpelihara. Kerajaan Negeri juga memberi fokus kepada usaha memastikan setiap rumah pangsa yang didiami, berada dalam keadaan yang baik selamat untuk dihuni. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak Jabatan

Pengurusan Bersama (JMB) di rumah pangsa swasta terutamanya isu penyelenggaraan, kebersihan, keselamatan dan infrastruktur yang tidak mencukupi. Oleh itu, tumpuan diberikan dalam menyantuni keperluan ini dengan menyediakan peruntukan yang diperlukan bagi membaiki kemudahan dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Untuk tahun ini, sebanyak 5 skim perumahan telah diselenggara dan memberi manfaat kepada 622 pemilik kediaman yang merangkumi perumahan swasta. Inisiatif ini akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit.

Inisiatif Baharu Ke-12 – Sentuhan MADANI FELDA. Komuniti akar umbi memainkan peranan dalam membangunkan sebuah negara untuk membantu seluruh jentera kerajaan menyampaikan maklumat kepada masyarakat khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Program Sentuhan MADANI FELDA ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam mengukuhkan jaring, jaringan hubungan Kerajaan Negeri dengan warga felda di samping memupuk semangat perpaduan yang erat dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini. Sehubungan itu, sebanyak 500 ribu ringgit disediakan bagi program ini.

Inisiatif Ke-13 – Pengukuhan Komuniti MADANI. Program Pengukuhan Komuniti MADANI adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai masyarakat yang maju, sejahtera secara holistik berdasarkan prinsip-prinsip kemanusiaan, keadilan sosial dan kemakmuran ekonomi. Untuk itu sebanyak 500 ribu ringgit disediakan bagi program ini.

Inisiatif Baharu Ke-14 - Pewujudan Enam (6) JPKK Baharu. Pewujudan tambahan 6 Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung (JPKK) merupakan salah satu langkah strategik dalam memperkukuhkan tadbir urus, tatakelola dan jaringan komunikasi di antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat di peringkat akar umbi. JPKK baharu ini adalah:

- Pertama: JPKK Kampung Bemban, Jelebu;
- Kedua: JPKK Kampung Batu 4, Jalan Jelebu, Seremban;
- Ketiga: JPKK Kampung Pasir Mas, Seremban;
- Keempat: JPKK Kampung Legong Jaya, Rembau;
- Kelima: JPKK Kampung Air Kuning Linggi, Port Dickson;
- Dan keenam: JPKK Pengkalan Kempas Linggi, Port Dickson.

Untuk itu sebanyak 165 ribu ringgit disediakan bagi membiayai kos pengurusan 6 buah JPKK tersebut. Selain daripada itu, Kerajaan juga komited untuk memastikan setiap anak negeri mampu memiliki rumah

idaman mereka sendiri. Untuk itu, kerajaan akan terus menambah pembinaan rumah-rumah mampu milik sama ada dibina oleh kerajaan mahupun pihak swasta. Sepanjang tempoh pentadbiran ini, sebanyak 26,548 unit Rumah Mampu Milik Swasta dan 351 unit Rumah Penjawat Awam telah siap dibina. Bagi memberi lebih banyak peluang kepada rakyat untuk memiliki kediaman, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Program Rumah Harapan pada tahun 2021. Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi rumah bernilai 75 ribu ringgit kepada golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina rumah banglo setingkat di atas tanah milik sendiri. Sejak tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 167 buah rumah telah siap dibina dan diserahkan kepada peserta. Manakala sebanyak 41 buah telah diluluskan pada tahun 2024 dan sedang dalam pembinaan. Sehubungan itu, sukacita diumumkan bahawa inisiatif Rumah Harapan Rakyat akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 5.0 juta ringgit pada tahun hadapan.

Pelaksanaan Desa Muafakat Negeri Sembilan diteruskan dengan peruntukan 1.0 juta ringgit bagi membina penempatan penduduk kampung yang lebih terancang selaras dengan Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040. Selain itu, 1.0 juta ringgit diperuntukkan untuk menyelenggara taman-taman awam Negeri Sembilan serta 3.1 juta ringgit menaik taraf dan pemulihan rumah pangsa awam di seluruh Negeri Sembilan yang mana turut diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Penyelenggaraan rumah awam sedia ada penting supaya rumah-rumah ini kekal berada dalam keadaan baik, kondusif dan berdaya huni. Usaha Kerajaan Negeri untuk menyubur permuafakatan dan perpaduan kaum di negeri ini juga terus diperkukuhkan menerusi Geran Aktiviti ERAT@NS dengan peruntukan 1.5 juta ringgit pada tahun 2025.

Selain itu, sebanyak 315 ribu ringgit turut diperuntukkan sebagai Geran Khas Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (GPKKOA) dengan nilai sejumlah 5,000.00 ringgit kepada 43 buah rumah Kampung Orang Asli (KOA) yang berdaftar. Peruntukan ini turut disediakan untuk membiayai program-program kemasyarakatan dan jaringan kerjasama antara Kampung Orang Asli dan Kerajaan Negeri. Semoga dengan pemberian geran ini, diharap JPKKOA akan terus aktif dalam menganjurkan aktiviti kemasyarakatan dan Pembangunan KOA.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Ke-5: Kerohanian Dan Agama. "Darah dicecah, doa ditampung, sumpah dilabuh, Quran dijunjung, adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah". Menjunjung Perlembagaan Negara yang meletakkan Agama Islam sebagai agama rasmi negara, maka Kerajaan

Negeri komited meneruskan agenda pemerkasaan Bidang Tumpuan ke-5 iaitu Kerohanian dan Agama. Untuk itu, sebanyak 19.93 juta ringgit diperuntukkan bagi membiayai 7 inisiatif merangkumi 2 inisiatif baharu dan 5 inisiatif sedia ada.

Peruntukan berjumlah 173 ribu ringgit disediakan meneruskan pemberian Elaun Kepada Guru Takmir sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan mereka dalam mendidik ummah dan masyarakat celik al-Quran, sebanyak 1.01 juta ringgit disediakan bagi Insentif Tambahan Elaun Guru KAFA Tulen dan kosong 600 ribu ringgit diperuntukkan bagi program Pembinaan Karakter Bangsa. Manakala 5.08 juta ringgit diperuntukkan untuk bayaran elaun Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita.

Inisiatif Baharu ke-15 – Caruman PERKESO bagi Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita. Selain pemberian elaun, kerajaan juga prihatin dengan risiko dan kebajikan penggerak institusi masjid semasa menjalankan tugas. Untuk itu, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baru iaitu Caruman PERKESO kepada Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita sebagai skim perlindungan sosial dengan peruntukan 560 ribu ringgit pada tahun 2025.

Inisiatif Baharu Ke-16 – Pembangunan Masjid-Masjid Baharu. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, yang telah meluluskan peruntukan 42.78 juta ringgit bagi membiayai pembinaan 6 buah masjid baharu di Negeri Sembilan pada tahun 2023 secara perkongsian kos. Sebagai usaha untuk meneruskan lagi syiar Islam di negeri ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan 10.5 juta ringgit pada tahun 2025 untuk pembinaan masjid-masjid baharu di beberapa kawasan strategik negeri ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk projek pembinaan Masjid Terapung di Port Dickson, Masjid Diraja Tuanku Munawir di Seri Menanti, Masjid Tanah Melintang di Kuala Pilah dan Masjid Al-Isra di Tampin. Kesemua masjid ini merupakan pusat ibadah yang penting, yang bukan sahaja memberi ruang untuk umat Islam menunaikan kewajipan agama, tetapi juga sebagai pusat dakwah, pendidikan dan perkhidmatan komuniti.

Bagi menjayakan kepentingan hal ehwal agama bukan Islam, Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam telah ditubuhkan sejak 2019 dengan geran permulaan sebanyak 1.5 juta ringgit. Geran ini digunakan untuk membantu membiayai pelbagai aktiviti pertubuhan-pertubuhan agama dan rumah-rumah ibadah bukan Islam. Kesefahaman dan toleransi yang tinggi dalam agama amat penting bagi mengekalkan kestabilan, keharmonian dan ketenteraman awam di negeri ini. Untuk itu, inisiatif

ini akan diteruskan lagi pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Ke-6: Pemerkasaan Wanita, Belia Dan Sukan. Adat Perpatih di Negeri Sembilan sentiasa menjunjung tinggi kemuliaan dan peranan wanita dalam sistem masyarakat. Wanitalah yang akan menentukan rupa wajah dan tingkah laku generasi yang akan datang. Bak kata bidalan, "Kalau keruh air di hulu, sampai ke muara keruh jua. Kalau kurik induknya, rintiklah anaknya". Menyedari betapa pentingnya wanita dan belia sebagai tulang belakang kerajaan, maka agenda memperkasakan diteruskan dalam Belanjawan 25, 2025. Untuk itu, sebanyak 10.4 juta ringgit akan diperuntukkan merangkumi 5 inisiatif dan 2 inisiatif baharu dan 3 inisiatif sedia ada diteruskan. Inisiatif yang diteruskan adalah Geran Aktiviti JPKK dan Geran Belia dan Beliawanis sebanyak 2.2 juta ringgit, Pengurusan dan Pemerkasaan Belia dan Sukan sebanyak 3.0 juta ringgit, bantuan *Care For You* (C4U) atau Ibu Tunggal Negeri Sembilan iaitu pemberian bantuan tunai secara *one-off* kepada ibu tunggal akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Untuk itu, peruntukan sejumlah 1.2 juta ringgit disediakan.

Inisiatif Baharu Ke-17 – Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) 2025. Bidalan Arab menyatakan, "akal yang sihat adalah dari badan yang sihat". Pembudayaan gaya hidup sihat melalui sukan akan terus dipupuk dan digalakkan di peringkat akar umbi. Sukan juga menjadi wadah yang berkesan dalam penyatuan masyarakat yang menggalakkan perpaduan dan menjadi platform pencarian bakat-bakat baharu sukan. Mengambil semangat ini, Kerajaan Negeri buat julung kalinya telah menganjurkan Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) Tahun 2024 yang melibatkan perlawanan di antara DUN. Kejohanan dan temasya sukan telah diadakan pada 16 hingga 18 Februari 2024 melibatkan 36 buah DUN dengan penyertaan 128 pasukan merangkumi 4 acara sukan iaitu badminton, bola jaring, sepak takraw dan bola sepak. DUN Ampangan berjaya menjadi pemenang keseluruhan SUKNES. Tahniah diucapkan. Melihat kepada kejayaan SUKNES ini, sukacita diumumkan peruntukan sebanyak 1.0 juta ringgit pada tahun 2025.

Inisiatif Ke-18 – Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan Negeri Sembilan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga komited membaiki kemudahan dan infrastruktur sukan di Negeri Sembilan. Pada tahun 2024 sebanyak 63 buah fasiliti sukan telah dibaik pulih dan dinaik taraf di seluruh Negeri Sembilan dengan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit. Inisiatif ini ternyata telah memberikan impak yang sangat positif kepada anak-anak muda untuk kembali bergiat aktif dalam

pelbagai aktiviti sukan seperti futsal, bola tampar, badminton dan takraw. Dahulunya, fasiliti-fasiliti sukan ini terbiar lama dan tidak terurus. Untuk itu, satu inisiatif baru dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan Negeri Sembilan dengan peruntukan sebanyak 3.0 juta ringgit menjadikan kerja menaik taraf bilik persalinan Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi dan *Center Court* Paroi, Kompleks Sukan Mini Telok Kemang di Port Dickson dan kerja-kerja pembaikan kecil fasiliti sukan di setiap DUN. Semoga usaha ini dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan, sekaligus melahirkan komuniti yang lebih cergas, sihat, produktif dan berdaya saing. Adalah menjadi harapan saya, dengan tumpuan kepada pemerkasaan infrastruktur sukan di seluruh negeri ini, akan berupaya melonjakkan bakat anak-anak dalam bidang sukan sekaligus meletakkan Negeri Sembilan di persada sukan antarabangsa sepertimana pencapaian hebat Chen Tang Jie dalam acara badminton Sukan Olimpik 2024 di Paris; Gan Chen Jie dalam acara menembak dengan pencapaian 7 pingat emas SUKMA 2024 di Sarawak, dan Wong Weng Son ahli wushu Negara dalam sukan wushu dalam tahun 2010 hingga 2024.

Bidang Tumpuan Ke-7 adalah Pelancongan, Adat Dan Budaya. Bidang Tumpuan berikutnya adalah Pelancongan, Adat dan Budaya. Kerajaan Negeri sentiasa menjunjung tinggi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan yang tercinta ini dan akan tetap mempertahankan kedaulatannya seperti kata tromba, "Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, kuat hukum tak gaduh adat, kuat adat tak gaduh hukum, adat berkampung, kampung dipertahankan, adat bersuku, suku dipertahankan". Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengekalkan 4 inisiatif sedia ada iaitu geran, Geran dan Aktiviti Pelancongan dengan peruntukan 3.0 juta ringgit, Pembangunan Produk Pelancongan sebanyak 7.35 juta ringgit, Geran Aktiviti Adat sebanyak 500 ribu ringgit dan *Perpatih Fest* sebanyak 500 ribu ringgit. Keseluruhan peruntukan di bawah bidang tumpuan Pelancongan, Adat dan Budaya adalah sebanyak 12.45 juta ringgit bagi 6 inisiatif iaitu 2 inisiatif baharu dan 4 inisiatif sedia ada bagi tahun 2025.

Inisiatif Baharu yang Ke-19 – Inisiatif TAC@9. Selain sukan, Kerajaan Negeri memberikan perhatian terhadap bidang seni dan kebudayaan dengan menyediakan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit di bawah inisiatif baharu iaitu TAC@9. Inisiatif ini adalah pemberian geran kepada para penggiat program dan aktiviti seni budaya bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di Negeri Sembilan terus kekal berdaya saing dan menjadi pemangkin industri pelancongan.

Inisiatif yang ke-20 – Promosi Pelancongan. Sebagai langkah persediaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, Kerajaan Negeri memperuntukkan 600 ribu ringgit untuk aktiviti Promosi Pelancongan termasuk misi pameran, *business matching, Fam-Trip* dan aktiviti pengiklanan. Adalah diharapkan rangka kerja dan pelan promosi dapat dirancang dengan lebih baik pada tahun hadapan bagi memastikan liputan yang lebih meluas berkaitan produk pelancongan yang terdapat di Negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan Ke-8 adalah Kelestarian Alam Sekitar. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar terutama bagi mengekalkan keindahan alam sekitar negeri yang tercinta ini. Untuk itu, Negeri Sembilan memperuntukkan 1.0 juta ringgit bagi 2 inisiatif baharu iaitu 1 inisiatif sedia ada di bawah bidang tumpuan Kelestarian Alam Sekitar. Inisiatif Pengurusan Sisa Pepejal Luar Bandar dikekalkan dengan peruntukan 500 ribu ringgit.

Inisiatif Baharu Ke-21 – Penguatkuasaan Dalam Hutan Simpan Kekal. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pemuliharaan hutan dan biodiversiti sedia ada, Kerajaan Negeri memperuntukkan 140 ribu ringgit bagi Penguatkuasaan dalam Hutan Simpan Kekal pada tahun 2025. Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan berkrompro, berkompromi dengan mana-mana pihak yang menceroboh hutan simpanan kekal yang ada di negeri ini. Untuk rekod, jumlah keluasan hutan di seluruh Negeri Sembilan adalah sebanyak 155 ribu hektar iaitu 23.3%. Kita bersyukur kerana dikurniakan khazanah alam yang sangat berharga dengan hidupan flora dan fauna yang amat memukau.

Inisiatif Baharu Ke-22 ialah Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik sekaligus, dalam, Beg Plastik Sekali Guna. Dalam usaha mengurangkan perjalanan, penjanaan sisa plastik sekali guna dan menggalakkan aktiviti kitar semula dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan 360 ribu ringgit untuk pelaksanaan Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik Sekali Guna di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan dengan pemberian bag barangan runcit secara percuma.

Bidang Tumpuan 9: Kebajikan Dan Kesihatan. Pelaksanaan inisiatif di bawah bidang tumpuan ini adalah sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam memberikan perlindungan kepada golongan rentan untuk mendapatkan kehidupan wajar dan lebih berkualiti. Sebanyak 1.34 juta ringgit diperuntukkan dengan 4 inisiatif iaitu 1 inisiatif baharu dan 3 inisiatif sedia ada. Inisiatif sedia ada dikekalkan adalah Rumah Minda Ceria dengan peruntukan sebanyak 120 ribu ringgit, Bantuan Perolehan

Alat Implan Ortopedik dengan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit dan Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula bagi rawatan hemodialisis sebanyak 500 ribu ringgit.

Inisiatif Baharu yang Ke-23 yakni Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan. Segala pujian kepada Allah SWT yang menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Tin ayat 4, mafhumnya° "Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya". Setiap kejadian ciptaan Tuhan tetap sempurna walau mungkin ada yang dilahirkan dalam keadaan yang kurang sempurna berbanding insan lain. Namun, golongan istimewa ini mempunyai hak dan peluang yang sama untuk menjalani kehidupan yang normal bersama masyarakat. Untuk itu, sukacita saya umumkan peruntukan 220 ribu ringgit bagi membantu 44 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebagai program sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya. Bantuan *one-off* sebanyak 5,000.00 ringgit kepada setiap PDK yang bakal memberi manfaat kepada 1,094 orang pelatih OKU di bawah Inisiatif Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Skim Sejahtera Rakyat ataupun SSR. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan tetap bertekad untuk melunaskan segala janji yang terkandung dalam buku Aspirasi Perpaduan. Bak kata bidalan;

Pemimpin menjadi abdi rakyat
Hidupnya menyatu dengan masyarakat
Menjalankan tugas ianya taat
Bekerja rajin beramal kuat
Dengan orang tua-tua ianya dekat
Dengan yang muda-muda ianya bersifat
Duduk tegaknya elok tabiat
Sebarang kerja dengan muafakat
Sebarang laku menuruti adat
Dijadikan pemimpin besar manfaat
Negeri sentosa sempurna umat
Orang suka jauh dan dekat
Rahmatnya ada dunia akhirat

Selain daripada 66 inisiatif yang telah saya huraikan sebentar tadi, Kerajaan Negeri juga meneruskan pemberian insentif dan sumbangan tunai sebagai tanda ihsan kepada pelbagai kelompok masyarakat yang memerlukan. Ianya merangkumi di dalam Skim Sejahtera Rakyat dengan peruntukan sebanyak 29.75 juta ringgit pada tahun 2025. "Tau nang kocik kek nang mudo, tau nang mudo kok nang tuo, kek. Tau nang

tuo kek nang dulu-dulu. Tau nang dulu-dulu kek nenek moyang". Warga emas terus dibantu melalui Sumbangan Keceriaan sebanyak 200.00 ringgit seorang kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dengan anggaran peruntukan 14.8 juta ringgit. Kelahiran bayi disambut dengan penuh kesyukuran kerana merekalah pembimbing masa hadapan dan bakal menjadi khalifah di muka bumi ini. Justeru, setiap bayi yang dilahirkan di Negeri Sembilan ini layak memohon caruman 100 ringgit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional dengan peruntukan dianggarkan 1.6 juta ringgit. Golongan belia juga tidak dilupakan di mana setiap mereka yang melangsungkan perkahwinan kali pertama layak menerima sebanyak 500.00 ringgit sebagai saguhati. Justeru sebanyak 5.0 juta ringgit disediakan bagi inisiatif ini.

Tahniah diucapkan kepada anak-anak yang bakal mendapat tempat di Sekolah Berasrama Penuh pada tahun hadapan, justeru bagi meringankan beban ibu bapa, Kerajaan Negeri terus menyediakan peruntukan sebanyak 300.00 ringgit kepada setiap pelajar terhad kepada 500 penerima. Inisiatif ini diperuntukkan sebanyak 150 ribu ringgit pada tahun hadapan. Di samping itu, anak-anak remaja yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi, Kerajaan Negeri turut meneruskan bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi pada kadar 500.00 ringgit hingga 1,000.00 ringgit bergantung kepada tawaran yang diterima sama ada peringkat sijil, diploma ataupun ijazah pertama. Selain itu juga, meraikan kejayaan anak-anak Negeri Sembilan yang cemerlang dalam pengajian dan sebagai motivasi, Anugerah Khas sebanyak 5,000.00 ringgit disediakan kepada para pelajar yang memperolehi Ijazah Kelas Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Untuk itu, peruntukan sebanyak 7.0 juta ringgit disediakan melalui kolaborasi Kerajaan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan. Tidak dilupakan golongan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah 2,000.00 ringgit sebulan yang akan menerima sumbangan *one-off* sebanyak 200.00 ringgit seorang menerusi peruntukan 1.2 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Anggaran Belanjawan Pembangunan 2025. Anggaran Belanjawan 2025 adalah berjumlah 135.0 juta ringgit. Sumber kewangan bagi Belanja Pembangunan ini adalah secara langsung daripada Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, peruntukan ini akan diagihkan dalam 6 sektor bagi menggalakkan pembangunan sosio ekonomi di Negeri Sembilan seperti berikut:

- Sosial: 59.25 juta ringgit yakni 43.89%
- Pentadbiran: 24.44 juta ringgit - 18.10%

- Infrastruktur: 22.16 juta ringgit - 16.41%
- Pertanian: 14.6 juta ringgit - 10.81%
- Pelancongan: 8.35 juta ringgit - 6.19%
- Kerohanian: 6.2 juta – 4.59 juta ringgit eh, 4.59%

Melewati tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) yang ke, dan RMKe-12, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan pelaksanaan sebanyak 250 projek bagi tahun 2025, yang terdiri daripada 207 projek baharu dan 43 projek sambungan. Projek-projek ini dirancang untuk tujuan utama untuk merangsang pembangunan sosio-ekonomi, meningkatkan kualiti hidup mewujudkan kesejahteraan rakyat di seluruh Negeri ini. Peruntukan telah disediakan akan diagihkan kepada 14 Vot pembangunan Kerajaan Negeri mengikut keperluan prioriti sektor-sektor yang telah dikenal pasti.

Sektor Sosial. Sebagaimana lazim, Sektor Sosial kekal menjadi sektor utama dalam agihan peruntukan pembangunan sebanyak 59.25 juta ringgit, yang digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pembangun, dan membangunkan kemudahan awam di seluruh Negeri. Daripada jumlah tersebut, 45.0 juta ringgit diperuntukkan untuk program perkhidmatan masyarakat yang akan memberi manfaat secara langsung kepada golongan yang memerlukan. Peruntukan sebanyak 1.8 juta ringgit untuk pembinaan dan pengubahsuaian dewan serta balai raya, sementara 2.0 juta ringgit diperuntukkan untuk program pencahayaan jalan-jalan negeri bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Kerajaan juga prihatin terhadap keperluan rakyat untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Untuk itu, 3.1 juta ringgit diperuntukkan untuk kerja-kerja penambahbaikan penyelenggaraan infrastruktur rakyat, Rumah Awam Kerajaan Negeri termasuk penyelenggaraan sistem pembentungan, keselamatan dan elektrik.

Sektor Pentadbiran. Dalam menghadapi cabaran perkembangan ekonomi semasa, terutama yang melibatkan automasi, digitalisasi dan Industri 4.0, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk bersedia dan beradaptasi dengan perubahan teknologi serta budaya kerja baharu. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan 9.64 juta ringgit bagi pembangunan dan penambahbaikan sistem komputer negeri. Ini termasuklah penyediaan jaringan internet yang lebih meluas dengan kebolehpercayaan yang tinggi. Selaras dengan Pelan induk, Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2027 Kerajaan Negeri telah melancarkan sistem Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (*N9PAY*) pada 28 Julai 2024 yang lalu. Sistem ini akan membolehkan rakyat membuat pembayaran melalui

FPZ, FPX dan terus ditambah baik dengan pelbagai saluran lain seperti *DuitNow Online Banking* , kad kredit serta kad debit, aplikasi mudah alih dan eWallet.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak 14.3 juta ringgit bagi kerja-kerja pembinaan, pengubahsuaian dan menaik taraf kompleks pentadbiran serta kuarters kediaman anggota kerajaan di seluruh Negeri. Ini adalah usaha kita untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam dapat berfungsi dengan lancar dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Bagi menghadapi risiko bencana yang mungkin berlaku, Kerajaan Negeri juga menetapkan peruntukan Luar Jangka sebanyak 500 ribu ringgit pada tahun 2025 ini.

Sektor Infrastruktur. Infrastruktur dan kemudahan awam adalah asas penting dalam memastikan kejayaan setiap pembangunan di dapat dilaksanakan. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 22.16 juta ringgit untuk sektor pembangunan Infrastruktur yang merangkumi pelbagai inisiatif bagi memperkukuh kemudahan dan aksesibiliti di seluruh negeri. Sebanyak 9.0 juta ringgit akan digunakan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, membina jajaran baru di luar bandar serta menggantikan jambatan yang terjejas.

Kerajaan Negeri turut memberikan tumpuan kepada masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku dalam ketidaktentuan cuaca semasa. Untuk itu, kerajaan memperuntukkan 10.65 juta ringgit untuk melaksanakan program Rancangan Tebatan Banjir, Pengurusan dan Penyelenggaraan Sungai serta Pengurusan Saliran di Zon Pantai di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti. Bagi menggalakkan lagi pembangunan Industri Kecil Sederhana (IKS) sebanyak 1.0 juta diperuntukkan bagi kerja menaik taraf dan menyelenggara kawasan perusahaan di Seremban, Port Dickson, Jelebu dan Tampin. Kerajaan juga memperuntukkan 510 ribu ringgit untuk projek-projek kecil melibatkan kerja-kerja menaik taraf kemudahan sukan, prasarana awam dan dataran usahawan yang memberikan impak langsung kepada komuniti.

Sektor pembangunan Pertanian terus menjadi fokus utama dalam belanjawan tahun hadapan, kerana kita berhasrat menjadikan Negeri Sembilan ini sebagai salah satu pengeluar makanan utama dan pusat industri hiliran. Ini adalah langkah penting dalam mengurangkan defisit imbangan perdagangan bahan makanan negara, sekaligus memastikan kestabilan bekalan makanan untuk rakyat. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan 14.6 juta ringgit untuk sektor Pertanian dan Penternakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11.0

juta ringgit akan disalurkan untuk program jaminan bekalan makanan, yang meliputi peningkatan hasil sayuran dan buah-buahan, penyediaan input pertanian, mekanisasi, automasi pertanian, serta pengembangan teknologi pertanian melalui *Internet of Things* (IOT).

Selain itu, sebanyak 3.6 juta ringgit akan diperuntukkan untuk sektor pembangunan penternakan, dengan tumpuan khusus diberikan kepada komoditi ruminan besar dan kecil, perkhidmatan kesihatan veterinar, serta projek-projek lain yang berkaitan dengan pembangunan penternakan.

Sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Pada tahun hadapan, sebanyak 8.35 juta ringgit diperuntukkan untuk sektor Pelancongan, dan 5.23 juta ringgit daripadanya disalurkan untuk kerja penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan pelancongan, restorasi dan menaik taraf bangunan serta rumah warisan Negeri Sembilan. Antara projek utama yang akan diberikan tumpuan adalah kerja-kerja menaik taraf infrastruktur kemudahan awam di Taman Eko-Rimba Batu Maloi, Taman Eko-Rimba Serting Ulu, Taman Eko-Rimba Jeram Tengkek, serta Taman Eko-Rimba Lenggeng. Selain itu, sebanyak 1.27 juta ringgit diperuntukkan bagi penyelenggaraan produk pelancongan bersejarah seperti Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas dan Kota Lukut di Port Dickson.

Pada tahun 2025 ini, sebanyak 6.2 juta ringgit akan diperuntukkan untuk komitmen 2 projek sambungan iaitu pembinaan masjid di Taman Warisan Puteri dan Bandar Tasik Senangin, serta pembinaan Pejabat Agama Daerah (PAID) Port Dickson. Kerajaan akan meneruskan lagi projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur Sekolah Tinggi Agama (STAM) Maahad Ahmadi di Gemencheh dengan peruntukan tambahan sebanyak 1.5 juta ringgit. Untuk rekod, sejak 2019 hingga 2014, sebanyak 14.9 juta ringgit telah diperuntukkan untuk pelbagai program pembangunan infrastruktur STAM Maahad Ahmadi melibatkan pembinaan blok asrama 2 tingkat lelaki dan perempuan, dewan makan, blok surau dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Penjawat awam ibarat bidalan “rimbun daun tempat berteduh, rimbun pokok tempat bernaung, besar banir tempat berlindung, besar batang tempat bersandar, lebar daun buat membungkus, tingginya pohon jadi pedoman”. Sejak tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan Skim Pinjaman Komputer Tanpa Faedah. Sehingga November 2024 sebanyak 758 orang penjawat awam telah diberikan kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah dengan

jumlah kelulusan 16.57 juta ringgit. Atas rasa kasih sayang dan prihatin kepada pengorbanan penjawat awam, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak 1.0 juta ringgit bagi Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan 50 ribu ringgit bagi Pinjaman Komputer Tanpa Faedah pada tahun 2025.

Dalam ruang masa yang ada ini, saya masih banyak, dalam masa, dalam ruang masa yang ada ini, saya yakin masih banyak langkah penambahbaikan yang boleh kita lakukan supaya Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dipandang tinggi oleh orang ramai yang datang berurusan. Penjawat awam hendaklah meletakkan rasa empati yang tinggi dalam melaksanakan tugas seharian. Letaklah diri kita dalam situasi pelanggan, hormati, layani, santunilah mereka dengan penuh ikhlas, adil dan saksama mengikut lunas-lunas peraturan yang ditetapkan.

Hati bersih fikiran jernih
Bergaul tidak memilih kasih
Memegang yang hak pantang beralih
Melaksanakan tugas berpenat letih

Jadikanlah *tagline* Bersih, Muafakat Sejahtera sebagai pedoman dan panduan semasa menjalankan tugas. Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh penjawat awam negeri ini. Pengiktirafan demi pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional, membuktikan tadbir urus dan tatakelola perkhidmatan awam negeri ini berada pada tanda aras yang tinggi dan sering dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain.

Kejayaan kita mengubah daripada belanjawan defisit kepada *surplus* untuk 2 tahun berturut-turut, menjadi bukti kukuh bahawa tidak ada yang mustahil untuk dicapai sekiranya disokong dengan iltizam dan tekad jitu oleh semua penjawat awam. Keberanian mengubah paradigma dan mencabar *status quo* kepada satu tansformasi yang lebih pragmatik, membolehkan kutipan hasil yang tinggi sebanyak 541.0 juta ringgit pada tahun 2023. Sekaligus mengubah belanjawan daripada satu jurang defisit yang besar iaitu 108.0 juta kepada *surplus* 4.9 juta. Kejayaan ini turut mendapat pengiktirafan daripada Ketua Audit Negara sebagaimana para 4.5.4.2 Laporan Ketua Audit Negara 2023 yang memuji langkah Kerajaan Negeri melaksanakan transformasi dalam proses kelulusan Kebenaran Merancang dan pengubahsuaian zon dalam masa yang singkat.

Saya juga mengucapkan, merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Pejabat Pemungut Hasil yang telah melaksanakan tugas dengan penuh integriti, berdedikasi dan cemerlang sehingga

membolehkan kedudukan rizab Kerajaan Negeri pada satu kedudukan yang kukuh iaitu 726 juta ringgit sehingga 21 November 2024. Kutipan hasil sehingga tarikh yang sama telah mencapai 505 juta ringgit ataupun 97%. Berdasarkan unjuran semasa, kita optimis, kutipan hasil negeri akan berjaya mengatasi kutipan hasil tahun 2023, malah berkemungkinan mencipta rekod kutipan hasil tertinggi dalam sejarah perkhidmatan, Pentadbiran Negeri Sembilan, *Insya Allah.*

Sudah menjadi adat orang Melayu, "Kok singkat ulas mengulas, kok kurang tambah menambah, kok sempit lapang melapangi, kok dalam air sama-samo kita beronang, kok cetek air samo-samo kito bercebok". Menghargai dan menginsafi pengorbanan dan kesungguhan penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, sukacita saya umumkan Bantuan Khas Kewangan (BKKK). Penghargaan ini akan dipanjangkan kepada semua penjawat awam Negeri Sembilan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, 6,613 orang semuanya akan dibayar pada bulan Januari dan sebelum Aidilfitri. 2 kali bayaran, Januari dan sebelum Aidilfitri pada bulan Mac 2025. Bantuan BKK sebanyak 2 bulan gaji kepada semua penjawat awam yang berada dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan "bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 ini sekarang dibacakan bagi kali kedua". Sekian, terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, *bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat dan Sejahtera. Ambil nafas sikit. Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat sebentar tadi. Saya ingin mengambil kesempatan awal ini sebelum saya meneruskan titip kata sokongan, saya ingin merakamkan ucapan syukur ke hadrat Allah SWT, dan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar Negeri Sembilan di atas pembentangan belanjawan yang dikemukakan sebentar tadi.

Alhamdulillah, belanjawan yang dibentangkan secara dasarnya adalah satu belanjawan yang menyeluruh, merangkumi semua kelompok masyarakat yang berbeza latar belakang dan kehendak, tetapi dalam masa yang sama tidak meninggalkan agenda untuk memacu kemajuan Negeri Sembilan ke satu tahap yang lebih baik. Pembentangan Belanjawan 2025 berjumlah RM590 juta ringgit pada hari ini adalah merupakan belanjawan yang tertinggi dalam sejarah Kerajaan Negeri Sembilan, dan Belanjawan Kedua daripada Kerajaan Perpaduan hasil

gabungan daripada Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Sudah semestinya belanjawan yang dibentangkan pada hari ini telah mengambil kira kepentingan dan keperluan rakyat tanpa mengambil kira latar belakang ekonomi, kaum dan bangsa.

Dalam keadaan ekonomi yang serba mencabar pada hari ini, sudah semestinya belanjawan yang dibentangkan sebentar tadi adalah merupakan Belanjawan yang ditunggu-tunggu oleh penjawat awam, apatah lagi oleh rakyat di Negeri Sembilan ini. Kita dapat lihat, pelbagai inisiatif yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi pastinya memberikan kegembiraan kepada seluruh rakyat di Negeri Sembilan. Tahniah saya ucapkan kepada penjawat awam di seluruh Negeri Sembilan yang bakal menerima bonus sebanyak yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan saya mengharapkan pemberian BKK dan bonus ini yang diumumkan itu bakal menjadi satu suntikan semangat untuk bekerja dan berkhidmat kepada rakyat di Negeri Sembilan dengan lebih baik lagi. Saya juga yakin dan percaya, seluruh Anggota Pentadbiran Negeri Sembilan akan menzahirkan komitmen yang terbaik dalam merealisasikan belanjawan ini, dan memastikan tidak ada rakyat Negeri Sembilan yang tercicir daripada menerima manfaat.

Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan, penjawat awam, serta semua barisan pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi *insya-Allah* akan memainkan peranan penting, dan memainkan peranan masing-masing sebaik mungkin di dalam kita merealisasikan Agenda Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan. Kunci utama kepada keberjayaan ini adalah sudah semestinya sebuah Kerajaan Negeri yang kukuh dan stabil, bertoleransi, dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Matlamat kita semua sama Dato' Yang Dipertua, untuk memastikan ekonomi negeri berkembang dengan baik, poket rakyat sentiasa berisi, dan kebajikan serta kesejahteraan rakyat akan sentiasa terbela.

Dato' Yang Dipertua, orang lama-lama ada mengatakan "Pandangan tidak sesaujana, fikiran tidak sekali datang". Oleh itu, Dewan yang mulia ini harus kita jadikan sebagai satu platform percambahan idea, penambahbaikan dan bagaimana boleh kita laksanakan segala inisiatif dan dasar yang ada di dalam belanjawan dengan sebaik mungkin. Tentunya perbahasan Ahli Dewan akan membawa justifikasi pemikiran rakyat bagi Kerajaan Negeri di dalam melaksanakan Belanjawan Madani ini. "Alang-alang kita berdayung, alang-alang kita berdayung, biar sampai ke Pulau Sembilan, alang-alang kita bergabung, biar berhabis untuk rakyat Negeri Sembilan".

Saya berharap, Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri tidak kira daripada blok kerajaan, termasuk daripada blok, blok pembangkang, dapat membahaskan belanjawan ini dengan baik, berilmiah, bersopan santun dan fokus kepada kepentingan rakyat dan kesejahteraan negeri. Oleh yang demikian, saya melihat tidak ada sebab untuk belanjawan ini tidak mendapat sokongan penuh daripada seluruh Ahli Dewan yang mulia ini, *insya-Allah*. Akhir kata, Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 2025, 2024 dan Usul Anggaran Belanjawan Pembangunan Negeri Sembilan bagi tahun 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat sebentar tadi. Terima kasih.

8. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan 2025, 2024 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Kita juga telah bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 bersekali dengan Rang Undang-Undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang, sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan mesyuarat Dewan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian juga, teks pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025 boleh diperolehi dari portal rasmi Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan.

Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan usul ini akan dibukakan pada, dibuka pada hari Isnin; 25 November 2024 bersamaan 23 Jamadil Akhir 1446 Hijrah. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan pada jam 4.45 petang]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Dato' Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Dato' Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
15.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
16.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
17.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
18.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
19.	YB Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
20.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
21.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

BIL.	NAMA	KAWASAN
22.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
23.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
24.	YB Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
25.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
26.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
27.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
28.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
29.	YB Dato' Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Susunan Mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

[YB ADUN Lenggeng telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum* WBT dan salam sejahtera. Bismillah *Bismillahirrahmanirrahim alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wabil islami dina, wabi muhammadin nabiya warosula. Alhamdulillah* segala puji bagi Allah Tuhan pencipta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SWT, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini; 25 November 2024 merupakan hari kedua persidangan. Di sini saya ingin maklumkan berkenaan ketidakhadiran iaitu Yang Berhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir pada 25 hingga 27 November kerana beliau perlu mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi lawatan rasmi ke Republik Korea. Manakala Yang Berhormat ADUN Chembong tidak dapat hadir pada hari ini kerana hal keluarga yang tidak dapat dielakkan.

Hadirin sekalian, sebagaimana maklum sesi perbahasan akan dimulakan pada hari ini. Saya amat berharap semua ahli-ahli Yang

Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan seterusnya memberikan pendapat-pendapat yang dapat meningkatkan mutu penyampaian kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya.

Hadirin sekalian sebagaimana biasa, saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian, terima kasih. Selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua).

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput dan persilakan ADUN Klawang.

YB ADUN Klawang: *Assalamualaikum WBT.* Saya mengemukakan soalan yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Klawang atas soalan pertama. Berhubung dengan isu GISB Holding. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah mengambil tindakan membincang dan membawa isu GISB Holding ini dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bil.7/2024 pada 27 hingga 29 September 2024 yang lalu. Berdasarkan hujah dan pandangan ahli Majlis Jawatankuasa Fatwa bersetuju memutuskan bahawa ajaran yang dibawa oleh Nasiruddin (pemimpin GISB) adalah sama dengan ajaran al-Arqam dan Rufaqa' mengenai Aurad Muhammadiah yang telah diharamkan. Muzakarah juga menegaskan bahawa ajaran al-Arqam yang diwartakan pada 2016 boleh dijadikan asas kepada penguatkuasaan ke atas sebarang usaha untuk menghidupkan kembali ajaran al-Arqam atau seumpamanya walaupun atas nama yang berlainan.

Jabatan Mufti juga sentiasa menyebarkan maklumat mengenai kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang telah difatwakan melalui program-program Jabatan Mufti di peringkat daerah. Pihak PDRM Kontinjen Negeri Sembilan telah membuka 12 kertas siasatan terhadap

GISB di mana 12 kertas siasatan tersebut hanya 7 kertas siasatan telah dituduh di mahkamah manakala 5 masih lagi menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara. Bagi pihak polis akan terus memantau dan mengambil tindakan terhadap apa jua pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh pihak GISB dan juga syarikat-syarikat, dan syarat-syarat, dan syarat, dan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan pihak GISB.

Isu ini juga telah dihebahkan melalui beberapa platform media seperti berikut:

- Berita Harian – Percetakan pada 12 September 2024;
- Facebook Rasmi Jabatan Mufti Negeri Sembilan - *Social Media* – 11 September dan 12 September 2024;
- Berita Harian – *online* pada 7 Oktober 2024;
- Harian Metro – *online* pada 7 Oktober 2024;
- Buletin TV3 – *online* – 7 Oktober 2024.

Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam komited untuk mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Syariah ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar apa-apa keputusan fatwa Negeri Sembilan termasuk mengamalkan ajaran Aurad Muhammadiyah yang telah diwarta, difatwakan sesat pada 2016. Bahagian Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah menjalankan pemeriksaan di 2 buah madrasah di bawah pentadbiran GISB iaitu Madrasah Dinul Hayah, Ulu Beting, Kuala Pilah dan Madrasah Hayatul Islam di Kampung Senama, Rembau. Hasil pemeriksaan, tindakan penutupan di bawah Seksyen 25c Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Sembilan telah dilaksanakan ke atas kedua-dua madrasah tersebut. Manakala 4 orang yang disyaki telah ditahan dalam pemeriksaan tersebut. Orang yang disyaki ditahan terdiri daripada Pengerusi dan Mudir Madrasah Dinul Hayah, Ulu Beting, Kuala Pilah serta Mudir dan Timbalan Mudir Madrasah Hayatul Islam, Kampung Senama, Rembau.

Penahanan dan siasatan ke atas 4 orang yang disyaki tersebut adalah di bawah seksyen kesalahan

- Pertama: Seksyen 22 Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Sembilan 1996 iaitu di atas kesalahan menubuhkan, mengurus atau mengendalikan sekolah Islam tanpa Perakuan Pendaftar atau bertindak dengan melanggar enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang memperuntukkan hukuman denda maksimum 2,000.00 ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

- Yang kedua: Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 Pindaan 2019 iaitu perbuatan ataupun ajaran salah yang memperuntukkan hukuman denda maksimum 5,000.00 ringgit atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

- Seksyen 53 Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 Pindaan 2019 iaitu Mengajar Agama Islam Tanpa Tauliah yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 2 tahun atau denda tidak melebihi 3,000.00 ringgit.

Kedua-dua orang yang disyaki dilepaskan dengan bon jaminan mahkamah dan tarikh sebutan kes ditetapkan pada 12 November 2024 di Mahkamah Syariah Seremban, Sendayan. Program Pemulihan Aqidah dan rehabilitasi telah dilaksanakan bermula seawal 15 Oktober 2024 kepada ahli GISB yang sukarela menyertainya. Selaras dengan program adalah, oleh Majlis Keselamatan Negeri, Negeri Sembilan (MKN). Modul akan digunakan disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bertanggungjawab sebagai urusetia pendaftar. Ya, jadi kita telah panggil mereka untuk kita minta mereka mengha, menghadiri program akidah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, itu jawapan saya.

YB ADUN Klawang: Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Dato' Yang Dipertua, rukun agama ini terbahagi kepada 3. Iman iaitu kredit, apakah ibaratkan sebagai pokok, akarnya, syariat sebagai batangnya, akhlak sebagai buahnya. Dalam banyak keadaan saya kira perkara ini yang berulang kalau al-Arqam telah diharamkan 1994, Faqa' 2006 saya kira, dan sekarang ni timbul GISB. Mungkin kita hanya memotong pokoknya Dato' Yang Dipertua ya, tetapi akarnya masih dalam masih subur. Jadi saya kira pencegahan dari sudut bagaimana akar itu boleh kita cabut dan ianya terus dapat kita matikan dan ianya tidak berulang di masa hadapan. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Selamat pagi Dato' *Speaker*. Saya kemukakan soalan 2.

YB ADUN Pertang: *Bismillahhirrahmanirrahim assalamualaikum WBT*. Dato' Yang Dipertua. Pertama saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Senawang, Seremban Jaya di atas soalan yang luar biasa pada pagi ini. Kerana saya pun lama dalam Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat, saya belum dengar lagi soalan kelapa laut ni. Kelapa lauk, kelapa lauk, laut, *sorry.* Sebut pun dah tak betul dah. Tapi

walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, ini adalah satu soalan yang luar biasa dan baik untuk kita ketengahkan. Saya buat *research* berkaitan dengan kelapa laut ini. Kelapa laut ini Dato' Yang Dipertua, ialah dalam bahasa sainsnya *lodocea maldivica*. Untuk makluman Subang Jaya ya. Itu nama, nama saintifiknya. Dia memerlukan keadaan persekitaran yang sangat khusus untuk pertumbuhan yang sihat. Bukan semua kawasan boleh Dato' Yang Dipertua ya. Habitat semula jadinya ada di kepulauan Seychelles iaitu satu negara yang paling kecil di Afrika yang penduduknya sekitar 130 ribu orang sahaja tahun 2024. Tahun 2014 – 100 ribu. *You* bayangkan, dalam tempoh 10 tahun hanya 30 ribu saja penduduk yang bertambah di situ.

Dan di kawasan ini, Seychelles ini, mempunyai kawasan yang berlatar belakang tanah berpasir, yang kaya dengan bahan organik serta iklim tropika yang konsisten. Tidak seperti Malaysia ya. Yang ketara perbezaannya, di Malaysia yang beriklim tropika, yang hangat dan lembap. Pokok ni juga Dato' Yang Dipertua, tumbuh dengan perlahan mengambil masa puluhan tahun untuk mencapai kematangan. Kita tanam pokok ni untuk makluman Seremban Jaya, ditanam memakan masa 25 ke 50 tahun. Dan apabila dia berbuah, nak tunggu kematangan buah itu 7 tahun. Saya ingat kalau Seremban Jaya tanam sekarang, belum tentu itu boleh makanlah. Saya ingat tak sempatlah nak makan. Dia makan masa terlalu panjang. Tak tahulah kalau Seremban Jaya hidup lagi lama, lagi 50 tahun. Itu yang saya tahu. Dan dia memerlukan kawasan yang luas untuk sistem akar dia. Keperluan agronomi ini menjadikan pokok kelapa laut kurang sesuai untuk penanaman meluas di negara ini.

Selain itu, pokok kelapa laut ini dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam ataupun dengan izin, Convention of Internatio*nal Trade of Endangered of Wild Fauna and Flora (CITES)* ya, yang juga dikenali sebagai Konvensyen Washington sebagai spesies yang terancam. Sebarang usaha untuk penanaman dan pemindahan spesies ini daripada habitat asalnya, yakni Seychelles ini, memerlukan kelulusan ketat dan pengawasan antarabangsa untuk memastikan keseimbangan ekologi. Dahsyat soalan Seremban Jaya ni, antarabangsa, *international,* pertanian di peringkat *international*. Oleh itu, kita memilih untuk menyokong pemilihan spesies ini di habitat asalnya di Seychelles ini serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan spesies terancam. Pendekatan ini selaras dengan komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar dan pemeliraan, pemulih, pemeliharaan biodiversiti global selain daripada kita menghormati perundangan antarabangsa. Terima kasih Dato' *Speaker*.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Dato' Exco Kanan, memang jawapan yang lebar. Banyak terima kasih. Bagus. Ini kelapa laut memang satu benda itu tarak rugian. Dia punya daun, dia punya, semua benda boleh pakai. Sekarang waktu hujan, memang minta maaf, *sorry, sorry, sorry, sorry*. Selalu lupa. *Sorry, sorry, sorry* Dato' Yang Dipertua. Tapi dalam mahkamah kalau kena tarik telefon. Tapi *Speaker* baik. Memang waktu hujan dalam Malaysia air banyak. Bila waktu panas memang kita ada masalah air. Waktu panas memang kita sudah 8 tahun dulu pun kira 45 celcius. 8 tahun dulu. Masa itu kita punya loji pun sudah 3-4 sudah tada air, memang susah. Masa itu kita pun banyak kuat sembahyang doa. Tapi ini pokok ini, pokok kelapa sawit satu hari 60 gelen air dia boleh minum. Tapi pokok ini bila waktu panas dia boleh tarik kasi air kepada bumi. Sebab itu saya ada fikirlah, kira teman-teman, lagipun *maintenance* banyak senang, tapi lambat. Tapi sudah tanam, memang itu benda semua itu kelapa pun banyak sejuk. Banyak baik kesihatan. Sebab itu saya punya cadanganlah. Tapi saya punya soalan tambahan. Belum lagi, belum lagi. Cakap sikit. Okey, memandangkan penanaman pokok kelapa laut mempunyai kegagangan [kekangan] dari sudut mengundang dan peliharaan bio, biodiversiti, apakah jenis pokok alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk ditanam di taman perumahan dan ditanam di taman perindustrian yang bersifat selamat, mudah dijaga dan juga mempunyai nilai komersial atau manfaat kepada masyarakat? Itu soalan tambahan, terima kasih Dato'.

YB ADUN Pertang: Terima kasih Seremban Jaya. Saya dah jelaskan ya, kelapa laut ni dia perlukan kawasan yang beriklim tropika dan konsisten ya. Dia punya suhu 24 – 28 darjah Celsius. Di negara kita juga begitu tapi dia tak konsisten. Dia perlukan tanah berpasir yang ada nutrien dan lembap. Dia tak boleh air lebih. Kalau kita hujan yang lebat, macam baru-baru ni berlaku, ada beberapa kawasan yang ditakungi air, itu pokok kelapa laut dia tak boleh. Dia boleh mati. Akar dia, dia boleh mati. Dia tak boleh keluarkan hasil. Mungkin dia boleh keluarkan hasil selepas 80 tahun, daripada 50 tahun dia jadi 80 tahun. Dia dia tak komersial. *So* kenapa dengan izin Dato' *Speaker*, kenapa kita tak tanam di dalam negara kita kerana dia tidak ada *commercial value* dengan izin. Kalau kelapa sawit ni, 3 tahun, 4 tahun dia dah keluar hasil. Sekarang ini kelapa sawit dijual dengan harga 1,110.00 per tan. Harga yang boleh memberikan pendapatan yang sangat baik kepada penanam ataupun apa ni, golongan peneroka yang menanam kelapa sawit. Jadi kelapa laut ni secara apa ni, kesimpulannya tidak sesuai untuk ditanam di dalam negara kita. Kelapa laut, bukan lauk ya. Kelapa laut, jangan silap.

Jadi saya nak saya nak bagi puas hati juga kepada ADUN Seremban Jaya ini kalau nak juga tanam saya nak cadangkan supaya minat dan tujuan

ADUN Seremban Jaya untuk tanam kelapa laut ini sebagai satu usaha konservati apa ini, konservasi eksotik. Ini sebagai satu usaha dan mungkin boleh kita pertimbangkan dalam skala yang kecil. Saya nak cadang supaya ADUN Seremban Jaya dan saya sendiri tanam satu pokok dulu kat rumah kitalah. Boleh tumbuh ke tak boleh tumbuh. Tapi saya nak *check* dengan Pengarah Pertanian, kerana Pengarah Pertanian, Dato' *Speaker* saya tanam durian Musang King di rumah saya. Dia kata ini tidak mungkin akan berbuah. Saya akan buktikan kepada Pengarah Pertanian. Durian Musang King saya selepas ambil penggal ini akan mengeluarkan Musang King yang terbaik berbanding yang pengarah tahulah. Itu dah lari sikit.

Soalan tambahan ni daripada ADUN Seremban Jaya ini tentang apakah tanaman lain yang sesuai untuk komuniti bandar dan juga komuniti desa. Saya nak sebut ya, pada di Dewan yang mulia ini, saya nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di dalam pembentangan bajet telah pun menyentuh program *touch point* tanaman buah-buahan yang memberi tumpuan kepada pendekat, 2 pendekatan yang strategik. Kalau tak silap saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar umumkan 1.0 juta ringgit, tak 500 ribu ringgit. Bukan 1.0 juta. Dia boleh tambah lagilah itu kalau tak cukup. Yang pertama pengedaran, Kerajaan Negeri akan buat satu pendekatan baru bagi menanam minat masyarakat di Negeri Sembilan untuk menanam buah-buahan yang terpilih di kawasan rumah mereka seperti yang saya lakukan sekarang. Maknanya di kawasan bandar kita boleh tanam mangga, boleh tanam durian, boleh tanam rambutan, yang akan diedarkan oleh Kerajaan Negeri kepada masyarakat tempatan untuk memperkenalkan tanaman bernilai, yang bernilai komersial yang berpotensi akan menjadi sumber pendapatan kepada rakyat. Dan secara tak langsung program ini akan menjadikan satu program memperindahkan kawasan taman perumahan dan desa dengan tanaman buah-buahan. Daripada kita tanam pokok yang tidak memberi hasil.

Sebagai contoh Dato' Dipertua, di Seremban Jaya ya, di Seremban Jaya, kita kalau katalah kita ada satu perkampungan di Seremban Jaya yang mempunyai 50 buah rumah. Jadi di 50 buah rumah ini kita akan bekalkan setiap rumah satu benih pokok mangga ataupun durian ataupun pokok rambutan yang diputuskan oleh ADUN, supaya kampung ini akan dikenali sebagai mengeluarkan produk mangga untuk 5 tahun yang akan datang. Kalau di kawasan felda, Dato' Yang Dipertua, Felda Pasoh 1 umpamanya, kita tanam semua pokok di Felda Pasoh 1 dengan durian Musang King kerana Jelebu akan menjadi hub pengeluaran Musang King umpamanya. Dan selepas tempoh matang Dato' Yang Dipertua, kalau kita pergi Jelebu nak, mana nak cari hab

pengeluaran makanan durian percuma, pergi ke Pasoh 1, setiap rumah ada pokok durian Musang King umpamanya.

Kalau kita pergi pulak ke perkampungan di Kampung Juasseh Tengah umpamanya. Oleh kerana Juasseh ini dia tak berapa nak makan durian kerana dia memberi gula yang banyak, nak elak daripada penyakit kencing manis, kita bagi dia pokok manggis Korea umpamanya. Setiap rumah di Juasseh Tengah tanam pokok manggis Korea. Dan apabila ini berlaku Dato' Yang Dipertua, hasrat Kerajaan Negeri selain daripada menghijaukan kawasan persekitaran yang ada di Negeri Sembilan ini, kita juga boleh memberikan pendapatan sampingan kepada tuan rumah dan komuniti di desa dan juga di bandar yang telah kita bekalkan. *Insya-Allah* pada tahun-tahun yang akan datang, dengan izin dan juga percaturan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Pegawai Kewangan Negeri, program ini akan dilipatgandakan lagi sehingga meliputi dan merentasi semua kawasan di Negeri Sembilan *insya-Allah* Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Lukut, YB Lukut.

YB ADUN Lukut: Dato' Yang Dipertua, Lukut meng, mengemukakan soalan nombor 2.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Lukut. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, buat masa ini, Negeri Sembilan mempunyai lebih 50 kawasan perindustrian yang sedia ada yang lengkap dengan infrastruktur. Daripada jumlah tersebut, kawasan industri Techpark@Enstek (Fasa 2) di Bandar Enstek dan Springhil Industry Park (Fasa 1 & 2) di Port Dickson yang masih lagi menawarkan tapak industri jika ada pelabur baru yang berminat. Manakala kawasan-kawasan industri yang lain hanya dapat menawarkan bangunan kilang-kilang sedia ada atau gudang untuk disewa atau dijual kepada pelabur.

Oleh itu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk menggalakkan pembukaan kawasan industri baru bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri. Terdapat 10 kawasan industri baharu yang telah dikenal pasti iaitu:

- Kawasan Industri SPD Techvalley di Senawang oleh Seri Pajam Development Sendirian Berhad. Kawasan ini seluas 523 ekar dan merupakan satu pembangunan industri baru berkonsep *greentech* dan dalam kawasan *gated and guarded*. Pembangunan projek dijangka siap pada tahun 2026.

- Yang kedua: Kawasan Industri Hamilton City di Nilai oleh Sime Darby Properties Sendirian Berhad. Kawasan ini seluas 514 ekar dan merupakan projek pertama di bawah pembangunan *Malaysian Vision Valley* 2.0 yang bakal siap sepenuhnya pada 2025.

- Yang ketiga: Kawasan Industri Techpark@Enstek (Fasa 3) di Bandar Enstek oleh Tabung Haji Properties Sendirian Berhad. Fasa 3 ini adalah seluas 616.6 ekar di mana ianya masih menumpukan kepada pembangunan hub industri halal, *cleantech* dan berteknologi tinggi. Kawasan ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2026.

- Yang keempat: *Vision Business Park* di Labu (Parcel B) oleh Sime Darby Properties Sendirian Berhad. Kawasan ini adalah pembangunan bercampur seluas 760 ekar dan sebahagiannya adalah untuk industri sokongan, ringan dan sederhana. Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2026.

- Yang kelima: Kawasan Industri MVV TechPark di Labu (Parcel B) oleh Perbadanan Negeri Sembilan dengan kerjasama N9 Matrix Development Sendirian Berhad. Kawasan industri ini berkeluasan 2,382.2 ekar dan dijangka siap pada tahun 2028.

- Yang keenam: Kawasan Industri NS Semiconductor Valley di Senawang oleh Perbadanan Negeri Sembilan dengan kerjasama pihak swasta. Kawasan industri ini berkeluasan 837 ekar dan merupakan Kawasan industri berteknologi tinggi khususnya untuk E&E dan juga Semiconductor. Ia dijangka siap pada tahun 2027.

- Yang ketujuh: Kawasan Industri NS Smart Park di Labu (Parcel B) oleh Perbadanan Negeri Sembilan dengan kerjasama pihak swasta. Kawasan industri ini merupakan kawasan industri berteknologi tinggi seperti *Data Center, Smart Manufacturing, Aerospace* dan Logistik dan *Service Industr*y. Ia dijangka siap pada tahun 2028.

- Yang kelapan: Kawasan Industri Sikamat di Sikamat oleh GD Holdings Sendirian Berhad. Kawasan industri ini berkeluasan 122.7 ekar dan menumpukan kepada industri ringan dan sederhana. Dijangka siap pada tahun 2027.

- Yang kesembilan: Kawasan Industri Springhill Fasa 3 di Port Dickson oleh West Synergy Sendirian Berhad. Kawasan ini berkeluasan 179 ekar dan menumpu kepada industri ringan dan sederhana yang berteknologi tinggi. Dijangka siap pada tahun 2026.

- Yang kesepuluh: Kawasan Industri Kelisa Mewah di Sungai Gadut oleh Azza Mewah Sendirian Berhad. Kawasan industri ini berkeluasan 100 ekar dan menumpukan kepada industri ringan sahaja. Dijangka siap pada suku pertama tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Secara keseluruhannya, prestasi pelaburan di Negeri Sembilan semakin meningkat sejak tahun 2018 sehingga kini. Jumlah pelaburan tempatan dan asing yang telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengikut tahun sejak 2018 sehingga terkini iaitu suku tahun kedua tahun 2024, Januari sehingga bulan Jun adalah seperti berikut:

- Jumlah pelaburan tempatan pada tahun 2018 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 1.26 bilion manakala bagi tahun pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 1.60 bilion;

- Jumlah pelaburan tempatan pada tahun 2019 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 5.11 bilion manakala bagi pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 1.85 bilion;

- Jumlah pelaburan tempatan bagi tahun 2020 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 4.1 bilion manakala pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 3.83 bilion;

- Jumlah pelaburan tempatan pada tahun 2021 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 3.35 bilion manakala bagi pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 2.41 bilion;

- Jumlah pelaburan tempatan pada tahun 2022 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 2.3 bilion manakala bagi pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 6.58 bilion;

- Jumlah pelaburan tempatan pada tahun 2023 adalah sebanyak Ringgit Malaysia 4.05 bilion manakala bagi pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 6.04 bilion;

- Dan yang akhirnya, untuk tahun ni, jumlah pelaburan tempatan bagi suku tahun kedua bagi tahun ni, iaitu Januari sehingga Jun adalah sebanyak Ringgit Malaysia 1.83 bilion manakala bagi pelaburan asing adalah sebanyak Ringgit Malaysia 1.16 bilion.

Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Bahau. Seperti sedia maklum, awal tahun ni ada berlaku pencemaran air yang disebabkan oleh tumpahan minyak ke dalam Sungai Linggi sehingga menjejaskan bekalan air di kawasan Port Dickson. Untuk mengelakkan keadaan ini berlaku, soalan saya, dalam perancangan kawasan perindustrian baru di Negeri Sembilan, apakah dasar Kerajaan Negeri dan apakah piawaian yang diguna pakai untuk meluluskan kawasan perindustrian baru untuk memastikan sisa buangan air terpakai daripada kilang yang, supaya dia tidak menjejaskan kualiti air sungai? Terima kasih.

YB ADUN Bahau: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lukut. Sudah tentunya Kerajaan Negeri tidak akan mem, bertolak ansur kepada mana-mana syarikat yang cuba melanggar undang-undang dan khususnya kepada syarikat ataupun kilang yang mencemarkan sungai kita ataupun mencemarkan alam sekitar kita. Dan dalam perkara ini, untuk setiap permohonan KM setiap kilang, kerajaan kita telah pun menetapkan syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak kilang. Dan untuk makluman Yang Berhormat Lukut dan juga rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa dalam 1 – 2 tahun ini banyak operasi secara *spot check* telah pun dilaksanakan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah pun sendiri turun padang untuk melihat sendiri dan juga memberi amaran kepada pihak kilang yang telah pun menyebabkan pencemaran. Saya rasa usaha ini yang dilaksanakan bukan sahaja daripada, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tetapi seluruh pasukan penguatkuasa kita daripada PBT daripada Jabatan Alam Sekitar, BKSA ini sudah tentunya dia akan memastikan bahawa tak ada mana-mana kilang yang akan mampu mencemarkan alam sekitar kita. dan sudah tentunya penguatkuasaan ataupun pemantauan yang rapi akan terus dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menjaga alam sekitar kita. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput YB Labu.

YB ADUN Labu: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya bangun bertanya soalan nombor 1. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ADUN Labu yang bertanyakan berkaitan dengan kawasan, pewartaan kawasan masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan. Isu pewartaan ni untuk makluman ADUN Labu ya, adalah merupakan antara bidang fokus saya di dalam mana-mana jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Bertindak Luar Bandar. Dan di platform-platform di peringkat kebangsaan juga, kita memberikan

penumpuan tentang isu yang berkaitan dengan pewartaan bagi masyarakat Orang Asli ini.

Dan sukacita saya *register*, dengan izin di dalam Dewan Undangan Negeri ini, bahawa Kementerian Desa Dan Wilayah telah pun memberikan pujian dan menyokong usaha Kerajaan Negeri bagi meneruskan usaha untuk penyelesaian pewartaan kampung Orang Asli di negeri ini. Untuk makluman ADUN Labu dan Ahli Dewan, di Negeri Sembilan, kita ada 69 kawasan Orang Asli. Daripada jumlah itu, 54 telah pun kita wartakan, dah selesai di bawah Seksyen 7 Akta Orang Asli iaitu Akta 134, dan 5 kawasan lagi telah pun diwartakan sebagai rizab awam bagi maksud penempatan generasi kedua Orang Asli di bawah kawalan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (Akta 828). 59 kawasan yang telah diwartakan ini untuk makluman ahli Dewan, mempunyai keluasan seluas 4,792.76 hektar dah selesai. Manakala 10 lagi baki kawasan masih dalam tindakan pewartaan di bawah Seksyen 7 (Akta 134) yakni Seksyen yang sama yang meliputi kawasan seluas 873 hektar lagi. Ini dalam proses.

Untuk makluman Dewan, saya nak sebut satu persatu kampung yang belum kita wartakan iaitu Kampung Orang Asli Langkap, Kampung Orang Asli Simpang Tering, Kampung Orang Asli Ulu Mampas, Kampung Orang Asli Ulu Pondoi, Kampung Orang Asli Sungai Mahang, Kampung Orang Asli Lumut, Kampung Orang Asli Dusun Kendong, Kampung Orang Asli Pabai, Kampung Orang Asli Sungai Siput, dan kampung saya sendiri iaitu Kampung Orang Asli Ulu Kelaka. Yang ni 10 ni belum lagi kita buat. Dan ini dalam proses pewartaan Dato' Yang Dipertua ya, 10 ini kita akan dalam proses dan kita telah menjalankan kerja-kerja awal. Dan *insya-Allah* dalam jangka masa yang saya yakin dengan Kerjasama daripada Pegawai Tanah Daerah, dengan kerjasama Pengarah JAKOA yang begitu kuat bekerja untuk menyelesaikan masalah pewartaan ini, dapat kita selesaikan dalam tempoh-tempoh penggal ini.

Tetapi untuk makluman ADUN Labu juga, bagi tempoh 2018 sehingga 2023, 5 kawasan Orang Asli telah pun kita berjaya wartakan. Maknanya *in total 5*9 itu, 5 telah kita selesaikan dalam tempoh itu, yakni di Kampung Orang Asli Bertam, Jelebu. 3 lagi kawasan di Jempol, Jerbang iaitu DUN Sungai Lui kemudian Lebuk Temenggalan di kawasan Jeram Padang tak silap saya, dan satu lagi di Kampung Orang Asli Air Kuning. Dan akhirnya ialah tentunya di kawasan, satu perkampungan Orang Asli di daerah Port Dickson yang sama jumlahnya iaitu dalam lingkungan 4.7 ribu hektar tadi yang telah saya sebutkan. Terima kasih.

YB ADUN Labu: Terima kasih Dato' Exco Kanan. Soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan pewartaan bagi 10

buah kampung Orang Asli yang disebut oleh YB Exco sebentar tadi? Dan bilakah sasaran pewartaan ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya?

YB ADUN Pertang: Terima kasih ADUN Labu. Saya dah sebut tadi ya. Faktor yang menyebabkan kelewatan 10 kawasan ini ialah kebanyakan daripada kawasan Orang Asli itu melibatkan jajaran hutan simpan ya. Selain daripada itu melibatkan jajaran rizab tanah Rizab Melayu. Maka apabila ia melibatkan jajaran hutan simpan dan Rizab Melayu, dia memerlukan tindakan pengukuran semula supaya kita boleh buat *re-allocate* ya, dengan izin, makna kita nak buat jajaran baru ataupun kita nak dapatkan kawasan gantian bagi Rizab Melayu ini untuk kita wartakan sebagai penempatan masyarakat orang Asli. Kesemua proses ini memakan masa dan yang penting sekali ialah dengan kompeten pegawai-pegawai kerajaan kita, yakni pegawai apa ni, Pegawai Tanah Dan Galian, Pegawai Pejabat Tanah Daerah termasuk Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri termasuk juga Pegawai JAKOA Negeri akan bekerjasama. Dan saya nak bagitahu kepada jabatan, pada Dewan ini kita akan tubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyelesaikan baki 10 pewartaan kawasan Orang Asli ini supaya dapat kita selesaikan dalam tempoh penggal ini *insya-Allah*. Kalau komitmen dan tanggungjawab yang diberikan oleh Pentadbir Tanah Daerah termasuk Pegawai JAKOA dan semuanya melalui dengan pandangan dan juga bimbingan daripada Pegawai Undang-Undang Negeri, *insya-Allah*, kita boleh selesaikan baki 10 ini dalam tempoh penggal ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput ADUN Lobak.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor 1.

YB ADUN Senaling: Terima kasih, Dato' Dipertua. Terima kasih YB Lobak ya, kerana bertanyakan tentang pendidikan awal kanak-kanak ya, soalan pertama. Untuk makluman, jumlah kita ada tiga, empat institusi ya, yang mengadakan pendidikan awal kanak-kanak ini iaitu KPM sendiri Tabika Perpaduan, Tabika KEMAS dan jugak swasta. Untuk makluman Dewan, di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, prasekolah sebanyak 225 buah sekolah yang ada prasekolah, melibatkan 356 bilik darjah. Bagi KEMAS, untuk tabika sebanyak 471 kelas dan untuk taska sebanyak 42 kelas. Dia ada beza ya, taska dan tabika. Untuk Jabatan Perpaduan, TABIKA Perpaduan berjumlah 120 manakala Taska Perpaduan sebanyak dua, 2 taska lah.

Di masa yang sama, Dato' Yang Dipertua, tadika swasta, sebanyak 381 buah tadika swasta yang ada di Negeri Sembilan buat, yang berdaftar

dengan, dengan kitalah setakat hari ini. Dan di masa sama ada 14 lagi buah tadika swasta yang masih dalam proses pendaftaran. Dan setakat ni kita tak pernah tolaklah permohonan daripada pihak swasta untuk menubuhkan tabika swasta. Terima kasih Dato' Dipertua.

YB ADUN Lobak: Terima kasih jawapan yang jelas sekali dari Senaling. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan ada, soalan seperti macam ni kerana sekolah, prasekolah memang utama sekali. Kami harap adalah kerajaan apa langkah-langkah untuk mengawal bahawa kualiti atau guru-guru, macam mana membantu mereka dapat sijil sekurang-kurang tu yang dari pusat ada cakap ni diploma. Apa bantuan dari Kerajaan Negeri supaya membantu guru-guru yang men latihan atau meng *upgrade* dia sendiri sebagai diploma. Satu, yang soalan tu. Selepas tu kami difahamkan antara bandar dengan luar bandar yang daftar, dalam prasekolah, nampak bilangan ramai tapi saya nak tahu angka tu, berapa murid adalah bezanya bandar dan luar bandar, adalah budak-budak yang generasi baru kita ini, ada masuk prasekolah atau ada ke atau tidak, tidak. Jikalau ikut bilangan Darjah 1, bilangan yang taska atau tu dia bilangan seimbang ke? Erti itu nak tanya adalah anak kita ini ada semua masuk prasekolah? Dan selain tu kami pun nak tanya ten tentang yang tu keselamatan di sekolah prasekolah. Macam yang bahawa, yang pertama sekali di swasta kerana baru sekarang ni ada budak-budak ni yang kes GISB itu, kami mengharap, kalangan yang khasnya swasta tapi termasuklah Perpaduan atau KEMAS pun kena mengutamakan mempastikan keselamatan anak-anak kita ini. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Dipertua. YB lobak tanya banyak sangat soalan tambahan. Saya pun tak tahu mana satu. Apa pun saya bacakanlah pada YB Lobak. Yang Berhormat, jumlah, saya bagitahu jumlah pelajar dulu ya. Bagi KPM ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia, prasekolah di bawah KPM, seramai 7,931 orang pelajar ya, di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, melibatkan guru dia seramai 356 guru. Itu untuk KPM ya YB. Untuk Jabatan Perpaduan iaitu Tabika Perpaduan tadi, jumlah pelajar tabika berserta dengan taska 2,233 orang dengan jumlah guru seramai 246 orang. Untuk KEMAS, bilangan murid di Tabika KEMAS, 10,022 orang, sementara taska yang 4 tahun, 5 tahun ke bawah ni, 751 orang. Dan di swasta, pihak swasta pulak, itu kemas ya, swasta murid yang masuk tabika swasta ramai, tabika swasta 12,344 orang keseluruhannya.

Bagi dari segi *ratio* ataupun orang kata nisbah luar bandar dan bandar, tak ada dicatat kat sini. Tinggal lagi kita maklum bahawa Tabika KEMAS kebanyakannya di luar bandar manakala swasta di bandar-bandar. Dan KPM pun agak agak seimbang di, lebih ramai di bandar daripada luar

bandarlah. Ini kita tengok kalau kawasan tu kawasan sekolahnya tu memang kelas apa ni, sekolah kurang murid. Maknanya dia punya tadika pun memang kuranglah. Itu dia punya kayu pengukur dialah ya. Sebab kita di luar bandar hari ni kita masih banyak yang SKM ataupun Sekolah Kurang Murid ni. Jadi dia selalunya dia samalah, kalau jumlah sekolah kurang murid di kawasan luar bandar di, budak tadikanya pun tak seramai itulah. Jadi jumlahnya minta maaf YB, kalau nak pecahannya saya bagi kemudianlah ya.

Dari segi guru-guru. Sepertimana kita sedia maklum bahawa guru-guru ni semuanya mendapat latihan yang cukup khususnya kalau yang setahu saya kalau KPM dan jugak KEMAS sekarang ni guru-guru Tadika KEMAS, Tabika KEMAS semuanya diwajibkan untuk mendapatkan diploma. Begitu jugak dengan swasta. Dan saya yakin dan percaya prasekolah di dalam negara kita khususnya di Negeri Sembilan ni memberikan, mempunyai guru-guru yang *qualified* dengan izin, *qualified teachers* dan *insya-Allah* anak kita dalam keadaan yang selamatlah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Senaling dengan jawapan amat jelaskan. Tapi sebagai DUN kawasan, kami harap kerajaan yang bawah pimpinan Sikamat yang utamakan pendidikan generasi baru kita ni, kami nampak ada bantuan BAS, ada bantuan BAN, atau siswa IPT, IPTA macam-macam ada. *So* saya harap untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak masuk sekolah, prasekolah, kami harap mungkin tahun akan datang, bajet 2026, buat satu *one off. One off* dengan izinnya, bantu menggalakkan ibu bapa hantar anak-anak mereka masuk ke itu prasekolah yang tertentu. Saya ucapkan terima kasih.

YB ADUN Senaling: Dato' Yang Dipertua, untuk itu mungkin tahun depan kita bincanglah keputusan yang YAB MB dan jugak kalau keadaan kewangan kita cukup mungkin boleh kita fikirkanlah. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Sungai Lui: Dato' Yang Dipertua saya, kemukan soalan pertama.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi bagi menjawab soalan daripada ADUN kawasan Lui yang bertanyakan berkaitan dengan pembangunan kawasan agropolis, Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, yakni sejauh mana pencapaian pembangunan pertanian di kawasan tersebut. Pembangunan agropolis ni Dato' Yang Dipertua, di Negeri Sembilan, merupakan teras kedua ya, dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan yang telah mencatat

kemajuan yang memberansangkan setakat ini. Sejak tahun 2021 sehingga September 2024, mengikut rekod, sebanyak 1,431 hektar kawasan telah pun berjaya dibangunkan dengan jumlah peruntukan terkumpul sebanyak 16.49 juta yang melibatkan 1,590 penerima manfaat daripada program ini. Daripada jumlah itu, sumbangan kita dalam memfokuskan kawasan ini adalah sebanyak 58% yang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri di dalam menyokong rancangan strategik ini. Perlaksanaan projek agropolis ini turut memberikan sumbangan besar kepada ekonomi Negeri Sembilan melalui pengeluaran tanaman makanan. Dan bagi tempoh tahun 2021 sehinggalah September 2024, projek ini telah menyumbang 212,617 tan metrik hasil tanaman makanan termasuk buah-buahan, sayuran, tanaman industri yang berpotensi dan padi yang bernilai 815.94 juta ringgit.

Pencapaian ini mencerminkan kejayaan pendekatan agropolis yang ditanya oleh ADUN Sungai Lui, di dalam memperkasakan sektor pertanian negeri. Dan agropolis Negeri Sembilan dirancang dengan matlamat untuk merangsang ekonomi setempat melalui integrasi elemen perbandaran dan dalam kawasan penempatan desa. Ianya melibatkan kawasan-kawasan seperti Jempol, Tampin, Rembau, Kuala Pilah yang mana projek ini bukan sahaja meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan tetapi juga membantu dalam pembangunan komuniti desa dengan menghubungkan infrastruktur ekonomi yang lebih mantap. Di samping menyumbang kepada ekonomi negeri, projek agropolis ini juga membawa kesan positif kepada komuniti setempat. Peningkatan pengeluaran tanaman makanan ini bukan sahaja menjamin bekalan makanan negeri yang mencukupi tetapi turut mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah sumber pendapatan kepada masyarakat di kawasan luar bandar. Sekaligus menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Sembilan dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat melalui sektor pertanian yang berjaya, berdaya maju dan mampan.

Dato' Yang Dipertua, perincian maklumat pengeluaran agropolis daerah ya, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Tampin sebagainya, saya akan hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat ADUN Sungai Lui kerana panjang ini. Dan saya akan hantarkan untuk makluman ahli Dewan juga selepas sidang nanti. *Insya-Allah,* terima kasih.

YB ADUN Sungai Lui: Okey, terima kasih atas usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Exco Kanan untuk kita terus memajukan sektor industri agropolis dalam Negeri Sembilan. Berhubung dengan perancangan seterusnya, bagaimana pula pendekatan ataupun strategi untuk menjadikan agropolis ni sebagai peluang kepada pemegang taruh

termasuk para belia yang berhijrah ke luar bandar, pemain industri yang ingin meneroka kawasan baru dan juga rantaian hiliran yang melibatkan perusahaan kecil dan juga sederhana?

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, secara kebetulan, soalan tambahan ini saya mempunyai fakta tambahan di dalam dokumen saya. Dan suka saya nak nyatakan di Dewan Undangan Negeri ini, ini bukan usaha Exco ataupun usaha saya seorang. Usaha ini merangkumi perancangan daripada Kerajaan Negeri termasuk yang dilaksanakan dan dirangka oleh pegawai-pegawai kerajaan kita. Kerana itu kita ucapkan tahniah kepada penjawat awam terutamanya pengarah, di dalam merangka satu pelan strategik untuk mendatangkan hasil kepada masyarakat kita terutamanya masyarakat luar bandar.

Soalan tambahan yang dikemukakan oleh ADUN Sungai Lui ni adalah, pembangunan agropolis ini merupakan teras kedua dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 dan telah dirangka sebagai satu langkah strategik untuk memastikan pembangunan mampan dalam sektor pertanian di negeri ini. Dalam rancangan RSNS 2045 ini, antara dokumen perancangan komprehensif yang telah dan akan memandu, memandu pembangunan fizikal dan ekonomi Negeri Sembilan sehingga tahun 2045. Saya nak baca ya, antara data untuk rekod Dewan, dalam Belanjawan Tahun 2025 yang baru saja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 8.63 juta untuk melaksanakan 8 Inisiatif Keterjaminan Makanan termasuk subsektor tanaman dan ternakan. 8.63 juta. Melangkah ke hadapan, pembangunan agropolis ini akan diperkukuhkan melalui penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Ke-13 bagi tempoh 2026 sehingga 2030. Proses penyediaan ini melibatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pemegang taruh untuk memastikan keberkesanan strategi ini berkesan yakni memberikan peningkatan peluang kepada belia untuk menceburi sektor program pertanian moden dan sebagainya untuk memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana dalam rantaian nilaian, nilai hiliran khususnya bagi kita memperkasakan produk hiliran seperti makanan terproses, hasil tani yang boleh memberikan nilai tambah.

Dan yang ketiga membuka ruang kolaborasi bersama pemain industri yang berminat untuk melabur dalam sektor pertanian yang sekarang ini saya dan juga Kerajaan Negeri memberikan tumpuan untuk membawa sebanyak mungkin pelabur-pelabur di dalam sektor pertanian di dalam negeri yang bertuah ini. Yang Berhormat Dato', Dato' Yang Dipertua melalui program RSNS 2045 ni, pembangunan agropolis bukan saja dijangka memperkukuhkan keterjaminan makanan tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi yang kita jangka sebagai

pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan dan inklusif sehingga tahun 2045. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Juasseh: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan yang pertama.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi untuk menjawab soalan ADUN Juasseh ini. ADUN Juasseh tanya soal, soalan nombor berapa?

YB ADUN Juasseh: Nombor 1.

YB ADUN Pertang: Usaha Pertubuhan Dinamis FELCRA iaitu WADIRA dalam mengembangkan usahawan ke peringkat antarabangsa. Hebat soalan ADUN sekarang, semua peringkat antarabangsa, Dato' Yang Dipertua. Ini adalah perkembangan yang begitu drastik. Antarabangsa, *international* dengan izin. Saya nak ucap terima kasih kepada ADUN Juasseh kerana memberikan penumpuan kepada WADIRA ni. WADIRA ni singkatan kepada Wanita Dinamis FELCRA ataupun ringkasnya WADIRA. WADIRA ni ditubuhkan di semua kawasan berpenempatan dan kawasan yang bukan berpenempatan. Objektif tubuhnya WADIRA ni ialah sebuah organisasi kaum wanita di kalangan isteri-isteri, bukan isteri-isteri. Isteri peserta-peserta. Haa ini kalau salah sebut, tarik balik. Saya tarik balik. Isteri peserta-peserta. Betul eh ADUN Pilah? Bukan isteri-isteri peserta ya? Pun boleh jugak, kalau boleh kita terima, itu pejuang wanita. Isteri peserta-peserta yang akan berperanan sebagai penyelaras dalam merencanakan dan melaksanakan aktiviti sosial dan ekonomi keluarga melalui 3 aspek.

Pertama: mewujudkan masyarakat wanita bersyukur berpengetahuan dan maju progresif dan dinamis. Kedua: mewujudkan pemimpin daripada kalangan ahli WADIRA yang mempunyai jati diri, lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengurusan yang berkualiti. Dan yang ketiga: membimbing dan menggalakkan WADIRA berkecimpung dalam bidang keusahawanan dan aktiviti komersial yang menguntungkan.

Dalam Negeri Sembilan Dato' Yang Dipertua, untuk makluman ADUN Juasseh dan ahli Dewan, 4, kita ada 4 buah WADIRA di Negeri Sembilan. Yang pertama: WADIRA Ayer Hitam dengan keahlian 98 orang. Kedua: WADIRA Lakai dengan keahlian seramai 87 orang, tak lebih pun daripada 100. Ketiga: WADIRA Felcra Bayai dengan keahlian yang ramai sikit 90 orang daripada DUN Serting. Dan keempat: Wadira

Felcra Gugusan Rompin, yakni Rompin B dengan keahlian seramai 15 orang je. Saya nak mintak ADUN-ADUN dan juga wakil kita di kalangan wanita supaya memperkasakan lagi WADIRA ini untuk kita tambah ramai ahli-ahli WADIRA ni.

Di Ayer Hitam mereka menjalankan *forte* ataupun *gist* perniagaannya sebagai kedai makan. Lakai: kedai makan, *homestay*, inap desa dan aktiviti kemasyarakatan. Felcra Bayai banyak tumpu kepada aktiviti kemasyarakatan. Gugusan Rompin banyak juga aktiviti kepada kemasyarakatan. Apa dia aktiviti kemasyarakatan? Baca Yasin, program bubur asyura, program kempen ataupun sambutan Maulidur Rasul, program masakan, fardu ain dan lain-lain. Ini semua adalah merupakan program yang dianjurkan oleh wanita, isteri peserta-peserta untuk memperkukuhkan hubungan mereka antara satu sama lain.

Saya nak sebut tentang peruntukan yang kita beri kepada WADIRA. Pada tahun 2022, pertama membina bangunan baru aktiviti WADIRA Lakai yakni inap desa berjumlah 135 ribu ringgit, menaik taraf bangunan WADIRA Rompin B berjumlah 13,500.00. Dan peruntukan pada tahun 2024 yang telah FELCRA salurkan kepada WADIRA untuk naik taraf Wadira Ayer Hitam, bangunan gerai makannya berjumlah 90,000.00 ringgit. *Intotal* Dato' Yang Dipertua dengan izin, jumlah peruntukan bagi tempoh 3 tahun, bagi WADIRA di Negeri Sembilan adalah sebanyak 238,500.00 ringgit yang telah pun kita lulus dan berikan kepada keempat-empat WADIRA di Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya kemukakan soalan pertama.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan Temiang, soalan nombor 1, mengenai Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua dalam gagasan untuk menjadikan Negeri Sembilan Lembah Ilmu dengan melahirkan modal insan yang cemerlang, Yayasan Negeri Sembilan telah memperuntukkan 2.5 juta ringgit bagi tahun 2024 bagi program anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan suatu bentuk penghargaan kepada anak-anak Negeri Sembilan yang telah berjaya dengan cemerlang dan mencapai pengijazahan kelas pertama di institusi pengajian tinggi awam. Dari Januari hingga Oktober tahun 2024, Yayasan Negeri Sembilan telah menyampaikan penghargaan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan pada

484 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dengan pembe, perbelanjaan peruntukan sebanyak 2.420 juta. Dan pada bulan November saya telah sendiri menyampaikan 170 lagi yang melibatkan 850 ribu ringgit berjumlah, *total* 3.270 juta kepada 654 graduan. Ini melebihi daripada sasaran 2.5 juta.

Antara syarat pertama pemohon adalah anak, Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama ini mestilah anak kelahiran Negeri Sembilan, bersekolah rendah di Negeri Sembilan serta, serta terbuka kepada graduan ijazah muda yang telah berjaya memperolehi kelas pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Untuk makluman juga bahawa Universiti Pengurusan Dan Teknologi Tunku Abdul Rahman tidak tersenarai sebagai institusi pengajian tinggi awam dan terkeluar daripada syarat permohonan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Temiang: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan semulalah cadangan saya di mana diberikan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama ini kepada mahasiswa daripada Universiti Pengurusan Dan Teknologi Tunku Abdul Rahman di mana mereka juga adalah anak Negeri Sembilan. Dan kebanyakan mereka adalah daripada golongan yang berpendapatan rendah di Negeri Sembilan. Jadi mereka amat berharap untuk untuk mendapatkan pertolongan ini daripada Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita sebenarnya berharap kalau boleh kita nak bagi semua anak Negeri Sembilan supaya memperolehi ya. Tetapi kita sedia maklum bahawa dengan peruntukan sedia ada, dan kekangan dan kita lihat semakin tahun semakin ramai yang menerima Ijazah Kelas Pertama ini dengan kepujian. Dan saya ber, saya be, saya kalau diizinkan Allah jika ada lebihan kita tidak menjadi masalah untuk Yayasan Negeri Sembilan membuka sedikit ruang. Tetapi apa yang kita lihat hari ini IPTA ya meletakkan Ijazah Kelas Pertama itu 3.75 ya, CGPA dia, berbanding dengan swasta meletakkan 3.5 CGPA sebagai Cemerlang Kelas Pertama. Jadi ada perbezaan dan pengiktirafan itu juga berbeza-beza. Jadi Dato' Yang Dipertua kita akan melihat semula dan kita akan menilai daripada masa ke semasa, *insya-Allah* kita akan pertimbangkan perkara tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: *Assalamualaikum*, selamat sejahtera. Soalan nombor 1 Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan pertama daripada ADUN Serting, terima kasih atas soalan tersebut, mengenai permit pengeluaran pasir, betul ya? Okey. Dato' Yang Dipertua sehingga 31 Oktober 2024, Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan sebanyak 37 bilangan permit pasir sungai iaitu 13 permit daerah Seremban, 8 permit di daerah Kuala Pilah, 6 permit daerah Rembau, 5 permit di Daerah Kecil Gemas, 4 permit di daerah Jelebu, 1 permit di Daerah Port Dickson.

Bagi daerah Seremban senarai pemegang permit adalah seperti berikut iaitu Yayasan Negeri Sembilan, Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan Management Sendirian Berhad, Kamarulzaman bin Baharudin dan Rosmani binti Abdul Rahman. Bagi daerah Kuala Pilah, senarai pemegang permit adalah seperti berikut, Yayasan Negeri Sembilan Management Sendirian Berhad dan Rosli bin Md Yusof. Bagi daerah Rembau, pemegang permit adalah pasir adalah Yayasan Negeri Sembilan Management Sendirian Berhad. Dan bagi Daerah Kecil Gemas, senarai pemegang permit adalah Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan. Bagi daerah Jelebu, senarai pemegang permit adalah seperti berikut iaitu Yayasan Negeri Sembilan Management Sendirian Berhad, Semak Bakti Sendirian Berhad, Yang Teramat Mulia Dato' Mendika, Menteri Dato' Haji Maarof Bin Mat Rashad dan Shahnizar binti Kamil. Bagi daerah Port Dickson, pemegang permit adalah Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan. Sehingga 31 Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah mengutip bayaran royalti pasir sungai sebanyak 1.209 juta ringgit. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Serting: Soalan tambahan. Dari sudut penguatkuasaan dan juga pemantauan, jabatan manakah yang bertanggungjawab kepada syarikat-syarikat ini supaya mematuhi peraturan ataupun peraturan telah ditetapkan dan tidak mencemarkan ekosistem sungai. Itu yang pertama. Dan yang kedua, adakah selain daripada syarikat-syarikat sebutkan tadi adakah kot syarikat-syarikat haram maksudnya yang turut mengusahakan? Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Serting ya. Kita sedia maklum bahawa Pejabat Tanah Daerah adalah merupakan agensi yang menjadi penguatkuasa bagi apa juga aktiviti pasir bersama dengan JPS dan juga dengan Pejabat Tanah Galian Negeri. Mengenai operasi haram pasir, masih berlaku. Dan saya sentiasa berharap ada maklumat-maklumat yang boleh diberikan daripada masa ke semasa. Dan banyak tindakan yang telah kita ambil. Dan terbaru adalah di di Nilai ya, kita telah mengambil, telah menahan sebuah lori dan kita telah sita lori tersebut sehingga ke hari ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Jemput Yang Berhormat Johol.

YB ADUN Johol: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Johol soalan nombor 2.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan pekan-pekan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk di kawasan Johol, berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah 2035, kawasan Johol mempunyai 2 pekan kecil iaitu di Pekan Johol dan juga di Pekan Air Mawang. Bagi *zoning* perniagaan, mempunyai keluasan 12 hektar untuk aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Bagi *zoning* perumahan pula mempunyai keluasan sebanyak 19 hektar bagi kawasan penempatan baru. Selain itu, Johol juga berfungsi sebagai Pusat Agro Tani iaitu kawasan berasaskan pertanian sebagai aspek ekonomi, fizikal dan juga sosial penduduk setempat. Di samping itu, kawasan Johol juga terlibatlah bagi aktiviti memelihara dan memulihara fasad bangunan bagi mengekalkan imej bangunan warisan. Majlis Daerah Kuala Pilah akan memudahcarakan permohonan, cara permohonan pembangunan dan pelaburan yang menepati perancangan seperti di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah 2035. Pada masa ini Majlis Daerah Kuala Pilah sedang berusaha menaik taraf fasiliti asas agar dapat menarik minat pelabur untuk melabur di, pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YB ADUN JOHOL: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan ya. Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan berkaitan dengan PBT di kawasan Johol. Jadi saya nak menarik perhatian sebenarnya rasanya di Johol ada 3 kawasan yang terlibat dalam majlis daerah iaitu Pekan Dangi, Pekan Johol dan Pekan Air Mawang kan. Apa yang saya nak *highlight* kan di sini ya, ialah berkaitan dengan memastikan pekan kecil ini berdaya saing. Yang pertama ialah pekan-pekan kecil ini kebanyakan bangunan-bangunannya adalah kepunyaan persendirian ya. Jadi punya persendirian ini mungkin pekan yang dah lama mereka dah berasa selesa dan kadang-kadang mereka itu tidak membuka kedai itu. Dan ada sebahagian kedai-kedai itu dijadikan tempat sarang burung walit sebenarnya di kawasan pekan sendiri. Yang mana saya pernah utarakan dalam Dewan yang mulia ini satu tem, satu ketika dulu berkaitan dengan pekan-pekan yang mempunyai bangunan yang digunakan untuk burung walit ya.

Jadi saya amat berharap ya dan jugak sebahagian daripada pekan-pekan di kawasan Johol contoh di Pekan Air Mawang ya yang melibatkan ada kawasan tanah persendirian. Bila tanah persendirian ni untuk maklumat Yang Berhormat Nilai, kadang-kadang itu dari segi nak

menjaga tanah persendirian ni daripada segi semak samunnya kan, kita terpaksa menggunakan apa dia panggil, khidmat daripada Majlis Daerah untuk membantu supaya pekan itu tidak nampak, supaya tidak akan nampak semak dan sebagainya. Jadi saya amat berharap dalam sepertimana kata tadi pelan tempatan 2035 ini kan, dari segi penguatkuasaan di pekan-pekan kecil ni, perlulah diambil kira.

Dan jugak saya amat berharap infrastruktur di kawasan pekan-pekan kecil khususnya di kawasan Johol ini seperti perparitan dan sebagainya perlulah dinaik taraf kan, supaya tidak timbul perkara seperti banjir kilat dan sebagainya. Contohnya di Air Mawang, pihak MARA telah menaik taraf bangunan sedia ada sebanyak 4 unit dengan kos yang lebih kepada 700 ribu. Terima kasih Yang Berhormat Exco Kanan. Tetapi apa yang saya risau ialah sistem perparitan di kawasan itu sendiri mungkin, nanti dah siap cantik tetapi kita tak boleh apa kata tu, bila berlaku keadaan banjir dan sebagainya akan ada akibat di kawasan yang mungkin yang baru dibina. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Okey Dato' Seri, Yang Dipertua, isu tanah terbiar dan juga bangunan-bangunan yang tidak diselenggara ini bukan sahaja berlaku di pekan-pekan kecil tetapi di kawasan-kawasan bandar-bandar besar pun berlaku disebabkan oleh pemilik tanah tersebut ataupun bangunan tersebut tidak menjaga kawasan tersebut. Dan sudah tentu Majlis Daerah ataupun Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan dengan memberikan Notis Kacau Ganggu. Dan kalau tidak diambil tindakan untuk satu tempoh, Majlis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan. Dan ini pernah dilakukan di beberapa tempat, selepas pembersihan dan juga tindakan diambil, caj tersebut akan dimasukkan ke dalam Cukai Taksiran mereka. Ini dipraktikkan oleh beberapa Pihak Berkuasa Tempatan dan kita harap akan diteruskan di beberapa tempat lain.

Berkaitan dengan pekan-pekan kecil ini yang sistem perparitan ni, kebanyakan pekan-pekan kecil ini terletak di sebelah jalan JKR. Dan memang kita beberapa tempat menghadapi masalah dalam tempat-tempat sistem perparitan ini. Dan untuk kawasan-kawasan Jalan Negeri, kita ada peruntukan MARRIS yang boleh digunakan untuk membuat ataupun menaik taraf sistem perparitan. Dan juga untuk beberapa tempat, kita jugak telah pun mohon peruntukan daripada BP1 Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan untuk kita menaik taraf beberapa sistem perparitan yang menghadapi masalah. Dan untuk beberapa kawasan di Pekan Air Mawang, Pekan Dangi dan juga Pekan Johol, kita akan cuba untuk mendapatkan peruntukan daripada beberapa sumber ini untuk pastikan sistem perparitan di kawasan itu

dapat dinaik taraf dan juga memberikan keselesaan kepada peniaga dan juga pengunjung ke tempat tersebut.

Berkaitan dengan burung walit itu, memang kita tidak memberikan lesen khususnya di kawasan-kawasan pekan seperti ini. Dan kalau ada kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan kedua.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Mambau yang mengemukakan soalan berkenaan dengan pelancongan JPKK kampung di Negeri Sembilan. Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah berperanan dalam menambah baik infrastruktur dan kam, kemudahan di kampung menerusi Program Jalan Perhubungan Desa dan Projek Aminiti Sosial agar jurang antara bandar dan luar bandar tidak ketara. Selain itu, pada tahun 2024, KKDW telah menyediakan insentif tadbir urus Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) sebanyak 5,000.00 secara *one off* dengan izin. Tujuan insentif tersebut diberikan adalah bagi meningkatkan motivasi dan menyuntik semangat JPKK untuk merancang dan melaksana program di kampung masing-masing di samping menggerakkan penglibatan komuniti setempat serta memberi manfaat kepada seluruh kampung menerusi pelaksanaan program atau aktiviti termasuk pelancongan yang bersesuaian dengan keperluan sebenar masyarakat setempat.

Antara usaha yang sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah melalui bantuan khidmat nasihat berkenaan dengan permohonan di bawah MOTAC. Kami ada 2 permohonan yang boleh dimohon melalui MOTAC. Yang pertamanya adalah GSSK, untuk program yang berunsur kebudayaan. Dan satu lagi adalah GSSP untuk program pelancongan. Dan permohonan ini boleh sampai ke 1.0 juta untuk program antarabangsa. Dan saya akan, pejabat saya akan memberi khidmat nasihatlah dan kita cuba memudah cara untuk membuat kedua-dua permohonan GSSK dan GSSP ini. Dan melalui persatuan-persatuan seni dan budaya mahupun NGO pun boleh membuat permohonan bagi sebarang geran tersebut, yang saya sebut tadi, yang memfokuskan ke atas penganjuran acara pelancongan oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri. Penganjuran secara terbahagi kepada dua iaitu acara domestik dan antarabangsa.

Selain itu juga Kerajaan Negeri melalui LPNS juga akan mengenal pasti program-program atau acara yang kami dapat masukkan ke dalam *calendar of events* dengan izin, untuk tahun hadapan. Kami akan buat satu perjumpaan atau bengkel bersama-sama dengan semua pemegang taruh pada 26 dan 27 haribulan November ini supaya kita dapatlah pandangan dan juga cadangan program yang bakal diadakan pada 2025, dan kita akan susun program iaitu takwim pelancongan untuk tahun depan bersama-sama dengan semua pemegang taruh. Tujuannya adalah kita boleh menghadapi Tahun Melawat Negeri Sembilan pada 2026 untuk mempromosi dan menggalakkan kehadiran pelancong ke produk-produk pelancongan di daerah.

Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan 1.0 bilion dalam belanjawan yang terkini, untuk tahun hadapan untuk program Sejati MADANI. Dan 5 sektor tumpuan Program Sejahtera Komuniti Madani adalah pertanian dan makanan dan lain-lain yang termasuk pelancongan. Kami, kami difahamkan bahawa projek pertama Sejati MADANI yang diluluskan adalah untuk program pelancongan di sawah Londah. Dan di mana mereka memohon untuk ATV untuk dijadikan, untuk menghantar pelancong-pelancong melalui sawah Londah dan juga diberi pengalaman tentang macam mana nak masak rendang maman, macam mana nak masak tarat bangka hulu. *So* itu adalah salah satu inisiatif yang boleh diambil dimohon melalui Sejati MADANI. Terima kasih.

YB ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jadi terima kasih kepada Exco, Exco Pelancongan yang memberi jawapan yang menyatakan banyak geran yang boleh dipohon untuk memajukan JPKK. Jadi Dato' Yang Dipertua, untuk makluman *team* JPKK Kampung Baru Mambau, di kawasan DUN Mambau merupakan salah satu JPKK yang aktif di kawasan DUN Mambau. Dan ahli-ahli jawatankuasa sentiasa melaksanakan banyak program setiap tahun atau setiap minggu seperti program amal, program masakan, program bersenam, setiap minggu pun ada program di sana. Demian juga, demikian juga mula menarik ramai pelancong ke kampung tersebut untuk lawatan lukis mural dan tanaman bunga matahari. Jadi soalan saya Dato' Yang Dipertua, apakah perancangan usaha Kerajaan Negeri untuk untuk memajukan sektor pelancongan bersama-sama JPKK yang berlokasi di tempat yang strategik dan mempromosikan tempat pelancongan berhampiran dengan Lebuhraya Port Dickson di situ. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Mambau yang mengemukakan soalan tambahan berkenaan dengan apakah usaha Kerajaan Negeri untuk bersama-sama

dengan JPKK Mambau. Soalan, jawapan saya adalah, bukan sahaja ditujukan kepada JPKK Mambau, kepada semua JPKK yang aktif. Di mana kami harus ada satu produk yang dapat melambangkan JPKK tersebut. Seperti Mambau, kita sedia maklum sinonim dengan bunga matahari, dengan biskut matahari dia, biskut biskut yang macam-macam lagi. Bersama-sama dengan mural yang seperti *treasure hunt.* Ini agak sinonim dengan Mambau. Dan untuk JPKK yang lain juga, dia ada produk yang sinonim dengan JPKK tersebut. Misal kata di Lonek, dia ada produk rotan, dia ada mengkuang, produk buluh. Dekat Kuala Pilah dekat Terachi, dia ada gula anau. Dekat Johol dia ada apam Johol. *So* dekat Pachitan ada nak nasi ambeng, pecal. *So* setiap *homestay* atau setiap JPKK harus ada, kenal pasti satu produk yang dapat melambangkan JPKK tersebut.

Selepas itu apakah pengisian? Pelancong takkan nak pergi ambil gambar, lepas itu dia pergi, pengalaman memasak kuih matahari. Lepas itu apa pengisian? Mungkin *treasure hunt* untuk mural. Itu mungkin 2 jam. Selepas itu, kita harus ada usaha sama dengan, misal kata kalau sangat strategik dengan Port Dickson, kita boleh ada usaha sama dengan hotel-hotel di Port Dickson. Di mana pelancong-pelancong ini akan, sebelum pergi menginap dekat hotel di Port Dickson, boleh melalui proses di JPKK sini. Kemudian selepas pengalaman di JPKK Mambau, makan tengah hari di di apa tu, restoran termuka, terkemuka di Mambau itu, terus pergi ke hotel. Dan di produk-produk PD jugak ada banyak produk PD. *So* kita buat satu itinerari mungkin satu hari, 2 hari, 3 hari yang merangkumi produk-produk menarik, menggembleng tenaga dengan produk-produk yang lain di Port Dickson. Misal kata *sky ladder*, uncle Wong, Muzium Tentera, *ostrich farm, herbal farm,* dan ikan hiasan. *So* bersama-sama gerak. Maka saya rasa JPKK dapat ada apa *sustainability* lah dengan izin. Kalau tidak, semata-mata pergi JPKK, dia tak ada pengisian lain, tak menarik. *And then* kita tak dapat memastikan pelancong ini memanfaatkan lagi sektor pelancongan di Negeri Sembilan. Saya, kami LPNS akan jadi permudah cara untuk kita sama-sama mengumpul produk-produk aa untuk kita bina satu itinerari. Itu janji kamilah, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Jeram Padang.

YB ADUN Jeram Padang: Yang Dipertua, soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Jeram Padang atas soalan mengenai membina baru Masjid Al-Hidayah, Rompin. Masjid Al-Hidayah Rompin ni merupakan satu masjid yang amat strategik terletaknya. Dan kita sedia maklum bahawa ramai jemaah daripada luar mengunjungi masjid ini apabila melalui jalan

utama Rompin tersebut. Dan saya sendiri akan selalu singgah ke kawasan ini untuk menunaikan solat ya. dan apa yang menarik masjid ini bersih dan dia, kita boleh katakan bahawa mesra jemaah. Jadi saya ucapkan tahniah kepada pihak pengurusan masjid di kawasan tersebut. Dan saya lihat juga masjid itu masih agak agak elok. Namun begitu jika ada permohonan daripada pihak ADUN Jeram Padang untuk keperluan sebuah masjid yang baru, kita akan bawa permohonan ini, mengangkat permohonan ini bagi meroboh dan bina baru di lokasi yang sama dalam perancangan Rancangan Malaysia Yang Ke-13 *insya-Allah*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Jeram Padang: Terima kasih Dato' Seri.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Sri Tanjung

YB ADUN Sri Tanjung: Dato' Yang Dipertua, Sri Tanjung mengumumkan soalan nombor 2.

YB ADUN Senaling: Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Sri Tanjung yang bertanyakan tentang pembinaan bangunan prasekolah baru di SJKT PD. Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Prasekolah Dan Rendah JPNS telah menghantar permohonan cadangan pembinaan satu bilik darjah prasekolah, SJKT Port Dickson ini untuk Rancangan Malaysia Ke-12 yang lalu. Dah hantar ya. Walau bagaimanapun, cadang tersebut tidak melepasi saringan pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian ataupun BPSH kerana terdapat laluan dan talian paip bersempadan dengan SJKT Port Dickson di tanah yang telah dicadangkan. Jadi dah dihantar tetapi dari segi saringannya tak lulus sebab ada masalah kawasan itu, tanah itu. Surat SJ pada SJKT PD bertarikh 3 Februari 2021 dirujuk ya.

Bagi permohonan Rancangan Malaysia Ke-13 juga permohonan telah dibuka kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk menghantar permohonan bagi sekolah-sekolah yang berminat menyedia, penyediaan senarai perancangan program projek baru. Jadi untuk tahun 2000, tahun depan tak sempat YB, tapi untuk tahun 2026, saya dah minta Jabatan Pendidikan, PPD Port Dickson untuk membuat permohonan lagi tujuan perluasan prasekolah di bangunan SJKT PD. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: *Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1, Arked Senawang.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan Arked Senawang. Arked Senawang ini pihak Majlis telah pun melantik pengurus bagi menguruskan gerai Arked Senawang dan juga menarik perhatian pengunjung. Jumlah gerai yang ada di sana adalah sebanyak 39 unit. Gerai yang aktif beroperasi adalah sebanyak 29 gerai, kurang aktif – 6 dan masih ada gerai kosong sebanyak 10. *So* daripada anggaran pengunjung yang hadir ke gerai ini ataupun arked ini adalah sebanyak 350 orang. Selain daripada itu operasi arked awak, Arked Senawang ini telah diswastakan. Tujuan penswastaan adalah untuk membolehkan arked ini diuruskan dengan lebih teratur dan juga fokus dalam melaksanakan pelbagai program promosi dan juga mengenal pasti produk-produk yang *signature* untuk dijual di arked ini. Ini adalah salah satu usaha daripada Majlis Bandaraya Seremban untuk memastikan beberapa tempat yang sebelum ini mungkin tidak mendapat sambutan, memberikan kepada beberapa pihak tertentu untuk menguruskan kawasan tersebut dengan membawa masuk beberapa perniagaan ataupun gerai ataupun produk yang dapat menarik ramai pengunjung datang ke kawasan tersebut.

Dari segi penambahbaikan infra, beberapa akses ke arked ini telah pun ditambah. 2 laluan titi baru ke arked telah dibina bagi memudahkan pengunjung masuk ke arked ini untuk memberikan keselesaan kepada semua pengunjung yang datang ke kawasan ini dengan lebih senang, lebih mudah dan juga ia secara tidak langsung akan menambah perniagaan peluang perniagaan ataupun *business* kepada peniaga-peniaga yang berada, berniaga di Arked Senawang ini. Terima kasih.

YB ADUN Paroi: Soalan tambahan Yang Berhormat Exco. Berkenaan Arked Senawang ni, saya telah berjumpa dengan peniaga. Dan apa yang berlaku ialah, soalan saya adalah adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti punca utama mengapa Arked Senawang ni tak ramai pengunjung, gagal untuk menarik pengunjung dan jugak perniagaan. Sebab pertamanya ialah sebelum ni kalau tengok di akhir arked, Arked Senawang tersebut, *uptown* ya, waktu malam. Sekarang ni tak ada lagi dah. Haa itu. Dan adakah data atau maklum balas, apakah data atau maklum balas ya, dari, yang diperolehi daripada peniaga dan pengunjung untuk membantu perancangan yang lebih efektif di Arked Senawang?

Kalau kita tengok ya, langkah-langkah ya, terdapat beberapa contoh ya. Ni contoh untuk makluman Yang Berhormat Exco. Di Malaysia, di mana Kerajaan Negeri telah mengambil langkah intervensi untuk memulihkan dan merancakkan semula pusat perniagaan yang menghadapi cabaran serupa dengan arked. Berikut adalah beberapa contohlah. Contohnya di Subang Jaya, Selangor. Dia apa, Kenari Lane

ya. Kenari Lane ni merupakan kawasan komersial mengalami masalah kurang sambutan dan jugak aktiviti perniagaan yang lesu lah. Apabila Majlis Perbandaran Subang Jaya melaksana inisiatif untuk mengubah, menambah baik, menjenamakan semula kawasan tersebut, menjadikan hab perdagangan setempat itu kondusiflah. Hasil inisiatif ini berjaya menarik semula pengunjung dan peniaga menjadikan Kenari Lane lebih hidup dan berdaya. Rasa Arked Senawang ni daripada info kami turun ke bawah itulah ya, maknanya dia malap. Maknanya kawasan itu kawasan *uptown* yang boleh di dimajukan lagi dan fasiliti mestilah ditambah ya untuk Arked Senawang. Itu sedikit pandangan.

YB ADUN Nilai: Dato' Seri, Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan kawasan di Arked Senawang ini, sepertimana yang saya tadi nyatakan, kita telah pun menswastakan dan pihak tersebut telah pun mengambil beberapa tindakan dan walaupun kita telah swastakan tetapi setiap tindakan yang dibuat di sana perlu mendapatkan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Majlis Bandaraya Seremban. Dan terima kasih jugak atas pandangan, merujuk kepada beberapa tempat yang lain dan kita di di Majlis Bandaraya Seremban kita akan cuba. Dan Majlis Bandaraya Seremban juga mempunyai perancangan untuk membantu kepada pihak tersebut untuk mengadakan beberapa program di kawasan lapang dengan menjalankan program-program yang boleh diberikan diskaun, dan juga contohnya seperti kompaun, memberikan diskaun kepada kompaun yang dapat menarik lebih ramai orang datang ke sana. Dan ini adalah antara usaha yang sedang dirancang. Dan kita akan cuba memastikan gerai-gerai ataupun kemudahan-kemudahan ini jugak dapat dinaik taraf mengikut keperluan dan juga keutamaan untuk memastikan setiap tempat ini dapat menarik lebih ramai. Dan juga satu lagi juga, kita juga dimaklumkan ada 10 gerai yang masih belum diisi. Dan kita akan cuba untuk menambahkan supaya lebih ramai peniaga ada, lebih ramai pengunjung akan datang, lebih ramai produk dapat dipasarkan dekat sana. Itu juga akan membantu untuk menarik lebih ramai pengunjung ataupun rakyat datang ke sana. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun …..

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker*, Dato' *Speaker* ….

YB Yang Dipertua Dewan: …. tamat.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker,* mohon mintak maaf Dato' *Speaker.* Saya sebagai *backbencher*, ada satu cadangan sebab 2008 sampai hari inilah, biasa kita 11:30 atau 11:35 lisan kita tamat. Tapi

hari ni saya tengok ada lagi 7 orang, 8 orang. Semua penting pasal ini 4-5 hari kita persidangan ada jalan. Sebab itu boleh tukar sedikit tak? Boleh tambah masa, lisan, boleh kalu semua boleh angkat bahagian …..

YB Yang Dipertua Dewan: Itu dalam buku peraturan Yang Berhormat. Dalam buku peraturan, ditetapkan satu jam setengah.

YB ADUN Johol: Okey Tuan Pengerusi, saya pun menyokong apa yang dikatakan oleh Seremban Jaya tadi sebab saya, apa yang saya tengok ialah pada hari ini hanya 15 daripada 40 soalan. *Less than 50%* soalan yang apa ni, kita bincangkan di Dewan ini. Kalau boleh mungkin, kalau hari tak boleh, mungkin besok ke kita tambahan masa itu untuk rakan-rakan saya yang belum dapat menanyakan soalan ya.

YB ADUN Labu: Tuan *Speaker* saya menyokong cadangan daripada YB Johol dan juga Seremban Jaya. Pada sidang DUN yang lepas kan, kita walaupun kita ada hari yang panjang untuk bersidang, tapi ada satu-satu tempoh kita habis dalam pukul 2:00 petang ke 3:00 petang. Jadi hari ni kita membincangkan isu berkenaan masyarakat, saya rasa sahabat-sahabat lain pun memerlukan ruang untuk membawak masalah dalam kawasan. Jadi apa salahnya kita pertimbangkan dan mungkin kita boleh panjangkan ke tempoh maksimum dalam sidang DUN penggal ketiga ini. *Insya-Allah,* terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa soalan lisan ni dia tertakluk di dalam buku, buku peraturan itu sendiri. Satu jam setengah. Dan mungkin mungkin lebih daripada itu, mungkin ada budi bicara Yang Dipertua lah. Tapi kita tak boleh nak lambatkan lebih daripada ketara sangat. Jadi saya mintak nanti kalau boleh ada macam, apa ni peraturan ke kalau diubahkan melalui mana, Exco ke, atau macam manalah, kita cari cara tu, Nak ubah peraturan tu. Tapi setakat ni saya ingat ya, mungkin besok saya boleh kasilah, budi bicara 5 minit ke 10 minit. Tapi setakat hari ni saya ingat kita pegang pada peraturanlah. Baik tuan-tuan. Jadi ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab, akan diberikan jawapan secara bertulis.

3.2 Pertanyaan-Pertanyaan Bertulis

Setiausaha Dewan: Pertanyaan keduanya berkenaan dengan Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan bertulis yang diberitahu terlebih dahulu seperti yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

[Perbincangan di antara Setiausaha Dewan dan YB Yang Dipertua Dewan]

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

4. <u>RANG UNDANG-UNDANG</u>

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024]

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua dan telah disokong. Sepertimana yang telah dipersetujui pada hari Jumaat yang lepas, Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 akan dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang ini. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan kedua-kedua perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

Jadi saya akan panggil nama ahli Yang Berhormat yang yang akan berbahas. Jadi saya minta ya, ahli-ahli Yang Berhormat supaya ikut Peraturan Dewan di dalam perbahasan. Jikalau ada ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah masa pertanyaan tu mesti ditujukan kepada saya. Dan kemudian kita akan mintak kebenaran pada yang pegang *floor*. Jadi, saya tak saya tak mahulah ada ahli Yang Berhormat terus bangun terus mencelah tanpa kebenaran siapa ya. Jadi saya jemput ya, Yang Berhormat Johol.

YB ADUN Johol: *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*. *Assalamualaikum WBT*. Salam sejahtera dalam, salam Malaysia Madani. Pertamanya marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita semua dapat hadir ke dewan ini untuk membawa suara hati rakyat di kawasan yang masing-masing wakili. Suka untuk saya mulakan hujah saya pada pagi ini dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang menyeluruh, inklusif dan

berpandangan jauh. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat itu boleh kita sifatkan sebagai penuh berwawasan, sesuai dengan temanya iaitu Bersama Membina Negeri Madani. Tema yang, tema ini mencerminkan usaha Kerajaan Negeri untuk terus memastikan kemajuan ekonomi negeri dan kebajikan rakyat berada pada tahap terbaik berlandaskan nilai-nilai madani iaitu Amanah, dinamik, adil, nilai-nilai Islam dan inklusif. Hasilnya saya dapat rumuskan dan memberi perspektif bahawa Belanjawan Negeri 2025 ini bukan sekadar sebuah dokumen perancangan kewangan tetapi juga mencerminkan visi dan iltizam Kerajaan Negeri untuk terus memajukan negeri kita ini yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya adat perpatih.

Bagi tujuan itu, suka untuk saya tarik perhatian kesemua ahli Dewan yang mulia ini untuk menghayati ungkapan ahli falsafah terkemuka Confusius yang berbunyi "*The strength of the nation derived from the integriti of the home*" dengan izin, atau kekuatan sesebuah negara terletak pada keutuhan keluarga dan komuniti setempatnya. Daripada ungkapan ini, dapatlah kita fahami bahawa asas kejayaan sesebuah negeri mahupun negara bergantung pada kestabilan, keharmonian dan perpaduan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita boleh jadikan Johol sebagai contoh masyarakat yang teguh berpegang kepada adat dan tradisi menjadi bukti bagaimana kekuatan komuniti dapat menjadi tunjang kepada kemajuan bersama. Belanjawan Negeri 2025 yang dibentangkan ini sangat bertepatan dengan semangat tersebut. Ini tidak hanya menekankan pembangunan infrastruktur dan ekonomi tetapi turut menitikberatkan keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan dan yang terutama kebajikan rakyat. Sebagai masyarakat perpatih yang sentiasa menjadikan adat sebagai panduan serta tunjang hidup bermasyarakat, belanjawan ini ibarat sebuah jambatan yang menghubungkan tradisi yang kita warisi dengan inovasi yang kita impikan. Sekaligus ia selari dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Negeri selama ini yang mahu menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang kekal beradat tetapi kalis masa hadapan atau *future proof* dengan kemampuan kita untuk berinovasi dengan kemajuan teknologi dan digital yang semakin kompleks.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, infrastruktur yang baik adalah asas kepada kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat. Menerusi pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, saya telah dimaklumkan bahawa sejak 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan 2.32 bilion untuk menyelenggara jalan raya sepanjang 7,032 kilometer, memperbaiki 141 jabatan dan membaik pulih cerun dengan kos 194.23 juta. Namun, cabaran kita adalah untuk memastikan pembangunan ini selari dan seimbang dengan keperluan masyarakat.

Sebagai contoh, walaupun sistem jalan raya telah dinaik taraf tetapi sistem pengangkutan awam di negeri kita masih perlu banyak lagi ditambah baik. Saya mencadangkan agar sistem bas henti-henti diperkukuhkan terutama di kawasan luar bandar seperti Johol dan Kuala Pilah agar rakyat dapat menikmati pengangkutan awam yang lebih cekap dan menjimatkan kos perbelanjaan mereka. Kita juga boleh mengambil inspirasi daripada negeri jiran seperti Singapura yang telah memperkenalkan bas elektrik, di Kuala Lumpur bas elektrik sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian. Bagi merealisasikan hasrat ini, mungkin Kerajaan Negeri boleh menjemput syarikat operasi awam yang berpengalaman seperti Rapid KL untuk membantu kita memperkukuhkan sistem pengangkutan awam di negeri kita. Dengan karisma dan kebijaksanaan yang ada pada Yang Berhormat Chennah sebagai Menteri Pengangkutan, saya yakin aspirasi dan impian ini mampu untuk dicapai apatah lagi sebagai anak tempatan, Yang Berhormat Menteri pasti faham mengenai keperluan untuk kita perkasakan sistem pengangkutan awam di negeri kita. Apa pun saya sedar untuk kita mempertingkatkan lagi infrastruktur pengangkutan awam di negeri ini bukanlah sesuatu yang mudah. Prosesnya memakan masa bertahun-tahun. Tapi saya juga percaya bahawa untuk mencapai setiap daripada impian kita, ia perlu bermula dengan langkah pertama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sistem pendidikan kita perlu terus diperkasa untuk memastikan Negeri Sembilan melahirkan generasi yang berdaya saing dalam dunia global. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas kesediaan menyediakan peruntukan 19.67 juta dalam Belanjawan 2025 ini untuk menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga mempunyai visi yang jelas terhadap pendidikan. Antara inisiatif pendidikan yang amat saya setuju adalah peruntukan sebanyak 300 ribu bagi tujuan pengenalan pendidikan, kecerdasan buatan iaitu AI. Dalam dunia teknologi yang semakin kompleks seperti hari ini, sudah tiba masanya kita sediakan rakyat kita dengan ilmu berteknologi. Negara-negara seperti Korea Selatan telah membuktikan bagaimana AI dapat digunakan untuk melahirkan generasi pakar teknologi. Keadaan, Kerajaan Negeri perlu terus memperluaskan program seperti ini agar kita mampu melahirkan bakat tempatan yang bersedia menghadapi cabaran revolusi industri ke-4 ini. Untuk memahami konteks ini suka untuk saya ajak Dewan yang mulia ini untuk mendalami kata-kata tokoh ilmuwan negara; Profesor Diraja Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas seperti seperti yang menekankan bahawa pendidikan bukan sekadar alat untuk kemajuan ekonomi tetapi juga alat untuk mendidik akal dan jiwa manusia. Maka oleh kerana itulah saya menyokong ikhtiar oleh Kerajaan Negeri ini kerana dengan pendidikan yang baik sahaja kita mampu melahirkan sebuah generasi bangsa yang cemerlang,

berintegriti dan seimbang nilai inteleknya antara nilai-nilai moral dan agama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain fokus kepada pembangunan moden, Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab memastikan komuniti orang Asli tidak terpinggir. Bagaimana berdasarkan data yang saya dapat menerusi pen, pencarian sendiri, Negeri Sembilan mempunyai lebih 4,000 penduduk orang Asli yang tinggal di lebih 43 kampung yang berdaftar. Saya menyambut baik peruntukan 315 ribu kepada Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Orang Asli (JPKKOA) untuk program kemasyarakatan tetapi saya merasakan ia mungkin perlu dipertingkatkan lagi. Suka untuk saya cadangkan beberapa tambahan lagi langkah tambahan untuk golongan asal ini. Pertama adalah pemeliharaan tanah yang digazetkan oleh, untuk orang Asli. Satu mekanisme atau garis panduan rasmi perlu dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri dengan memastikan tanah-tanah yang digazetkan ini sentiasa dilindungi. Ia dap, ia dengan memastikan tanah mereka tidak terlibat daripada sebarang ancaman seperti pembangunan yang tidak dirancang dengan rapi dan hanya menguntungkan pihak pemaju semata-mata. Kedua adalah meningkatkan infrastruktur mereka. Ia termasuk dengan memastikan kampung orang Asli dilengkapkan dengan kemudahan asas seperti jalan berturap, bekalan air bersih, elektrik, malah kemudahan akses internet untuk mereka sering, seiring dengan kemajuan teknologi terkini. Ketiga, perkara ketiga adalah saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi sokongan dengan membantu mereka mendapatkan akses pendidikan dan latihan untuk perkembangan ekonomi mereka. Kerajaan Negeri perlu bekerjasama dengan agensi serta Jabatan Kerajaan Persekutuan yang berkaitan untuk memperbanyakkan program TVET untuk belia orang Asli agar mereka juga dapat menyumbang kepada sektor ekonomi negeri selain meningkatkan taraf hidup mereka. Yang keempat dan yang terakhir untuk orang Asli ini, Dato' Yang Dipertua, seperti semua sedia maklum di Johol, kami mempunyai 3 perkampungan orang Asli. Pertama, dan saya sebagai wakil mereka di dewan yang mulia ini cuba sedaya upaya mampu untuk berjumpa dengan mereka sebanyak yang mungkin. Hasil daripada cadangan daripada masyarakat orang Asli yang saya temui di Johol ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan Hari Orang Asli Sedunia yang disambut pada 9 Ogos setiap tahun. Boleh kita jadikan sebagai hari cuti umum jugak kepada negeri ini. Ia supaya kita gambarkan bahawa kita semua meraikan mereka sebagai penduduk asal di negeri kita selain menyemarakkan semangat perpaduan serta kemakmuran di negeri kita. Ingatlah, kita semua di sini mempunyai tanggungjawab serta amanah yang perlu digalas tidak kira siapa pun, warna kulitnya

mahupun kedudukan ekonominya, semua rakyat perlu kita bela dan beri perhatian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum JPKK ini boleh kita anggap sebagai ejen yang mewakili Kerajaan Negeri dan berfungsi secara terus di peringkat akar umbi. Mereka mempunyai pemimpin setempat yang banyak membantu kerajaan dan pucuk pimpinan negeri khususnya berkaitan isu-isu komuniti setempat. Sebagai salah satu negeri yang ditadbir secara bersama di bawah Kerajaan Perpaduan, segala apa tindakan dan dasar yang kita ambil akan menjadi tumpuan negeri, negeri-negeri lain. Seperti yang sering diperkatakan atau disebut oleh pemimpin tertinggi Kerajaan Negeri Sembilan, kita mahu jadikan Negeri Sembilan ini sebagai negeri ikon Kerajaan Perpaduan. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Exco Kanan kerana setakat ini telah menerajui parti masing-masing dalam kita mencapai hasrat menjadi negeri ikon ini. Saya mengharapkan gabungan JPKK di antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan ini dapat bekerjasama dengan baik dalam menguruskan kampung dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela.

Cumanya saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan buatlah satu garis panduan khusus kepada JPKK dalam melaksanakan program-program mereka. Program yang dilaksanakan ketika ini bukannya tidak bagus cumanya saya melihat JPKK ini perlu satu galakan atau panduan untuk melaksanakan program-program di luar kotak seiring dengan keperluan dan perkembangan semasa. JPKK perlu menggerakkan aktiviti dan program kemasyarakatan yang berimpak tinggi dan menyentuh kecenderungan setiap kelas masyarakat yakni belia, warga emas, keagamaan, sukan, hiburan, usahawan dan sebagainya. Pihak Pejabat Daerah perlulah pantau sedikit program-program yang dilakukan oleh JPKK ini. Janganlah sepanjang tahun hanya melakukan program biasa seperti program gotong-royong tetapi anjurlah program yang lebih strategik, misalnya dengan melibatkan anak-anak tempatan yang profesional di luar untuk berkongsi pengalaman serta idea mereka untuk memajukan negeri kita ini. Bukanlah bermakna setiap GPKK itu harus melaksanakan program bersifat berskala besar dengan kos yang tinggi, cukup dengan program-program yang berskala kecil tetapi impaknya menyeluruh ke seluruh kehidupan bermasyarakat di kampung berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin bertanya kepada, berkenaan Geran Sejati Madani yang boleh dimohon oleh pihak JPKK kepada Kerajaan pusat. Bagaimanakah jumlah JPKK, berapakah jumlah JPKK di seluruh Negeri Sembilan yang telah berjaya memperolehi geran itu, ini? Adakah

terdapat sebarang masalah yang timbul berkaitan Geran Sejati Madani ini? Saya faham projek sejati madani ini adalah program daripada Kerajaan Pusat dan tidak melibatkan Kerajaan Negeri. Namun begitu, untuk rekod Dewan, apabila JPKK boleh membuat permohonan peruntukan ini tanpa memaklumkan kepada ADUN atau Kerajaan Negeri, saya risau jika timbul di, masalah di kemudian hari. Jangan pula ketika memohon tidak maklum ADUN tetapi jika ada masalah berbangkit nanti selepas mereka menerima peruntukan, baru mencari ADUN. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri terutamanya Pejabat Daerah jika ada ruang …..

YB ADUN Lenggeng: Yang Dipertua, boleh saya mencelah? Boleh? Tak, boleh ke belum? Dah boleh? Boleh? Boleh? Mencelah sikit.

YB ADUN Johol: Kejap.

YB ADUN Lenggeng: Tak boleh?

YB ADUN Johol: Sekejap ya.

YB ADUN Lenggeng: Taklah.

YB ADUN Johol: Okey, boleh, boleh, boleh.

YB ADUN Lenggeng: Boleh ke tak boleh ni, dah bangun ni.

YB ADUN Johol: Boleh.

YB ADUN Lenggeng: Berkenan dengan Program Sejati Madani Yang Dipertua dengan izin, memang benar seperti kata YB Johol berkenaan mereka mencadangkan mesyuarat sesama mereka dan mereka tiba-tiba, tiba-tiba sampai kepada kami dah lulus. Kemudian ada masalah. Dan ada di antara AJK-AJK mereka pula bergolak sesama sendiri kerana tidak puas berpuas hati dengan keputusan yang dibuatlah. Jadi saya pun setuju dan mintak penambahbaikan di masa akan datang sekiranya permohonan dibuat untuk Program Sejati Madani ini, untuk rujuk, *endorsement* daripada ADUN kawasan. Sekian.

YB ADUN Johol: Terima kasih Lenggeng, cadangan yang baik. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri terutamanya Pejabat Daerah jika ada ruang berilah pemakluman kepada ADUN-ADUN ini jika ada sebarang kelulusan Sejatai Madani yang diberikan kepada mana-mana JPKK di dalam DUN kami. Bukanlah ADUN ini nak mencampur dalam soal pengurusan wang atau projek yang hendak dilaksanakan tapi sekurang-kurangnya kami maklum dan boleh

melakukan pemantauan bagi memastikan JPKK ini benar-benar melaksanakan program atau projek tersebut dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin ambil kesempatan ini untuk sentuh sikit mengenai pembangunan luar bandar. Seperti yang kita sedia maklum keluasan terbesar Negeri Sembilan adalah terdiri daripada kawasan luar bandar dan pedalaman. Justeru, negeri kita tidak boleh terlepas daripada isu-isu ketidaksempurnaan pembangunan dan infrastruktur asas. Sebagai contoh, jalinan jalan raya yang sempurna dan isu lampu jalan luar bandar. Ketidakseimbangan ini, ketidakseimbangan pembangunan ini antara bandar dan luar bandar adalah isu global yang masih dihadapi kebanyakan negara di dunia. Malah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam penerbitan *World Economic Outlook* edisi tahun, Oktober 2019 menzahirkan kekhuatiran memandangkan negeri maju seperti Amerika Syarikat telah menunjukkan kadar ketidakseimbangan tertinggi dari segi pembangunan wilayahnya. Keseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar begitu penting bagi memastikan kesepaduan dan kesejahteraan rakyat. Keseimbangan pembangunan yang ter terjalin juga penting buat negara membangun seperti Malaysia kerana itulah salah satu prasyarat bagi membawa negara mencapai status negara maju. Oleh itu kawasan luar bandar tidak boleh dipinggirkan kerana sumbangan ekonominya amat penting terutama dalam sektor pelancongan, pertanian, penternakan dan juga pembuatan. Di negara ini sejak dulu lagi, kerajaan cuba merapatkan jurang pendapatan dan pembangunan antara bandar dan luar bandar menerusi rancangan jangka masa sederhana dan jangka panjang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya melihat dalam pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, ada disebutkan tentang Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan Darul Khusus tahun 2026-2045 dengan peruntukan sebanyak 400 ribu ringgit. Ini adalah satu inisiatif baru di dalam Belanjawan 2025 ini. Saya percaya inisiatif ini masih dalam fasa perancangan dan gerak kerja sedang disusun untuk memuktamadkan pelan ini. Maka sebelum itu suka untuk saya mencadangkan supaya pelan ini turut mempunyai hasrat untuk Kerajaan Negeri mewujudkan satu mekanisme penguatkuasaan supaya satu garis panduan dirangka bagi mengatasi masalah waris pemilik yang menyukarkan pembangunan tanah di negeri ini hingga terjadinya isu tanah terbiar. Bagi memastikan pelan ini tidak bersifat syok sendiri, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri, lakukanlah satu sesi libat urus khas yang melibatkan semua pemegang-pemegang taruh yang ada di Negeri Sembilan ini. Pelan ini akan dilaksanakan pada tahun 2026. Jadi sepatutnya ianya akan dapat kita lancarkan pada tahun 2025 nanti.

Jadi sebelum pelan ini dimuktamadkan Kerajaan Negeri perlu melakukan *road tour* jika mampu di setiap DUN dan jika tidak dapat sekurang-kurangnya di setiap daerah bagi men, mendapatkan input berkenaan pelan ini. Kerajaan perlu mengambil kira pandangan daripada akar umbi kerana hal itu, hal ini melibatkan masa depan mereka dan generasi akan datang. Kita sudah semestinya mahu membentuk sebuah masyarakat luar bandar yang sejahtera, inklusif, mampan dan holistik melalui yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan sosial dan ekonomi. Yang Berhormat Exco Kanan sering menyebut bahawa Negeri Sembilan ini sedang menuju menjadi *Klang Valley in the making* sesuatu hari nanti dan saya berharap pelan yang dirangka ini akan dapat melonjakkan masyarakat luar bandar di Negeri Sembilan setaraf dengan masyarakat di bandar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam perkara yang berkaitan, saya ingin menyentuh sedikit soal program pencahayaan kampung yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam peruntukan 1.0 juta ringgit itu. Saya sedia maklum soal pencahayaan jalan ini banyak peruntukan yang telah diturunkan kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Mungkin hanya untuk melengkap dan menambah mana-mana lagi yang kurang lengkap. Saya ingin bertanya, program pencahayaan kampung ini adakah akan menumpukan di kawasan jalan ataupun kawasan di dalam kampung itu sendiri? Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian dan tumpuan kepada simpang-simpang masuk ke kampung yang masih gelap dan berbahaya. Terdapat banyak kampung yang simpang masuk ke kampung tersebut daripada jalan tidak mempunyai lampu sekaligus menyebabkan simpang itu gelap dan berbahaya. Ianya juga menyusahkan orang luar untuk datang ke kampung tersebut. Mungkin penduduk kampung tersebut sudah biasa dan tahu di mana simpang, di mana perlu berhenti, di mana ada bonggol dan sebagainya. Tapi untuk orang luar yang jarang masuk ke kawasan tersebut situasi seperti ini adalah mengelirukan dan membahayakan mereka. Jadi saya ingin mencadangkan agar program pencahayaan kampung ini memberi tumpuan kepada simpang-simpang utama masuk ke kampung dan kawasan *hotspot* yang mana berlakunya kemalangan. Saya juga ingin menarik perhatian berkaitan dengan lampu jalan di jalan utama. Kalau di kawasan saya di FT009 Johol. Kami telah masuk fasa yang ke-4 dan *alhamdulillah.* Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kerja Raya yang telah meluluskan peruntukan bagi menambah lampu-lampu solar di kawasan tersebut.

Yang amat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu perkara yang saya ingin tekankan ….

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

YB ADUN Johol: ….. dengan infrastruktur luar …..

YB Yang Dipertua Dewan: Boleh ringkaskan.

YB ADUN Johol: Ya.

YB Yang Dipertua Dewan: Dan lebih masa jauh dah.

YB ADUN Johol: Satu perkara yang saya ingin tekankan berkenaan dengan infrastruktur luar adalah berkaitan dengan capaian internet. Kita sering menyebut tentang peri pentingnya usahawan dan petani kita mencebur dalam perniagaan atas talian bagi meluaskan lagi pasaran produk tersebut. Akan tetapi penerimagunaan ICT yang lemah dan pembangunan perniagaan yang perlu sosioekonomi serta tahap pencapaian pendidikan dan kemahiran yang rendah menjadikan masyarakat luar bandar kurang mendapat faedah dari perkembangan global yang terkini ini. Oleh itu, kerajaan perlu memperluaskan capaian internet di seluruh kawasan luar bandar supaya penduduk luar bandar dapat manafaat penggunaan internet bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka.

Dalam pada itu, menerusi Belanjawan Tahun 2025 Kerajaan Persekutuan, peruntukan sebanyak 800 juta telah diluluskan untuk meningkatkan jaringan akses internet negara kita. Ini adalah melalui dana pembangunan *point of presence* (PoP) yang sekaligus mampu memberi perkhidmatan dan jaringan internet yang terbaik. Maka saya mohon agensi-agensi dan jabatan Kerajaan Negeri Sembilan untuk membantu mempercepatkan dan memudahkan proses perlaksanaan projek ini terutama di kawasan luar bandar supaya tidak ada lagi jurang digital terutamanya di kawasan negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahun 2025 menjadi tahun terakhir di dalam Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025. Saya mohon Kerajaan negeri dapat memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan pencapaian RPNS khusus bagi kawasan luar bandar. Adakah ianya berjalan seperti yang dirancang dan adakah saranan, sasaran penuh dapat dilaksanakan menjelang tahun 2022, 2025 nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, membawa kepada hujah terakhir saya di dalam perbahasan ini, suka saya bawa ke Dewan, perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kawasan Johol yang saya wakili. Sebelum ini saya pernah membangkitkan di sini supaya Kerajaan Negeri

memperuntukkan dana untuk menambah dewan terbuka di kawasan Johol. Dengan adanya dewan terbuka ini, ia memberi kemudahan kepada masyarakat setempat untuk menganjurkan pelbagai aktiviti masyarakat. Setidak-tidaknya orang yang mempunyai lokasi yang tempat yang sesuai serta selesa dapat mereka anjurkan kenduri-kendara mahupun aktiviti riadah seperti *indoor* dan seperti sepak takraw dan juga badminton.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri berkaitan mengenai permohonan untuk membina balai bomba di kawasan Johol. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika ini tidak ada balai bomba khusus di kawasan Johol dan yang paling hampir adalah di Tampin dan Kuala Pilah. Jadi ikut kalau rekod bomba kawasan Johol adalah kawasan yang dari segi SOP nya adalah, boleh dikatakan aa kawasan yang terkeluar ataupun mereka gagal mencapai SOP jika berlaku sesuatu kebakaran. Sejak menjadi wakil kepada masyarakat Johol, saya telah menerima rungutan dan aduan daripada masyarakat setempat yang mahu saya memperjuangkan mengenai pembinaan balai bomba di kawasan DUN Johol ini. Khususnya selepas berlakunya kebakaran besar di Pekan Air Mawang beberapa tahun lalu hingga menyebabkan kawasan itu hampir lumpuh. Sebab itulah pada tahun 2020 yang lalu, saya telah mengambil inisiatif sendiri dengan membangkitkan cadangan ini kepada kerajaan ketika itu melalui KPKT, bagi tujuan pemakluman ahli Dewan yang mulia ini, susulan daripada cadangan saya itu saya difahamkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah meluluskan cadangan pembinaan ini dan urusan tanah telah diselesaikan dengan premium sebanyak 200 lebih, 200 ribu ringgit. Dan telah dibayar oleh pihak bomba bagi tujuan ini. Oleh kerana perlaksanaan cadangan bomba ini semakin sepi, maka saya telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha KPKT dan Pengarah Perhubungan Bomba, kira-kira dalam tempoh 6 bulan yang lalu dan mereka memaklumkan bahawa proses ini kini dalam tindakan Kementerian Ekonomi. Justeru, saya mohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk menghubungi Kementerian Ekonomi bagi mempercepatkan usaha ini. Gunakanlah apa cara sekalipun termasuk hubungan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya cadangan ini dapat kita laksanakan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sikamat di atas pengumuman pemberian bonus kepada kakitangan awam di negeri ini. Sesungguhnya pengumuman pemberian bonus ini sudah pasti menjadi satu suntikan moral kepada penjawat awam untuk terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka kepada rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan juga kepada Kerajaan Negeri

memperuntukkan sedikit dana untuk elaun-elaun seperti, seperti perbatuan, kepada Penghulu-Penghulu kawasan. Sama seperti penjawat awam, mereka juga adalah kumpulan pelaksana yang menjadi barisan hadapan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah setempat.

Jadi Dato' Yang Dipertua, sebagai rumusan kepada perbahasan ini, saya telah meneliti setiap butiran Belanjawan Negeri Sembilan 2025 mewakili masyarakat Johol saya amat berbangga dengan Belanjawan 2025 ini yang mencerminkan visi jelas untuk membangun negeri ini secara inklusif selari dengan tema Bersama Membina Negeri Madani. Secara ringkasnya Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang diumumkan ini bukan sahaja membina infrastruktur dan ekonomi tetapi juga memperkukuhkan perpaduan, kebajikan dan nilai Islam. Saya yakin dan percaya bahawa ini merupakan satu pelan tindakan strategik yang mampu membawa negeri kita yang cintai ini ke tahap yang lebih tinggi lagi. Dato' Yang Dipertua, suka saya tutup perbahasan ini dengan memetik kata pujangga daripada Hamka "Jika hidup sekadar hidup babi di hutan juga hidup. Jika bekerja sekadar bekerja, kera di hutan juga bekerja. Tetapi manusia hidup mesti membawa erti dan tujuan". Dan dengan mendalami apa yang dimaksudkan oleh Almarhum Hamka itu, Belanjawan Negeri Sembilan 2025 ini adalah satu belanjawan yang untuk kita memberikan makna dan tujuan kepada setiap usaha kita sebagai wakil rakyat ini.

Dato' Yang Dipertua di akhir ucapan perbahasan saya ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menitipkan doa ketika saya, kesukaran kesihatan baru-baru ini. Syukur ke Allah SWT kerana saya telah dikelilingi oleh golongan insan yang baik-baik termasuk Dato' Yang Dipertua sendiri hinggalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Menteri, Exco Kanan, Yang Berhormat Exco-Exco, Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan wakil rakyat Kerajaan Perpaduan yang sentiasa mendoakan saya. Tidak lupa juga saya menghargai rakan-rakan ahli Dewan yang mulia daripada blok pembangkang yang turut menghantar kiriman doa kepada saya. Dan jugak khusus kepada rakyat Johol saya amat berterima kasih di atas titipan doa ini tadi. Semoga Allah mempermudahkan urusan kita semua untuk memastikan setiap apa yang telah dirancang hari ini dapat dicapai dengan jayanya *insya-Allah amin ya rabbal alamin*. Sekian Johol mohon menyokong. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Johol. Saya nak ingatkan ya, waktu kita, masa yang kita tetapkan adalah 20 minit, jangan cuba

lebihlah, kalau boleh padatkan hujah dalam bahas. Saya jemput Yang Berhormat Labu.

YB ADUN Labu: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Assalamualaikum* WBT. Mewakili rakyat Labu, saya berdiri di Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan dan mengambil bahagian dalam bahas Persidangan Ketiga Penggal Kedua.

Dalam menempuhi zaman kenaikan barang yang menggila serta kadar gaji yang masih rendah dibandingkan dengan kos sara hidup yang meningkat, belanjawan yang diumumkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan; Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun sedikit sebanyak dapat membantu kenaikan kos sara hidup ini. Walau bagaimanapun, belanjawan ini masih tidak memberi tumpuan kepada beberapa bidang tumpuan utama. Sebagai contoh dalam bidang tumpuan kebajikan. Dato' Yang Dipertua, tumpuan bidang kebajikan hanya peruntukan lebih kurang dalam 1.34 juta ringgit. Dan kita sedia maklum dan saya yakin ahli-ahli sahabat-sahabat Dewan DUN yang lain juga bersetuju bahawa antara faktor utama yang, faktor utama yang biasa dibangkitkan oleh penduduk-penduduk setempat adalah berkenaan kos sara hidup dalam perkara-perkara yang melibatkan perubatan seperti *pampers* dan jugak perkara-perkara lain seperti kerusi-kerusi roda ataupun perkara-perkara yang dapat membantu mereka meringankan beban mereka daripada segi membantu keluarga, kaum keluarga mereka yang terkesan, yang uzur. Jadi saya lihat dalam belanjawan kali ini, belanjawan yang dibentang oleh Menteri Besar, Negeri Sembilan masih mengekalkan seperti pada tahun-tahun yang sudah, tanpa mempertimbangkan faktor-faktor lain. Jadi saya harap belanjawan kali ini dapat mempertimbangkan dan jugak menambah baik daripada segi kebajikan kepada warga-warga emas terutamanya.

Yang berikutnya belanjawan kali ini juga tidak memberi tumpuan ataupun penambahan elaun kepada Bilal, Siak, Pembantu Am. Pada Belanjawan 2024 yang sudah saya telah membangkitkan perkara ini di mana kita harus memberi tumpuan kepada mereka yang mengimarahkan masjid. Saya lihat belanjawan kali ini kita ada memperuntukkan 10 juta ringgit kepada membina masjid-masjid baru. Tahniah. Tetapi bagaimana pulak dengan nasib Siak ataupun Bilal yang masih tidak menerima penambahan elaun. Kita sedia maklum, mereka jugak terkesan dengan kos-kos yang meningkat pada zaman ini. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri terutamanya Sikamat dapat mempertimbangkan dan memberi tumpuan kepada memperkasakan instutitu, institut, institusi masjid.

Jadi berikutnya saya jugak ada menyentuh berkenaan belanjawan, Sumbangan Keceriaan *one off* kepada warga emas. Pada sidang DUN yang lepas saya menekankan bahawa perlunya belanjawan ini menurunkan, menurunkan penerima kepada warga emas yang berumur 65 tahun ke bawah. Tetapi saya lihat belanjawan pada tahun ini mengekalkan kembali seperti tahun lepas. Jadi saya ingin memberi pandangan, kalau kita lihat hari ini kadar umur warga emas di peringkat kebangsaan adalah berumur 60 tahun. Jadi apa salahnya kalau kita mengekalkan *sorry,* menurunkan kadar umur warga emas ni kepada 65 tahun. Kita lihat di kawasan-kawasan terutama di kawasan-kawasan kampung ya, penduduk di kalangan warga miskin ya, kita tahu miskin tegar di Negeri Sembilan seperti yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sidang DUN yang sudah adalah *zero* miskin tegar. Walau bagaimanapun kategori miskin masih lagi ramai. Jadi kalau kita tidak mengambil berat berkenaan perkara, perkara-perkara seumpama ini, saya risau miskin tegar akan kembali menghantui di Negeri Sembilan.

Jadi saya jugak ingin menyentuh berkenaan keseluruhan belanjawan ini adalah perlaksanaan, perlaksanaan supaya tujuan dan jugak hasrat Kerajaan Negeri tercapai. Dato' Yang Dipertua, di kawasan saya, pada penggal yang ini, Belanjawan 2024, saya lihat ramai warga emas yang berumur 70 tahun ke atas bila saya berjumpa mereka tidak mendapat manfaat daripada insentif ini. Jadi bila saya lihat ini adalah disebabkan oleh kegagalan wakil-wakil daripada pihak kerajaan, ketua kampung, pengerusi-pengerusi taman, untuk memberitahu ataupun menyebarkan kepada masyarakat-masyarakat sekitar berkenaan adanya satu bantuan *one off* daripada pihak kerajaan. Jadi, saya jugak ingin bertanya sebenarnya pada Belanjawan 2024, berapakah sebenarnya peruntukan *one off* ini yang telah diterima oleh mereka yang berumur 70 tahun, warga emas yang berumur 70 tahun? Yang keduanya, saya jugak ingin tahu Belanjawan 2024 yang sudah, berapa peruntukan berkenaan untuk pemuda-pemuda yang melangsungkan perkahwinan menikah *one off* 500.00 ringgit berapa yang telah mereka terima? Daripada maklumat yang saya terima di kawasan saya kebanyakan pada mereka tidak mengetahui pun berkenaan kewujudan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya berharap, apa saja cadangan daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2025 ini, belanjawan yang dibentangkan ini, bagi saya ini belanjawan yang cukup baik tetapi perlaksanaan adakah perkara ini capai matlamatnya. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri, Sikamat dapat mengambil berat tentang perlaksanaan segala bentuk cadangan Belanjawan 2025.

Dato' Yang Dipertua, sebagai ADUN dalam, sebagai ADUN kawasan Labu, tidak lengkap rasanya kalau saya tidak membawak isu-isu setempat di dalam kawasan saya. Di dalam kawasan Labu terdapat satu kawasan, Taman Gadong Jaya mempunyai satu persimpangan 4. Baru-baru ini telah berlaku kemalangan, kemalangan maut melibatkan anak-anak, kanak-kanak berusia 2 tahun. Dan banyak laporan telah dibuat, permohonan telah dilakukan oleh ahli-ahli Majlis sebelum ini, pada penggal lepas, pada penggal ini oleh pengerusi-pengerusi taman dan juga banyak aduan oleh masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, tiada tindakan dilakukan untuk memastikan persimpangan ini selamat. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah, apakah perlu atau perlukah persimpangan-pesimpangan ini hanya jika ada aduan ataupun permohonan sahaja akan diambil tindakan? Bagaimana dengan tanggungjawab ataupun jabatan-jabatan atau pihak-pihak yang berkenaan memantau keperluan persimpangan-persimpangan yang merbahaya ini dari segi keselamatan kepada penduduk? Jadi saya memohon kepada Majlis Bandaraya Seremban atau Jabatan Kerja Raya supaya dapat memantau dan memastikan keperluan untuk mengadakan perkara-perkara asas bagi memastikan keselamatan kepada penduduk dan jugak masyarakat di sekitar kawasan Labu terutamanya.

Dato' Yang Dipertua, saya jugak, disebabkan ada YB Chennah di sini, saya ingin membangkitkan satu perkara yang saya rasa menjadi satu isu yang agak besar jugak kepada penduduk-penduduk di sekitar Labu, Nilai dan mungkin di kawasan Seremban. Di kawasan Labu, Nilai ni adalah kawasan-kawasan yang sekarang agak aktif dengan aktiviti kuari ataupun keluar tanah. Jadi baru-baru ini berlaku kemalangan maut di kawasan Taman Melati, satu lori ya, yang dipandu oleh warga asing dan jugak dalam keadaan, dalam pengaruh dadah telah melanggar di *traffic light* beberapa buah kenderaan. Dan kenderaan di bahagian belakang sekali mengalami kerosakan yang teruk. Dan malangnya pemandu kenderaan terbabit, seorang wanita telah meninggal. Dan keduanya adalah 2 minggu yang lepas berlaku satu kemalangan di Masjid Kampung Tanjung pada waktu pulang daripada sembahyang Jumaat waktu puncak. Begitu jugak kenderaan berat yang saya, kalau mengikut video itu adalah mengisi muatan yang lebih, gagal untuk, untuk mengawal kenderaan dan telah melanggar jemaah masjid yang keluar daripada masjid. Jadi saya sedia maklum bahawa Sikamat ada memaklumkan bahawa waktu puncak ataupun waktu keluar lori-lori daripada kuari ini telah ditetapkan pada pukul 8:30 pagi ke 5:30 petang. Jadi itu adalah satu usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya lihat perlu ada penambahan baikkan, penambahbaikan daripada segi memantau kembali pergerakan lori-lori pasir ataupun lori-lori tanah di waktu puncak ini kerana sebagai contoh

hari ini ketika hadir di sidang DUN, pukul 7:00 pagi lagi saya dah keluar dan saya tengok pergerakan lori-lori pasir ini agak aktif di waktu puncak, kanak-kanak pergi ke sekolah ataupun masyarakat setempat menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi saya mohon kepada YB Chennah, mungkin dengan kuasa sebagai Menteri Pengangkutan yang ada, dapat memberi sikit pemerhatian kepada isu-isu berkenaan lori-lori yang menggajikan *driver-driver* lori ataupun pemandu-pemandu warga asing yang dalam, dipengaruhi oleh dadah.

Yang berikutnya adalah isu pelajar sekolah di kawasan Labu. Kepada Exco Pendidikan, di kawasan Labu daripada Batu 7 sehingga ke Batu 10, ini adalah kawasan-kawasan kampung tradisional. Walaupun di, walau bagaimanapun disebabkan penambahan perumahan di kawasan-kawasan sekitar DUN-DUN sebelah seperti DUN-DUN Bukit Kepayang dan penduduk ataupun pelajar daripada Bukit Kepayang kini telah menghantar anak-anak mereka bersekolah di kawasan Labu. Jadi isu yang dibangkitkan oleh penduduk sejak tahun lepas lagi adalah anak-anak mereka terpaksa bersekolah di sekolah yang lebih jauh daripada tempat asal. Kalau dulu mereka pergi sekolah jalan kaki, hari ni mereka ditempatkan 2 ke 3 kilometer lebih jauh. Dan anak-anak daripada pelajar daripada sekolah yang, yang tinggal di Ainsdale ditempatkan di kawasan Labu. Jadi perkara-perkara ini menyebabkan berlaku ketidak keselesaan di kalangan penduduk-penduduk setempat, di kawasan Labu. Jadi, saya harap ada satu tindakan yang boleh dilakukan oleh Exco Pendidikan supaya dapat menasihati ataupun berbincang dengan Pegawai Pendidikan Negeri supaya penempatan anak-anak yang berada di kawasan kampung tradisional, kampung mereka itu tidak diubah. Jadi saya yakin salah satu faktor perkara ini mungkin pihak sekolah, PIBG memerlukan sumbangan yang lebih, mungkin atas faktor mereka yang berada dalam kawasan kampung ini tidak dapat menyumbang dan mereka membuat pilihan mengambil anak-anak yang berada di dalam taman, yang mungkin ibu mereka, ibu bapa mereka mempunyai kewangan yang sedikit kukuh untuk membantu pihak sekolah. Jadi saya harap perkara ini dapat diberi perhatian oleh YB Exco.

Seterusnya adalah berkenaan, saya ingin membangkitkan beberapa isu masyarakat yang kini kembali menular dengan aktif dengan model operasi yang baru. Pertama adalah berkenaan judi *online*. Saya masih ingat dalam sidang DUN di Dewan yang mulia ini pada beberapa tahun yang lepas ketika saya masih lagi sebagai jadi rakyat biasa, berbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan judi *online* ini dapat disekat dan banyak rampasan yang telah dibuat oleh Majlis Bandaraya Seremban. Ucapkan, saya ucapkan tahniah tetapi mereka kini telah kembali dengan modul operasi yang baru dengan lebih mudah iaitu mereka hanya mewujudkan atau mempunyai satu tempat untuk menjual *top up* judi

online ni dengan menggunakan kedai-kedai yang berlesen. Jadi saya mintak pemantauan daripada Exco Kerajaan Tempatan supaya dapat memberi arahan, memantau kedai-kedai yang, yang berselindung sebagai contoh kedai-kedai yang *handphone,* yang saya dapat laporan adalah kedai-kedai *handphone*, kedai-kedai runcit warga asing. Jadi operasi model operasi judi *online* ni dia menumpukan sekarang kepada anak-anak sekolah, kanak-kanak sekolah, kepada golongan-golongan *B40*. Kanak-kanak sekolah perlukan hanya 10.00 ringgit saja yang Dato' Yang Dipertua, untuk mereka dapat bermain judi judi *online* ini. Jadi ini menjadi satu perkara yang sangat merunsingkan sekarang disebabkan dengan kos sara hidup yang meningkat ditambah pula dengan aktiviti-aktiviti yang tidak dapat diatasi ini menyebabkan insti, institusi keluarga menghadapi satu ancaman yang baru kejatuhan akhlak di kalangan kanak-kanak, masalah penceraian dan jugak menyebabkan, mungkin dalam jangka masa yang panjang masyarakat di luar sana terdedah dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral ini.

Yang keduanya adalah aktiviti ahlong baru-baru ini saya ada melihat di media sosial. Saya tidak tidak pasti tahap sama ada itu perkara yang benar atau tidak, tapi KPKT ada memberi penghargaan kepada pinjaman berlesen yang terbaik. Saya ingin memaklumkan kepada Exco, YB Arul Kumar berkenaan pusat pinjaman berlesen di bawah Kementerian KPKT ini. Mereka kini berselindung dengan menjalankan aktiviti-aktiviti ahlong jugak. Baru-baru ini, di tempat di Pusat Khidmat saya, saya menyelesaikan satu masalah ahlong dan apabila saya hadir mungkin mungkin pusat pinjaman berlesen ini dia tidak kenal yang saya ADUN, dan saya hadir ke pusat pinjaman berlesen. Jadi mereka mengguna, membe, membebankan peminjam dengan, dengan pinjaman-pinjaman, bunga-bunga yang tinggi. Jadi inilah sekarang aktiviti-aktiviti modul operasi baru yang dila, dijalankan oleh mereka-mereka yang mengaut keuntungan atas angin dan menyusahkan masyarakat. Jadi saya harap perkara-perkara seperti ini kita dapat memberi perhatian. Saya yakin satu masa nanti kesemua ADUN-ADUN yang berada dalam kawasan ini akan menghadapi masalah yang sama dan peruntukan-peruntukan yang diberi pun tidak akan mencukupi kalau kita terpaksa pulak membantu masyarakat setempat untuk menyelesaikan pinjaman-pinjaman yang dilakukan oleh mereka.

Berikut saya ingin menyentuh berkenaan saman *parking* bawah Majlis Bandaraya Seremban. Saya menerima maklumat dan jugak aduan daripada masyarakat setempat berkenaan penguatkuasaan yang dilakukan pada waktu puncak. Sebagai contoh pada waktu tengah hari pukul 12:00 ke pukul 2:00 petang ketika ramai pekerja-pekerja ataupun staf-staf yang bekerja di sekitar Negeri Sembilan ni keluar makan. Jadi bila mereka pergi ke restoran-restoran pada waktu puncak dengan

parking yang terhad, pada masa berkenaanlah penguatkuasa *parking* ni, tunggu. Apabila mereka, bila tempat dah tak ada *parking* dan mereka terpaksa membuat pilihan *parking* di kawasan-kawasan yang yang bukan sepatutnya dijadikan kawasan *parking*. Tapi isunya adalah kegagalan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan *parking* yang mencukupi. Dalam waktu puncak mereka hanya ada satu jam untuk keluar *lunch* tetapi setiap kali mereka keluar *lunch* mungkin mereka akan dikenakan saman. Ini jugak memberi kesan kepada peniaga-peniaga di sekitar kawasan Bandaraya Seremban kerana pada waktu-waktu puncak ni, perniagaan mereka dah mula berkurangan kerana faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Jadi saya harap Kerajaan Negeri terutamanya YB Exco Nilai dapat mempertimbangkan perkara-perkara ini, berbincang dengan penguatkuasa ataupun Dato' Bandar mencari jalan penyelesaian. Janganlah akhirnya mengambil jalan mudah mengenakan saman kepada masyarakat tetapi kita gagal menyediakan infra yang mencukupi.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Labu: Sikit lagi.

YB Yang Dipertua Dewan: Ringkaskan.

YB ADUN Labu: Baik. Baik. Berikut adalah berkenaan sampah dalam kawasan kampung dan bandar. Perkara ini kita telah sering bincangkan dalam sidang DUN. Tapi saya ingin memberi satu mungkin pertanyaan kepada EXCO Nilai. Dalam masa sekarang kita, kita menyediakan, menyokong aktiviti peniaga-peniaga kecil tetapi adakah peniaga-peniaga kecil ni dibekalkan dengan tong sampah. Jadi mereka inilah kebiasaannya akan menghapuskan sisa-sisa sampah tu dengan meletakkan di tempat-tempat seperti di dalam kawasan-kawasan *flat* ataupun di kawasan, membuang di kawasan-kawasan kampung. Jadi saya harap ada satu tindakan atau cadangan supaya peniaga-peniaga kecil ini diberikan tong sampah ataupun diberikan, dipantau di manakah sisa-sisa buangan daripada hasil perniagaan mereka itu dibuang. Kita tidak mahu isu sampah yang berada, yang tidak dapat diselesaikan ni bertambah rumit. Kita ada mengenakan caj kepada ataupun bayaran kepada peniaga-peniaga kecil ini. Jadi saya harap kita juga dapat membekalkan ataupun memberi kemudahan kepada mereka.

Jadi Dato', akhir sekali saya ingin menyentuh berkenaan, sedikit info berkenaan pasar malam. Baru-baru ni saya lihat ada beberapa pasar malam di sekitar Bandaraya Seremban yang telah ditamatkan. Pertama adalah Kolej Lagenda Mantin, kedua di Pajam, ketiga di Bandar Baru

Nilai. Dan alasan dibatalkan adalah keputusan mesyuarat. Dalam satu kes, tak silap saya di Bandar Baru Nilai, penganjur telah membayar permit dan lesen tetapi selepas itu dibatalkan dan alasannya adalah keputusan mesyuarat. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan di sini, mengapa aktiviti pasar malam ini dibatalkan sedangkan ini memberi pendapatan tambahan kepada peniaga-peniaga. Bayangkan mereka dah berniaga hampir satu tahun kemudian alasan untuk *renew* dibatalkan adalah keputusan mesyuarat. Jadi saya mintak pertimbangan daripada Majlis Bandaraya Seremban, Dato' Bandar supaya dapat pertimbangkan kembali alasan-alasan ataupun pembatalan pasar-pasar malam ini kerana ia melibatkan kepentingan-kepentingan peniaga ya. Kita sedar bahawa sekarang rakyat terkesan dengan kos sara hidup yang meningkat. Jadi kalau kita menutup mereka punya aktiviti, jadi saya rasa ini tidak adil kepada kepada peniaga-peniaga. Dan tugas kita sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa di Dewan yang mulia ini kita harus memastikan bahawa tugas kita adalah membina peluang dan ruang kepada masyarakat sekitar. Bukannya mengambil jalan pintas menamatkan ataupun menutup, dimaklumkan oleh satu Ahli Majlis bahawa penamatan ini adalah disebabkan penganjur yang sama. Jadi itu adalah kesalahan ataupun kecuaian Majlis Bandaraya Seremban, ahli-ahli mesyuarat, kenapa meluluskan kepada penganjur yang sama? Tetapi ke, alasan itu kembali diguna pakai untuk menamatkan, sepatutnya mereka boleh mencadang penganjur yang baru, bukan mengambil keputusan membatalkan aktiviti-aktiviti berkenaan pasar malam ini.

Dan akhir sekali Dato', sekali, *last* sekali Dato', berkenaan peruntukan ADUN pembangkang di Negeri Sembilan. Saya dimaklumkan bahawa Dewan yang mulia ini merupakan antara Dewan yang paling harmoni di di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri lain Selangor, Perak, Johor. Tapi walaupun di negeri lain mereka tidak harmoni, tapi mereka berlaku adil. Mereka berlaku adil kepada pembangkang. Contoh di Selangor diperuntukkan 400 ribu kepada ADUN pembangkang, di Johor telah diwartakan kepada ADUN-ADUN pembangkang jugak mendapat peruntukan tidak banyak mungkin mungkin separuh di Johor pun begitu. Tapi walaupun dewan ini adalah dewan antara yang paling harmoni dan aman di Malaysia, tapi saya lihat kepimpinan ataupun kerajaan masih lagi mengambil sikap yang sama dengan tidak memberi peruntukan. Sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa pada, pernah di Dewan yang mulia ini Barisan Nasional mempunyai kerajaan dan tidak memberi peruntukan kepada Pakatan Harapan pada masa itu PKR mahupun DAP dan ramai di di kalangan ADUN-ADUN DAP ataupun PKR yang ada pernah merasa tidak mendapat peruntukan. Dalam masa yang sama bila 2014, Pakatan Harapan menjadi kerajaan Barisan Nasional, 2018 menjadi kerajaan, Barisan Nasional juga telah menghadapi

perkara yang sama tidak mendapat peruntukan. Jadi mereka dah balas kosong kosong. Jadi apa salah Perikatan Nasional, kami adalah parti baru. Jadi tidak bolehkah kalau Menteri Besar senyum Sikamat bila saya apa kata berkenaan perkara ini, apa, jadi jangan mulakan. Kami takut satu masa nanti kalau kami pula menjadi kerajaan benda ini akan terus berulang sehinggalah kesemua 30 ADUN ini dah tak ada lagi pun akan, perkara ini akan diterusi ataupun diwarisi oleh ahli-ahli Dewan Undangan yang lain. Jadi saya memohon kepada Menteri Besar Negeri Sembilan saya tengok bajet ni, tahniah saya ucapkan satu belanjawan yang bagus tapi kalau dapat diselitkan peruntukan kepada ADUN pembangkang dan kita wartakan dalam sidang DUN yang mulia ini, ADUN-ADUN kerajaan ada 31 orang, dua pertiga sudah cukup kita selesaikan isu berkenaan peruntukan kepada pembangkang, saya yakin satu masa kalau tuan ada di sini, tuan pun tak perlulah merayu lagi kepada kerajaan pada masa tersebut. Jadi saya akhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih dan saya menyokong dengan pindaan. Terima kasih. *Assalamualaikum* WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Chennah.

YB ADUN Chennah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Dipertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana sekali lagi dapat membentangkan satu bajet Kerajaan Negeri yang baik untuk tahun depan dan bajet untuk tahun depan telah mencecah peruntukan sebanyak 590 juta ringgit. Dan saya yakin bahawa sudah tentu tahun 2026 kita akan mencecah bajet lebih daripada 600 juta ringgit sebab memang pertumbuhan, peruntukan ini berlaku setiap tahun dan setiap tahun itu kita lihat ada pertambahan yang baik. Dan daripada bajet ini Kerajaan Negeri akan melaksanakan berpuluh inisiatif untuk kesejahteraan rakyat. Satu perkara yang baik, pendekatan yang baik. Cuma saya nak nyatakan bahawa ada di antara inisiatif-inisiatif ini mungkin dari segi skalanya terlalu terhad ataupun terlalu kecil dan mungkin, walaupun dilaksanakan, dia tidak menampakkan satu keberhasilan yang efektif. Umpamanya kalau kita kata nak memperkasakan kecelikan AI di kalangan rakyat, saya lihat peruntukan yang diletakkan di sini untuk pembinaan generasi celik AI hanya 300 ribu. Walaupun saya faham ini satu bidang tumpuan yang baru tetapi peruntukan itu memang agak terhad. Kalau 300 ribu mungkin untuk satu sekolah cukup tapi untuk satu negeri memang memerlukan sumber yang lebih banyak. Namun begitu saya faham bahawa Kerajaan Negeri mempunyai kekangan kewangan yang sangat besar kerana dari segi hasilnya Kerajaan Negeri memang terhad daripada 590.0 juta ringgit ini hanya 194.0 juta adalah daripada cukai langsung iaitu cukai

tanah yang kebanyakannya sumber datang daripada Hasil Bukan Cukai sebanyak 364.0 juta. Dan itu pun kerana premium-premium tanah yang banyak yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri untuk kita membiayai perbelanjaan kita dan untuk kita melaksanakan pelbagai inisiatif.

Ini memang satu perkara yang saya faham, berlaku dalam sistem federalisme kita di mana Kerajaan-Kerajaan Negeri terutamanya Kerajaan-Kerajaan Negeri di Semenanjung menghadapi kekangan kewangan yang agak besar kerana dari segi punca hasilnya, kita memang terhad kalau berbanding dengan Sabah dan Sarawak terutamanya Sarawak sekarang ini, dia punya hasil tu jauh melebihi hampir semua negeri *combine* di seluruh Semenanjung. Jadi negeri memang memerlukan satu hala tuju yang lebih besar untuk kita menambah hasil kerana dengan adanya pertambahan hasil, maka pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Walaupun Negeri Sembilan mendapat banyak tempias dari segi peruntukan pembangunan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri juga perlu ada sumber-sumbernya sendiri untuk memacu pembangunan.

Justeru itu saya ingin memaklumkan ataupun mencadangkan supaya hala tuju yang paling penting kepada negeri kita, kepada Kerajaan Negeri ini ialah supaya kita terus melihat dan memfokuskan kepada pembangunan perindustrian dalam negeri kita. Kerana dengan adanya pembangunan perindustrian yang berterusan, maka hasil negeri akan bertambah kerana yang pertamanya apabila satu tanah itu dibangunkan, sudah tentunya tanah itu perlu di ada *conversion,* apabila ada *conversion,* premium tanah dibayar kepada Kerajaan Negeri. Dan selepas satu kali dapat premium tanah itu akan perlu bayar cukai tanah mengikut tapak industri. Dan sudah tentu itu merupakan satu *recurring income* yang berterusan kepada Negeri Sembilan. Dan saya lihat bahawa ini adalah potensi yang paling besar kepada Negeri Sembilan untuk beberapa tahun yang akan datang ini. Kerana sekarang ini dari segi iklim pelaburan dalam negara kita ini sudah cukup baik.

Semalam baru kita meraikan ulang tahun kedua Kerajaan Perpaduan. Dalam, dalam tempoh 2 tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan kita yang pertamanya telah dapat menstabilkan politik negara kita dan dengan adanya kestabilan politik pada hari ini, tempias yang paling besar ialah dia memberikan keyakinan yang cukup besar kepada pelabur-pelabur. Tambahan pula dengan sekarang ini keadaan geopolitik di seluruh dunia terutamanya persaingan antara China dengan ru, dengan Amerika Syarikat maka rantau Asia Tenggara menjadi pilihan kepada banyak pelabur untuk mendirikan tapak industri mereka. Tambahan pula dengan Dasar Luar Negeri yang sangat

efektif dan aktif oleh Kerajaan Persekutuan, yang diterajui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dibantu oleh Menteri Luar, Yang Berhormat Rantau, memang dasar luar negeri kita ni cukup baik sekarang dan mempunyai hubungan luar yang sangat akrab, yang sangat mesra dan ini sudah tentu baik untuk pelaburan bukan sahaja dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China, Russia dan sebagainya, kita menjadi Pengerusi ASEAN tahun depan, kita telah diterima sebagai sebahagian daripada BRICS sekarang ini semua itu akan menjurus kepada pasaran yang lebih besar kepada negara. Dan satu iklim pelaburan yang lebih mesra kepada negara kita.

Umpamanya pada hari ini sekarang pada waktu sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang berada di Seoul, di Korea Selatan untuk mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Korea Selatan. Sudah tentu Korea Selatan juga merupakan satu negara yang penting untuk Malaysia khususnya untuk Negeri Sembilan kerana antara pelabur paling besar di Negeri Sembilan ialah Syarikat Samsung yang daripada Korea Selatan. Baru minggu lepas saya berjumpa dengan Menteri Pengangkutan Korea Selatan, saya juga mengatakan bahawa negeri saya, Negeri Sembilan ini menjadi tapak kepada kilang Samsung di Malaysia. Dan ini saya lihat adalah faktor positif kepada kita kerana dari segi menarik pelaburan ke dalam Malaysia telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, oleh Kementerian Luar, oleh MITI di bawah pendekatan Ekonomi Madani dan juga dasar-dasar pro peraburan antarabangsa dan dari segi fokus kita kepada AI, kepada *National Energy Transition Roadmap* dan sebagainya. Semua itu adalah faktor. Kalau kita baca mana-mana laporan media antarabangsa, Malaysia sekarang ini menjadi tumpuan, *darling of South East Asia,* menjadi tumpuan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam negara kita. Jadi dari segi pelaburan dalam Malaysia itu sudah berlaku dan memang *wave* itu sedang melanda negara kita. Banyak syarikat-syarikat gergasi antarabangsa telah menyatakan minat ataupun telah pun memutuskan untuk melabur di Malaysia.

Tetapi untuk Negeri Sembilan kita mesti mencuri peluang ini kerana banyak pelaburan sekarang ini dia pergi ke Sarawak, pergi ke Johor, Selangor, Pulau Pinang, Kulim HiTech dan sebagainya. Tetapi kita sebagai negeri yang paling dekat dengan Lembah Klang, punyai potensi yang cukup besar, punyai faktor yang cukup positif. Jadi Kerajaan Negeri perlu memfokus kepada bagaimana kita menarik pelabur-pelabur ini melabur di Negeri Sembilan. Kerana kita punya faktor geografi, dekat dengan Kuala Lumpur, dekat dengan KLIA, dekat dengan Pelabuhan Klang dan sebagainya. Semua itu adalah faktor positif. Dan saya harap bahawa Kerajaan Negeri melibat gandakan lagi usaha untuk menyediakan tapak-tapak industri dalam Negeri Sembilan. Yang saya

tahu bahawa semua kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Sembilan ini memang laris. Saya pada hujung minggu lalu baru pergi ke Bandar Enstek. Saya tengok kilang Dutch Lady telah pun di di di dipindah ke Bandar Enstek. Satu kilang yang besar yang menyediakan pelbagai produk minuman susu dan sebagainya, yang di *relocate* daripada Selangor ke Negeri Sembilan. Saya pergi ke bandar Enstek minggu lepas untuk merasmikan majlis pecah tanah untuk satu syarikat logistik halal GoLog yang akan membinakan satu *distribution centre* di Bandar Enstek. Jadi ini semua adalah petunjuk bahawa Negeri Sembilan juga merupakan satu negeri yang mampu menarik pelaburan-pelaburan berkualiti, pelaburan-pelaburan besar ke dalam negara kita, ke dalam negeri kita.

Justeru itu saya harap Kerajaan Negeri Sembilan dapat melipatgandakan lagi usaha. Kita kena *identify* mana lagi tapak tanah yang sesuai untuk dibangunkan untuk kawasan-kawasan perindustrian secara spesifik. Saya rasa sekarang ini kita kena spesifik, umpamanya kita kena ada kawasan perindustrian untuk teknologi tinggi, untuk *biotech,* untuk logistik dan sebagainya. Dan suka cita saya nak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti satu kawasan yang sesuai terutamanya di kawasan Nilai ataupun Enstek, untuk dibangunkan sebagai hab logistik negara. Sudah tentu dalam perkara ini saya ada ada tanggungjawab sebagai Menteri Pengangkutan untuk membantu Kerajaan Negeri supaya sama-sama kita melihat apa ramuan dia boleh kita bangunkan sebagai hab logistik negara. Kerana dari segi faktor geografinya memang menarik. Kalau di Nilai, dia dekat dengan KLIA, dia dekat dengan persimpangan lebuhraya Utara Selatan. Kita ada antara ELITE dengan ke Kuala Lumpur, persimpangan di tengah-tengah, di Nilai. Jadi semua itu merupakan faktor geografi yang sangat positif untuk kita pertingkatkan Negeri Sembilan sebagai satu pusat logistik negara. Dan saya yakin dia mampu menarik banyak pelaburan dalam bidang ini kerana di Shah Alam di Klang dan sebagainya, sudah tentu yang pertamanya keadaannya penuh sesak. Yang keduanya dari segi kos tanah semakin meningkat. Dan di Negeri Sembilan kita punyai tapak tanah yang ada ada lagi yang boleh dibangunkan sebagai hab logistik ini.

Jadi saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan dengan serius oleh Kerajaan Negeri khususnya oleh perancangan ekonomi oleh UPEN, bersama-sama dengan Invest Negeri Sembilan dan juga NS Corp untuk melihat kerjasama antara agensi. Dan sudah tentu Kementerian Pengangkutan melalui salah satu bahagian iaitu Pusat Logistik Negara akan kita bincangkan. Dan malah petang ini saya akan mempengerusikan mesyuarat NLTF *(Nasional Logistic Task Force)* dan dalam ucapan saya nanti saya akan bangkitkan perkara ini. Dan saya

harap ia dapat disusuli dengan tindakan dan juga *follow up* oleh pihak Kerajaan Negeri untuk sama-sama kita bangunkan kawasan Nilai ini sebagai pusat logistik negara.

Yang keduanya untuk makluman Dato' Yang Dipertua, Kementerian Pengangkutan telah pun memberikan kelulusan prinsip untuk membina sebuah pelabuhan kontena di Port Dickson. Ini merupakan satu keputusan yang bersejarah kerana julung-julung kalinya Negeri Sembilan bakal mempunyai sebuah pelabuhan kontena. Kerana tak pernah, walaupun kita berada di tengah-tengah Selat Melaka, boleh dikatakan di sepanjang, di sepanjang Selat Melaka, kita antara negeri yang tiada pelabuhan okey kerana di Johor ada, di Melaka ada, di Selangor ada, malah di Perak ada dekat dengan Lumut dia ada pelabuhan untuk satu syarikat khusus, di Pulau Pinang ada, tetapi di Negeri Sembilan walaupun kita juga berdepan dengan Selat Melaka, kita tak pernah mempunyai sebuah pelabuhan kontena. Jadi kelulusan prinsip telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta untuk membangunkan sebuah pelabuhan kontena yang dipanggil sebagai Midport di di Pasir Panjang. Jadi kita harap projek ini dapat direalisasikan. Dan sudah tentu Kerajaan Negeri perlu memberikan kerjasama dari segi kelulusan Kebenaran Merancang dan sebagainya untuk dibangunkan kawasan ini.

Tetapi untuk kita bangunkan ataupun menjayakan sebuah pelabuhan itu, dia juga memerlukan kawasan perindustrian kerana pengguna kepada pelabuhan itu sudah tentunya perlu ada industri. Kalau tak ada industri, ada pelabuhan tak tak guna. Jadi dengan terbinanya ataupun bangunkan pelabuhan ini, sudah tentu kita memerlukan kawasan perindustrian yang lebih besar. Dan kalau kita lihat di Port Dickson ini, memang ada banyak lagi kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan sebagai kawasan industri.

YB ADUN Lenggeng: Dato' *Speaker* boleh mencelah? YB, boleh mencelah sikit?

YB ADUN Chennah: Ya, sila.

YB ADUN Lenggeng: YB saya ada jumpa, dengan izin Dato' *Speaker*, saya jumpa beberapa pelabur. Jadi, berkenaan dengan YB Chennah berkenaan dengan pelaburan yang ingin masuk ke dalam negara, masalahnya adalah dasar kerajaan, dasar Kerajaan *Federal* ataupun Kerajaan Negeri berkenaan dengan pemilikan tanah kerana mereka datang untuk membeli sehingga 2,000 ekar. Jadi bila saya berjumpa dengan NS Corp, sebab yang datang tu sebab rakan-rakan saya, jadi dia kata ada, kena, kita kena *deal* dengan SD Guthrie, *so* SD Guthrie dia dia

tak nak jual semua dan harga kena berbincang. Jadi saya ingat YB Chennah boleh tolong bantu.

YB ADUN Chennah: Ya yang pertama Yang Berhormat Lenggeng kena juga faham bahawa ada juga tanah-tanah ini adalah milik GLC. Dia bukannya milik Kerajaan Negeri. Dia bukannya milik di bawah *state*. Ia kebanyakannya di mungkin di bawah Sime Darby, di bawah Guthrie dan sebagainya. Dia ada *governance* dia sendiri, di bawah dia Lembaga Pengarah dia sendiri. Dan secara umumnya memang Kerajaan Persekutuan juga tidak mencadangkan supaya kita menjual secara besar-besaran ataupun kita kena JV ya, sebab kita juga kena menjaga kepentingan negara. Sebab dasar kita umpamanya untuk melabur dalam pelabuhan umpamanya, kita hanya benarkan pemilikan ekuiti asing sehingga 49%. Jadi 51% itu mesti dikuasai oleh syarikat tempatan. Jadi itu yang kita kena pastikan. Walaupun kita secara terbuka menerima pelaburan-pelaburan asing, tetapi pada masa yang sama kita juga nak memastikan bahawa kepentingan negara juga dapat dijaga. Itu pengimbangan yang perlu kita laksanakan, yang perlu kita buat. Jadi sudah tentu saya yakin bahawa apa sahaja *commercial deal* ataupun perundingan secara komersial itu boleh dijalankan dengan baik, dan sudah tentu agensi di bawah Kerajaan Negeri boleh menjadi moderator kepada perundingan-perundingan ini. Tetapi apa yang penting ialah hala tuju kita. Hala tuju kita nak meletakkan Negeri Sembilan sebagai satu negeri industri, sebuah negeri industri yang dipenuhi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang baik dan dipenuhi dengan sokongan ekosistem logistik yang komprehensif. Itu yang merupakan satu faktor penting untuk kita bangunkan. Jadi saya juga melihat bahawa kawasan di Port Dickson ini banyak kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan sebagai kawasan industri kerana kita lihat tanah-tanah lapang terutamanya *plantation oil*, kelapa sawit yang masih banyak di kawasan-kawasan Port Dickson ini boleh dibangunkan sebagai kawasan-kawasan industri.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya mengharap bahawa, mengharapkan bahawa fokus kita ialah untuk terus membangunkan Negeri Sembilan ini sebagai sebuah negara industri, negeri industri yang berdaya saing, yang maju kerana dengan pendekatan ini, yang pertamanya dia dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Sembilan, dapat menarik lebih ramai orang duduk di Negeri Sembilan. Dan dalam pendekatan ini sudah tentu hasil Kerajaan Negeri akan bertambah kerana cukai langsung akan bertambah, premium akan bertambah. Kalau lebih ramai rakyat lebih ramai orang membeli rumah di di Negeri Sembilan sudah tentu cukai taksiran dan sebagainya semuanya akan bertambah. Jadi kita memerlukan pertambahan penduduk kerana dari segi demografinya kita negeri kecil. 1.0 juta

penduduk. Limpahan daripada Lembah Klang ini, Lembah Klang sekarang ini mungkin 8.0 juta – 9.0 juta. Jadi kalau kita mendapat sebahagian daripada limpahan penduduk ini duduk ataupun berhijrah ke Negeri Sembilan, sama ada bekerja membeli rumah, membeli hartanah dalam kawasan kita sudah tentu kita akan menambah hasil kita dan dari segi *economic of scale* kita akan bertambah. Jadi ini saya rasa perlu kita titik beratkan.

Seterusnya berkenaan dengan isu pengangkutan. Tadi Yang Berhormat Johol ada bangkitkan. Sukacita saya nak berkongsi kepada Dewan yang mulia ini bahawa Negeri Sembilan adalah negeri pertama yang dilaksanakan satu kontrak baru untuk MyBAS ya, sekarang ini kita jenamakan sebagai BAS.MY. Dia merupakan satu sistem bas berhenti-henti yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Maka di Negeri Sembilan ini kita ada dua pakej. Pakej Seremban A dan pakej Seremban B di mana semua daerah ada *coverage*. Dan sukacita saya nak nyatakan bahawa pada bulan Disember nanti saya akan rasmikan untuk pakej B pulak, sebab sebelum ini telah pun dilancarkan pakej A untuk kawasan Jelebu, Jempol dan Port Dickson. Jadi sekarang ini, ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan boleh boleh lihat di kawasan Negeri Sembilan ini, malah di kawasan Bandaraya Seremban pun, kita nampak bas ini dah berubah wajah. Bas yang lebih berseri, bas yang berwarna *pink*, ini warna *pink.* YB Paroi tak ada? Mana Paroi? Bukan, Paroi, *sorry, sorry,* ni Juasseh, bukan Paroi. Dulu dia Paroi, maaflah. Maaf. Ini warna *pink*, ini macam warna Puteri UMNO. Ini, ini warna yang berseri. Memang saya aa lantik seorang apa ini, *designer* untuk *design* bas ini dan warna yang dipilih itu ialah warna *pink*, merah jambu. Yang memang dari segi *outlook* dia memang berseri dan memang menarik perhatian ramai orang. Ada jugak kata dulu bas mini dekat Kuala Lumpur pun warna macam itu. Jadi dia mem, memberikan satu persepsi ataupun keceriaan kepada pengguna-penggunanya. Jadi kita mengharapkan bahawa penggunaan bas pengangkutan awam ini lebih banyak. Memang saya tahu bahawa ada lagi kelemahan dari segi *coverage network* tersebut. Sebab bas berhenti-henti ini dia bukan *cover* semua tempat. Dia bukan *cover* semua kawasan perumahan. Dia ialah *cover* hanya kawasan-kawasan jalan-jalan *trunk road* ataupun jalan-jalan besar, laluan-laluan utama yang dapat *coverage*. Sebab yang pertamanya sudah tentu kos untuk membiayai projek ini agak besar. Dia memerlukan hampir 40.0 juta ringgit setahun untuk kita biayai keseluruhan projek ini. Sebab operator itu tak ada risiko, kerajaan bayar dari segi kos operasi tersebut dengan margin dia dengan dengan adanya margin dia.

Dan tambahan pula, kebanyakan tambang kita kecualikan, kita bagi pengecualian tambang kepada pelajar sekolah, bagi pas konsesi

percuma, pelajar sekolah tak payah bayar. Dia pakai baju sekolah saja. Daripada Darjah 1 sampailah Tingkatan 6, malah pelajar universiti tak payah bayar. Dia boleh ambil pas konsesi. Warga OKU, tak payah bayar. Warga emas 60 tahun ke atas tak payah bayar. Jadi ini macam-macam kita bagi pengecualian sebab kita apa yang penting ialah kita nak ramaikan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan ini. Dan saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat bantu saya, bantu rakyat untuk memohon pas konsesi ini. Saya cadangkan setiap pusat khidmat apabila dilancarkan nanti, boleh bantu untuk men, men, mendaftarkan pengguna-pengguna pas konsesi ini kerana dengan adanya pas konsesi ini mereka boleh menggunakan perkhidmatan itu dengan percuma. Ini yang kita harap dapat dilaksanakan. Dan sudah tentu kalau ada apa-apa kelemahan bolehlah bincang dan boleh sampaikan kepada saya ataupun pihak Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri juga boleh berbincang dengan pihak operator untuk sama-sama tambah baik perkhidmatan ini.

Yang keduanya dari segi pengangkutan awam yang memang sedang dilaksanakan di Seremban ialah membina sebuah stesen kereta api baru. Sukacita saya nak juga berkongsi bahawa stesen kereta api di Seremban akan dibangunkan semula dengan fasad yang bersejarah itu dikekalkan sebagai fasad di luar tetapi di keseluruhan stesen itu akan dibina dengan satu bangunan baru yang berkonsepkan moden dan juga berkonsepkan *green building*. Jadi satu stesen kereta api yang serba lengkap dengan kemudahan yang lebih moden, yang lebih besar akan dibina dalam masa 2 tahun. Dan sudah tentu saya yakin dia akan menjadi mercu tanda utama di Bandaraya Seremban. Dan dia juga berkonsepkan *design* Minangkabau. Jadi ini sesuatu yang sangat-sangat menarik, yang saya harap dapat menaikkan imej Bandaraya Seremban dan juga memberikan kemudahan kepada pengguna-pengguna KTM. Dan ia akan dinamakan sebagai Stesen Seremban Sentral. Dan kawasan sekelilingnya juga sedang kita bincang untuk bersama-sama bangunkan kawasan tersebut sebagai satu kawasan *transit-oriented development.*

Jadi saya harap bahawa perancangan-perancangan ini dapat membantu Kerajaan Negeri untuk memberikan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat, kepada pengguna. Dan bagi saya pengangkutan ini merupakan satu pemangkin. Dia bukan sahaja kemudahan kepada rakyat untuk berulang-alik. Tetapi apabila kita ada sistem pengangkutan yang baik, yang moden, yang efektif, maka ia merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Banyak pelaburan yang boleh kita tarik, banyak aktiviti perniagaan dan komersial yang boleh kita janakan dengan adanya satu sistem pengangkutan yang baik ini.

Seterusnya Dato' Dipertua, bagi saya 5 minit lagi, tambahan sedikit untuk *address* beberapa isu kawasan. Yang pertamanya di DUN Chennah saya pohon supaya pihak Kerajaan Negeri khususnya di peringkat Majlis Daerah Jelebu untuk membantu kawasan DUN Chennah ini untuk dibangunkan sebagai satu pusat *ecotourism* yang banyak kali saya telah bangkitkan. Kita mempunyai potensi-potensi besar untuk menjadi pusat *ecotourism* ini. Dan sekarang ini satu *trend* yang telah pun mula menjadi kegemaran orang ramai ialah menggunakan *caravan*. Ini mungkin konsep baru kepada masyarakat kita, mungkin dia lebih kepada masyarakat di barat. Kalau dulu dia pakai *caravan* pergi *park* satu tempat dia berkhemah. Saya tengok dekat, baru-baru ini Yang Berhormat EXCO Kanan juga ada promosikan dekat kawasan Jelebu, tapak untuk berkhemah dan sebagainya. Tapi sekarang ini ramai juga pembeli-pembeli ataupun pemilik-pemilik *caravan* iaitu konsepnya ialah dia boleh tarik dia punya van itu dengan ada kemudahan-kemudahan dia untuk rekreasi, dia perlukan tapak untuk mereka berhenti. Tapak berhenti untuk ada sumber elektrik, ada sumber air untuk mereka, yang selamat untuk mereka berhenti kat sana untuk mereka aktiviti riadah.

Dan saya lihat bahawa daerah Jelebu ini memang sesuai untuk aktiviti-aktiviti seperti itu. Tetapi kita perlu ada tapak yang selamat. Saya tahu ada garis panduan yang telah pun dibangunkan di peringkat Kementerian Kerajaan Tempatan, yang perlu diguna pakai oleh pihak Majlis Daerah dan PBT. Saya harap PBT boleh membantu menyegerakan sekiranya ada apa-apa permohonan untuk membangunkan tapak-tapak *caravan* ini. Sebab kebanyakan tapak-tapak ini sudah tentunya dia dibangunkan oleh pihak swasta. Ada pemilik-pemilik tanah swasta, mereka nak bangunkan tapak mereka sebagai tapak *caravan*. Dia boleh ada *charge* dia sendiri dan sebagainya. Jadi Majlis Daerah kena bantu untuk percepatkan proses kelulusan untuk tapak-tapak ini. Dan saya yakin bahawa di, bukan sahaja di DUN Cennah tetapi di daerah Jelebu secara umumnya mempunyai tapak yang banyak untuk kita dapat dibangunkan sebagai *caravan* kerana udara yang lebih segar, dengan adanya banyak dusun-dusun durian dan dusun-dusun buah-buahan di sekitar kawasan Jelebu memang saya yakin dia dapat menarik lebih ramai orang untuk datang berekreasi di daerah Jelebu. Dan sudah tentu ia juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan. Dan saya harap ini dapat di di diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri.

Menjawab sedikit tadi Yang Berhormat ADUN Labu, menyatakan isu lori pasir ya. Memang saya tahu bahawa isu lori pasir dan lori batu bata ini memang menjadi satu *nuisance*, satu masalah besar. Dan memang kita bertindak agak tegas kepada mana-mana isu *over loading*. *Over loading*

ini memang masalah lama, masalah yang telah berpuluh tahun, tak boleh kita selesaikan. Tapi saya mempunyai tekad untuk cuba *address* isu ini, untuk selesaikan. Dan saya memberikan kepercayaan penuh kepada JPJ. Dan saya telah berikan mesej kepada pihak Pengarah Penguatkuasa JPJ supaya mengambil tindakan sewajarnya, tak payah kena kita kena kena mengambil tindakan tegas. Jadi saya kata kepada JPJ, penguatkuasa perlu tunggu di depan kuari. Depan kuari kita kita letak dia punya, kita punya penguatkuasa. Tengoklah dia berani atau tidak, keluar. Pukul berapa dia keluar kita letak kita punya pihak penguatkuasa, anggota penguatkuasa dengan, memang ada pelbagai, kita tahu bahawa banyak juga pemandu-pemandu lori ini ataupun aktiviti-aktiviti lori *tipper* ini dia juga ada tonto dia. Dan memang banyak penguatkuasa juga diugut dan sebagainya. Memang sekarang kita akan lihat untuk pindaan kepada undang-undang Akta Pengangkutan Jalan untuk kita perkasakan lagi penguatkuasa kita dan kita cuba, kita laksanakan penguatkuasaan yang lebih efektif terhadap masalah-masalah *over loading* lori-lori ini.

Memang saya tahu bahawa kebelakangan, kebelakangan ini kemalangan-kemalangan yang menyebabkan kematian, yang melibatkan lori-lori kontena, lori-lori yang *over loading* ini menjadi-jadi. Dan memang kita telah mengadakan satu operasi tindakan penguatkuasaan yang besar-besaran terhadap lori-lori kontena dan juga lori-lori yang membawa batu bata dan juga pasir ini. Pemandu asing memang tak dibenarkan ya. Kalau dia melibatkan pemandu asing, memang satu kesalahan yang berat. Kalau, saya akan tengok mana satu kes itu. Biasanya kalau mana-mana kes yang melibatkan kematian yang pertamanya, saya nak kongsi sedikit dari segi SOP dia, dari segi kesalahan jenayah itu dia di bawah polis. Katakan ada melibatkan kemalangan, okey, pemandu itu akan terus di ditahan oleh pihak polis bukan JPJ, oleh polis. Polis akan hukum dia, akan akan siasat dia di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Kalau katakan dia di bawah pengaruh pengaruh dadah, dia menyebabkan kematian, dia boleh didakwa mengikut Akta Pengangkutan Jalan dengan setimpalnya. Dan tindakan penguatkuasaan itu dilakukan oleh polis dari segi siasatan dan dirujuk kepada pihak Peguam Negara untuk didakwa.

Jadi JPJ tak terlibat dalam proses itu. Tetapi JPJ terlibat dari dalam proses mengaudit syarikat. Apabilanya berlaku sesuatu kemalangan itu SOP kita ialah syarikat itu mesti diaudit dari segi audit keselamatan JISA dia untuk melihat sama ada dia mematuhi atau tidak, prosedur keselamatan. Dan memang dalam kebanyakan kes, audit itu memang mereka gagal. Dan apabila mereka gagal, kita akan gantung operasi mereka untuk supaya mereka buat audit yang baik. Walaupun mereka, kalau audit seterusnya dapat berjaya, kita masih akan menghukum

mereka dari segi menggantung operasi mereka. Kalau dalam kes-kes yang sangat serius, kalau katakan melibatkan pemandu asing, mungkin dari segi tindakannya kita boleh terus menarik balik lesen dia. Jadi kalau menarik balik lesen dia, memang kerugian yang agak besar kepada syarikat tersebut. Jadi kita cuba untuk memberikan satu mesej yang kuat kepada syarikat-syarikat pengendali supaya jangan melanggari undang-undang negara. Dari segi, terutamanya dari segi pemandu mereka. Kita tahu bahawa dalam kes penguatkuasaan baru-baru ini, pemandu yang menyalahgunakan dadah umpamanya terutamanya yang yang menggunakan ketum. Banyak berlaku dalam kes-kes ini. Terutamanya di beberapa negeri, kita tahu bahawa ada banyak kes seperti ini yang sekarang ini kita bekerjasama dengan pihak AADK untuk kita lihat bagaimana untuk mencegah perkara ini. Jadi dari segi penguatkuasaannya, memang kita laksanakan tegas. Tetapi kita mengharapkan juga ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh membantu memantau dan juga memberikan advokasi kepada rakan-rakan, kepada pengguna-pengguna dan juga pemandu-pemandu. Dan memang kita telah banyak menjalankan pelbagai program termasuk kita sekarang ini akan lihat bagaimana melahirkan pemandu-pemandu yang lebih berhemah. Kita ada program untuk memberikan lesen kepada pemandu-pemandu baru untuk mereka menceburi bidang pengangkutan ini. Tetapi yang paling penting ialah bagaimana melahirkan pemandu-pemandu yang berhemah, yang berhati-hati. Itu memang satu cabaran yang sangat besar yang perlu kita tangani secara bersama.

Jadi saya ucapkan terima kasih Dato' Dipertua kerana diberikan ruang dan peluang ini untuk menyampaikan ucapan dan juga membahaskan bajet kita ini. Dan saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri kerana memang prihatin dari segi melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat. Cuma saya harap kita dapat terus membantu juga menambah hasil Kerajaan Negeri supaya hasil Kerajaan Negeri yang bertambah itu dapat dikembalikan semula kepada kepentingan rakyat Negeri Sembilan. Dengan kata-kata itu saya menyokong Bajet 2025. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, Yang Berhormat Chennah.

YB ADUN Jeram Padang: Yang Dipertua. Sebelum YB Chennah ada depan saya ini, sebelum dia beredar. Saya nak tanyalah satu soalan di kawasan sayalah. Masalahnya saya nak bina, nak mohonlah satu jalan alternatif yang melibatkan 3 kampung orang Asli; Kampung Klebang, Kampung Panchor dan Kampung Lubuk Lawang. Saya dah panjangkan surat ni kepada YB Chennah …..

YB Yang Dipertua Dewan: Soalan tu perlu dijawab sekarang ke, bila?

YB ADUN Jeram Padang: Sekejap ya.

YB Yang Dipertua Dewan: Haa?

YB ADUN Jeram Padang: Saya memerlukan kelulusan daripada YB Pengangkutan ni sebab …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Jeram Padang: Ni JAKOA, JAKOA dan Kementerian Luar Bandar pun dah meluluskan peruntukan. Cuma minta laluan untuk tanah RAC. Itu saja. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan tangguh mesyuarat Dewan ini dan kita akan berhenti berehat. Dan kita akan datang balik di sini pada pukul 2:45 ya. Mesyuarat Dewan ditangguh.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.13 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.50 petang]

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita masih lagi di dalam pembahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024. Jadi kita sambung perbahasan, saya jemput Sri Tanjung. Tak sedia? 20 minit.

YB ADUN Sri Tanjung: Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ahli Dewan yang dihormati. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Yang Dipertua dan semua ahli Dewan atas perbahasan yang penuh bersemangat dan produktif sepanjang sesi ini. Perbincangan yang kita jalankan menunjukkan komitmen kita semua untuk memperjuangkan kepentingan rakyat dan memastikan pembangunan yang berterusan bagi negeri kita. Sepanjang sesi ini kita telah membahas pelbagai isu yang mencabar termasuk kebajikan sosial, pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur. Saya berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan pandangan dan cadangan yang membina. Keprihatinan dan dedikasi setiap ahli Dewan terhadap kesejahteraan rakyat sangat dihargai dan merupakan asas penting bagi kita.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim; Perdana Menteri Malaysia atas inisiatif yang dilaksanakan untuk mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia serta menarik pelabur ke negara ini. Langkah-langkah proaktif seperti ini penting untuk memastikan ekonomi negara terus kukuh stabil dan berdaya saing di peringkat global. Usaha seperti memperbaiki iklim pelaburan, memperkenalkan insentif kepada pelabur asing, mempermudah proses prosedur perniagaan dan memperkukuh kestabilan politik serta dasar ekonomi adalah amat dihargai. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan pelabur malah memberi kesan positif kepada rakyat melalui peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi. Semoga inisiatif ini berjaya direalisasikan dan membawa kemakmuran yang lebih besar kepada Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada Menteri Besar Negeri Sembilan atas usaha dan inisiatif yang dilaksanakan untuk memajukan negeri ini melalui Belanjawan 2025. Kepimpinan dan dedikasi beliau adalah dalam memperkukuh ekonomi negeri, menarik pelabur serta meningkatkan kesejahteraan rakyat amat dihargai. Semoga Negeri Sembilan terus berkembang maju menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dan memberi manfaat besar kepada rakyat. Tahniah atas usaha berterusan dan komitmen dalam memperjuangkan kemajuan negeri.

Dato' Yang Dipertua, dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Dato' *Speaker* kepada beberapa isu dan cadangan serta memberikan manfaat kepada rakyat dan meningkatkan kecekapan pentadbiran di Negeri Sembilan. Pertama kali saya ingin membawa perhatian Dato' *Speaker* kepada isu melibatkan 100 unit rumah PPR di Tanah Merah, Port Dickson. Sijil Perakuan Siap Kerja (CCC) bagi projek ini telah dikeluarkan pada 29 Disember 2022 dan diserahkan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada 5 Januari 2023. Namun sehingga kini rumah-rumah ini masih belum diserahkan kepada permohonan yang layak. Kawasan persekitaran telah menjadi tidak terurus dan dipenuhi rumput liar, memberi gambaran negatif kepada projek tersebut. Penangguhan ini bukan sahaja menjejaskan imej pihak berwajib tetapi juga menimbulkan ketidakpuas, ketidakpuasan hati pemohon yang telah lama menanti untuk menduduki rumah ini. Saya yakin penglibatan aktif Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan isu ini dengan segera sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap komitmen kerajaan dalam menjaga kebajikan mereka.

Kedua, saya ingin mencadangkan kepada Dewan untuk memberi perhatian terhadap isu kesesakan pesakit di hospital kerajaan di Negeri Sembilan. Masalah ini telah menjejaskan pengalaman pesakit dan meningkatkan beban kerja petugas kesihatan. Dalam konteks ini,

pelaksanaan Skim Perubatan Madani di Negeri Sembilan diliat, dilihat sebagai satu langkah proaktif yang berpotensi besar untuk mengurangkan masalah ini. Cadangan di bawah skim ini bagi kes ringan seperti demam selesema yang kini sering memenuhi Jabatan Kecemasan Hospital. Saya ingin mencadangkan, Exco Kesihatan Negeri Sembilan memperkenalkan Skim Perubatan Madani di Negeri Sembilan demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Skim Perubatan Madani di negeri, Skim Perubatan Madani yang diperkenalkan untuk mengurangkan kesesakan pesakit di hospital kerajaan dan mempercepatkan rawatan ringan. Mereka tidak perlu menunggu lebih sejam untuk kes ringan di zon hijau dan lalu mendapatkan rawatan dengan secepat. Kementerian Kesihatan mendapat peruntukan yang kedua terbesar dalam Bajet 2025. Saya yakin, tidak mustahil untuk Kerajaan Madani bersama Kementerian Kesihatan dan bekerjasama dengan Exco Kesihatan Kerajaan Negeri Sembilan dapat memperkenalkan skim ini di Negeri Sembilan.

Ketiga, Taman Linggi Idaman, Linggi. Kawasan ini dikenali sebagai Dataran Banjir oleh JPS Daerah Port Dickson. Pembangunan perumahan di kawasan Dataran Banjir tanpa langkah mitigasi banjir yang mencukupi telah menyebabkan banjir berulang semasa hujan lebat diikuti dengan air pasang tinggi. Penduduk terkesan dengan kerosakan harta benda dan tiada *mechanism* pampasan yang jelas. Ini mencerminkan kelemahan dalam perancangan pemantauan dan perlaksanaan dalam projek pembangunan. Saya mencadangkan tubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat isu ini dan melapor kepada Kerajaan Negeri dan melaksanakan dasar pembangunan lestari bagi mengurangkan risiko banjir di masa depan di kawasan perumahan yang baru sekitar Negeri Sembilan.

Keempat, elaun yang diterima oleh Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Ahli Majlis kini dianggap tidak setara dengan tanggungjawab, beban kerja dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Kekurangan insentif ini boleh menjejaskan motivasi dan keberkesanan mereka dalam melaksanakan tugas di peringkat akar umbi. Mereka merupakan barisan hadapan yang turun padang jika sesuatu bencana atau isu setempat. Kerajaan Negeri perlu melaksanakan kajian menyeluruh terhadap elaun JPKK dan Ahli Majlis. Kenaikan elaun akan menggalakkan penyertaan aktif ahli dalam pentadbiran dan pembangunan komuniti.

Kelima, bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Port Dickson berada dalam keadaan yang tidak memuaskan melibatkan kerosakan infrastruktur seperti struktur bangunan, sistem elektrik, saliran dan kemudahan asas lain seperti kemudahan sukan. Keadaan ini

menjelaskan kecekapan operasi anggota polis serta imej institusi keselamatan di mata masyarakat. Saya memohon untuk menjalankan audit keselamatan dan penilaian keadaan struktur oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau agensi berkaitan, dan sediakan laporan lengkap mengenai tahap kerosakan, keperluan penyelenggaraan dan anggaran kos. Cadangkan peruntukan dana khas daripada Kerajaan Negeri atau persekutuan untuk menyelenggara dan membaik pulih IPD Port Dickson. Saya berharap kerjasama antara Kerajaan Negeri, JKR dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan proses pemulihan berjalan lancar.

Ini diikuti oleh isu pendawaian SJKT PD yang kurang memuaskan, yang telah dimaklumkan pada sidang lepas. Telah dibawa ke perhatian KPM, namun belum ada apa-apa tindakan susulan daripada Jabatan Pendidikan.

Keenam, peningkatan kedai vape yang dikendalikan oleh warga asing tanpa kawalan yang ketat telah menimbulkan kebimbangan berkaitan kesihatan awam terutama penggunaan vape oleh golongan muda. Selain itu operasi kedai ni sering dikaitkan dengan isu perlesenan tidak sah, penjualan barang terlarang dan ancaman kepada ekonomi tempatan. Saya ingin bercadang untuk menguatkuasakan kawalan lebih ketat terhadap operasi kedai vape bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko kesihatan akibat vape yang tidak terkawal.

Seterusnya, usaha pembaikan dan penaik taraf jalan di kawasan Lukut sememangnya sesuatu yang patut dihargai. Dengan jalan utama berdekatan Bukit Palong kini menerima turapan baru. Ia memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya. Namun isu trafik sesak teruk terutama pada hujung minggu adalah perkara yang memerlukan perhatian pihak berkuasa. Antara keluhan masyarakat ialah *traffic light* ada, *traffic jammed* ada, tetapi *traffic police* tak ada. Kehadiran polis trafik ini di lokasi strategik seperti lampu isyarat di kawasan Lukut pada waktu puncak dapat membantu melancarkan pergerakan kenderaan serta mengurangkan kesesakan …..

YB ADUN Lukut: Mohon pencerahan, Dato' Yang Dipertua, boleh? YB? Okey. Untuk makluman Yang Berhormat Sri Tanjung, saya sudah dapat makluman daripada JKR Negeri bahawa *smart traffic light* akan diluluskan pada tahun 2025. Saya ucap terima kasihlah kepada JKR yang telah berusaha untuk bantu saya untuk dapatkan *smart traffic light* dekat Lukut untuk memastikan perjalanan lancar dekat kawasan Lukut untuk mengatasi masalah *traffic jammed* pada hujung minggu. *Thank you* JKR. Untuk makluman YB lah. Terima kasih.

YB ADUN Sri Tanjung: Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PBT dan JKR.

Ke hulu ke hilir mencari bekal
Singgah sejenak di tepi paya
Usul dibawa menjadi akal
Doktor bersidang membawa suara

Bertandang hutan ke desa indah
Semangat waja dibawa bersama
Bersatu kita maju beradah
Membangun negeri, cinta bersama

Saya menyokong Belanjawan 2025 Negeri Sembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih YB Sri Tanjung. Saya jemput YB Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: *Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT*. Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Dengan segala hormat dan takzimnya saya memohon izin membahaskan Belanjawan Negeri Sembilan bagi tahun 2025. Terlebih dahulu saya dengan hormat ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan belanjawan berimbang Negeri Sembilan yang kekal bertemakan Bersama Membina Negeri Madani. Aspirasi perpaduan Negeri Sembilan yang berjumlah 590 juta. Tidak lupa juga saya ucapkan tahniah kepada seluruh penjawat awam Negeri Sembilan yang bersama-sama membantu bagi menjayakan agenda kerajaan aspirasi perpaduan di negeri ini. Saya juga mengalu-alukan inisiatif serta agenda yang bakal dilaksanakan di bawah 9 bidang tumpuan yang menyentuh pelbagai aspek. Ini bersesuaian dengan ayat al-Quran … [melafazkan bacaan ayat 29 dan 30 Surah Al-Israa']. Yang bermaksud: "dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya kerana akibatnya akan ditinggalkan engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan. Sesungguhnya Tuhanmu lah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Ia juga yang menyempitkannya. Sesungguhnya Ia maha mendalam pengetahuannya lagi Maha Melihat akan hamba-hambanya". Surah al-Israa' ayat 29 dan 30. Ini sesuai dengan 5 prinsip maqasid syariah dalam tadbir urus iaitu kesempurnaan di dalam keperluan kehidupan. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, saya cukup berbesar hati untuk kita bersama-sama

membahaskan Belanjawan Negeri Sembilan di Dewan yang mulia ini bagi mencurahkan segala aspirasi, keperluan dan keluhan rakyat terutamanya di kawasan saya Seri Menanti.

Yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang pertama saya ingin membahaskan yang bidang tumpuan yang pertama iaitu kemampatan ekonomi rakyat. Ada 6 inisiatif dalam bantuan bidang tumpuan pertama ini. Saya ingin menyentuh berkenaan 3 inisiatif iaitu yang pertama program pemerkasaan TVET, Jualan Negeri Sembilan Prihatin dan juga Karnival Kerjaya dan Kesejahteraan Rakyat. Yang pertama kerajaan sekarang ini giat mempromosikan TVET sebagai salah satu alternatif bagi menggalakkan anak-anak kita terus belajar dan tidak tertinggal dalam pasaran pekerjaan bagi masa depan mereka. Saya mencadangkan agar penglibatan ADUN kawasan dapat dipanggil bersama supaya ADUN-ADUN kawasan dapat membantu melebarluaskan hebahan dan juga promosi berkenaan pembelajaran TVET bagi masa depan anak bangsa kita.

Yang kedua: Jualan Negeri Sembilan Prihatin. *Alhamdulillah* di negeri, di Seri Menanti kami mendapat kerjasama yang amat baik dengan agensi-agensi yang terlibat di dalam menjayakan Jualan Negeri Sembilan Prihatin dan juga Jualan Rahmah Madani. Sesungguhnya ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perpaduan sangat mengambil berat dalam menjaga kebajikan dan memastikan bahawa rakyat mudah mendapatkan barangan keperluan dan juga barangan yang telah pun disubsidikan oleh kerajaan menerusi belanjawan negeri pada tahun 2024 dan juga tahun ini 2025.

Dan yang ketiga, Seri Menanti mengharapkan agar karnival kerjaya dan juga kesejahteraan pekerjaan ini dapat diperluaskan programnya agar rakyat dapat merasai inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sama ada boleh dilaksanakan di peringkat daerah ataupun di peringkat DUN sekiranya ia boleh dilaksanakan dalam skala yang kecil.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang kedua iaitu Keterjaminan Makanan. Ada 8 inisiatif yang diumumkan dengan 2 inisiatif adalah yang terbaru. Saya ingin menyentuh 3 perkara agar keterjaminan bekalan makanan negeri kita terus selamat dan untuk dimanfaatkan oleh rakyat di Negeri Sembilan ini. Yang pertama iaitu data pertanian dan permohonan peruntukan pusat. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Banci Pertanian yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan di bawah Kementerian Ekonomi bermula bulan Julai hingga Oktober yang lalu. Semenjak merdeka, banci Bancian Pertanian ini hanyalah dilakukan sebanyak 3 kali sahaja iaitu semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman tahun 1960, Tun Hussein Onn 1977

dan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2005. Ini bermaksud data-data terperinci yang dipegang dan dijadikan asas oleh jabatan-jabatan kerajaan pada hari ini sudah tidak dikemas kini semenjak lebih 19 tahun yang lalu. Saya berharap seramai mungkin petani di Negeri Sembilan telah terlibat dalam bancian yang dibuat ini kerana jika data di peringkat akar umbi ini tidak tepat, bantuan dan peruntukan yang disalurkan juga adalah tidak tepat.

Kerajaan Pusat dalam Belanjawan 2025 tahun, tempoh hari telah menyebut tentang 300 juta diperuntukkan untuk kerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam soal peningkatan hasil pertanian. Persoalan saya ialah berapakah jumlah peruntukan berkaitan pertanian yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sembilan kepada Kerajaan Pusat dan berapa, berapakah jumlah projek yang terlibat dan di manakah projek-projek ini bakal dilaksanakan? Adakah Seri Menanti jugak termasuk di dalam permohonan ini? Mohon juga dinyatakan berapakah jumlah projek-projek pertanian yang bakal dilaksanakan melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan sasaran hasil yang bakal dijana. Saya percaya menerusi perancangan yang baik, data yang lengkap, disusuli dengan pelaksanaan berfokus, saya pasti kita akan dapat merungkai masalah keterjaminan makanan serta kestabilan penawaran dan permintaan makanan dari satu tahun ke satu tahun. Hala tuju pertanian negara pada masa akan datang juga adalah kunci untuk memperbaiki beberapa kekangan utama dalam ekonomi seperti import makanan yang tinggi, kenaikan harga makanan dang, dan pengwujudan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar untuk menghidupkan ekonomi luar bandar.

Yang kedua, pensijilan MyGAP iaitu Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik. Jika bercakap tentang produk-produk pertanian, mungkin masih ada di antara kita yang tidak mengetahui tentang pensijilan MyGAP ini sedangkan sebenarnya MyGAP ini adalah sangat penting dalam memberi nilai tambah kepada hasil pertanian atau ternakan kita. Secara ringkasnya MyGAP ini adalah skim pensijilan yang dirangka dan dilaksanakan sejak tahun 2002 oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik bagi mengeluarkan makanan yang selamat dan berkualiti, menjaga keselamatan alam sekitar serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja. Bagi pengguna-pengguna yang cakna tentang kualiti makanan mereka, mereka pasti akan melihat produk-produk pertanian atau ternakan yang ingin dibeli. Adakah ia mempunyai pensijilan MyGAP ataupun tidak. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah ladang atau pusat pemeliharaan yang telah berjaya mendapatkan pensijilan MyGAP di Negeri Sembilan ini? Dan berapakah jumlah pengeluaran hasil serta keluasan kawasan yang terlibat? Saya tahu, untuk mendapatkan pensijilan MyGAP ini bukanlah mudah kerana

banyaknya prosedur dan tatacara yang perlu dipenuhi oleh petani ataupun pengusaha sebelum diberikan sijil tersebut. Akan tetapi itu sepatutnya tidak menjadi satu alasan kepada pengusaha kita untuk memberikan nilai tambah kepada produk-produk yang dikeluarkan oleh mereka.

Dan yang ketiga, pensijilan myOrganic. Begitu juga dengan isu pensijilan myOrganic, semakin ramai rakyat di luar sana yang mementingkan soal kesihatan dan juga tentang apa yang mereka makan. Permintaan terhadap produk organik semakin meningkat dan menjadi sangat penting kepada orang ramai sejak dunia dilanda pandemik. Jelas sekali orang lamai, orang ramai mula mementingkan kesihatan dan mula mencari alternatif makanan yang lebih baik. Situasi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di negara lain juga. Saya melihat kita perlu meneroka pasaran bahan makanan organik ini dengan lebih serius lagi kerana ianya adalah prospek pasaran yang sangat baik. Jika kita lihat kepada statistik daripada laman *Worldcon* dan juga Statista.com dianggarkan nilai jualan produk organik bagi tahun 2023 sahaja sudah mencecah lebih USD 87 bilion. 3 negara tertinggi penjualan produk organik adalah Amerika Syarikat, Jerman dan Perancis. Manakala bagi negara Asia pula, 5 negara dengan pasaran tertinggi adalah China, Vietnam, Indonesia, India dan juga Hong Kong. Agak mengejutkan kita apabila rupa-rupanya Malaysia juga berada di tangga yang ke-9 tertinggi di kalangan negara-negara Asia bagi pembelian produk-produk organik ini. Ini sekaligus menjelaskan bahawa pasaran produk organik ini juga adalah meluas bagi Malaysia dan juga Rantau Asia. Adalah sangat merugikan jika petani-petani di Negeri Sembilan ini tidak mengambil kesempatan daripada peluang pasaran ini. Jika kita tidak mengambil kesempatan, pastinya orang lain pula yang akan mengambil peluang.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah kawasan pertanian yang telah berjaya memperolehi sijil myOrganic ini? Dan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah kawasan bersijil? Saya melihat satu langkah proaktif perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memperkasakan lagi bidang pertanian organik di Negeri Sembilan ini. Kita punya banyak tanah-tanah yang terbiar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dapat kita mengkaji dan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu kawasan khas khusus bagi pertanian organik ini. Antara ciri-ciri utama yang diperlukan bagi penanaman atau penternakan secara organik ini adalah tidak menggunakan racun perosak dan baja kimia sintetik, tidak menggunakan bahan tanaman GMO, kawalan perosak secara biologi, menggunakan sumber-sumber dikitar semula menjadi bahan baja organik, teknologi perladangan organik seperti *Natural Farming, Kyusei*

farming, perladangan lestari, alternatif dan juga bioda biodinamik, penggiliran tanaman bagi menjamin kesuburan tanah.

Saya melihat ciri-ciri atau keperluan bagi penanaman atau penternakan secara organik ini, tidaklah terlalu sukar atau mustahil untuk dilaksanakan. Mungkin bagi sesetengah pengusaha yang tidak terlalu terdedah dengan aspek-aspek pengkomersialan ini mereka melihat pensijilan ini tidak memberi kesan yang besar kepada pendapatan mereka. Sebab itulah agensi dan jabatan terutamanya Jabatan Pertanian perlu memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran serta keterlibatan pengusaha di Negeri Sembilan bagi mendapatkan pensijilan ini. Saya percaya dengan penerangan yang tepat, latihan yang betul dan bantuan serta sokongan yang mencukupi daripada pihak kerajaan, Negeri Sembilan boleh menjadi negeri pengeluar terbesar produk-produk organik di Malaysia.

Sebagai salah satu galakan, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri, mana-mana kawasan pertanian atau perladangan yang beralih kepada kaedah organic, kita berikan mereka insentif khas ataupun bantuan tambahan untuk mereka melaksanakan projek mereka. Ini secara tidak langsung boleh menarik minat golongan petani dan penternak yang sedia ada terutamanya bagi golongan muda yang mungkin terlebah, yang mungkin lebih terdedah dan cakna dengan perkembangan pasaran yang terkini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang ketiga yang ingin saya sentuh berkenaan dengan pendidikan kerana ia mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri dengan memberikan peruntukan yang sangat besar dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025 ini. Iaitu berkenaan dengan insentif berbentuk kewangan tunai kepada anak-anak kita di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Bagi mereka yang berada dalam golongan B40, yang mana di kawasan saya di Seri Menanti ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masih ada lagi keluarga yang mengadu kenapa anak mereka tidak mendapat bantuan tersebut sedangkan pendapatan mereka tidak menentu dan mereka ini banyak yang kerja kampung. Saya mencadangkan agar pihak sekolah dan juga Pejabat Pendidikan Daerah dapat memba, membuat bancian yang menyeluruh dan berkemungkinan ada keluarga yang tercicir ataupun mungkin mereka tidak mendaftar dalam sistem e-Kasih. Saya mohon pihak kerajaan dapat menerangkan bagaimana kaedah untuk mereka memohon dan apa kriteria yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang ke-4 iaitu Pemerkasaan Komuniti. Seri Menanti menyambut baik inisiatif baru program pencahayaan kampung. Seri Menanti amat mengharapkan

agar tahun 2025, Seri Menanti diberikan peruntukan yang lebih bagi pencahayaan di 30 JPKK dalam DUN Seri Menanti. Yang mana pada tahun ini 2024, kita hanya, Seri Menanti hanya mendapat 4 sahaja lampu solar yang perlu dibagi kepada 30 JPKK. Takkan nak racik-racik ompek tu. Jadi kita mohonlah pertimbangan agar dasar pencahayaan ini dapat diperluaskan dengan lebih baik lagi. Pencahayaan jual, pencahayaan jalan kampung amat penting kerana ianya memudahkan orang kampung kita untuk keluar sekiranya ada berlaku ke kecemasan.

Seri Menanti memohon juga kepada agensi yang terlibat khususnya di dalam keselamatan jalan raya, ada 2 permohonan dari masyarakat agar dibuat lampu peringatan ataupun garisan kuning. Yang pertama di Taman Sri Terachi dan juga yang kedua di Taman Pemarak agar apabila adanya lampu amaran ini ataupun garisan kuning ini, masyarakat kita yang membawa kereta ataupun motor dapat lebih berhati-hati kerana di kawasan tersebut merupakan jalan masuk ke taman dan juga ada jugak berlaku kemalangan yang kalau adanya perkara begini kita boleh mengelakkan kemalangan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Seri Menanti lagi sekali mencadangkan berkenaan dengan Rumah Harapan Rakyat ataupun Projek Perumahan Rakyat ini diperluaskan dan juga diperbanyakkan. Kerana kos rumah ini memang rakyat kita mampu milik. Saya juga memohon kepada Kerajaan Negeri dapat melihat ataupun kita dapat menimbang semula projek perumahan kos rendah ini di kawasan-kawasan kampung yang kita ada tanah, untuk kita meramaikan semula komuniti di kampung-kampung. Contoh di kampung di kawasan saya, kadang-kadang ada masjid nak sembahyang Jumaat pun kena tunggu. Ada masjid yang tak cukup untuk kita seramai 40 orang jemaah tu. Jadi kena ada kelulusan daripada Jabatan Agama untuk menunggu sampai dibenarkan solat Jumaat di kawasan masjid. Jadi saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat menimbang semula projek perumahan rakyat sepertimana sebelum ini, yang ada di kawasan saya contohnya Taman Pemarak dan juga Taman Sri Terachi ataupun Taman Sri Ulu Bendul yang mana kos perumahan ini di bawah 100 ribu. Saya juga dimaklumkan yang mana kos perumahan, kos rendah sekarang ini akan mula naik pada tahun depan. Jadi saya mohon agar ianya tidak berlaku kerana ia mungkin menyebabkan kesusahan kepada rakyat kita untuk mendapat rumah yang mereka mampu milik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya amati perbahasan Yang Berhormat Dato' Seri Exco Kanan di Dewan Rakyat yang mencadangkan agar elaun Pengerusi dan Setiausaha dinaikkan, elaun Pengerusi dan Setiausaha JPKK dinaikkan. Dan saya juga ingin mencadangkan perkara yang sama kepada Kerajaan Negeri agar elaun

Pengerusi, Setiausaha dan elaun kehadiran mesyuarat untuk AJK JPKK dinaikkan selaras dengan perubahan terkini. Tidak dilupakan juga agar kerajaan menambah satu lagi insentif iaitu insentif insuran buat semua jawatankuasa JPKK. Insentif-insentif ini bagi menggalakkan JPKK di semua kawasan kampung agar bekerja kuat membantu Yang Berhormat kawasan bersama-sama membawa aspirasi Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan ini untuk kita bersama membina negeri madani. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, 2 minit.

YB ADUN Seri Menanti: Saya ambil, ambil waktu Sri Lukut, Sri Tanjung.

YB Yang Dipertua Dewan: Tak ada kebenaran saya pun.

YB ADUN Seri Menanti: Saya mohon. Ada sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bidang tumpuan yang kelima yang ingin saya tempuh iaitu Kerohanian Dan Agama. *Alhamdulillah* Belanjawan 2025, Kerajaan Negeri memberi perhatian serius di dalam aspek kerohanian dan agama di Negeri Sembilan. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana memperkenalkan inisiatif baru iaitu caruman PERKESO bagi Bilal, Siak dan juga Pembantu Am Wanita. Adalah sebaiknya Kerajaan Negeri juga memasukkan insentif ini kepada Imam 1 dan 2, Imam 2 masjid. Seri Menanti juga memohon kepada Kerajaan Negeri agar dapat dibina satu surau buat penduduk masyarakat Kampung Orang Asli Ulu Mampas kerana *alhamdulillah*, pada hari Ahad semalam 24 hari bulan seramai 17 saudara baru Islam di Kampung Orang Asli Ulu Mampas telah menerima kad saudara baru daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Dengan inisiatif program pembinaan karakter bangsa ini, Seri Menanti mencadangkan agar Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Mufti dan MAINS terus memperkasakan jati diri akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, al-Asyairah, al-Maturidiyah dengan memperbanyakkan seminar dan kursus bagi membugar minda rakyat, memahami fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah ini.

Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang ke-6 Pemerkasaan Belia, Wanita Dan Sukan. Peruntukan Geran Belia, Beliawanis dan Pemerkasaan Sukan ini perlu juga kita lihat anak-anak kita yang terlibat dengan *e-commerce, e-Hailing* dan juga *e-games* kerana bidang ini merupakan salah satu punca rezeki baharu bagi anak-anak kita. Apa yang boleh dan wajar kita bantu, kita perlu bantu mereka agar bidang yang mereka ceburi ini menjamin masa depan mereka di masa hadapan kelak. Berdasarkan peruntukan untuk belia wanita, belia, wanita dan sukan ini menunjukkan Kerajaan Negeri amat memberikan komitmen

dan komited untuk memastikan belia, wanita dan sukan kita tidak terpinggir.

Cuma yang sedihnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, prestasi pasukan bola sepak Negeri Sembilan amat-amat mendukacitakan kita. Sukan ini sebenarnya adalah sukan yang mampu menarik minat orang ramai untuk memberikan sokongan. Mungkin sudah tiba masanya kita perlu memperkasakan sukan ini bermula di peringkat rendah lagi ataupun kita mulakan di peringkat akar umbi dengan kita memperkenalkan kembali liga. Sama ada di peringkat sekolah, di peringkat DUN dan juga peringkat daerah. Dengan ini kita boleh mencungkil bakat anak negeri ini untuk mewakili negeri kita bagi sukan bola sepak ini. Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah habis.

YB ADUN Seri Menanti: Sikit lagi.

YB Yang Dipertua Dewan: Sikit jelah.

YB ADUN Seri Menanti: Berkenaan dengan kebajikan. Bidang tumpuan yang terakhir ingin saya bahaskan iaitu dengan kebajikan. Saya bersyukur dengan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk memberikan bantuan alat implan ortopedik dan rawatan pembedahan AV Fistula bagi yang dialisis buah pinggang. Saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat memasukkan lagi satu inisiatif iaitu rawatan katarak mata dan juga kanta mata. Kerana ramai sekarang ini masyarakat di di kampung ataupun orang-orang di bandar sekalipun menghadapi masalah berkenaan dengan katarak mata ini. Jadi saya mohon pada Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan agar dapat dimasukkan satu lagi inisiatif bantuan bagi pembedahan katarak mata.

Selain itu juga saya mengharapkan agar kita tidak lupakan anak-anak kita yang belajar di PPKI (Program Pendidikan Khas Integrasi) di sekolah-sekolah kebangsaan. Mereka juga wajar diberikan bantuan kerana mereka juga anak-anak orang kurang upaya di sekolah harian. Jadi mereka perlukan bantuan sepertimana Kerajaan Negeri umumkan dalam Belanjawan 2025 ini yang mana Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada PDK-PDK yang ada di dalam kawasan DUN.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Dato' *Speaker*, sebelum saya menutup ucapan perbahasan saya, saya menyambut baik anggaran perbelanjaan untuk Belanjawan Negeri Sembilan 2025 ini yang berjumlah 590 juta. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, Yang Berhormat Exco Kanan dan juga Yang Berhormat Exco Kerajaan Perpaduan serta seluruh ketua-ketua jabatan, agensi-agensi kerajaan yang banyak membantu Seri Menanti menyelesaikan permasalahan rakyat. Akhir sekali pada kesempatan ini, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Ilahi. Semoga *Allah SWT* sentiasa memelihara dan menjaga Negeri Sembilan ini serta sentiasa mengurniakan rahmat dan keberkatan-Nya, juga buat kepimpinan buat Duli Yang Amat Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan serta seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan dan rakyat Negeri Sembilan. Saya ucapkan terima kasih dan Seri Menanti mohon menyokong Belanjawan 2025 Negeri Sembilan, Bersama Membina Negeri Madani. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya saya menjemput Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: *A'uzubillahi sami'ul aleem minas syaitanirajim, bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillahirabil 'alamin wassalatu wassalamu ala asrofil anbiya iwal mursalin, saidina Muhammadin wa'ala alihi wasahbihi ajmain, Rabbi yassir wala tu'assir ya karim, ya aziz ya jabbar ya mutakabbir. Alhamdulillah.* Dato' Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan sekalian, terutamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dato' Yang Dipertua, yang pertama ialah prestasi kewangan negeri. Sebagai ADUN Negeri Sembilan yang diberi tanggungjawab ya, *check and balance* untuk Kerajaan Negeri Sembilan, saya turut gembira dengan perkembangan positif dalam pelbagai indikator ekonomi negeri yang kita cintai ini seperti pencapaian keluaran dalam negara kasar, penurunan kadar pengangguran, peningkatan kadar guna tenaga, perkembangan pelaburan dan lain-lain lagi. Saya mengalu-alukan Penyata Kewangan Negeri Sembilan tahun 2023 yang memperolehi Sijil Bersih Tanpa Teguran *(Unqualified Audit Opinion)* kerana ini menunjukkan penyata kewangan ini telah disediakan dengan benar, saksama, telus dan mematuhi piawaian perakaunan. Tepuklah sendiri. Namun ia bukanlah alasan untuk kita berpuas hati sepenuhnya. Sijil Bersih Tanpa Teguran hanya bermakna penyata kewangan adalah lengkap, tepat dan bebas daripada sebarang salah nyata material. Tetapi ia tidak semestinya mencerminkan tiada kelemahan dalam aspek lain seperti kelemahan tatakelola, kawalan dalaman atau kecekapan

pengurusan. Justeru itu kelemahan yang turut disebut dalam penyata kewangan dan laporan audit negara tersebut perlulah diberi perhatian dan tindakan segera daripada Kerajaan Negeri.

Yang keduanya ialah definasi status miskin tegar di Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh soal definasi dan status miskin tegar di Negeri Sembilan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melaporkan Negeri Sembilan telah mencapai sasaran sifar miskin tegar setakat 15 Oktober 2024. Perkara ini telah menjadi perdebatan umum sejak Yang Amat Berhormat Menteri Besar pertama kali mengumumkan perkara yang sama pada sekitar Disember 2023. Dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Februari 2024, yang meliputi bukan hanya Negeri Sembilan tetapi juga Kuala Lumpur dan jugak Melaka. Antara perkara yang menjadi perdebatan adalah kayu ukur untuk mendefinasikan miskin tegar sama ada menggunakan purata Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut Kementerian Ekonomi (PGK), pendapatan isi rumah mengikut Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KIR) dalam perkembangan, dalam pembentangan ya, pada Jumaat lalu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga memaklumkan kita masih perlu memberi perhatian khusus kepada seramai 1,258 orang yang berada dalam kategori mudah miskin tegar. Saya telah, saya tidak rasa ia setakat itu sahaja. Dan kita, sebelum ni kita semua ADUN Negeri Sembilan telah diberi taklimat oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan baru-baru ini ya, dilaporkan ya, dalam taklimat tersebut jumlah asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan setakat Jun 2024 adalah seramai 5,424 yang diberi bantuan. Yang mana ya, 3 kawasan yang tertinggi ialah di Kuala Pilah, Rembau dan termasuk Port Dickson. Mesej saya di sini, janganlah laporan-laporan yang cantik di atas kertas membuat Kerajaan Negeri selesa dan tidak melihat realiti masyarakat di lapangan yang kini berhempas pulas mencari rezeki dan meneruskan hidup yang serba mencabar ketika ini.

Dato' Yang Dipertua, isu penjaja. Di DUN Paroi, saya sering menerima keluhan daripada ramai peniaga kecil yang diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Mereka dilarang meniaga atas sebab tertentu dan barang mereka dirampas untuk meringankan, dirampas. Dan untuk meringankan beban mereka adakala saya menemani mereka ke pejabat penguatkuasa PBT untuk membayar kompaun dan meringankan suasana suasana ya di peringkat Majlis Perbandaran Seremban. Bukanlah maksud mempertahankan kesalahan tetapi saya mengharapkan setiap tindakan penguatkuasa perlulah disulami dengan nilai kemanusiaan, timbang rasa, pendekatan yang lebih mesra khususnya kepada peniaga-peniaga kecil yang niat mereka hanya berusaha mencari rezeki untuk keluarga mereka. Pihak berkuasa

seharusnya mempertimbangkan langkah-langkah alternatif seperti memberi amaran awal atau menyediakan lokasi meniaga yang lebih sesuai, kondensif ya, sebelum mengambil tindakan drastik seperti rampasan ataupun kompaun. Dengan ini kepentingan undang-undang dapat ditegakkan tanpa menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Sebagai rekod, rakyat bawah membandingkan sikap Kerajaan Negeri hari ini dengan kerajaan di bawah pentadbiran sebelumnya. Pentadbiran sebelumnya siapa? Mungkin semua tahu kan? Yang disifatkan lebih mesra penjaja kecil bagi merangsang minat rakyat berniaga dan menambah pendapatan. Aspek penguatkuasaan yang parut yang yang patut ya, difokuskan adalah menangani peniaga-peniaga warga asing atau tindakan terhadap warga tempatan yang mengali babakan lesen dan jugak premis perniagaan.

Selain penguatkuasaan, Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah lebih proaktif dengan membawa peniaga ini menyertai inisiatif di bawah bidang tumpuan yang pertama, kemampanan kemampanan ekonomi rakyat seperti dalam Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kerajaan Negeri perlu memastikan semua inisiatif-inisiatif ini selari dengan pelan pembangunan penjaja dan peniaga kecil yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya menyeru agar Kerajaan Negeri melihat cabaran ini sebagai peluang untuk memperkasakan peniaga kecil di negara, di negeri ini. Dengan pendekatan seperti ini kita bukan sahaja membantu mereka meningkatkan pendapatan dan daya saing tetapi menyumbang kepada kemampanan ekonomi rakyat secara keseluruhannya.

Pembinaan Pavilion Kekal di MAHA. Dato' Yang Dipertua, berhubung cadangan pembinaan Pavilion Kekal MAHA Negeri Sembilan. Saya menyokong penuh cadangan ini demi mengangkat martabat produk tani di negeri ini. Ini kerana Pavilion MAHA Negeri Sembilan sedia ada dilihat agak terbelakang berbanding, kalau kita pergi ke MAHA, berbanding dengan negeri-negeri lain daripada pelbagai sudut. Diharap dengan pembinaan Pavilion Kekal MAHA kelak ia dapat membawa wajah baru kepada produk dari negeri ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam isu yang sama, saya menyeru Kerajaan Negeri memberi fokus kepada aset sedia ada iaitu pasar tani kekal dan hab pengedaran PAKAR, Paroi ya di Paroi. Jika Pavilion Kekal MAHA memberi peluang kepada Negeri Sembilan menonjolkan produk kita di luar negeri PAKAR Paroi pula berpotensi menjadi hab ekonomi setempat yang mengangkat jenama usahawan kecil kita di peringkat tempatan. Asas pembinaan PAKAR adalah menjadikannya sebagai

platform penting yang menghimpunkan peniaga-peniaga kecil, usahawan memasarkan produk, membina jaringan peniaga setempat serta sebagai aktiviti komuniti untuk merancakkan ekonomi tempatan. Saya mencadangkan supaya PAKAR Paroi ini diberi nafas baru dengan penambahan program yang lebih komprehensif termasuk latihan digital, program pasar pemasaran dan bimbingan usahawan. Dengan ini diharap PAKAR Paroi menjadi inkubator dan jugak batu loncatan untuk melahirkan lebih ramai usahawan berkualiti yang produknya akhirnya berkembang jauh. Ini adalah langkah serampang dua mata. Kita membangunkan platform tempatan seperti PAKAR Paroi dan pada masa sama kita menghubungkan mereka ke pasaran yang lebih luas melalui inisiatif seperti Pavilion di MAHA.

Dato' Yang Dipertua, perlantikan Timbalan Yang Dipertua. Cadangan pelantikan timbatan, Timbalan Yang Dipertua ini telah dibangkitkan berapa kali, saya sendiri, ADUN Johol, ADUN Chembong. Saya telah membahaskan kepentingannya ya, supaya selari dengan keperluan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan) 2024. Saya lihat Dato' Yang Dipertua daripada pukul 10:00 sampai 3:00, sampai pukul 1:00, duduk ya. Maknanya, sepatutnya dalam garis panduan dalam bidang keselamatan dan kesihatan *ergonomic*, selepas 2 jam kita kena bangun. Ni undang-undang, ni undang-undang ya. Soal keselamatan dan kesihatan tidak boleh dinilai dari sudut kemahuan tetapi soal keperluan ya, jika ada ya. Oleh itu sekali lagi saya tegaskan dalam Dewan ini perlu dilantik, ya Timbalan Dipertua berdasarkan daripada akta ini.

Dan juga, satu lagi isu ialah isu *ergonomic* kerusi kita. Kerusi kita. Dan saya mohon sebagai lagi hubungan isu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, saya mendapati kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan ini tidak *ergonomic* mengikut *Ergonomic Guideline For The All Office Work* dalam akta yang samalah ya supaya ya, supaya yang dah penting supaya kerusi Dewan ini diperhati dan dapat dibuat kajian semula untuk memastikan mesra kesihatan ya, keselesaan dan keberkesanan semua ahli Yang Berhormat dalam menjalankan tugas rasmi. Langkah ini akan menyokong persekitaran kerja yang lebih profesional dan mesra kesihatan. Ada serba sedikit pandangan ya, di peringkat, di peringkat saya. Ada yang bersetuju ditukar? *Insya-Allah* ya, mungkin Yang Amat Berhormat boleh berfikir membuat kajian ya, dan ADUN saya kata ADUN Repah ya dalam bidang keselamatan.

Satu perkara lagi ialah perlantikan Undang Rembau. Dato' Yang Dipertua, umum mengetahui keresahan rakyat Rembau berkaitan pelantikan Undang Luak Rembau yang hingga saat ini belum berakhir. Sebagai anak Rembau, saya berasal daripada US, Ulu Sepri Rembau,

Negeri Sembilan ya, memohon agar pihak Kerajaan Negeri memaklumkan perkembangan semasa mengenai isu ini dapat diselesaikan ya. Tanpa niat mencampuri urusan adat ya, lantikan Undang Rembau, bagaimanakah Kerajaan Negeri sebagai badan yang boleh berperanan dan membantu dalam menangani isu-isu yang sering, yang sering dibangkitkan dalam perlantikan Undang Rembau. Kerana Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan ya, 1959, muka surat 28, Undang-Undang Tubuh kita ya, fasa 28 ya, makna perkataan "Raja: dengan tertakluk kepada Ceraian (2) di bawah Fasal ini maka perkataan Raja di mana-mana yang ada tertulis di dalam Bahagian Yang Kedua Perlembagaan ini adalah yang bermakna Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin yang ada pada masa ini. Maknanya undang ini adalah raja kita. Itulah serba sedikit ya untuk maklumat Yang Amat Berhormat.

Seterusnya ialah tentang perlantikan jawatankuasa masjid. Dato' Yang Dipertua, kita bakal membahaskan pindaan terhadap Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Sembilan) 20, 2003 dalam beberapa hari ini. Seksyen 104 Enakmen ini jelas menyatakan bahawa pelantikan jawatankuasa masjid adalah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Bukan bidang kuasa ADUN. Saya telah menerima aduan ya, bahawa setiap calon yang ingin dicalonkan sebagai pengerusi, SU dan Bendahari Masjid hendaklah ya, mendapat ulasan dan persetujuan daripada ADUN, EXCO atau pejabat ya, Menteri Besar. Saya ingin menegaskan bahawa perlantikan Jawatankuasa Masjid mestilah diserahkan kepada pihak yang benar-benar ahli iaitu Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Sembilan). Campur tangan politik dalam urusan ini bukan sahaja bercanggah dengan semangat enakmen maka bertentangan dengan prinsip Islam firman *Allah* dalam surah An-Nisa ya, sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya. Ayat ini mengingatkan kita bahawa tanggungjawab dan jugak amanah mesti diberikan kepada mereka yang benar-benar layak dan berkelayakan. Bukan berdasarkan kepentingan politik. Rasulullah juga memberi amaran keras dalam satu hadis, apabila suatu urusan diserahkan bukan ahlinya, maka tunggulah ya, saat kehancurannya ya, hadis Riwayat Al-Bukhari. Ini jelas menunjukkan bahawa menyerahkan urusan kepada mereka yang tidak berkelayakan adalah satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah dan akan membawa kepada kebinasaan sama ada dalam urusan pentadbiran, ekonomi mahupun agama.

Oleh itu perlantikan Jawatankuasa Masjid perlulah kekal di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri Sembilan tanpa pengaruh luar. Majlis Agama Islam maknanya payungnya adalah Yang di-Pertuan

Besar, Empat Undang dan jugak Tengku Besar Tampin. Hanya dengan cara ini, kesucian institusi masjid dapat dipelihara dan amanah terhadap umat Islam dapat dilaksanakan dengan adil. Saya mencadangkan urusan pelantikan Jawatankuasa Masjid diserahkan mandat kepada ahli kariah secara mesyuarat agung dan disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebagaimana ya, amalan sebelum ini ya, sebelum 2018. Campur tangan politik hanya akan mengundang perpecahan dan merendahkan kedudukan masjid sebagai institusi agama yang suci.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ringkaskan, tinggal sikit masa.

YB ADUN Paroi: 2 *point* lagi. Boleh?

YB Yang Dipertua Dewan: Haa?

YB ADUN Paroi: 2 *point*. Saya ambil masa Yang Berhormat, masa yang Yang Berhormat Dato', Paroi .....

YB ADUN Lenggeng: Dato' Dipertua, mencelah sikit. Dato' *Speaker,* boleh? Berkenaan dengan .....

YB Yang Dipertua Dewan: Tanya dengan Yang Berhormat dulu. Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Lenggeng: Paroi, boleh ya?

YB Yang Dipertua Dewan: Paroi, Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Lenggeng: .... kat atas lah.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Lenggeng: Berkenaan dengan cadangan pelantikan Jawatankuasa Masjid melalui pengundian seperti sebelum ni ada banyak masalah Dato' *Speaker*. Ketika hari pengundian tah orang daripada mana datang balik ke kampung mengundi. Muka-muka yang kita tak kenal. Saya dulu pun bekas Pengerusi Masjid. Jadi saya pun terlibat dalam penilaian pengurusan secara pengundian ni. Jadi saya nampak itu memang memberi masalah yang besar kecuali kalau kita buat, memang sebiji macam pilihan raya betul. *So* yang datang tu bawak IC dan sebagainya tapi saya nampak benda tu sukar.

Dan kedua, saya bangkang kerana YB Paroi bagitahu tadi campur tangan politik sebab memang pelantikan daripada MAINS dan, JHEAINS dan MAINS. Kami pun tak pernah campur tangan dan tak pernah pun ambil tahu dan sebagainya tu. Okey itu Dato' *Speaker.*

YB ADUN Paroi: Okey, jawapan saya mudah, saya pun bekas Pengerusi Masjid dah 7 tahun ya. Dan, 7 tahun apabila kita bagi mandat itu kepada ahli kariah, ahli kariah itu dia dapat tentukan, dia dapat tentukan secara dekat. Yang ini Pengerusi .....

YB ADUN Lenggeng: Tapi Paroi dia, kita memang lantik, lantikan memang daripada .....

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Lenggeng: ..... daripada kariah .....

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Paroi teruskan dengan ucapan.

YB ADUN Lenggeng: ..... saya, saya tengok dia tak pernah lantik daripada luar kariah.

YB Yang Dipertua Dewan: Kita tak akan habis .....

YB ADUN Lenggeng: Kalau daripada luar kariah, saya yang akan bantah.

YB Yang Dipertua Dewan: Paroi teruskan ucapan.

YB ADUN Paroi: Itulah kebijaksanaan apabila mandat itu kita berikan kepada ahli kariah. Ahli kariah ni faham. Siapa orang yang terbaik untuk Pengerusi, siapa orang yang terbaik untuk SU dan jugak ahli jawatankuasa. Itu jawapan sayalah sebab saya ada pengalaman menguruskan masjid lebih 14 tahun dan 7 tahun sebagai Pengerusi Masjid ya. *Wallahualam*.

Okey saya teruskan kepada penyelenggaraan jalan di kawasan kilang ataupun perindustrian. Dato' Yang Dipertua, Negeri Sembilan berpotensi menjadi hab industri bernilai tinggi. Inilah termasuk *Parcel F Malaysian Vision Valley* 2.0 yang terletak di Taman Perindustrian Tunku Jaafar yang berkembang sebagai hab industri semi konduktor dan kilang bateri kenderaan elektrik. Seiring dengan perkembangan ini, sewajarnya perancangan perlu selari dengan pembangunan kemudahan sekeliling termasuk jaringan jalan raya yang efektif dan

turut bersedia menjadi laluan bagi kenderaan berat. Mengambil contoh di Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar, kesesakan lalu lintas ini telah memberi kesan yang negatif kepada aktiviti seharian penduduk dan mendatangkan bahaya kerana kadar kemalangan sehingga menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu pihak kerajaan perlu memantau dan menyenggarakan jalan raya di sana dengan lebih kerap agar keselamatan, keselesaan penduduk yang menggunakan jalan ini terjamin. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya status terkini projek alternatif bagi menghubungkan penduduk Taman Tuanku Jaafar ke Taman Bandar Senawang yang selalu, yang melalui kem ya, Senawang seperti disebut kerajaan sejak Oktober 2023.

Dan akhir sekali ya, peruntukan kepada ADUN pembangkang. *Last*, ya. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memaklumkan ya, Belanjawan 2025 adalah belanjawan tahunan kedua menggunakan pendekatan Pengurusan Kewangan Madani berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kewangan Madani 2025 dan 2030. Ia mahu dilihat, dia mahu dilihat terdiri daripada nilai-nilai teras kewangan Madani iaitu Al Qawiyyul Amin Al-Hafizul'Alim. Saya yakin apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama dengan konsep Madani Hidayah yang dikongsikan oleh Tuan Guru kami Tan Sri Haji Abdul Hadi Awang di Parlimen 2 minggu lalu, ketika membahaskan Belanjawan Malaysia 2025. Konsep ini mengajak kita bertindak berteraskan petunjuk Ilahi, bersifat adil dan tidak membebankan rakyat.

Sekali lagi saya ingin membangkitkan keperluan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberi layanan yang adil kepada semua ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, yang telah dipilih oleh rakyat secara demokrasi termasuk peruntukan untuk operasi. Peruntukan yang saya maksudkan sini bukan peruntukan pembangunan yang selalu diputar belitkan oleh pegawai-pegawai Yang Amat Berhormat. Tetapi peruntukan operasi untuk membaiki kos operasi pusat khidmat DUN, penyelidikan, petugas, program komuniti, kewangan kepada rakyat yang memerlukan, yang memerlukan dan menyokong ya, aktiviti persatuan, NGO setempat dan lain-lain. Saya memetik Berita Harian bertarikh ya, bertarikh 25 Mei 2018 di mana Yang Amat Berhormat pada ketika itu baru menjadi Menteri Besar, menyatakan Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan kepada ADUN pembangkang bagi memastikan mereka dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat di kawasan masing-masing ya, Berita Harian. Tengok dia punya apa, kata Yang Berhormat lagi pada ketika itu ya, kata-kata saya ambil kata-kata Yang Berhormat tanpa peruntukan ya, bagaimana seorang ADUN itu dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik kepada rakyat. Yang Amat Berhormat menegaskan lagi ketika itu, saya merasa sendiri

bagaimana azab ya, Yang Berhormat cakap ni ya, saya merasa sendiri bagaimana azab tidak ada peruntukan selama 10 tahun menjadi ADUN Sikamat, ya. Makna dia ada pengalaman …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat dah lebih masa Yang Berhormat. Yang Berhormat.

YB ADUN Paroi: Saya tidak mahu orang lain merasa seperti saya …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dah lebih masa dah.

YB ADUN Paroi: Saya dah habis ni. Saya tidak mahu oranglain merasa seperti saya lalui sebelum ini, tidak perlulah kita berdendam. Dato' Yang Dipertua, *last.* Atas hujah ini sekali lagi saya ingin mengulangi dalam Dewan ini agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar menunaikan hak untuk dilayan sama rata sebagai ADUN yang juga dipilih oleh rakyat. Yang Amat Berhormat sendiri menyatakan pernah rasa azab kerana dizalimi. Janganlah Yang Amat Berhormat mengazabkan orang lain kerana berdendam. Peruntukan ADUN Paroi ni, untuk makluman Ahli Dewan, peruntukan berada di Dato' *Speaker* ya. Tahniah.

Sebagai penutup, saya ingin memetik satu ayat al-Quran daripada surah An-Nahl, ayat 90. Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat. Allah melarang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman, Dia mengajar kamu dengan suruhan dan larangan-Nya supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya. Ayat 90 An-Nahl ya. Ayat ini memberi panduan holistik kepada pemimpin untuk menegakkan keadilan, berbuat kebajikan, larangan daripada melakukan kezaliman dan mengelakkan kemungkaran dalam mentadbir dan menjalankan amanah. Akhir kesempatan ini marilah kita sama-sama berdoa agar Allah pelihara ……

YB ADUN Lenggeng: Boleh mencelah Tuan *Speaker*?

YB ADUN Paroi: ….. Negeri Sembilan.

YB ADUN Lenggeng: *Last last,* sebab dia kata kezaliman, kezaliman terasalah sekali semua.

YB Yang Dipertua Dewan: Teruskan.

YB ADUN Paroi: Erti kata, erti ….

YB Yang Dipertua Dewan: Tadi YB kata nak habis, tapi panjang lagi.

YB ADUN Lenggeng: Saya celah boleh?

YB Yang Dipertua Dewan: Tak, saya nak tahu YB teruskan, nak habiskan sekarang.

YB ADUN Paroi: Jawapan kezaliman.

YB Yang Dipertua Dewan: Tak nak.

YB ADUN Paroi: Zalim maksud …..

YB ADUN Lenggeng: Dia zalim ni dia …..

YB Yang Dipertua Dewan: Ucapan ini semua akan dijawab oleh …..

YB ADUN Lenggeng: …. saluran tu dia sampaikan kepada yang ni kan …..

YB Yang Dipertua Dewan: Ucapan ni semua akan dijawab oleh Menteri Besar…..

YB ADUN Lenggeng: …. oleh rakyat. Jadi kita kena *justify* zalim tu apa.

YB Yang Dipertua Dewan: ….. jadi kalau ADUN-ADUN lain nak jawab susah.

YB ADUN Paroi: Okey lah. *Last* sekali lah. Maknanya kesempatan ni mari kita sama-sama berdoa agar Allah memelihara Negeri Sembilan yang kita cintai ini, mengurniakan petunjuk dan hidayah kepada pemimpin-pemimpin kita untuk sentiasa berlaku adil kepada kita semua. Moga-moga Allah Taala lindungi kita semua. Dengan ini Paroi menyokong Belanjawan 2025 dengan penambahbaikan yang dicadangkan, yang dibentangkan pada 22 November 2024. *Wabillahi taufik assalamualaikum WBT.*

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: *Assalamualaikum WBT. Bismillahhir rahmanirrahim. alhamdulillahirabbil'alamin wabihi nasta'in wassholatu wassalamu ala asyrofil anbiyai wal mursalin wa'ala alihiwassohbihi ajma'in. Robbisrohli sodri, wayassirli amri, wahlul 'uqdatammil lisaani yafqohu qouli.* …[melafazkan ayat 38 Surah Asy Syuura]. Dan orang-orang yang telah menyahut seruan Allah SWT dan mendirikan solat, urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat, dan mereka pula

mendermakan, menafkahkan sebahagian daripada apa yang Kami berikan kepada mereka. *Qala Rasulullah SAW, taraktu fikum amraini lantuzhilluu maa tamassaktum bihimaa. Kitaballah, wasunnatan nabi.* Aku tinggalkan dua perkara sekali-kali kamu tidak akan sesat berpegang teguh kepada keduanya iaitu al-Quran dan al-Hadis.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang memberikan saya peluang berbahas dalam Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15 Negeri Sembilan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, saf kepimpinan Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari barisan kerajaan mahupun pembangkang, semua ketua-ketua jabatan di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan, hadirin hadirat sama ada yang berada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun mengikuti persidangan ini di luar sana melalui media massa kontemporari.

Dato' Yang Dipertua di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita sudah tentulah dengan nasihat dan kerja keras *team* Dato' Pegawai Kewangan Negeri; Dato' Khidir bin, *miss* namo, dengan yakinnya mengunjurkan pendapatan negeri bagi tahun 2025 kepada 590.0 juta iaitu yang tertinggi setakat ini dan perbelanjaan negeri nanti akan dibuat berimbang. Mari kita berdoa supaya ianya menjadi belanjawan *surplus* pulak sepertimana tahun sebelum ini. Malah, pendapatan negeri dengan *walking tall* nya dengan izin, diunjurkan 1.0 billion Ringgit Malaysia pada tahun 2030. Saya yakin semua faktor untuk mencapainya telah diambil kira bagi perlaksanaan dalam tahun-tahun yang mendatang.

Dato' Yang Dipertua, program pencahayaan kampung yang telah disentuh oleh Johol tadi amat-amat dialu-alukan dengan peruntukan 1.0 juta ringgit. Sebab ada war, warga kampung yang mohon lampu jalan melalui JPKK atau MPKK sebelum ini, dah bertahun tak *dapek*. Moga-moga, masa ketika itu alasannya tiada peruntukan. Warga ini mengadu golap saya nak ke masjid, *ke teh,* ke surau. Dengan adanya peruntukan ini, moga-moga giliran permohonan ini dapat diluluskan. Walaupun begitu yang baru kita tambah Dato' Yang Dipertua, tetapi jangan lupa perancangan senggaraan lampu yang sedia ada perlu dipertingkatkan oleh agensi-agensi yang terlibat. Saya tidak mahu lagilah ada pengalaman lampu jalan hampir setahun tak menyalo.

Dato' Yang Dipertua, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah bertitah pada sidang Pertama (Perasmian)

yang lalu supaya kerajaan mengingatkan, meningkatkan usaha di dalam meningkatkan syiar Islam di negeri ini selari dengan pemerkasaan agama yang dilakukan oleh kerajaan Madani. Alhamdulillah. Dengan vot tertinggi yang diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sebanyak 55.3 juta lebih kurang, yakni hampir 10% daripada perbelanjaan tahun hadapan, ini amat selari dengan sasaran Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia. Tahniah saya ucapkan. Jumlah ini juga menunjukkan kenaikan 5.8% dari peruntukan tahun semasa.

Meneliti bidang tumpuan kerohanian dan agama. Kerajaan telah memperuntukkan 10.0 juta untuk pembangunan masjid-masjid baru. Ini sangat-sangat disokong. Tetapi Dato' Yang Dipertua, mungkin tidak diumum, adakah di sana kenaikan elaun untuk pegawai-pegawai masjid yang telah disentuh oleh Labu tadi? Mereka ini menjaga masjid-masjid *kito* Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua. Dah lah tidak dikategorikan sebagai penjawat awam, bila diumumkan 2 bulan bonus, mereka ni hanya dengar aje lah Dato' Yang Dipertua. Saya mengharapkan ada kenaikan yang setimpal. Kok tak ada pun tahun ini, masukkanlah untuk tahun-tahun yang mendatang *insya-Allah.*

Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan JPS, perparitan dan saliran terutamanya Jabatan JPS Jelebu yang banyak membantu menyelesaikan masalah yang timbul berkaitan aliran sungai dan bonda yang tersekat serta tebing sungai yang runtuh. Daripada rang undang-undang yang dibentangkan JPS Negeri akan mendapat peruntukan sebanyak 19.0 juta ringgit pada tahun hadapan. Seperti yang pernah saya sarankan dahulu di dalam Dewan yang mulia ini JPS perlu membuat kajian dasar asas sungai-sungai tertentu yang selalu mengalami banjir kerana dasar sungai yang sudah cetek, kalau kata orang kampung dengkek ya. Usaha yang sedang dijalankan seperti program timbal balik mengeluarkan pasir di sungai-sungai yang tertentu untuk mendalamkan sungai ini perlu diteruskan untuk mengurangkan risiko banjir. Tetapi ini adalah atas dasar komersial. Saya difahamkan terdapat sungai-sungai yang dasarnya telah cetek kerana mendakan lumpur. Oleh itu, dasar sedia ada ini tidak sesuai untuk dilaksanakan sebab ia tidak mendatangkan *commercial value.* Perlu diwujudkan inisiatif yang terkini yang baru yang berasaskan peruntukan. Iaitu dengan memperuntukkan sebahagian perbelanjaan jabatan tanpa bergantung kepada nilai komersial di satu-satu lokasi.

BAU (*business as usual*) dengan izin, seperti mengorek pasir dan meletakkannya di tepi tebing seharus dikaji semula keberkesanannya kerana ia tidak optima di dalam proses mendalamkan dasar sungai disebabkan sebahagian besar pasir itu akan masuk semula ke dalam sungai apabila hari hujan. Inilah yang diperhatikan oleh masyarakat

setempat Dato' Dato' Yang Dipertua. Dan mereka mengadu kepada saya: apo kojo JPS ni, kato dio. Mereka mungkin tidak mampu untuk menyuarakan di ateh, tetapi dia mengadu kek wakil rakyatlah.

Dato' Yang Dipertua, inisiatif baru seperti membina, mungkin keperluannya untuk membina mini kapal korek untuk sungai-sungai yang besar seumpama Sungai Linggi dan Sepang, saya kira perlu dilihat. Kolaborasi dengan negeri jiran perlu diwujudkan supaya kos pembinaan ini dapat ditanggung bersama sebab manafaat apabila kita dapat mendalamkan sungai-sungai ini ianya pergi kepada kedua pihak. Mungkin boleh kita jugak daripada hasil hiliran pengorekan ini seperti sekiranya dasar sungai itu lumpur, mungkin kita boleh memikirkan untuk produk hiliran seperti batu-bata lumpur daripadanya.

Dato' Yang Dipertua, saya timbulkan isu ini kerana ada pihak yang menganalisa peristiwa banjir Disember 2021 adalah setelah 50 tahun peristiwa banjir 1971. Biasalah ini kitaran alam. Kita tidak mahu menyerahkan hanya kepada takdir. Dato' Yang Dipertua, mungkin betul, tetapi harus diingat semasa peristiwa banjir 1971, seingat saya ianya berlaku setelah hampir 2 minggu hujan yang berterusan. Sedangkan peristiwa banjir semasa Disember 2021 hanyalah hujan sepetang. Dan ini menunjukkan Dasar Sungai-Sungai terlibat sudah amat cetek berbanding 50 tahun yang lalu.

Dato' Yang Dipertua dan ahli mesyuarat sekalian, belia dan sukan amat berkait rapat. Peruntukan 3.0 juta untuk program pemerkasaan infrastruktur sukan amat dialu-alukan. Terlalu banyak infra sukan yang daif. Dengan terlaksananya inisiatif baru ini, anak-anak muda kita dapat beriadah dengan lebih selesa dan secara langsung dan tidak langsung kita dapat menyantuni mereka. Pada masa yang sama kita dapat membimbing mereka menjalani kehidupan berkualiti yang lebih sihat. Saya amati sekarang, para belia tidak lagi berminat ataupun aktif di dalam persatuan. Ini amat membimbangkan sebab tanpa persatuan, sudah tentulah ayat yang saya bacakan tadi ….[melafazkan ayat 38 Surah Asy Syuura]. Sudah tentulah tidak ada mesyuarat, tidak ada syura di di antara mereka dan sudah tentulah kehidupan mereka lebih di dalam sailo masing-masing.

Di kesempatan ini Dato' Yang Dipertua, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama MB, Menteri Besar jugak untuk mengambil tindakan yang segera supaya mengekalkan jurulatih penembak kita yang telah secara langsung menyumbang 12 pingat emas pada Sukan SUKMA yang lalu di Sarawak.

YB ADUN Gemas: Dato, *Speaker*. Dato' *Speaker*.

YB ADUN Klawang: Ya.

YB ADUN Gemas: Boleh saya mencelah? Bertanyakan soalan kepada DUN Klawang. ADUN Klawang, tahniah, pertama kerana skuad menembak berjaya menghasilkan pingat yang cukup tinggi di SUKMA 2024. Setujukah Klawang kalau saya katakan untuk persiapan SUKMA yang akan datang kita belum, perlu ada peruntukan khas yang awal untuk persiapan untuk SUKMA untuk negeri kita. Dan saya mencadangkan kita tumpukan kepada sukan-sukan yang tidak berteraskan sentuhan sepertinya menembak, memanah. Kita tengok di Sukan Olimpik Korea mencatatkan keputusan yang kon, yang stabil, yang konsisten. Di mana mereka setiap sukan Olimpik mencatatkan kejayaan. Tapi saya ucap tahniah kepada Klawang yang menjaga, menjadi bapa angkat kepada skuad menembak tempoh hari. Setujukah kalau kita buat persiapan awal untuk skuad SUKMA yang akan datang, bapak-bapak angkat ni, ibu-ibu angkat ni diberitahu awal, janganlah tinggal lagi sebulan, barulah dilantik ibu-ibu angkat dan bapak-bapak angkat ni, jabatan-jabatan angkat ni kita buat tindakan awal dan peruntukan lebih awal di dalam perancangan 2 tahun ni. Terima kasih Klawang.

YB ADUN Klawang: Sudah tentulah saya setuju dan Exco Sukan nanti sudah tentulah akan memberi jawapan ni. Seperti yang kita maklum Dato' Seri Utama, ada pihak yang dah pinang jurulatih kito ni, jadi konolah kita apa memberi *counter-counter, offer mano*.

Dato' Yang Dipertua, pesawat perlaksanaan MARRIS sehingga kini mencecah 2.3 bilion sejak 2019. Dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri sejumlah hampir 7,033 kilometer. Walaupun demikian, kualiti kerja kontraktor terlibat perlu dipantau oleh pihak yang bertanggungjawab dengan berkesan. Saya telah diadukan ada jalan yang diturap baru sebulan, dah tumbuh rumput Dato' Yang Dipertua. Ini menunjukkan ketebalan penurapan tidak mencapai piawaian yang ditetapkan saya kira. Saya sendiri semalam turun ya, melihat keadaan ini dan memang ada kebenarannya. Walaupun tidak keseluruhan tetapi tompok-tompok yang tertentu telah ditumbuhi rumput walaupun hanya baru sebulan di di diturap. Oleh itu saya mohon pihak yang terlibat melihat keadaan ini dan piawaian atau *standard* atau *spec*, spesifikasi yang telah diberikan tidak dicapai, saya kira bayarannya tu kita tangguhlah dulu.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan Sejati Madani yang telah disentuh oleh Johol dan Lenggeng tadi. Dengan perlaksanaannya sudah tentu, saya melihat ada bibit-bibit negatif, ada

AJK yang telah, JPKK yang telah meletak jawatan, ado yang dipecat. Ini bukan maqasid Sejati Madani diwujudkan. Saya mohon pemantauan yang berkesan dilaksana supaya tujuan pengujudan inisiatif ini mencapai tujuannya untuk menjana pendapatan kepada entiti yang melaksanakan. Jangan nanti Dato' Yang Dipertua, pendapatan tidak terjana, modal yang disalur seperti mencurah air di daun keladi.

Sebagai penutup Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua dalam menjayakan di dalam menjana perbelan, belanjawan kita untuk tahun hadapan. Semoga apa yang kita rancang dapat dilaksana dengan sempurna dan mencapai matlamatnya. *Insya-Allah* kita berjumpa lagi di di lain-lain masa di lain tempat di dunia ini, kalau tidak, pastikan kita berusaha berjumpa di syurga kelak. Dengan kata-kata itu, Dato' Yang Dipertua, Klawang mohon menyokong.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Klawang. Saya menjemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum* WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya DUN Gemencheh untuk memberi sedikit ucapan perbahasan pada petang yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pasukan jentera Kerajaan Negeri Sembilan di atas usaha yang dijalankan untuk menyediakan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 ini. Belanjawan yang bertemakan "Bersama Membina Negeri Mendani" yang memfokuskan kepada Negeri Sembilan, teras yang memberi fokus kepada 9 teras utama termasuk kemampuan ekonomi rakyat, keterjaminan makanan, pendidikan, pemerkasaan komuniti, kerohanian agama, pemerkasaan wanita, belia dan sukan, adat dan budaya kelestarian alam sekitar dan kebajikan serta kesihatan telah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sangat komited untuk memastikan kemakmuran, kesejahteraan rakyat di negeri ini. Dengan peruntukan yang diberikan kepada pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan dan kemajuan teknologi menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri telah merancang untuk memilih strategi yang tepat untuk membangunkan negeri ini terutamanya peruntukan yang diberikan untuk pendidikan ting, pendidikan yang tinggi meningkat sebanyak 10.76% berbanding tahun sebelumnya, telah menunjukkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini. Belanjawan 2025 juga sangat mengutapa mengutamakan kesejahteraan rakyat di mana kerajaan telah memperkenalkan 23 inisiatif baru dan menge, mengekalkan 43 inisiatif lama menjadikan jumlah inisiatif

keseluruhannya adalah 66 inisiatif dengan peruntukan berjumlah 96.23 juta.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga YB Exco Pertanian kerana serius dalam mengatasi dan menyelesaikan isu keterjaminan makanan di Negeri Sembilan ini. Apabila bercakap tentang soal keterjaminan makanan ini sama ada suka atau tidak kita akan terpaksa menyentuh berkenaan dengan tahap sara diri atau biasa sebut sebagai SSL. Sebagai, saya ingin mengucap, ingin membangkitkan beberapa persoalan kepada YB Exco Pertanian. Apakah makanan utama sama ada sayur, sayur-sayuran, buah-buahan atau ternakan yang menjadi makanan ruji ataupun yang mempunyai nilai permintaan yang tinggi di Negeri Sembilan? Dan bagaimanakah peratus SSL bagi setiap makanan-makanan ruji tersebut? Adakah ianya berada pada tahap yang baik ataupun adakah ianya berada pada peratusan yang rendah? Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya pihak Jabatan Pertanian agar memberikan fokus yang lebih khusus, pihak Jabatan agar memberi fokus yang lebih kepada bahan makanan yang mana SSL nya, SSL nya masih rendah. Apakah bahan makanan utama rakyat Negeri Sembilan yang mana kadar kebergantungan kita terhadap hasil import adalah begitu tinggi? Apakah perancangan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar kebergantungan terhadap hasil import ini? Kita tidak boleh meletakkan kebergantungan terhadap satu-satu hasil import itu dengan terlalu tinggi kerana banyak ketidaktentuan yang bukan di bawah kawalan pihak kerajaan.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh hasil perikanan Negeri Sembilan. Soal bekalan makanan ini bukan hanya berkisar kepada tanam tanaman dan ternakan saya tapi ia juga merangkumi soal perikanan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah hasil perikanan yang dinaikkan di Negeri Sembilan pada tahun 2023 dan sepanjang tahun 2024 ini? Apakah hasil tangkapan nelayan-nelayan kita dapat mencukupi untuk menampung keperluan rakyat di Negeri Sembilan? Kita di Negeri Sembilan ni bergantung kepada daerah Port Dickson sahaja bagi mendapat hasil perikanan kerana hanya Port Dickson sahaja yang mempunyai laut. Dan apakah perancangan dan bentuk bantuan yang diserikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan khusus untuk membantu nelayan-nelayan yang ada di Port Dickson sekaligus meningkatkan hasil tangkapan mereka? Dan tidak lupa juga kepada nelayan-nelayan darat kita, apakah bentuk bantuan yang Kerajaan Negeri sediakan untuk membantu meningkatkan ekonomi nelayan-nelayan darat kita? Saya merasakan permintaan ikan air tawar di Negeri Sembilan ini tidak kurang tinggi juga. Orang Negeri Sembilan suka makan ikan baung, lampam, sembilang, ikan tilapia dan lain-lain.

Bagai, bagaimana dengan stok bekalan ikan air tawar ini? Adakah ia mencukupi untuk menampung keperluan dan permintaan rakyat Negeri Sembilan? Saya mohon Exco dapat, YB Exco dapat menyatakan berapakah jumlah pengusaha di Negeri Sembilan yang melakukan projek penternakan ikan air tawar ini dan apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri? Di di Gemencheh kita ada aset ikan Sungai Jernih yang diuruskan oleh myKomuniti Perikanan yang baru-baru ini mendapat naib johan myKP Contoh Terbaik Peringkat Negeri Sembilan dan anugerah ikon myKP peringkat Jabatan Perikanan Malaysia 2024. Saya mohon aset ikan ini dijadikan hab penternakan dan pengeluaran produk ikan air tawar di Gemencheh atau di Negeri Sembilan.

Saya ingin cadangkan satu perkara kepada pihak Kerajaan Negeri jika ber, jika sesuai untuk dilaksanakan. Saya pasti pihak Jabatan Pertanian atau jabatan-jabatan lain yang berkenaan mempunyai data ber, berkenaan dengan jumlah hasil yang dikeluarkan setiap bulan atau tahun di Negeri Sembilan. Dan saya juga pasti pihak jabatan mempunyai data unjuran berapa keperluan ataupun *demand* pasaran bagi setiap bekalan makanan tersebut. Jika kita membuat perbandingan di antara kedua-dua data ini, pastinya kita akan dapat mengetahui bekalan makanan mana yang tahap SSL nya yang rendah dan sekaligus menjadikan *demand* kepada makanan tersebut lebih tinggi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar laporan atau unjuran ini dikeluarkan oleh pihak jabatan untuk memaklumkan memakluman, makluman umum mungkin secara berkala 2 kali setahun atau bagaimana yang lebih difikirkan sesuai. Kenapa saya melihat perkara ini perlu untuk kita lakukan, dari satu sudut pihak Kerajaan Negeri dan rakyat di luar sana boleh melakukan persediaan dan lebih awal dan lebih rapi. Dari sudut yang lain pula, perkara ini boleh dijadikan ruang untuk rakyat menjana pendapatan dengan lebih berfokus dan dijamin hasil pengeluaran mereka terjadi, pengeluaran mereka akan terjual. Saya memberi contoh misalnya, jabatan memaklumkan bagi suku pertama tahun 2025, Negeri Sembilan akan berhadapan dengan peningkatan permintaan yang tinggi bagi pisang tanduk. Ini kerana kekurangan petani yang menanam pisang tanduk dan di, ditambah pula dengan kenaikan permintaan menjelang bulan puasa dan hari raya, apabila ramai yang hendak membuat kerepek pisang. Jika maklumat seperti ini dapat kita ketahui dengan lebih awal dalam tempoh 6 bulan atau setahun misalnya menjadi petani-petani di luar bolehlah menanam pisang tanduk di tanah mereka. Apabila pokok mereka mula berbuah sahaja ianya sudah berada pada *timeline* yang di mana permintaan terhadap pisang tanduk itu menjadi menjadi semakin tinggi. Bahasa mudahnya adalah adalah kita bukan hanya ramal apa permintaan bekalan makanan yang akan menjadi tinggi pada masa-masa tertentu

tetapi kita lakukan juga usaha untuk memenuhi permintaan tersebut. Janganlah pula kita, janganlah pula apabila kita sudah mengalami masalah kekurangan pisang di pasaran baru, baru kita hendak menanam pokok pisang. Tidak ada satu pun tanaman di dunia ini yang kita tanam hari ini, esok kita boleh tuai hasilnya. Semuanya memerlukan masa. Sebab itulah unjuran dan pengurusan *timeline* itu sangat penting untuk kita telitikan.

Saya juga, Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh Program Sentuhan Madani Felda. Seperti yang kita semua sedia maklum, Negeri Sembilan mempunyai 49 kawasan Rancangan Felda dan antara gugusan terbesar di negara kita. Di Gemencheh, saya juga mempunyai 4 Rancangan Felda. Saya ingin, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya YB Exco Kanan kerana cukup prihatin dan cakna terhadap isu melibatkan peneroka dan kawasan Rancangan Felda tanpa memikirkan soal sentimen kepartian dan tahap sokongan pengundi. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri atas peruntukan sebanyak 500 ribu untuk program Sentuhan Madani Felda. Cumanya satu soalan yang ingin dibangkitkan adalah bagaimana peruntukan ini akan dibelanjakan. Adakah akan memberi sama rata untuk setiap Rancangan yang ada atau berdasarkan permohonan program. Saya faham ini adalah program baru dan mungkin belum ada sebarang perancangan terperinci yang dibuat. Cumanya saya ingin memberikan beberapa pandangan bagaimana program ini perlu dilaksanakan. Jika hendak dilaksanakan program ini di seluruh jangan, di Negeri Sembilan mungkin agak tidak praktikal. Dan tidak mampu untuk dilaksanakan kerana kita mempunyai 49 buah felda. Jadinya saya mencadangkan agar program ini dibuat mengikut zon atau wilayah. Secara tidak langsung program yang dilaksanakan itu dapat dibuat dengan lebih besar dan meriah. Peruntukan juga boleh disalurkan dengan lebih mudah, lebih banyak untuk satu-satu program. Dalam setiap program yang dilaksanakan, kita perlu bawa pelbagai jabatan atau agensi yang ada untuk bersama-sama dengan rakyat. Banyak kawasan-kawasan felda yang ada ketika ini yang dahagakan sentuhan dan program daripada jabatan-jabatan kerajaan. Kita gunakan kesempatan yang ada melalui program-program yang dilaksanakan untuk bawa perkhidmatan secara terus kepada rakyat di felda.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengimbas kembali 15 November lepas, Gemencheh telah mengalami banjir yang mengakibatkan kerosakan harta benda dan kerugian yang amat besar. Kawasan yang teruk terjejas iaitu di Kampung Tenai, Kampung Sungai Dua, Kampung Gedok, Tengah, Taman Muhibbah, Kampung Sungai Jernih dan Pekan Gemencheh dan sebuah sekolah terlibat di Felda Bukit

Rokan Utara. Sebanyak 76 buah rumah dan 46 industri atau kedai terlibat semasa banjir tersebut. Saya berharap Gemencheh diberi perhatian yang sewajarnya berkenaan isu banjir ini. Sesuai dengan Belanjawan 2025 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memberi peruntukan khas untuk projek penebatan banjir.

Untuk pengetahuan Yang Dipertua punca utama banjir berlaku di Gemencheh baru-baru ni ialah disebabkan sungai yang tak tidak diselenggarakan dengan baik. Mendalamkan dan melebarkan sungai adalah pilihan yang paling baik bagi mengurangkan risiko banjir, meningkatkan aliran air dan memastikan ekosistem sungai menjadi sihat. Saya berharap isu ini dapat diberi penilaian dan kajian awal seperti kajian hidrologi untuk memahami aliran air dan mengenal pasti bahagian sungai yang perlu didalamkan dan analisis impak alam sekitar bagi menilai kesan kepada ekosistem sungai dan langkah-langkah untuk meminimumkan gangguan. Saya juga memohon agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan sedikit bantuan khas kepada mangsa banjir di Gemencheh untuk meringankan beban mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pegawai Daerah Tampin yang merupakan Pengerusi Bencana ya, Puan YDP Majlis Daerah Tampin, agensi-agensi seperti bomba, polis, JPAM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bertungkus lumus membantu mangsa-mangsa banjir di Gemencheh tempoh hari.

Dato' Yang Dipertua seterusnya berkenaan jalan dan simpang yang membahayakan pengguna jalan raya perlu diambil tindakan segera. Contohnya simpang berdekatan Sekolah Dato' Mohd Taha, jalan tersebut kerap berlakunya kemalangan serius dan maut. Ramai pemandu yang tidak beretika membuat *crossing* di jalan tersebut yang menyebabkan selalunya berlaku kemalangan. Kejadian kemalangan di jalan tersebut sering berulang dan menjadi kerisauan banyak pihak. Diharapkan pihak berkenaan segera membuat kajian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Seperti menutup persimpangan tersebut supaya dapat mengelakkan berlakunya lagi kemalangan maut dan serius.

Yang ketiganya, saya seterusnya saya ingin membawa isu lampu jalan. Isu yang, Dato' Yang Dipertua, sejak akhir ini saya menerima aduan berkenaan ketiadaan lampu jalan di kawasan kawasan *black spot,* kawasan yang sering berlakunya kemalangan seperti selekoh-selekoh dan dan simpang-simpang dari jalan utama dari dari jalan utama ke jalan kawasan kampung dari segi arak, dari arah Felda Sungai Kelamah ke pekan Gemencheh. Ada juga lampu jalan yang tidak diselenggara berbulan-bulan lamanya dan menyebabkan lampu jalan tersebut tidak

menyala. Memberi, yang tidak, memberi ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya dan sekaligus boleh mengundang, boleh mengundang bahaya kepada pengguna. Oleh demikian, saya berharap agensi yang terlibat dapat mengambil tindakan yang segera untuk membaiki lampu jalan yang rosak dan menambah bilangan lampu di kawasan-kawasan *black spot* demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk di Gemencheh khususnya.

Dato' Yang Dipertua, saya mungkin menyentuh kawasan sahabat saya sikitlah Gemas. Pada November 2018 tak silap, Majlis Daerah Tampin telah membuat satu pengumuman tentang RKK Gemas. Untuk pengetahuan draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Gemas merupakan suatu rancangan pemajuan yang dirangka untuk melaksanakan untuk, dirangka untuk perlaksanaan matlamat RKK Gemas adalah untuk menjadikan Gemas sebagai pusat katalis yang berdaya maju dan berdaya tahan serta ke arah pembangunan bandar yang kondusif dan mampan. Rancangan ini merangkumi pelbagai aspek termasuk pembangunan ekonomi, infrastruktur, alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Saya meminta penjelasan dari Kerajaan Negeri, apakah status, status terkini pelaksanaan RKK di Gemas? Apakah jangkaan impak ekonomi RKK Gemas kepada daerah-daerah berhampiran dari segi peluang pekerjaan, limpah dan limpahan ekonomi? Dan bagaimana kerajaan merancang untuk memastikan DUN berhampiran seperti Gemencheh turut mendapat manfaat daripada pelaburan yang masuk ke Gemas.

Akhir sekali Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat MB, Exco-Exco dan semua pasukan kerajaan Negeri Sembilan yang dapat menyediakan Belanjawan Negeri Sembilan dengan amat baik demi bersama membina Negeri Sembilan negeri Madani. Sekian ucapan perbahasan dari saya DUN Gemencheh mohon menyokong.

YB Yang Dipertua Dewan: Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Gemencheh. Saya sekarang bukalah kepada siapa yang, ramai yang tak sedia. Jadi saya buka kalau ada siapa yang nak berucap, bahas. Saya jemput Jeram Padang.

YB ADUN Jeram Padang: *Last last. Last* boleh lamo kan? Haa? Demam ke? Suruh lantik Timbalan *Speaker* tak nak, kita tunggulah. *Bismillahirrahmanirrahim, allahummassalli ala saidina Muhammad, waala alihi saidina Muhammad. Assalamualaikum* WBT. Salam Madani, Bersih, Muafakat, Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertuan Dewan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun; Menteri Besar

Negeri Sembilan di atas kejayaan pembentangan Belanjawan 2025 Negeri Sembilan pada hari Jumaat yang lalu. Saya yakin dan percaya dengan kekuatan Kerajaan Perpaduan setiap agenda yang dirangka oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini dapat direalisasikan hasil kerjasama erat di antara pemimpin Pakatan Harapan dan Barisan Nasional di Negeri Sembilan.

Merujuk kepada pembentangan Belanjawan 2025 Negeri Sembilan, pada hari Jumaat yang lepas, bidang tumpuan 1 menyatakan peruntukan sebanyak 150 ribu untuk program pemerkasa TVET. Saya mencadangkan agar program TVET ini lebih diperluaskan dan diperkasakan secara menyeluruh untuk masyarakat di luar bandar. Ini kerana saya lihat ramai anak-anak muda di luar sana berminat dengan program TVET ini, namun maklumat mengenai program ini tidak dapat sampai kepada sasarannya. Maka saya cadangkan pemerkasaan untuk hebahan dan kempen program TVET juga perlu diperluaskan dan dilaksanakan. Contohnya para kaunselor sekolah haruslah peka dan cakna segala agenda TVET negara.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim; Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan belanjawan TVET meningkat kepada 7.5 bilion ketimbang 6.8 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan Kerajaan Madani hari ini serius melaksanakan agenda TVET negara yang telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada Pengerusi Majlis TVET Negara Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Doktor Ahmad Zahid Hamidi yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah. Jadi amatlah rugi sekiranya kita tidak peka dan cakna di dalam segala agenda TVET negara.

Yang Dipertua, sebanyak 0.3 juta juga telah diperuntukkan bagi program pembinaan generasi Celik AI. Bagi menyahut, menyahut inisiatif nasional *AI for all* maka saya menyokong penuh cadangan peruntukan belanjawan bagi program ini. Saya sarankan program ini akan dilaksanakan di peringkat sekolah di seluruh Negeri Sembilan khususnya masyarakat luar bandar dan desa. Ini kerana masih ada lagi anak-anak di luar bandar masih tidak mampu memiliki komputer riba apatah lagi mempunyai telefon pintar sendiri.

Yang Dipertua, untuk makluman semua, di kawasan Jeram Padang terdapat satu projek bangunan tambahan di SJKT Ladang St. Helier, Bahau, Negeri Sembilan menghadapi isu bangunan terbengkalai selama 10 tahun yang telah memberi kesan kepada aktiviti pembelajaran. Saya dapati bangunan ini telah siap dari segi struktur dan pemasangan bumbung. Namun dari segi kekemasan bangunan masih lagi tidak siap termasuk mekanikal dan *electrical* nya. Saya sendiri telah meninjau

dan melihat permasalahan ini bersama guru dan PIBG sekolah sebelum ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Nilai, YB Repah dan YB Bahau kerana mereka semua turut bersama-sama saya memperjuangkan isu ini agar diselesaikan dengan segera mungkin. Oleh itu saya merayu dan memohon agar pihak kerajaan memberikan tumpuan kepada permasalahan ini agar kita bersama-sama menoktahkan isu ini sebelum menjelangnya PRU yang Ke-16. Inisiatif ini adalah untuk mengelakkan segala propaganda bagi pihak tertentu yang telah cuba memburuk-burukkan imej kerajaan pada hari ini.

Yang Dipertua, bagi bidang pemerkasaan komuniti di bawah inisiatif baharu pembangunan luar bandar, di kawasan Jeram Padang. Di kesempatan ini saya ingin memohon dan mencadangkan membina jalan baru luar bandar di antara Felcra Rompin B ke Felda Palong 2. Justifikasinya memudahkan para pelajar dari kawasan Felcra Rompin B dan sekitar Rompin bersekolah di SMK Felda Palong 2 bagi memastikan SMK Palong 2 terus berfungsi kerana pada hari ini bilangan pelajarnya semakin berkurangan. Di samping itu juga, jalan ini akan menjadi jalan pintas ke Palong dan membangunkan kawasan Felcra Rompin di sekitar Felcra Rompin. Maka dengan adanya jalan ini kegiatan ekonomi di kalangan masyarakat DUN Jeram Padang dapat dirancakkan secara menyeluruh. Mohon tindakan dan sokongan dari KKW.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan bahawa jalan utama ke kawasan Kampung Orang Asli Panchor perlu jajaran dan dibina baru memandangkan jalan sedia ada yang melalui tanah milik dalam Sime Darby telah rosak teruk akibat kenderaan berat oleh pihak ladang. Adalah menjadi, menjadi kerugian besar kepada kerajaan sekiranya masih lagi mengguna jalan ini. Oleh itu, saya memohon pihak JAKOA dan Kementerian Luar Bandar memandang serius perkara ini demi kemudahan asas bagi penduduk Kampung Orang Asli Panchor, Kampung Orang Asli Sungai Klebang dan Kampung Orang Asli Lubuk Lawang. Untuk makluman semua, saya telah mendapat *response* yang baik dari JAKOA dan KKW bahawa 2 agensi ini bersedia untuk menyalurkan bantuan untuk pembinaan jalan baru ini. Namun halangan kami adalah kelulusan dari pihak RAC untuk mengguna pakai tanah mereka bagi membina laluan alternatif baru ini. Ini merupakan satu manifesto masa pilihan raya sebelum ini. Maka saya bertanggungjawab sepenuhnya bagi merealisasikan harapan 30 tahun bagi 3 kampung orang orang asli di sini yang melibatkan 2,000 penghuni orang Asli di DUN kawasan Jeram Padang. Saya memandang serius ke hadapan permasalahan ini.

Yang Dipertua, di bawah bidang tumpuan nombor 4, terdapat juga inisiatif baharu yang telah dibentangkan iaitu Sentuhan Madani Felda.

Di sini saya menyokong cadangan untuk meletakkan FELDA di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah yang timbul dari gesaan beberapa Ahli Parlimen termasuk daripada kerajaan dan pembangkang. Mereka berhujah bahawa langkah ini akan memudahkan penyelarasan dan agensi lain seperti RISDA dan FELCRA yang sudah berada di bawah KKDW. Kini FELDA berada di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) tetapi ada kebimbangan bahawa isu felda tidak ditangani secara berkesan dalam situasi ini. Untuk makluman semua, Negeri Sembilan merupakan negeri paling tertinggi mempunyai tanah Rancangan Felda iaitu sebanyak 49 tanah Rancangan Felda daripada 317 seluruh Malaysia. Ini telah melibatkan 16,432 orang peneroka tidak termasuk bilangan ahli keluarga. Ini merupakan jumlah yang besar, keluarga yang besar di dalam masyarakat di dalam Negeri Sembilan.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Exco Kerajaan Negeri Sembilan kerana cakna dalam permasalahan ini. Dengan peruntukan 500 ribu sebagai permulaan di dalam inisiatif Sentuhan Madani Felda namun belum cukup untuk menampung bagi keseluruhan penyelenggaraan, kebajikan dan kesejahteraan khususnya di dalam kawasan felda. Ini kerana isu-isu penyelenggaraan dan naik taraf tidak dapat dilakukan secara menyeluruh, seiring dengan pembangunan Kerajaan Negeri Sembilan.

Yang Dipertua, bagi bidang tumpuan ke-5 di mana kerajaan telah membentangkan peruntukan sebanyak 10.5 juta bagi pembangunan masjid baru. Untuk makluman semua, di Pekan Rompin ini hanya satu masjid untuk kegunaan umat Islam di sekitar ini namun masjid ini telah menjadi pusat hentian kepada semua pengguna jalan raya khususnya kepada umat Islam untuk solat dan berehat. Saya dapati ramai pengunjung luar juga singgah di sini sebagai hentian perjalanan mereka dari Johor, Pahang, Kuantan untuk ke Seremban dan ke Kuala Lumpur. Maka masjid ini menjadi tumpuan sekian lama kerana kedudukannya di tepi jalan utama Bahau – Gemas FT10. Dengan adanya peruntukan Belanjawan Tahun 2025, saya berharap pihak kerajaan mengambil tindakan dan inisiatif bagi memastikan Masjid Al Hidayah Rompin terus terpelihara mengikut peredaran semasa di mana menjadi tempat persinggahan para pengunjung dan tempat amal ibadat masyarakat Islam di sekitarnya, memandangkan masjid ini telah lama dan perlu diperbaharui. Untuk makluman, masjid ini telah berumur 32 tahun dan perlu diperbaharui memandangkan masjid-masjid di kawasan lain yang seusianya telah pun dibina baru dan telah dinaiki taraf dengan baiknya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana isu bumbung

tabika perpaduan telah selesai dengan sempurna dan selamat diguna pakai oleh kanak-kanak di Taman Seri Rompin. Dan tidak lupa juga kepada Pengurus TNB Negeri Sembilan kerana telah merealisasikan Rumah Mesra Rakyat CSR TNB yang telah tertangguh sebelum ini bagi penghuni saya di di Kampung Taman Jaya, Bahau. Terima kasih. Semoga segala usaha dan perancangan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat direalisasikan demi kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Sembilan.

Adat berpatih teguh berdiri
Perpatih dijunjung sepanjang zaman
Belanjawan dirancai, dirancang demi negeri
Kesejahteraan rakyat dipegang, jadi pegangan

Berkunjung ke kampung di Seri Menanti
Adat dijaga di tanah beradat
Belanjawan adil penuh integriti
Membangun negeri rakyat mendapat

Adat dijunjung budi disanjung
Warisan leluhur jadi pedoman
Belanjawan lestari untuk disambung
Kemakmuran negeri kekal berpanjangan

Sekian, Jeram Padang menyokong Bersama Membina Negeri Madani. Terima kasih Yang Dipertua.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Jeram Padang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hanya 10 orang dapat, 9 orang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tu. Jadi ada lagi 16 ya, ADUN-ADUN yang belum lagi. Dan saya harapkan besok kita, semua ADUN bersiap sedialah dan beri ucapan yang padu dan menepati masa. Pasal kita dah tarik sikit kerana pada hari ni ramai yang tak sedia. Jadi ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguh mesyuarat dewan. Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan Usul ini akan disambung semula pada hari Selasa; 26hb November 2024 bersamaan 24 Jamadil Akhir 1446 Hijrah. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 4.42 petang]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Dato' Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Dato' Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
14.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
15.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
16.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
17.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
18.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
19.	YB Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
20.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
21.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

BIL.	NAMA	KAWASAN
22.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
23.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
24.	YB Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
25.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
26.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
27.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
28.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
29.	YB Dato' Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Susunan mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Klawang.

[YB ADUN Klawang telah membacakan doa di bawah Peraturan IX Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum WBT. Bismillahirrahmanirrahim alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wabil islami dina, wabi muhammadin nabiya warosula. Alhamdulillah* segala puji bagi Allah, Tuhan pencipta alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Ke-15. Hari ini; 26 November 2024 merupakan hari ketiga persidangan. Di sini saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Chennah, tidak dapat hadir pada hari ini kerana menjalankan tugas rasmi di Parlimen. Hadirin sekalian, sebagaimana dimaklum, sesi perbahasan akan ber, disambung pada hari ini. Saya amat berharap semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan memberikan input-input yang dapat meningkatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan.

Sebagaimana biasa saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap

Dewan serta tatakelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian, terima kasih. Selamat bersidang.

3. <u>PERTANYAAN-PERTANYAAN</u>

Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Ketiga)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Ketiga).

YB Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Seri Menanti. Yang Berhormat.

YB ADUN Seri Menanti: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2.

YAB ADUN Sikamat: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Seri Menanti atas soalan berhubung dengan peruntukan bantuan sambung belajar ke IPTA. Dato' Yang Dipertua, bagi menyahut cabaran merealisasikan slogan Kerajaan Madani dan memperkasakan perkhidmatan awam, digitalisasi bukan lagi pilihan, tetapi keperluan. Tanpa digitalisasi, kita pasti ketinggalan dalam arus kemajuan global. Jangan biarkan diri kita terperangkap dalam masa lampau. Masa depan adalah digital, dan kita mesti bergerak seiring dengan perubahan ini untuk memastikan kemakmuran dan kemajuan negeri kita.

Bagi beberapa inisiatif Kerajaan Negeri, permohonan dijalankan secara digital melalui sistem N9Digital yang mana pada ketika ini sedang dibangunkan pembaharuan serta naik taraf bagi fasa seterusnya yang lebih mesra rakyat dan memudahkan urusan permohonan. Penggunaan borang manual tidak lagi relevan buat masa ini dan seharusnya ahli-ahli Yang Berhormat serta semua penjawat awam khususnya Ketua Jabatan mengambil inisiatif untuk mendigitalkan perkhidmatan.

Setiap bantuan serta inisiatif ini diserahkan kepada pemohon melalui ADUN kawasan termasuk Bantuan Belia Berkahwin, Bantuan Warga Emas. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan agar Pusat Khidmat tidak melengahkan proses agihan ini sehingga cek tamat tempoh yang akan menyukarkan pemohon bantuan. Sebarang agihan

bantuan serta tunai yang diserahkan kepada rakyat melalui wakil rakyat kawasan adalah tertakluk kepada semua peraturan dan prosedur kewangan yang telah ditetapkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' yang Dipertua. Saya mengemukakan soalan nombor 1.

[Namun, YAB ADUN Sikamat memberikan jawapan bagi Pertanyaan Lisan No. 3]

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Rahang. Soalan isu, infrastruktur di kawasan Kampung Pasir. Dato' Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban telah mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti tapak perumahan yang dibina di atas tanah kerajaan. Penduduk tersebut juga telah diberikan tawaran menduduki Rumah Mampu Milik di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seremban. Pentadbiran ini akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan isu rizab yang diduduki tersebut. Kita juga menawarkan rumah di Mambau, Rumah Mampu Milik Type A kepada mereka supaya mereka dapat berpindah dan bagi memastikan bahawa tanah rizab jalan yang dibina kediaman itu dapat kita kosongkan dan digunakan untuk kemudahan orang ramai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor 1 daripada ADUN Kota. Terima kasih. Apakah langkah mengenai banjir di Lubok China dan Sungai Timun. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau akan melaksanakan projek pembangunan di lokasi berisiko banjir dan lebih berstruktur bersesuai dengan keadaan geografi dan faktor cuaca semasa supaya tidak, supaya dapat mengurangkan kerugian dan kemusnahan harta benda awam.

Perancangan pembangunaan akan datang juga akan dilaksanakan dengan mendapat pandangan dari Jabatan Teknikal serta lantikan Perunding. Pejabat Daerah dan Tanah Rembau akan bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam menyelaras atau melaksanakan program

yang boleh mengatasi dan membantu mengurangkan isu banjir di Lubok China dan Sungai Timun.

Kawasan Lubok China adalah berada di dalam jajaran Sungai Rembau, di mana kerja-kerja penyelenggaraan sungai dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Yayasan Negeri Sembilan. Kerja yang dijalankan melalui kaedah timbal balik hasil secara mengeluarkan, mengalihkan dan mengangkat bahan batuan (pasir sungai) sejak tahun 2020.

Manakala bagi Sungai Timun yang berada di dalam jajaran Sungai Pedas, tindakan dalam mengatasi kejadian banjir akan dilaksanakan dibawah projek tebatan banjir iaitu Projek Pembangunan Lembah Sungai Pedas yang telah bermula pada 11 November 2024 dan dijangka siap pada 10 November 2026. Bagi tindakan jangka masa panjang, permohonan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Rembau akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) peringkat persekutuan dan negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1.

YB ADUN Repah: Terima kasih kepada ADUN Chuah yang bertanyakan soalan berkaitan dengan pembuangan sisa toksik dan sampah di sekitar Chuah. Dato' Yang Dipertua, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, sepanjang tahun 2024 terdapat 6 kes yang melibatkan pembuangan sisa toksik di seluruh Negeri Sembilan. Daripada 6 kes tersebut, terdapat 3 kes di dalam kawasan Chuah. Semua kes telah disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut: 1 kes telah di NFA, 1 kes dijatuh hukum sebanyak 50,000 ringgit, 1 kes dalam peringkat pendakwaan, dan 3 kes lain masih dalam penyediaan Kertas Siasatan.

Kerajaan Negeri melalui JAS melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan di kawasan-kawasan berisiko dan punca-punca buangan. Salah satu kaedah pemantauan adalah dengan penubuhan satu *taskforce* yang memantau kes-kes pembuangan sisa toksik di Negeri Sembilan. *Taskforce* ini bertindak sebagai ejen mengesan dan mengambil tindakan ke atas kes-kes pembungan, pembuangan sisa toksik di berlaku di Negeri Sembilan. Pasukan ini melaksanakan rondaan di kawasan-kawasan *hotspot* pembuangan sisa toksik seperti di Bukit Pelandok dan di kawasan Kuala Sawah.

Kerajaan Negeri percaya bahawa keberadaan pasukan rondaan di kawasan *hotspot* akan memberi peringatan serta menghalang mana-mana pihak yang melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan hasilnya dapat mencegah kegiatan pelupusan sisa secara haram. Selain itu, bagi menangani isu pembuangan toksik, pindaan terhadap seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga telah dibuat pada tahun 2024. Pindaan sedia ada menyatakan denda tidak melebihi 500 ribu ringgit, dan penjara tidak melebihi 5 tahun. Pindaan terkini pula adalah denda tidak kurang daripada 100 ribu ringgit dan tidak melebihi 1.0 juta ringgit dan penjara tidak melebihi 5 tahun. Peningkatan jumlah denda ini dipercayai menjadi pengajaran kepada pesalah jenayah alam sekitar bagi menghentikan sebarang perlakuan yang menyalahi undang-undang dan mengurus sisa toksik mengikut peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Kerajaan Negeri serta agensi terlibat khususnya Jabatan Alam Sekitar jelas menunjukkan komitmen untuk mengawal pencemaran dengan langkah-langkah yang lebih ketat dan inova, inovatif. Selain penguatkuasaan yang lebih efektif, pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat adalah aspek penting dalam memastikan isu pencemaran dapat ditangani secara menyeluruh pada masa hadapan. Terima kasih.

YB ADUN Chuah: Dato' Yang Dipertua. Terima kasih jawapan yang telah disampaikan. Satu, soalan tambahan. Saya nak tau ni, Jabatan Alam Sekitar sekarang ni adakah dia mempunyai satu mekanisme kawalan seperti mempunyai data kilang-kilang yang menggunakan bahan kimia dan berapakah kuantiti apa ni, kuantiti bahan kimia yang dipakai dan di manakah apa ni, bahan kimia terpakai tu dilupuskan?

YB ADUN Repah: Terima kasih kepada ADUN Chuah yang bertanyakan berkenaan data, berkenaan penghasilan sisa daripada kilang. Sebenarnya kita mempunyai Sistem eSWIS di mana kilang-kilang yang memproses bahan hasilan daripada eSWIS ni akan didaftar dalam sistem JAS dan mereka perlu lupuskan di tempat yang dibenarkan oleh JAS. Dan untuk data-data berkenaan dengan berapa kilang, saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: *Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada ADUN Bagan Pinang yang mengajukan soalan

berkenaan dengan pelancong asing khususnya pelancong dari Bangladesh.

Tanggal 23 bulan Februari 2024, saya menyaksikan satu MoU yang ditandatangani oleh MAH (Malaysian Association of Hotels) dengan satu agensi pelancongan yang paling *top* di Bangladesh untuk membawa satu *chartered flight* sekurang-kurangnya 150 pelancong dari Bangladesh. Kita sedia maklum Bangladesh, penduduknya hari ini lebih kurang 174 juta. Dan mengikut data dan statistik, 10% daripada itu adalah orang kayalah, golongan kaya iaitu 17.4 juta, *high-net-worth individual.* Itu adalah, dengan izin, itu adalah sasaran kamilah. Kita pun sedia maklum bahawa golf adalah permainan orang kaya. *So* itu adalah tujuan MoU tersebut. Tanggal 23 bulan Februari 2024. Tapi malangnya, bulan Julai, berlakunya satu rusuhan yang begitu serius sehingga Perdana Menteri mereka; Sheikh Hasina terpaksa meletakkan jawatan pada bulan Ogos. Dan ini telah menyebabkan satu ke, keadaan ekonomi yang luar jangkalah, dan harga tiket sudah naik melambung. Oleh sebab itu, kami, *I mean* pihak MAH berasa bukan masa yang sesuailah untuk membawa pelancong-pelancong ini untuk masuk. Mungkin dalam masa akan datang, apabila keadaan politik dan ekonomi bertambah berunsur, beransur baik, pulih di Bangladesh, maka saya tidak, saya rasa perkara ini dapat dilaksanakanlah.

Berkenaan dengan apakah usaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk menarik pelancong daripada negara berpendapatan tinggi. Itulah yang saya sering kali kata, kita terpaksa pergi untuk menyertai misi jualan luar, luar negara dan berjumpa dengan pemegang taruh yang yang, yang apa tu, dapat membawa *in bounce,* dengan izin, *in bounce* pelancong masuk ke Malaysia dan khususnya Negeri Sembilan. Dan kami teruskan dengan promosi ini dengan menonjolkan keistimewaan, isti, keistimewaan, maaf tersasul, Negeri Sembilan iaitu kami adalah pantai yang paling dekat dengan KLIA. Kami mempunyai satu tempat yang cukup kondusif untuk eko pelancongan. Kami juga ada warisan yang begitu unik sehingga, tak ada negeri lain yang ada adat perpatih dan 9 identiti kami. Dan juga kami mempunyai satu masyarakat berbilang kaum yang juga, perayaan kami cukup meriah tidak kira bangsa. Itu, kami sedang sedang promosi dalam misi-misi jualan kami dekat ITB, dekat semua misi jualan kami di luar negara.

Usaha ini masih dijalankan, dipergiatkan di mana langkah pertama adalah kami mengenali mereka dan meng, saling kenal mengenali dengan pemegang taruh. Selepas tu mereka ada keyakinan untuk membina satu itinerari yang melibatkan Negeri Sembilan. Selama ini mereka, kerana kurang kurang memahami tentang produk-produk kami, keistimewaan produk kami. *So* kami akan teruskan dengan usaha

ini supaya kami dapat menarik pelancong-pelancong yang apa tu, *high-net-worth* berpendapatan tinggi untuk masuk ke Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Bagan Pinang: Dato' Dipertua soalan tambahan. Kalau kita melihat sekarang, kita lebih kepada pelancong hanya melalui sahaja Negeri Sembilan, sama ada untuk ke selatan atau ke utara. Apakah perancangan kerajaan untuk membina identiti sendiri supaya kita dilihat bawa Negeri Sembilan juga setanding dengan negeri-negeri lain, ada produk dan kaedah sendiri untuk menarik pelancong tinggal lebih lama di Negeri Sembilan? Terima kasih.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih kepada ADUN Bagan Pinang yang begitu prihatin tentang sektor pelancongan Negeri Sembilan. Memang, tapi tidak benar juga bahawa ramai pelancong yang melalui Negeri Sembilan. Mengi, mengikut data DOSM, pelancong yang datang ke Negeri Sembilan lebih kurang 15 juta pada 2023. *So* tapi mungkin dari segi pelancong asing tu kurang sikit, lebih kurang 100 ribu. Maka kami akan per, mempergiatkan lagi supaya mereka didedahkan, di, kepada keunikan Negeri Sembilan terutama 9 identiti dan juga keunikan makanan kami. Ini ini adalah satu usaha yang dipanggil *work in progress* lah, dengan izin. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih Yang Dipertua, saya soalan nombor 1.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) berkonsepkan kondominium ataupun apartmen di Pantai. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memaklumkan bahawa cadangan projek Program Residensi Rakyat yang telah pun ditukar nama kepada PRR, Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan yang merangkumi 300 unit rumah pangsa berbilang tingkat telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi secara *Notice Of Change* di bawah *Rolling Plan* Ke-4 (RP4), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12). Permohonan rayuan KPKT supaya tapak dikekalkan masih dalam pertimbangan pihak Kementerian Ekonomi kerana permohonan asal bagi membina 700 unit dengan kos sebanyak Ringgit Malaysia 203.6 juta tidak dipertimbangkan oleh Kementerian Ekonomi. Dan kita sedang dalam proses untuk mengemukakan yang merangkumi 300 unit rumah pangsa kepada Kementerian Ekonomi untuk diberikan, untuk dipertimbangkan kelulusan. Kerajaan Negeri jugak komited dalam mendukung inisiatif,

inisiatif untuk memastikan Program Perumahan Rakyat ataupun Program Residensi Rakyat untuk golongan yang kurang keber, berkemampuan dapat diwujudkan di Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Lenggeng: Soalan tambahan. Jadi bila rasanya rayuan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada KPKT akan di, dimak, diberi maklum, sama ada diluluskan ataupun sebaliknya?

YB ADUN Nilai: Permohonan daripada Kerajaan Negeri telah pun dikemukakan sebelum ini. Sebelum ini adalah tanah itu adalah tanah kerajaan, dan ditawarkan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk membina Rumah PPR pada masa tu. Dan kini adalah Rumah PRR ataupun Projek, Program Residensi Rakyat. Dan sepertimana mana yang tadi saya nyatakan, pada asalnya adalah 700 unit yang dimohon oleh KPKT kepada Kementerian Ekonomi telah ditolak. Dan KPKT sekarang dalam proses untuk permohonan kedua iaitu merangkumi 300 unit rumah pangsa berbilang tingkat. Dan Keputusan itu tertakluk kepada Kementerian Ekonomi. Tetapi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah pun mohon kepada Kementerian Ekonomi. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1.

YB ADUN Pertang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Dan saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN leng, ADUN Gemencheh di atas soalan yang berkaitan dengan pembinaan kilang ayam baru. Dato' Yang Dipertua, untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, semua permohonan, saya suka nyatakan bahawa semua permohonan lesen unggas bagi ladang baharu terutamanya ladang ayam komersial mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada yang dikeluarkan oleh PBT, pusat, pejabat berkuasa tempatan ya, PBT. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan hanya melesenkan ladang-ladang ayam baharu yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, beroperasi menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya dan yang menepati lesen, syarat lesen yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Veterinar. Bagi ladang yang sedia ada dengan sistem reban yang terbuka ini, mereka masih boleh meneruskan operasi dengan syarat tidak menimbulkan sebarang kacauganggu yang berasaskan kepada masyarakat tempatan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan mendapat maklumat bahawa terdapat beberapa buah ladang ayam yang telah membuat

permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina reban ayam di Sungai Kelamah. Namun begitu, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana pihak Veterinar tidak dapat, tidak, oleh kerana dia tak lulus daripada Pihak Berkuasa Tempatan, maka pihak Jabatan Veterinar tidak melesenkan ladang tersebut.

Untuk makluman, terdapat 1 buah ladang ayam pedaging yang berlesen milik Farm's Best Food Industries Sdn. Bhd. dengan jarak 4 kilometer radius dari Felda Sungai Kelamah. Maka pihak Jabatan Veterinar melakukan pemantauan berkala ke atas semua ladang unggas di bawah kawalan jabatan ini terutamanya bagi ladang-ladang *hotspot* dan ladang-ladang yang mempunyai aduan yang berasas. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan sekiranya pihak ladang menimbulkan kacauganggu dalam soal bau, lalat dan pencemaran ke sungai, sebagaimana termaktub di bawah Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas Dan Aktiviti Berkaitan dengan penda, Penternakan Unggas 1996. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Gemencheh: Soalan tambahan Dato' yang Dipertua. Saya mohon YB Exco nyatakan jumlah tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Veterinar Negeri Sembilan bagi ladang unggas di Daerah Tampin sepanjang tahun 2024 dan nyatakan sekali apakah kesalahan yang dilanggar oleh pihak ladang.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, oleh kerana soalan ni agak spesifik, secara *detail* nya akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat Gemencheh secara bertulis. Tetapi sepanjang ingatan saya, di Gemas dan Tampin ini, di Gemencheh kita ada 3 ladang dan di Gemas ni ada 1 ladang. Dan kesemua ladang ini mempunyai rekod pelanggaran syarat dan juga telah pun dihadapkan ke mahkamah dan juga telah pun dikenakan kompaun dan juga denda. Yang terkini, pada bulan September tahun 2024, satu kilang di Gemas telah pun didenda sebanyak 2,500.00. Sekiranya pihak ladang ni masih lagi lakukan, maknanya kita dah *charge* dia di mahkamah, kita denda dia, masih lagi dia melakukan kesalahan yang sama, maka tindakan boleh dan akan diambil. Apa tindakan kita, satu tarik balik lesen dia. Lesen yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan, kita akan tarik balik melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan Unggas Dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas. Yang kedua: kita tidak akan sambung lagi lesen. Maknanya lesen yang telah tamat, tidak ada lagi pertimbangan untuk pemaharuan lesen bagi lesen tahun berikutnya melalui Mesyuarat Jawatankuasa yang sama. Dan yang ketiga Yang Berhormat Dato' *Speaker,* tindakan serta merta yang boleh diambil ialah untuk mendapatkan arahan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk

pihak ladang *stop order.* Maknanya menghentikan operasi serta merta jika arahan ini tidak diikuti dan kesalahan ini dilakukan secara berulang. Bukan sahaja di Gemencheh dan Gemas, malah di semua kawasan yang mempunyai ladang ayam terbuka di seluruh Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput, jemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya bangun mengemukakan soalan nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Klawang yang setiap sidang Dewan memang dia sentuh soal pertanian kerana ADUN Klawang adalah merupakan bekas Exco Pertanian yang telah banyak juga membawa beberapa reformasi berkaitan dengan aktiviti dan penambahbaikan aktiviti pertanian.

Untuk soalan ADUN Klawang ini yang melibatkan soal yang berkaitan dengan cerun, berkaitan dengan perkara yang berkaitan pembangunan tanah pertanian, saya nak sebut hari ini Dato' Yang Dipertua ya, ini jugak adalah ekoran daripada tindakan awal yang dilakukan oleh Yang Berhormat ADUN Klawang sewaktu menjadi Exco dahulu, cuma saya melanjutkan usaha ini untuk kita menangani isu pembangunan tanah pertanian tanpa perundangan yang kukuh. Negeri Sembilan memberikan komitmen terhadap kelestarian pembangunan pertanian dengan penda, beberapa pendekatan.

Pertama ialah cadangan perundangan baharu. Walaupun perundangan khusus belum lagi kita siapkan, belum tersedia, Kerajaan Negeri menyedari keperluan ini dan sedang dalam usaha untuk merangka peraturan yang lebih terperinci dan komprehensif. Cadangan ini termasuk mengadakan dasar khusus yang akan membawa pematuhan undang-undang sebagai langkah pemuliharaan tanah pertanian yang lestari. Menerusi Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1/2023 pada 15 November 2023, cadangan untuk menggubal Enakmen Pendaftaran Petani telah pun dipersetujui. Status terkini Dato' Yang Dipertua, mengenai penggubalan Enakmen tersebut adalah semua Kerajaan Negeri perlu memberi ulasan awal melalui Penasihat Undang-undang (PUU) telah memberi ulasan kepada Jabatan Pertanian Malaysia dan kita akan melihat kemajuan dalam tindakan susulan ini. Di Negeri Sembilan kita pun telah jawab, pihak Jabatan Pertanian bersama dengan Pegawai Undang-Undang telah pun

mengemukakan pandangan untuk tindakan daripada Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, penyelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi. Sebarang projek pembangunan tanah pertanian yang melibatkan perubahan fizikal perlu diselaraskan dengan Pihak Berkuasa Tempatan, yang dapat menetapkan syarat tambahan untuk melindungi kepentingan awam. Kerjasama antara agensi membolehkan penambahbaikan kawalan terhadap pembangunan dan memastikan pematuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

Ketiga: memantapkan garis panduan yang sedia ada kerana ketiadaan undang-undang khusus, garis panduan pembangunan tanah pertanian boleh diperketat dan diperjelaskan, dengan memperkenalkan syarat-syarat tertentu bagi mengelakkan kerosakan kepada harta awam di sekitar kawasan pembangunan. Garis panduan ini, untuk makluman Dewan, perlu dapat, dapat menuntut pemaju tanah pertanian untuk melaksanakan penilaian lesen kepada persekitaran serta menetapkan langkah mitigasi sebelum memulakan sebarang projek. Antara garis panduan yang ada ialah Panduan Khas Pembangunan Tanaman Durian Tanah Bercerun di seluruh Negeri Sembilan yang telah pun diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada tahun 2022.

Cumanya Dato' Yang Dipertua, oleh kerana peraturan ataupun undang-undang ni belum pun kita perketatkan, dan ini adalah di bawah Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, maka beberapa proses perlu diambil oleh pihak kementerian dan pihak Kerajaan Negeri untuk kita laksanakan pada masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Exco Kanan. Tadi ada menyebut cadangan untuk menggubal enakmen pendaftaran pertanian yang diselaraskan di peringkat kementerian. Saya menyambut baik cadangan itu dengan harapan bidang pertanian di Negeri Sembilan ini akan dapat ditadbir urus dengan lebih baik di masa hadapan. Soalan saya, sudah setakat manakah proses pindaan ini dan bilakah dijangkakan untuk mungkin dibentangkan di Dewan yang mulia ini? Itu yang pertama Dato' Yang Dipertua.

Yang kedua, berkaitan jugak dengan pembangunan, isu tanah pertanian ini iaitu penggunaan jalan-jalan kampung yang mana kita di disebut iaitu jalan DO lah ya, yang mana ianya hanya berkualiti untuk membenarkan lori-lori 5 tan masuk. Tapi kadang-kadang apabila dah pembangunan apa nama ni, tanah-tanah ini, *tarnish* kenderaan yang masuk besar. Dan kadang-kadang pada kebiasaannya merosakkan

jalan-jalan ini ya. Saya difahamkan wang cagaran ataupun deposit tidak boleh dikutip oleh Pejabat Daerah kerana tidak ada punca kuasa. Oleh itu saya kira, perlunya ada tindakan sewajarnya supaya kontraktor-kontraktor ini mungkin kita boleh kutip dia punya deposit sekiranya merosakkan jalan ini, kita boleh menggunakan wang deposit itu untuk menyelenggara jalan-jalan ini. Kalau tidak, beban senggaraan kepada jalan-jalan DO ini atau jalan-jalan kampung ini tertanggung ataupun terletak kepada Pejabat Daerah lah iaitu melalui kita punya MARRIS lah mungkin, *insya-Allah.* Jadi saya mintak apa nama ni, perhatian daripada soal, haa ini, isu ini. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya pergi kepada soalan Klawang yang nombor 2 je ya. Saya akui beberapa kawasan pega, jalan Pegawai Daerah ataupun jalan aaa, kampung ya, yang telah dirosakkan oleh pengusaha-pengusaha projek dan juga pengusaha-pengusaha yang melakukan projek di kawasan di dalam kampung. Dan jalan ini rosak kerana dilalui oleh lebih muatan yang dilalui oleh lori-lori yang mengangkut bahan-bahan pembangunan termasuk pertanian. Kerana itu Dato' Yang Dipertua, seingat saya ya, yang ini saya perlu semak dengan Pegawai Undang-Undang, setiap projek yang dilaksanakan di dalam sesuatu kawasan yang melalui jalan Pegawai Daerah mesti mengemukakan Bon Jaminan kepada Pejabat Daerah. Apa tujuan bon ini? Seperti yang disebut oleh ADUN Klawang ya, apabila jalan rosak, dia kena baiki, dia kena *repair* balik. Tetapi masalah kita sekarang ni, Bon Jaminan ini tidak mencukupi untuk menampung kerosakan yang dibuat oleh pihak kontraktor. Kerana itu Dato' Yang Dipertua, perkara ini akan kita tambah baik bagi pihak Kerajaan Negeri daripada semasa ke semasa. Tetapi cadangan saya bagi pihak Kerajaan Negeri ialah supaya pihak JPKK yang telah dilantik di setiap mukim dan kampung ini harus mengenal pasti dan memantau pergerakan kenderaan di dalam kampung ini untuk menjaga keselamatan masyarakat kampung, untuk menjaga keselamatan harta benda termasuk mengawal kemasukan kenderaan-kenderaan yang tidak dibenarkan. Kalau kerjasama ini dapat kita lakukan, dan *understanding* dengan izin, dapat kita teruskan maka kita boleh kurangkan kerosakan jalan-jalan DO di setiap kawasan, Dato' Dipertua.

Kemudian untuk makluman Yang Berhormat juga, soal guna tanah dan aktiviti pertanian ini merupakan satu bidang kuasa perundangan di bawah Kerajaan Negeri ya. Namun begitu, penyelarasan berkenaan cadangan *template* keperluan dan kesesuaian enakmen untuk dilakukan adalah di bawah pihak kementerian. Saya, sekiranya penyelarasan ini dipersetujui ya, secara bersama, iaitu Kerajaan Negeri dan jugak pihak kementerian, jangkauan masa untuk kita selesaikannya jugak agak panjang, dia memerlukan selama lebih kurang 2 tahun yang

merangkumi sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri. Saya dah sebut tadi, Kerajaan Pusat akan melakukan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri berkaitan dengan perubahan rang undang-undang. Penyediaan kertas cadangan ini akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Selepas itu kita akan sediakan draf enakmen dan seterusnya proses pewartaan selepas diluluskan perubahan rang undang-undang di peringkat Parlimen.

Terdapat juga satu kaedah lain yang boleh digunakan iaitu melalui penggubalan di peringkat Parlimen kerana kuasa Parlimen untuk membuat unang-undang negeri adalah dibolehkan dengan tujuan untuk menggalakkan keseragaman undang-undang antara 2 negeri atau lebih sekiranya dimohon oleh Dewan Undangan Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan perkara 76(1)*(b)(c)*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' .....

YB Yang Dipertua Dewan: Dijemput .....

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' *Speaker.* Saya melihat sebelum Klawang punya giliran tadi, adalah giliran ADUN Rantau. Boleh saya mohon jasa baik Dato' *Speaker* untuk mewakili ADUN Rantau bertanyakan soalan lisan bagi pihak ADUN Rantau? Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker,* bagi pihak Yang Berhormat ADUN Rantau yang sedang menjalankan tugas-tugas rasmi negara, saya bertanyakan soalan nombor 1. Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker.*

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Chembong mewakili ADUN Rantau. Tahniah semalam anak dapat Ijazah ya, dengarnya. Tahniah.

YB ADUN Chembong: Terima kasih. Dia ikut omak dia Dato' *Speaker.*

YAB ADUN Sikamat: Dato' Yang Dipertua, bagi memartabatkan Pendidikan Islam di negeri ini, Kerajaan Negeri telah menyusun beberapa inisiatif antaranya:

- Pertama: membangun dan melaksanakan Standard Kualiti Pendidikan Islam Negeri Sembilan (SKPiNS) sebagai penanda aras penarafan standard kualiti bagi sekolah-sekolah Islam di Negeri Sembilan yang merangkumi 6 standard teras iaitu kepimpinan dan hala tuju, pengurusan organisasi, pengurusan program pendidikan, pengurusan program pendidikan, pengurusan pelajaran dan kemenjadian murid. SKPiNS akan memastikan sekolah-sekolah

Islam termasuk pondok dan madrasah di Negeri Sembilan ditadbir secara efisien dengan tatakelola yang baik.

- Kedua: memperkasakan kurikulum sekolah Islam termasuk pondok dan madrasah dengan membangunkan Kurikulum Asas Sekolah Islam Negeri Sembilan (KASINS). Dan, KASINS bertujuan menyediakan asas pendidikan Islam yang inklusif dan sistematik, membina kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu, serta meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap pendidikan agama Islam anak-anak mereka selain berperanan mengawal kurikulum di sekolah Islam swasta agar selari dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sehingga kini terdapat 33 buah Sekolah Islam Swasta telah mengikuti kurikulum KASINS yang dibangunkan ini.

- Dari aspek pembangunan kemahiran guru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar telah membangunkan dan melaksanakan modul *Professional Islamic Teacher Assessment* (PiTAS) Mudarris yang merupakan satu daripada 5 komponen utama dalam Standard merupakan satu daripada 5 komponen utama Standard Profesionalisme Keguruan iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi, Muallim dan Mursyid yang terkandung di dalam standard Kualiti Pendidikan Islam Negeri Sembilan.

  Professional Islamic Teacher Assessment (PiTAS - Mudarris) ya. KOHORT 1: seramai 176 orang guru telah mengikuti kursus ini. KOHORT 2: 330 orang guru telah mengikuti kursus ini. KOHORT 3: 352 orang guru telah mengikuti kursus ini. KOHORT 4: 227 orang guru mengikuti kursus ini. Dan KOHORT 5: 282 orang guru telah mengikuti kursus ini. Jumlah keseluruhan, 1,367 orang guru telah di, menerima kursus-kursus tersebut.

- Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sedang menyemak semula Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1996 bertujuan untuk memperkukuh pemantauan dan kawalan terhadap institusi pendidikan agama di negeri ini untuk memastikan sekolah agama termasuk tahfiz, madrasah, pondok dan Sekolah Agama Rakyat mematuhi standard pendidikan dan keselamatan yang ditetapkan.

- Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) terus memperkasakan program *Fast Track SPM* supaya meningkatkan kebolehpasaran pelajar-pelajar tahfiz, madrasah dan pondok.

Pada tahun 2024, program ini dijalankan di Sekolah Maahad Tahfiz (Persendirian) As-Saidiyah (MTAS) seperti tahun sebelum ini melibatkan seramai 50 orang pelajar tahfiz.

Kerajaan Negeri Sembilan juga telah menyalurkan sumbangan kepada JPNS untuk pelaksanaan penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi sebanyak 17,640.00 dan juga sumbangan bagi Program Adab dan Nilai sebanyak 6,220.00 ringgit bagi menghargai kejayaan cemerlang anak-anak Negeri Sembilan dalam program Majlis al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) Peringkat Kebangsaan 2024. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan inisiatif Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dan Pembangunan Pelan Strategik KPM pada tahun 2024-2030. Inisiatif ini melibatkan guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang beragama Islam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Gemas.

YB ADUN Gemas: Terima kasih Tuan Yang Dipertua, Gemas bertanyakan soalan nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi bagi menjawab soalan yang berkaitan dengan banjir kilat yang sering berlaku di Taman Generasi Baru, Felda Pasir Besar, Gemas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat ADUN Gemas, Taman Generasi Baru FELDA ini telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan. Hasil semakan Pejabat Daerah ataupun Majlis Daerah Tampin mendapati bahawa punca banjir kilat yang berlaku di Taman Generasi Baru, Felda Pasir Gemas ini adalah kerana pembangunan yang diluluskan tidak diselenggara dengan baik. Beberapa perkara yang melibatkan banjir kerana faktor penyelenggaraan yang tidak teratur. Terdapat beberapa lokasi longkang yang mengalami mendapan dan dipenuhi oleh sampah dan juga tanah serta kolam takungan yang tidak diselenggara. Selain itu, terdapat juga beberapa sambungan sistem saliran yang dibuat secara haram serta kolam tadahan yang telah pun diubah daripada pelan asal. Susulan kawasan operasi Majlis Daerah Tampin yang telah kita perluaskan ke seluruh Daerah Tampin bermula September 2024, maka Majlis Daerah Tampin akan membuat penyelarasan segera bersama pihak terlibat seperti FELDA dan Jabatan Pengairan Dan Saliran berkaitan dengan isu ini.

Selain daripada itu, FELDA turut mengambil tindakan untuk menaik taraf kolam tadahan air di dalam kawasan PGBF Pasir Besar bagi membantu menyelesaikan masalah banjir yang kerap berlaku setiap

kali hujan lebat. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Gemas, tender lantikan konsultan telah pun selesai dibuat di peringkat Ibu Pejabat FELDA dan pelantikan konsultan akan dibuat untuk sesi *pre consultant* dan *redesign* semula kolam tadahan PGBF Pasir Besar ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Gemas: Soalan tambahan, diakui daripada penelitian memang longkang tidak diselenggara sebab tempoh, tempoh hari saya pun ada bertanya dengan Majlis Daerah Tampin, adakah di bawah bidang kuasa mereka, tetapi terima kasih YB Exco Kanan atas penjelasan. Saya mengharapkan pelantikan konsultan dan naik taraf ini dapat dijalankan dengan sesegera mungkin sebab tahun ini saja sudah 6 atau 7 banjir berlaku di kawasan tersebut. Soalan saya, adakah selepas proses ini dijalankan masalah ini dapat diselesaikan bagi mengelakkan banjir ini berulang?

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya tak bolehlah nak bagi jaminan banjir ni berulang atau tidak, Dato' Yang Dipertua. Pasal sekarang ni Yang Berhormat pun faham keadaan cuaca yang tidak konsisten, adanya waktu hujan yang menurunkan air hujan yang melebihi daripada kapasiti biasa. Tetapi walau bagaimanapun, saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memandang berat tentang kes ini. Saya akan lihat ya, tentang laporan konsultan dan juga beberapa pelan *redesign* dan seperti yang saya sebut tadi, akan dikemukakan secepat mungkin dan supaya masalah banjir di PGBF Pasir Besar ini dapat kita kurangkan. Tetapi walau bagaimanapun, langkah awal yang diambil oleh FELDA akan membolehkan supaya masalah banjir ini dapat kita kurangkan. *Insya-Allah* bagi pihak Kerajaan Negeri termasuk juga bagi pihak FELDA, kita sentiasa memberikan tumpuan kepada beberapa kawasan perumahan PGBF termasuk kawasan felda itu sendiri, bagaimana untuk kita mengatasi supaya malapetaka banjir ini dapat kita kurangkan dan dapat kita cegah secara total di dalam keadaan-keadaan yang melibatkan kecuaian manusia, *insya-Allah.* Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, selamat pagi, saya mengemukakan soalan nombor 2. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan permohonan untuk Rumah Mampu Milik di Negeri Sembilan sejak tahun 2018. Di mana unit, Bahagian Perumahan Negeri Sembilan hanya melibatkan pengundian untuk rumah jenis *Type A* sahaja iaitu berharga 80,000.00 dulu dan kini 110 ribu. Bagi tahun 2018 sehingga tahun 2024 sebanyak

34,782 permohonan telah diterima untuk Rumah Mampu Milik *Type A* yang telah diiklankan dan sehingga kini sebanyak 1,277 pemohon yang telah berjaya menerima tawaran seunit Rumah Mampu Milik *Type A* di Negeri Sembilan.

Soalan juga telah memintak berapakah jumlah permohonan mengikut kategori kaum. Sepanjang 6 tahun ini, permohonan yang diterima untuk Rumah Mampu Milik *Type A* daripada kaum Melayu adalah sebanyak 30,616, kaum Cina sebanyak 920 dan kaum India sebanyak 3,024 dan lain-lain sebanyak 223. Daripada jumlah permohonan ini, jumlah pemilikan mengikut kategori kaum iaitu jumlah rumah yang telah pun ditawarkan selepas proses majlis pengundian adalah kaum Melayu sebanyak 1,150, kaum Cina sebanyak 25 dan kaum India sebanyak 98. Kalau kita bandingkan dengan jumlah permohonan dan juga jumlah pemohon yang telah pun ditawarkannya adalah setiap kaum dalam lingkungan 3 hingga 3.5%.

Dan soalan ini jugak ataupun jawapan ini jugak adalah untuk menyangkal dakwaan palsu yang dilontarkan oleh mantan Yang Berhormat Jeram Padang baru-baru ini, kawan baik Jeram Padang, baru-baru ini di mana beliau cuba untuk memainkan beberapa isu dalam pengisian Rumah Mampu Milik tersebut. Pengisian Rumah Mampu Milik ini adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan. Kalau jumlah permohonan daripada sesuatu kaum itu adalah tinggi, sudah tentu dalam majlis pengundian kebarangkalian untuk mendapat rumah itu pun tinggi. *So* itu adalah berdasarkan fakta dan juga kalau permohonan tu banyak, sudah tentu banyak rumah yang kita dapat ditawarkan. *So* ini adalah fakta, dan kitak, kita tidak dapat dielakkan. Dan kalau ada ramai yang layak, kita boleh menggalakkan untuk mereka memohon Rumah Mampu Milik *Type A.* Dan untuk Rumah Mampu Milik *Type A* ini juga tidak ada sebarang kuota yang ditetapkan. Ini adalah berdasarkan kepada syarat yang telah pun ditetapkan dan mereka mematuhi syarat tersebut, mereka akan dipanggil untuk majlis pengundian dan di hadapan semua pemohon, kita membuat pengundian secara terbuka, secara telus dan sesiapa yang layak, dalam majlis pengundian akan ditawarkan Rumah Mampu Milik *Type A* tersebut. Terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah *plan* Kerajaan Negeri Sembilan dalam memastikan lebih banyak Rumah Mampu Milik dibina dalam tempoh 5 tahun akan datang? Dan bagaimanakah bilang, bilangan GLC Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dalam membantu usaha ini? Satu lagi cadangan adalah mohon kerajaan, rayu Kerajaan Negeri Sembilan memberikan keutamaan untuk Rumah Mampu Milik *Type A* kepada pekerja-pekerja ladang di kawasan Jempol

yang diusur keluar daripada rumah ladang. Lagi satu, usur, ya, usir, usir, mintak maaf. Saya punya Chembong ada sebelah. Terima kasih, okey.

Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan pekerja-pekerja ladang ini memang kita ada fahamlah, mereka sampai 30 tahun, 40 tahun mereka ada kerja. Dia punya bapak, mak, nenek, monek kerja di ladang. Tapi sekarang, satu rumah pekerja ladang mahu beli di taman memang banyak susah sebab saya mahu ucapan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan adalah satu peluang Rumah Mampu Milik. Saya rayu, mohon kepada pekerja-pekerja ladang, baru-baru di Jempol, pekerja-pekerja ladang banyak kena berhenti. Sebab itu saya mintak kepada Exco tempatan, saya pun rayulah, tolong menolong kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan *plan* Kerajaan Negeri Sembilan untuk mewujudkan lebih banyak Rumah Mampu Milik di Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada Dasar Perumahan Negeri kita. Di mana dalam Dasar Perumahan Negeri kita dengan jelas menyatakan bahawa 50% daripada rumah yang dibina dalam mana-mana projek itu adalah mesti Rumah Mampu Milik di mana melibatkan rumah *Type A* sebanyak 20% iaitu berharga 110 ribu ke bawah, *Type B* – 250 ribu dan ke bawah sebanyak 15% dan *Type C*(i) – 15%, *type,* rumah berharga 400 ribu ke bawah dan *Type C(ii)* berharga 450 ribu ke bawah dalam lingkungan 15% itu. Apabila semua pemaju mematuhi Dasar Perumahan Negeri ini, maka setiap projek yang dibangunnkan di Negeri Sembilan mesti akan ada rumah pelbagai harga iaitu 110 ribu, 250 ribu dan 450 ribu dan ke bawah. Dan ini akan memastikan golongan masyarakat daripada pendapatan rendah, pendapatan sederhana dan juga pendapatan tinggi dapat memiliki rumah di Negeri Sembilan. *So* dasar Perumahan Negeri ini kita tidak kompromi kepada mana-mana pemaju termasuk jugak yang tadi dinyatakan daripada GLC.

So saya juga boleh menyatakan bahawa selain daripada pemaju swasta di Negeri Sembilan, GLC Kerajaan Negeri jugak telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk mewujudkan rumah-rumah mampu milik di Negeri Sembilan.

- Yang pertama: Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan telah pun membina rumah sebanyak 1,054 Rumah Mampu Milik melibatkan Projek Perumahan Rimbun Harapan Mukim Labu, Seremban 2 sebanyak 351 unit telah siap. Yang kedua: Projek Perumahan Rimbun Aman, Mukim Labu, Seremban 2, 71 rumah telah siap. dan ketiga: adalah Projek Perumahan Taman Desa Chembong, Rembau dalam pelaksanaan sebanyak 632 unit rumah.

- Yang keduanya adalah MBI Menteri Besar (Pemerbadanan). Yang pertama: projek rumah di Taman Kirby sebanyak 203 unit rumah telah siap. Kedua: taman, Rumah Mampu Milik, Taman Arowana, Lenggeng – 262 unit rumah dalam pelaksanaan dan telah mencapai 92%. Yang ketiga: Rumah Mampu Milik Taman Harapan Bayu, Labu sebanyak 436 rumah dalam pelaksanaan sebanyak 10% telah mencapai.

- Dan untuk MBI, kesemuanya adalah 901 rumah. Semuanya adalah Rumah Mampu Milik *Type A, B* dan *C.*

- Untuk Yayasan Negeri Sembilan di Projek Perumahan Taman Bakti YNS sebanyak 734 rumah. *Type B* dan type C telah siap. *Type A* telah mencapai 80%. Kedua, projek Perumahan Taman Bukit Enstek, Bandar Baru Enstek, sebanyak 297 unit. Kerja tanah. Sebanyak 33%. Dan jumlahnya untuk YNS adalah sebanyak 1,031 rumah.

- Dan terakhirnya adalah Perbadanan NS (NS Corporation) di mana ada satu projek di Projek Perumahan Taman Nusa Seri Cengal, Mantin sebanyak 792 rumah dan dijangka fasa pertama akan siap pada bulan Jun tahun depan, termasuk Rumah Mampu Milik *Type* A.

Sekian, terima kasih. Dan seterusnya adalah, *sorry.* Terlepas tadi. Adalah berkaitan dengan rumah untuk pekerja-pekerja ladang khususnya di kawasan Jempol. Di kawasan Jempol ini kita tahu ada beberapa isu iaitu selepas mereka ditamatkan sebagai pekerja ladang, mereka diusir keluar ataupun dimintak keluar daripada rumah-rumah estet. Dan sebelum ini isu ini pun telah dibang, dibincangkan di Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana kita boleh menawarkan rumah *Type A* kepada pemohon ataupun keluarga-keluarga yang mematuhi peraturan ataupun syarat kita. Mereka tidak memiliki rumah, pendapatan mereka adalah 3,500.00 ke bawah dan menetap di daerah tersebut, kita tiada, tidak ada apa-apa halangan. Dan kita pun telah pun memintak kepada beberapa estet dan NUPW untuk memberikan ataupun mengisi borang permohonan Rumah Mampu Milik *Type A* yang masih ada beberapa kekosongan di beberapa projek di Taman Kasia, di Taman Kasih Putra, di Taman Bandar IOI khususnya di kawasan Bahau ini. Sekian, terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, ucapan ribuan terima kasih Exco Tempatan. Tadi Exco Tempatan ada beritahu ada satu orang bekas Jeram Padang, ada *short* ka?

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Lukut mengemukakan soalan nombor 2.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini pun satu isu yang sangat *hot* baru-baru ini iaitu berkaitan dengan isu khemah biru di Pantai Telok Kemang. Dato' Yang Dipertua, di Port Dickson kita ada 11 pantai peranginan. Isu khemah ini, isu khemah biru ini hanya ada di 3 pantai sahaja iaitu di Pantai Telok Kemang, Pantai Tanjung Biru dan Pantai Cermin. Pantai Tanjung Biru dan Pantai Cermin tidak lagi dibenarkan perniagaan khemah biru atau apa-apa perniagaan sewaan khemah ataupun payung. Pantai Telok Kemang juga tidak dibenarkan khemah biru tetapi akan digantikan dengan payung pantai yang lebih menarik dan lebih tersusun.

Majlis Perbandaran Port Dickson telah mengambil inisiatif untuk menangani isu khemah sewa di Telok Kemang secara *win-win situation*. Kita tahu ada banyak pengusaha di sana adalah bergantung kepada sumber pendapatan daripada khemah perniagaan ini. Dan pada masa yang sama kita pun tahu ia jugak mengganggu pengunjung kerana meng, menutup pemandangan pantai. *So* ini adalah suatu keputusan perlu dibuat secara *win-win situation* supaya mana-mana pihak tidak rugi ataupun menghadapi sebarang masalah.

Maka Majlis Perbandaran Port Dickson telah pun mengadakan satu mesyuarat bersama dengan JPKK Kampung Telok Kemang melalui penubuhan jawatankuasa bertindak yang di bawahnya akan menguruskan peniaga-peniaga sewaan payung pantai. MPPD telah mengadakan sesi perbincangan dan juga libat urus bersama JPKK Kampung Telok Kemang pada 24 September 2024. Hasilnya adalah:

- Satu: notis pemberhentian perniagaan sewa khemah bagi ketiga-tiga pantai iaitu Pantai Telok Kemang, Pantai Cermin, Pantai Tanjung Biru berkuatkuasa 18 November 2024 (Isnin). Pada hari Isnin lepas. Selepas tarikh ini, tiada lagi aktiviti sewaan khemah dibenarkan di semua pantai Daerah Port Dickson.

- Yang kedua: berdasarkan notis ini, peniaga yang terlibat perlu mengalihkan semua peralatan milik mereka seperti khemah, meja, kerusi, tempat simpanan, struktur dan juga sebarang binaan. Pihak MPPD melupuskan sebarang peralatan yang ditang, ditinggalkan selepas 18 November 2024 bagi tujuan penyediaan plot.

- Ketiga: bermula 18 November 2024 sehingga 15 Disember 2024, MPPD akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan penyediaan plot bagi tujuan pelaksanaan kaedah baharu di Pantai Telok Kemang.

Kaedah baharu ini adalah:

a) Penggunaan payung pantai yang lebih tersusun dan terkawal.

b) Penentuan kawasan khas untuk penempatan payung pantai melibatkan sebahagian kecil Pantai 2 Telok Kemang dan Pantai 3 Telok Kemang.

c) MPPD menyediakan 33 plot peniagaan payung pantai berdasarkan kesesuaian lokasi. Setiap plot berukuran 40 kaki x 20 kaki. Perniagaan sewaan payung pantai hanya dibenarkan berada di plot masing-masing berdasarkan keluasan yang telah dinyatakan.

d) Berdasarkan jumlah peniaga semasa melebihi plot yang disediakan, kaedah undian peniaga yang layak akan dibuat oleh MPPD.

e) MPPD juga menyediakan 8 buah payung pantai, 2 buah kerusi dan 1 buah meja yang bersesuaian bagi setiap plot.

f) MPPD akan memasang papan tanda beserta nombor *hotline* Jabatan Penguatkuasa bertujuan meningkat, mengingatkan Pantai Telok Kemang merupakan pantai awam dan memudahkan aduan bagi sebarang salah laku.

g) MPPD juga akan menaik taraf pusat kawalan di Pantai 3 Telok Kemang bagi menempatkan anggota secara statik terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

h) MPPD menyediakan peruntukan secara *one off* meliputi kos payung pantai, kerusi, meja, naik taraf plot, naik taraf pusat kawalan dan papan tanda berkaitan.

i) Dan terakhirnya, tarikh jangkaan kaedah baharu sewaan payung pantai yang lebih cantik dan tersusun akan bermula pada 16 Disember 2024.

Ini adalah satu tindakan yang *win-win situation* di mana kedua-dua pihak dapat mencapai satu kata sepakat dan mengambil kira kepentingan semua pihak dan diharap cadangan ini dapat menyelesaikan isu khemah yang *viral* dalam beberapa bulan ini. Dan saya juga telah lihat di media sosial dalam 2 – 3 hari ini, semua apa ni, khemah-khemah biru telah pun dikeluarkan dan mendapat reaksi yang sangat positif daripada netizen. Maka saya jugak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan juga

tahniah kepada Majlis Perbandaran Port Dickson atas usaha bersama dengan JPKK Kampung Telok Kemang dan juga daripada pengusaha-pengusaha di Pantai Telok Kemang. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Nilai. Kita sedia maklum isu ini yang telah di *viral* kan dekat media sosial telah memang insiden ni telah menjejaskan nama baik Port Dickson. Selama ni, usaha Kerajaan Negeri dari Bukit Kepayang, berusaha kuat untuk naikkan nama Port Dickson, tapi dengan *viral* kes ini, hancur habis semua. Imej Port Dickson hancur kalau dengan satu isu saja kecil macam ni. *So* saya harap penguatkuasa MPPD dapat seperti yang jawapan daripada Nilai, kita sama-sama kita dengar *win-win, win-win,* menang secara menang-menang kita menangan, menandatangani masalah ini. Okey. Apa usaha yang dilakukan ni saya harap memang ada satu strategi penyelesaian yang terancang yang betul. Jangan pulak seperti nak tukar warna payung biru, tukar kepada merah. Cadangan tukar kepada biru tua, biru muda. Tapi jangan tukar warna hijau, okey, jangan, itu pasti jangan tukar warna hijau. Soalan saya, adakah kesemua pengusaha ini akan dilesenkan dan jika masih berlaku gangguan kepada pengunjung, apakah tindakan MPPD? Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Seri, Dato' Yang Dipertua, sudah tentu pelbagai usaha telah pun diambil untuk mencari satu kaedah penyelesaian yang terbaik kepada semua pihak iaitu *win-win situation.* Selain daripada MPPD, sudah tentu penglibatan daripada Yang Amat Berhormat Sikamat jugak dapat meredakan keadaan ini dan untuk kita mendapatkan satu keputusan yang disenangi ataupun dipersetuju oleh semua pihak.

Berkaitan dengan soalan di mana dilesenkan, ya. Selepas kita menyediakan plot, di beberapa tempat tertentu yang tidak menghalang ataupun memberikan gangguan kepada pengunjung, itu akan dilesenkan dan apabila dilesenkan, kita ada kawalan untuk kita mengawal. Dan sudah tentu MPPD seperti mana yang tadi saya nyatakan, kita jugak akan memasang beberapa papan tanda dan disertakan dengan nombor *online* Jabatan Penguatkuasa. Dan apabila ada mana-mana pengusaha yang telah pun diberikan plot, telah pun dilesenkan ini, melanggar mana-mana peraturan ataupun syarat, MPPD akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Lobak.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Dato' *Speaker.* Saya kemukakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor 1 ADUN Lobak, terima kasih atas soalan tersebut iaitu jalan 4 lorong 2 hala. Jalan yang dinyatakan oleh, jalan yang dinyatakan adalah Jalan FT001, Jalan Seremban – Beranang. Pada masa ini JKR tiada perancangan bagi menaik taraf jalan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi menyuraikan trafik di dalam kawasan Bandar Seremban, Kerajaan Negeri telah pun mengangkat 2 permohonan projek Lingkaran Tengah Seremban iaitu:

- Membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban Dari *Interchange* Temiang (LEKAS) Ke *Interchange* Jalan Dato' Siamang Gagap, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

- Keduanya: Membina Jalan Lingkaran Tengah Dari *Interchange* Labu Ke FT001 (Jalan Tun Dr. Ismail) Dan Ke Temiang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan pada RP-4 RMK-12 yang lalu kepada Kementerian Kerja Raya.

Pada masa ini kelulusan telah diberikan bagi melaksanakan Kajian Trafik terlebih dahulu di bawah tajuk Kajian Trafik Bagi Membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban, Negeri Sembilan dengan kos berjumlah 500 juta ringgit, untuk permulaan kajian ini 500 ribu ringgit.

Bagi cadangan perancangan menaik taraf kerja-kerja Naik Taraf Jalan Tunggal Dua Lorong Dua Hala kepada Jalan Empat Lorong Dua Hala ini, antara beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan adalah:

- impak sosial, pertamanya;
- keduanya: Kos projek termasuk pengambilan tanah serta pengalihan utiliti;
- Ketiga: Kajian trafik;
- Dan yang keempat: *Level of Service* jalan sedia ada berada pada LOS E ataupun LOS F.

Walau bagaimanapun JKR Negeri Sembilan sentiasa mengambil input serta maklumat daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan dan YB ADUN kawasan, kerja-kerja masyarakat, kepimpinan masyarakat, penduduk setempat, agensi kerajaan mahupun pihak NGO serta pihak swasta dalam memberikan cadangan dan pandangan bagi keperluan untuk menaik taraf jalan-jalan sedia ada. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Dipertua, terima kasih yang Sikamat bagi maklumat yang terbaru kerana ada 2 permohonan untuk

mengurangkan sesakan di bandar. Tapi Dato' Dipertua, yang jalan Tun Dr. Ismail tu, Jalan 001 ialah satu jalan yang utama, berhubung dengan Mantin dan sampai Selangor, Semonyeh. *So* erti kata tu, sekarang kami nampak yang Selangor, semua tu sudah maju, *so* cadangan saya yang Jalan Tun Dr. Ismail tu, dia bersambung dengan LEKAS Hiway, dengan izinnya, kerana kami ada buat semakan yang Jalan Tun Dr. Ismail ni ada sebahagian besar jikalau tak salah saya, lebih kurang 50% sudah ada jalan 4 lorong 2 hala. *So* saya mohon mohon kerajaan atau JKR Pusat, Kerajaan Pusat supaya yang sebahagian yang tertinggal saja mohon jalan ni dapat disempurnakan jadi satu Jalan Tun Dr. Ismail tu semua menjadi jalan 4 lorong 2 hala. Yang utamakan untuk memajukan kawasan pekan lama. *So* kami harap mohon ni sebenarnya saya sudah mintak di Dewan yang mulia ni sejak tahun, 5 tahun lepas. Kami harap JKR prihatian kawasan ni. Lagipun kawasan ni memang kawasan istana, kawasan istana, bukit sana ada di Jalan Tun Dr. Ismail, kami harap Kerajaan Negeri atau berharap yang Sikamat yang utamakan prihatian lalu lintas yang utama di Seremban, majukan bukan jalan saja, dan majukan pekan Seremban. Sekian, terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua atas pandangan soalan tersebut. Dan ada sikit penerangan. Tadi saya katakan tadi bahawa kajian meliputi impak sosial, kos projek, kajian trafik, *Level of Service* ya. Jadi sebenarnya apa yang kita lihat di sebelah Selangor, di Beranang itu, yang dimajukan oleh pihak swasta ya. Jadi kita berharap bahawa kita harap pada pembangunan di kawasan tersebut, dan akan akan juga menaikkan taraf jalan tersebut pada masa akan datang. Dan kita juga telah tadi saya katakan kita sedang memohon Jalan Lingkaran Tengah dari *Interchange* Labu FT001 Jalan Tun Dr. Ismail ke Temiang itu kalau dapat dilaksanakan, pasti jalan tersebut juga akan dinaik taraf. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Sungai Lui: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Lui yang bertanyakan soalan yang agak luas, pembangunan kawasan luar bandar. Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa memberikan fokus dan tumpuan dalam usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar di Negeri Sembilan. Buat masa ini, lebih kurang 77% keluasan Negeri Sembilan adalah di bawah kategori luar bandar merangkumi 5 daerah yakni Jelebu, Kuala Pilah, Jempol, Rembau dan Tampin serta sebahagian kawasan di daerah Seremban dan Port

Dickson. Dengan jumlah keluasan luar bandar yang melebihi separuh daripada keluasan keseluruhan Negeri Sembilan, sudah pasti terdapat beberapa keperluan untuk meneroka peluang-peluang yang wujud di kawasan luar bandar agar perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara mampan dan mengoptimumkan sumber yang sedia ada. Hala tuju Kerajaan Negeri Sembilan secara umumnya adalah untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar serta mempercepatkan pembangunan infrastruktur yang lebih inklusif di kawasan luar bandar. Ianya dapat dicapai dengan pelaksanaan 4 Bidang Fokus yang digariskan di dalam Rancangan Pembangunan luar Negeri Sembilan bagi tahun 2021 dan juga 2025 yang saya nak sebutkan satu persatu ya.

Bidang Fokus A: Pembangunan Ekonomi Berdaya Maju
Bidang Fokus B: Penambahbaikkan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar
Bidang Fokus C: Peningkatan Keupayaan Komuniti Luar Bandar
Dan Bidang Fokus D: Pengukuhan Kesejahteraan Komuniti Luar Bandar.

Selain daripada rancangan RPNS 2021 dan 2025, Rancangan Struktur Negeri dan pembangunan Tempatan Daerah turut menggariskan hala tuju pembangunan kawasan luar bandar secara perspektif makro. Melalui Rancangan Tempatan di setiap daerah ni Dato' Yang Dipertua, telah disenaraikan projek-projek pembangunan bagi menyuntik aktiviti ekonomi luar bandar yang memfokuskan kepada aktiviti pertanian di mana pembangunan agropolis seperti yang telah saya sebut di dalam Dewan yang mulia semalam, yang melibatkan 4 daerah iaitu Jempol, Rembau, Tampin dan Kuala Pilah, seterusnya pembangunan biodiversiti yang perlu difokuskan kepada daerah Jelebu.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat tentang langkah yang diambil untuk mengatasi masalah migrasi daripada luar bandar ke bandar. Antara langkah yang telah kita ambil oleh kerajaan ialah pertama, meningkatkan daya huni kawasan luar bandar supaya ianya harus dilihat releven untuk didiami oleh golongan produktif terutamanya golongan belia. Yang kedua ialah melaksanakan program peluasan kampung di mana program ini merupakan usaha kerajaan Negeri dalam mempromosikan kawasan di luar bandar. Yang ketiga: penyediaan infrastruktur kawasan luar bandar seperti penyediaan jaringan jalan raya yang baik, untuk memastikan ketersambungan perhubungan di antara kawasan luar dan bandar. Dan yang akhir sekali ialah pewujudan peluang pekerjaan yang lebih baik dan mampu menawarkan pendapatan yang lebih tinggi dan menarik di dalam pelaburan yang berskala besar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Sungai Lui: Sebentar tadi YB Exco ada menyebutkan tentang pelaburan berskala dan diharapkan untuk menarik golongan muda untuk terus menetap di kawasan luar bandar. Boleh tak nyatakan beberapa contoh pelaburan yang telah dibuat di kawasan luar bandar supaya golong, golongan muda ini cakna di luar sana cakna dengan peluang yang mungkin ada untuk mereka.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat pun sedia maklum, pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menaikkan hirarki dan martabat bagi masyarakat terutamanya golongan belia di luar bandar. Saya nak sebut pertama, kita dah semua dah maklum bahawa pembinaan dan juga projek ladang tenusu bersepadu F&N di Gemas yang dikendalikan oleh Syarikat Fraser, F&N Holdings Sdn. Bhd. dengan pelaburan 1.3 bilion. Yang kedu, haa, yang ke, yang kedua ialah kita juga tahu Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat selalu menyatakan bahawa pembinaan kilang dan pemasangan kenderaan elektrik jenama NETA oleh Syarikat Nex Manufacturing Sdn. Bhd. yang kita bina di Rembau dengan nilai pelaburan hampir 850.0 juta. Dan yang ketiga, Yang Berhormat Dato' *Speaker,* ialah cadangan pembinaan untuk kilang pemprosesan durian di Jelebu oleh Syarikat TopOne Solution. Ini adalah satu lagi langkah Kerajaan Negeri untuk mewujudkan ataupun menarik pelabur-pelabur yang berasaskan kepada produk pertanian yang tentunya akan dibina di seluruh kawasan luar bandar yang ada di Negeri Sembilan untuk memastikan golongan muda jangan tertumpu di kawasan bandar, jangan tertumpu hanya di Kuala Lumpur, Ipoh, Seremban dan sebagainya, dan kekallah di kawasan Jelebu, Tampin, Rembau, Kuala Pilah dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Labu.

YB ADUN Labu: Saya bangun bertanya soalan nombor 1.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan sampah yang terhasil ataupun daripada penjaja-penjaja kecil ini. Sampah daripada penjaja-penjaja kecil ini, kalau satu-satu tempat itu adalah Pusat Penjaja Setempat, maka ada beberapa tempat, tong sampah yang besar ataupun *garbage bin* MGB120 liter ini disediakan. Tetapi di tempat jugak, ada jugak beberapa tempat di mana peniaga itu adalah peniaga bukan statik di mana mereka bukan kekal dekat sana. Mereka berniaga, lepas tu mereka akan bawak balik barangan tersebut, dan besok mereka bukak balik. *So* tempat-tempat seperti itu adalah bukan statik. Dan untuk kawasan-kawasan tersebut, pihak PBT melalui SWCorp jugak memberikan perkhidmatan kutipan sampah dari rumah ke rumah di mana penjaja-penjaja kecil ini jugak turut menerima perkhidmatan

yang sama. Oleh yang demikian, penjaja kecil yang bukan Pusat Penjaja Setempat ini, perlu membawa pulang sampah yang dihasilkan daripada aktiviti kerana penjaja kecil ini sampah dia tak besar sangat dan mereka perlu bawak balik untuk diletakkan di tong sampah di rumah mereka. Dan jugak mereka boleh membuang sampah di beberapa tempat yang disediakan tong-tong sampah besar ini.

PBT jugak telah meletakkan syarat kepada semua kategori penjaja untuk tidak membuang sampah sisa pepejal dan cecair ke dalam longkang, atas jalan, rumput atau mana-mana tempat awam atau kawasan lapang. Sisa-sisa tersebut hendaklah dibuang sendiri oleh penjaja ke dalam tong sampah yang berkarung plastik. Penjaja-penjaja dikehendaki untuk menjaga kebersihan semasa dan juga selepas waktu perniagaan. Selain itu, sampah atau sisa pepejal janaan daripada aktiviti perniagaan penjaja kecil di lokasi-lokasi pusat-pusat, di lokasi-lokasi Pusat Penjaja Bergerak dan juga unit-unit MyKiosk milik Majlis perlu dibuang ataupun dikumpulkan oleh penjaja ke dalam tong sampah beroda ataupun *mobile garbage bin* yang telah disediakan.

Sama juga kepada peniaga-peniaga kecil di pasar-pasar malam, tugas ataupun tanggungjawab untuk mengutip sampah tersebut adalah di bawah pihak penganjur tersebut. Dan pihak penganjur tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengutip sampah-sampah selepas tamat pasar malam ataupun pasar tani. Terima kasih.

YB ADUN Labu: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya bersetuju dengan yang dikatakan oleh Nilai. Cuma saya nak memberitahu, di kawasan-kawasan sekitar Nilai ataupun di dalam kawasan Labu, cadangan daripada Majlis Bandaraya Nilai mengadakan kiosk adalah satu cadangan yang sangat baik. Tapi isunya adalah sampah-sampah daripada peniaga-peniaga kiosk ataupun penjaja-penjaja kecil di sekitar, sekitar Nilai dan jugak di kawasan Labu terutamanya di taman Taman Cempaka ni, sampah-sampah berkenaan biasanya akan dibuang oleh penjaja-penjaja ini di kawasan-kawasan berdekatan. Contoh di *flat-flat* Taman Cempaka ataupun kawasan-kawasan sekitar. Jadi, ini menjadi faktor mengapa isu-isu sampah di dalam kawasan Negeri Sembilan, Labu ni tidak dapat diselesaikan kerana tiada pemantauan yang sangat berkesan daripada PBT. Jadi, soalan saya, apakah PBT mempunyai penyelesaian memastikan sampah penjaja kecik ini dilupuskan dalam kaedah pelupusan sampah mengikut SOP yang ditetapkan oleh PBT memandangkan pada masa sekarang sampah penjaja kecil ini menjadi faktor utama isu-isu sampah yang berbangkit yang disuarakan dalam sidang DUN ini. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, sepertimana yang tadi saya nyatakan, penjaja-penjaja kecil ini adalah, kalau mereka daripada Pusat Penjaja Setempat, kita telah pun sediakan tong sampah. Kalau pasar malam, pasar tani ada pihak untuk menguruskan iaitu penganjur. Tetapi ini adalah segolongan daripada penjaja-penjaja ini yang mereka membuang sampah di dalam tong sampah yang dikhususkan untuk beberapa kawasan *flat.* Contohnya *flat* apartmen di belakang Pekan Nilai, di kawasan DUN Labu, di *Flat* Cempaka Puri, di *Flat* Cempaka Court. Semua ni adalah berpunca daripada sikap ataupun mentaliti peniaga-peniaga kecil bukan semua, sebahagiannya, dan mereka juga adalah membuang sampah di sungai, di kawasan-kawasan kampung.

Dan kita sebelum ini ada beberapa tempat kita pernah meletakkan beberapa tong-tong sampah besar. Apabila diletakkan tong-tong sampah besar ini, tong sampah individu yang diletakkan di rumah tersebut tidak digunakan. Malah ada beberapa tempat digunakan untuk tujuan lain pulak. Ada tempat mereka simpan air dalam tong sampah tersebut yang tak digunakan. *So* maka isu ini adalah mentaliti ataupun sikap tidak tanggungjawab daripada segolongan peniaga-peniaga ataupun penjaja-penjaja ini yang membuang di tempat yang tidak di di apa, yang tidak sebetulnya. *So* kita harap khususnya kepada segolongan penjaja-penjaja kecil ini jika ada sampah, sudah tentu peniaga-peniaga kecil ni, sampah mereka pun tak sebegitu besar, kalau ada mereka boleh membuang sampah di tong sampah di rumah mereka. Kalau tidak, ada beberapa tempat ada sampah, tong sampah besar disediakan. Bukan banyak, sebab kita dah kurangkan. Kalau kita tak kurangkan, tong, tempat itu dalam beberapa jam dipenuhi dengan sampah yang dibuang oleh semua penduduk di sesuatu kawasan. Dan kita harap mentaliti itu, tanggungjawab itu perlu ada di kalangan setiap peniaga-peniaga kecil. Dan kita akan lihat mungkin kaedah yang lebih baik lagi untuk secara tertutup. Dan saya juga telah pun memintak beberapa apartmen ataupun JMB daripada *flat* atau apartmen ni untuk mengawal ataupun menutup tempat tong sampah ini daripada digunakan oleh pihak luar. Dan ada beberapa tempat telah berjaya dan dapat dikawal dan kita akan cuba melihat untuk tambah baik pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Juasseh: Dato' *Speaker,* saya kemukakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Juasseh. Dato' Yang Dipertua, bagi membanteras penyebaran ajaran sesat di Negeri Sembilan, pihak Jabatan Mufti telah mengambil langkah memfatwa dan mewartakan ajaran-ajaran yang didapati

menyeleweng dan berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Antara tindakan yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Mufti dalam mendidik masyarakat mengenai bahaya ajaran sesat adalah seperti berikut:

- Pertama: melaksanakan Program Irsyad Fatwa secara tahunan yang bertujuan sebagai pendidikan dan menyebarkan, menyebarluaskan fatwa-fatwa yang telah diputuskan kepada masyarakat awam khususnya berkaitan akidah dan syariah.

- Kedua: mengadakan Program Bicara Sufi dan mahadarah [Muhadarah] Tasawuf agar masyarakat dapat mengetahui dan membezakan antara ajaran Tasawuf yang sebenar dengan ajaran yang sesat.

- Ketiga: melaksanakan Program Multaqa Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Sembilan khusus kepada Pemegang Tauliah Mengajar bagi menambah lagi pegetahuan agama kepada mereka dan menjelaskan isu-isu seperti ajaran sesat dan sebagainya.

- Keti, keempat: mencetak poster-poster berkaitan ajaran sesat yang telah difatwa dan diedar kepada pihak masjid melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

- Kelima: mengadakan Podcast al-Bayan Ahli Sunnah Waljamaah yang menjelaskan tentang perbezaan ajaran sesat dan ajaran Islam sebenar mengikut al-Quran dan as-sunnah.

- Keenam : Mengadakan program penyelidikan dan penerangan ajaran sesat kerjasama dengan PDRM, pihak universiti dan kolej serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Kerajaan Negeri Sembilan melalui PDRM Kontinjen Negeri Sembilan juga sentiasa menjalankan risikan dan pemantauan yang berterusan terhadap kumpulan atau ajaran yang meragukan yakni ajaran sesat dan bertentangan dengan hukum syarak. Maklumat yang diperolehi dikongsi dan kolaborasi bersama agensi penguatkuasa agama dibuat bagi mengenal pasti kesalahan daripada sudut akidah / syarak kumpulan yang terlibat termasuk menggunakan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 serta Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 sekiranya terdapat perlakuan jenayah terhadap mangsa.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga sedang melipatgandakan usaha memberi kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat melalui program-program keagamaan yang memberi impak dan *outcome* yang lebih baik. Program-program pemantapan aqidah akan dibuat melalui kelas-kelas takmir, khutbah Jumaat dan pelbagai *platform* di bawah bidangkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Bagi menambah baik penguatkuasaan dan pemahaman masyarakat tentang bahaya ajaran sesat, program-program bersama masyarakat akan dipertingkatkan dengan memberi penjelasan kepada masyarakat Islam agar berani tampil membuat aduan terhadap sebarang kesalahan atau penyelewengan akidah di komuniti mereka dan bersedia untuk memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bagi mencegah berlakunya penularan ajaran sesat di Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua tuan, saya kemukakan soalan kedua.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Temiang, soalan pusat judi siber. Dato' Yang Dipertua, perjudian siber adalah merujuk kepada tindakan melakukan permainan judi dengan menggunakan program, perisian atau aplikasi yang dimuat turun dan dipasang di komputer atau telefon pintar yang disambungkan dengan perkhidmatan internet. Judi siber membolehkan pemainnya meletakkan pertaruhan dan berjudi dari mana-mana sahaja, sama ada ketika berada di rumah, di tempat kerja, mahupun sedang berada di negeri lain. Sama seperti permainannya, pusat judi siber juga tidaklah terhad di Negeri Sembilan sahaja dan boleh beroperasi di mana-mana sahaja di seluruh pelusuk dunia dengan adanya kemudahan perkhidmatan internet.

Tidak kira sama ada perjudian dilakukan secara fizikal di dunia nyata (*offline*) ataupun siber (*online*), kesalahan tetap judi dan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan di bawah bidang kuasa pihak PDRM. Penglibatan MCMC untuk menangani kes-kes judi siber adalah daripada aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa. Sejak tahun 2022 sehingga 1 November 2024, pihak MCMC mengarahkan pihak penyedia perkhidmatan internet di Malaysia untuk menyekat sebanyak 4,891 laman sesawang berkaitan judi daripada diakses oleh rakyat Malaysia.

Pihak MCMC juga telah menjalankan usaha advokasi kepada pelbagai lapisan masyarakat melalui inisiatif Klik Dengan Bijak (KDB) di mana program ini juga memberikan pendidikan dan kesedaran mengenai keselamatan serta risiko dan ancaman di internet. Sejak tahun 2022 sehingga 1 November 2024, sebanyak 61 program KDB (Klik Dengan Bijak) telah dilakukan dengan anggaran 53,599 peserta di seluruh Negeri Sembilan.

Berdasarkan pemantauan Majlis Daerah Tampin, sebanyak 7 premis yang disyaki menjalankan judi atas talian. Majlis Daerah Tampin tiada kuasa untuk menjalankan operasi pusat judi siber, namun begitu pihak Majlis Daerah Tampin sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam mengawal lesen yang dikeluarkan, pada tahun 2024 sebanyak 7 lesen premis dibatalkan berdasarkan maklumat pengesahan judi haram yang diperolehi oleh PDRM. Tiada Pusat Judi Siber di Rembau, Jempol, Jelebu, Kuala Pilah, Port Dickson dan Seremban.

Tindakan secara total oleh pihak PDRM Negeri Sembilan dengan melancarkan beberapa siri OP Dadu/ OP Dadu Khas menyebabkan modus operandi pihak sindiket terganggu dan tidak lagi beroperasi secara tetap menggunakan premis. Selain itu, tindakan pencegahan dilaksanakan oleh pihak PDRM terhadap aktiviti judi di premis dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad untuk pemotongan bekalan elektrik.

Tempoh semakan dari bulan Januari hingga bulan Oktober 2024, tiada sebarang pusat judi siber dikesan dalam kawasan Negeri Sembilan. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2024, Tindakan Pencegahan & Kumulatif OP Dadu/ OP Dadu Khas telah dilakukan bersama pihak TNB bagi kesalahan Judi Dalam Premis (bukan judi siber) telah dibuat serbuan berjaya dilaksanakan seperti berikut:

- Pertama: Bilangan premis perjudian yang telah dibuat permohonan pembatalan permit perniagaan sebanyak 5 permohonan.

- Kedua: Bilangan Premis Perjudian yang dibuat permohonan pemotongan bekalan elektrik sebanyak 34 premis.

- Dan yang ketiga: Bilangan tindakan permohonan sekatan laman web kepada kepada pihak MCMC sebanyak 14 permohonan.

Pihak PDRM sentiasa memantau dan membuat risikan dari masa ke semasa bagi mengesan dan mengekang kegiatan perjudian dari terus

berleluasa. Tindakan seterusnya adalah pihak PDRM mohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pembatalan lesen atau permit perniagaan jika premis yang diserbu terbukti menjalankan aktiviti perjudian di sebalik perniagaan yang sah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Johol.

YB ADUN Johol: Okey, Dato' Pengerusi, Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Johol soalan 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi bagi menjawab soalan daripada ADUN kawasan Johol berkaitan dengan pertanian, tentang perancangan dan cadangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan aktiviti pertanian di kawasan Johol di khususnya di tanah-tanah terbiar. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sehingga kini telah menggalakkan aktiviti pertanian di kawasan Johol seluasnya 135 hektar dengan peruntukan kumulatif berjumlah 1.035 juta yang mana peruntukan ini telah dimanfaatkan seramai 113 penerima.

Berkaitan dengan perancangan akan datang, terdapatnya cadangan awal untuk membangunkan TKPM Johol di Kampung Kabong, Johol berkeluasan 53.85 hektar. Kawasan ini akan diperhalusi bersama pentadbir tanah sebelum fasa pembangunan dijalankan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sekejap, ada sikit lagi. Saya *confuse* tadi, saya ingat waktu dah habis.

Selain itu, bagi tanah-tanah Dato' Dipertua ya, bagi hak milik individu ya, Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakan kolaborasi bersama dengan rakan-lakan, rakan-rakan kolebratif ya, yang terdiri daripada pemilik tanah dalam aspek lokasi dan perjanjian, usahawantani dalam aspek pelaksanaan dan Jabatan Pertanian sebagai koordinator pembangunan dalam membangunkan kawasan pertanian.

Menerusi Insentif Sekuriti Makanan pulak, ianya merangkumi tanaman makanan seperti buahan, sayuran, tanaman ladang dan herba. Insentif ini adalah meliputi bantuan naik taraf infrastruktur ladang seperti pemasangan sistem pengairan fertigasi serta bekalan input pertanian seperti baja, racun dan benih tanaman. Manakala, bagi industri asas tani pula, industri pemprosesan makanan di tambah nilai produk pengeluaran dengan insentif melalui skop naik taraf bengkel dan bekalan peralatan proses, proses makanan. Ini adalah antara usaha dan jugak tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk kawasan pertanian di Johol. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Johol: Dato' Pengerusi, Dato' Yang Dipertua, sedikit soalan tambahan ya. Untuk makluman saya amat berharap Yang Berhormat Exco Kanan ya, berkaitan dengan pertanian ini. Dia sebenarnya selari jugak dengan soalan daripada Sungai Lui berkaitan dengan pembangunan kawasan luar bandar kerana pembangunan kawasan luar bandar dia boleh katakan seiring jugak dengan pembangunan pertanian. Dan harapan saya, agar pihak pertanian ya, supaya tidak lagi orang kata tu, perancangan yang terlalu bersifat konservatif kan. Sekarang ini kita perlu ke arah yang sesuatu yang lebih moden. Dan saya faham Exco Kanan pun selalu melawat ke negeri China melihat kawasan-kawasan yang pertaniannya yang lebih orang kata tu, lebih lebih *advance* daripada kawasan kita. Selalu ke Eropah, tengok di Perancis dan sebagainya.

Jadi saya rasa dalam keadaan pertanian kita ini kita tidak lagi terlalu konservatif punya konsep kan. Contohnya kawasan saya di Johol ini adalah kawasan pusat pertanian, tetapi pada penggal-penggal saya dapat peruntukan untuk membaik pulih, sampai sekarang tidak ditunggu, maksudnya tidak digunakan untuk aktiviti. Jadi saya amat berharap ya, kaedah pertanian atau perancangan ini biarlah yang lebih orang kata tu, bersistematik ataupun lebih *advance* daripada apa yang telah kita jalankan sekarang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya nak betulkan ADUN Johol. Saya baru sekali ya pergi ke *China,* bukan selalu. Ini mengurangkan markah saya. Yang Amat Berhormat dengar je tu. Baru sekali je. Tapi sekali pergi tu, Dato' Yang Dipertua, membawa agenda pelaburan untuk Negeri Sembilan, dan untuk makluman Johol, kerana itu saya bawak Exco Digital. Ada orang tanya, kenapa Exco Digital pergi ikut ke *China* ni, yang pertanian apo kono mengono, kata dia. Exco Digital ni, kerana itu kita lan, lan, pergi lawat syarikat Inspurs yang berkaitan dengan *data bank,* teknologi terkini di dalam aplikasi untuk pertanian, Dato' Yang Dipertua. Haa itu yang kita nak aplikasikan di Negeri Sembilan ni. Sekali tu je pergi Johol. Belum lagi yang kedua ni. Yang ke Chino, yang ke *China* pulak, yang ke China tu, tulah tugas saya.

Jadi kerana itu, Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih semua ADUN di Negeri Sembilan ni kerana minat dia kepada aktiviti pertanian saya tengok luar biasa, bertambah dari semasa ke semasa. Dan saya harap tidak akan ada lagi tanah kosong di kawasan DUN yang kesemuanya mesti di digunakan sebagai melakukan aktiviti pertanian. Dan *insya-Allah* aktiviti pertanian ini akan dilakukan naik taraf dari semasa ke semasa dengan menggunakan teknologi terkini, *insya-Allah.* Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Lain kali bawaklah ADUN Johol. Okey ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan bertulis.

4. <u>RANG UNDANG-UNDANG</u>

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024]

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam sesi perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024. Saya ingatkan ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas, saya hadkan masa 15 minit ya, untuk berbahas usul ini. Saya akan beri peringatan sebelum tu. Saya akan hadkan masa betul-betul kali ini ya. saya jemput Yang Berhormat Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera. Salam Bersih, Muafakat, sejahtera konsep Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Aminuddin. Konsep ini banyak bagus. Lagi satu, Malaysia Madani, prinsip Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia; Dato' Seri Anwar Ibrahim. Prinsip itu pun banyak bagus, rakyat banyak suka. Okey.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, Belanjawan Negeri Sembilan 2025. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Negeri Sembilan; Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun merangkap ADUN Sikamat dan Ahli Parlimen Port Dickson, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan. Ahli-ahli Exco semua banyak rajin, banyak kuat, saya mahu terima kasih Exco-Exco. 2 kali, 3 kali, banyak kali terima kasih Exco Kanan.

YB ADUN Johol: Ada janji ka?

YB ADUN Seremban Jaya: Pasal baru-baru .....

YB ADUN Johol: Pergi *China.*

YB ADUN Seremban Jaya: Baru-baru Exco Kanan yang beritahu, Exco Digital sudah ikut. *Backbencher* ada 2 orang, banyak tapi 2 Pengerusi.

Satu Johol, satu saya. Tapi ada peluang kalu, Exco-Exco ada pergi luar negara, bolehlah kita ada senang kita pun boleh ikut. Okey. Kita pun boleh belajar sambil kerja, belajar. Okey.

Dato' Setiausaha Negeri Sembilan, Dato' Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan Negeri; Dato' Mohd. Khidir atas usaha bersama merancang dan bekerja membentangkan belanjawan di bawah Kerajaan Perpaduan, Kerajaan Madani untuk rakyat Negeri Sembilan. Memang Dato' dan pegawai-pegawai rajin. Satu ekonomi yang baik, satu belanjawan yang baik. Ringgit Malaysia 590.0 juta. Itu kira satu rancangan yang baiklah. Belanjawan 2025 Negeri Sembilan yang berjumlah Ringgit Malaysia 590.0 juta terus menunjukkan peningkatkan berbanding dua, pu.. aa.. RM, Ringgit Malaysia 555.0 bagi tahun 2024. Tema Belanjawan 2025 ialah "Bersama Membina Negeri Madani".

Belanjawan kali ini adalah belanjawan berimbang di mana belanjawan pada tahun ini melibatkan 19 teras, *sorry,* 9 Teras dalam Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan yang berjumlah Ringgit Malaysia 96.2 juta bagi melaksanakan 66 inisiatif bagi 23 inisiatif baru dan 43 inisiatif sedia ada dan Skim Sejahtera Rakyat berjumlah Ringgit Malaysia 29.75 juta yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak Ringgit Malaysia 125.9 juta. Antara 9 Teras tersebut adalah Kemampanan Ekonomi Rakyat – 1; Keterjaminan Makanan – nombor 2; Pendidikan – nombor 3; Memperkasakan Komuniti – nombor 4; kerohainian, Kerohanian Dan Agama – nombor 5; Pemerkasaan Wanita, Belia Dan Sukan – 6; 7 – Pelancongan, Adat Dan Budaya. Itu pun ada *chance* boleh ikut. Boleh ikut luar negara.

YB ADUN Chembong: Baca betul-betullah.

YB ADUN Seremban Jaya: Saya punya cikgu sebelah, okey. Kelestarian alam sekitar dan kebajikan dan kesihatan. Ini kira antara 9 Teras, memang bagus. Dato' Yang Dipertua, Sesi Libat Urus Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Rafizi bin Ramli; Menteri Ekonomi adalah satu *platform* yang sangat berharga untuk memberikan input dan peluang yang sangat berharga hasil dari berbin, perbincangan dan pandangan demi memastikan kejayaan pembangunan Negeri Sembilan dicapai dan dilaksanakan tepat pada masa.

Dato' Yang Dipertua, saya berharap agar pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 dan Sesi Libat Urus RMK13 yang mesra rakyat dan pelaksanaan pembangunan dengan kadar segera akan membolehkan kehidupan rakyat terus aman dan sejahtera di bawah

Kerajaan Perpaduan ini dan akan terus membawa sokongan dan kepercayaan untuk terus memerintah pada Kerajaan Pakatan Harapan Madani.

Saya hari tu, Port Dickson, bila Menteri Ekonomi masa tu, Yang Amat Berhormat banyak peruntukan-peruntukan ada mintak Persekutuan. Saya pun mahu doa, mahu sembahyang kuat, bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan mintak peruntukan itu, sebelum Pilihan Raya 16, sudah turun, sudah dapat, memang kita boleh lancar, kita boleh buat Negeri Sembilan yang baik, cantik. Lepas Pilihan Raya 16, kita tak payah risau, 36 kerusi, 8 Parlimen, ratus peratus kita menang. Okey. Nanti sebelah tengok sama saya. Okey.

YB ADUN Lenggeng: Mencelah, mencelah.

YB ADUN Seremban Jaya: Okey. Dato' Yang Dipertua, ini kawasan saya haa. Saya ingin membawa beberapa isu di persidangan Dewan kali ini. Antaranya ini mahu ucapan terima kasih kepada Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Seremban. Banyak lama kita *complaint* masalah pokok. Tapi sekarang sudah buat cantik. Tepi jalan, dalam taman, semua, sampai kita punyai Dewan, Dewan Undangan Negeri, keliling pun sudah cantik, sudah potong manyak cantik. Saya mahu terima kasih Majlis Bandaraya Seremban dan Kerajaan Negeri Sembilan, Menteri Besar, Exco-Exco. Mesti mahu cakap Exco Kanan, pasal tunggu *China.* Okey. Memang sudah banyak cantik.

Dewan yang mulia ini kita tak boleh lupa 2018, masa itu saudara Anthony Loke ada bangkit di dalam Dewan mulia ini, pasal kita taman-taman, contoh Bandar Seremban ada taman 60 tahun, ada taman 70 tahun, memang taman-taman itu semua lama punya tamanlah. Ada 50, 40, 30 tahun. Tapi masalah-masalah itu, masalah longkang, masalah jalan, belakang rumah punya kawasan ada masalah jugak. Saya ingat, peruntukan daripada Pusat, RMK13, saya ingat ada turun, kita ada percaya, kita ada doa bukan, ada turun. Tapi boleh kita mahu lihat sikitlah, kita itu semua sudah bersih, memang rakyat *happy. Playground* kanak-kanak tempat main. Semua sudah buat cantik-cantik. Bila rakyat sudah *happy,* rakyat tengok apa? Pakatan Harapan Madani. Rakyat baru, sudah nampak. Kita tak payah takut.

YB ADUN Johol: BN tak ada ka?

YB ADUN Seremban Jaya: Haa?

YB ADUN Johol: BN tak ada?

YB ADUN Seremban Jaya: BN. Madani, BN semua ada. Kita semua adik beradik apa.

YB ADUN Johol: Okey, ada. Ada, lulus.

YB ADUN Seremban Jaya: Kita sudah satu tahun kita lawan, sekarang kita rapat apa. Sudah baik. Sekarang banyak kawan baik apa.

YB ADUN Johol: Takda BN, takda pergi *China* punya haa.

YB ADUN Seremban Jaya: Ada, itu mesti ada, ada *chance*, itu saya beritahulah. Tapi saya mahu terima kasih MBS (Majlis Bandaraya Seremban), memang satu tanggungjawab yang besar sebab PBT, bila saya selalu saya berbangkit dalam Dewan Undangan Negeri, Dewan yang mulia, kita pergi kedai kopi, kedai penjaja, memang dia orang *start* terus cakap, sudah nampak sama ADUN, cakap apa, aiyo saya punya rumah belakang longkang sudah pecah, sudah runtuh, lu tak mahu mari tengok ka? Hei, Guna. Dia tak ada panggil YB. Hei, Guna mari tengoklah, banyak susah oo, itu air semua sangkut, saya punya a*untie* saya punya rumah runtuh. Okey okey kita mari. Pasal ini biasa, dia orang boleh cakap. Itu masalah dia.

Lagi satu masalah banjir-banjir punya tempatlah. Tadi Exco Kanan yang beritahu, hujan yang lebat, hujan banyak turun, kita tak boleh buat apa-apa. Tapi lebih kurang punya tempat ada masalah, kita sudah buat cantik-cantik, mereka pun *happy* lah, pengundi-pengundi tu *happy,* penduduk-penduduk tu *happy.* Sebab itu saya ada mohon ini kira PBT.

Okey. Lagi satu kira ni penting punya. Dewan MBS, memang dewan MBS harga itu patut. Bila, bila ada kahwin, ada apa-apa aktiviti kenduri, dia orang sudah *booking.* Bila sudah *booking* haa, *last minute* Majlis Bandaraya Seremban boleh *cancel,* boleh *cancel.* Itu masalah banyak orang ada bagitahu sama saya. Satu dewan yang cantik, dewan yang baik, sekarang kita mahu pergi satu dewan *private* punya kita mahu sewa sampai 18,000.00 – 20,000.00. Tapi kita tengok *B40,* orang yang susah, dia boleh angkat dewan itu, tapi boleh kita bila mereka sudah *booking,* tak mahu kasi batal. Kita kasi peluang sama mereka. Pasal ini satu masalah selalu kita dengar, satu.

Lagi satu, kawasan saya ada satu dewan MBS, banyak cantik. Saya baru-baru saya punya anak kahwin, saya pakai itu dewan. Orang luar mari, tengok, dia orang cakap ini dewan banyak cantiklah, banyak cantik, banyak bagus, semua cantik. Tapi ada 2 masalah. Satu masalah itu dewan satu *giant fan, giant fan,* pasal itu *fan* semua kecik-kecik ada panas sikit. Saya rayu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri

Sembilan, kita tak payah tunggu RMK13, kita boleh, boleh, pasal peruntukan 20,000.00 jugak, *giant fan.* Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Okey, terima kasih. Itu satu. Lagi satu, luar, itu jalan ada, ada jalan lebar, tara, sudah lulus, sudah, terima kasih, terima kasih. Itu jalan besar, kira jalan besar ada lagi tempat boleh kalu, kasi itu tempat kasi besar, itu kereta semua boleh *parking* senang. Ada tempat sana. Haa itu 2 masalah. 2 masalah itu, itu saya haraplah saya, pasal kita punya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan orang yang baik, apa yang janji mesti tunai. Itu saya hormat. Pasal saya sendiri 2018 sampai sekarang saya sendiri, saya punya masalah, saya punya *problem* ada apa pun, saya pergi cari, mesti selesai. Mesti selesai. Itu saya terima kasih. Itu, tepuk sikitlah, ini pun tak boleh ke? Nanti lain kalu lu orang cari, lu orang mahu, dapat tolong apa. Haa tepuk. Ini kipas. Di sebelah saya …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

YB ADUN Seremban Jaya: Lagi 10 minit.

YB Yang Dipertua Dewan: 2 minit.

YB ADUN Seremban Jaya: Tak mahu, tak mahu, tak mahu. Tak mahu, tak mahu. Dato' Yang Dipertua, lagi, tak mahu 10 minit. 9 minit setengah cukup. Tak mahu 10 minit. Okey Dato' Yang Dipertua. Haa itu. Lagi ada ada, satu *point* nanti, lagi sikit juga, bukan banyak banyak. Saya pun tahu Dato' Dipertua satu orang duduk banyak susah. Saya ada faham. Saya ada faham.

Ini memang Yang Amat Berhormat, Exco-Exco, Exco Tempatan, ini satu masalah penting. Kawasan itu bukan kawasan saya, kawasan jiran sebelah saya. Kita punya Haji DUN Paroi. Tapi pengundi-pengundi tu satu Seremban keliling dia ada sana, Batu 4½ *light industry* memang ini masalah, bila saya masih pembangkang, masa itu saya selalu ada bangkit ini masalah, itu masa itu yang yang yang Yang Berhormat Dato' Seri Tok Mat dia janji dia sudah buat sebahagian Sungai Simen. Lagi sebahagian juga ada. Itu sebelah Sungai Simen, itu tempat sudah rendah. Itu patut itu industri punya air boleh keluar sana. Tapi dia orang sudah sampai tengah-tengah sudah Sungai Simen, lepas tu tak ada buat, itu sungai sudah bukit, sudah tinggi. Ini kira industri punya longkang sudah rendah. Bila waktu hujan, air tendang balik, itu air tak boleh keluar. Lebih kurang ada 18 kedai ada masalah, selalu dia orang ada panggil. Saya, ada panggil sama saya, pasal dia orang pun baru, ni sebelah saya, ADUN Paroi baru bukan, dia belum turun itu kawasan. Satu hari saya senang nanti saya panggil sama dia. Dia pun belum, nanti sabar sabar. Kira sebab itu saya mintak tolong, mintak rayu itu satu

sudah, sebahagian sudah buat, itu masalah banjir sudah *settle.* Itu jugak saya tanya.

Lagi satu saya harap ini masalah-masalah kecik, kita semua sudah buat, Majlis Tempatan punya, saya ingat rakyat *happy,* ADUN-ADUN pun *happy* lah. Lagi satu jugak .....

YB ADUN Paroi: Soalan, soalan.

YB ADUN Seremban Jaya: Haa boleh.

YB ADUN Paroi: Bagi soalan.

YB ADUN Seremban Jaya: Boleh boleh boleh, bangun bangun.

YB ADUN Paroi: Terima kasih Guna. Saya yang bagi soalan kat dia tadi tu. Dia pergi soalan ke Dewan. Terima kasih Guna. Okey, *alhamdulillah.* Mungkin satu lagi soalan pada YB Guna ya, mungkin soalan tu dah tujukan kepada Yang Berhormat untuk tindakan ya. *Light industry* ya, Batu 4½ Jalan Tampin – Seremban, saya rasa benda tu kena ambil perhatianlah. Yang kedua, tentang masalah pokok ni. Yang pertama soalan tadi ya. Saya berjiran dengan Guna, Paroi. Dan kita tahu krisis apa, isu-isu pokok ni isu besar, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ni musim hujan. Banyak banyak, pokok-pokok tinggi di di sekitar Seremban Jaya, Paroi dan jugak Ampangan dah di *maintain* mungkin dalam *50%* tetapi banyak lagi yang belum dibuat *maintenance* ya, paroi, senawang, ana, saya rasa .....

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Paroi: ..... untuk tindakan.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat akan berucap. Bawak perkara tu. Benda ni Yang Berhormat nak ulaskan .....

YB ADUN Paroi: Saya dah berucap pun semalam.

YB Yang Dipertua Dewan: ..... Seremban Jaya. Saya ingat dia benda, dia .....

YB ADUN Paroi: Hari ini saya bagi soalan kepada Guna untuk untuk apa, ambil soalan, soalan saya.

YB ADUN Seremban Jaya: Okey okey okey.

YB Yang Dipertua Dewan: YB Guna, YB, YB Seremban, masa dah tamat.

YB ADUN Seremban Jaya: Saya tara, sebab kita *backbencher*. Pengerusi pengerusi ada ada, Dato' Dipertua .....

YB Yang Dipertua Dewan: Sebab tu saya kata jaga masa betul-betul. Jangan kita .....

YB ADUN Seremban Jaya: Yang Berhormat Dato' Dipertua, 3 *point* penting sikit saja, saya *short* juga cakap. Satu *medical card .....*

YB Yang Dipertua Dewan: 2 minit, 2 mint.

YB ADUN Seremban Jaya: *Medical card* haa, dulu, *first* kita, kali pertama kita ada *medical card .....*

YB Yang Dipertua Dewan: Kalau *backbencher .....*

YB ADUN Seremban Jaya: ..... masa tu *Speaker* dia sudah sakit, masa tu saya tak sakit. Dia sakit kencing manis, darah tinggi, tak boleh dapat. Semua tak boleh dapat. Tapi sekarang saya tak apa, saya memang kencing manis, darah tinggi, saya tak apa, saya tak dapat pun tak apa. Saya tengok *young generation* muda-muda ada sini. Muda-muda ada sini. Boleh kalu kasi satu *medical card.* Satu.

Lagi satu ini kira, saya mahu *short,* saya pun tak mahu baca, ini sukan, sukan haa. Exco Sukan saya mahu terima kasih. Exco Sukan ada beri sama saya 10,000.00, kira 10,000.00 kira projek, saya ada kira 3 padang, ada, ada taruk lebih kurang ubah suai simen, cat, *wiring,* banyak cantik. Serupa macam itu, saya, lebih lagi Exco Sukan sudah keluar. Tapi saya mahu rayulah, boleh 6 bulan satu kali, ada beri macam itu, kita lagi banyak boleh buat. Satu.

Saya ingat lagi satu *point* jugak itu saya mahu tanya Yang Amat Berhormat, saya baru-baru *Deepavali open house,* itu pemandu-pemandu teksi Melayu, Cina, India semua ada, saya ada pergi, dia ada jemput sama saya, saya pergi, dia orang punya masalah ada beritahu. Sekarang dia orang pemandu teksi satu bulan 1,500.00 mahu dapat pun banyak susah. Sekarang pasal bas, itu macam-macam punya kereta sewa sudah ada. Dia orang banyak susah. Saya cakap, masa tu saya janji, okey satu persatuan satu orang, *you* orang 4 persatuan ada, nanti saya tanya MB punya dekat. MB cakap okey kita jumpa, boleh kalu, saya panggil itu 4 orang, kita boleh tanya dia punya masalah macam mana. Tapi ini bukan masalah negeri, ni masalah Persekutuan. Tapi pengundi-pengundi tu Negeri Sembilan. Itu satulah. *Last.* Itu satu *point* juga. Tapi

saya mintak MB lah, boleh kalu, satu hari kita panggil sama dia orang, bincang. Itu jugak.

Lagi satu, bukan, apa pun tadak, sudah okey. Semua okey. Lancar. Tapi Dato' *Speaker,* saya pun tahu Dato' *Speaker,* hari ini tak tahu sampai pukul 4:00, saya ingat berhentilah. Dato' *Speaker* pun letih, besok boleh sambung. Okey. Terima kasih Dato' *Speaker.* Terima kasih Exco-Exco Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat, YB-YB dan belakang, jabatan-jabatan, terima kasih. Okey, *thank you, thank you, xie xie ni, nandre, wanakam.* Saya sokong bajet belanjawan. Okey.

YB Yang Dipertua Dewan: Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Saya jemput Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Sungai Lui: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar, Yang Berhormat Datuk Seri Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Berhormat ahli Exco, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Dalam Dewan yang mulia ini, Sungai Lui ingin turut serta dalam membahaskan Belanjawan Negeri, Negeri Sembilan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar Negeri Sembilan pada 22 November '24 pada Mesyuarat Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-15.

Saya menyatakan penghargaan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar atas kesungguhannya membentangkan Belanjawan Negeri 2025 yang bertemakan "Bersama Membina Negeri Madani" dengan 9 Bidang Tumpuan yang meliputi 66 inisiatif iaitu pertambahan sebanyak 23 inisiatif baru daripada tahun lepas. Umum mengetahui bahawa ini adalah merupakan belanjawan kedua oleh keraja, keraja, oleh Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan yang dianggotai, yang dianggotai oleh Pakatan Harapan dan juga Barisan Nasional dengan mengguna pakai pendekatan pengurusan kewangan madani berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kewangan Madani 2025 – 2030 yang telah diluluskan oleh ahli, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan.

Pencapaian kerajaan ketika ini adalah hasil daripada dokongan dan juga kerjasama yang kuat dari kedua-dua belah pihak. Dan sesungguhnya Barisan Nasional akan terus komited dan juga memberi sokongan kepada kerajaan ini selagi mana kedua-dua belah pihak bertanggungjawab bersama dalam mengukuhkan perpaduan dan juga

mempertahankan hak dan jugak kebajikan rakyat khususnya di Negeri Sembilan tanpa rasa prejudis antara satu sama lain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di dalam menjalani kehidupan seharian, sudah pastinyalah peningkatan kos sara hidup sedikit sebanyak membebankan rakyat kebanyakannya. Justeru itu, inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan meneruskan program Negeri Sembilan Prihatin adalah amat bersesuaian untuk mereka yang men, untuk mereka mendapatkan barang barangan keperluan asas dengan kadar harga yang murah serta berpatutan. Sungai Lui mencadangkan agar program ini ditambah baik dengan menambah jumlah kuantiti barangan keperluan tersebut tatkala ianya dilaksanakan mengikut kesesuaian sesuatu tempat ataupun kawasan. Barangan seperti beras, minyak masak dan telur hendaklah ditambah 30% lagi dari, daripada kuantiti yang telah ditetapkan semasa kini memandangkan apabila program ini dimulakan jam 8:30 menjelang 9:15 pagi ianya telah kehabisan. Ada di antara mereka yang hadir sekitar jam tersebut, tidak dapat membeli barangan ini.

Saya nak menyentuh sikit tentang isu felda. Felda ketika ini menuntut kepada sentuhan Kerajaan Negeri secara lebih mendalam memandangkan jumlah komuniti di dalam kawasan felda begitu besar meliputi 49 tanah Rancangan Felda di negeri ini. Pelbagai permasalahan timbul dan agak sukar diselesaikan apabila ianya tiada, tiada melibatkan kerjasama antara semua pihak seolah-olah felda merupakan suatu planet yang lain di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan. Justeru itu, saya menje, menyokong penuh cadangan serta saran, serta saranan Yang Berhormat Exco Kanan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus mencadangkan agar FELDA diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan juga Wilayah semasa perbahasan peringkat kementerian dalam Dewan Rakyat tempoh hari. Terima kasih kepada kerajaan yang mana telah meluluskan kerja-kerja pembangunan infra khususnya longkang di 3 tanah Rancangan Felda di kawasan DUN Sungai Lui iaitu di Lui Timur, Felda Pasoh 2 dan juga Lui Muda melalui bajet RP Ke-4 (*Rolling Plan* Ke-4) Rancangan Malaysia Ke-12. Adalah menjadi harapan agar segala perancangan yang dan juga pelaksanaannya dilibatkan bersama pemimpin-pemimpin tempatan agar segala maklumat serta informasi berkenaan dapat dijejas, dijelaskan pada masyarakat setempat.

Namun begitu masih banyak perkara yang perlu diselesaikan terutama yang melibatkan tentang kemudahan awam seperti dewan, dewan orang ramai, balai raya, taman permainan dan lain-lain yang berkeadaan uzur termasuk kemudahan infra yang perlu dinaik taraf

bagi mengatasi masalah banjir dan juga untuk memastikan kesejahteraan masyarakat di kawasan felda.

Dicadangkan jugak, supaya wang daripada MARRIS dan juga KKLW dapat kita gunakan di kawasan felda khususnya. Tatkala ini, masalah membayar penjualan hasil yang tidak konsisten waktunya masih membelenggu para peneroka Felda. Pembayaran siap kerja kontraktor yang menguruskan hasil kebun juga acap kali mengalami kelewatan sehingga menjangkau 3 bulan. Perkara-perkara seperti pewarisan masih banyak lagi yang tidak, yang tertangguh serta tergendala sehinggakan ada sesetengah waris masih tidak mendapat penjualan hasil atau gaji selama 9 bulan ketika saya menyuarakan masalah ini.

Menyentuh mengenai lot perumahan generasi baru, saya menuntut penjelasan daripada kerajaan, sejauh perkembangan dan juga pelaksanaan program ini. Kalau boleh, kita selesaikan untuk tempoh penggal ini, *insya-Allah.* Terima kasih kepada Exco Kanan yang juga yang menjaga hal ehwal felda yang telah menunjukkan terowong di hujung jalan iaitu untuk kita menyelesaikan masalah PGBF khususnya di Pasoh 2 dan juga 3. Saya mencadangkan jika ianya tidak menjadi kesalahan, supaya diwujudkan jawatankuasa khas bagi menangani serta mencari jalan penyelesaian terhadap segala bentuk permasalahan yang wujud di dalam felda terutama di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam belen, belanjawan ini juga dinyatakan peruntukan secara *one-off* sebanyak 5,000.00 ringgit kepada setiap Pusat Pemulihan Dalam Komunti ataupun PDK. *Alhamdulillah*, kerajaan cakna kepada golongan istimewa ini. Namun saya mengharapkan juga kerajaan menubuhkan akaun Amanah menye, penyelenggaraan PDK sepertimana ianya di, ianya ditubuhkan untuk menyeng, menyeng, menyelenggara sekolah lantaran kesukaran untuk mendapatkan bajet apabila pusat pemulihan ini ditimpa bencana. Ianya berlaku di kawasan saya apabila dimajukan ke Pejabat Daerah – di luar bidang kuasa mereka. Kepada JKM – tiada bajet itu. Dan juga kepada FELDA – itu bukan bangunan kawalan seliaan mereka. Untuk itu, marilah kita sama-sama lihat keadaan serta serta perjalanan pusat PDK ini ianya wujud untuk *service* kepada orang-orang yang istimewa, maka ianya juga menuntut satu tindakan yang istimewa daripada kita.

Saya nak menyentuh sikit tentang masyarakat orang Asli. Apabila menyentuh berkenaan tentang masyarakat orang Asli, secara tidak langsung pasti ianya terkait dengan soal pertanian. Pertanian sudah begitu sebati dalam jiwa masyarakat orang Asli. Ini kehidupan mereka sejak dulu. Jika kita mahu bantu ekonomi mereka, kita perkasakan soal pertanian. *Insya-Allah* taraf hidup mereka akan lebih baik. Akan tetapi

ada sesetengah kawasan orang Asli ini tidak dihubungkan dengan jalan pertanian yang baik sehingga mereka tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian mereka. Tidak guna kalau mereka bertani tetapi mereka tidak dapat keuntungan yang semaksima mungkin dariapda hasil pertanian mereka. kekurangan aksis, akses jalan sering dijadikan alasan oleh peraih yang mengambil kesempatan membayar harga rendah ketika membeli hasil jualan mereka termasuk getah dan juga buah-buahan dan sebagainya. Saya merasakan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan yang ada pada hari ini perlu memberikan keutamaan kepada akses jalan yang berkualiti bagi menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani kos sara hidup di kalangan masyarakat orang Asli.

Bercakap soal saudara baru di kalangan masyarakat orang Asli, saya melihat Jabatan Agama dan jugak JAKOA perlu menambah baik tatacara pengurusan saudara baru di kalangan masyarakat orang Asli. Keperluan adalah untuk kita sentiasa membimbing dan juga peman, memantau dan konsistem daripada pihak berwajib kepada saudara-saudara baru ini.

Saya nak menyentuh sikit tentang pendidikan. Kerajaan Perpaduan melihat betapa pentingnya ilmu dan juga pendidikan dalam dalam membentuk generasi yang akan datang. Maka sejumlah peruntukan dilaksanakan bagi meneruskan momentum kecemerlangan anak-anak Negeri Sembilan di masa hadapan. Namun, dalam masa itu kerajaan kena juga memikirkan sekolah-sekolah luar bandar yang mana kekurangan murid adalah perkara yang membimbangkan. Banyak bangunan yang tidak digunakan dan juga terbiar begitu saja. Kos penyelenggaraan juga perlu dikeluarkan kerajaan walaupun ianya tidak diguna pakai. Contohnya Sekolah Magnet SMK Pasoh 2, adalah satu sekolah yang saya maksudkan untuk memastikan perkara ini diatasi, Sungai Lui mencadangkan agar kerajaan melalui pelbagai agensi memikirkan agar jalan pertanian sejauh 8.1 kilometer yang menghubungkan antara Felda Pasoh 2 dan juga Felda Pasoh 1 dan juga 4, dapat dinaik taraf dan dijadikan jalan pintasan untuk ke SMK Felda Pasoh 2. Anak-anak yang berada di kedua-dua tanah Rancangan Felda tersebut boleh memilih terus untuk bersekolah di Sekolah Magnet Felda Pasoh 2 tanpa terlajak jauh untuk ke SMK Teriang Hilir, Simpang Hilir dengan anggaran jarak 27 kilometer. Jalan ini juga akan dapat memudahkan penghantaran hasil ladang ke kilang sawit Felda Pasoh 1.

Kerajaan juga perlu melihat berkaitan pendidikan di kalangan masyarakat orang Asli. Program khusus bagi memberi kefahaman dan juga keperluan mereka menghadiri sesi persekolahan. Libat urus di kalangan jabatan juga pihak yang berwajib hendaklah dilaksanakan

dengan lebih kerap supaya anak-anak ini akan dapat menghabiskan persekolahan arus perdana mereka daripada tadika hingga ke Tingkatan 5.

Beberapa inisiatif diperkenalkan terhadap pendidikan kelas al-Quran dan juga Fardu Ain (KAFA) demi menjamin kelangsungan tenaga pengajar dan juga *syllibus* tersebut. Kelas KAFA ini terbahagi kepada 2 premis iaitu dilaksanakan di sekolah kebangsaan dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan dan juga Sekolah Agama Rakyat. Namun, dilihat kepada keadaan semasa Sekolah Agama Rakyat ini menuntut juga kerajaan untuk menaik taraf bangunan serta fasiliti yang ada dan diguna pakai sekarang ini. Sebagai contoh kerusi, meja, papan hitam dan juga kelengkapan lain yang sesuai dengan kaedah pembelajaran masa kini. Untuk pengetahuan yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sungai Lui mempunyai 3 buah Sekolah Agama Rakyat yang masih beroperasi iaitu Sekolah Agama Rakyat Felda Pasoh 2, Sekolah Agama Rakyat Felda Lui Selatan dan juga Lui Timur.

Yang Berhormat Dato' yang yang Yang Dipertua, pencerobohan tanah-tanah kerajaan serta hutan sering men, berlaku di kawasan-kawasan melibatkan sempadan negeri. Kerajaan menanggung kerugian daripada hasil melalui cukai dan juga premium tanah tersebut. Saya berharap perkara serta, perkara serta situasi ini mendapat perhatian yang serius daripada Pentadbir Tanah walau, mahupun Jabatan Perhutanan terutama sekali di kawasan sempadan antara Sungai Lui dan juga Kemayan pada ketika ini. Sungai Lui mencadangkan agar penjadualan untuk para penguatkuasa melakukan tinjauan serta intipan dan juga pemerhatian secara lebih kerap terhadap kawasan-kawasan yang yang dikenal pasti sebagai kawasan panas. Tindakan ini, tindakan lebih tegas perlu dikenakan kepada peneroka, penerokaan haram ini agar ianya menjadi tauladan kepada mereka yang lain. Kawasan-kawasan teroka haram yang telah dirampas hendaklah dijadikan satu instrumen untuk memberi peluang ekonomi kepada mereka yang berupaya serta layak melalui verifikasi yang ketat daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan hari ini, telekomunikasi merupakan satu elemen penting yang mana ianya digunakan untuk mengeratkan hubungan tali silaturahim di samping mempercepatkan urusan kita seharian. Segala maklumat seluruh dunia dapat kita perolehi manakala pengurusan kewangan akan dapat dilakukan dengan lebih, lebih efisien di negara ini. Pentadbiran ini, dan juga pengurusan negeri dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan juga teratur. Namun begitu, kawasan-kawasan luar bandar masih lagi tidak dapat menikmati serta mengecapai capaian internet dan juga rangkaian telekomunikasi yang memuaskan.

Pembangunan komuniti merupakan elemen penting bagi pembentukan negeri berdaya tahan dan juga, dan juga berdaya huni. Ianya merupakan, bertujuan memastikan komuniti sejahtera terus diperkasakan bagi membentuk modal sosial yang mantap, kukuh dan menjamin kesejahteraan entiti masyarakat khususnya. Jadi, perlunya saranan komuniti yang inklusif dalam persekitaran yang berkualiti dan juga berdaya huni serta semangat perpaduan di, keterlibatan komuniti yang dipupuk melalui kolaborasi yang efektif. Maka Sentuhan Madani Felda ini amatlah dipersetujui bagi kerajaan menyampaikan serta menyalurkan sebarang bentuk maklumat kepada masyarakat. Keterlibatan semua pihak dalam rangka aktiviti program ini adalah dituntut tanpa sebarang alasan dan juga keuzuran apabila ianya dimulakan. Sungai Lui juga bersetuju dengan cadangan perbahasan Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan tempoh hari agar elaun Pengerusi JPKK dan juga JPKKP dinaikkan. Sebegitu juga dengan Setiausaha. Dalam suasana kerja khidmat yang semakin mencabar dan juga rumit, maka cadangan itu hendaklah dapat kelulusan di pihak kementerian dan juga diikuti oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sukan penting untuk kesihatan jasmani dan juga rohani. Serta sukan dapat mengurangkan masalah sosial dan melahirkan generasi masyarakat yang berkualti dan, dan sukan juga mampu mempromosi perpaduan, meningkatkan imej serta industri pelancongan negeri. Sejumlah peruntukan besar disalurkan oleh pihak kerajaan untuk Kejohanan Sukan SUKNES. Ini adalah medan untuk *platform* pencarian bakat-bakat baru di Negeri Sembilan. Namun perlunya infrastruktur sukan dinaik taraf serta dibaik pulih secara *adhoc* di setiap kampung khususnya dan saya setujulah seperti pandangan dikekalkan daripada sekarang untuk kita baiki gelanggang-gelanggang sukan tertentu ya, yang …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Sungai Lui: ….. dapat kita baiki serta merta.

YB Yang Dipertua Dewan: 2 minit je.

YB ADUN Sungai Lui: Okey. Sabar. Okey. Sudut ekonomi pula, program keusahawan belia yang ada sekarang perlu diperkasakan mengikut kesesuaian masa, pada masa kini. Penubuhan kiosk perniagaan komuniti belia di kawasan yang strategik hendaklah dirangka dan sentuhan kerajaan melalui cadangan pewujudan dana makro kredit seumpana Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) bagi membantu golongan ini berdaya saing arus pemodenan perniagaan tanpa sempadan. Sudut pembangunan pula perlu penambahbaikan

pusat aktiviti belia di samping mereka diperkenalkan sistem pengurusan digital persatuan dan juga dana pentadbiran. Seterusnya memandu mereka mempromosi serta menjenamakan persatuan yang mereka anggotai.

Dato' Yang Dipertua Dewan ya, saya nak menambah sikitlah. Tadi di kalangan rakan-rakan dah ada menyatakan tentang jawatan Timbalan *Speaker* dan kita harap supaya jawatan Timbalan *Speaker* ni akan dapat diisi ya, untuk membantu *Speaker* di dalam menguruskan Dewan, perjalanan Dewan kita. Dan kalau boleh ya, Timbalan *Speaker* ni diisi oleh di kalangan Barisan Nasional. Sekian, Lui mohon menyokong.

YB ADUN Lobak: Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput.

YB ADUN Lobak: Boleh? Saya.

YB Yang Dipertua Dewan: Giliran dialah Yang Berhormat Gemas. Lepas tu Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Gemas: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar, ADUN Pertang selaku Exco Kanan Kerajaan Negeri, ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya membentangkan perbahasan saya untuk manafaat bersama rakyat di negeri ini khususnya di DUN Gemas, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar; Dato' Seri Aminuddin Harun kerana megumumkan pemberian bantuan khas BKK sebanyak 2 bulan gaji kepada penjawat awam di negeri ini. Ia merupakan satu petanda yang baik terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam menghargai penjawat awam yang banyak menyumbang tenaga dan buah fikiran menambah baik mutu perkhidmatan serta nama baik negeri ini. Oleh itu saya juga berharap agar mutu serta khidmat, perkhidmatan ini dapat dilaksanakan di semua DUN tak kira diwakili wakil rakyat kerajaan mahupun pembangkang bagi manafaat dan kesejahteraan bersama rakyat di negeri ini. Bagi saya walaupun di pihak pembangkang, apa yang lebih utama adalah kepentingan rakyat dan saya lihat 9 Bidang Tumpuan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 ini mempunyai skop yang

lebih tepat untuk dinilai keberkesanannya pelaksanaannya di masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memberikan sedikit hujah dan cadangan dalam pelaksanaan 9 Bidang Tumpuan dalam belanjawan kali ini. Ini adalah perkara yang berlaku di peringkat bawah untuk diambil maklum oleh kerajaan. Bagi Bidang Tumpuan pertama iaitu Kemampanan Ekonomi Rakyat. Kemampanan rakyat tempatan untuk men, berniaga dan bekerja di ruang niaga dan kawasan sekitarnya. Berdasarkan Rang Undang-Undang Kecil semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini, negara ini, tidak dibenarkan mengeluarkan atau membenarkan pemilikan lesen serta permit berniaga kepada warga asing. Tapi hari ini, jika kita pergi ke kedai makan tom yam, ia adalah milikan warga Siam. Jika kita pergi ke kedai runcit, ia dimiliki oleh warga Bangladesh atau Acheh. Jika kita pergi ke kedai perabot atau permaidani, ia dimiliki oleh warga Pakistan atau Asia Tengah. Ada di antara warga asing ini menjalankan perniagaan menggunakan nama pasangan atau penduduk tempatan sebagai Ali Baba bagi menjalankan perniagaan mereka. Ia tidak menyumbang kepada ekonomi negara serta memberi ruang kepada peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Mereka menggajikan keseluruhan pekerja mereka daripada rakan-rakan dari negara mereka. Mereka ini tidak membayar cukai, malah negara kita mendapat dari carian, kehilangan 70.0 bilion setiap tahun dalam bentuk cukai akibat aktiviti ekonomi bayangan ini. Sekarang ini bila kita menghadapi krisis bekalan beras tempatan dan minyak masak, peniaga asing ini hanya menjual bekalan ini hanya kepada pelanggan-pelanggan senegara mereka sahaja. Perkara ini tidak baik kepada rakyat negara kita.

Justeru itu, saya mohon tindakan Majlis Tempatan yang mempunyai undang-undang mewajibkan pemilik, 30% daripada warga tempatan bekerja dalam industri mereka. Jadi memang undang-undang ini sedia ada, cuna, cuma penguatkuasaan berterusan yang mel, perlu dijalankan oleh PBT. Saya mohon, moho, mohon PBT ini menjalankan penguatkuasaan, jemputlah sekali KPDNKK dan Imigresen dalam setiap pemeriksaan ini kerana bidang kuasa ini boleh diselaraskan dan kita dapat membantu negeri kita supaya ruang perniagaan dan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dapat kita maksimumkan.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya melaui Bidang Tumpuan ke-2 iaitu Keterjaminan Makanan. Jika sebelum ini kita khuatir akan penghasilan beras tempatan, hari ini Gemas ingin menyuarakan mengenai harga yang ditawarkan kepada pengilang kepada pesawah. *Alhamdulillah,* 2023 sebanyak 150 tan metrik berjaya dihasilkan oleh pesawah di DUN Gemas, di sawah Londah. Dan ia meningkat menjadi 236 tan pada tahun

Januari, tahun ini dengan keluasan 40 hektar tanah sawah padi. Terima kasih kepada Exco Kanan kerana benih padi yang dihasilkan oleh syarikat mengeluarkan hasil padi yang cukup baik. Cuma isu mula berlaku pada musim lalu harga yang ditawarkan adalah 1,600 tan per metrik tapi pada tahun ini, Januari tahun ini, harga telah turun menjadi 1,400 ke 1,500. Tapi, perkara baru mula berlaku apabila pasaran terbuka ada kilang dari negeri se, sebelah kita menawarkan harga dengan 1,750.00 ringgit. Hari ini, padi, hasil padi Negeri Sembilan telah diambil, telah dibawa menjadi beras tempatan negeri sebelah kita, di mana pesawah-pesawah ini lebih tertarik untuk menjual hasil tuaian mereka ke kilang luar Negeri Sembilan kerana perbezaan harga hampir 200.00 ringgit per tan.

Gemas mencadangkan Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Lembaga Pertubuhan Peladang membeli harga padi ini mengikut harga yang sama walaupun kita terpaksa, Kerajaan Negeri terpaksa menanggung sedikit lebihan pembayaran, tapi hasil kuota padi ini menghasilkan beras tempatan dapat dinikmati oleh Negeri Sembilan sendiri. Saya maklum, Kerajaan Negeri mengarahkan untuk petani menjual kepada kilang di Kuala Pilah, tapi harga ditawarkan, Yang Dipertua, agak rendah berbanding harga ditawarkan oleh negeri bersebelahan. Yang kedua, saya mencadang, Gemas mencadangkan agar Negeri Sembilan membekalkan, Kerajaan Negeri membekalkan satu meden, satu mesin mini di mana petani-petani ini boleh menjual sendiri hasil padi mereka secara tradisional iaitu mungkin ada masyarakat sekitar yang boleh membeli dengan harga tempatan yang sama dengan harga pasaran sekarang.

Tuan Yang Dipertua, dalam, itu kita tumpukan pada tumpuan ketiga iaitu Pendidikan. Cadangan ini tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan pada Kerajaan Negeri. Gemas mohon agar Kerajaan Negeri dapat lebih proaktif untuk pelajar-pelajar SPM pada tahun ni. Tahniah kepada Dato' Seri Menteri Besar kerana Negeri Sembilan berjaya menduduki tangga ke-2 tahun ini. Cuma kita mensasarkan untuk yang akan datang, tahun, pendidikan ini dinilai melalui satu ujian sahaja sekarang ni iaitu SPM. Kita mengharapkan Negeri Sembilan menjadi lembah pendidikan yang cukup hebat. Gemas mencadangkan Kerajaan Negeri dapat berunding dengan syarikat-syarikat besar seperti di Gemas kita ada HeveaBoard, F&N Farm, syarikat-syarikat swasta untuk menaja sekolah-sekolah berhampiran premis perniagaan mereka untuk mengadakan kelas-kelas tuisyen percuma. Di mana elaun guru-guru dan alat bantu mengajar untuk sekolah tersebut ditanggung oleh syarikat-syarikat ini. Semua kos ini ditanggung oleh syarikat-syarikat ini. Idea ini bukanlah idea baru. Di negara seperti Jepun telah dilaksanakan sekian lama. Cuma, jika Pejabat DUN sendiri menjemput

agak sukar mereka datang, yelah tambahan kalau DUN Gemas yang panggil, tak ada siapa nak datang, Dato' Seri. Tapi jika pejabat Dato' Seri memanggil, mungkin setakat minum petang, berebut orang nak datang Dato' Seri. Saya mencadangkan, Gemas mencadangkan untuk pejabat perdana, Pejabat Menteri Besar untuk mengambil tanggungjawab ini untuk mengadakan minum petang dan menerangkan program penajaan ni di setiap daerah, DUN dan Parlimen untuk kita menjadi sebuah lembah pendidikan cukup unggul pada tahun-tahun mendatang.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya Bidang Tumpuan Ke-4 ialah Pemerkasaan Komuniti. Jika dilihat terdapat peruntukan baru sebanyak 1.0 juta untuk Program Pencahayaan Kampung. Terima kasih diucapkan Dato' Seri. Tahun lepas saya menghantar surat permohonan, Dato' Seri meluluskan 20 batang tiang lampu solar. Seri Menanti jangan cemburu, walaupun dapat 4 saja, tahun ni Menteri Besar akan ganti 20 tu. Untuk tahun ini, saya juga menuntut sebab jalan-jalan yang, terima kasih Dato' Seri, ada yang cemburu, contoh Lenggeng sabar, ada tu. Terima kasih lagi sekali.

Tapi di sini saya ingin menyentuh bukan pasal lampu jalan Dato' Seri. Yang, Yang Berhormat Dato' *Speaker,* saya juga mohon Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian terhadap, terhadap permasalahan penyelenggaraan jalan. Hal ini kerana perkhidmatan syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Selia Selenggara dalam menyelenggara kerosakan jalan di sekitar Tampin amat mengecewakan. Hari kita tengok turapan semula atau *road pitching* dengan izin, yang dibuat kurang berkualiti dan masalah ini sama akan berbangkit semula selepas 6 bulan. Dengan cuaca hari ini Dato' *Speaker,* jalan di sepanjang jalan nak masuk ke simpang ke daripada Pasir Besar nak ke Palong tu pun dah berlubang-lubang Dato', Dato' *Speaker.* Hari ini, ada aduan dibuat hampir 2 bulan oleh, melalui sistem SISPAA masih tidak ada tindakan susulan daripada mereka.

Mengenai kerja-kerja pembersihan longkang yang dijalankan oleh Selia Selenggara, amat mengecewakan Tuan *Speaker,* di mana mereka membuang hasil-hasil buangan ini di kawasan yang sama. Malah di belakang semak, maksudnya 6 kaki daripada jalan besar mereka bersihkan, tapi dibuang di belakang, tidak dibuang di tempat yang sewajarnya. Apabila musim hujan, lebihan kayu ini, lebihan tanah-tanah yang dikorek daripada longkang ini akan turun semula ke longkang. Ibarat kita membuang duit rakyat untuk membayar mereka. Hari ini kita perlu tengok ia sebagai teguran untuk pihak kontraktor ini. Mereka juga mewujudkan satu *team* yang ke hulu ke hilir, dipanggil *Emergency Group Selia* dengan kenderaan yang cukup hebat. Tapi tiada nombor *hotline* untuk rakyat menghubungi mereka. Mereka akan

mencari jika ada permasalahan rakyat, terus kepada pihak berkaitan atau wakil rakyat tempatan. Jadi saya mohon jika pihak Selia Selenggara yang telah lama berada dalam bidang ini, letakkanlah nombor-nombor *hotline* supaya rakyat boleh menghubungi mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah ini seperti dahan-dahan pokok-pokok dan jalan-jalan berlubang ini.

Tuan Yang Dipertua, melalui Bidang Tumpuan ke-5, iaitu Kerohanian Dan Agama. Gemas agar Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan isu berkenaan tapak Masjid Baru Gemas. Saya ada membawa soalan ini pada sidang yang lepas. Saya maklum, tak ada, tak ada sebarang perancangan untuk pembangunan itu. Kami bersabar. Cuma tapak yang sedia ada sekarang, se, zink yang meng, menutup ruang tanah itu telah tanggal, semak, tempat pembuangan sampah. Saya telah menghubungi pejabat, saya menghubungi Pejabat Agama Daerah Tampin berulang kali, jawapan yang sama, kami tiada peruntukan. Dan bulan lepas, masa majlis di hotel yang kita bersama majlis agama, saya menghantar surat rasmi secara *byhand* dengan izin, melalui, serahan tangan kepada Pengarah. Sehingga hari ini masih tiada tindakan. Mungkin semalam kakitangan saya kata, baru semalam ada orang buat-buat menebas. Hari ini saya nyatakan, saya mohon kepada Dewan yang mulia ini, kepada Yang Amat Berhormat, tolong bantu kami. Ia melibatkan imej Jabatan Agama Islam. Di sana terletak papan tanda menunjukkan itu tanah Jabatan Agama Islam, tapi somak Yang Berhormat. Pagar dah, zink tu sampai ke tongah jalan kalau musim hujan, kalau diterbangkan angin. Mohon untuk menyelesaikan. Kalau cadangan daripada pihak Gemas, jika tidak, tiada perancangan untuk tanah ini, bukalah tawaran kepada syarikat-syarikat untuk pembangunan sementara iaitu contohnya untuk disewakan untuk pertanian, ataupun dijadikan tempat hab *parking* kenderaan berat di Gemas. Sebab tanah itu terletak di persimpangan Kampung Londah dan berhampiran dengan kawasan perniagaan.

Tuan Yang Dipertua, Dipertua, seterusnya menerusi Bidang Tumpuan ke-6 iaitu Pemerkasaan Wanita, Belia Dan Sukan. Hari ini, Gemas mengharapkan pembinaan Kompleks Sukan Gemas akan siap mengikut tarikh, walaupun tarikh itu dijanjikan telah siap tahun lepas, tapi di soalan lepas, saya pun pernah bertanya kepada ADUN Palong. Untuk makluman ADUN Palong, kontraktor masih kontraktor yang sama, tiada perubahan. Kerja-kerja masih menggunakan 2,3 orang sahaja. Mana mungkin projek yang besar ini dijalankan, dapat disiapkan seperti yang dinyatakan dalam sidang Dewan yang lepas. Sementara itu, saya tertarik dengan peruntukan sebanyak 3.0 juta iaitu Kerajaan Negeri untuk Program Pemerkasaan Infra Sukan. Jika dilihat, saya tak nak masuk dalam kampung, saya ambil satu saja. Di depan Pejabat Daerah

Kecil Gemas ada satu padang futsal, pagar kiri dan kanan pun sudah tak ada, yang, Tuan Yang Dipertua. Kalaulah boleh, bukan kerana saya, demi rakyat, tolonglah YB Exco datang tengok kalau dapat diper, diperkemaskan, dapat dibaiki. Tak banyak belanjo tu Dato' YB Exco.

Seterusnya saya menjurus kepada Bidang Tumpuan ke-7 iaitu Pelancongan, Adat Dan Budaya. Gemas mohon Kerajaan Negeri dapat melihat perkembangan status produk pelancongan Muzium Keretapi Lama Gemas. Perancangan semasa pembinaan Muzium Keretapi Lama ini adalah sebagai satu tarikan baru pelancongan dengan menyajikan pameran berkaitan kereta api, tempat riadah keluarga, tempat santai dan minum petang atau program-program berkeluarga. Bagaimanapun muzium ini gagal menarik pelancong atau rakyat tempatan untuk menggunakan kemudahan ini. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, untuk makluman yang berhormat, Yang Amat Berhormat, tempat ni hanya ada 2 gerabak saja Yang Amat Berhormat. Tak ada sebarang barang pameran. Ibarat rumah kosong. Kalau rakyat turun pun, atau pelancong turun pun tak tahu apa nak ditengok. Semasa perbincangan awal tidak rasmi pengurusan KTMB memberi maklum balas positif dalam menempatkan barang-barang pameran berkaitan kereta api ini.

Hari ini tempat itu telah diserahkan kepada Majlis Daerah Tampin. *Alhamdulillah,* Majlis Daerah Tampin. Saya ucap jugak terima kasih kepada Majlis Daerah Tampin, Kerajaan Negeri ada usaha untuk membaiki tandas, membaiki *parking,* memagar semula, tapi barang pameran terpampang Muzium Keretapi Gemas, tapi kalau Dato' Seri singgah, Dato' Seri pun cakap, apo bondo yang ado dalam ni. Jadi hari ini, di Dewan yang mulia ini, saya katakan, kita memerlu bantuan daripada Kerajaan Negeri bagi pemi, hak milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) membantu Majlis Daerah Tampin untuk membekalkan barang-barang pameran. Semalam saya ada memohon jasa baik YB Chennah, merangkap Menteri Pengangkutan untuk meminta pihak RAC meletakkan bahan pameran di lokasi berkenaan sebelum Tahun Melawat Negeri Sembilan pada tahun 2026.

Turut ingin disentuh di sini, apabila ada perjanjian Kerajaan Negeri, apabila kerajaan, RAC ingin membangunkan landasan terdapat perkampung atau taman yang berada di sebelah landasan, pihak KTMB melalui RAC telah me, telah membuat *fly over* atau jejantas menghubungkan jalan utama dengan taman-taman ini supaya laluan kereta api ini tidak terjejas. Hari ini, terdapat kampung dan taman serta padang golf di Gemas, jika nak lalu perlu melalui *fly over* yang tidak terurus, jalan yang mendap, semak samun dan lampu tidak menyala. Hari ini sudah terdapat banyak kali kemalangan berlaku di kawasan tersebut. Apabila kami menyuarakan melalui sistem SISPAA kepada

Majlis Daerah Tampin tentang permasalahan ini, jawapan yang diberikan; perkara itu akan dimaklumkan kepada RAC. Saya juga ada menya, menyediakan surat kepada RAC pada bulan 2 tahun ini. Hingga sekarang, pihak RAC tidak membuat apa-apa tindakan untuk memastikan keselamatan penduduk di sekitar untuk yang melalui jalan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Ringkaskan.

YB ADUN Gemas: Baik. Saya mematuhi apa jua yang Tuan *Speaker* bagitau. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Arul; YB Nilai kerana apabila sidang yang lepas, saya menyatakan isu pintu gerbang yang tidak, yang tidak diuruskan dengan baik, berkarat. Hari ini pintu gerbang itu telah dibaiki, telah bercahaya, telah dibersihkan. Cuma YB Nilai bantulah juga di persimpangan yang melibatkan persimpangan ke arah Pantai Timur iaitu persimpangan Pasir Besar dan persimpangan Kem Tentera Gemas. Kalau tuan-tuan tengok, kalau yang, Tuan *Speaker* tengok, kawasan tersebut, Majlis Daerah Tampin kena ada pegawai landskap yang boleh belajar supaya kawasan tersebut lebih ceria dan pencahayaan lebih baik kerana kawasan tu gelap dan pokok-pokok dia ada pasu takda bunga, apa rupanya Dato' *Speaker.*

Seterusnya Tuan Yang Dipertua, Bidang Tumpuan ke-8 iaitu Kelestarian. Gemas mohon Kerajaan Negeri melihat isu penjagaan kualiti air di DUN ini seperti sedia maklum operasi loji rawatan air di Linggi pernah ditutup berikutan masalah kualiti air mentah. Susulan terdapat bau minyak yang tinggi dan pemprosesan air terawat yang terpaksa dihentikan untuk menepati. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat yang turun padang. Hari ini kena tunjukkan Yang Amat Berhormat bagaimana tindakan Kerajaan Negeri untuk mendenda, paparkan supaya industri-industri atau, sebab kita nampak hanya di media sosial Yang Amat Berhormat turun padang. Tapi syarikat-syarikat ni, apa tindakan kepada mereka. Jika ditamatkan atau dihentikan seketika, bantu kami, kami nak bagitau atau penguatkuasaan agensi-agensi kerajaan seperti Alam Sekitar, berilah notis kepada peringatan awal kepada agensi-agensi, kepada syarikat-syarikat atau di Gemas itu ada syarikat yang menggali pasir Yang Amat Berhormat. Mereka beringat sebelum berlaku. Kalau ibarat di Gemas ini, jika kawasan, kawasan loji rawatan air tak dicemari, ibarat susah saya Yang Berhormat, mohon, ia sama seperti di Port Dickson dahulu.

Yang terakhir mengenai Bidang Tumpuan melibatkan kebajikan dan kesihatan. Tahniah Yang Amat Berhormat apabila pemikiran Yang Berhormat, idea Yang Amat Berhormat untuk pembinaan hospital baru di Seremban seperti yang dibangkitkan Yang Amat Berhormat

berikutan kekurangan katil dan kepadatan pesakit di Hospital Tuanku Jaafar Seremban tempoh hari. Gemas mencadangkan usaha jangka masa pendek, dalam Dewan ini kita ada 4 orang Ahli Parlimen yang berada di Parlimen, apa salahnya jika kita mohon Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kesihatan untuk membolehkan rawatan di Hospital Tampin, di Hospital Port Dickson, di Hospital Jelebu dengan menghadirkan pakar-pakar dan yang berkebolehan untuk ditempatkan. Ini kerana apabila, contoh Hospital Tampin. Hospital dia cantik, luas, tapi kepadatan untuk pesakit tidak seperti di Seremban. Kita agihkan sedikit. Hospital Rembau pun sama Yang Amat Berhormat.

Jadi itu yang, saya bangkitan, bangkitkan dalam semua bidang tumpuan. Akhir sekali, saya dengan rakyat berdoa dan tertunggu-tunggu juga berita gembira daripada Kerajaan Negeri. Hari ini saya dan, baru-baru ini saya balik ke Kuala Pilah, kampung saya, ada yang berdoa supaya kerajaan dapat mendapat kelulusan segera daripada Kerajaan Pusat bagi pembinaan Lebuh Raya Seremban – Jempol (LSJ) kerana ia dapat menyelesaikan. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, kalau hujung minggu, daripada orang Jempol, orang Jelebu, orang Jempol orang Kuala Pilah nak ke Seremban kadang-kadang, kalau kenduri kahwin hanya dapek sompek sekali jo Yang Amat Berhormat. Tempoh hari, kalau hari Sabtu lepas, untuk dari Pilah kalau poi kenduri kahwin tak payahlah nak fikir poi kenduri kahwin ke Seremban, Yang Amat Berhormat. Tak sompek.

Jadi itu saja daripada Gemas. Sekian, warah, *wassalamualaikum WBT*. Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Belanjawan Negeri Sembilan 2025. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Juasseh: *Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam Malaysia Madani, Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera. Yang Berbahagia Dato' Yang Dipertua Dewan, pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dengan memberikan kesempatan kepada Juasseh untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan belanjawan persidangan kali ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat; Menteri Besar Negeri Sembilan di atas pembentangan belanjawan kali ini. Saya percaya belanjawan yang dibentang pada hari Jumaat yang lalu, menunjukkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Madani Negeri Sembilan bagi meneruskan pembangunan di negeri tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' *Speaker,* pembangunan adalah satu proses yang tidak berkesudahan. Hari ini kita selesaikan satu masalah, bukan mustahil untuk timbul masalah yang lain. Jika ada, jika di dalam membuat pembangunan, mungkin 2 atau 3 tahun lagi, perlu diperbaiki atau timbul pembangunan yang baru perlu dibuat. Umpamanya di DUN Juasseh. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, Dato' SS, Dato' Kewangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Exco Kanan dan terutamanya pimpinan di daerah Kuala Pilah, Pegawai Daerah Kuala Pilah dan agensi-agensi yang sama membantu pembangunan di dalam DUN saya iaitu DUN Juasseh. Namun demikian, saya masih mengharapkan agensi-agensi Pusat dan negeri membantu mempercepatkan pelbagai perkara yang belum lagi selesai di dalam DUN saya ini.

Yang pertama, isu serius yang sedang dihadapi oleh penduduk di Juasseh berkaitan dengan liputan talian mudah alih dan internet. Untuk YB DUN Linggi. Pada masa ini, sambungan di kawasan ini adalah sangat lemah dan tidak stabil sehingga menjejaskan keupayaan penduduk untuk berkomunikasi, menjalankan urusan harian dan mengakses perkhidmatan di dalam talian dengan berkesan. Keadaan ini memberikan kesan yang lebih ketara kepada golongan pelajar sekolah, pelajar-pelajar universiti dan guru-guru yang menghadapi kekangan serta kesulitan untuk mengakses internet bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran. Dalam era digital ini, talian dan internet merupakan keperluan asas yang amat penting untuk menyokong pendidikan dalam talian, pembelajaran kendiri serta menggunakan bahan pengajaran digital. Kekurangan akses yang baik bukan sahaja menyulitkan mereka untuk mencapai matlamat pembelajaran malah untuk menjejaskan kualiti pendidikan secara keseluruhan. Kami ingin memaklumkan bahawa isu ini telah pun disuarakan dan ada tindakan hampir setahun yang lalu. Namun sehingga kini masah, masalah itu masih belum selesai dan mendapat perhatian yang sepenuhnya. Kami percaya bahawa pihak MCMC yang sudah dimaklumkan seharusnya mengambil tindakan yang segera untuk menangani isu ini.

Yang kedua, membina semula sebuah jabat, jambatan konkrit di Kampung Beting yang runtuh sebab bencana banjir beberapa bulan yang lalu yang mana kosnya lebih kurang 500 ribu. Kepulau, keperluan jambatan ini amat penting Yang Amat Berhormat Dato' Seri kerana ia merupakan jalan keluar masuk penduduk-penduduk ke bandar atau pergi ke kebun mereka. Lebih daripada 30 buah isi rumah yang menggunakan jambatan ini. Saya sangat berharap dapat diselesaikan dengan segera memandangkan penduduk-penduduk terpaksa

menggunakan jalan alternatif yang jauh untuk aktiviti-aktiviti harian mereka.

Yang ketiga, kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf balai raya–balai raya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco Kanan yang telah pun banyak membantu kerja-kerja ini pada tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, masih ada lagi yang perlu diberikan perhatian KKDW di dalam DUN Juasseh. Balai raya–balai raya ini sekarang menjadi tempat-tempat program dan penggunaan semakin hari semakin meningkat kehadirannya oleh masyarakat-masyarakat kampung. Jadi, saya sangat berharap YB Exco Kanan berilah perhatian sedikit dan peruntukan kepada DUN saya ini dan jugak DUN-DUN yang selain, yang lain. Kerana bagi kami penaik taraf dan membaik pulih balai raya ini adalah satu cara kami untuk membuat program-program yang lebih efektif kepada masyarakat di kampung dan di dalam DUN kami.

Yang Berhormat Dato' *Speaker,* saya ingin menyentuh Bidang Tumpuan Keterjaminan Makanan yang baharu sebanyak 0.50 juta bagi program *touch point* tanaman buah-buahan. Untuk memastikan kejayaan Bidang Tumpuan ini, kita tidak boleh lari dari bercakap sektor pertanian kerana sektor inilah yang akan menjadi penentu kejayaan dan hasrat kita. Di kawasan saya Juasseh, sepertimana ada yang disentuh oleh Yang Berhormat Exco Kanan semalam, saya ingin memohon untuk diberikan sedikit peruntukan kepada PPK Kuala Pilah untuk tanaman kelapa MYD, bukan kelapa laut Yang Berhormat Exco, kelapa MYD. Saya terangkan sikit kelapa ni apa dia Dato' Seri ya. Ianya adalah sebuah jenis kelapa yang sangat produktif dan sangat baik. Buahnya bewarna kuning cerah dan airnya sangat manis. Daging kelapa ini sangat lembut. Dan dia boleh menjadi produk seperti santan dan kelapa parut. Pemilik, senang nak buat kuih sopang ya. Jadi pemilik-pemilik tanah adalah ahli Peladang DUN Juasseh yang seluas 40 ekar ini di Kampung Seri Jemapoh. Meraka pun dah bersetuju dan mereka pun dah membuat kerja-kerja awalan untuk menanam tanaman ini. Dengan adanya usaha ini, dapatlah kita memberikan manfaat dan ekonomi yang baru kepada penduduk kampung itu sendiri dan juga kepada pengusaha-pengusaha kuih tempatan di dalam DUN Juasseh dan di daerah Kuala Pilah. Jadi saya amat berharap Yang Berhormat Exco Kanan memberikan sedikit perhatian kepada permohonan saya ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk Bidang Tumpuan AI, saya ingin mengaitkan tentang isu-isu berkaitan dengan hal ehwal KEMAS. Pemodenan kursus-kursus KEMAS dengan menggunakan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) boleh membantu meningkatkan peker, keberkesanan pembelajaran juga melahirkan komuniti yang lebih cekap serta berdaya saing dalam era internet yang pantas ini.

Negara-negara maju kini telah pun menerapkan teknologi AI bukan hanya dalam sektor ekonomi, tetapi jugak dalam pendidikan. Oleh itu, saya cadangkan KEMAS sebagai institusi penting dalam membina kapasiti rakyat di peringkat akar umbi mesti melangkah seiring dengan Negeri Sembilan iaitu sebuah negeri yang sedang berkembang pesat, tidak boleh tertinggal dalam arus digitalisasi dunia. Penggunaan AI dalam pengurusan KEMAS dapat membantu mempertingkatkan kecekapan pentadbiran seperti menjadualkan kursus dan program secara automatik, memantau kehadiran dan prestasi peserta dengan analitik pintar, mengurangkan masa pengurusan manual, membolehkan tenaga KEMAS memberi fokus dan program pembangunan masyarakat. Penerapan AI dalam *sillibus* kanak-kanak juga perlu dimasukkan dalam pembelajaran kanak-kanak di bawah jagaan KEMAS. Pendidikan awal kanak-kanak yang menekankan literasi digital akan melahirkan generasi muda yang celik teknologi dan berdaya saing.

Saya juga menyokong penuh cadangan Yang Berhormat Exco Kanan agar jawatan Pegawai KEMAS Daerah (PKD) wujud jawatan ini bukan saja memperkasakan pengurusan KEMAS di peringkat daerah, tetapi juga memberi fokus khusus untuk menambah baik program di kawasan masing-masing. Kita perlukan kepimpinan di peringkat daerah yang dapat menerajui perubahan dan memastikan Negeri Sembilan kekal relevan dalam dunia yang semakin digital ini. Mengurangkan bebas, mengurangkan beban tugas warga kerja KEMAS. Tidak dapat dinafikan ya, bahawa beban tugas warga KEMAS hari ini adalah berat. Kita faham mereka perlu menguruskan program, mendidik kanak-kanak, dalam masa yang sama juga menggunakan memenuhi keperluan komuniti. Oleh itu kita mesti memudahkan beban kerja mereka melalui sistem digital yang lebih cekap seperti pengurusan dokumen secara automatik, memberikan latihan berterusan kepada warga kerja KEMAS untuk memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran teknologi masa kini. Dengan sokongan ini, warga KEMAS boleh terus fokus kepada tugas-tugas utama mereka untuk membangunkan dan memperkasakan rakyat.

Di kesempatan ini juga, Juasseh ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, dengan adanya usaha baharu sebanyak 0., sebanyak 10.50 juta dengan, 0.56 juta terutamanya dalam Bidang Tumpuan Kerohanian Dan Agama. Dalam masyarakat dapat diperkukuhkan dengan langkah-langkah yang menyokong para penjawat di dalam institusi masjid seperti caruman untuk Bilal dan Siak. Selain usaha itu juga untuk pembangunan masjid-masjid baru di sekitar Negeri Sembilan menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan akses kepada kemudahan ibadah yang lebih baik dan menyeluruh untuk

rakyat. Ini bukan saja menyumbang kepada kemudahan agama, tetapi juga untuk pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat setempat. Dengan adanya dalam usaha ini, ia dapat memperkukuhkan perpaduan, keharmonian dan penghayatan agama dalam kalangan masyarakat sekaligus mencipta suasana yang aman dan sejahtera di Negeri Sembilan.

Juasseh juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah dalam usaha Kerajaan Negeri Sembilan gigih dalam usaha membanteras aktiviti-aktiviti terpesong dari ajaran agama terutamanya dengan tindakan tegas terhadap isu yang baru-baru ini tular. Usaha ini juga jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat dan melindungi nilai-nilai agama yang murni dari ancaman ajaran yang salah. Tindakan ini penting untuk memastikan keselamatan rohani rakyat serta menjaga keharmonian masyarakat agar terus hidup dalam lingkungan yang berlandaskan prinsip-prinsip agama yang sebenar. Semoga usaha ini berterusan dengan memberi kesan positif dalam membina masyarakat yang lebih kuat, berdaya saing dan bersatu padu dalam keimanan.

Yang Berhormat Dato' *Speaker,* saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh JPKK khususnya kepada JPKK di Juasseh atas pencapaian yang membanggakan sepanjang setahun mereka dilantik. Pelbagai inisiatif dan usaha pembangunan telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan hasilnya sangat memberangsangkan. Program Modal Insan yang dilaksanakan telah memberikan impak positif kepada penduduk setempat. Memperkasakan individu melalui berbagai aktiviti dan kursus yang berguna. Program komuniti ini juga mempereratkan hubungan sesama penduduk, memberi peluang kepada mereka untuk bekerjasama dan memperbaiki kualiti hidup mereka. Segala usaha ini tidak dapat dinafikan adalah hasil dari kerja keras dan komitmen tinggi daripada semua JPKK.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Madani atas pemberian dana sebanyak 100 ribu melalui Program Sejati Madani yang telah diberikan kepada setiap JPKK dan harus dilaksanakan dalam masa 6 bulan ini. Dana tersebut mestilah digunakan dengan penuh tanggungjawab. Cara JPKK merancang, melaksanakan dan memanfaatkan dana ini adalah untuk bertujuan memajukan komuniti mereka. Pemantauan yang lebih teratur dan efisyen harus dibuat oleh Pejabat Daerah. Pembangunan Negeri dan daerah, dan jugak melibatkan Pejabat ADUN. Supaya objektif pemberian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan telus. Program-program komuniti bukan berbentuk keuntungan, keupayaan JPKK untuk merancang dan menguruskan dana dengan cekap dan

kreatif ini menunjukkan tahap kematangan dan tanggungjawab mereka dengan menjalankan amanah yang telah diberikan. JPKK adalah aset yang sangat berharga dalam usaha meningkatkan kesejahteraan setiap DUN. Dan kita perlu memastikan mereka dilindungi dari segala cabaran dan mungkin menghalang kemajuan mereka. Saya percaya, dengan sokongan berterusan, JPKK terutamanya di DUN saya akan terus maju berkembang dan menjadi contoh tauladan dalam pembangunan komuniti. Terima kasih di atas segala usaha dan dedikasi yang telah diberikan. Dan tahniah sekali lagi dan saya mengharapkan kita semua terus maju bersama untuk membangunkan negara ini.

Saya nak tutup dah Dato' *Speaker.* Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang bertemakan "Bersama Membina Negeri Madani" adalah satu langkah strategik dalam memajukan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan. Tema ini bukan sahaja mencerminkan semangat perpaduan yang kukuh antara rakyat dan kerajaan tetapi juga komitmen kita untuk mencapai kemakmuran yang lebih adil dan inklusif. Dalam kawasan Juasseh, saya melihat belanjawan ini sebagai peluang yang amat berharga dengan pelaksanaan inisiatif pertanian khususnya projek tanaman kelapa dan pengurusan tanah terbiar, kita akan dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Projek ini juga akan memberi peluang kepada penduduk kampung untuk menceburi sektor pertatnian dengan lebih berdaya saing sekaligus, sekaligus memberi impak positif kepada ekonomi kita.

Justeru itu, sebagai wakil rakyat Juasseh, saya ingin mengajak semua pihak terutamanya penjawat awam, pemimpin-pemimpin masyarakat, JPKK dan komuniti untuk berganding bahu bersama-sama merealisasikan segala inisiatif ini. Kita perlu bekerjasama sebagai satu pasukan untuk membina sebuah Negeri Sembilan yang lebih sejahtera, makmur dan mampan. Dalam semangat perpaduan dan kerjasama Kerajaan PH dan Kerajaan BN ini, saya percaya bahawa kita semua dapat menyumbangkan kepada kejayaan besar ini. Dengan sokongan dan penuh daripada kerajaan, rakyat dan semua pihak berkepentingan kita pasti dapat membina sebuah negeri yang lebih maju, berdaya saing dan berharmoni. Dengan itu, saya menyokong penuh Belanjawan Negeri Sembilan 2025 dan menyeru agar semua usaha ini dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi demi masa depan yang lebih cerah untuk negeri kita. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Juasseh. Dewan mesyuarat akan berehat sebentar, dan kita akan sambung perbahasan pada 2:30 ya. Jam 2:30. Jadi, dewan, Mesyuarat Dewan ditangguh.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:07 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2:40 petang]

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih lagi di dalam perbahasan belanjawan. Jadi kita sambung dengan saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco Kanan, ahli-ahli Exco, rakan-rakan ADUN, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan pentadbiran negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar; Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun atas kejayaan membentangkan Belanjawan 2025 Negeri Sembilan. Belanjawan ini sekali lagi mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap dasar berteraskan kepentingan rakyat. Belanjawan 2025 yang berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia 590.0 juta walaupun bukan satu jumlah yang besar berbanding negeri-negeri lain tetapi kita bukan setakat meneruskan 43 inisiatif sedia ada malah mampu kita tambah lagi 23 inisiatif baru untuk memanfaatkan rakyat Negeri Sembilan. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan mampu mengurus kewangan negeri dengan baik dan cekap.

Dato' Yang Dipertua, mewakili warga Chuah, ingin saya mengetengahkan berapa isu penting dan cadangan dalam perbahasan saya. Dalam pemerkasaan komuniti, satu program baharu telah ditambah iaitu Program Pencahayaan Kampung. Saya menyambut baik perlaksanaan program ini yang bertujuan meningkatkan kemudahan pencahayaan di kawasan luar bandar sekaligus memperkukuh keselamatan komuniti dan jalan raya. Namun begitu, dalam usaha meningkatkan pencahayaan di kampung, kita tidak boleh mengabaikan keadaan fizikal jalan yang menuju ke kawasan kampung. Sebagai contoh, di Chuah, Jalan Sepang – Lukut sebab, seba apa ni, sebatang jalan Persekutuan yang merupakan laluan utama kenderaan dari luar menuju ke kampung-kampung di Chuah seperti Kampung Baru Site A, Kampung Pachitan, Kampung India dan banyak lagi kampung. Walaupun kemudahan pencahayaan di kampung ditambah, bertambah baik tetapi laluan utama masuk ke kampung masih gelap gelita. Yang lebih membimbangkan, Dato' Yang Dipertua, sepanjang jalan Sepang – Lukut terdapat banyak simpang yang, ada yang masuk sekolah, masuk ke balai

polis, masuk ke perumahan, masuk ke kuarters yakni pekerja di dalam apa ni, SD Guthrie dan juga terdapat banyak selekoh tajam serta cerun yang pernah terjadi tanah runtuh yang akan membahayakan pengguna jalan raya. Oleh itu saya ingin menyeru pihak Jabatan Kerja Raya iaitu JKR khususnya Unit Elektrik supaya segera menangani isu ini. Penambahan pencahayaan di laluan tersebut sangat penting demi untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya tersebut.

Dato' Yang Dipertua, Rumah Harapan Rakyat merupakan satu program yang mendapat sambutan positif daripada rakyat kerana ianya dapat membantu lebih ramai keluarga B40 merealisasikan impian memiliki rumah sendiri. Namun Kerajaan Negeri juga perlu memberi perhatian terhadap isu kekurangan perumahan di kawasan kampung. Saya berharap kerajaan dapat merancang pembesaran kawasan kampung tradisi serta kawasan kampung baru supaya ada kawasan tambahan yang dapat membina lebih banyak Rumah Mampu Milik dan memastikan generasi muda di luar bandar berpeluang memiliki kediaman sendiri.

Di samping itu, saya berasa terpanggil berhubung skim Program Perumahan Rakyat iaitu PPR di Chuah. Iaitu PPR Tanah Merah yang juga telah dibangkitkan oleh Sri Tanjung semalam. Dato' Yang Dipertua, projek ataupun skim projek Program Perumahan Rakyat di Tanah Merah sebenarnya sudah lama terbengkalai dan akhirnya telah siap dibina pada tahun lalu. Tetapi disebabkan terdapat bantahan terhadap senarai nama peserta, tawaran PPR tersebut telah diberhentikan dan rumah PPR tersebut telah terbiar lebih setahun. Saya khuatir sekiranya rumah PPR tersebut dibiarkan kosong dalam masa yang lama, sudah tentu akan menyebabkan kecurian barang-barang yang bernilai dan kerosakan kepada struktur rumah-rumah tersebut. Pada masa yang sama pula, ramai peserta yang memerlukan rumah terus menunggu dengan penuh harapan. Oleh itu, saya berharap pihak berkenaan mengambil langkah segera untuk menyele, menyelesaikan masalah ini dan menawarkan rumah-rumah tersebut kepada peserta yang memerlukan.

Dato' Yang Dipertua, su, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Sukan Negeri Sembilan dan juga Exco Belia Dan Sukan yang telah menghantar satu pasukan berpotensi bagi menyertai Sukan Malaysia ataupun SUKMA 2024 pada bulan Ogos yang lalu. Walaupun Negeri Sembilan hanya mencapai keputusan sederhana tetapi kita telah mengalih, melahirkan seorang atlet wanita cemerlang iaitu Gan Chen Jie yang meraih 7 pingat emas termasuk 2 rekod baharu dan dianugerahkan gelaran Atlet Wanita Terbaik SUKMA 2024. Pencapaian ini membuktikan potensi Negeri Sembilan dalam melahirkan atlet

bertaraf tinggi. Saya percaya pemenang pembangunan sukan negeri harus memberi fokus kepada acara-acara yang mempunyai potensi tinggi untuk memenangi pingat seperti menembak dan sebagainya demi meraih kejayaan yang lebih cemerlang dalam temasya SUKMA akan datang. Bagaimanapun sukan merupakan satu bidang yang memerlukan sumber kewangan yang besar dan dengan peruntukan yang ada dalam bajet sememangnya tidak cukup. Kita boleh lihat di peringkat antarabangsa, negara-negara yang cemerlang dalam bidang sukan sering bergantung kepada kerjasama dengan syarikat swasta di mana penajaan oleh syarikat swasta memainkan peranan penting dalam melahirkan atlet bertaraf dunia. Oleh itu, saya menyeru Majlis Sukan Negeri Sembilan untuk melibatkan lebih banyak syarikat swasta dalam Negeri Sembilan bagi menaja atau mengambil sukan-sukan tertentu sebagai pasukan angkat kepada syarikat mereka. Ini termasuk memanfaatkan sumber tanggungjawab sosial korporat ataupun CSR untuk memacu pembangunan sukan negeri. Sebagai contoh sebuah syarikat terkenal di Negeri Sembilan, saya tak tidak sebut nama syarikat tersebut di Dewan inilah, tapi saya rasa Palong tahu syarikat tu. Syarikat tersebut telah lama menaja pasukan bola keranjang Negeri Sembilan. Dengan adanya sokongan daripada syarikat swasta tersebut Negeri Sembilan telah melahirkan ramai atlet berbakat sukan dalam sukan bola keranjang serta menjadi bola keranjang lelaki Negeri Sembilan sebagai pasukan pertama dalam sejarah Malaysia yang menjuarai Piala Agung ataupun Kejohanan Kebangsaan sebanyak 7 kali berturut-turut. Sementara itu, pasukan bola keranjang wanita Negeri Sembilan pula menjuai, menjuarai kejohanan tersebut sebanyak 4 kali berturut-turut. Kejayaan ini jelas menunjukkan bahawa kerjasama baik antara kerajaan dan swasta mampu meningkatkan pembangunan sukan negeri ke tahap yang lebih tinggi.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan kelestarian alam sekitar. Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak ringgit Malaysia 1.0 juta pada tahun hadapan untuk kelestarian alam sekitar. Program seperti Kempen Larangan Penggunaan Beg Plastik Sekali Guna, penguatkuasaan dalam hutan simpanan kekal adalah satu langkah yang sangat penting dalam usaha kita memelihara alam sekitar kita. Namun kita juga harus memberikan perhatian yang lebih serius terhadap pengurusan sisa industri terutamanya dengan pembangunan pesat serta industri di Negeri Sembilan. Isu ini berpotensi membawa ancaman besar kepada alam sekitar jika tidak ditangani dengan rapi. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Alam Sekitar, buat masa ini adakah kita mempunyai satu mekanisme kawalan yang lengkap untuk mengawasi penggunaan bahan kimia di kilang-kilang seperti kilang-kilang tersebut diwajibkan berdaftar dan juga kuantiti kegunaan, manakah tempat pelupusan dan sebagainya. Dan juga kena mengenal

pasti kilang-kilang yang haram yang tidak berdaftar dan mengambil tindakan yang lebih apa ni, keras terhadap apa ni, kilang-kilang haram tersebut. Sebagai contoh, di Chuah, dalam tempoh setahun ni telah berlaku 3 insiden pembuangan sisa industri berbahaya seperti yang jawapan daripada Exco pagi tadi, di Negeri Sembilan hanya 6 saja insiden sebegini 3 berlaku di Chuah. Maknanya sangat berlakunya sangat ini kejadian yang sangat kerap berlaku di di di Chuah. Kes-kes ini telah menyebabkan pencemaran serius terhadap sungai, tanah dan udara. Malangnya, walaupun siasatan telah dijalankan dalam satu tempoh masa yang panjang tetapi pihak berkuasa masih gagal mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab. Oleh tu, saya menyeru pihak berkuasa untuk memperketatkan kawalan ke atas pengurusan sisa industri dan mencadangkan kerjasama lebih rapat dengan pihak polis ini adalah kerana berdasarkan pemerhatian aktiviti pembuangan haram ini sering melibatkan kumpulan gengster. Jika isu pembuangan haram ini tidak ditangani dengan tegas ia boleh mengancam kelestarian alam sekitar, kesihatan dan keselamatan penduduk setempat.

Dato' Yang Dipertua, tentang isu tanah perkuburan. Isu ini adalah satu perbincangan hangat di Chuah. Dalam sidang Dewan sebelum ini, saya telah membangkitkan isu mendesak, berkaitan kekurangan tanah perkuburan di Chuah termasuk tiga-tiga kaum di Chuah iaitu Melayu, Cina dan India. Keadaan, keadaan menjadi lebih kritikal apabila di perkuburan Cina dan perkuburan India, terdapat kematian yang telah dikebumikan di dalam tanah bersebelahan milik persendirian. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sebelum ini memaklumkan bahawa kekangan bajet antara faktor utama mengha, halangan kepada proses pengambilan tanah tersebut. Oleh itu, saya menggesa Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah segera dengan mendahulukan pengambilan tanah di bahagian yang telah digunakan sebagai tanah kawasan pengebumian ketika ini dan bukan keseluruhan lot tanah yang terlibat. Saya percaya dengan cara ini kos yang diperlukan untuk pengambilan tanah adalah minimum dan berada dalam kemampuan Kerajaan Negeri. Isu ini perlu diselesaikan segera bagi mengelakkan sebarang konflik di masa depan dan memastikan kesejahteraan masyarakat setempat tidak terjejas. Keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menangani perkara ini akan mencerminkan komitmen terhadap keharmonian masyarakat pelbagai kaum di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, setrus, seterusnya tentang perkhidmatan bekalan air. Saya ingin merakamkan penghargaan dan pujian kepada Syarikat Air Negeri Sembilan iaitu SAINS. Ketika kawasan Chuah menghadapi masalah bekalan air sebelum ini, SAINS telah mengambil langkah berkesan memulihkan bekalan air kembali stabil dalam sepanjang 3 bulan yang lalu ini. Dan saya berharap SAINS dapat teruskan, terus

mengekalkan kecekapan dan sikap proaktif ini supaya tidak mengulangi masalah ataupun kelemahan sebelum ini. Sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri, prestasi SAINS memberi kesan langsung terhadap imej Kerajaan Negeri. Penambahbaikan perkhidmatan bekalan air bukan sahaja meningkatkan keyakinan rakyat tetapi juga menyumbang kepada sokongan terhadap kerajaan. Selain itu peningkatan mutu perkhidmatan oleh SAINS turut berpotensi menjana pendapatan tambahan untuk Kerajaan Negeri. Pendapatan ini boleh digunakan untuk meningkatkan lagi peruntukan belanjawan dan melaksanakan lebih banyak inisiatif demi kesejahteraan rakyat.

Tentang aspirasi perpaduan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai janji pilihan raya secara berperingkat pada tahun ini, merangkumi manfaat kepada bayi yang baru lahir, pelajar dan belia, mahasiswa, bantuan perkahwinan, serta warga emas. Inisiatif-inisiatif ini telah dapat sambutan yang, dan sokongan yang sangat positif daripada rakyat. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri dalam meneruskan inisiatif-inisiatif rakyat ini pada tahun hadapan. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat tapi juga memperkukuhkan keyakinan dan sokongan mereka terhadap Kerajaan Perpaduan. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ahli-ahli Exco serta ketua-ketua jabatan dan kakitangan yang, kerajaan terlibat.

Dato' Yang Dipertua,

Negeri Sembilan harapan gemilang
Inisiatif ditambah rakyat terbela
Aspirasi perpaduan langkah cemerlang
Sejahtera bersama muafakat semua.

Bagi mengakhiri ucapan, saya dengan ini menyokong Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 22 November 2024. Sekian, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Chuah. Saya menjemput Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Salam sejahtera, dan Salam Madani, Yang Amat Berhormat Sikamat, Yang Berhormat Exco-Exco, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Saya ingin ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua memberi peluang saya untuk membahas Rang Undang-Undang Pembekalan (2025) pada sidang

Dewan ni. Tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah membentangkan satu belanjawan yang berimbang pada tahun hadapan 2025. Saya tengok dalam pembentangan belanjawan ni dapat nampak Kerajaan Negeri dapat menjaga semua lapisan masyarakat selain menjana hasil Kerajaan Negeri tapi saya nampak kebajikan rakyat, rakyat dapat dijaga dengan baik. Bagi pandangan Lukut, adalah tanggungjawab asas Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat dapat hidup dengan senang, dapat cari rezeki di tanah air yang kita sayangi ini. Kerajaan Negeri kena menyediakan kemudahan ataupun infrastruktur masyarakat dengan secara teratur, terancang dengan baik untuk kegunaan rakyat jelata. Tapi yang amat penting apa-apa kenaikan cukai ataupun *fee,* dia tidak membebankan hidup kepada rakyat jelata. Dato' Yang Dipertua, memang tidak dinafikan keadaan ekonomi dunia sekarang yang begitu mencabar ini dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk, lagi berat lagi untuk memastikan rakyat jelata di Negeri Sembilan dapat menikmati asas kehidupan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Dato' Yang Dipertua, dan kami nampak, kami rasa Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang begitu tungkus lumus mencari peluang pelaburan ke luar negara, dapatkan pelabur, jumpa mereka untuk mencapai nilai pelaburan kepada negeri kita yang kita sayangi. Tapi bagi *backbencher*, seperti saya dan rakan-rakan seperti yang tadi sebut kita sedia untuk bantu Kerajaan Negeri untuk pergi cari pelabur jugak untuk datang ke Negeri Sembilan. Kita sendiri bayar apa tiket kapal terbang pun tak apa. Kita bantu, tak ada masalah. Janji bawa kita pergi. Boleh? Kan? Kita sama-sama menjana ekonomi untuk negeri. Kita sama-sama untuk naikkan nilai pelaburan yang ada dekat negeri kita. Saya boleh, saya boleh tengok dari tahun 2021 jumlah pelaburan 5.76 bilion naik dari kepada tahun 2022 – 8.9 bilion. Tahun 2023 kita mencapai 10.1 bilion. Tapi kalau kita sama-sama satu *backbencher* kita pergi bantu Kerajaan Negeri, saya rasa 20.0 bilion tak ada masalah untuk tahun ni ataupun tahun depan. Betul?

Dato' Yang Dipertua, untuk kita apa-apa inisiatif ataupun kerja-kerja yang kita rancang untuk bantu rakyat, untuk menjana ekonomi negeri, saya rasa kita kena meletakkan satu *threshold point* untuk anggaran belanja pembangunan. Saya nampak tahun 2023 dalam belanjawan yang dibentangkan, belanja kita, kita unjuran belanjaan belanja kita 550.0 juta. Dia mengambil bahagian 23.6% daripada jumlah perbelanjaan kita. Tahun 2024 sebanyak 25.2% daripada jumlah belanja yang kita unjurkan. Tapi tahun 2025, tahun depan, kita jatuh bali, hanya 22.89% dari sahaja daripada jumlah belanja 590.0 juta. Saya rasa apa yang kita nak rasa, rakyat kita rasa, rakyat boleh nampak, rakyat boleh sentuh ialah belanjawan belanja pembangunan ni. Kita

kena letak satu *threshold* yang di mana satu ambang, di mana 30% daripada jumlah belanja anggaran belanjawan ni untuk digunakan kepada rakyat supaya rakyat dapat rasa. Saya mohon pada masa depan nanti Kerajaan Negeri bolehlah terima cadangan saya supaya letak 30% sebagai *threshold point* dengan izin.

Dato' Yang Dipertua, untuk dalam singkatan ataupun kertas kecil ini, saya nampak tahun lepas kita dalam pemerkasaan belia, wanita dan sukan, kita ada letak 1.5 juta untuk kita memperkasakan wanita dalam negeri, untuk *upskill* kan wanita kita dalam negeri, untuk memperkasakan wanita kita. Tapi tahun ni saya tak nampak yang 1.5 juta ini tak ada nampaklah dekat dalam apa, kertas kecil ini. Okey. Saya harap okey, supaya kita, wanita kita lebih berdaya saing, supaya wanita kira boleh berkeyakinan semasa berdepan dengan apa, suasana cari kerja yang susah ini, *upskill* mereka. Kita perlukan wang ini untuk bantu mereka untuk memperkasakan mereka.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa dalam, saya ada semak dengan jawapan bertulis daripada Exco, pembahagian untuk apa, PH GEM ataupun ERAT@Negeri Sembilan, 2 benda ni, saya rasa pembahagian untuk semua DUN perlu diadakan. Saya ada nampak PH GEM pada pada penggunaan pada tahun ini tertumpu pada satu-satu DUN saja. Jumlah keseluruhan hampir 50% kita tumpu pada satu DUN saja. Tapi saya harap pada apa, pada masa akan datang tahun depan, semua DUN boleh dapat. Baik pun PH GEM, baik pun dalam ERAT@Negeri Sembilan. Okey, terima kasih.

Lepas tu, inflasi, Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan. Tahun lepas kalau saya banding kita ada 8 inisiatif dekat dalam. Tahun ini kita kurang 1. Kita kurang *food bank* 200K. Saya harap Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan sebab *food bank, food bank* ni penting juga untuk kita membantu rakyat *B40* dan miskin dekat negeri kita. Masuk balik 200k untuk *food bank* kita dalam Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan. Okey.

Dan saya menyambut baik Kerajaan Negeri dapat menghargai jugak usaha-usaha penjawat awam negeri dengan memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak 2 bulan gaji kepada penjawat awam kita. Saya nak tahniah, sebab kita menghargai apa jasa yang dicurahkan oleh penjawat awam. Dan saya rasa ini merupakan satu suntikan semangat yang baik kepada penjawat awam kita supaya kita kena bertungkus lumus, bertungkus lumus, kita kena buat kerja lebih, lebih baik pada masa hadapan. Kalau mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau dia rasa mungkin tahun depan kalau kita buat dengan baik, 2bulan setengah mungkin boleh dapat ke. Kan? Kita sama-sama. Baik YB, baik

ketua jabatan, baik semua penjawat awam kita sama-sama kita membangunkan Negeri Sembilan yang kita sayangi ini.
Dato' Yang Dipertua, saya ingin jugak membawa isu-isu dekat kawasan dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama sekali, pada minggu lepas atau 2 minggu lepas, saya ada terima aduan daripada tokong di mana sekian tahun ni mereka ada memohon lesen hiburan, lesen tempat hiburan semasa mereka menjalankan aktiviti tahunan tokong. Mereka ada memohon lesen tempat hiburan di kawasan, di di di MPPD. Tapi tiba-tiba tahun ini bayaran dia, caj dia, naik mendadak. Ada yang dari 95.00 ringgit setahun. Sebelum ini setiap tahun 95.00 ringgit. Tapi tahun ni dia lompat sampai 2,590.00 ringgit. Tapi lepas rayu, cakap balik, rayu, dia turun balik 910.00 ringgit. Ada yang tokong, raya tahun ini, 3, tahun sebelum sebelum ini, 305.00 ringgit sahaja bayaran dekat Chuah, tokong dekat chuah. Tahun ini dikenakan 1,865.00 ringgit. Saya rasa ini YB tak tahu, saya rasa YDP pun tak tahu kot kenaikan harga ini, yang caj pada apa, pemohon-pemohon tokong ini. Saya rasa ini saya telah maklum pada Nilai untuk dibawa, dibincang dekat MMK. Saya ucap terima kasih kepada Nilai dengan mengambil mengambil tindakan yang begitu pantas, telah meluluskan ataupun telah menerima kelulusan dekat MMK supaya pada tahun, tahun depan, semua permohonan dekat tokong, kuil, gereja, NGO yang menjalankan aktiviti sembahyang tahunan ni ataupun dekat-dekat tokong tu disatukan hanya 50.00 ringgit saja. Ini saya kena beri kredit kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil tindakan yang begitu pantas untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih. Okey.

Seterus ni saya ingin juga membawa isu lampu hiasan semasa hari perayaan. Kita faham pada hari perayaan, semua orang rasa nak nak nak merayakan. Pelancong datang ke Port Dickson, okey, kalau pergi sesuatu tempat pelancongan, kita nak tengok lampu-lampu yang hiasan yang begitu cantik. Tapi saya rasa lampu-lampu yang baru-baru ini saya nampak Deepavali dekat Lukut saja hanya gantung berapa biji saja itu apa lampu hiasan untuk Deepavali. Kesian betul. Saya rasa ini adalah penting. Imej pertama, tangkapan pertama pelancong masuk ke sesuatu kawasan pelancongan. Ini imej negeri. Kita perlukan melabur *something* untuk apa, imej ini. Pelancong datang. Lampu kita buatlah cantik sikit. Letaklah bajet tahun depan lebih sikit untuk pasang lampu. Ini perayaan perayaan rakyat kita. Kita kena bantu untuk mereka untuk memeriahkan lagi betul tak? Okey. Dato' Yang Dipertua, saya harap tahun depan kita boleh PBT, semua PBT lah, bukan MPPD saja, tapi semua PBT boleh tambah lagi bajet untuk lampu-lampu hiasan untuk hari-hari perayaan kita. Okey.

Dato' Yang Dipertua, semalam saja saya ada bincang dengan seorang *uncle* yang dia tanam pisang. YB, banyak susah sekarang. Dia kata:

banyak susah. Saya tanya: *uncle* kenapa, kenapa susah? Dia kata: YB, saya tahun, awal tahun ni saya tanam pisang, masa itu harga sekilo pisang keluar kebun RM3.50. Okeylah, I cakap, *uncle* harga bagus. Tapi YB, sekarang harga baru berapa *you* tahu tak YB? RM1.20 harga keluar kebun. Aik, nampak harga yang tidak menentu arah, harga yang tidak tetap ni akan menyusahkan petani kita. Bila dia nampak harga tinggi, dia pergi tanam. Tapi bila hasil nak keluar tu, harga tak dijaga, harga jatuh mendadak. Saya tak tahulah. Mungkin orang tengah yang yang potong harga ke ataupun faktor-faktor yang telah menyebabkan harga pisang jatuh. *So* ini ini merupakan salah satu struktur hasil pertanian. Saya rasa saya perlu bantuan daripada FAMA, mungkin Jabatan Pertanian untuk memantau harga-harga keluar kebun supaya menjaga petani kita. Supaya mereka boleh mendapat hasil yang yang seperti yang dijangkakan. Bukan sudah tanam, kena macam sudah kena rugi pula setengah tahun nak tunggu pisang nak besar. Okey.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin membawa isu lampu jalan yang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Dan memang jalan dari persimpangan Rantau-Siliau ke persimbangan dari Rantau-Siliau ke sebelah Seremban, persimpangan tu dari sana pergi ke Mambau. Sepanjang jalan itu memang banyak tempat yang tak ada lampu. Dan saya dimaklumkan oleh JKR telah memohon sebanyak 700K kepada Pusat untuk mendapat kelulusan. Dan saya bawa isu, saya terima kasih kepada JKR sebab dia ambil maklum dan rasa dia penting untuk keselamatan jalan raya, pengguna jalan raya.

Dato' Yang Dipertua, Yang Dipertua, dalam tangan saya ada satu fakta, 2 bulan ini, ini bukan saya cakap, statistik punca kemalangan jalan raya disebabkan langgar atau mengelak binatang. 2 bulan 24 kes yang langgar binatang, *accident* sebab mungkin salah satu faktor dia, tak ada lampu. Ini penting dan 24 kes ni separuhnya langgar lembu. Saya rasa keselamatan jalan raya memang penting untuk kita, kita hanya pasang lampu saja. Kita boleh, saya rasa boleh kurang separuh daripada keselamatan apa, kemalangan yang berlaku. Dan saya harap ini dapat boleh dapat kelulusan daripada Pusat untuk bantu bukan saya sahaja tapi semua permintaan YB. Di mana nak letak lampu itu letaklah. Okey.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga membawa isu yang dibawa oleh JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Port Dickson. Saya terima, bukan terimalah, saya saya ada kunjung hormat dengan mereka dan satu saja benda kecil yang saya rasa Kerajaan Negeri boleh bantu ataupun Exco berkenaan boleh bantu, okey, jabatan Kerajaan Negeri. Van yang dipakai telah uzur, 18 tahun sudah tak boleh pakai. Kadang dia nak bawa apa, dia punya *client,* dia perlu pinjam kereta van daripada Pejabat Daerah. Saya rasa Exco kalau boleh bantu itu, bantulah Jabatan

Kebajikan Port Dickson. Sama juga MPPD boleh bantu sebab mereka kata penjawat awam kena bayar itu apa *parking* kereta dekat depan apa Pejabat Daerah, Pejabat Kebajikan, Jabatan Kebajikan. Kena bayar. Kalau tak bayar kena saman. Inilah yang diperlukan oleh pegawai dekat sana. Saya, saya sokong untuk bantu mereka. Memang patut dibantu. Okey.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga membawa satu lagi isu dekat Taman Indah Jaya, Lukut. Di mana dewan orang ramai yang tidak diselenggara dengan baik. Dan saya rasa tahun 2018 pernah sekali telah diselenggara tapi kebetulan minggu lepas saya lalu sana, saya nampak dewan itu macam kena kena kena, tak tahulah. Pagar dah hilang, pintu dah dipecah, pintu pun kena curi, macam tak ada orang jaga. Saya rasa ini adalah tanggungjawab PBT ataupun kalau PBT tak nak jawab jaga, lantiklah persatuan dekat sana untuk jaga. Kalau tidak, kita melaburkan, kita habiskan wang banyak-banyak untuk buat apa? Untuk membaiki, baik pulih sesebuah dewan itu kalau tak dijaga dengan baik, haa begitulah. Akan menjadi. Dewan di di belangkalaikan tak ada orang jaga. Saya rasa bayar isu lain ini macam ini berlaku dekat kawasan tempat-tempat lain. Kita ada dewan yang cantik, kita ada dewan yang mewah, tapi kita kena buat *maintenance* dengan izinnya, dengan cara berkala dengan betul. Okey.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin membawa satu isu aa dekat Kampung Sungai Sendayan, isu sampah di mana tak ada, tak ada tong sampah untuk kampung ini. Saya difahamkan tahun 2019 Kerajaan Negeri telah membawa satu usul di mana untuk pewartaan kawasan perkhidmatan PBT untuk diperluaskan di Chuah, di kawasan Lukut, supaya perkhidmatan ambil sampah boleh di di dijalankan di kawasan tersebut. Saya nak tahu apa status sekarang dah diwarta ke belum supaya PBT boleh letak tong sampah untuk orang kampung letak sampah. Bukan dibakar secara terbuka, letak sampah dekat tepi jalan, pelancong datang pun tengok, pusing. Sampai dekat tepi jalan. Saya rasa ini kena dipercepatkan. Okey.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat,…. ringkaskan

YB ADUN Lukut: ….. yang saya ingin membawa. Saya percepatkan, terima kasih. Saya pinjam Chuah 5 minit haa, tadi dia tak guna habis. Okey. Dato' Dipertua, bagi saya peluang. Sikit saja. Sikit lagi. Okey. Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga mengutarakan satu isu di mana permohonan untuk pelebaran jalan masuk ke Sekolah Jimah Baru yang di mana saya sudah mohon lama, di mana sekolah itu melebihi 1,000

lebih pelajar. Masa naik sekolah dan lepas sekolah jalan sempit nak masuk kampung itu tak belum lagi ada perkembangan. Saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi satu jawapan kepada saya apa status sekarang untuk apa, permohonan pelebaran jalan tu. Okey.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin membawa isu semasa, ini isu keselamatan jalan jugak. Semasa kita berhenti dekat persimpangan, di Seremban, di mana-mana pun, kita ada nampak orang yang menjual jeruk dekat tepi jalan. Saya saya bukan nak nak nak apa, usik rezeki mereka. Tapi saya lebih khuatir keselamatan mereka semasa jual. Motosikal datang dengan cepat, dia orang tak nampak dia orang nak nak nak *sales* saja, buat buat apa, perniagaan saja. Ini yang membimbangkan saya. Saya rasa adakah kita nak bagi lesen pada mereka ataupun tidak? Cakap. Ada kata kita kita nak membenarkan mereka jual dekat persimpangan. Kita kena ada satu dasar ataupun satu benda, satu kawalan kepada mereka. Saya rasa ini penting untuk bukan nak ganggu mata pencarian rezeki mereka, tapi untuk lebih kepada keselamatan mereka.

Dato' Yang Dipertua 2-3 lagi isu okey. Dato' Yang Dipertua, satu lagi penternakan dekat Kampung Sungai Sendayan juga. Saya terima keluhan, Deepavali semasa mereka datang balik ke kampung untuk apa untuk perayaan Deepavali. Masa mereka makan dekat famili, lalat pula nak campur sekali. Sebab dekat kampung itu, penternakan lembu, penternakan ayam tak di dikawal, tak di di di di dijaga dengan baik. Masa, masa mereka datang balik, mereka kata isu ini telah lama, telah dibawa ke Jabatan Alam Sekitar. Tapi sehingga hari ini belum lagi ada tindakan daripada mana-mana jabatan untuk bantu mereka. Sebab dia kata YB, dah lamalah kita makan bersama dengan lalat ini. Okey.

Dato' Yang Dipertua, kita faham kita, ini saya saya .....

YB Yang Dipertua Dewan: YB ringkasan YB.

YB ADUN Lukut: Satu saja. Satu saja, boleh?

YB Yang Dipertua Dewan: Cepat.

YB ADUN Lukut: Okey. Dato' Yang Dipertua, saya harap, saya sokong dengan YB-YB lainlah okey, penerangan gaji dan insentif untuk ahli Majlis, dengan ketua JPKK, dengan Setiausaha JPKK perlu dilakukan selari dengan apa, gaji minimum yang di di di di dicadangkan oleh kementerian supaya gaji mereka jangan jauh banyak sangat. Kena dekat untuk, untuk mereka cari rezekilah. Sebab kalau ketua kampung hanya 900.00 ringgit, memang tak dapat cari makan. Okey. Dato' Yang

Dipertua saya dengan ini sama-samalah kita bersama membina negeri Madani dan saya Lukut memohon untuk sokong bajet yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Yang Berhormat Lukut. Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada persidangan belanjawan kali ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada pimpinan Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Exco Kanan, barisan Exco, ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan dan semua penjawat awam di negeri ini kerana semua pihak telah menjalankan tugas masing-masing dengan baik sekali demi menjaga kesejahteraan masyarakat di negeri ini. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah banyak menjalankan pelbagai program, pelbagai inisiatif untuk menjaga rakyat di negeri ini. Pelaburan Negeri Sembilan juga semakin bertambah berbanding dengan tahun-tahun lepas. dan saya yakin pada tahun depan pembangunan di Negeri Sembilan akan lebih pesat untuk tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Dipertua Dewan, saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan beberapa permohonan saya di kawasan DUN Temiang untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan Temiang. Contohnya di di Taman Sri Pulai 3 telah diluluskan membina sebuah balai raya baru tak akan disiapkan bulan depanlah. Yang kedua adalah berkenaan projek tempatan, tebatan banjir di Sungai Temiang di kawasan Temiang yang kosnya lebih kurang 900 ribu. Permohonan ini juga diluluskan dan projek akan dijalankan pada bulan depanlah. Dan dijangka adanya usaha projek ini masalah banjir kilat di kawasan Temiang boleh dikurangkan. Jadi saya terima kasih kepada Kerajaan Negeri demi mencadangkan banyak program kemasyarakatan di kawasan Temiang ini. Jadi saya faham Kerajaan Negeri memang amat mementingkan dan berusaha menaik taraf kemudahan-kemudahan alam di semua Kawasan di negeri ini.

Tapi di kawasan Temiang, Dato' Yang Dipertua Dewan, walaupun dia dekat dengan bandar, tetapi kemudahannya masih jauh berban, jauh ketinggalanlah berbanding dengan kawasan lain. Contohnya di kawasan Sri Pulai 3, walaupun tadi sebuah balai raya baru telah dibina tetapi mereka kekurangan sebuah gelanggang futsal di mana golongan belia di kawasan tersebut perlu ke tempat lain untuk bermain futsal.

Jadi mereka amat berharap Kerajaan Negeri boleh membina sebuah gelanggang futsal di Taman Seri Pulai 3 di mana tapaknya di sebelah Balai Raya Taman Seri Pulai 3 kerana tapak keluasan tanah tersebut amat luas dan sesuai serta strategik untuk golongan belia di kawasan tersebut.

Perkara kedua adalah berkenaan dan projek perumahan Taman Bukit Zamrud di mana saya tiada banyak kali menanyakan status perumahan ini yang dibina oleh pemaju perumahan Daya Maju Sdn. Bhd. di mana pemaju ini gagal membina rumah jenis 2 tingkat. Dia ada 2 perumahan, rumah satu jenis, rumah jenis satu tingkat dan rumah 2, rumah jenis 2 tingkat di mana rumah jenis satu tingkat telah siap dibina dan mereka penduduk pembeli-pembeli telah menduduki rumah tersebut. Tetapi untuk rumah-rumah jenis 2 tingkat ini masih belum dibina oleh pemaju ini. Dan pembeli-pembeli ini telah membeli rumah tersebut selama 20 tahun ke atas. Sehingga hari ini pemaju masih gagal menyiapkan rumah jenis 2 tingkat tersebut kepada pembeli-pembeli. Jadi kalau mengikut jawapan soalan, jawapan soalan saya pada persidangan Ogos yang lepas, di mana difahamkan pihak Bahagian Perumahan Negeri Sembilan telah mengadakan 2 kali mesyuarat penyelarasan bersama dengan tuan pemilik tanah dan wakil pemaju perumahan ini. Jadi saya nak tahu apakah status terkini, perkembangan dengan perlu pembinaan perumahan rumah jenis 2 tingkat ini kerana telah melebihi hampir 4 bulan.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya ada berkenaan dengan kekurangan rumah mampu milik di kawasan DUN Temiang ini. Kawasan Temiang memang sebuah pekan yang lama dan kurang pembangunan sejak dahulu lagi. Kebanyakan penduduknya juga ada daripada golongan yang berpendapatan rendah maka mereka amat berharap pihak Kerajaan Negeri boleh mendirikan perumahan Rumah Mampu Milik di kawasan DUN Temiang. Maka saya ingin bercadang kepada pihak Kerajaan Negeri agar dapat membina Rumah Mampu Milik di sebuah tanah yang di bawah penyeliaan pejabat SUK Negeri Sembilan. Iaitu sebidang tanah yang telah lama terbiar di depan apartmen Pegawai Kerajaan Negeri Sembilan, sebelum sampai ke Kampung Bukit Temiang. Tanah tersebut, tanah tersebut telah lama terbiar dan tiada apa-apa pembangunan sehingga hari ini. Maka saya berharap Kerajaan Negeri boleh membina Rumah Mampu Milik di kawasan tersebut, dan penduduk-penduduk Temiang harus diberi keutamaan sekiranya perumahan tersebut berjaya dijalankan.

Dato' Yang Dipertua, perkara seterusnya adalah berkenaan dengan pembinaan kolam takungan air di kawasan Temiang. Kawasan Temiang memang memerlukan sebuah kolam takungan air kerana kedalaman

kapasisi, kapasiti *U-drain concrete* Sungai Temiang iaitu daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chan Hwa, Temiang sehinggalah ke ke Sekolah Kebangsaan Temiang memang tidak mampu lagi menanggung kuantiti air hujan yang luar biasa pada masa sekarang. Pihak JPS pernah memaklumkan bahawa Jabatan Pengairan Malaysia sedang membuat kajian melalui 2 jenis kajian iaitu Pelan Induk Saliran Mesra Alam Daerah Seremban dan Kajian Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 5. Kajian ini sepatutnya telah disiap pada tahun lepas. Dan saya ingin tahu apakah status sekarang dan adakah cadangan membina kolam takungan air di Temiang ini di, boleh dilaksanakan melalui kajian tersebut ataupun tidak.

Perkara ketiga adalah berkenaan dengan, seperti yang dilaporkan dalam berita di mana terdapat 34 pengusaha hotel di Port Dickson yang masih perlu membuat sambungan ke sistem pembetungan awam seperti yang telah didedahkan oleh YB Exco tempoh hari yang lepas seperti yang kita ambil maklum Dato' Yang Dipertua, pantai Port Dickson adalah salah satu pantai yang tercantik di Malaysia. Maka pantai Port Dickson mestilah dijaga dengan baik sekali selaras selaras dengan hasras, hasrat kerajaan untuk menjadikan Port Dickson sebagai tem, tempat pelancongan. Maka saya nak tahu apakah jenis pembetungan yang diguna pakai oleh 34 pengusaha hotel ini? Adakah mereka lepaskan sisa kumbahan tersebut terus ke dalam sistem perparitan PBT ataupun ke sungai ataupun terus ke pantai? Ini bagi saya Dato' Yang Dipertua, adalah satu masalah yang sangat serius. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Mengapa, adakah mereka membina hotel-hotel tersebut mengikut KM yang dilulus, yang diluluskan oleh MPPD? Mengapa pihak IWK tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha sekian lama? Jadi saya berharap Kerajaan Negeri mengambil serius tentang perkara ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya adalah berkenaan dan permohonan saya untuk memasang lampu awam di kawasan perniagaan Jalan Seng Meng Lee, Temiang. Kawasan perniagaan tersebut adalah amat gelap pada waktu malam. Dan semua lampu-lampu adalah di bawah TNB dan hanya berada di sebelah kiri sahaja. Maka peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk setempat amat berharap boleh memasang atau menampung, menambah lampu awam di kawasan tersebut. Dan mengikut anggaran kos pemasangan oleh pihak MBS adalah hanya sekadar 200 ribu sahaja untuk memasang lebih kurang 20 tiang lampu solar di kawasan tersebut. Walaupun permohonan ini telah ditolak oleh pihak KPKT, tapi saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk meluluskan kewangan kepada pihak MBS supaya mereka boleh memasang lampu solar di kawasan tersebut pada tahun depan.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara se, perkara se, perkara seterusnya adalah berkenaan dengan perkhidmatan SAINS, berkenaan dengan tekanan air yang kurang, *low pressure*, dengan izin, pada waktu malam di Kampung Baru Rahang khasnya perumahan yang terletak di kawasan tinggi di kampung tersebut. Kebetulan saya adalah anak kampung tersebut dan ibu saya juga masih tinggal di sana dan setiap hari saya balik ke rumah, saya mandi, saya masak, dan amat menyedihkan Dato' Yang Dipertua Dewan, setiap kali saya balik, saya bukak itu pili, itu paip air memang sangat kurang. Sampai *water heater* pun tak boleh pakai. Jadi cuma dia punya masalah, pada waktu siang tekanan air tu okey, normal, seperti biasa. Tapi pada waktu malam memang amat kurang dan tak sampai, tak boleh dipakailah, boleh dikatakan. Jadi amat amat amat menyedihkan kita terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di bahagian yang tinggilah.

Jadi perkara ini saya telah membawa pengetahuan kepada pengurusan tertinggi SAINS tetapi yang mengecewakan saya adalah mereka hanya memaklum balas kepada saya bahawa penghuni, mereka mencadanglah penghuni-penghuni supaya meng, mengadakan tangki simpanan sendiri. Tanpa menyatakan apa-apa pelan tindakan untuk menukar keseluruhan paip yang pocor tersebut. Dato' Yang diper, Yang Dipertua paip-paip di Kampung Baru Rahang memang telah lama dan senang bocor, senang bocor. Jadi saya berharap SAINS perlu mengadakan satu pelan tindakan bagaimana untuk mengatasi masalah ini dan bukannya membiarkan masalah ini berterusan. Penduduk-penduduk menjadi mangsa. Tambahan pula Kerajaan Negeri telah membenarkan pihak SAINS menaikkan tarif di Negeri Sembilan. Jadi sepatutnya pihak SAINS kena proaktif, kena mengambil langkah proaktif untuk membantu dan bukan membiarlah masalah ini berlarutan. Masalah ini sejak dulu memang tak ada, kurang, tapi sejak tahun lepas, telah bertambah serius sehingga tahun ini. Pihak SAINS memang ada hantar wakil tetapi sehingga sekarang tidak menyelesaikan masalah. Jadi saya difahamkan pihak SAINS dia telah mengkurangkan tekanan air pada waktu malam supaya paip-paip lama tersebut tidak mudah bocor. Jadi perkara ini tidak, tindakan ini tidak menyelesaikan masalah dan membawa membawa penduduk-penduduk telah menjadi mangsa. Jadi saya berharap pihak SAINS perlu mengambil satu tindakan, pelan tindakan penukaran paip di Kampung Baru Rahang ataupun di Negeri Sembilan dan bukannya buat tak tahu saja.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya saya juga nak tanya tentang keahlian ADUN kawasan sebagai ahli dalam di Jawatankuasa Tanah Daerah masing-masing. Dulu saya pernah menghadiri mesyuarat ini, menerima jemputan untuk menghadiri mesyuarat

Jawatankuasa Tanah Daerah sebagai ahli. Tetapi saya tak tahu apa telah berlaku, saya dan rakan-rakan lain tidak lagi dijemput menghadiri ke mesyuarat ini. Jadi kita tak tahu apa yang, apa yang telah dibincang ataupun permohonan-permohonan tanah telah diluluskan dalam jawatankuasa ini. Contohnya di kawasan Temiang ada seorang bukannya orang Temiang, dari luar, dia telah berjaya memohon sebidang tanah di bawah LPS. Dan orang yang sama, orang tempatan, orang Temiang yang mohon tetapi ditolak. Jadi perkara-perkara ini telah menyebabkan saya sebagai ADUN di kawasan tersebut di dimarah oleh oleh orang tersebut. Pada pada padahal kita pun bukan ahli dan sepatutnya saya rasa dan saya cadang ahli-ahli perlu dijemput untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini supaya kita boleh memberi pandangan, memberi nasihat supaya orang-orang yang betul, orang-orang yang bersih ataupun orang yang yang asal daripada kawasan tersebut diberi keutamaan dan bukannya orang luar. Ini seperti yang kita telah menerima jemputan ke mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Jadi saya berharap praktis ini perlu di di sekalikan bersama.

Jadi Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya adalah peruntukan projek kecil, projek kecil-kecil iaitu P56. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh menambah peruntukan ini kepada ADUN-ADUN kerana harga barangan dan upah sekarang telah semakin hari semakin naik. Tetapi jumlah, tetapi dengan dengan jumlah peruntukan yang sama kita, kemampuan kita untuk mem, membantu mereka yang susah adalah amat *limit*, amat terhad. Jadi saya berharap peruntukan ini perlu ditambah supaya kita boleh membantu lebih rakyat, lebih banyak orang-orang yang memerlukannya.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga menyokong tadi cadangan ADUN Seremban Jaya dan ADUN lungkut, ADUN Lukut. Yang mana ADUN-ADUN *backbencher* sepatutnya diberikan peluang ke luar negara bersama-sama dengan Exco di mana ini adalah penting untuk kita sama-sama membangunkan negara, negeri yang kita cintai ini. Kita juga mempunyai rakan-rakan di bidang korporat yang berkebolehan, yang berpotensi untuk melabur di negeri kita. Jadi saya berharap negeri kita, kita ambil maklum kita amat dekat dengan KLIA, *Port Klang* dan kemudahan awam yang amat strategik. Jadi memang ramai pelabur yang minat dan sedia untuk melabur di Negeri Sembilan. Cuma kena adalah kerjasama daripada semua pihak termasuk Exco dan ADUN-ADUN. Jadi dengan ini saya menyokong Usul Belanjawan 2025. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Lobak, boleh? Yang Berhormat Lobak.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Dipertua. Lobak ucap tahniah bahawa kami nampak sejak Kerajaan Harapan kami dengan hasilan 400.0 juta sampai sekarang Kerajaan Perpaduan kami memang akan capai 600.0 juta. Tahun ni, 590. Pandangan saya dengan semangat Kerajaan Perpaduan ni dan bawah pimpinan Sikamat dan Exco sekali, nak capai atau nak teroposan 600.0 hasilan memang tak ada masalah, memang tak ada masalah. Okey. *So* tadi nampak ni ada satu ni, Laporan Ketua Audit Negara, nampak yang sini, Akaun Belum Terima, saya sini nak mohon yang penjelasan sikit bahawa yang Akaun Belum Terima nampak amat tinggi. Yang utama sekali ialah tunggakan Cukai Tanah. Hanya Seremban dan Port Dickson, jumlah dia lebih kurang 79.0 juta. *So* jikalau dengan strategi yang baik atau strategi yang cekap sekali, *so* jadi cukai ni tambah tahun akan datang capai 600.0 juta memang tak ada masalah. *So* kami harap, harap kerja-kerja atau yang PBT atau kerajaan tempatan, kami sebagai wakil rakyat pun sudah sedia kerjasama bahawa kutipan itu jikalau kerjasama dengan aduan, ADUN, kami boleh bercapai lagi Cukai Tanah, itulah kerja kita.

Kami boleh difahamkan kerana yang tuan tanah ini jikalau dia tak majukan atau tuan tanah ini, kami dimaklum bahawa ada tanah, memang orang kaya, *so* mengapa, mengapa kami tak akan satu strategi yang lagi kesan, lagi cekap supaya yang tunggakan ni tak akan tertunggak sampai yang lebih 10 tahun pun ada. Separuh yang hutang sampai lebih 10 tahun pun ada. *So* kami harap tindakan kena ada diadakan, mahukan masuk mahkamah. Kami harap ini akan dapat sokongan dari semua ADUN kerana yang tuan tanah itu, kalau ada tuan tanah itu tak maju, lagi pun menjadikan gangguan tempatan, semak samun, ataupun tertinggal jadi satu tempat wabak nyamuk denggi. *So* kami harap setiap PBT kerana selain Seremban dan PD, lainnya PBT cantik sekali, nampak sihat. *So* jadi yang Seremban dengan Port Dickson ni ada sikit sakit lah tu. Tapi kami sebagai ADUN ni sedia usaha sama. Bahawa yang masalah ni boleh diselesaikan dengan masa yang singkat. Satu tahun ke 2 tahun. Jangan dia sampai hutang tunggakan ni tinggi sangat.

Dato' Dipertua, selain itu Lobak sini akan mengucap tahniah dan terima kasih bahawa bawah bimbingan Sikamat, pemerkasaan komuniti iaitu penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah dan sederhana, yang tu swasta, kerana saya di Dewan ni selalu ada bersuarakan bahawa rumah pangsa-pangsa yang kos rendah dan harga, harga sen, sederhana ni menghadapi masalah yang macam-macam. Kami harap kerana yang golongan ni jikalau tak salah saya *100%* dengan izinnya, semua golongan *B40* kerana yang tinggal di rumah pangsa masalah ini bukan sekarang sahaja yang bukan tempoh 5 tahun atau 10 tahun lalu, dia

sudah lama. Sudah lama hadapi masalah itu. *So* nasib baik Kerajaan Perpaduan ini, bajet tahun ini, mengadakan peruntukan yang penyelenggaraan sebanyak 2.0 juta. Ini satu langkah yang nampak cekap dan kesan bahawa dapat meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam di rumah pangsa masing-masing.

Kerana skim di Negeri Sembilan ada sebanyak 282 skim di seluruh Negeri Sembilan. Erti nampaknya ramai orang duduk di rumah pangsa. Ramai orang duduk di *flat* tu dengan yang khasnya yang tadi, golongan *B40*. Yang Kerajaan Perpaduan ni selalu cakap ni, kami utamakan golongan *B40*, memang inilah masa dan tunjukkan semangat Kerajaan Perpaduan ni memang menjaga dan prihatian di golongan B40 sekarang ini. *So* kami harap dan tahniah kerana peruntukan sudah disalurkan. Tapi sini saya pun nak suara yang sama, yang pernah saya ulang-ulang lagi, kerana di rumah pangsa ni JMB atau MC dia pun sesak, seimbang sama ketua kampung atau ahli AJK kampung-kampung tradisional atau Kampung-Kampung Baru yang sama, tapi kampung tradisional dan kampung baru, AJK dia, ketua kampung atau setiausaha ada elaun. Tapi tapi yang JMB atau MC ni kerja mereka sama dengan ketua kampung. Kerja mereka sama jugak nak jaga masalah-masalah di rumah pangsa kos rendah atau kos sederhana itu. *So* jadi kerana masalah yang kutipan, kutipan, kutipan selengggara itu kurang, jadi mereka tak dapat apa elaun yang boleh di di *claim,* dengan izinnya. Kami harap, harap kerajaan yang kasihi golongan *B40* khasnya bawah bimbingan Sikamat dan Exco sekali, jikalau boleh, jikalau boleh timbanglah, bayar, bagilah sikit elaun bagi yang MC atau JMC atau *allowance* sikit bagi yang mereka.

Dato' Yang Dipertua, selain itu, kami ucap tahniah dan terima kasih, adalah meningkatkan infrastruktur. Tapi sebagai masalah rumah pangsa yang dihadapi selama ini, kami harap bukan wang sahaja yang disalurkan ke rumah pangsa kos rendah atau kos sederhana ni. Kami berharap sokongan sosial dan komuniti atau agensi yang berkaitan itu macam JKM atau AADK atau polis atau SW Corp yang lain kerana bahawa bertambah baik, bertambah baik sosial dan komuniti di rumah pangsa, meningkatkan keamanan kerana tu bangsa biasa ada cakap ni tempat yang gangster, tempat yang narkotik kena masuk, yang hisap dadah atau vape, selaku *percentage* yang tinggi di rumah pangsa, atau rumah kos rendah ni. *So* kami harap agensi AADK, agensi narkotik kena bantu kerana jangan yang golongan yang tertinggal, yang terkurang itu, tertinggal dari masyarakat yang kita sayangi ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam masa yang sekarang kerana nak selamat atau menolong *B40* ini, kami yang paling baik sekali. Bukan selalu kasi ikan, jangan setiap kali dia susah, kami berikan ikan sahaja. Kami kena ada program bertambah baik, bertambah *income* di golongan duduk di

rumah pangsa. *So* yang *job fair* atau sumber manusia, kami nampak *invest* banyak sekali masuk ke Negeri Sembilan, tapi harap mereka pergi rumah pangsa, kasi peluang kesempatan kerja bagi orang yang duduk-duduk di rumah pangsa ini. Walaupun penghuni ni mungkin dia kekurangan, dia kurang bukan kekurangan pendidikan, *attitude* pun kekurangan, *so* kami harap harap yang agensi kita yang yang berkaitan itu boleh bertambah baik *attitude* mereka atau bertambah baik pendidikan mereka, sekarang kerajaan mengutamakan TVET, sampai Yayasan bersalurkan 5.0 juta lebih untuk sekolah TVET Yayasan dan pemerkasa TVET pun 0.5 juta. *So* kami harap yang penghuni-penghuni atau anak-anak kita yang tinggal di luar pangsa itu boleh diutamakan, berikankan peluang, berikan kesempatan mereka masuk ke TVET. Tak akan mereka sia-sia sahaja. Atau jabatan Pendidikan boleh masuk, berapa budak yang ponteng. Bukan mereka nak ponteng, tapi pun, *education* pun kurang, tak ada pendidikan atau pak dia, mak dia pun *attitude* pun ada kekurangan, berbeza itu atas, atau ADUN kita ni. Kami harap satu komuniti yang maju akan jadikan negeri maju lepas tu negara akan baru maju.

Dato' Dipertua, selain tu, kesedaran alam sekitar. Itu pun masalah kerana yang tinggal di rumah pangsa, kebersihan kurang, sampai sampah merata-rata, sampai tempat rumah pangsa yang paling, kes tinggi yang paling tinggi sekali. *So* kami harap Kesihatan atau SW Corp, SWM atau unit kebersihan MBS dengan tegas sekali mempastikan rumah pangsa ni bersih atau cari satu sistem, satu langkah yang sistematik bahawa penghuni boleh mengikut atau pegawai kita boleh memantau bahawa rumah pangsa ni selain nampak keamanan, kebersihan pun kena diutamakan. Kerana macam PPRT Lobak sana duduk 40 skim orang Melayu, 30 skim India, 30 skim orang Cina. *So* kawasan ni memang satu tempat harmoni tapi kami *survey* dengan izinnya, kami dapatan kerana penghuni sana memang kekurangan pendidikan. Penduduk sana, penghuni sana memang kurang *attitude* dia. *So* jadi kami kena bantu. *So* kami mengucapkan terima kasih bahawa sokongan MB Sikamat dan maju dengan MBS Dato' Masri, kami bertambah baik di rumah pangsa PPR Lobak ini. Sampai sekarang nampak ada sikit tambah baik tapi kena *consistent* dengan izinnya, kami kena berterusan membantu mereka jadi satu yang rumah pangsa ini yang tak boleh tinggal tempat orang, jadilah sekarang berpagar, terima kasih MBS, bumbung tukar, terima kasih MBS, bercat, terima kasih MB, bertambah baik itu. Sampai sekarang *queue* nak masuk sewa kerana sewa memang PPR ni hanya 150.00 sebulan sahaja. Boleh dapat membantu ramai orang yang mendapat kurang, *income* dia kurang. Khasnya membantu ibu tunggal atau yang golongan yang *income* dengan kurang dia.

Dato' Dipertua kami pun nak mencadangkan selain saya bersuarakan agensi yang berkaitan, kami berharap perancangan persediaan komuniti. Kami harap yang duduk di rumah pangsa ni boleh bergabung sekali dengan komuniti setempat. Tak akan mereka berasa kecewa atau berasa kekurangan mereka tak akan berapat dengan komuniti. Ini pun utamakan. Apa harap jikalau macam projek komuniti kebun, komuniti itu harmoni atau madani, bolehlah selalu masuk. Atau wanita boleh bantu, bantu wanita yang tinggal di rumah atau warga emas. Kerana rumah pangsa ramai itu orang tinggal warga emas. Warga emas dia bersara tak bersara hanya dapat bantuan JKM. Dulu, tahun ni sebulan 500.00. Tahun kelak mungkin dapat 600.00. Tapi tak cukup. *So* kami harap kilang bertambah lagi, kami atau mencadangkan kerajaan mengkaji dengan kilang-kilang yang tertentu, mungkin boleh orang warga emas yang tak sedia nak sara, dia masih mampu nak kerja atau dengan cara langkah yang fleksibel. Biarkan mereka ada cara kerja. Biarkan mereka ada tambah *income* bahawa hidupan dia bertambah baik di tempat rumah pangsa itu. Dato' Dipertua, inilah adalah cadangan dari DUN Lobak kerana Lobak saya ada 13 skim rumah pangsa masalah mereka, saya faham, saya prihatian. Kami berharap kerana perhatian dari Kerajaan Perpaduan ni, kami sudah bertambah baik untuk di golongan penghuni-penghuni ni, di rumah pangsa.

Dato' Yang Dipertua, di sini saya pun nak, nak, nak, nak suarakan bahawa ada sikit peruntukan itu ceria, minda ceria. Kami difahamkan di pekan, ramai orang, ramai golongan yang mungkin dipinggirkan, ahli keluarga tak jaga, dia dipinggirkan di pekan saja. Ada yang hisap gam, ada yang duduk di bawah jambatan atau yang duduk di bank atau dalam bank kaunter, ada *aircond* atau di tepi jalan. Mungkin kami ada satu pusat minda, Minda Ceria. Mungkin tak cukup. Kami difahamkan sudah penuh, sudah penuh. Kami harap kerana warga emas sekarang bertambah ramai. Ada orang tak kahwin, dia hidup satu orang sendirian. Tak mampu nak kerja, pendapatan kurang, hanya dapat bantuan JKM. Tak cukup. *So* mereka ni jikalau boleh, kami harap yang pusat-pusat Minda Ceria ni tengok ikut keperluan, tengok. Bagilah sekurang-kurang tu mereka dapat satu tempat untuk duduk atau hidup dengan sebagai manusiaan. Kami tak akan nampak satu kerajaan yang perpaduan ni ada sebahagian kecil yang tinggal di tepi jalan, di bawah jambatan dengan sungai atau di jalan besar sebelah bank. Nampak pun tak syok. Inilah bukan satu kerajaan yang kasih anak-anak kita ni, kami harap ini kena diutamakan kerana masalah ini ulang berulang. Bila dia dihantar masuk, dia keluar lagi. Atau dia di di di diselamatkan, dia pun keluar lagi. Sampai hari itu saya hantar satu ni, orang Cina yang beragama Islam. Nama dia Siti. Sampai ambulans datang ni, dia beritahu saya, YB ini *customer regular*. Selalu tu dia sini mintak sini, kami tolong dia sekali. Lepas itu dia pergi tempat lain, mintak wang. Dia

pergi pasar mintak wang, satu laki di pasar mintak wang sampai marah orang. Dia mental dia okey, dia marah orang. Jikalau dia kadang dia sudah *short* kah, macam Senawang cakap ni, dia luka orang macam mana? *So* sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kerana perhatian golongan yang sebahagian kecik ini. Dato' Yang Dipertua, inilah perkara yang saya sampaikan kerana inilah tentang mencacat imej atau impak kerajaan kita yang susah, 6 tahun kami menubuhkan satu kerajaan yang impak nampak, kasih sayang dengan rakyat sekali.

Dato' Dipertua, selain itu saya nak lagikan terima kasih kerana Unit Penumahan, ini bawah Nilai. Rumah pangsa yang 14 tingkat. Sejak bantuan Sikamat dan Ahli Parlimen Seremban, kami dapat peruntukan KPKT, satu rumah pangsa, dulu yang bergambar, tempat yang tak selamat, tempat yang *famous*, terjun. *So* kami dengan kerjasama dengan Sikamat dengan Ahli Parlimen Seremban, kami sudah majukan tempat rumah pangsa Tun Dr. Ismail ni. *So* kami sekarang harap kerana cat sudah cat baru, wayar pun sudah tukar, sejumlah 5.0 juta lebih sudah belanja di Rumah Pangsa Tun Doktor Ismail. Kami terima kasih Kerajaan Harapan dan Kerajaan Perpaduan bantuan program-program yang tersebut.

So selain ni saya nak mintak Nilai bahawa kami ada buat satu program pemutihan sewa kerana sekarang sewa sana tak saya satu bilik dia sebulan hanya sewa 40.00 ringgit sahaja, 40.00 ringgit sebulan adalah paling murah di Malaysia. Dan 2 bilik pun hanya 50.00 sebulan. Memang satu tempat yang paling murah di Malaysia. *So* jadi sekarang tempat ni menjadi baik, tapi yang masih ada ramai bukan daftar nama sewa sendiri. Kami harap kerajaan dan Nilai, kami kena mantau kerana peruntukan sudah jalan lebih kurang 6 bulan lebih. Kami harap ini dapat diselesikan dengan secepat mungkin

Selain itu, Dato' Yang Dipertua, di Jalan Tun Dr. Ismail ni, pada masa pertanyaan lisan, saya sudah bertimbulkan yang jalan ini kena ditukar 4 lorong 2 hala. Tapi selain itu, saya juga Dewan ini nak suarakan kerana di setiap simpang yang jalan JKR 001 ini, kena bertambah cahaya khasnya di simpang masuk Pusat Industri Ringan Templer tu. Memang selekoh, selekoh yang paling bahaya khasnya dalam masa malam. Malam itu jalan lampu, kurang. Bila lampu kurang itu, dia risiko menjadikan akan kemalangan berlaku di tempat yang tertentu. Dato' Dipertua, kami harap JKR atau bawah program cahaya jalan boleh bertambah lampu solar di kawasan yang berisiko itu.

Dato' Dipertua, Lobak lagi nak bersampaikan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan ni kerana dengan program Kerajaan Perpaduan ni, Dataran Lobak sudah disiapkan. Baru saja dengan

kerjasama dengan Landskap Negara dengan MBS, kami sudah tanam pokok di kawasan Dataran Lobak. Dan selain itu, Dataran Lopak pada mulanya program dari Ahli Parlimen Seremban, kami membuat hiasan lampu Tahun Baru Cina. Lepas itu dengan sokongan MB, Sikamat, kami buat lampu hiasan hari raya, sokongan dari Sikamat. Lepas tu, raya tu, kami buat kami buat Hari Kebangsaan, Hari Malaysia dan buat Hari Pesta Tanglung. Dan baru saja kami buat lampu hiasan Deepavali. Dan bulan akan datang kami buat lampu hiasan Krismas. *Last* sekali Dato' Yang DiPertua. *So* jadikan Dataran Lobak ini jadi dataran semangat madani. *So* kami harap, kami sudah ada mohon melalui MBS mohon menaik taraf dataran lagi, bertambah tandas, bertampah *walkway,* bertambah lampu lagi di dataran dalaman. *So* harap yang pohon ni boleh diluluskan. Sekian terima kasih *Speaker*, saya sokong Bajet 2025. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Lobak. Saya menjemput Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. *Bismillah alhamdulillah washolatu wassalamu ala rasulillah, amma ba'du.* Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Segala pujian bagi *Allah* Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga para sahabat dan mereka yang mengikutinya sehingga ke hari akhirat. Yang Berhormat Dato' Seri MB Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Exco Kanan, Exco-Exco, ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan yang saya kasihi.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat di atas pembentangan RUU Perbekalan Negeri Sembilan 2025 yang telah menyentuh pelbagai sektor dan pemberian kepada pelbagai lapisan masyarakat. Belanjawan kali ini dikatakan yang tertinggi di dalam sejarah. Semoga perbelanjaan berhemah 2025 dapat kita budayakan dan mengelakkan pembaziran serta salah guna perbendaharaan negeri, yang merupakan amanah *Allah* SWT kepada pimpinan negeri untuk melaksanakannya *insya-Allah*. Sabda Nabi SAW ….. [melafazkan bacaan hadis berkenaan]. Maksudnya, sila sila ….. [memberi laluan kepada ADUN Seremban Jaya berjalan di belakang beliau]

YB ADUN Seremban Jaya: Minta maaf, *sorry sorry.*

YB ADUN Serting: Tak apa. Yang bermaksud: ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin, kesemuanya bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya, imam adalah pemimpin ke atas orang ramai dan dia

bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Hadis Riwayat Bukhari.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan sepertimana teman-teman ahli Yang Berhormat dalam RUU Perbekalan Tahun 2025 sebagai mewakili DUN Serting semoganya ia bermanfaat untuk kami di sana dan Negeri Sembilan keseluruhannya. Pertama, Kemampanan Ekonomi Rakyat. Saya ingin menyentuh Jualan Nismilan Prihatin yang tidak sedikit telah membawa kebaikan kepada rakyat setempat seperti yang telah dijalankan pada tahun ini. Walaupun ianya lebih kepada anjakan politik seperti Jualan Rahmah dan lain-lain. Setakat hari ini, kami Yang Berhormat pembangkang tahu program ini di tempat kami, sekadar maklumat yang dimaklum oleh pengundi kami. Bagi saya, seperti yang saya katakan tadi, program baik dan bermanfaat, tetapi lebih kepada *mileage* politik.

Jika dilihat pada tahun 2024, peruntukan sebanyak 3.0 juta RM dan pada Belanjawan tahun 2025, turun kepada RM2.0 juta. Adakah penurunan tersebut kerana program tersebut tidak berjaya atau bagaimana? Sebagai persoalan. Pada pandangan saya, kerajaan perlu buat sesuatu untuk menangani hal berkaitan dengan pengawalan harga barang di semua peringkat, bukan sekadar dalam program seperti ini sahaja. Bantuan perlu secara bersasar kepada golongan yang perlu dan hendaklah selari dengan pendekatan Kerajaan Madani yang ada pada hari ini. Program yang lebih konsisten hendaklah dilaksanakan dan bukan sekadar program bermusim. Program yang memberi manfaat kepada semua pengguna termasuklah petani, peladang, penjual di semua tempat, bukan di tempat pilihan semata-mata. Barangan yang dijual biarlah banyak dan tidak terhad jumlah yang tertentu. Kadang-kadang setengah jam selepas dibuka, dah barang dah habis.

Hari ini rakyat kita terkesan dengan kenaikan harga barang akibat daripada penarikan pelbagai subsidi oleh kerajaan yang ada. Barangan keperluan asas semakin hari semakin tinggi harganya sepertimana beras, gula, minyak masak dan juga lain-lain. Saya ingin bertanya, adakah beras tempatan telah telah hilang dari Negeri Sembilan dan hanya wujud di dalam Jualan Nismilan Prihatin semata-mata? Apa khabar beras Perpatih kita? Sebelum ini heboh diperkatakan termasuklah beras Seri Menanti. Tak ada Seri Menanti, ada? Saya nak juga merasa berasa beras keluaran negeri kita tapi tak jumpa di pasaran. Kalau ada katakan ada, tidak saya tercari-cari.

Dato' Yang Dipertua, yang kedua, Pendidikan. Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai bajet pendidikan pada 2025. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak

RM19.66 juta kepada pembangunan pendidikan negeri ini. Tahun 2024, Sekolah Tinggi Agama Maahad Ahmadi Gemencheh telah diperuntukkan sebanyak RM8.23 juta untuk pengurusan dan pembangunan. Namun pada tahun ini tidak dinyatakan termasuklah pusat tahfiz ITQAN, yang kedua-duanya berada di Gemencheh. Seperti Yang Amat Berhormat Sikamat sebutkan, sekolah agama yang ada Negeri Sembilan adalah kendalian bersama Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah SABK. Namun apa yang saya difahamkan, Maahad Ahmadi di bawah kendalian Kerajaan Negeri. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang Dipertua dan juga Ahli-Ahli Dewan. Negeri Kedah, sekolah yang menjadi mercu tandanya iaitu Maahad Mahmud. Negeri Kelantan pula terkenal dengan Maahad Muhammadi nya. Dan Negeri Sembilan sepatutnya terkenal dengan sekolah yang menjadi mercu tanda negeri iaitu Maahad Ahmadi. Semuanya telah berjasa melahirkan tokoh pendidikan, cendekiawan bangsa, pemimpin politik dan lain-lain di tempat masing-masing. Sekiranya Maahad Mahmud, Kedah dan Maahad Muhammadi, Kelantan ada cawangan di serata negeri, sepatutnya kita telah berusaha ke arah itu untuk menubuhkan cawangan Maahad Ahmadi di seluruh daerah bagi kelangsungan pendidikan Islam negeri kita yang tercinta. Barulah hab pendidikan kita di peringkat menengah agama khususnya aliran 4 Sannawi akan lebih rancak dan berkembang. Bahkan akan ramai pelajar mendapat tempat belajar berbanding maahad yang ada sekarang ini yang hanya sebuah saja dan juga terhad.

Dato' Yang Dipertua, bila kita pergi ke negeri lain di seluruh Malaysia, kita akan berjumpa dengan universiti yang ada nama negeri masing-masing. Contohnya Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Terengganu dan UniSZA, UniSHAMS di Kedah, Universiti Islam Selangor dan lain-lain. Kita di Negeri Sembilan masih ketinggalan dari sudut ini. Mungkin ada yang akan kata, eh USIM ada, di Nilai kan? Begitu jugak dengan Open University Malaysia ada di Seremban ataupun ada yang lain-lain. Ya, di Negeri Sembilan tapi bukan identiti kita. Walaupun bajet 2025 peruntuk, memperuntukkan sebanyak 3.6 juta ringgit untuk Skim Sara Hidup untuk pelajar IPTA dan 1.0 juta Pinjaman Pendidikan Tanpa Faedah pelajar peringkat Sarjana dan PhD di IPTA. Namun harapan saya pada masa akan datang, anak negeri akan dapat menerima ilmu di dalam universiti di negerinya sendiri. Namanya mungkin, apa ah? Universiti Malaysia Negeri Sembilan ke? UniMANS haa contoh kan *Insya-Allah*. Mungkin zaman itu kami Perikatan Nasional dah memerintah atau kami akan buat, doakan, kalau tak nak buat. Saya pernah awal persidangan tahun lepas mencadangkan Jempol menjadi hab pendidikan dengan adanya kolej ataupun universiti. Tetapi mungkin ianya menjadi satu cadangan dan juga ilusi kerana tidak

diambil berat ataupun mungkin di dalam, di dalam perancangan sudah *Insya-Allah,* kita akan buat nanti.

Dato' Yang Dipertua, dalam bajet 2024 dahulu ada tercatat pembinaan Dewan Konvokesyen dan Pusat Aktiviti Pelajar Yayasan Negeri Sembilan dengan peruntukan perbelanjaan 11.0 juta yang dikatakan jangkaan siap pada tahun 2025. Saya ingin tahu perkembangan projek. Adakah telah terlaksana dan berapa peratus ke siap? Sekadar ingin tahu.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang ketiga, kerohanian dan juga agama. Berkenaan peruntukan pembinaan masjid baru yang telah diperuntukkan sebanyak 10.5 juta ringgit. Saya menyokong perkara tersebut. Apa yang ingin saya tekankan agar kerajaan juga melihat kepada kepentingan masjid yang sedia ada untuk diperkemas kini dan dibaiki atau pembangunan baru. Saya melihat di tempat saya masih ada masjid lama yang perlu di *upgrade* dengan izin. Contohnya Masjid Serting Hulu, Masjid Bayai Lama, Kampung Bayai Lama, Masjid Kampung Bayai Baru, walaupun masih boleh digunakan namun banyak yang perlu diselenggarakan. Hari hujan, bumbung kadang-kadang bocor. Bila dah bocor tu, air jatuh ke karpet masjid menyebabkan karpet jadi busuk dan kurang sesuai untuk digunakan. Dan kadang-kadang ada sesetengahnya di masjid-masjid ni, tandas yang perlu dibaiki. Bila kita cakap seolah menzahirkan aib, tapi itulah realiti yang ada dan perlu tindakan segera. Dan saya cadangkan agar dimasukkan dalam bajet yang sedia ada. Begitu juga penaiktarafan surau-surau yang sedia ada, perlu diambil perhati, perhatian berdasarkan bajet yang dibentangkan di bawah peruntukan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan yang besar jumlahnya iaitu 55.2 juta.

Di setengah tempat ada jemaahnya tetapi tiada masjid. Contohnya di Kampung Gaddes, di Ladang Gaddes, Serting. Setakat ini ada surau yang dijadikan surau Jumaat di kalangan penduduk setempat. Saya berpendapat dan mencadangkan agar surau ini dijadikan masjid untuk penduduk setempat mengimarahkannya dengan sebaik mungkin dan dapat melaksanakan ibadat sebaik mungkin di samping ada peruntukan tetap sepertimana masjid-masjid yang lain.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan masjid yang dirancang pembangunannya. Saya ingin mendapatkan maklumat di Dewan yang mulia ini, berkenaan istilah projek sakit disebabkan kelewatan kontraktor menyiapkan pembinaan dan penyelenggaraan di 2 buah masjid iaitu Masjid Warisan Puteri, Sikamat yang mana yang harganya 8.23 juta, yang sepatutnya siap pada bulan Mei tahun ini. Namun hanya 87% kemajuan fizikalnya pada 21 Jun 2024 yang lalu. Ada pun Masjid

Taman Senangin, Lenggeng yang berharga 7.0 juta RM yang sepatutnya siap pada 10 April 2024. Namun hanya 66.3% kemajuan fizikalnya pada 21 Jun 2024 yang lalu. Saya ambil maklumat ini daripada laman web yang berkenaan. Harapan saya agar pihak kerajaan melantik kontraktor yang benar-benar dan telah diakui prestasi kerja mereka. Oleh, dan dapat melaksanakan pembangunan masjid selepas ini oleh kontraktor-kontraktor dan kita berharap agar kita menolak pelaksanaan oleh kontraktor-kontraktor jadi-jadian ini yang mana tidak ada *certificate* ataupun tidak ada kemajuan di dalam melakukan kerja-kerja. Kerana kita takut, nanti akan jadi pulak yang masjid-masjid yang baru ini terbengkalai dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, Kelestarian Alam sekitar, yang ke-4. Perkara yang berkaitan penguatkuasaan dalam hutan simpan kekal. Dalam Belanjawan 2025, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 140 ribu sahaja bagi pihak terbabit memantau hutan simpanan kita. Pada pandangan saya, peruntukan dana ini terlalu rendah berbanding perlaksanaan jabatan berkaitan untuk melaksanakan penguatkuasaan. Laporan Audit 3/2024 melaporkan 70 kes lokasi penerokaan haram hutan simpan kekal seluas 3,359 hektar telah berlaku di Negeri Sembilan. Bukan 3 ekar dan bukan 30 ekar tetapi 3,000 hektar lebih, suatu yang serius sekiranya perlaksanaan penguatkuasaan kurang termasuklah dana yang diperuntukkan juga kurang. Impak aktiviti perhutanan yang tidak dikawal selia kepada alam sekitar akan berlakunya bencana alam sepertimana banjir. Bagi tempoh 2019 hingga 2022, 13 kejadian banjir direkodkan di daerah Kuala Pilah. Antaranya berpunca daripada aktiviti pembukaan kuwas, kawasan hutan. Soalan saya setakat ini apakah Kerajaan Negeri memantau kawasan penerokaan hutan simpan ini, sama ada yang sah ataupun yang tidak sah? Sekiranya sah apakah syarat yang dikenakan dan siapakah yang terlibat? Sekiranya tidak sah tindakan yang telah diambil?

Untuk makluman sidang dewan, banyak negara telah menggunakan teknologi sepertimana *drone, sensor* pemantauan, pengawasan satelit dan juga lain-lain di samping penambahbaikan kemudahan yang sedia ada untuk menjaga hutan simpan kekal mereka daripada dicerobohi. Kalaulah pihak yang berkenaan sepertimana jabatan hutan dan lain-lain perlu menggunakan helikopter bagi pemantauan, maka pada cadangan saya, kena usahakan untuk membelinya kerana ia adalah satu keperluan untuk gerak kerja pemantauan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian mengenai RUU Mahkamah Syariah Negeri Sembilan yang dibentangkan dan bakal dipersetujui nanti. Bukan saya ingin membahaskan tentang RUU

tersebut, tetapi berkisar peruntukan kepada Jabatan Kehakiman Syariah sebanyak 9.40 juta RM. Apa yang ingin saya tekankan ialah tempat perlaksanaan hukuman ialah Mahkamah Syariah. Setakat yang setahu, saya tahu, maaf kalau silap, boleh dikatakan semua daerah ada Mahkamah Rendah Syariah kecuali daerah Rasah. Namun keberadaan Mahkamah Tinggi Syariah hanya di Seremban iaitu di Sendayan. Demi mengukuhkan institusi ini, saya mencadangkan agar diadakan satu lagi Mahkamah Tinggi Syariah yang berlokasi di sebelah Kuala Pilah ataupun di Jempol. Ini memudahkan sekiranya ada kes tertentu yang dirujuk kepada mahkamah ini, tidaklah penduduk di Jelebu, di Jempol ataupun di Kuala Pilah terpaksa pergi ke Sendayan untuk tujuan tersebut. Ini memandangkan kepada keadaan geografi dan kos yang terpaksa digunakan untuk pergi ke sana. Contohnya, orang Palong 7 atau Palong 8 ataupun Palong 16 yang ada kes di Mahkamah Tinggi Syariah ini, perjalanan mereka jauh bahkan lebih daripada 2 marhalah. Boleh jama' itu. Kos pun besar. Jadi sekiranya ada di kawasan berdekatan seperti cadangan tadi, akan memudahkan sedikit sebanyak golongan ini berurusan.

Dato' Yang Dipertua, yang ke-5: Belia, Wanita Dan Sukan. Melihat kepada sektor yang berkaitan ada ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkaitan sukan bola sepak semalam. Pada saya perlu ada satu usaha ke arah menaikkan semula imej Negeri Sembilan yang terkenal dengan "Hobin Jang Hobin. Ke dah lain dah? Itu je lah kan? Hobin Jang Hobin. Pernah berada dalam kelompok pasukan terbaik dalam Liga Piala Malaysia dan juga Liga Super. Hari ini seperti tiada usaha ke arah untuk kita memertabatkan kembali sukan ini di persada bola sepak tanah air. Mungkin kerana diswastakan sukan ini menjadi kita lepas tangan atau saya pun tak tahu bagaimana pengurusannya. Mohon maaf. Saya mohon maaf sekiranya menyentuh pihak tertentu. Namun percayalah kerana kita sayangkan arena ini dari terus berada di *ranking* bawah, maka semestinya perlu ada tindakan. Kawan-kawan negeri lain selalu juga bertanya apa sudah jadi kepada pasukan Hobin Jang Hobin? Adakah pasukan kita dah kono hobin ko? *Wallahua'lam*.

Dato' Yang Dipertua, SUKNES boleh di *upgrade* kan lagi dengan menambah acara yang dipertandingkan. Sebagai indikator kepada sukan yang lebih besar sepertimana SUKMA dan juga lain-lain. Pada tahun lepas ataupun tahun nilah, peruntukan sebanyak 3.0 juta bagi program SUKNES ini namun tahun 2025, bajet RM 1.0 juta sahaja. Mana lagi 2.0 juta? Menjadi musykil pada saya, adakah program ini tidak berjaya? Atau peruntukan dipindahkan kepada program lain seperti selenggara kemudahan sukan dan pembangunan sukan, yang kedua-duanya mempunyai peruntukan yang tinggi yang mana tercatat iaitu RM, kalau campur dua-dua 6.0 juta. Walaupun kami wakil rakyat

pembangkang tidak dapat manfaat daripada SUKNES tahun ini khususnya di kawasan kami dan peringkat negeri, namun prihatin kami kepada pembangunan sukan negeri tetap kami tidak lupakan. Peruntukan untuk belia banyak dimanfaatkan kali ini dalam Belanjawan 2025. Tahniah saya ucapkan. Ini antara tanda dah dekatnya PRU 16 ni kot. Mungkinlah kot kan? Apa pun segala program yang bermanfaat untuk golongan belia ini saya tetap sokong walaupun penglibatan kami tidak dikenakan, diketengahkan. Saya mencadangkan agar program untuk belia bukan sekadar untuk keseronokan sepertimana riadah, lari lah deh, sepertimana riadah, konsep rekreasi ekspo dan lain-lain tapi perlu juga dimasukkan program keagamaan kepada komuniti belia ini. Kita tidak mahu belia ini dilalaikan dengan program yang lupa kepada Tuhan. Ramai mana remaja dan belia kita yang tak solat Jumaat dan solat fardu serta jahil hal berkaitan Fardu Ain. Ini berdasarkan penyelidikan ahli-ahli akademik berkaitan hal demikian, tuan-tuan boleh rujuk. Saya tak dapat nak keluarkan di sini, panjang. Biarlah kita membentuk generasi Rabbani yang kenal tuhan. Yang bakal menerajui negara kita satu ketika nanti. Oleh itu, cadangan saya pastikan setiap ada adanya program belia dan juga remaja di peringkat Negeri Sembilan iaitu kita selitkan paling tidak pun, kalau tak nak pun program yang bentuk keagamaan secara rasmi, selitkanlah solat berjemaah beramai-ramai ataupun sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, hal yang berkaitan wanita, Bajet tahun 2024 ada diperuntukkan sebanyak 1.5 juta. Tadi dah disentuh oleh salah seorang daripada YB tadi, bagi program pemerkasaan wanita. Namun pada tahun ini program tersebut sudah ditiadakan bajet. Persoalan, apakah program tersebut tidak bermanfaat untuk diteruskan hingga tiada bajet dalam Belanjawan 2025? Ada pun program *C4U (Care For You)* ibu tunggal masih ada, dan peruntukan telah ditambah kepada RM 1.2 juta iaitu tambah sebanyak 200 ribu. Mungkin di sana ada sebab. Namun kita kena lihat bahawa penglibatan kaum hawa, dalam membangunkan negeri tidak kurang hebatnya mereka. Bahkan kaum hawa lebih ramai menjadi pengundi di banyak kawasan seluruh Negeri Sembilan termasuklah kawasan seh. Mereka adalah pengundi Yang Berhormat yang ada pada hari ini. Cadangan saya, bantulah komuniti wanita yang ada di kampung-kampung dan taman-taman perumahan ataupun di mana saja seperti kumpulan Yasin, marhaban, komuniti surau dan masjid, GPW di felda ataupun lain-lain. Mereka banyak program di peringkat masyarakat setempat tetapi tidak mendapat tempat dan peruntukan daripada mana-mana tempat. Kadang-kadang dia orang datang berjumpa dengan saya untuk mintak kan peruntukanlah, apalah, program-program yang mereka ingin buat.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ringkaskan boleh? Satu minit, banyak.

YB ADUN Serting: Sikit ya, saya ambil masa. Dato' Yang Dipertua, pemasaan, Pemerkasaan Komuniti. Dalam hal berkaitan pencahayaan kampung, saya ingin mengulang semula untuk kali seterusnya kepada yang berkaitan keadaan pencahayaan di jalan utama di antara Serting tengah ke Bandar Seri Jempol seterusnya ke persimpangan Palong 16 sehinggalah ke Keratong. Sekiralah sekiranya peruntukan tersebut di bawah Kerajaan Persekutuan, harap dapat diusahakan melalui Jabatan Kerja Raya ataupun peruntukan MARRIS ataupun sebagainya. Sekiranya di bawah Kerajaan Negeri, maka dapat dilaksanakan sebaik mungkin kerana ianya jalan utama ke Pantai timur. Jalan tersebut telah memakan nyawa beratusan orang, sama ada orang luar ataupun tempatan. Keadaan gelap dan jalan yang agak kecil menjadikan ianya *spot* kemalangan maut di situ. Baru ini ada terdapat lampu solar yang dipasang tetapi sekadar satu tempat dan keku, dan kuantiti yang terhad. Sekelompok ya, tidak tahu apa tujuan, namun adalah sedikit manfaatnya kepada, padanya *alhamdulillah*.

Di samping itu juga, saya ingin menyalurkan desakan dan harapan penduduk setempat yang inginkan longkang di tepi jalan besar sekitar Kampung Dato Johan, Kampung Jawa, Kampung Serting Tengah dan Kampung Air Bong. Ini memandangkan apabila hujan lebat air tidak mengalir disebabkan longkang tanah, longkang *original* yang masih belum lagi diletakkan longkang, *culvert* kan. Baru ini ada pihak terbabit telah membuat saliran air yang merentasi jalan besar di tempat berkenaan. Terima kasih saya ucapkan kepada yang berkenaan mewakili penduduk di sana. Masalah air tidak mengalir ke longkang atau sungai sudah selesai, namun longkang *temporary* lama masih perlu dibaik pulih. Saya harap Bajet 2025 ini ada sinar bahagianya untuk penduduk yang di sana.

Begitu jugak sedikit harapan saya agar baru-baru ni, mutakhir ni, kerap terjadinya tiada air ataupun tekanan yang rendah terutama di Bandar Seri Jempol begitu jugak yang bersekitarnya termasuklah Felda Raja Alias dan juga lain-lain. Harap dapat dikemaskini sama ada sekiranya paip yang telah pun usang, maka haraplah diganti sekiranya tekanan yang rendah itu dapatlah dipantau dan sekiranya air yang kurang, maka kita perlu mencu, mencari sumber air untuk dirawat.

Dato' Yang Dipertua, akhirnya perbahasan, saya berharap agar RUU Pembekalan atau Belanjawan 2025 ini memberi manfaat kepada semua pihak terutama kami di kalangan blok pembangkang ini. Peranan kita sebagai wakil rakyat sama sahaja. Membantu memajukan Negeri

Sembilan dalam semua hal dan keadaan. Jangan kerana perbezaan parti politik di kalangan kita, menjadikan kita bermusuhan sehingga tidak berlaku adil dalam perkara tertentu. Sama ada berkaitan peruntukan bulanan, program bersama rakyat, aktiviti kawasan dan juga lain-lain. Ambillah manfaat daripada firman Allah SWT yang berbunyi …[melafazkan ayat 2 Surah al Maaidah], yang bermaksud bertolong-tolonglah atas kebaikan dan takwa dan janganlah bertolong-tolong atas dosa dan permusuhan. Suratul Maaidah ayat 2. Dato' Yang Dipertua, saya Serting dengan ini menyokong usul RUU Perbekalan Negeri Sembilan 2025 dengan penambahbaikan. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Serting. Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambilkan bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2025. Saat ini ada adalah peluang penting untuk kita bersama-sama perbincangan arah tuju pembangunan negeri dan memastikan kepentingan rakyat terus menjadi keutamaan. Saya ingin meng merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kejayaan membentangkan belanjawan 2025 yang berjumlah 590.0 juta ringgit. Belanjawan ini merupakan Belanjawan berimbang yang menunjukkan pengurusan kewangan negeri yang berhemah dan bertanggungjawab. Di samping itu, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan terutama MBS, JPS, JKR dan jabatan-jabatan lain atas usaha gigih mereka dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek yang telah memberi manfaat besar kepada rakyat khusus di kawasan DUN Rahang. Usaha dan dedikasi mereka amat derhaka dihargai dan saya mengharap kerjasama erat di depan diteruskan pada tahun-tahun mendatang demi memasti perkhidmatan kepada rakyat sentiasa berada pada tahap terbaik. Sebagai wakil rakyat saya berjanji untuk terus mendukung segala inisiatif Kerajaan Negeri dan memastikan perlaksanaan belanjawan ini dapat memberi manfaat yang maksimum kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan.

Akhir kata saya, menyeru semua pihak untuk bersama-sama mendukung Belanjawan Negeri Sembilan 2025 kerana kejayaan negeri ini memerlukan sokongan daripada semua lapisan masyarakat. Di sini rahang menyokong penuh Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: *Assalamualaikum WBT*. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Exco Kanan, Yang Berhormat Exco-Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati serta Pegawai Kerajaan. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada Bagan Pinang untuk menyampaikan pandangan, saranan demi kebaikan Negeri Sembilan dan kesejahteraan rakyat yang kita cintai. Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji usaha kerajaan dalam melaksanakan beberapa inisiatif walaupun kita sedar, bahawa banyak ruang untuk penambahbaikan. Saya percaya dengan komitmen yang lebih kukuh dan perhatian yang teliti Negeri Sembilan mampu mencapai lebih banyak lagi kejayaan. Saya berharap Kerajaan Negeri akan terus mendengar suara rakyat dan mengutamakan keperluan sebenar mereka supaya kita tidak terlepas pandang apa yang benar-benar penting bagi kemajuan negeri ini.

Dato' Yang Dipertua, kita semua maklum bahawa keterjaminan makanan adalah hal yang mustahak. Bagan Pinang menyambut baik usaha kerajaan memperkenalkan program seperti Beras Perpatih yang telah memberi manfaat kepada petani di kawasan Londah, Juasseh dan beberapa lokasi yang lain. Yang menjadi permasalahan ialah adalah Beras Perpatih hanyalah dijual di program Jualan Madani dan jualan Negeri Sembilan Prihatin sahaja dan tiada di pasaran umum. Dato' Yang Dipertua, selain itu bilakah Beras Perpatih akan mendapat pengiktirafan myGAP? Pensijilan ini penting bagi menjamin kualiti kod, bagi menjamin kualiti produk keluaran kerajaan ini dan meningkatkan keyakinan pengguna dan rakyat. Bukankah kerajaan sentiasa mempromosikan persijilan kualiti ini kepada pihak swasta? Mengapa tidak *walk the talk* dengan izin, untuk Beras Perpatih ini?

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin bertanya apakah kerajaan bercadang bekerjasama dengan MARDI untuk memperkenalkan teknologi saliran titis. Teknologi ini dapat mengurangkan penggunaan air yang menjadi isu utama penanaman air, penanaman padi. Teknologi ini dah dilaksanakan di negara China dan India. Dato' Yang Dipertua, kapasiti pengeluaran Beras Perpatih yang terhad kerana kawasan penanam padi yang kecil sekitar 520 hektar. Apakah perancangan kerajaan seterusnya untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan ini pada skala yang lebih besar?

Dato' Yang Dipertua, dalam Bajet 2025, Bagan Pinang mendapati terdapat beberapa kebimbangan yang perlu diambil perhatian. Yang pertama, penurunan peruntukan Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah sebanyak 2.1 juta ringgit. Jabatan ini penting bukan sahaja untuk membimbing petani dan penternak, tetapi juga kawalan penyakit berjangkit seperti penyakit tangan, kuku dan

mulut. Penyakit ini jika tidak dikawal boleh menjejaskan populasi ruminan yang dijangka meningkat dan menyebabkan kerugian besar kepada penternak. Bagaimana mungkin kerajaan boleh merancang untuk mengurus risiko kesihatan ini apabila peruntukan dikurangkan?

Dato' Yang Dipertua, kedua: pengurangan peruntukan Jualan Negeri Sembilan Madani. Rata-rata ahli Yang Berhormat membincang tentang program ini. Namun pengurangan 3.0 juta ringgit kepada 2.0 juta ringgit, program ini mungkin, program ini menyediakan barang asas kepada, dengan harga mampu milik. Dan kita tidak mahu penurunan ini menghadkan lagi akses rakyat kepada barang asas seperti beras tempatan, yang semua tahu hanya didapati pada waktu yang sangat terhad, tidak sesuai untuk majoriti rakyat iaitu sewaktu Jualan Nismilan Prihatin dan program berkala anjuran kerajaan.

Dato' Yang Dipertua, bangunan terbengkalai. Saya juga ingin menyentuh bangunan terbengkalai di kawasan tumpuan pelancong Port Dickson terutamanya di lokasi ikonik di sebelah Pasific Regency dan di hadapan Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson yang mencemarkan pemandangan. Adakah kerajaan bercadang mengambil langkah tegas untuk pembangunan semula kawasan tersebut atau kemungkinan mengambil alih melalui GLC Kerajaan Negeri.

Dato' Yang Dipertua pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar. Dalam Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, yang semakin hampir saya menyokong komitmen kerajaan meningkatkan peruntukan untuk sektor pelancongan. Namun kita perlu memastikan pembangunan ini tidak mendatangkan mudarat kepada rakyat dan alam sekitar. Kenaikan peruntukan untuk sektor pelancongan mesti disertakan dengan perincian projek supaya tiada pembaziran seperti Jabatan Audit NS156 di mana 148 ribu dibazirkan dalam projek ekopelancongan yang dilaksanakan tanpa perancangan.

Dato' Yang Dipertua isu air dan kolam takungan. Masalah air terus membelenggu rakyat dan warga Port Dickson. Dua projek takungan air memerlukan perhatian segera. Yang pertama: kolam air Teluk Kemang masih dalam pembinaan walaupun dijanjikan siap pada Julai 2024. Kedua: Kolam Imbangan Bukit Permata Lukut, nampak seperti sudah siap tetapi tidak berfungsi malah infrastrukturnya seperti pagar, tiang lampu telah rosak akibat kecurian. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan isu ini diselesaikan dengan seberapa segera.

Dato' Yang Dipertua, haiwan liar dan kawalan penyakit. Masalah haiwan liar seperti anjing, monyet bukan sahaja menimbulkan gangguan tetapi juga ancaman kesihatan seperti *rabies* yang boleh

berjangkit kepada manusia. Baru-baru ini kes serangan anjing liar di Rembau telah mengeruhkan keadaan ini. Terdapat juga aduan daripada warga Bagan Pinang khususnya terutamanya di taman perumahan seperti Taman Dato' Haji Abdul Samad, Taman TKK, Taman Intan Perdana dan Taman Intan Duyung. Yang menyedihnya apabila aduan dibuat, namun tindakan, tiada tindakan yang dibuat. Pernah PBT datang untuk menangkap anjing. Apabila tidak berjumpa anjing, balik dan terus tidak datang lagi. Dianggap kes selesai dan tiada tindakan susulan dan berkala. Saya mencadangkan satu kempen dan subsidi pemandulan haiwan peliharaan untuk mengawal populasi haiwan liar. Kedua kawalan program kawalan yang dijalankan secara berkala bukan hanya berdasarkan aduan.

Dato' Yang Dipertua, Mahkamah Syariah merupakan institusi penting dalam menjaga keutuhan sistem kehakiman Islam di negeri ini. Namun dengan peningkatan kes-kes yang melibatkan cabaran terhadap kedudukan Mahkamah Syariah, kita harus mengambil langkah proaktif untuk memastikan peranannya tidak ada terpinggir malah diperkuatkan. Saya percaya usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah memerlukan dua perkara asas. Yang pertama, sokongan undang-undang yang kukuh dan yang kedua, peruntukan kewangan yang mencukupi. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan yang pertama, pengukuhan Undang-Undang Tubuh Negeri, negeri, bagi memastikan sistem kehakiman Islam tidak dicabar. Adalah wajar kita mencontohi pendekatan negeri Kedah di mana Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang Tubuh Negeri. Langkah ini akan memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah dari sudut perundangan dan melindungi daripada sebarang percubaan untuk melemahkan institusi ini. Yang kedua, memperkasakan, untuk memperkasakan lagi sistem kehakiman syariah ini di Negeri Sembilan saya mencadangkan dewan, di Dewan yang mulia ini untuk mengambil contoh di negeri Perak yang di mana telah mewujudkan satu peringkat mahkamah yang dinamakan Mahkamah Utama bagi memperkasakan sistem kehakiman syariah di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, masih ada Mahkamah Syariah yang beroperasi sementara seperti Port Dickson, Rembau dan beberapa kawasan lagi. Sudah tibanya kerajaan mempertimbangkan pembinaan premis kekal untuk memastikan operasi Mahkamah Syarie dapat berjalan dengan lebih efisien, selesa dan bermaruah. Mahkamah Syariah bukan sahaja tempat mencari keadilan tapi menjadi simpul maruah dan kehormatan umat Islam. Kita mesti berani memperuntukkan sumber yang cukup untuk memastikan institusi ini relevan dan berwibawa.

Dato' Yang Dipertua saya menyambut baik pembangunan tapak Mengoca, Kampung Terachi dengan kos yang bernilai 450 ribu. Namun sebagai persoalan yang timbul, pertama apakah impak ekonomi projek ini? Yang kedua, berapakah pulangan atas pelaburan atau *return on investment* dengan izin, yang dijanakan pada setiap tahun? Ketiga apakah kriteria pemilihan usahawan yang diberikan kedai atau premis di tapak itu jelas dan telus? Saya juga mencadangkan agar program agropelancongan dan sukan rakyat seperti Perpatih Fest dan Pesta Mengocha dipromosikan lebih giat di setiap daerah untuk merealisasikan rencana struktur Negeri Sembilan 2045.

Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas tindakan pantas menebang pokok-pokok berbahaya di kawasan tumpuan ramai. Langkah proaktif ini bukan sahaja melindungi keselamatan awam tetapi juga menyelamatkan nyawa manusia. Kejadian tragis di Senawang yang merakut, meragut 2 nyawa akibat pokok tumbang menjadi pengajaran iktibar yang berharga untuk kita semua. Bagan Pinang juga mengharapkan Tindakan sebegini juga dilakukan terhadap isu-isu anjing liar, monyet dan sebagainya bagi mengelakkan kehilangan nyawa orang awam. Dalam projek penebangan pokok ini, apakah, persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini berapakah kos perlaksanaan penerbang, penebangan pokok-pokok tersebut? Yang kedua, syarikat manakah yang terlibat dan bagaimanakah pelantikan syarikat itu dibuat?

Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan tentang kedudukan penambahan blok bangunan Hospital Daerah Port Dickson yang telah beberapa kali dirancang dan beberapa kali terabai. Dan kedua, memohon perkembangan terkini cadangan saya pada sidang yang lepas untuk mewujudkan sekolah berasrama penuh di Port Dickson. Mohon penjelasan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit isu yang telah lama menjadi keresahan bagi setiap ADUN pembangkang. Apakah manfaat apabila wakil rakyat dipilih secara sah oleh rakyat tidak diberi hak untuk menguruskan peruntukan bagi kawasan masing-masing? Bukankah ini satu penafian hak kepada rakyat? Saya faham mungkin ada kebimbangan tentang salah guna kuasa tetapi bukankah audit berkala di dalam, dilaksanakan untuk memastikan ketelusan integriti dalam menggunakan peruntukan. Mengapa perlu menyekat peruntukan yang sepatutnya menjadi hak rakyat. Kita sering melaungkan semangat demokrasi dan keadilan tetapi tindakan sebegini bentang dan prinsip parti pemerintah sekarang.

Dato' Yang Dipertua saya berharap isu-isu yang saya kemuka ini mendapat perhatian sewajarnya. Segala usaha kerajaan haruslah berteraskan keadilan, kecekapan dan kepentingan rakyat dan bukan untuk meraih undi pilihan raya saja. Bagan Pinang mohon menyokong. *Wabillahitaufik Assalamualaikum WBT.*

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Pinang. Saya menjemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bagi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan juga Usul Anggaran Pembangunan Negeri Sembilan 2025. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada, mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat; Menteri Besar Negeri Sembilan pada hari Jumaat yang lalu, di mana Kerajaan Negeri dijangkakan akan menjana pendapatan sebanyak 590.0 juta.

Jadi Dato' Yang Dipertua, perkara yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah nombor pertama – Dasar Perumahan Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian para, para rakan saya, Bidang Tumpuan 4: Pemerkasaan Komuniti. Saya sokong, saya sokong penuh kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Dasar Perumahan Negeri Sembilan iaitu pemaju swasta akan membina Rumah Mampu Milik jenis *Type A, Type B* dan *Type C*. Saya difahamkan rumah jenis *Type A* dibenarkan dalam bentuk *town house*. Dato' Yang Dipertua, mohon izin. Contoh, contoh ialah Laman Sendayan (P3) Suria, Suria. Ini ialah satu, satu insentif yang sangat baik kerana pihak pemaju boleh membina lebih rumah dengan tanah yang sama. Jadi saya ingin memohon penjelasan Kerajaan Negeri Rumah Mampu Milik *Type A* yang dibenarkan membina dalam bentuk *town house* dalam dalam daerah Seremban seperti di, tadi saya nyatakan di Laman Sendayan (P3) Suria adakah, adakah atau dia akan dibina di seluruh Negeri Sembilan juga. Rumah Mampu Milik ialah tanggungjawab pemaju, akan tetapi jika Kerajaan Negeri membenarkan pemaju membina *town house* di seluruh negeri, ia akan mengurangkan beban pemaju dan pemaju akan memberi sambutan yang amat baik kepada, kerana pemaju boleh membina lebih banyak rumah atas, lebih rumah atas tanah yang, atas tanah yang dikena pastikan dan juga memberi kelebihan kepada pemohon, pemohon ini Rumah Mampu Milik untuk memilih rumah kediaman mereka. Ada pilihan, ada, ada pemilihan untuk mereka memilih sama ada Rumah Mampu Milik *Type A* biasa atau *town house*. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya pembinaan *town house* ini, RMM ini boleh dilanjutkan dan di di seluruh negeri. Saya minta

pandangan daripada pandangan daripada pihak Kerajaan Negeri masa, masa, masa gulung nanti.

Jadi Dato' Yang Dipertua, jadi perkara yang kedua ialah berkaitan dengan rumah, rumah pangsa. Satu lagi insentif oleh Kerajaan Negeri iaitu peruntukan 3.1 juta menaik taraf dan memulih rumah pangsa awam di Negeri Sembilan. Jadi saya sokong penuh juga dengan dasar ini iaitu selenggara infra rumah awam. Tetapi saya ingin menarik perhatian para rakan saya di Dewan yang mulia ini, iaitu rumah pangsa atau rumah *flat* swasta swasta juga tidak boleh diabaikan. Rumah pangsa dan rumah *flat* swasta di Negeri Sembilan terutamanya dalam kawasan DUN Mambau ini yang berusia puluh-puluhan tahun kini dalam keadaan usang juga. Jadi kita selalu sering menerima aduan iaitu daripada aduan rumah pangsalah, daripada *infrastructure* dan seperti kerosakan jalan dan kerosakan longkang monsun di sekitaran rumah pangsa *Flat* Rasa Jaya. Itu kawasan DUN Mambau saya, dan juga di *Flat* Desa Rasa. Yang dua-dua tempat ini.

Jadi saya ingin maklumkan, saya terima kasih kepada pihak MBS juga bahawa bahagian COB sentiasa ada membuat tinjauan apabila apabili, apabila kita, apabila mereka menerima aduan daripada Pusat Khidmat ADUN Mambau di sini dan mereka selalu ada turun padang, pihak MBS COB dan meninjau ke, meninjau ke aduan tersebut dan dan dan jawapannya ialah kena tunggu peruntukan. Itu, itu saja kita yang dinanti-nantikan. Jadi apa saya dimaksudkan bahawa pada tahun 2025 ada ada ada apa ni, ni, dasar dasar infrastruk, selenggara infra rumah awam. Saya berharap ini, perkara aduan ni boleh di, boleh dimenangi dan diselesaikan kerana memang, kerosakan jalan ini memang kita selalu mendapat aduan dari sosial media juga ada, dari dari aduan aduan panggilan pun ada. Kita selaku ADUN selalu diketuk atau ditegur oleh, oleh orang, oleh pengadu-pengadu kerana kerosakan jalan dalam kawasan *flat* ini, ini sudah lama, sudah berpuluh-puluh tahun dan MBS selenggara tidak akan masuk akan membaik pulih tempat tersebut kerana itu, kerana kawasan itu ialah rumah rumah rumah *flat* swasta. Itu ialah, Kerajaan Negeri seharusnya seharusnya memperuntukkan dana khas untuk membantu membaik pulih dan menyelenggara rumah *flat-flat* yang disebut tadi.

Tambahan ini, tambahan lagi pihak Kerajaan Tempatan seperti MBS boleh memainkan peranan yang lebih besar dengan memberi cadangan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bangunan (JMB). Saya mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menyediakan tanah khas yang boleh, yang boleh dipohon oleh JMB bagi menjalankan penyelenggaraan asas rumah *flat* ini.

Jadi untuk pengetahuan, pengetuahan, pengetahuan Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MBS juga kerana dalam ke kebelakangan tahun ini kita pun berjaya ada selesaikan beberapa masalah di *flat, flat-flat* rumah mangsa tersebut seperti mengecat, seperti mengecat dan menukar bumbung *flat* tersebut. Jadi saya terima kasih kepada MBS kerana kerana ada tindakan.

Demikian juga sekarang hanya tinggal satu saja iaitu kerosakan jalan. Itu memang teruk sekali. Saya harap pihak, pihak Kerajaan Negeri akan meluluskan dana khas untuk menyelenggarakan atau membaik pulih atau menurap semula jalan-jalan di sekeliling *flat* tersebut. Jadi pada masa ini JMB bergantung kepada yuran pengurusan bulanan yang dikutip daripada pemilik rumah *flat*. Namun kadar pembayaran yang rendah menyebabkan JMB menghadapi kesukaran untuk mengekalkan operasi harian. Malah peruntukan daripada Ahli Parlimen dan ADUN kawasan pun ada terhad. Jadi saya harap-haraplah pihak Kerajaan Negeri akan segerakan meluluskan dana khas tersebut.

Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya ada, ada lihat sosial, sosial media. Itu iaitu Majlis Bandaraya Seremban telah menghentikan penggunaan mesin bayaran *parking* pindah di kawasan bandar. Jadi walaupun mesin ini bukan menggunakan dana awam daripada MBS sebaliknya diba, dibiayai oleh pihak kontraktor, saya ingin menekankan bahawa MBS perlu melakukan kajian kebolehlaksanaan yang teliti sebelum melaksanakan sebarang dasar yang baru. Jadi ini sangat, bagi saya sangat penting kerana jika, jikalau tidak, rakyat akan hilang keyakinan terhadap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dan merasakan bahawa dasar tersebut tidak sesuai dengan keperluan mereka atau orang awam. Jadi ini saya lihat sosial media pun ada tegur kepada pihak Kerajaan Negeri. Saya, saya minta pihak MBS boleh berhati-hatilah apabila, apabila ada, ada apa dasar yang baru diumumkan.

Jadi Dato' Yang Dipertua, seperti ADUN-ADUN tadi yang dinyatakan sesuatu itu ialah tentang peruntukan, peruntukan P56. Jadi Mambau di sini juga ingin memohon pihak, pihak Kerajaan Negeri supaya boleh tambah peruntukan tahunan P56 kepada setiap ADUN kawasan untuk, untuk kita, untuk kami membiayai atau membaik pulih tempat-tempat yang, tempat-tempat yang, yang, yang, yang sudah, yang sudah rosak seperti kerosakan longkang monsun atau membaik pulih tempat-tempat awam. Jadi setakat ini peruntukan P56 untuk ADUN kawasan ialah 120 ribu setahun. Itu memang tidak mencukupi. Jadi ADUN Mambau ini berharap kalau boleh tambah sehingga 200 ribu setahun untuk 2025.

Jadi Dato' Yang Dipertua, ada beberapa perkara, perkara apa ni, aduan kawasan saya akan rujuk kepada Pengarah Jabatan masing-masing. Dan Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan perbelanjaan pada kali ini. Saya menyokong perbelanjaan Belanjawan 2025 yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan terima kasih Dato' Yang Dipertua.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Mambau. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguh mesyuarat dewan. Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan usul ini akan disambung semula pada hari Rabu; 27 November 2024 bersamaan 25 Jamadil Akhir 1446 Hijrah. Mesyuarat dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 4.56 petang]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 27 NOVEMBER 2024 (RABU)

HADIR:

Bil.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Dato' Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Dato' Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
14.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
15.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
16.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
17.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
18.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
19.	YB Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
20.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
21.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

Bil.	NAMA	KAWASAN
22.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
23.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
24.	YB Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
25.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
26.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
27.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
28.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
29.	YB Dato' Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.08 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Kota membacakan doa.

[YB ADUN Kota telah membacakan doa di bawah Peraturan IX Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara Kedua, Perutusan Yang Berhormat, Dato' Yang Di Pertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera*. Bismillahirrahmanirrahim alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wabil islami dina, wabi muhammadin nabiya warosula. Alhamdulillah* segala puji bagi Allah, Tuhan pencipta alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SWT, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga Belanjawan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini 27 November 2024, merupakan hari keempat persidangan. Di sini saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Chennah tidak dapat hadir pada hari ini kerana menjalankan tugas rasmi di Parlimen. Yang Berhormat ADUN Nilai tidak dapat hadir pada sesi pagi ini kerana hal-hal yang tidak dapat dielakkan.

Sebagaimana maklum sesi perbahasan akan disambung semula pada pagi ini. Saya amat berharap semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan seterusnya memberikan pendapat-pendapat yang meningkatkan mutu

penyampaian kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan. Hadirin sekalian, sebagaimana biasa saya ingin menyeru pada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian terima kasih. Selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Keempat)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga. Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Keempat).

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan nombor 2.

YB ADUN Pertang: *Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua, saya bangun pada pagi ini untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Mambau berkaitan dengan ancaman dan kehadiran ikan asing di perairan umum serta beberapa perkara yang berkaitan dengan ikan-ikan yang memberikan ancaman kepada kehidupan air.

Jabatan perikatan, Perikanan Negeri Sembilan memandang serius terhadap aduan ancaman ikan asing yang mengganggu habitat spesies ikan-ikan asli di perairan umum antaranya sungai, tasik, lombong, dan empangan di negeri ini. Pencerobohan ikan asing di dalam perairan umum akan memberi impak negatif kepada spesies akuatik asli dan persekitaran antaranya adalah seperti yang akan saya nyatakan. Pertama: Memberi kesan kepada persekitaran, mikroorganisma dan ekonomi negara. Yang kedua: Mengganggu rantaian makanan serta bersaing untuk ruang dan makanan dengan ikan spesies yang asli. Yang ketiga: Menghakis tebing sungai hingga menyebabkan tebing sungai runtuh. Dan yang akhir sekali ialah mengganggu kualiti serta mutu air sehingga membuatkan ianya merosot.

Antara usaha Jabatan Perikanan Negeri Sembilan bagi mengatasi masalah kehadiran ikan asing di perairan umum adalah seperti:

- Pertama: Melaksanakan aktiviti pelepasan benih ikan asli ke perairan umum bagi tujuan menambah stok ikan asli di perairan umum terutamanya di sungai-sungai di seluruh Negeri Sembilan. Untuk rekod Dewan yang mulia ini, pada tahun 2024, Jabatan Perikanan telah melepaskan benih ikan dan udang sebanyak 26 kali di seluruh Negeri Sembilan iaitu 907,600 ekor dengan nilai 163,900.00 Ringgit Malaysia.

- Ianya memberi kesedaran melalui saluran media sosial Jabatan Perikanan Negeri Sembilan berkenaan dengan kepentingan untuk memupuk sifat cintakan sungai dan melaporkan, tanggungjawab rakyat untuk melaporkan sebarang salah laku yakni melepaskan ikan asing ke perairan sungai atau menggunakan cara menangkap ikan yang terlarang seperti menuba, mengaran, memanah, dan menggunakan bom air.

- Bekerjasama dengan nelayan darat untuk maklum kepada Jabatan perikatan, Perikanan Negeri Sembilan sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti yang mencurigakan pihak lain yang tidak bertanggungjawab yang boleh menjurus kepada ancaman populasi ikan asli di perairan sungai.

- Yang keempat: Menjalankan program-program inventori perikanan untuk mengenal pasti spesies ikan yang terdapat di perairan umum. Inventori ini penting kepada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk mengambil langkah memperbanyakkan pelepasan benih ikan-ikan asli atau melaksanakan program mengeluarkan ikan-ikan asing daripada perairan sungai dengan penglibatan komuniti setempat. Antara program memburu ikan asing yang telah kita jalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sembilan ada banyak Dato' Yang Dipertua, daripada tahun 2022, 2023 dan kekerapan diteruskan pada tahun 2024.

  Dan kebanyakan ikan, spesies ikan asing ini ialah baung ekor merah yang banyak terdapat di sungai-sungai di seluruh Negeri Sembilan dan yang paling banyak sekali, yang mendominasi sungai kita ialah ikan bandaraya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, saya telah menghadiri satu program inventori dan memburu ikan asing di Sungai Kayu Ara, Mambau, Negeri Sembilan dan dijalankan pada bulan Oktober 2024 oleh Jabatan Perikanan Negeri Sembilan. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Perikanan kerana

menjemput saya untuk merasmikan program tersebut. Dan kami mendapati populasi ikan bandaraya amat banyak sehingga pada program tersebut, mencepai, mencapai lebih dari satu tan, Dato' Yang Dipertua, satu tan maksudnya 1,000kg. Jadi soalan tambahan saya, mengapa ikan ini amat membahaya kepada ekosistem dan apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan ikan ini tidak lagi mencemari sungai kita? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya sudah jangka Yang Berhormat Mambau akan bertanyakan soal ikan bandaraya ni. Maknanya *spot question* saya kenalah hari ini. Saya dah ada sedikit beberapa perkara yang berkaitan dengan bandaraya ni. Bukan Majlis Bandaraya Seremban, tak. Ikan di Bandaraya Seremban tak ada. Ini ikan bandaraya ni banyak di sungai. Tetapi kebanyakan orang bandar, dia bela ikan bandaraya dalam akuarium di rumah, kerana ikan bandaraya ni boleh menyucikan dan memakan perkara-perkara yang tidak berkaitan untuk kebaikan akuarium. Tetapi tidak baik untuk sungai kita. Saya nak maklum pada Dewan yang mulia ini, ikan bandaraya ni memang ada nama dia ikan Bandaraya. Bukan kita saja bagi nama. Ataupun yang lebih dikenali sebagai ikan tombot. Ikan tombot ni ikan bandaraya. Bahasa sains dia ialah *hypostomus plecostomus*. Mambau, soalan Mambau memang tepat kepada saya …..

YB ADUN Mambau: Haa Dato' …..

YB ADUN Pertang: …. punya *research* lah. Saya tak ada pakat dengan Mambau ni.

YB ADUN Mambau: Ramai spek, ramai Exco *speaking* haa.

YB ADUN Pertang: Apa dia? Saya tak pakat dengan ADUN Mambau ni. Tapi pasal, saya dah jangka dah dia akan tanya ni, pasal ni banyak ikan terdapat sungai kita. Ikan ni berasal daripada Amerika Tengah dan Amerika Selatan, adalah spesies ikan pendatang yang menjadi ancaman besar kepada ekosistem sungai di Malaysia terutamanya di Sungai Mambau, Negeri Sembilan. Ini kerana ancaman ini kerana menjadi ancaman kerana pertama: dominasi ekosistem. Yakni ikan bandaraya boleh mendominasi sungai dengan cepat menggantikan spesies ikan tempatan seperti haruan, baung dan sebarau. Kerana itu di Mambau kita nak cari sebarau tak jumpo, kalau nak cari baung, memang tak dapek. Kek Linggi banyak baung. Dia membuatkan penurunan populasi ikan tempatan dan gangguan kepada rantaian makanan kerana ikan bandaraya kita tak makan, Dato' Dipertua. Saya tak tahulah kalau orang mam, mintak maaf, saya tarik balik.

Kedua Dato' Yang Dipertua, kemampuan reproduksi yakni membiak dengan cepat. Ikan ni tak payah bagi makan Dato' Yang Dipertua, memang dia memang cari makan sendiri dan dia membiak dengan cepat. Mempercepatkan penyebaran mereka ke tempat-tempat habitat baru iaitu di sungai-sungai baru dia cepat merebak. Mana-mana ada sungai sambungan dengan Mambau, dia akan menambah populasi dan jugak dikuasai habitat itu oleh ikan bandaraya ni.

Yang ketiga: Penghancuran habitat. Ikan bandaraya ni cenderung untuk menggali dasar sungai. Kalau mengeluarkan pasir banyak-banyak tu, antaranya ialah peranan ikan bandaraya lah tu. Lebih kurang. Untuk membuat sarang yang boleh menyebabkan hakisan dan merosakkan struktur sungai. Ini mengganggu habitat spesies tempatan lain. Dan kebolehan ikan ini menggali lubang sedalam satu meter di tebing sungai untuk menyimpan telur.

Yang keempat: Kompetensi untuk sumber makanan. Ikan bandaraya ni Dato' Yang Dipertua, adalah pemangsa rakus kepada, yang memakan larva hidupan ikan lain seperti telur dan larva ikan tempatan yang mengurangkan jumlah ikan tempatan untuk berkembang dan membiak secara terus.

Yang kelima: penyebaran melalui akuarium. Ini yang saya sebut di awal tadi kerana banyak pemilik akuarium membeli ikan bandaraya kerana kemampuan mereka membersihkan akuarium dengan memakan alga. Namun apabila ikan ni membesar, mereka sering dilepaskan ke sungai menyebabkan penyebaran yang cepat. Jadi kerana itu orang dalam bandaraya Seremban, dalam kawasan bandar, saya mintak kerjasama mereka supaya apabila bela ikan bandaraya ni, nak dilepaskan bila dia besar, jangan lepaskan ke sungai. Buatlah penghapusan sebaik mungkin, atas nasihat Jabatan Perikanan.

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua, telah mengambil beberapa langkah untuk menghapuskan populasi ikan bandaraya di Negeri Sembilan. Berikut antara usaha yang kita buat:

Pertama: Program inventori dan buru ikan asing seperti pada setiap bulan, kita akan buat inventori, kita akan ada komuniti pemburu ikan bandaraya dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung di Kampung Kayu Ara untuk melaksanakan program yang berkenaan. Yang kedua: untuk mengenal pasti Lokasi seperti yang telah saya sebut, antara populasi popular di Negeri Sembilan ialah di kawasan sungai ataupun di kawasan Mambau. Yang ketiga: kesedaran awam. Pihak berkuasa juga mengadakan Kempen kesedaran untuk membastikan

orang ramai terutamanya pemilik akuarium supaya tidak melepaskan ikan bandaraya ini ke dalam sungai atau tasik. Kita akan ada beberapa cadangan kepada pemilik akuarium, bagaimana untuk melupuskan ikan bandaraya yang mereka ternak ataupun bela ini. Dan yang keempat: pengguna ikan bandaraya, penggunaan ikan bandaraya yang ditangkap boleh digunakan untuk pelbagai keperluan seperti baja kompos, dan makan ternakan bagi membantu mengurangkan populasi ikan ini secara efektif. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Jeram Padang.

YB ADUN Jeram Padang: [percakapan secara *off mic*]

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Jeram Padang. Jeram Padang mem, tajuk solalan dia adalah "Jalan Alternatif Baru Ke Kampung Orang Asli Panchor, Kampung Orang Asli Klebang Dan Kampung Orang Asli Lubok Lawang" ya. Ni secara tak langsung jawab, ucapan beliau semalam.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin dengan keperluan orang ramai terutama penduduk di kawasan kampung dan pendalaman untuk mendapatkan akses yang mudah dan selamat ke jalan raya utama. Kita sedia maklum juga kawasan ini juga telah dibina jalan dengan peruntukan kerajaan melalui jalan persendirian, tapi malangnya jalan tersebut rosak, mudah rosak kerana dilalui oleh kenderaan berat untuk mengeluarkan hasil daripada ladang-ladang ataupun tanah-tanah persendirian.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat isu ini telah diberi maklum dan, kepada Perbadanan Aset Keretapi oleh Yang Berhormat sendiri. Sehubungan itu, satu lawatan Yang Berhormat bersama wakil Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah diadakan pada 20 Jun 2024 bagi meneliti perkara ini. Dan saya ucapkan tahniah atas usaha dan kesungguhan bagi memastikan kita dapat menyelesaikan isu tersebut. Dan semasa lawatan ke lokasi yang dicadangkan bagi pembinaan lintasan tersebut adalah berdekatan KM27, Jajaran Pantai Timur, Mukim Jelai, Daerah Jempol. Hasil lawatan mendapati kawasan tersebut telah diduduki oleh, secara tidak sah memandangkan terdapat aktiviti tanaman dan juga sebuah struktur pondok telah didirikan. Ini tak ada masalah sebenarnya untuk kita ambil tindakan.

Dalam hal ini, Perbadanan Aset Keretapi selaku pemilik dan pengurus aset kereta api akan mengkaji cadangan reka bentuk lintasan yang

sesuai serta ulasan-ulasan teknikal daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan seperti Keretapi Tanah Melayu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum diangkat untuk kelulusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat, dan saya yakin perkara ini juga telah dipanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, dan saya yakin bahawa perkara ini akan mendapat perhatian dan kita akan terus melibat perkembangan permohonan ini. *Insya-Allah,* terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Jeram Padang: Soalan tambahan. YB Sikamat, sebenarnya kalau perbincangan peringkat awal daripada JAKOA dan dengan, apa tu, JAKOA, tak ada masalah, KKW, JAKOA dengan KKW tak ada masalah dari segi peruntukan. Cumanya halangannya Dato' Seri, cumanya halangannya adalah keizin untuk menggunakan tanah RAC itu. Itu saja halangannya sekarang sebab peruntukan daripada JAKOA dan KDW tak ada masalah. Dan ikut teknikalnya memerlukan pondok pengawal, penghalang lalu lintas untuk kereta api pun semua kita ikut apa yang teknikal dia nak. Cuma halangannya sekarang kelulusan saja sebab penantian untuk orang Asli ni selama 30 tahun melibatkan 3 kampung dan melibatkan 2,000 pengundi saya di Jeram Padang. Mohon Dato' Seri beri perhatian. Terima kasih Dato' Seri.

YB ADUN Sikamat: Terima kasih itu bukan soalan tambahan. Itu tambahan, makluman ya. Terima kasih dan saya yakin bahawa, yang saya katakan tadi bahawa kita *insya-Allah* akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pengangkutan bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan. Dan jika Kementerian Luar Bandar (KKW) saya yakin bahawa kelulusan ini penting disegerakan daripada segi teknikal saja saya rasa. Dan saya harap bahawa ini dapat kita selesaikan *insya-Allah* pada tahun hadapan *insya-Allah*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Sri Tanjung.

YB ADUN Sri Tanjung: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Sri Tanjung soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, hasil sumber wakaf Amanah Tanah Perkuburan. Terima kasih ADUN Sri Tanjung. Dato' Yang Dipertua, hasil sumber wakaf amanah tanah perkuburan dikenali sebagai Tabung Amanah Sumbangan Perkuburan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9(1), Akta Tatacara Kewangan 1957. Terimaan Tabung Amanah ini diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

- Pertamanya: Wang yang diterima daripada pemaju atau pemilik tanah sebagai kos sumbangan tanah perkuburan.
- Keduanya: Sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun, Agensi Swasta, Pertubuhan Sukarela, individu dan sumber kewangan yang lain.

Berdasarkan rekod sehingga 25 Oktober 2024, jumlah terimaan di bawah Tabung Amanah ini adalah sebanyak RM1.5 juta. Merujuk kepada Arahan Amanah di bawah Tabung ini hendaklah digunakan bagi tujuan berikut: pertamanya: Bayaran untuk pewujudan tapak perkuburan baru. Kedua: Bayaran pengambilan balik tanah, pampasan atau ganti rugi yang melibatkan kerja-kerja pewujudan tapak perkuburan baru. Ketiga: Bayaran untuk kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf infrastruktur yang melibatkan tapak-tapak perkuburan baru. Dan yang keempat: Bayaran pampasan atau ganti rugi yang melibatkan kerja-kerja pembinaan dan menaiktaraf infrastruktur melibatkan kawasan perkuburan baru.

Permohonan boleh dibuat kepada Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Port Dickson bagi tujuan seperti yang dinyatakan di atas dan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Sumbangan Perkuburan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Seri Menanti. Soalan yang amat lazim, kesesakan lalu lintas jalan Seremban – Kuala Pilah. "Apakah status jalan baru Seri Menanti - Ulu Sepri bilakah dua projek dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya?" Terima kasih soalan tersebut. Bagi projek Membina Jalan Daripada Seri Menanti, Kuala Pilah Ke Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan, status semasa projek ini sedang melaksanakan kerja-kerja Penyiasatan Tanah serta Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 4. Dan *alhamdulillah* berjalan dengan baik.

Manakala, bagi projek Membina Jalan Penghubung antara Kampung Guntur Ke Langkap, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, status semasa projek adalah dalam proses Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 8 dan Penyediaan Laporan bagi Kelulusan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar. Berikut adalah maklumat serta status kemajuan di tapak bagi kedua-dua projek tersebut:

- Membina Jalan Seri Menanti, Kuala Pilah, Ulu Sepri melibatkan 106.8 juta. Mula tahun, tahun 2022 dan siap sepatutnya pada 12 haribulan 7 2026.

- Bagi Membina Jalan Penghubung Di Antara Kampung Guntur Ke Langkap, Kuala Pilah: 58.66 juta. Bermula pada 11 haribulan 10, 2021 dan akan siap ada 21 haribulan 5, 2027.

Untuk makluman, kerja-kerja bagi projek ini sedang giat dilaksanakan. Terdapat beberapa isu teknikal di tapak yang menyebabkan perjalanan projek ini menjadi lewat. Dijangkakan kerja-kerja fizikal bagi kedua-kedua projek ini dapat dilaksanakan sebaik sahaja proses Pengambilan Tanah dan EIA diselesaikan memandangkan ia melalui kawasan hutan yang sedia ada. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Rahang. Eh, mintak maaf. Serting.

YB ADUN Serting: *Assalamualaikum*, selamat, selamat sejahtera. Soalan nombor 1, Yang Dipertua.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Serting yang berkenaan santuni penganut agama selain Islam. Untuk makluman Yang Berhormat Serting, sebarang permohonan untuk membina tempat ibadat atau rumah ibadat perlu dikemukakan kepada PBT yang berkenaan. PBT akan mendapatkan ulasan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta agensi teknikal yang berkaitan. Setiap permohonan akan dipertimbangkan dengan merujuk kepada Garis Panduan Pembangunan Rumah Ibadat. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Rahang bencana alam dan kesiapsiagaan negeri.

YB Yang Dipertua Dewan: Nombor 1 ke, nombor 2, soalan? Nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: 1 kan? ADUN Rahang. Rahang. Oh *sorry*, minta maaf.

YB ADUN Pilah: Okey. Terima kasih Rahang bertanyakan soalan. Soalan mengenai apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sembilan bagi memastikan program bantuan sosial yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025 mendapat memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan dan bagaimana Kerajaan Negeri Sembilan menilai keberkesanan program-program meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Dato' Yang Dipertua, melalui Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Oktober yang lalu dalam mensejahterakan rakyat ke tahap bahagia, pelbagai jenis bantuan kebajikan disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Antaranya, bantuan tunai khas untuk keluarga miskin, OKU dan warga emas dengan kadar bulanan seperti berikut:

- Satu: Bantuan Warga Emas dinaikkan kepada 600.00 ringgit. daripada 600.00, daripada 500.00 sebulan.

- Kedua: kadar Bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin dinaikkan kepada Ringgit Malaysia 250.00 daripada 200.00 Ringgit Malaysia bagi seorang anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah. Serta kepada Ringgit Malaysia 200.00 daripada 150.00 bagi seorang anak yang berumur 7 tahun hingga 18 tahun dengan maksimum Ringgit Malaysia 1,000.00 ringgit sekeluarga.

- Ketiga: kenaikan syarat kelayakan pendapatan penerima bantuan elaun iaitu pekerja Orang Kurang Upaya kepada Ringgit Malaysia 1,700.00 daripada Ringgit Malaysia 1,500.00.

- Keempat, peruntukan Bantuan OKU pada 2024 sebanyak Ringgit Malaysia 1.2 bilion dinaikkan kepada Ringgit Malaysia 1.3 bilion pada tahun 2025.

- Kelima, kenaikan syarat dan kelayakan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar daripada Ringgit Malaysia 3,000.00 kepada Ringgit Malaysia 5,000.00.

Ini untuk memastikan program bantuan sosial yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025 dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat ya. Antara langkah yang diambil untuk mencapai matlamat ini termasuklah:

- mengumpulkan data dan golongan sasaran ya. Pengumpulan data yang tepat melalui kerjasama dengan agensi pihak kerajaan, Pihak

Berkuasa Tempatan dan Badan Bukan Kerajaan adalah penting untuk memastikan bantuan sampai kepada mereka yang berhak. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengadakan kerjasama dengan jawatan pembangunan keselamatan kampung iaitu JPKK dan pemimpin setempat dalam rujukan kes-kes yang memerlukan bantuan segera.

- Kedua: meningkatkan infrastruktur penyampaian iaitu merangkumi memastikan bantuan sampai ke tangan penerima dengan cepat dan tepat ya. JKM juga mengadakan pelbagai langkah alternatif antaranya penugasan pegawai JKM di pusat khidmat DUN. Kedua program *outreach* iaitu Pegawai JKM hadir di lokasi-lokasi terpilih untuk memudahkan orang ramai hadir dan tidak perlu ke pejabat. Ketiga, mewujudkan *team on call* di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang menangani kes-kes rujukan dengan segera. Kelima, mewujud, keempat, mewujudkan secara berkala pasukan *task force* bagi mengendalikan kes-kes permohonan baru dan rujukan yang berkesan.

- Dengan ini program bantuan sosial juga dipantau secara berkela, berkala mengikut Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan dan Negeri yang sedang berkuat kuasa. Ini adalah untuk memastikan ia berfungsi dengan baik dan tiada penyelewengan dan ketirisan.

- Keempat, kemudahan akses dan penglibatan komuniti. Ini merangkumi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang wujudnya dan kelayakan untuk menerima bantuan sosial ini melalui saluran komuni, komunikasi yang jelas termasuk media sosial, aplikasi mudah alih dan kerjasama dengan masyarakat setempat.

Kerajaan Negeri melalui JKM memantau dan menilai semua keberkesanan program-program ini dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui:

- Kajian semula iaitu penerima bantuan bagi kes-kes produktif iaitu Skim Bantuan Am, Bantuan Kanak-Kanak dan Elaun Pekerja Kurang Upaya dikaji semula di setiap tahun bagi menilai kelayakan semasa pemohon sama ada boleh dilanjutkan atau masih memerlukan bantuan JKM lagi atau ditamatkan yakni telah melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kelulusan bantuan ini yang diberikan dalam bentuk tempoh satu tahun.

- Kedua: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah membuat inisiatif dengan menjalankan Kajian Penilaian Keberkesanan

Pemberian Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar, Pesakit Kronik terlantar bagi penerima bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan dan kajian ini dijangka akan diperluaskan di negeri-negeri lain termasuk Negeri Sembilan.

- Ketiga: Audit dan naziran dilakukan secara berkala oleh Kementerian Pembangunan Keluarga Dan Masyarakat serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri ke daerah sekurang-kurangnya setahun 2 kali.

- Keempat: Penetapan Indikator Kejayaan (KPI).

Kerajaan Negeri Sembilan juga telah menetapkan Program Miskin Tegar Sifar pada tahun 2023 dan 2024. Program ini telah memperolehi kejayaan pada tahun 2023. Program Miskin Tegar Sifar juga telah diteruskan pada tahun 2024 dan JKM adalah salah satu agensi yang memberi bantuan dan terlibat dalam pelaksanaan program ini. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kota soalan nombor 1.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Kota bertanyakan tentang soal padang sekolah ya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya memang masih banyak lagi sekolah yang tak mempunyai padang ni. Contoh saya berikan di daerah Port Dickson ada 2 sekolah yang tak ada padang. Di Kuala Pilah ada 7 sekolah. Di Tampin ada 13 sekolah. Di PPD Seremban lebih banyak lagi iaitu ada 24 sekolah yang tak ada belum mempunyai padang. Dan sebahagian sekolah ini pula dia berkongsi padang contohnya di Kuala Pilah ini macam sekolah Tengku Kurshiah, Sekolah Kebangsaan dan sekolah menengah ni dia berkongsi padang dengan Sekolah Zaaba ataupun TMS.

Apa pun Dato' Dipertua, mengenai padang ni kita, sebenarnya pihak sekolah boleh memohon ya, kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk kawasan, kalau ada kawasan lapang yang kalau di luar daripada kawasan sekolah, kawasan sekolah tak cukup buat padang, kalau ada kawasan yang berhampiran dengan sekolah, boleh saja mohon ya, kepada, melalui Jabatan Pendidikan Daerah ataupun kepada JPNS sendiri. Dan ini memang berlaku dari semasa ke semasa. Contohnya sekarang ini kita sedang menaik taraf beberapa padang di di Negeri

Sembilan. Sekolah Kebangsaan Sungai Jai sedang naik taraf padang, Sekolah Kebangsaan Daching, Sekolah Kebangsaan Jijan. Dan yang terbaru kita dah, sedang memohon ya, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan sedang memohon padang untuk sekolah menengah, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Semarak sebab, kita maklum bahawa ada tanah kosong berhampiran dengan kawasan sekolah ni. dan kita dah minta JPNS untuk memohonlah untuk padang sekolah.

Jadi di masa yang sama Dato' Yang Dipertua, mengenai peralatan sukan, memang tak ada peruntukan khas bagi peralatan sukan sekolah-sekolah. Tinggal lagi kita ada apa disebut sebagai Geran Perkapita Mata Pelajaran. Semua sekolah ada ni, Geran Perkapita Mata Pelajaran. Dan pihak sekolah bolehlah membeli menggunakan sebahagian daripada peruntukan itu untuk membeli peralatan sukan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Kota: Terima kasih Yang Berhormat Exco. Untuk makluman Yang Berhormat Exco sekolah, Kampung Tanjung yang saya maksudkan ini terletak betul-betul di sebelah landasan kereta api ya. Jadi keperluan kemudahan padang yang padang di sekolah-sekolah ini amat perlu untuk aktiviti riadah anak-anak sekolah. Jadi apakah boleh jika kita cari lokasi baru untuk kita pindahkan sekolah tersebut ke lokasi yang lebih besar, mungkin lebih selesa, yang lebih sesuai mengikut keperluan yang perlu ada di setiap sekolah? Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Mengenai Sekolah Kebangsaan Tanjung ni, saya pun, kita tak ada maklumat sini tentang berapa ramai murid sekolah tu dan sebagainya. YB pun tak bagi kan. Kita tengok keadaan. Kalau, sekarang ni kita mintak pindahkan sekolah ni sebab tak ada padang kerana difahamkan padang sebelah sekolah ni jalan keretapi eh? Jalan keretapi ya, YB? Tak ada, tak ada padang nak pindah sekolah pulak. Nanti kita tengok, kita akan, saya mintak jabatan untuk siasat kedudukan Sekolah Kebangsaan Tanjung ni, apakah ada keperluan untuk pindah sekolah disebabkan tak ada padang ataupun boleh kita cari alternatif kalau ada kawasan berhampiran yang ada kawasan lapang yang boleh kita mintak sekolah memohon bagi tujuan padang sekolah ini. Terima kasih YB.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan Chuah nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menjawab sekali lagi bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Chuah berkaitan

dengan penyelesaian isu tanah PFA ataupun *Pig Farming Area* di kawasan Port Dickson, di kawasan Teluk Pelanduk, Bukit Pelanduk. Ini adalah antara isu yang telah merentasi beberapa zaman Dato' Yang Dipertua, agak lama. Sudah melebihi, melangkaui 24 tahun. Dan saya nak mintak izin daripada Dato' Dipertua, untuk membuat sedikit penjelasan secara *detail* di dalam topik yang berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, pada 3 Februari tahun 2021, MMK (Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan) Negeri telah memutuskan penubuhan sebuah *task force committee* dengan izin, untuk mengkaji pembangunan di kawasan PFA di Bukit Pelanduk. *Task force* tersebut dipertanggungjawabkan untuk meneliti dan membincangkan isu-isu perlaksanaan pembangunan di kawasan PFA seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian. Di samping ta, di samping itu Dato' Yang Dipertua, *task force* ini juga telah pun berjumpa dan berbincang dengan pemegang taruh serta bertindak sebagai pemudah cara bersama pihak-pihak yang berkepentingan dan pihak-pihak yang terlibat.

Di antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu menyelesaikan isu yang telah berlarutan lebih daripada 20 tahun ini, secara dasarnya Kerajaan Negeri tiada halangan dengan cadangan untuk meneruskan aktiviti penternakan babi di kawasan PFA. Walau bagaimanapun, pengusaha perlu menepati 2 syarat utama. Pertama iaitu aktiviti penternakan hendaklah dijalankan secara moden dan ditutup secara menyeluruh. Keduanya, tiada sebarang kotoran dilepaskan daripada pusat penternakan. Maknanya *zero discharge*.

Justeru itu *task force* yang ditubuhkan telah mengadakan sesi libat urus bersama pemilik pada 20 November tahun 2021 di Dewan Kampung Baru Tanah Merah Site A. Dan berdasarkan dapatan daripada sesi *town hall* yang diadakan 53% telah mengemukakan maklum balas borang soal selidik. Daripada hasil dapatan soal selidik ini Dato' Yang Dipertua, 79% responden melibatkan pemilik berhasrat untuk menjual tanah terbabit sama ada secara terus atau berserta dengan infrastruktur. Statistik ini dijadikan asas di dalam perancangan pembangunan serta sebagai panduan bagi yang berkaitan dengan aktiviti penternakan di kawasan ini. Berikutan dapatan tersebut, *task, task force* berkenaan telah mencapai objektif penubuhan Jawatankuasa *Task Force* ini.

Kini Dato' Yang Dipertua, usaha rundingan pembangun sedang digalas oleh agensi berkaitan dengan pelaburan negeri bagi mengenal pasti pelabur yang bersesuaian dalam usaha perlaksanaan perancangan yang melibatkan kawasan ini. Kawasan PFA ini seperti yang telah pun kita semua sedia maklum, sangat luas, mempunyai keluasan 713.3 hektar

yang melibatkan 374 lot yang berada berhampiran dengan kawasan sempadan Sepang dan Port Dickson. Menilai kepada kemajuan kawasan sekitar dan kedudukan kawasan ini, rancangan pembangunan yang melibatkan Parcel Pembangunan *Malaysian Vision Valley 2.0* direncanakan secara holistik di kawasan PFA. Kawasan PFA Bukit Pelanduk merupakan kawasan yang telah diwartakan di bawah Majlis Perbandaran Port Dickson iaitu nombor warta 797 yang bertarikh 10 Oktober tahun 2024. Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan bersama dengan Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Perbandaran Port Dickson telah menyediakan Rancangan Tempatan *Malaysian Vision Valley* ataupun RT MVV *2045* dengan izin, bagi merancang pembangunan di seluruh daerah Seremban dan Port Dickson. Jadi kerana itu berdasarkan RT ataupun Rancangan Tempatan *Malaysian Mission Valley* tersebut, kawasan ini terletak di Blok Perancangan 2 Jimah, Port Dickson. Dan cadangan pembangunan di RT MVV ini telah mengezonkan kawasan tersebut sebagai zon Pembangunan Bercampur yang meliputi zon guna tanah industri, komersial dan perumahan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Chuah: Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas jawapan daripada apa ni Exco. *So,* soalan tambahan saya, berdasarkan status terkini *Pig Farming Area* seperti yang disebutkan oleh YB Exco sebentar tadi, apakah langkah susulan yang sedang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan di kawasan PFA ini?

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, oleh kerana isu ini adalah merupakan isu *public interest* ataupun isu yang berkaitan dengan masyarakat di kawasan Bukit Pelanduk ini, maka suka saya nyatakan ya, pada masa ini, usaha sedang ditumpukan di sekitar kawasan dengan pertimbangan untuk RFP ataupun *request for proposal* tanah milik SD Guthrie yang berhampiran sekitar dengan kawasan PFA, yang telah pun dibincang dan hampir dimuktamadkan. Sebarang bentuk pembangunan di kawasan tersebut untuk makluman Yang Berhormat, melibatkan tapak PFA dan akan dibangunkan secara holistik bagi memastikan satu bentuk pembangunan yang terangkum.

Usaha selepas ini Dato' Yang Dipertua, sekiranya terlaksana ya, sekiranya perancangan ini dapat mencapai kata putus, akan melibatkan bentuk usahasama Perbadanan Negeri Sembilan dengan pelabur yang berpotensi bagi berunding dengan pemilik tanah bagi tujuan pembangunan di kawasan ini. Usaha pembangunan ini melibatkan kawasan tanah sekitar 15,000 ekar dalam Parcel C *Malaysian Vision Valley 2.0* dan secara real, secara realistiknya, secara realistiknya Dato' Yang Dipertua ianya tentunya memakan masa yang panjang ya. Kerana itu ia diposisikan antara tumpuan dalam Kluster Industri Rentas

Sempadan Wilayah Tengah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Kerajaan Negeri Sembilan serta negeri Selangor Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih Yang Dipertua. Soalan saya nombor 9, eh, soalan nombor 1.

YB Yang Dipertua Dewan: Ya Yang Berhormat.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lenggeng yang mengemukakan soalan nombor 9 iaitu berkenaan dengan usaha pemutihan produk inap desa di DUN Lenggeng. Saya masih ingat pada 2019, saya bersama dengan pasukan penyelamat yang menerima liputan antarabangsalah iaitu kehilangan, kes kehilangan Nora Ann. Itu 2019. Di situlah bermulanya proses pemutihan untuk rumah-rumah inap desa di situ. Bayangkan sudah 5 tahun berlalu, masih ada pengusaha yang memberitahu saya mereka tidak menerima apa-apa notis berkenaan dengan pemutihan ini. Saya rasa ini tidak masuk akallah. Okey.

Sehingga September 2024, status pelaksanaan Program Pemutihan Resort / Chalet Yang Berisiko Dan Tiada Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) di dalam kawasan seliaan MBS adalah seperti berikut: jumlah resort yang terlibat dalam pemutihan adalah 40, jumlah permohonan yang diterima – 2, yang lulus – kosong, tidak lulus – dua, dalam tindakan – kosong. Jumlah resort yang belum kemukakan permohonan adalah 38. Pihak Majlis telah mengeluarkan notis kepada resort atau chalet yang beroperasi tanpa kelulusan kebenaran merancang. Dan tempoh akhir pemutihan sehingga 31 Disember 2024 sahaja. Terdapat 27 premis resort atau chalet yang berada di DUN Lenggeng yang mana 4 premis telah memperolehi kelulusan KM manakala 23 masih belum mengemukakan permohonan KM.

Berdasarkan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan yang bersidang pada 28 Ogos 2024, telah bersetuju tindakan pemutihan bagi pembangunan yang beroperasi tanpa KM dibuat dan tempoh akhir pemutihan sehingga 31 Disember 2024 sahaja. Pihak Majlis telah mengeluarkan notis kepada resort atau chalet yang beroperasi tanpa kelulusan KM dan tempoh akhir pemutihan sehingga 31 Disember sahaja. Berulang, maaf ya. Sekiranya pengusaha premis masih gagal mematuhi notis yang dikeluarkan, tindakan penguatkuasaan akan

dilaksanakan oleh MBS dan arahan penutupan premis boleh dikeluarkan selaras dengan keputusan MMK yang bersidang pada 28 Ogos 2024.

YB ADUN Lenggeng: Soalan tambahan. Tadi saya saja je tadi tu. Sekiranya berakhir hujung tahun ni, adakah rayuan masih dibuka kepada mereka sebab kita tengok tadi lebih 20 lebih masih lagi tak mohon KM. Untuk mohon KM ni perlukan modal yang besar. Jadi ada yang datang berjumpa saya lah.

YB ADUN Bukit Kepayang: Memang itu adalah keputusan MMK. Jikalau mereka rasa modal besar, mereka harus masuk permohonan dulu. Sekarang tak ada usaha langsung untuk memohon KM tu. Saya minta semua pihak supaya masukkan permohonan KM dulu. Dan kita boleh cuba bincang. Tapi jikalau tak ada permohonan KM dimasukkan, maka bergantung kepada keputusan MMK, maka ia tidak akan, tiada kompromi kerana ini melibatkan isu keselamatan. *So* saya ha, saya haraplah pengusaha-pengusaha ini tidak mengambil jalan mudah dan memberi alasan yang macam-macam. Kerana ada yang datang jumpa saya, minta macam-macam. Minta jalan, minta papan tanda, minta macam-macam kemudahan. Saya beritahu dia, *you* belum masuk KM lagi, *you* nak minta macam-macam. Minta, masukkan permohonan KM dulu, baru kita bawak bincang. Okey? Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: *Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua, soalan, soalan nombor 1.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Paroi yang berkenaan dengan kelestarian alam kawasan perindustrian. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar di kawasan perindustrian baru melalui pelbagai inisiatif dan dasar. Antara langkah yang diambil adalah termasuk:

- Yang pertama: Penggunaan Teknologi Hijau: Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam sumber tenaga boleh diperbaharui dalam operasi industri. Sebagai contoh, syarikat Nestlé Malaysia telah membina Loji Janakuasa Biojisim di Kawasan Perindustrian Chembong, Rembau, yang menggunakan sisa sawit sebagai bahan bakar, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 14,000 tan *carbon dioxide* setara setahun. Selain itu, Syarikat Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar, Senawang telah melabur kira-kira

Ringgit Malaysia 7.0 bilion bagi membangunkan kilang pembuatan bateri sel EV (kenderaan elektrik), yang pertama di Asia Tenggara. Pelaburan ini berperanan penting dalam menyokong peralihan teknologi, peralihan teknologi kepada kenderaan elektrik global, yang selaras dengan matlamat Malaysia untuk mengurangkan karbon dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau dalam industri automotif. Kilang ini juga menyediakan peluang pekerjaan dan menyokong misi negara untuk mencapai sasaran sifar karbon menjelang tahun 2050 melalui pengeluaran bateri yang lebih efisien dan mesra alam. Untuk Syarikat Coca-Cola Malaysia di Bandar Enstek juga aktif dalam projek-projek mesra alam melalui inisiatif kitar semula, serta program pemuliha, pemuliharaan air bersama organisasi tempatan seperti *Malaysian Nature Society* dan *Muslim Aid Malaysia*. Syarikat juga terlibat dalam memberi akses air bersih kepada komuniti di kawasan pedalaman. Dan komitmen ini membuktikan bahawa sokongan Coca-Cola terhadap kelestarian dan kesejahteraan khususnya kepada komuniti tempatan. Syarikat-syarikat tersebut bukan hanya mengukuhkan industri teknologi hijau di Negeri Sembilan, malahan juga turut menyokong agenda nasional Malaysia dalam usaha kelestarian dan pengurangan jejak karbon melalui pendekatan inovatif dan pelaburan besar dalam teknologi hijau.

- Yang kedua, Garis Panduan Perancangan Kawasan Perindustrian Negeri Sembilan. PLANMalaysia Negeri Sembilan telah mengeluarkan satu garis panduan khusus untuk perancangan kawasan perindustrian, memastikan pembangunan yang mampan dan mesra alam.

- Yang ketiga: Melalui Kerjasama Awam-Swasta. Kerajaan Negeri menekankan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam pembangunan ekonomi rendah karbon, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Dasar Tenaga Negara. Ini termasuk menggalakkan industri beralih kepada penggunaan teknologi hijau bagi mengurangkan pelepasan karbon.

- Yang keempat: Pembangunan Kawasan Perindustrian Berkonsepkan Kelestarian: Pembukaan kawasan industri baharu SPD Techvalley di Senawang dengan keluasan 523 ekar di bawah pemaju Seri Pajam Development Sendirian Berhad dirancang sebagai taman perindustrian berkonsep *Smart Sustainable Managed Industrial Park* dan merupakan yang pertama di Asia Tenggara mendapat pensijilan *Leadership in Energy and Environment Design (LEED)* dengan izin, untuk bandar dan komuniti industri,

menekankan amalan kelestarian dan pematuhan kepada standard ESG.

Setiap pembangunan industri dalam kawasan perindustrian adalah tertakluk di bawah peraturan berkaitan bagi kawalan pencemaran udara dan sisa buangan. Semua ini hendaklah dikendalikan mengikut peraturan dan pemantauan berterusan dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974 dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan pembangunan perindustrian yang seimbang dengan pemeliharaan alam sekitar, menjamin kelestarian untuk generasi masa akan datang. Terima kasih.

YB ADUN Paroi: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Yang pertama, adakah pegawai penguatkuasaan cukup untuk melakukan pemantauan yang berterusan? Apakah langkah dan strategi kerajaan ya, dalam memastikan tiada berlaku penyebaran, pencemaran terutama pencemaran kepada sumber air iaitu yang yang pertamalah ya, dalam. Yang keduanya ialah saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Exco kepada perkembangan global dan sektor perindustrian yang yang telah diterangkan tadilah, memberi penekanan kepada prinsip kelestarian alam melalui penerapan inisiatif tenaga boleh diperbaharui *(renewable energy initiative)* lah. Berkaitan dengan *Malaysian Vision Valley* 2.0 yang berpotensi menjadi hab industri utama di Negeri Sembilan, soalan saya adakah kerajaan telah ya, menetapkan dasar ataupun SOP atau insentif khusus bagi memastikan ya, pelabur sedia ada dan akan datang ini diwajibkan ya, untuk mengintegrasikan tenaga, teknologi tenaga boleh diperbaharui dalam operasi mereka? Saya berpandangan bahawa ini adalah masa yang kritikal untuk memulakan langkah tersebut kerana pembangunan *Malaysian Valley* 2.0 di peringkat awal. Wallahu'alam.

YB ADUN Bahau: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Paroi. Yang pertama mengenai, adakah *enforcement* ataupun penguatkuasaan kita cukup ataupun tidak. Saya rasa setakat ini Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua agensi, kerja-kerja penguatkuasaan termasuk kerja-kerja pemantauan kilang ini memang mencukupi. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya semua ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini, sama-sama kita memastikan bahawa jikalau kita menerima apa-apa adu, aduan ataupun maklum balas daripada orang awam, sila maklumkan kepada saya ataupun kepada Jabatan Alam Sekitar ataupun kepada PBT. Dan sudah tentunya kita akan mengambil tindakan yang segera untuk memastikan tak ada sebarang insiden pencemaran berlaku di Negeri Sembilan. Dan sudah tentunya dalam perkara ini, rasa kita bersama khususnya hari tu saya sudah sebut, Yang Amat

Berhormat Menteri Besar kita memang sangat prihatin terhadap isu alam sekitar khususnya kepada mana-mana saja syarikat yang melakukan kesalahan, kita tidak akan bertolak ansur. Dan kita akan mengambil tindakan yang paling tegas terhadap syarikat ini.

Dan untuk menjawab soalan tambahan yang kedua, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Paroi, dari segi macam mana persiapan Kerajaan Negeri untuk memastikan sektor industri kita, kita dapat memastikan khususnya dari segi inisiatif teknologi hijau ataupun dari segi penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui. Saya rasa ini salah satu soalan yang cukup baik di mana saya rasa pada hari ini apa-apa sahaja peran, perancangan sebenarnya dia tak kiralah perindustrian, perumahan ataupun dari segi perbandaran, yang sangat penting kita memang fokus kepada ESG. Saya boleh dikatakan pada hari ini rasanya tak ada mana-mana lagi industri ataupun pelaburan yang membawak kilang-kilang yang industri dia ataupun yang operasi-operasi dia akan mengeluarkan banyak asap ataupun mencemarkan alam sekitar kita. Sebab untuk Kerajaan Negeri, kita memang fokus untuk menarik pelabur-pelabur yang berkualiti, di mana pelabur yang masuk ke negeri kita kebiasaannya adalah pelabur yang mengamalkan teknologi hijau ataupun pelabur yang benar-benar boleh membawa manfaat kepada negeri kita. Jadi saya rasa itu yang saya ingin sampaikan terima kasih.

YB ADUN Gemencheh: Mohon soalan tambahan *Speaker*. Saya mohon Exco jawab tentang tempoh hari di, bukan tempoh harilah, di kawasan saya pun atau di kawasan lain yang ada kilang sawit ni, kita ada pencemaran air. Air tu bertukar kepada *color* hitam tapi penguatkuasaan dia tak boleh, tiada orang cakap, tiada penguatkuasaanlah. Orang cakap, tiada boleh diambil tindakan. Itu amat mendukacitakanlah. Pasal air itu berubah kepada, *color* tu, berubah *color* itu tak boleh diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

YB ADUN Bahau: Okey, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Gemencheh. Saya rasa jikalau ia benar berlaku, memang sesuatu yang tak boleh diterimalah. Saya rasa Exco Alam Sekitar kita, jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi kita, kita memang sentiasa memandang seriuslah khususnya kepada mana-mana sahaja industri ke, tak kiralah perniagaan dia yang menyebabkan pencemaran, sudah tentunya kita akan ambil tindakanlah. Mungkin saya mohon Yang Berhormat Gemencheh, lepas ni bagi maklumat kepada saya. Mungkin saya boleh bantulah untuk tujukan kepada jabatan yang berkenaan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Tuan *Speaker*. Soalan saya nombor 2.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada YB Gemencheh yang bertanyakan tentang TVET ya. Dan sukacita saya nak jawab soalan Gemencheh ni, disekalikan dengan soalan daripada ADUN Seremban Jaya juga, ada bertanya TVET ni ya, soalan TVET.

Dato' Yang Dipertua, di Negeri Sembilan memang kita amat mengambil beratlah, amat menggalakkan anak-anak kita yang terlibat dengan TVET ataupun Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional ni. Ini kita memang lihat secara serius. Dan contohnya kita dah tubuhkan pun Majlis Perundingan TVET di peringkat Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh YAB MB sendiri dan jugak jawatankuasa teknikal ya, eksekutif yang saya pengerusikan. Jadi di Negeri Sembilan ni kalau kita lihat dari segi TVET ni Dato' Yang Dipertua, kita ada 3, boleh pecahkan kepada 3 agensi lah. Pertama sekali ialah apa yang kita sebut sebagai Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) di Kuala Pilah,ini yang pertama. Yang keduanya kita juga mempunyai Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Sembilan (NSSDC) di Mantin. Dan yang ketiga yang terlibat dengan TVET ialah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, bagi Kolej Yayasan Negeri Sembilan, ini kita sendiri punya ya, Negeri Sembilan sendiri punya institusi TVET ni, kita mempunyai pelbagai bidang yang kita tawarkan. Dan kita menggalakkan, orang kata kolaborasi. Contohnya di Kuala Pilah TVET KYNS di Kuala Pilah kita ada, contoh di bidang hospitaliti ya, pada tahun lepas KYNS menjalinkan hubungan kerjasama dengan industri perhotelan di Negeri Sembilan seperti Lexis Hibiscus Hotel dan jugak Klana Resort. Jadi ini untuk memberi latihan khusus kepada pelajar-pelajar TVET yang mengambil bidang hospitaliti lah.

Di masa yang sama bidang automotif contohnya di Kuala Pilah juga, KYNS juga mempunyai hubungan dengan sektor industri automotif seperti perjanjian persefahaman dengan Toyota Laser Motor Group (LMG) ni, yang membantu untuk memperkasakan bidang automotif di KYNS. Ini pun sudah sedang berjalan Dato' Yang Dipertua, dan sejumlah pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus ini. Dan sepertimana kita sedia maklum bukan mudah nak dapatkan satu kerjasama dengan Toyota ni, mereka ada reputasi yang tertentu. Tapi alhamdulillah, KYNS dapat menjalin hubungan kerjasama ni dan ini memberikan peluang kepada anak-anak pelajar kita mendalami ilmu automatif lah.

Di masa yang sama juga, KYNS, Dato' Yang Dipertua, kita, baru-baru ni Yang Amat Berhormat telah pun mengumumkan ya, sejumlah peruntukan yang agak besar bagi tujuan insentif TVET ya, kepada KYNS sebanyak 5.25 juta di, telah pun diluluskan, telah pun dibawa ke Dewan ini dan dibacakan hari Jumaat lepas, tujuannya untuk membantu KYNS, anak-anak Negeri Sembilan untuk menceburi pelbagai bidang ditawarkan di KYNS, yang mana bidang-bidang ini semuanya berkaitan dengan kemahiran Dato' Yang Dipertua.

Dan di pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kita memang banyak program. Seawal persekolahan lagi kita dah dedahkan anak-anak kita ini dengan mata pelajaran kemahiran ya, banyak program yang dibuat. Contohnya Karnival TVET Permotoran Parlimen Seremban di SMK Mantin, Hari Profesion Teknikal Negara Peringkat Negeri Sembilan, semuanya melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Jadi untuk Yang Dipertua, memang Negeri Sembilan kita memang menggalakkan. Dan yang kita harapkan ialah promosi ya, promosi kepada anak-anak Negeri Sembilan supaya mereka jangan lepaskan peluang. Sekiranya tak boleh meneruskan pendidikan dalam bidang akademik semata-mata, kita boleh jugak meneruskan dalam bidang TVET.

Dan KYNS, saya nak maklumkan sikit, Kolej Yayasan Negeri Sembilan dia ni *special* untuk anak Negeri Sembilan. Jadi kita bagikan Pinjaman Boleh Ubah Biasiswa kalau keputusan baik, kita jugak berikan banyak inisiatif ya, geran pemberian *one off* bagi permulaan pembelajaran, bagi makan percuma, macam-macam lagilah yang ditawarkan oleh KYNS untuk menggalakkan anak-anak Negeri Sembilan yang minat ya, dalam bidang kemahiran TVET ini untuk mengambil kesempatan daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej Yayasan Negeri Sembilan.

Itu antara usaha yang kita buat. Tapi sebenarnya Dato' Dipertua, kita di Negeri Sembilan ni selain daripada yang Kerajaan Negeri Sembilan sendiri punya, kita jugak punyai banyak institusi lain yang menawarkan kursus TVET di Negeri Sembilan ni. Dan salah satu nya ialah, saya kena sebut ni Dato' Yang Dipertua, kerana ini dah dapat pengiktirafan iaitu untuk makluman Dewan, Politeknik Port Dickson. Politeknik PD ni memang kita semua tahu, tapi hari ini mereka telah pun diiktiraf sebagai Institusi TVET Terbaik di Asia Pasifik. Ni kita banggalah ya, kerana Politeknik PD ni berada di Negeri Sembilan dan mereka dah lama pun memperkenalkan program-program TVET ni. Dan mereka yang terbaik di Asia Pasifik menerusi pengiktirafan Platinum oleh *Asia Pacific Accreditation and Certification*. Ini memang satu penilaian yang amat tinggi dan kita bersyukur kerana politeknik PD ni pun adalah di Negeri Sembilan, dan kita berharap anak-anak Negeri Sembilan akan lebih

ramai mengikuti kursus-kursus TVET di negeri kita. Terima kasih Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chembong bawak soalan untuk Rantau. Boleh?

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' *Speaker*, terima kasih. Saya mewakili Yang Berhormat ADUN Rantau .... [YB ADUN Seremban Jaya mencelah secara *off mic*]. Yenna, senyaplah. Saya bertanyakan soalan nombor 1, Dato' *Speaker* yang berkenaan insentif kepada sektor perniagaan dan industri. Apakah insentif-insentif ataupun galakan-galakan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam sektor perniagaan dan industri di negeri kita, Dato' *Speaker*, terima kasih.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Chembong yang mewakili Yang Berhormat Rantau, bertanya soalan yang berkenaan dengan insentif kepada sektor perniagaan dan industri. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan telah mewujudkan dasar prosedur dan insentif pelaburan Negeri Sembilan sebagai usaha menggalakkan kemasukan pelabur dari dalam dan juga luar negara. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menambah baik dasar ini terutamanya dari segi penawaran insentif kepada pelabur dalam mengembangkan perniagaannya di di di Negeri Sembilan. Dan pada masa yang sama meningkatkan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini. Melalui penambah, melalui penambahbaikan dasar ini juga, Kerajaan Negeri yakin secara langsung dapat melonjakkan impak pertumbuhan di kawasan *Malaysian Vision Valley 2.0* dan kawasan luar bandar.

Kerajaan Negeri Sembilan telah merangka pelbagai inisiatif dalam merancakkan lagi pelaburan dan pembangunan di Negeri Sembilan. Melalui kaedah *handholding* dan memudah cara pelabur. Negeri Sembilan menawarkan pelbagai insentif untuk melabur, untuk menarik pelabur sama ada pelabur luar negara dan juga domestik. Antara insentif yang yang dipe, yang diperkenalkan untuk menarik minat para pelabur adalah seperti berikut:

- Yang pertama: memberikan diskaun pengurangan premium pembangunan tanah di Negeri Sembilan sebanyak 15% untuk tempoh 30 hari dari tarikh menerima Notis 5A ataupun 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah berkuatkuasa 1 Januari tahun 2024.

- Yang kedua: tawaran rebat kadar utiliti air berdasarkan kelulusan dari pihak SAINS secara *case by case basis*.

- Dan yang ketiga: peranan Invest NS bertindak sebagai mediator iaitu agensi dan bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk memantau dan mempercepatkan proses OSC.

Dato' Yang Dipertua, bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri Sembilan untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri turut menawarkan insentif bagi perolehan hartanah oleh warga asing, syarikat asing, pegawai dagang (*expatriate*) dan penduduk tetap (*permanent resident*) di Negeri Sembilan seperti yang berikut:

- Yang pertama: untuk bangunan kediaman: Pegangan Pajakan ataupun Pegangan Bebas. Bagi kategori Strata – 600 ribu ringgit ke atas, *Landed Strata* – 1.0 juta ringgit ke atas, *Landed* – 1.0 juta ringgit ke atas.

- Untuk perniagaan ataupun komersial: Pegangan Pajakan dan Pegangan Bebas bernilai 2.0 juta ringgit ke atas dengan syarat tanah hendaklah diusahakan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pemberimilikan.

- Yang ketiga: industri ataupun perusahaan: Pegangan Pajakan dan Pegangan Bebas bernilai 2.0 juta ringgit ke atas dan syarat tanah hendaklah diusahakan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pemberimilikan. Pengilang perlu berdaftar dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Perlu memastikan 30% pembangunan diperuntukkan kepada warganegara ataupun syarikat tempatan.

- Bagi pertanian: konsep *Joint Venture* antara pemilik (warganegara tempatan) dengan syarikat ataupun warganegara asing bagi melaksanakan *High Impact Agriculture Project.*

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa insentif bagi sektor-sektor yang lain dengan tujuan menyokong sektor perniagaan di negeri ini. Di antaranya adalah seperti:

- Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS): Memberikan geran sebanyak 3,0000.00 ringgit kepada penjaja, peniaga kecil untuk membantu mereka memajukan perniagaan. Terdapat juga TUNS Plus dengan pinjaman tanpa faedah hingga 15,000.00 ringgit serta TUNS Extra yang menawarkan geran padanan sehingga 30,000.00 ringgit bagi usahawan yang ingin meningkatkan kapasiti perniagaan, terutamanya untuk peralatan ataupun mesin baharu.

- Yang kedua: Tabung Agro: Memberi pinjaman kepada usahwan dalam sektor pertanian dan makanan yang berpatutan dengan syariah. Pinjaman ini membantu peniaga dalam sektor yang berdaftar dan aktif di Negeri Sembilan, memastikan mereka mempunyai modal mencukupi untuk mengembangkan operasi mereka.

- Yang ketiga: Insentif Pembangunan Tanah Terbiar dan Sejahtera Tani: Bertujuan untuk memanfaatkan tanah terbiar dan menggalakkan pertanian dengan bantuan pembangunan infrastruktur dan sokongan input pertanian kepada golongan belia. Ini termasuk sistem pengairan dan jalan ladang, serta memberi sokongan kepada petani muda yang melaksanakan projek pertanian komersial seperti penanaman sayuran atau ternakan lebah.

Insentif-insentif ini bertujuan untuk memacu pembangunan ekonomi Negeri Sembilan dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan inklusif, peluang pekerjaan, dan pemerkasaan perniagaan tempatan, sejajar dengan visi negeri untuk menjadikan pusat perindustrian dan perniagaan yang kompetitif. Semua inisiatif yang dirangkakan ini merupakan langkah proaktif kerajaan dalam usaha menarik minat lebih ramai pelabur mengembangkan operasi dan perniagaan mereka di Negeri Sembilan. Seterusnya, melonjakkan ekonomi serta menambah peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk negeri ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Invest Negeri Sembilan dan agensi-agensi pelaburan seperti MBI, Perbadanan Negeri Sembilan, PKNNS dan YNS turut berkerjasama dengan pihak-pihak pemaju swasta untuk menggalakkan pembukaan kawasan perniagaan dan perindustrian baharu di Negeri Sembilan bagi menampung permintaan para pelabur pada masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Klawang, mengemukakan soalan pertama.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Klawang. Kawalan banjir dan seleng, senggaraan sungai. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dengan mengalih halangan dan menga, mengalur seksyen sungai secara berkala. Kerja-kerja penyelenggaraan ini tidak melibatkan melebar atau mendalamkan sungai dan membawa keluar *material on site* ke luar kerana ia, kerana ianya melibatkan kos yang lebih tinggi. Bagi kerja-

kerja melebar dan mendalamkan sungai yang dilaksanakan dalam projek Rancangan Tebatan Banjir melibatkan kos yang lebih tinggi kerana ia melibatkan pengeluaran *material* ke luar tapak manakala kerja penstabilan tebing termasuk pembinaan ban melibatkan *material* import bagi meng, mencapai keperluan teknikal dan spesfikasi yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Negeri Sembilan telah menjalankan kajian dan penyiasatan tapak dalam menentukan lokasi deposit pasir sungai-sungai yang dibenarkan untuk dimasukkan dalam program kerja-kerja penyelengggaraan dan pemuliharaan sungai tanpa melibatkan kos atau peruntukan Kerajaan Negeri dengan kaedah timbal balik daripada mengeluarkan, mengalihkan dan mengangkat bahan batuan (pasir sungai).

Sehingga kini sebanyak 17 batang sungai yang terlibat dalam proses timbal balik adalah seperti berikut: Kelulusan Tahun 2020 adalah Sungai Kepayang, Sungai Linggi, Sungai Pertang, Sungai Muar, Sungai Pedas, Sungai Kenaboi. Bagi kelulusan Tahun 2022: Sungai Batang Benar, Sungai Emi, Sungai Jerlang, Sungai Lenggeng, dan Sungai Serting. Dan bagi tahun 2023: Sungai Batang Labu, Sungai Jijan, Sungai Jempol, Sungai Triang, Sungai Terachi dan Sungai Rembau. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, selamat pagi, ADUN Seremban Jaya mengemukakan soalan nombor 1.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Seremban Jaya yang mengemukakan soalan berkenaan dengan kebudayaan dan kesenian. Pada 9 haribulan Jun 2023, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluncurkan 9 Identiti Negeri Sembilan. Dan selaras dengan aspirasi tersebut, kami telah mempergiatkan lagi untuk mempromosi 9 Identiti Negeri Sembilan sebagai satu keunikan Negeri Sembilan. Di dalam usaha mempromosi dan menyemarakkan seni budaya di negeri ini, sudah tentunya perlu berada di landasan 9 Identiti Negeri Sembilan yang telah diisytiharkan. Di antaranya ialah alat muzik cak lempong, busana baju kebaya setengah tiang dan persembahan tarian piring lambung, teromba, tumbuk kalang dan juga seni bina atap panjang, bunga lado. *So* 9 Identiti ini menjadi teras kepada keunikan Negeri Sembilan yang akan digunakan untuk mempromosi Negeri Sembilan.

Kebanyakan kesenian ini dapat dilihat pada program-program dan majlis-majlis keraian dan juga program teater. Selain daripada itu, baju setengah tiang, telepuk dan bunga lado telah dipromosikan melalui pemakaian di majlis-majlis tertentu. Promosi juga dibuat melalui jualan-jualan produk kraf tangan seperti baju batik, kerongsang, kraftangan yang bermotifkan bunga lado dan pelbagai produk cenderahati. Namun disarankan semua pihak untuk, melalui pimpinan masyarakat di Negeri Sembilan turut mempromosi dan membudayakan 9 Identiti tersebut. Sebagai satu langkah yang melibat, yang bersifat kemasyarakatan saya di sini menyeru semua untuk membudayakan 9 Identiti ini dari segi cenderahati diberi kepada dif-dif kehormat ke, dari segi busana, dari segi persembahan, harus kita menggunakan 9 Identiti ini, cak lempong dan juga persembahan piring lambung dan juga permainan tradisional yang yang beridentitikan Negeri Sembilan.

Agensi yang berkaitan giat mengadakan promosi di peringkat Negeri Sembilan melalui program-program seperti *NS Fest, Perpatih Fest,* Festival Cak Lempong, MAHA dan lain-lain lagi. Manakala di peringkat daerah, usaha mempromosikannya telah dilaksanakan melalui program-program kemahiran seni seperti program perantisan tumbuk kalang di Gemencheh, dikir rebana di Rembau serta Program Bimbingan Seni di beberapa sekolah. Selaini tu Jabatan Pendidikan telah melaksanakan hari Perpaduan Silang Budaya yang melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu soko, Jabatan Muzium dan juga adat, adat Negeri Sembilan serta semua sekolah di seluruh Negeri Sembilan. Program ini telah melibatkan seramai 177,764 orang pelajar. Antara aktiviti yang diadakan ialah makan makanan tradisional, pemakaian pakaian sudut adat, suku adat dan lain-lain. Sekolah Seni juga memainkan peranan yang lebih aktif dalam mempromosikan 9 Identiti Negeri Sembilan.

Selain itu, setiap DUN diberikan peruntukan untuk perayaan. Dan diseru untuk kita menerapkan 9 Identiti tersebutlah kalau boleh dan juga kebudayaan masing-masing. Masakan yang melambangkan masyarakat majmuk kami. JKKN iaitu Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan juga ada menganjurkan program bimbinan, bimbingan hujung minggu secara percuma. Program ini adalah berbentuk kelas yang terdiri dari bidang seni seperti muzik dan cak lempong, kelas asas tarian tradisional dan juga kelas asas teater. Kelas ini dilaksanakan secara percuma di Kompleks JKKNS bermula sejak Mei 2024 dan akan dilaksanakan sehingga Disember 2024. Setakat ini penyertaan adalah seramai 120 orang pelajar yang berumur seawal 6 tahun sehingga 18 tahun. Terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, saya belum sampai soalan tambahan. Tapi saya mahu rekodkan Dewan yang mulia ini satu rekod yang baik. Sebab itu saya minta laluan. Tadi pun sudah minta kebenaran kepada Dato' Yang Dipertua. Semalam patut saya mahu cakap, tapi tak ada masa. Tapi hari ni saya cakap. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban; Tuan Mas midyai, mityayan, Midyawan bin Yahya atas komitmen dan mudah memberi kerjasama sepanjang beliau berkhidmat di MBS jika ada masalah. Saya difahamkan khidmat beliau di MBS akan berakhir pada Disember 2024 dan berpindah ke Persekutuan. Semoga beliau sukses dan dipermudahkan segala urusan. Selamat maju jaya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Soalan tambahan. Adakah sebarang perancangan oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian untuk menarik dan mempromosikan, promosikannya di sekolah-sekolah? Terima kasih.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat Seremban Jaya atas soalan tambahan. Memang aa usaha sedang dipergiatkan lagi. Tadi yang saya sebut itu JKKNS ada memberi kelas bimbingan hujung minggu. Itu secara percuma. Dan juga pihak Jabatan Pendidikan juga ada mengadakan Program Silang Budaya dan kami juga ada sekolah seni. Dan pada masa yang sama, selepas pembentangan bajet ini yang diluluskan inisiatif baru TAC iaitu (*Tourism, Arts and Culture*). Ini juga boleh kami gunakan untuk memastikan 9 Identiti ini di diberi pendedahan kepada semua sekolah. Dan salah satu cara yang saya boleh fikirkan adalah kita masukkan juga satu satu itinerari pelancongan untuk sekolah-sekolah di mana sekolah-sekolah diwajibkan untuk pergi Muzium dan JKKNS. Di mana di situlah mereka dapat pendedahan dan ilmu pengetahuan berkenaan dengan 9 Identiti ini.

Pada masa yang sama, Negeri Sembilan juga terkenal dengan satu kebudayaan Cina yang unik kepada Negeri Sembilan iaitu Losang. Losang atau makanan iaitu sayur-sayuran yang digaul dan dilambung tinggi, semakin tinggi semakin *ong* iaitu semakin banyak kemakmuran. Itu adalah sejenis kebudayaan Cina yang yang yang unik kepada Negeri Sembilan. Itu juga saya rasa kita harus uar-uarkan untuk kita menonjolkan keunikan Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menyebut Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: *Assalamualaikum* terima kasih Dato' Dipertua. Soalan saya nombor 1.

YB Yang Dipertua Dewan: Soalan nombor berapa? Satu.

YB ADUN Bagan Pinang: Nombor 1. YB Nicole.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Berhormat Dato' *Speaker*. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bagan Pinang yang mengemukakan soalan berkenaan dengan pendapatan industri pelancongan. Kerajaan Negeri hanya menerima cukai pelancongan dari Kerajaan Persekutuan dengan jumlah di antara 2,000.00 hingga 2.47 juta. Jumlah tertinggi yang terima adalah sebanyak 2,474,280.00 pada tahun 2019. Manakala jumlah terendah dalam tempoh 5 tahun ini adalah sebanyak 2,310.00 pada tahun 2022 yang lalu. Ini disebabkan oleh pandemiklah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk melaksanakan kutipan Fi Lestari di Port Dickson pada tahun 2025 dengan kadar 4.00 ringgit di mana 3.00 ringgit akan menjadi hasil Pihak Berkuasa Tempatan dan 1.00 ringgit menjadi hasil Kerajaan Negeri. Dengan adanya sumber hasil baru ini kutipan tersebut akan membantu merancakkan sektor pelancongan di Port Dickson dengan penyediaan fasiliti yang lebih lengkap.

Selain daripada pewujudan kutipan Fi Lestari untuk semua premis penginapan perniagaan di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri dalam usaha mempertingkatkan hasil pendapatan industri pelancongan melalui pelbagai pelbagai langkah strategik. Sebagai contoh:

- Memperkenalkan program promosi pelancongan melalui penganjuran Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 untuk menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa, Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai acara dan program bersama jabatan atau agensi di peringkat negeri dan daerah untuk dimasukkan dalam kalendar acara peran, pelancongan iaitu COE yang akan bermula pada 2025.

- Nombor dua: pemerkasaan produk-produk pelancongan yang dilaksanakan secara berterusan dengan memberi tumpuan kepada kepada pembangunan asas dan peningkatan *infrastructure* pelancongan di setiap daerah. Ini membantu memudahkan pelancong atau pengunjung untuk menikmati pengalaman pelancongan yang lebih baik dan selesa.

- Nombor tiga: kerjasama Kerajaan Negeri dengan penggiat industri pelancongan untuk mempromosikan produk pelancongan secara lebih berkesan. Kerjasama ini merangkumi penganjuran *FAM Trip* ke produk-produk pelancongan bersama ejen atau persatuan

pelancongan seperti MATTA, MIKA, MITA, penyertaan pameran pelancongan seperti MATTA dan juga karnival-karnival pelancongan serta kempen pemasaran bersama penggiat industri pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong atau pengunjung menjelang penganjuran Tahun Melawat Negeri Sembilan.

Langkah-langkah ini bukan sahaja dijangka dapat meningkatkan hasil pendapatan industri pelancongan tetapi juga untuk menjadikan industri pelancongan di Negeri Sembilan lebih mampan dan berkualiti serta memberi manfaat jangka panjang kepada ekonomi dan masyarakat setempat.

Saya ingin memberi, memaklumkan di sini Dato' Yang Dipertua, bahawa *NS Fest* iaitu *brainchild* dengan izin, cetusan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang bukan saja dia secara langsung memanfaatkan peladang-peladang, penternak, nelayan dan usahawan di mana 800 ribu pengunjung telah pergi *NS Fest* pada tahun ini. Dan nilai jualan dan potensi jalinan perniagaan adalah lebih kurang 9.0 juta. *So* saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasihlah kepada Yang Amat kebijaksanaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang yang mencetuskan idea *NS Fest* ini yang cukup membantu dalam sektor pelancongan. Dan kami haraplah kami dapat menganjurkan program yang begitu besar, festival yang begitu besar yang dapat memanfaatkan secara langsung semua penduduk di Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Bagan Pinang: Dato' *Speaker,* soalan tambahan. Negeri Sembilan terkenal dengan berbagai produk kuih-muih, makanan tradisional dan juga kraftangan tradisional. Adakah kerajaan bercadang untuk membina satu pusat arked dan sebagainya untuk memusatkan produk-produk tersebut supaya memudahkan orang ramai untuk mendapatkan produk tersebut khususnya di Port Dickson? Sebab kita tahu bahawa di Port Dickson bagai-bagai pelancong yang hadir tapi nama untuk mendapatkan sebagai contoh kuih sopang, apam Johol dan sebagainya sukar. Dicadangkan supaya ada pusat pemusatan tersebut untuk mereka mudah mendapatkan produk tersebut. Sebagai contoh yang dipakai oleh YB Nicole, lada, bunga lada tersebut, saya kata, memang tak tahu dan orang tak tahu di mana untuk mendapatkan produk berkenaan. Terima kasih.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Pinang yang begitu prihatin tentang sektor pelancongan. Memang kami sudah ada pusat yang pengumpulan ini di *White House* sekarang. Sekarang di tingkat bawah Bangunan *White House* memang ada banyak cenderahati dan produk-produk yang melambangkan Negeri Sembilan dan 9 Identiti. Ada bunga lado, macam-macam saiz

ada. Ada batik yang harganya dari 5.00, dari 50.00 ringgit sehingga 1,000.00 ringgit. Pada masa sekarang memang kami ada pusat di Bangunan *White House* tapi menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan, kami akan adakanlah lebih banyak tempat untuk produk-produk yang melambangkan Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Lukut mengemukakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Arul Kumar. Soalan daripada ADUN Lukut. Keluasan kawasan perkhidmatan Majlis Perbandaran Port Dickson. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMK Negeri Sembilan) telah meluluskan perluasan kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson pada satu, pada Fasa 1 (2023 – 2033) melibatkan seluruh daerah berkuatkuasa pada 4 September 2024. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil. 9/2024 bertarikh 17 September 2024, bersetuju tambahan kawasan meliputi 3 batu nautika daripada tikas air surut akan dimasukkan ke dalam Kawasan Pentadbiran MPPD. Selaras dengan keputusan tersebut, satu sesi libat urus dengan jabatan teknikal dalaman dan luaran akan membincangkan perkara ini selaras dengan cadangan Rancangan Fizikal Negara ke-4 dan peruntukan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750). Sesi *Focus Group Discussion (FGD)* dengan wakil JPKK dan lain-lain pihak yang berkepentingan akan diadakan terlebih dahulu sebelum sebarang pengenaan, pengenaan cukai taksiran dapat dilaksanakan bagi kawasan baharu. Dan saya berharap ADUN kawasan juga digalakkan untuk bekerjasama bagi merealisasikan hasrat kepada kebersihan keutamaan kami. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli yang berhormat sekalian masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

4. <u>RANG UNDANG-UNDANG</u>

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024]

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli yang berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam sesi perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024. Saya persilakan perbahasan, saya persilakan Yang Berhormat Lenggeng. Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam perpaduan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Exco Kanan, Yang Berhormat ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan, ketua-ketua …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, 15 minit. Hari ketiga kita 15 minit je.

YB ADUN Kota: Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan yang saya hormati sekalian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua memberi ruang masa kepada Kota untuk mengambil bahagian di hari terakhir perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat minggu yang lalu. Di Dewan yang mulia ini juga saya zahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerja, sumbangan idea dan juga buah fikiran dalam perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak eksekutif dan pegawai kerajaan yang telah bekerja keras dalam menyediakan belanjawan ini demi untuk rakyat Negeri Sembilan khasnya dan penduduk Negeri Sembilan secara keseluruhannya.

Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bertemakan "Bersama Membina Negeri Madani" merupakan satu belanjawan yang dilihat mempunyai perancangan strategik dan inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri ini. Dalam belanjawan ini, kita dapat melihat penekanan terhadap pelbagai sektor utama seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan infrastruktur dan pemerkasaan ekonomi negeri. Yang mana kesemuanya bertujuan untuk memastikan keseimbangan dan kemakmuran untuk seluruh rakyat di Negeri Sembilan. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak 590 juta, belanjawan berimbang dengan hasil dan juga perbelanjaan operasi yang sepadan. Untuk merealisasikannya Dato' Yang Dipertua, sudah pasti perlunya ada kerjasama yang baik di antara kepimpinan Barisan Nasional dan juga kepimpinan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam ketidaktentuan cuaca ketika ini, saya menyambut baik tumpuan yang diberikan kepada

masalah banjir kilat yang kerap berlaku akhir-akhir ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kebanyakan jambatan yang ada di Kota di bawah seliaan Jabatan Pengairan Dan Saliran mempunyai saiz yang kecil, yang dimina, yang dibina puluhan tahun yang lalu. Sedangkan sungai kita semakin melebar. Ini menyebabkan hakisan tanah di sekeliling jambatan. Baru-baru ini hujan lebat telah meruntuhkan sebuah jambatan di Kampung Bongek Tengah. Untuk laluan sementara, Pejabat Daerah Rembau telah membina laluan alternatif. Tapi agak jauh jarak laluannya. Dan itulah satu-satunya pilihan yang ada pada ketika itu, untuk kegunaan orang kampung keluar masuk. Orang kampung terpaksa buat kutipan dan bina sendiri jambatan kayu sekurang-kurangnya untuk laluan motosikal di tapak jambatan yang runtuh untuk memudahkan laluan mereka supaya lebih dekat untuk ke surau, untuk ke masjid dan juga untuk ke kebun yang hanya beberapa meter sahaja melintasi sungai tersebut.

Walau bagaimanapun, terima kasih Pejabat Daerah Rembau melalui Pegawai Kewangan Negeri dan Jabatan Pengairan Dan Saliran kerana beberapa minggu yang lalu telah memulakan bina baru jambatan di Kampung Bongek Tengah ini. Cuma malang sedikit dari segi proses pelaksanaannya Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua. Jabatan runtuh, banjir, rumah terbakar, lembu kambing kena langgar, kucing hilang, semua, orang yang pertama dapat panggilan adalah wakil rakyat. Yang di persoal setiap hari, bila jambatan baru nak dibuat, juga wakil rakyat. Yang memikirkan ke mana aduan tersebut nak dipanjangkan, mana agensi nak dirayu untuk dapatkan peruntukan, juga wakil rakyat. Sampai waktu nak laksana, dah mula kerja, mesin dah masuk buat kerja, baru wakil rakyat tahu. Itu pun dari media sosial je yang yang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bukan sekali tapi dah berkali-kali. Kota tak kisah. Yang penting orang Bongek dapat jambatan baru. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk mengelakkan perkara seperti ini berulang, satu langkah agresif perlu diambil untuk menyelenggara jambatan yang sedia ada dari masa ke semasa dan perlu dinaik taraf atau digantikan jambatan-jambatan yang telah sampai jangka hayatnya. Yang dikira tidak lagi selamat untuk diguna pakai.

Dato' Yang Dipertua, Kota tidak terlepas dari menghadapi isu banjir. Pekan Kota yang beberapa kali dilanda banjir kilat, pernah saya sebutkan dalam sidang DUN yang pertama dulu, hingga kini masih belum ada apa-apa perkara positif yang berlaku di lokasi tersebut. Isunya mudah sahaja untuk diselesaikan. Naik taraf dan besarkan longkang sedia ada di bawah selia, seliaan Jabatan Kerja Raya. *Insya-Allah* isu banjir kilat di Pekan Kota boleh selesai. JKR Rembau dah buat anggaran kos sebanyak Ringgit Malaysia 500 ribu sahaja dan telah dibuat permohonan ke JKR Pusat. Jawapan diterima: tiada peruntukan

dan dibawa permohonan ke tahun hadapan. Kota hanya mampu berdoa tidak berlaku banjir untuk kali yang keempat tahun ini sementara menunggu tahun hadapan untuk terima peruntukan tersebut. Ini pun akan, itu, ini pun akan terima nasib yang sama, bila turunnya peruntukan nanti tiba-tiba mesin dah masuk buat kerja, wakil rakyat pun baru tahu. Akan, saya akan pastikan ya, saya *monitor* dengan izin, melalui media sosial ya dan mengharapkan netizen di media sosial melaporkannya nanti *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan seterus, seterusnya pendidikan. Masih terdapat sekolah yang masih tidak mempunyai kelengkapan kemudahan sukan yang sempurna. Di Kota masih ada sekolah yang tidak mempunyai padang bola, padang untuk sukan balapan. Usaha perlu dibuat dari sekarang untuk menyediakan kemudahan yang sepatutnya ada di setiap sekolah agar dapat dinikmati bersama oleh anak-anak di sekolah untuk beriadah. Di Sekolah Kebangsaan Tanjung contohnya, terpaksa menumpang tanah kampung sebelah, pagar sekolah, di sebelah pagar sekolah untuk melakukan aktiviti riadah dan bersukan sejak sekian lama yang Dato' Yang Dipertua. Walaupun kekurangan ini, tidak menjadi halangan kepada pihak sekolah, kepada sekolah ini untuk muncul johan keseluruhan acara olahraga MSSD Peringkat Daerah. Menjadi tanggungjawab kita sebagai kerajaan berusaha untuk menyediakan kemudahan asas yang terbaik di sekolah untuk kegunaan anak-anak kita.

Satu isu lagi, pembaikan tanah runtuh di Sekolah Kebangsaan Semerbok. Saya terpaksa bawa isu ini ke Dewan pada kali ini ya, kerana hampir setahun permohonan pembaikan telah diangkat oleh Pejabat Pendidikan Daerah Rembau tetapi hingga kini masih sepi. Saya amat mengharapkan belanjawan yang disediakan sebanyak 19.66 juta untuk pendidikan dapat mem, dapat bantu menyelesaikan isu sekolah ini.

Dato' Yang Dipertua, Bidang Tumpuan: Kesihatan. Pekerja kesihatan ialah individu yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kesihatan untuk menjaga kesejahteraan masyarakat. Perkara ini ada juga disentuh oleh Yang Berhormat Sri Tanjung dalam perbahasan beliau sebelum ini. Jururawat tugasnya menjaga pesakit, memberi ubat dan memastikan keperluan harian pesakit dipenuhi. Mereka juga bertindak sebagai penyokong emosi untuk pesakit dan juga keluarga pesakit. Mereka terdiri daripada pelbagai profesion yang memainkan peranan yang kritikal dalam sistem penjagaan kesihatan. Semua pekerja kesihatan saling melengkapi untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan memenuhi keperluan pesakit.

Baru-baru ini Menteri Kesihatan mengeluarkan satu kenyataan, jururawat perlu bekerja 45 jam seminggu. Adalah munasabah untuk mereka yang bekerja syif berbanding sebelum ini 42 jam seminggu. Penambahan jam bekerja syif ini Dato' Yang Dipertua, akan memberikan kesan terhadap kualiti perkhidmatan dan akan memberikan kesan negatif kepada perkhidmatan mereka. Perlaksanaan sistem 45 jam bekerja syif bagi jururawat ini akan menyebabkan yang pertama: bebanan kerja semakin bertambah. Kedua: masa rehat tidak mencukupi. Yang ketiga: risiko kesihatan dan juga keselamatan meningkat. Dan yang terakhir: risiko kecuaian di tempat kerja disebabkan keletihan dan juga hilang fokus. Untuk makluman Yang Dipertua, dan juga ahli Dewan sekalian, waktu bekerja syif yang dicadangkan nanti adalah syif pagi bermula 7:00 pagi sehingga 3:00 petang, syif petang bermula 3:00 petang sehingga 10:00 malam, syif malam bermula 10:00 malam sehingga 7:00 pagi. Pertambahan satu jam bagi setiap syif.

YB ADUN Lenggeng: Mencelah Yang Dipertua. Boleh? Setuju tak kalau memberi kesan kepada suami jugak?

YB ADUN Kota: Amat bersetuju untuk suami-suami mithali seperti Lenggeng. Masa bekerja sehingga habis syif mereka tidak boleh ditetapkan untuk berehat satu jam sepertimana penjawat awam yang lain. Mereka tidak boleh meninggalkan pesakit yang terlantar untuk berehat satu jam tanpa diganggu rehat mereka sebagaimana waktu rehat penjawap, penjawat awam yang lain. Apa yang berlaku, jika berlaku, jika waktu rehat tersebut, ada pesakit yang *collapse* dengan izin, dan boleh ke jururawat membiarkan sahaja pesakit tersebut kerana pada waktu itu adalah waktu rehat mereka. Untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan memenuhi keperluan pesakit, perkara ini perlu dikaji dan diperhalusi semula. Dan mekanisme lain perlu difikirkan.

Bidang Tumpuan: Sukan. Dato' Yang Dipertua, di Dewan yang mulia ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kontinjen Negeri Sembilan atas pencapaian cemerlang dalam temasya Sukan SUKMA 2024 yang lalu. Kejayaan ini adalah bukti semangat juang, dedikasi dan juga usaha keras yang ditunjukkan oleh semua atlet, jurulatih serta pihak pengurusan. Anda semua telah mengharumkan nama Negeri Sembilan dan menjadi kebanggaan seluruh rakyat di negeri ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi pemangkin yang terus untuk mencipta kecemerlangan pada masa-masa yang akan datang.

YB ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, boleh mencelah? Terima kasih di atas ucapan tahniah itu. Cuma yang menaikkan apa nama ni,

atlet ini adalah jurulatih tetapi pada kali ini saya kira jurulatih, menengok ya insentif-insentif yang dapek oleh para atlet. Saya memikirkan supaya adanya insentif untuk para juru, para jurulatih jugak.

YB ADUN Kota: Sangat bersetuju Klawang. Untuk lebih memperkemaskan lagi struktur pengurusan Majlis Sukan Negeri, Kota mencadangkan supaya pegawai Majlis Sukan ditambah untuk ditempatkan di setiap daerah dan Majlis Sukan Daerah diwujudkan dan diaktifkan semula. Tugas mereka mencungkil, menjaga dan menggilap bakat-bakat baru yang berpotensi di daerah untuk mewakili Negeri Sembilan dalam pelbagai acara sukan. Persiapan atlet untuk SUKMA akan datang perlu dipersiapkan dari sekarang. Kita tidak hanya boleh mengharapkan atlet yang sedia ada, yang hanya muncul dari pertandingan dan juga kejohanan dan, yang dianjurkan semata-mata untuk mencari atlet baru. Perlu ada strategi pembangunan yang tersusun untuk jangka masa panjang dalam usaha kita untuk mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Membangunkan kawasan luar bandar. Dato' Yang Dipertua, untuk menyambut, saya menyambut baik fokus dan juga tumpuan Yang Berhormat Exco Kanan untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri ini. Di Kota, isu migrasi dari luar bandar ke bandar amat-amat ketara. Anak muda tidak lagi tinggal di kampung, perumahan dan juga pekerjaan menjadi isu utama. Langkah penyediaan penempatan baru atau perumahan mampu milik perlu dibangunkan dengan lebih giat supaya daya huni di kawasan luar bandar bertambah. Penyediaan infrastruktur perlu bergerak selari agar anak muda boleh tinggal di kampung dan bekerja di bandar. Saya mohon dikenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk dibangunkan bagi membina Rumah Mampu Milik oleh Kerajaan Negeri melalui PKNS atau mana-mana badan yang sesuai di beberapa lokasi di Kota untuk menambah bilangan penduduk terutamanya anak-anak muda yang ingin memiliki rumah sendiri.

Sebelum saya akhiri perbahasan belanjawan kali ini, tahniah saya ucapkan kepada semua penjawat-penjawat awam Negeri Sembilan yang bakal menerima bonus 2 bulan gaji sebagai menghargai keringat yang telah dicurahkan kepada negeri tercinta ini. Yang Berhormat Chembong mencadangkan dan memperjuangkan dengan pemberian untuk tuan-tuan dan puan-puan dengan pemberian 2 bulan gaji pada sesi perbahasan belanjawan tahun lalu. *Alhamdulillah*, syukur. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar dan juga ahli Dewan semua yang bersetuju dengan pemberian ini. Kali ini saya nak ulang sekali lagi cadangan Yang Berhormat Chembong, juga di sesi, di sidang yang lalu untuk kerajaan negeri mempertimbangkan juga pemberian sagu hati

kepada penjawat awam Persekutuan yang bertugas dalam Negeri Sembilan sebagai tanda terima kasih Kerajaan Negeri kepada mereka yang turut menyumbang dalam, kepada pencapaian Kerajaan Negeri selama ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Dewan yang telah memberikan pandangan yang konstruktif dalam perbahasan belanjawan kita pada kali ini. Semua cadangan dan juga saranan yang telah dikemukakan mohon untuk dipertimbangkan dan, dengan teliti oleh kerajaan negeri untuk memastikan ianya dilaksanakan secara berkesan.

Selain itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kita semua bahawa kita sebagai wakil rakyat adalah untuk memastikan segala peruntukan yang telah diluluskan dalam belanjawan ini digunakan dengan penuh integriti dan kebertanggungjawaban demi kepentingan rakyat Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, semua ini tidak akan terhasil jika kerjasama yang terjalin untuk menguruskan negeri ini selama setahun 2 bulan antara Kerajaan Barisan Nasional, antara Barisan Nasional dan juga Pakatan Harapan jika tidak saling lengkap melengkapi. Dengan ini Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Belanjawan Negeri Sembilan 2025 dan berharap agar segala inisiatif yang terkandung dalam belanjawan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri yang mampan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT*.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Kota. Saya menjemput Yang Berhormat Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: *Bismillahirrahmanirrahim. Nahmaduhu nassalli ala rasulallahil kareem. Assalamualaikum WBT*. Salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada Lenggeng untuk sama-sama berbahas Belanjawan Negeri Sembilan bagi tahun 2025. *Man qala raditubillahi rabba wabil islamadina, wabi muhammadin warosula wajabatlaujannah*. Inilah hadis-hadis yang selalu saya dengar Dato' Dipertua lafazkan sebelum bermula ucapan dalam Dewan yang bermaksud: kami redha Allah Tuhan kami, kami redha Islam agama kami dan kami redha Nabi Muhammad Rasul kami. Barang siapa yang baca ayat ini maka wajib jannah baginya.

Saya mengambil peluang ini mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat selaku MB, Exco Kanan, YB Dato' SS, YB Kewangan, YB Undang-Undang, YB-YB kerajaan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai yang bermukim di Putrajaya sama-sama untuk menjayakan belanjawan yang dibentangkan bagi tahun 2025. Belanjawan terbesar yang dibentangkan dalam sejarah penubuhan Negeri Sembilan. Tahniah sekali lagi yang belanjawan yang berimbang kita cadang, yang

kita buat berbanding dengan belanjawan tahun lepas. Belanjawan tahun lepas saya masih ingat lagi belanjawan defisit dan itulah satu cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan perbelanjaan dilakukan dengan baik dan *alhamdulillah* semua yang dibentangkan tahun lepas dapat dilaksanakan. Ini adalah tahun kedua belanjawan yang dibentangkan di bawah Kerajaan Perpaduan dan kita melihat kerajaan ini semakin kuat dan, semakin kuat dan semakin kukuh. Dalam pembentangan semalam, Lenggeng jugak dapat merasakan tempiasnya di mana dalam, di mana masjid yang berada di Bandar Tasik Senangin telah tergendala lebih setahun, telah dimasukkan dalam pelan pemulihan bagi tahun 2025. Ini adalah berita gembira untuk warga DUN Lenggeng. Terima kasih. Begitu juga dengan Hutan Lipur Lenggeng, tahun lepas telah mendapat 500 ribu peruntukan bagi pemulihan. Dan tahun ini Yang Amat Berhormat Sikamat juga memasukkan Hutan Lipur Lenggeng di dalam belanjawan bagi pemulihan hutan simpanan, hutan simpan. Sekali lagi terima kasih. Dan ini adalah berita gembira juga untuk warga Lenggeng yang mendengar di luar sana, dan berada di dalam sini. Berita gembira juga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, berkenaan dengan bonus dua bulan, yang tadi YB, YB Kota bahaskan.

Kerajaan hari ini sekiranya ingin terus menang, di, di masa-masa akan datang kuncinya terletak kepada kakitangan awam dan kepada agensi-agensi kerajaan. Baru-baru ni kita ada lihat makan malam alumni Sekolah SHAMS, saya tengok kawan-kawan saya pun ramai datang ya. Saya tengok rupanya *frontliner* dalam kerajaan ni ramai daripada SHAMS. Saya punya DO pun daripada SHAMS, MBS saya rasa Dato' Bandar – SHAMS, SU pun daripada SHAMS, PTG pun daripada SHAMS. SHAMS ni Sekolah Sheikh Haji Mohd Said ya, dia sekolah agama, sekolah terbaik, sekolah asrama penuh ya. Jadi saya ni, tak adalah daripada SHAMS tapi ayah saya pengetua sekolah SHAMS, bekas pengetua sekolah SHAMS. Jadi saya ni kira, dulu ayah saya duduk di kuarters SHAMS lah ya. Saya pun dapatlah …..

YB ADUN Johol: Isteri? Isteri sekolah SHAMS.

YB ADUN Lenggeng: …. isteri lagi. *So* saya pun dah kena tempias sikitlah dekat SHAMS ni ya Dato' Dipertua. Sebab saya dulu masa duduk kuarters, lahir kat situlah. Jadi saya ni pun ada kena mengenalah dengan SHAMS. Saya rasa Dato' SS pun SHAMS lah sebab saya nampak dia sekali ya, betul tak? SHAMS eh?

YB ADUN ….. : Bolehlah Lenggeng menyumbang.

YB ADUN Lenggeng: Bukan. Maksudnya saya ni pun adalah kena mengena dengan SHAMS ni. Jadi saya pun bolehlah duduk kat *frontliner* ni. Timbalan *Speaker* ada kosong tu. *So* kita, saya disuruh oleh *backbencher* untuk sentuh sikit pasal Timbalan *Speaker* ni, *so* kita selit-selit sikitlah ya. Saya ucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan ya, saya nak sebut satu persatulah sebab mereka tolong saya banyak. Kalau tanpa dia orang ni susahlah saya dekat Lenggeng ni ya. Saya ucapkan terima kasih kepada Pejabat Menteri Besar yang *respons* yang terlalu tinggi, Pejabat Exco, Pejabat Exco Kanan ya, Pejabat-Pejabat Exco kerajaan daripada BN dan daripada PH, pada pegawai, YB pegawai Kewangan, Dato' SS, daripada Parlimen Seremban, kepada PTG, mantul Pengarah PTG yang baru. Masuk je banyak perubahan kita lihat ya. Pada Pejabat Daerah Seremban laju, Pertanian, JPS, JKR, JHEAINS, MAINS, Zakat. Haa Zakat pun banyak tolong. Ni kalau kita nak tahu yang pihak belah sana ni, kalau ada apa-apa hal boleh mohon kat Zakat jugak. Saya banyak gak dapat. Tak ada, tak ada. Zakat, zakat, zakat, bukan …..

YB ADUN …… : Lenggeng macam banyak dapat je.

YB ADUN Lenggeng: Untuk orang susah je kita boleh mintak Zakat.

YB ADUN ….. : Kalau nak kahwin 2?

YB ADUN Lenggeng: Dua tak bolehlah. Itu, tak ada duit jangan kahwinlah. Itu menyusahkan Dato' Dipertua, betul tak? Okey, sambung balik Dato' Yang Dipertua. Dia orang kacaulah. JKM, MBS, tapi SU tadi kita sedihlah, YB Guna bagitahu SU nak pindah ke *Federal. Actually* saya dengar kerajaan ada *offer* dia untuk *stay* tapi dia lebih suka ke *Federal*. Mungkin ada sesuatu di sana. Kita pun tak tahu. *So*, daripada TNB, SAINS, NS Corp, MBI, Yayasan Negeri YNS, Jabatan Perikanan, Perhutanan, FELCRA, FELDA, MCMC lain-lain. Dan ini semua, jabatan wanita, yang banyak *related* dengan kawasan saya Dato' Dipertua. Saya ucapkan banyak terima kasih dan saya sangat setuju dengan dengan pembentangan berkenaan dengan bonus 2 bulan. Malah kalau MB bentang 4 bulan pun saya setuju terus. Kita kena *up* sikit. Nanti kang nak mintak susah.

Dan Tak lupa kepada semua ADUN-ADUN yang saling bantu-membantu termasuk ADUN kerajaan. Ni dia orang tanya saya, bila Lenggeng nak nak berhujah, nak berdebat ni? Kang diorang nak serang saya luar dan dalam bahaya. Kita kena pasang *shield*. *So* inilah ADUN-ADUN yang dalam kerajaan ni. Ni orang katalah Yang Dipertua, orang kata, nombor satu yang paling *handsome* ada ni sa, Yang Berhormat Sikamat kata. Nombor 2 yang paling *handsome* sa, Exco Kanan. Nombor 3 takkan lagi, Dato' Yang Dipertua, saya bagi masa sikitlah. Nombor 4 jatuh kepada

sayalah. *So* nampak tak, nampak tak yang lain macam mana kenapa saya dipilih ke China. Nampak? Nampak? Kena belajar ni macam mana nak …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat fokus kepada …..

YB ADUN Lenggeng: Tak, saya …..

YB Yang Dipertua Dewan: Masa tetap 15 minit.

YB ADUN Lenggeng: Saya nak jelaskan kenapa saya dipilih …..

YB Yang Dipertua Dewan: Jangan ganggu Yang Berhormat Lenggeng, tolong.

YB ADUN Lenggeng: Yang Dipertua, saya bersama-sama rombongan dengan Exco Kanan pergi ke China untuk melihat potensi-potensi yang, untuk kita bawak balik ke negeri. Haa ni *point* yang paling besar dia. Dato Yang Dipertua cepat sangat. Okey. *So* saya …..

YB Yang Dipertua Dewan: Saya nombor 3.

YB ADUN Lenggeng: *So* kita, kita melihat sendiri kilang durian yang, kilang durian di sana yang menghasilkan aiskrim sendiri. Dia buka ofis sana. Kita pergi lihat lagi kedai dia. Dia ada 12 kedai tak silap. Jadi kita pilih salah satu kedai untuk kita tengok dan kita makan kat sana. Dan durian kat sina *made in* Jelebu. Wah itu yang paling kita banggakanlah. *So* ada dekat TikTok kalau nak tengok kan. *So,* dan kita juga mengadakan sesi dialog bersama dengan orang *China.* Bukan kitalah, sebenarnya YB Exco. Kita duduk tepi je. Tumpang gambar. Okey. Tapi bila kita duduk situ, semua yang hadir datang kepada kita untuk bertanya perihal durian di Jelebu ya, durian daripada Malaysia. Kerana durian di Malaysia ni kualiti dia sangat tinggi berbanding dengan durian-durian daripada negara lain.

So durian di Malaysia ni Dato' Yang Dipertua, mampu menyumbang tak sampai 2% pun, *demand* daripada Kerajaan *China*. Jadi apa yang kita buat sekarang, kita telah ada persetujuan untuk buka kilang ya Exco Kanan, untuk buka kilang di Jelebu. Dan lepas saya balik saja selepas saya mereka tahu saya ke *China* ada beberapa individu datang berjumpa saya turut ingin membuka kilang durian jugak. Ini saya telah memaklumkan Exco Kanan. Nampak? Tak sia-sia bawak Lenggeng ke *China*. *So* Johol jangan *jealous*. Ya. Saya pun dah jumpa kilang yang telah dibuka di *area* Semenyih. Mereka pun perlukan durian daripada kita di

Negeri Sembilan ni. Jadi bermaksudnya kat sini Yang Dipertua, saya melihat bahawa *demand* tinggi untuk buah durian, jadi saya mencadangkan ya, kita bukak hab di mana-mana DUN yang nak bukak hab untuk durian. *So,* durian tu kita kumpulkan kita hantar ke kilang yang bakal dibuka di Jelebu ya. *So* Lenggeng akan jadi peranan utama, yang paling utama akan buka hab. Tapi saya berkali, berkali-kali bertanya dengan kontraktor yang tu, betul ke kau boleh bayar durian ni. Kang orang kampung hantar selonggok durian tak bayar, mampus den, kan. Jadi, dia memberi jaminan bahawa dia akan bayar. Tapi jaminan tu tidak cukup.

Jadi saya menam, saya melihatkan bahawa *demand* ini tinggi, maka kita perlu buat sesuatu, kita, apabila kilang telah, *actually* kilang dah ada dibuat buat kerjasama dengan FAMA di Jelebu. Jadi kita bukak satu hab ya, Dato' Yang Dipertua, di Lenggeng contohnya, tetapi turut campur dengan Kerajaan Negeri, saya melihat di sini pentingnya kita tubuhkan satu agensi ataupun satu anak syarikat atau perbadanan dipengaji, dari Kerajaan Negeri yang melibatkan Exco Pertanian. Contohnya di Selangor, kita ada agensi Kerajaan Negeri – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan …..

YB ADUN Seri Menanti: Mohon izin yang, Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lenggeng: Tak boleh, sabar sabar sabar. Kang kau cakap kang, terlupa den kang. Cakap apa?

YB ADUN Seri Menanti: Berkenaan dengan hab durian ini, Yang Berhormat Lenggeng, berapa kuantiti yang diperlukan untuk dibukak di setiap DUN?

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih, terima kasih soalan daripada Seri Menanti. Durian ni, saya seperti yang saya katakan tadi, hanya mampu menampung 2% saja daripada *demand* daripada negara *China*. Saya nampak Dato' Yang Dipertua pun dah mula berminat. Mungkin Dato' Yang Dipertua ada ladang durian. Okey. Kita akan bukak hab di Lenggeng, Dato' Yang Dipertua. *So* agensi yang, *insya-Allah* Exco Kanan boleh usaha untuk bukak satu syarikat, anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri boleh jadi agensi pembayar kepada hab yang kita bukak. Jadi orang kampung dia yakin apabila melibatkan Kerajaan Negeri. Jadi kena ada …..

YB ADUN Seri Menanti: Yang Berhormat Lenggeng, soalan saya tadi, berapa kilo yang diperlukan …..

YB ADUN Lenggeng: Dah jawab tadi dah.

YB ADUN Seri Menanti: ….. untuk dibukak menjadi hab tu? Berapa kilo? Kuantiti tu. Kalau kita bukak hab je, kalau buah durian tak sampai 100 kilo, dia tak nak terima pulak.

YB ADUN Lenggeng: Kita buat, tak kesah, *from zero to hero. Zero* pun boleh bukak, *hero* pun boleh bukak. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya melihat ini satu peluang. Satu satu peluang terbaik kepada orang kampung yang mempunyai ladang-ladang. Jadi bila balik, saya pun berbincang bersama-sama dengan kawan, kita melihat sebab durian yang berada hari ini, kita faham durian di Malaysia ini dia bermusim. Kadang-kadang setahun 2 kali. Jadi sekarang ini orang orang orang kampung ni tengah mungkin ada yang perlukan duit. Jadi apabila mereka tahu bahawa kita akan buka hab, dan kita ada satu kilang yang boleh *anytime* kita boleh terima durian. Kita boleh mula pajak. Kita akan pajak-pajak tanah-tanah tu dan kita boleh bantu orang kampung.

YB ADUN Gemas: Dato' *Speaker*, boleh saya mencelah?

YB ADUN Lenggeng: Oh rancak ni, haa okey, terus terus.

YB ADUN Gemas: YB Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: Ya.

YB ADUN Gemas: Dalam Dewan ni YB menyatakan permintaan durian yang begitu tinggi. Cuma di peringkat permintaan, kita kena tahu kalau kita katakan durian, orang kampung di luar sana mendengar, apa jenis durian.

YB ADUN Lenggeng: Okey.

YB ADUN Gemas: Jangan sebut main durian je. Durian ni kang, kalau orang kampung tanam durian belanda kang. Sebut …..

YB ADUN Lenggeng: *Actually* durian belanda pun boleh.

YB ADUN Gemas: YB Lenggeng …..

YB ADUN Lenggeng: Dah saya kata boleh dah.

YB ADUN Gemas: Jangan …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Gemas: Jangan keliru …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Lenggeng: ….. durian belanda.

YB ADUN Gemas: Jangan kelirukan fakta.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya ingat fokus pada belanjawan.

YB ADUN Lenggeng: Okey.

YB Yang Dipertua Dewan: Soalan-soalan …..

YB ADUN Gemas: Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Tapi masa, masa, saya dah tetapkan masa.

YB ADUN Lenggeng: *Actually* dia, bagus, soalan yang bagus Dato' Dipertua. Jadi dia celah tu, saya bagi. Kalau nak celah lagi pun saya bagi jugak. Kita memang utama musang king, memang kalau kita jumpa kat luar semua duk cakap pasal musang king. Tapi bila saya jumpa, saya pergi dengan Exco Kanan, lain macam Exco Kanan ni, dia bawak kualiti yang terbaik, dia kata durian kampung pun boleh. Durian bandar pun boleh. Juasseh jangan *jealous,* Juasseh *jealous*. Jadi …..

YB ADUN Juasseh: Sebab kena bawak.

YB ADUN Lenggeng: Durian kampung, kalau durian kampung dia nak proses jadi aiskrim. Kalau Musang King, contohnya hari, kita kita buat hab kita kumpul, dia akan frozenkan. Jadi itu, itu tujuan kita buat kilang tu. *So* kemudian kita akan eksport. Eksport itu kita akan buatkan. Kita akan, agensi yang bakal dibukak di bawah, bukan bakal dibukak, dicadangkan untuk dibukak, kan? Bolehlah menjadi satu agensi yang untuk jalankan eksport ni. Maka kat situ kita boleh tengok satu kebaikan untuk kerajaan yang ada pada pada hari ini. Okey.

Ni dah banyak hilang dah Dato' Dipertua. Sebabkan dia orang masuk-masuk ni kan. Okey saya ingin menyentuh beberapa perkara yang menarik berkenaan dengan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat. Antaranya insentif warga emas ya, yang yang diadakan tahun lepas dan pada tahun ini masih lagi diadakan. belia kahwin, bantuan pelajar, bantuan anak sekolah sebanyak 600.00. Ni Bantuan Anak Sekolah 600.00 ni dengan Bantuan Anak Negeri 500.00

ringgit ni, saya memang terperanjat kerana kita adalah, YB yang menyampaikan ya. Siapa-siapa yang nak ni dia kena mohon *direct*. Ni saya terangkan dalam Dewan kerana ramai yang tak tau di luar. Dia kena mohon *direct NS online* okey. *So* masa saya sampai, saya terperanjat budak-budak sekolah rendah dapat 600.00 ringgit. Saya kata, ni masa den sekolah rendah 600.00 ringgit pun tak pernah nampak. Tapi kerajaan hari ni punyalah baik budak sekolah pun bagi 600.00 ringgit. Tepuk sikit. Bantuan Anak Negeri 500.00, pelajar sambung IPT, sijil diploma ijazah. Jadi dengan dengan ijazah kita boleh bagi, diploma bagi sambung, sijil bagi sambung. Jadi kat mana yang kita kata kerajaan hari ni zalim? Sedangkan kita hari ni bagi macam-macam kita bagi kepada kita punya rakyat-rakyat yang berada di Negeri Sembilan. Ya.

Saya di DUN Lenggeng amnya sendiri ya, bersama-sama dengan Parlimen Seremban, selain daripada Pejabat Menteri Besar yang bagi 500.00, 700.00, 800.00, DUN Lenggeng sendiri pun memberi sumbangan untuk pelajar-pelajar yang sambung pelajaran kepada IPT. Dan saya pun buat satu borang. Saya buat sendiri ni Dato' Dipertua. Saya menyokong satu-satu, saya nak hantar dekat Parlimen. Semua yang saya hantar kat Parlimen Seremban, semua lulus untuk bantuan anak-anak sekolah dan sambung belajar. Terima kasih ya.

YB ADUN ….. : Lenggeng banyak baki tu.

YB ADUN Lenggeng: *So* kemudian, kemudian Dato' Dipertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kerajaan, hasrat kerajaan untuk mencapai belanjawan 1.0 bilion pada tahun 2030 ya. Kita kita perlu melihat beberapa faktor, beberapa aspek untuk mencapaikan realisasi untuk mencapai belanjawan 1.0 bilion dalam masa 2030. Malah sekiranya kalau kita buat dengan bersungguh-sungguh, di *support* oleh agensi-agensi pegawai-pegawai kerajaan, mungkin kita boleh mencapai lebih awal daripada itu.

Antara faktor yang saya belum sentuh adalah seperti yang di dibahaskan oleh YB Chennah, berkenaan dengan industri. Kita bawak pelabur-pelabur daripada luar dan kita boleh bersama-sama dengan NS Invest dan NS Corp. Cuma ada banyak perkara-perkara, ada beberapa perkara yang perlu di di apa, ditambah baik kerana kita, tanah Negeri Sembilan ni sudah kurang. Jadi tanah-tanah yang adalah tanah-tanah pada tanah pada GLC contohnya daripada Sime Darby, SD Guthrie. *So* ada prasyarat dia yang kita kena penuhi sebelum kita dapat buat pelabur-pelabur yang lain.

Sektor kedua yang kita saya harus kita melihat adalah TVET. TVET ni seperti yang diberitahu Jeram Padang, dibentang dan dibahas Jeram Padang, bajet TVET pada tahun ini 7.5 bilion. *Compare last year,* cuma 6.8 bilion. Sekiranya Kerajaan Negeri hari ini tidak melihat ini sesuatu benda yang boleh menaiktarafkan Negeri Sembilan punya, Negeri Sembilan punya pendidikan untuk kita ambil sedikit daripada bajet yang tersedia 7.5 bilion, bawak, kita gunakan platform Kolej Yayasan Negeri Sembilan seperti yang dibentang oleh Exco Pendidikan tadi. *So* kita faham, kita ada, negeri mempunyai kekangan dalam 5.0 juta lebih saja untuk geran pelajar-pelajar yang masuk ke TVET. Kalau 5.0 juta, berapa orang saja kita boleh bawak. Tetapi sekiranya kita boleh gunakan platform daripada kolej Yayasan Negeri Sembilan, berjumpa dengan agensi-agensi yang diturunkan bajet sebanyak 7.5 bilion pada tahun ni. Contohnya daripada KKW, pada MARA paling banyak kan? Saya yakin kalau *state* hantar wakil dia, atau hantar CEO, atau hantar siapa-siapa, atau lantik atau tubuhkan *business development director,* pergi jumpa untuk dapatkan dana bawa balik ke *state*. Maka kita akan melihat Kolej Yayasan Negeri Sembilan ni akan mempunyai jumlah lambakan pelajar. Hari ni mungkin 200 – 300 orang kuota. Tetapi sekiranya kita berjaya dapatkan dana-dana daripada *federal*, daripada 7.5 bilion yang diumumkan oleh PMX, maka kita akan melihat Dato' Yang Dipertua.

Penggal lepas saya telah menyatakan supaya *state* hari ini bukak satu universiti. Tapi saya, saya melihat, kita boleh gunakan Kolej Yayasan Negeri Sembilan ini, platform untuk naik taraf daripada Kolej Yayasan Negeri Sembilan, naik jadi kolej universiti dan naik jadi universiti tetapi kita mesti bentuk satu *team* yang kuat. Saya cadangkan, saya sarankan ya. PTPK contohnya, daripada PTPK *they allocate* 500.0 juta kepada 20,000 pelatih. Dan ini boleh dijalankan oleh Kolej Yayasan Negeri Sembilan sekiranya kita bentuk satu *team*. 100.0 juta untuk *new industry, new industry master plan*. Contohnya seperti EV ya, *aerospace,* AI, MRO, *maintenance repair and operation,* 100.0 juta *allocate*. HRD Corp ya, satu badan untuk latihan, *they allocate* 3.0 bilion untuk 3 juta pelatih. Jadi Yang Dipertua, dengan dana yang begitu banyak saya melihat Kolej Yayasan Negeri Sembilan yang ada TVET pada hari ini boleh mengambil peluang ini, bentuk satu *team* supaya kita boleh jadikan Kolej Yayasan Negeri Sembilan mempunyai ribuan pelajar. Dan juga faham bila ada pelajar yang ramai masuk di Negeri Sembilan maka automatik kita punya ekonomi dalam Negeri Sembilan ni akan bertambah.

Sektor yang ketiga yang kita kena pandang serius adalah NR REE, *non-radioactive* unsur nadir bumi. Hari ni kita selalu dengar dalam surat khabar. Awal tahun lepas saya, awal tahun ni tahun, awal tahun lepas

Yang Amat Berhormat Sikamat pernah pernah mengumumkan bahawa Negeri Sembilan mempunyai REE sebanyak, kandungan REE 30 bilion ya. *So* ini adalah satu perkara yang kita kena pandang serius Yang Dipertua ya. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat dengan Exco, selepas habis Mesyuarat EXCO telah mengumumkan bahawa 2 kawasan telah lulus EL. EL bermaksudnya *Exploration License.* Telah lulus di dua-dua kawasan. Jadi saya ingin melihat bahawa, *explore license* ni kita saya ingin, saya ingin tanya, selepas EL dan dia perlu mohon *mining license* bermasakah yang diperuntukkannya, saya pernah berjumpa dengan Menteri Besar Perak, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan Perak adalah negeri pertama yang berjaya mengeluarkan REE. Dan saya dimaklumkan bahawa Negeri Sembilan juga menyediakan SOP hari ni, mengikut garis panduan yang dilaksanakan di Perak. Pada tahun 2023, Perak telah mendapat hasil 25.2 juta daripada REE yang dikeluarkan sahaja. Dan pada tahun 2024 iaitu pada tahun ni, Perak telah keluarkan 30 juta. Dan ini adalah *pilot project*. Maksudnya projek yang projek yang ni, *pilot* lah ya, *pilot*, *pilot project*. Itu baru satu kawasan Yang Dipertua, dah dapat 30.0 juta hasil. Bayangkan kalau Perak buka 10 kawasan dan hasil dia 30.0 juta setiap kawasan dia akan menjana *income* 300.0 ratus juta. Dan Menteri Besar Perak sendiri bagi tahu saya lebih 500 ekar telah lulus EIA, Ekonomi, apa, *Environment impact assessment.* Okey. Telah lulus. Dan untuk dapat EIA ni lebih setahun lebih peruntukan masa. Dan Perak telah lulus EIA untuk 500 ekar yang seterusnya. Maka kita akan melihat Perak akan akan memenuhi …..

YB ADUN Paroi: Lenggeng nak tanya sikit tentang REE. Saya nak tanya tentang REE ni Lenggeng ya. REE ni *raw material* ya, yang setahu saya tidak boleh dijual di luar. Ia hanya boleh diproses di dalam. Tapi teknologinya ya, sekarang ni teknologi REE yang kita tahu ada di Malaysia ni di Lynas ya.

YB ADUN Lenggeng: Okey okey okey.

YB ADUN Paroi: Dan teknologi, teknologi yang untuk memproses ni saya rasa untuk di dalam di dalam negeri ni memerlukan teknologi yang yang apa, yang …..

YB ADUN Lenggeng: Okey okey faham, faham. Paroi, faham.

YB ADUN Paroi: Faham tak maksud saya?

YB ADUN Lenggeng: Lynas, Lynas ni adalah dia dia, *radioactive REE* yang kita cerita pasal *non-radioactive.*

YB ADUN Paroi: Okey.

YB ADUN Lenggeng: *So* memang, memang tak ada lagi untuk pemprosesan NR REE di dalam Malaysia tetapi Menteri Ekonomi baru-baru ni telah telah menyatakan bahawa lagi 3 tahun kilang pengasingan REE akan dibuka …..

YB ADUN Paroi: Saya dah faham, sikit lagi nak tanya. Saya difahamkan China dia tak akan hantar, dia akan keluarkan teknologi di luar ya.

YB ADUN Lenggeng: Okey, *China*, dia, *China* dia memang ada. Dia ada kilang pengasingan untuk kita dapatkan hasil itu, kita akan asingkan REE tu. *So China* dia ada sampai 15, 17 kilang pengasingan. Memang dia takkan bagi teknologi ni pada luar. Tetapi kalau pengasingan satu kilang empat pengasingan contoh. Satu, dua, tiga, empat. Haa itu mungkin dapat. Saya saya rasa yang YB Menteri, Rafizi tu dia *announce* itu saya rasa yang kilang pengasingan. Yang 4 pengasingan. Itu pun dah cukup dah untuk kita mendapat hasil pulangan yang tinggi.

YB ADUN Paroi: Satu soalan.

YB ADUN Lenggeng: Okey

YB ADUN Paroi: Soalan. Boleh tak teknologi tu, mintak maaf Dato' Yang Dipertua. Boleh tak teknologi REE ni, maknanya teknologi yang kita dapat kita, Kerajaan Negeri bekerjasama siapa yang dapat apa semua itu, sebab saya difahamkan kita dah ada 400 hektar …..

YB ADUN Lenggeng: 500 ekar, 500 ekar, seribulah.

YB ADUN Paroi: Seribulah ya, dah dikeluar untuk untuk Negeri Sembilanlah …..

YB ADUN Lenggeng: Belum dikeluarkan.

YB ADUN Paroi: Teknologi tidak ada kan?

YB ADUN Lenggeng: Dia ada syarikat-syarikat yang dia melombonglah, kita panggil *mining license* yang melombong yang kita keluar. Tapi memang kita tak ada kilang untuk proses. Buat masa sekarang yang berada di Perak dia terus jual di dapat eksport dia dapat kelulusan khas menjual daripada PMX. *So* kalau Negeri Sembilan ni *insya-Allah* tak ada masalah. Kita ada barisan-barisan Exco serta MB kita untuk apa, menjual keluar kan? *Insya-Allah* boleh, ya. So ada berapa soalan lagi? Dah terbantut saya punya REE ni. Tapi tulah tuan-tuan, maksud saya

ialah 30 bilion. Sekiranya hari ini Kerajaan Negeri memandang perkara ini sesuatu yang memberi pulangan yang paling besar untuk negeri kita, kita kena mulakan usaha untuk apa, melombong banyak tanah lagi. Maksudnya memberi lesen kebenaran kepada, kita galakkan tanah-tanah persendirian. Dan sekiranya ada tanah-tanah lagi di bawah kerajaan dan ada syarikat-syarikat …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Lengeng: ….. yang berkelayakan …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ringkaskan.

YB ADUN Lenggeng: Syarikat-syarikat yang berkelayakan, kita promosi supaya Negeri Sembilan menjadi hab terbesar untuk REE jugak. Durian tadi termasuk REE. Okey. Okeylah *so* saya masuk berkenaan dengan kawasan saya.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, tadi …..

YB ADUN Lenggeng: Menyentuh untuk kawasan.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi mintak 20 minit dah lebih.

YB ADUN Lenggeng: Sikit lagi Dato' Dipertua. Ni pasal kawasan tak masuk lagi. Tadi pasal negara.

YB Yang Dipertua Dewan: Tak, cakap tu, pandang, pandang Yang Dipertua lah.

YB ADUN Lenggeng: Mintak maaf Yang Dipertua, mintak maaf. Sebab saya tengah tengok kat mana nota ini, sebab dia orang kacau saya Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: 2 minit.

YB ADUN Lenggeng: Sikit lagi Yang Berhormat. Okey Yang Dipertua, berkenaan dengan di kawasan Lenggeng ada 7 ekar tanah yang telah dikenal pasti untuk membangunkan kompleks sukan. Hari ni kita tahu orang muda ni kalau untuk kita tarik dia bersama-sama dengan kerajaan, kita kena, kita kena tarik dia dengan sukan. Jadi saya harap Exco Sukan boleh cadang, boleh tengoklah untuk bajet yang akan datang untuk buka satu fasiliti sukan, kompleks sukan di Bandar Tasik Senangin ada 7 ekar tanah dekat situ. Jadi saya cadangkan kita buka

apa, tak kisahlah apa, apa yang Exco Sukan rasa yang paling terbaik RMK13. Lenggeng ada 26 ribu pengundi lebih. *So* saya ingat akan datang keluar lagi. *So* memang layaklah Lenggeng dapat fasiliti sukan di sana okey.

So di di Lenggeng ni ada satu *club house*. Saya nak terang kepada Dato' Yang Dipertua, sebab Dato' Yusof pun saya tahu DUN Lenggeng. *Club house* di Lenggeng itu adalah satu eksklusif ya. Untuk untuk daftar masuk di *club house* tu, saya ingat DO pun tau kot, pernah datang dan lepak dengan saya kat situ, kan? Jadi, dia dia buat kerja. Dia masuk kawasan. Dan saya bawa dia datang ke *club house.* Untuk orang luar masuk kena bayar 600.00 setahun yuran dia. Jadi orang Lenggeng ni yang yang kurang, bukan kurang berkemampuan, dia ada banyak lain benda yang dia kena ni, dia melihat sajalah *club house* cantik, ada *swimming pool,* ada *dewan* tapi tak boleh masuk. Jadi apa yang saya buat? Saya ambil alih *club house* itu daripada pemaju dan saya bukak *club house* tu kepada semua orang. Maksudnya kepada semua orang-orang kampung eh. Terima kasih YB Guna, terbaik. *So* daripada daripada 600.00 ringgit itu, saya *wave* kan semua. Dan dia boleh masuk, boleh gunakan fasiliti apa saja dan kalau dia nak guna *swimming pool,* saya kata bayar seringgit saja, mandi *swimming pool*. Sebenarnya saya nak bagi free tapi saya bincang dengan YB Loke Parlimen Seremban sebab saya mintak dia bayar sama-sama dengan saya. Kalau saya seorang parahlah bayar tu kan. YB Loke kata, kenakan bayaran supaya kita boleh rekod nama-nama yang masuk. Jadi kita kenakan bayar seringgit. Jadi di belah Lenggeng belah sana ni, kita dah sediakan dewan, dah sediakan tempat peranginan semua, tapi yang di belah Lenggeng bawah ni, tempat yang sebelah Dato' Yang Dipertua ni kan ialah Panchur, belah Taman Ampangan. Kita tak ada dewan langsung Yang Dipertua. *So*, kita ada 2-3 tanah milik MBS dan kita mohon supaya dewan terbuka dapat dibangunkan di kawasan yang belah, Lenggeng bawah ni, Lenggeng kita panggil lenggeng *City*.

Kemudian saya nak menyentuh berkenaan dengan kolam rakyat. Saya ada saya ada masuk dalam mesyuarat jawatankuasa bersama Exco Kanan dan ini Exco Kanan telah kali-kali menyentuh berkenaan dengan kolam rakyat di mana kolam rakyat ini, kita lihat baru-baru ini ya, Jabatan Perikanan bersama Pengarah melepaskan benih ikan baung di sungai-sungai dan di, untuk meli, untuk apa, supaya sungai tu ada ikanlah. Boleh mancing dapat, daripada ikan MBS tu tadi, baiklah ikan bnung. *So* Exco Kanan telah sarankan okey, supaya adakan kolam rakyat, kita lepaskan ikan kat dalam kolam itu, 6 bulan supply makanan semua mungkin JPKK boleh ambil alih jaga untuk bagi makan. Selepas 6 bulan, 7 bulan, 8 bulan Dato' Yang Dipertua, kita jemput Dato' Yang

Dipertua merasmikan, ambil ikan tu, *free* makan. Lepas tu, sekali je lah. Lepas itu kita bagi orang kampunglah.

Jadi saya harap dalam belanjawan pada hari ini dapatlah sekiranya kolam rakyat ni direalisasikan kerana saya telah kenal pasti 2-3 kolam di Lenggeng untuk menjadi kolam rakyat.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat masa habis tambahan.

YB ADUN Lenggeng: Okey, okey, okey, okey, okey.

YB Yang Dipertua Dewan: Dah tolong jangan kaitkan Yang Dipertua ya.

YB ADUN Lenggeng: Haa? Tak boleh Dato' ya?

YB Yang Dipertua Dewan: Dalam apa, ucapan.

YB ADUN Lenggeng: Yang Dipertua, kalau kat luar kan dah jadi orang biasa.

YB Yang Dipertua Dewan: Jangan, tolong jangan.

YB ADUN Lenggeng: Baik, baik, Yang Dipertua. Okey. Dan yang terakhir ni Yang Dipertua. Saya kena bukak saya punya WhatsApp ni Dato' Dipertua. Berkenaan dengan Penghulu, Yang Dipertua. Kesian Penghulu ni dia jaga JPKK ramai. Contoh kat Seri Menanti ada berapa JPKK? 40? 30 JPKK, Penghulu pergi sana dia orang tak dapat *claim millage* yang Dipertua. Kan? Tapi dia orang kena pergi hari-hari kalau tidak dia kena kena marahlah kan, dengan dia punya bos. Termasuk saya di Lenggeng pun ada 17 JPKK. Kalau Penghulu saya ni datang jauh-jauh daripada Jelebu, datang tak ada elaun. Memang dia hujung bulan dia memang kesianlah Yang Dipertua.

Jadi yang terakhir ni Yang Dipertua, saya nak ambil jap, satu ni berkenaan dengan orang Asli Yang Dipertua, yang orang Asli ni Yang Dipertua pasal bila saja dia orang musim banjir, hujan ya, dia orang tak ada peruntukan. Jadi dia mohon dimasukkan sedikit peruntukan *ad hoc* sekiranya berlaku banjir di kawasan-kawasan yang. Baru-baru ni di Jeram Kedah di kawasan saya. *So* dia orang tak ada, tidak ada dana *ad hoc* untuk perkara-perkara yang itu.

Okey yang terakhir, ni bukan ni yang terakhir paling terakhir lah kan. Ni untuk Exco, apakah pelaburan atau kerjasama yang dikenal pasti dalam sektor pelancongan dapat dipraktikkan di Negeri Sembilan

selepas lawatan misi pelancongan di, ke luar negara? Apakah perancangan serta penglibatan ADUN, pembangunan produk dan aktiviti pelancongan bagi persediaan menyambut Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 ni? Kita tahu YB ADUN Kepayang, YB Exco Pelancongan banyak mempromosikan bunga lado sebagai ikon cenderamata Negeri Sembilan. Tahniah diucapkan. Soalan saya manakah cendermata ini boleh didapati? Sebab saya pun nak juga yang bunga lado ini. Ini kerana maklumat pihak YB Kepayang, DUN Lenggeng setakat hari ini telah menerima seramai 85 pelancong daripada luar negara iaitu *exchange student MBA* dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah kami rekodkan ya.

Itu sajalah. Haa pantun? Pecah kaca pecah gelas, saya menyokong undi, saya menyokong Belanjawan 2025. Sekian, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Sama-sama. Terima kasih Yang Berhormat Lenggeng. Saya menjemput Yang Berhormat Chembong.

YB ADUN Chembong: *Bismillahirrahmanirrahim.* Saya mulakan perbahasan Dato' *Speaker* dengan menyabut, menyebut nama Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta seluruh ahli keluarga dan sahabat handai baginda. Lenggeng, DUN Chembong masih teratas. Cumanya yang satu tu saja, Lenggeng lebih pada Chembong. Kan? Yang itu Chembong belum berani Dato' *Speaker*.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker,* menjemput saya membahaskan usul Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2025. Sebelum tu Dato' *Speaker*, saya nak belanja Dato' *Speaker* serangkap pantun. Ini bukan pecah kaca pecah gelas je Dato' *Speaker*. Bukanlah timun sebarang timun, Dato' Speaker, timun dihiris …[YB ADUN Seremban Jaya mencelah secara *off mic]*, senyaplah. Timun dihiris sang rupawan, bukanlah bangun Dato' *Speaker*, sebarang bangun, bangun membahaskan usul Belanjawan. Dato' *Speaker.*

Dato' *Speaker*, rakan-rakan ahli Yang Berhormat, saya masih lagi ingat setahun lepas, setahun lebih lepas, setahun lepas yang, setahun lebih yang lepas, sewaktu mula-mula Kerajaan Perpaduan ditubuhkan di Dewan yang mulia ini, saya pernah melafazkan, merakamkan, mengucapkan dalam perbahasan saya bahawasanya, ketika itu saya berbahas, Dato' *Speaker*, Kerajaan Perpaduan mula ditubuhkan, rakyat di luar sana sedang memerhatikan kita Dato' *Speaker*. Rakyat di luar sana sedang menilai Kerajaan Perpaduan yang baru ditubuhkan ini. Kalau dulu-dulu Kerajaan Negeri Sembilan ni di bawah Kerajaan Barisan Nasional baik, hebat, cemerlang. Kemudian disambung,

diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, baik, meneruskan kecemerlangan tersebut. Saya ketika itu mengharapkan Kerajaan Perpaduan yang ditubuhkan ketika itu, baru ditubuhkan, lebih baik. Yang baik campur yang baik jadi seharusnya lebih baik, lebih cemerlang Dato' *Speaker*. Tepuklah. Dan sehubungan dengan belanjawan pada tahun ini Dato' *Speaker,* sebab masa mula-mula Kerajaan Perpaduan ditubuhkan, terus terang pada hemat pandangan saya, ramai di antara kita termasuk di luar sana, skeptikal ataupun ragu dengan apakah pencapaian Kerajaan Perpaduan ini Dato' *Speaker.* Seikhlasnya, dari aspek politiknya pulak Dato' *Speaker,* Ikhlas saya mengakui ramai yang Bertanya, ramai yang mengamburkan persoalan-persoalan mengapakah parti ini, BN bergabung dengan parti ini, PH dan sebagainya. Dato' *Speaker*, kita mengenepikan kepentingan parti demi kepentingan negeri dan rakyat Dato' *Speaker*.

Yang Amat Berhormat Sikamat dah sepenggal lebih jadi Menteri Besar. Baru semalam Dato' *Speaker,* dia jemput saya makan sebelah dia. Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Semalam Dato' *Speaker.* Rupanya meja, meja pun lain semalam. Ada udang, ada sotong sebagainya …..

YB ADUN Seremban Jaya: [mencelah secara *off mic]* Mana ada udang, tak ada udanglah.

YB ADUN Chembong: Bukan itu gurau, itu gurau. Yang saya nak tegaskan Dato' *Speaker*, semalam di meja makan, di luar Dewan, dalam perbualan kami, tiada cerita politik. Tak ada cerita politik. Hanya cerita tentang kepentingan rakyat, negeri, pencapaian dan sebagainya Dato' *Speaker.* Semalam Dato' *Speaker*, Yang Amat Berhormat tanya macam mana Chembong. Dia tanya pasal perigi ion, Dato' *Speaker.* Ni masa lebih sikit Dato' *Speaker.* Kalau nak cerita perigi ion ni Dato' *Speaker.* Pergi datang mandi. Dato' *Speaker*, Sikamat meminta saya, menyarankan saya, cakap jumpa, Dato' Chembong pergi jumpa pengarah PPN minta peruntukan Sejati Madani untuk memperhebatkan ekopelancongan di sana. Mintak, buat *tram* dan sebagainya. Jadi Pengarah PPN, itu MB suruh saya jumpa. Saya anggap itu dah setengah lulus lah tu *Speaker*.

Dato' *Speaker*, berbalik kepada belanjawan ni Dato' *Speaker,* saya rasa belanjawan kali ini saya, lain macamlah gembiranya berbanding dengan 2-3 tahun yang lepas. Belanjawan yang menyeluruh ya Dato' *Speaker.* 2-3 tahun lepas saya pernah sebut kenapa kita buatkan ataupun saya sarankan kalau boleh janganlah lagi kita buat belanjawan defisit. Tapi kali ini belanjawan ini Dato' *Speaker* saya rasa baik untuk rakyat Dato' *Speaker.* 590.0 juta pendapatan dijangkakan antara yang paling tinggi

setakat ini Dato' *Speaker.* Rakyat mahu hanya atas meja makan mereka ada makanan Dato' *Speaker*. Kalau itu selesai, yang lain agak boleh boleh diselesaikan Dato' *Speaker* ya. Hasil tinggi, dijangkakan KDNK menaik inflasi menurun, pengangguran menurun Dato' *Speaker,* miskin tegar ….[YB ADUN Seremban Jaya mencelah secara *off mic*]. Ya, ya, ya tak mahu cakap. Dato' *Speaker*, dan antara yang saya, antara yang paling saya gembirakan Dato' *Speaker*, terima kasih kerana menyahut cabaran saya 2 tahun lepas Dato' *Speaker.* Mungkin Chembong ni mendahului zamanlah Dato' Speaker. 2 bulan bonus untuk kakitangan awam. Tak pernah kita dapat macam ni Dato' *Speaker*. Satu penghargaan daripada Kerajaan Negeri kepada penjawat-penjawat awam Dato' *Speaker*. Tak dinafikan semua kerja kuat Exco, MB, Exco Kanan kita semua ADUN-ADUN kerja kuat. Tapi saya rasa mereka pun lagi kuat. Lagi kuat. Sebaik mana polisi dasar-dasar kerajaan yang kita garapkan ianya tidak akan berjaya tanpa perlaksanaan yang baik, komitmen yang tinggi daripada penjawat awam ni Dato' *Speaker*.

Cumanya Dato' *Speaker*, 2 bulan dah dapat, saya ada sikitlah harapan saya itu hari. Mungkin tidak kesampaian. Saya cadangkan itu hari Dato' *Speaker*, apalah kiranya elaun JPKK, pengerusi-pengerusi ataupun ketua-ketua kampung ini dinaikkan Dato' *Speaker.* 900.00 Dato' *Speaker*, sebulan ada 2-3 kenduri mereka nak menyumbang, sebulan ada 2-3 kematian Dato' *Speaker*, ini belum lagi bayar bil telefon, duit minyak dan sebagainya. Saya rasa sampai masanya kerajaan negeri untuk mempertimbangkan menaikkan sedikit elaun ataupun bayaran kepada semua Pengerusi JPKK ni Dato' *Speaker.* Dato' *Speaker* boleh pertimbangkan.

Dan berkenaan sehubungan yang aspek yang agak sama jugak Dato' *Speaker* walaupun ini mungkin bukan di bawah kerajaan negeri, saya jugak nak membawa suara harapan pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain khususnya pengerusi-pengerusi taman, ketua-ketua taman, kalau boleh bawa perkara ini ke peringkat Pusat walaupun bukan ini di bawah kerajaan negeri. Exco Kerajaan Tempatan, bawa kepada Pusat untuk mempertimbangkan sedikit elaun kalaupun tak sebanyak Pengerusi JPKK, sedikit. Tanda penghargaan bagi, daripada kita kepada mereka Dato' *Speaker*.

Dato' *Speaker,* belanjawan kali ini digarapkan baik dengan penambahan inisiatif berjumlah 66 inisiatif semuanya. Yang daripada 9 Bidang Tumpuan Dato' *Speaker*. Saya ringkaskan, saya kaitkan bidang-bidang tumpuan dengan yang kena-mengena dengan kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong, Dato' *Speaker.* Pertamanya Bidang Tumpuan: Pemerkasaan Wanita, Belia Dan Sukan. Banyak inisiatif yang diberi. Yang lama pun diteruskan Dato' *Speaker.* Belia-belia dapat

imbuhan inisiatif ini. Yang kahwin dapat dan sebagainya. Saya nak ambil kesempatan, sebelum tu saya jugak ucapkan terima kasih Dato' *Speaker* kerana Sukan Negeri Sembilan diteruskan. Tak salah saya dengan belanjawan 1.0 juta ringgit. Dulu pun saya cadangkan naikkan ini Tuan *Speaker.* Tahniah kepada Ampangan kerana jadi johan keseluruhan ya. Tapi Dato' *Speaker* kali ini Chembong sedang mempertimbangkan untuk tahun 2025, saya rasa Chembong tak hantar lagilah pasukan bola jaring Dato' *Speaker*. Sebab nak bagi peluang DUN lain pulak menjadi juara Dato' *Speaker*.

Dato' *Speaker*, tentang sukan, saya ingin sedikit minta jasa baik Kerajaan Negeri melihat pembinaan ataupun Kompleks Sukan Rembau yang yang lama dah, belum siap-siap Dato' *Speaker*. Perlu dilihat perkara ni Dato' *Speaker.* Tadi saya dengar ramai, beberapa rakan-rakan kita memperkatakan tentang ada sekolah-sekolah yang ketiadaan padang ataupun sekolah yang ada padang tetapi tidak kondusif untuk dijadikan diadakan kejohanan olahraga dan sebagainya. Kecil dan tak sempurna Dato' *Speaker*. Dan *insya-Allah* Kompleks Sukan Rembau ini besok bukan hanya untuk masyarakat umum tetapi boleh dijadikan jugak dijadikan tempat Kejohanan Olahraga Sukan bagi bagi pihak sekolah-sekolah, murid-murid Dato' *Speaker*.

Tentang sukan Dato' *Speaker* jugak. Saya nak membawa satu perkara di kampung Chembong Halt, Dato' *Speaker,* ada satu kawasan tanah yang seluas lebih kurang lebih daripada 3 hektar yang dinamakan sebagai Kompleks Sukan Sepri ataupun Chembong Halt Dato' *Speaker.* Di sana ada sedikit kemudahan kecil, ada gelanggang takraw, futsal dan sebagainya Dato' *Speaker.* Tetapi saya ingin membangkitkan hal-hal penyelenggaraan ya Dato' *Speaker.* Ianya tak salah saya tanah ini di bawah jagaan pejabat ataupun Pegawai Daerah tetapi semakluman saya, peringkat Pejabat Daerah tiada peruntukan untuk penyelenggaraan. Saya mohon kalau boleh Exco Belia Dan Sukan, yang saya kasihi untuk melihat perkara ni Dato' *Speaker.*

Dan saya nak mengambil kesempatan Dato' *Speaker* tentang sukan ni jugak, nak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudari ataupun adik Gan Chen Jie yang telah dinobatkan sebagai Olahragawati SUKMA (Sukan Malaysia) di Sarawak baru-baru ini Dato' *Speaker* ya. Satu pengiktirafan yang besar tinggi, Negeri Sembilan kecil, tapi dapat melahirkan olahragawati yang hebat. Tahniah Exco Sukan. Cumanya saya nak rekodkan juga ini ya, sebelum ini ada juga kita melahirkan olahragawan 2014 dulu. Tak silap saya saudara Irfan sam, Irfan Shamsuddin.

YB ADUN Seremban Jaya: [mencelah secara *off mic*] masa tu *you* Exco lah.

YB ADUN Chembong: Ya, masa itu, betul-betul. Exco Chembong masa tu, Belia Dan Sukan ya. Jadi Chembong dengan Palong ni, Chembong dengan Palong okey bagus. Ya. Nampaknya Palong sedang ya, mengejar Chembong Dato' *Speaker*. Dato' *Speaker*, tentang sukan, saya berbanyak terima kasih di atas segala yang telah diberikan dan untuk belia-belia, khususnya untuk sukan Dato' *Speaker*. Cumanya akhir tentang bidang sukan Dato' *Speaker*, saya mohon maaflah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, sidang lepas saya ada mohon peruntukan 10,000.00. Dato', Yang Amat Berhormat Sikamat dah luluskan pemasangan lampu di gelanggang petanque Kompleks Majlis Sukan Negeri di Seremban 2, Dato' *Speaker.* Saya mohon maaf ini sebab lampunya dah dipasang, saya gagal membawa emas Dato' *Speaker,* balik daripada Sarawak. Saya cuma dapat bawak 3 gangsa. Tapi tak apa Dato' *Speaker*. Kebanyakan daripada atlet-atlet petanque ni masih lagi boleh menyertai SUKMA kurang-kurang 2 ataupun 3 SUKMA yang akan datang Dato' *Speaker*. *Insya-Allah*, petanque akan bawa emas dalam SUKMA-SUKMA yang akan datang. Cumanya Dato' *Speaker* tentang lampu itu tadi, lampu telah dipasang Dato' *Speaker* tapi saya mendapat makluman minta tolong bayarannya belum dilakukan Dato' *Speaker.* Dah lama Dato' *Speaker.* Tolong kalau boleh Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri melihat perkara ini.

Seterusnya Dato' *Speaker* tentang, ni panjang Dato' *Speaker* sikit, panjang sikit. Bidang yang penting Bidang Tumpuan: Pendidikan. Secara dasarnya saya nak rakamkan tahniah, penghargaan kepada semua warga pendidik, guru-guru Negeri Sembilan. Pencapaian pendidikan di Negeri Sembilan boleh dikatakan baik, antara yang terbaik dalam negara kita Dato' *Speaker*. Dan saya nak merakamkan khususnya kepada pendidik-pendidik warga guru, sekolah-sekolah di daerah Rembau Dato' *Speaker*. Sebab Pejabat Pendidikan Daerah Rembau telah menjadi pejabat ataupun PPD yang terbaik sejak 2011 Dato' *Speaker*. Ini satu pencapaian yang baik ya. Kepada Exco Pendidikan, saya mohon untuk sampaikan salam saya. Salam terima kasih saya kepada, kalau bermesyuarat di peringkat Pusat dengan menteri dengan kementerian, sebab sekarang Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail sedang dibina, baru saja dimulakan pembinaan satu blok akademik bagi pelajar-pelajar Tingkatan 6 Dato' *Speaker*. Dato' Speaker, saya nak rekodkan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya Sekolah Menengah Agama Haji Abu Hassan Sail SEMADAH dalam Dewan Undangan Negeri Chembong, dalam daerah Rembau, Dato' *Speaker*, adalah sekolah terbaik pencapaian STPM bagi 2023 Dato' *Speaker*. Jadi wajarlah wajarlah

dapat imbuhan-imbuhan ataupun galakan-galakan seperti itu Dato' *Speaker* ya. Dan ….

YB Yang Dipertua Dewan: Sekolah mana?

YB ADUN Chembong: Haa?

YB Yang Dipertua Dewan: Tak, tak jelas. Sekolah, sekolah mana?

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' *Speaker*, nanti datanglah Chembong, minum teh. Sekolah Menengah Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail ya. Sekolah terbaik STPM 2023 Dato' *Speaker*. Dan untuk itu daerah Rembau menjadi PPD yang terbaik sejak sekian lama, Dato' *Speaker* bagilah sedikit, saya minta Exco Pendidikan bawa ke peringkat Pusat kan, kalau dapat pujian-pujian saya, Dato' *Speaker* bagilah peruntukan lebih. Dengan ni saya nak membawa Dato' *Speaker* ada keperluan ya. Yennah kacaulah [merujuk kepada YB ADUN Seremban Jaya]. Dato' *Speaker,* saya mohon, saya dah bawa, dah sebut dalam Dewan ini tempoh hari. Di kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong ada 2 Kolej Vokasional Dato' *Speaker*. Satu dulu saya dah bawak Kolej Vokasional Dato' Haji Undang Mohd Shariff, ketiadaan asrama bagi pelajar lelaki Dato' *Speaker*. Saya mohon dibawa Dato' *Speaker* ke peringkat Pusat. Dan keduanya, saya diminta untuk membawa perkara ini Dato' *Speaker*, baru-baru ini Kementerian Pendidikan menyarankan agar kolej-kolej vokasional ini meningkatkan dia punya enrolmen, kemasukan pelajar-pelajar. Sekolah ataupun Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja di Chembong, Dewan Undangan Negeri Chembong, Dato' *Speaker*, kemasukan untuk untuk pengambilan yang akan datang yang akan sampainya Dato' *Speaker,* lebih kurang 700 lebih menyebabkan lebih kurang separuh daripada mereka terpaksa tinggal di luar Dato' *Speaker*. Permasalahan di kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong adalah kekurangan perumahan, kawasan perumahan. Ibu bapa kurang selesa sekiranya anak-anak mereka tinggal di luar Dato' *Speaker*. Saya mohon sekiranya dapat dibawa ke peringkat Pusat, kementerian memohon untuk pembinaan asrama tambahan di Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja.

Dato' *Speaker*, berkait jugak dengan pendidikan Dato' *Speaker.* Yang ini saya kena bawa Dato' *Speaker*. Pada 30 September yang lepas Dato' *Speaker,* saya diberikan satu surat ni, oleh salah seorang pemimpin masyarakat Dato' *Speaker*. Surat daripada MARA Liner yang bertarikh, surat bertarikh 27 September, saya dapat surat ni daripada orang lain Dato' *Speaker,* kepada pihak-pihak berkenaan bertajuk makluman penamatan perkhidmatan bas henti-henti luar bandar Negeri Sembilan ataupun projek rentas Negeri Sembilan, Dato' *Speaker*. Surat bertarikh

27 haribulan September memaklumkan bahawasanya, saya ringkaskan Dato' *Speaker,* untuk makluman kontrak bagi perkhidmatan bas henti-henti luar bandar Negeri Sembilan (Projek Rentas Negeri Sembilan) akan ditamatkan perkhidmatan berkuatkuasa 1 Oktober 2024. Hanya beberapa hari saja notis pemberhentian dilakukan Dato' *Speaker*. Pertamanya ianya membawa masalah kelam-kabut Dato' *Speaker* kepada pelajar-pelajar, kepada ibu bapa di kawasan luar bandar. Kalau kawasan saya Dato' *Speaker*, kawasan sebelah-sebelah ataupun persekitaran Kampung Durian Daun, Kampung Pilin, Dato' *Speaker*, tiba-tiba bas dah tak ada perkhidmatan. Kalau ya pun atas apa sebab juga sekalipun, saya tak tahu apa sebabnya. Mungkin kerajaan negeri boleh boleh perjelaskan Dato' *Speaker*. Kalau ya pun nak diberhentikan, bagilah notis yang agak panjang sebulan lebih untuk ibu bapa ni menyediakan cari alternatif yang lain Dato' *Speaker*. Dan saya kata pemberhentian ini sekitar hujung tahun tidak bersesuaian. Ni sekarang musim hujung tahun Dato' *Speaker*, pelajar-pelajar Tingkatan 5 sedang nak menghadapi peperiksaan SPM. Kalaulah boleh, kalau ya pun nak diberhentikan buatkan awal tahun depan Dato' *Speaker*. Saya mohon Kerajaan Negeri, Dato' *Speaker,* sebab ini kononnya melalui surat ini saya difahamkan perkara di atas, surat daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, rujukan sekian-sekian, dengan segala hormatnya dirujuk Dato' *Speaker.*

Seterusnya Dato' *Speaker* sehubungan dengan itu jugak, Dato' *Speaker*, saya nak mencadangkan Dato' *Speaker,* kawasan Kampung Durian Daun, Pilin ni Dato' *Speaker* paling dekat mereka nak hantar anak mereka sekolah menengah adalah kepada ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pedas ataupun Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja yang lebih kurang jaraknya 15 kilometer Dato' *Speaker*. Saya dengan penuh rasa rendah diri, dengan penuh rasa sukacita Dato' *Speaker*, saya mohon Kerajaan Negeri, memohon mencadangkan sebuah, satu lagi sekolah menengah sekitar Kampung Durian Daun ataupun Pilin, Dato' *Speaker* dengan pembangunan-pembangunan yang ada sekarang. UiTM ada di sana Dato' *Speaker.* Saya rasa wajar dan boleh dipertimbangkan secara baik Dato' *Speaker,* sebuah sekolah menengah kebangsaan di sekitar kawasan tersebut Dato' *Speaker.*

Dato' *Speaker,* seterusnya Bidang Tumpuan yang lain Dato' *Speaker* iaitu kerohanian dan jugak agama. Banyak inisiatif-inisiatif yang ditawarkan oleh pihak kerajaan Negeri. Dan saya bersukacita di atas semangat pembangunan syiar Islam kita. Tahun depan dirancang ataupun akan dibina 6 buah masjid baru di seluruh Negeri Sembilan Dato' *Speaker*. Kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, kerajaan negeri, dalam sidang lepas termaktub di dalam *hansard* jugak dalam minit mesyuarat ataupun ni Dato' *Speaker*. *You are my friend* Sikamat pun jugak cakap

itu hari, *I am your friend* itu hari. Dato' *Speaker,* dalam 5-6 tahun itu, Dato' *Speaker* tiada saya tengok, tiada masjid baru dibina di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong, Dato' *Speaker.* Saya mohon apalah kiranya dapat dipertimbangkan kalau pun bukan tahun 2025, tahun yang mendatang 2026 Dato' *Speaker.* Saya mencadang kalau boleh banyak keperluan masjid baru dibina tetapi kalau boleh didahulukan untuk membina sebuah masjid baru menggantikan masjid sedia ada ni di kariah Masjid Tanah Kampung Air Hitam, Dato' *Speaker*. Di kariah tersebut kawasan perumahan banyak, Taman Chembong Utama, Taman Sedia Raja, Chembong Jaya, Rumah Rakyat Chembong dan sebagainya Dato' *Speaker,* selain daripada kampung-kampung tradisional. Dan yang pentingnya Dato' *Speaker*, rasionalnya adalah kawasan masjid tersebut sudah menjadi tidak lagi kondusif kawasannya kecil untuk ditambah ataupun di apa tu, dinaiki taraf Dato' *Speaker.* Kawasannya kecil Dato' *Speaker*. Jadi itu hasrat saya tentang kerohanian dan jugak agama.

Lain Dato' *Speaker*, saya rumuskan dalam hal-hal lain bantuan warga emas. Terima kasih bantuan warga emas 70 tahun ke atas diteruskan. Cumanya pandangan saya Dato' *Speaker* kalau boleh kelulusan dan penyampaian ini dipercepatkan Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan, Dato' *Speaker*, orang tua tu selalu datang Dato' *Speaker.* Yang dah mohon tu datang ke pusat khidmat masyarakat. Saya rasa ADUN-ADUN yang lain pun sama. Nak tanya, bilo acik punyo dapek Dato' *Speaker*. Sekali datang kita pun boghilah 50.00 ringgit ataupun 100.00 ringgit Dato' *Speaker*. Kalau 3 kali datang, ia dah lebih pada sepatutnya yang kerajaan negeri bagi Dato' *Speaker*. Cumanya kami tak boleh bantu, sebab dia *apply* ataupun mohon secara *online*. Kami tak ada data-data dan sebagainya Dato' *Speaker*. Saya, yang lain okey. Saya mohon untuk dipercepatkan Dato' *Speaker*.

Seterusnya Dato' Speaker tentang kemudahan, pembinaan ataupun penyelenggaraan jalan. Saya mohon pihak JKR ataupun Kerajaan Negeri untuk sedikit memaklumkan perkembangan, status permohonan ataupun hasrat saya membawa hasrat kawasan Dato' *Speaker.* Projek ataupun permohonan untuk menaik taraf melebarkan jalan FT001 antara Sungai Gadut ke Rembau ataupun Pedas, Dato' *Speaker*. Apakah perkembangannya? Dan saya jugak nak mohon kerajaan negeri ataupun Jabatan Kerja Raya, saya nak bertanyakan apakah perkembangan status jalan baru yang sedang nak dibina Dato' *Speaker*, jalan baru antara Sepri, Daerah Rembau ke Seri Menanti, Kuala Pilah, Dato' *Speaker* ya. Apakah perkembangan dia bilakah boleh siap ataupun adakah apa-apa permasalahan Dato' *Speaker* yang boleh kita sama-sama tengok, lihat, bantu Dato' *Speaker*.

Yang Berhormat Dato' *Speaker,* yang saya hormati Dato' *Speaker* ,saya jugak mohon sekiranya pihak agensi yang berkenaan, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya melihat keperluan yang saya rasakan sangat tinggi untuk melihat, menaik taraf jalan masuk Dato' *Speaker,* ke Projek Perumahan Rakyat Chembong. Kat dalam sana, kat kawasan tersebut, Projek Perumahan Rakyat Chembong ada 500 lebih unit, ada taman-taman lain Dato' *Speaker*. Saya rasa jalan masuk itu harus diperbesarkan Dato' *Speaker,* dinaiki taraf. Dan saya jugak mengambil kesempatan untuk bertanyakan apakah perkembangan status Projek Perumahan Rakyat Chembong ni Dato' *Speaker?* Bilakah nak di diserahkan ataupun ditawarkan kepada masyarakat, rakyat yang layak Dato' *Speaker*?

Dato' *Speaker*, saya mengucapkan tahniah juga dalam pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Sikamat ada menyebut Dato' *Speaker*, tentang kecemerlangan perlaksanaan peruntukan MARRIS. Antara Kerajaan, Kerajaan Negeri Sembilan antara kerajaan yang tinggi peratusan perlaksanaan Dato' *Speaker*. Selain daripada jumlah yang banyak.

Saya nak memaklumkan nak membawa Dato' *Speaker,* untuk mencadangkan agar projek ataupun peruntukan MARRIS ini Dato' *Speaker,* kita lebih melihat sekiranya boleh dan saya yakin boleh, untuk membina jalan-jalan, menaik taraf jalan-jalan di perkampungan orang Asli, Dato' *Speaker*. Orang Asli ini Dato' *Speaker* macam kita jugak, dia banyak perkembangan pertambahan rumah-rumahnya Dato' *Speaker* ya. Jadi peruntukan waris ini boleh kita menaik taraf, membuat jalan-jalan baru di perkampungan orang Asli.

Dato' *Speaker* berkenaan kampung orang Asli ini ramai yang menyebut, saya nak sebut satu jugak di kawasan saya khususnya perkampungan orang Asli Ulu Chuai, Dato' *Speaker*. Terima kasih banyak kerajaan negeri bagi 5,000.00 ringgit kepada JPKKOA Kampung Orang Asli 5,000.00. *Speaker,* tadi Seremban Jaya boleh buat kenyataan dalam soalan lisan Dato' *Speaker*. Dato' *Speaker* benarkan ya. Jadi saya bawak masalah rakyat. [YB ADUN Seremban Jaya mencelah secara *off mic*]. *You* senyap. Dato' *Speaker* Kampung Orang Asli Ulu Chuai, saya di DUN Chembong ada 2 kampung orang Ali. Saya dah sebut dah saya mohon kalau boleh Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Exco Kanan, tolong lihat, bantu saya Dato' *Speaker*. Kampung orang Asli ada 1, satu Ulu Chembong, satu Ulu Chuai. Ulu Chembong ada JPKKOA, ada ketua kampung aslinya. Ulu Chuai tak ada Dato' Seri, Dato' *Speaker.* Jadi Ulu Chuai ni tak dapat 5,000.00 tersebut. Selain daripada peruntukan Dato' *Speaker*, saya rasa ketua kampung ni penting. Tok Batin dia lebih kepada hal-hal pentadbiran, adat resam, kebudayaan dan sebagainya.

JPKKOA ni, ketua kampung ni, lebih kepada pentadbiran hal-hal kerajaan Dato' *Speaker*. Jadi saya mohon untuk dipertimbangkan Dato' *Speaker*.

Dato' *Speaker, last. Speaker.* [YB ADUN Seremban Jaya mencelah secara *off mic*] Apalah makan nak dibandingkan dengan perjuangan kepentingan rakyat. Dato' *Speaker* di Dewan Undangan Negeri Kawasan Chembong dan saya rasa beberapa kawasan Dewan Undangan lain, di kawasan kami ada ni Dato' *Speaker,* ada jajaran laluan paip gas di bawah Petronas Gas Malaysia, Dato' *Speaker*. Masalahnya Dato' *Speaker*, ada sikit kekangan ataupun hal-hal pentadbiran yang menyukarkan sedikit Dato' *Speaker*. Sekarang ni, di atas desakan pembangunan, banyak rumah-rumah dibina di seberang paip gas tersebut, Petronas gas tidak membenarkan sewenang-wenangnya Pejabat Daerah untuk menurap, membina jalan menyeberangi paip gas mereka Dato' *Speaker*. Saya mohon kerajaan negeri sedikit ya, masuk campur, tolong kami di daerah Rembau Dato' *Speaker.* Banyak rumah-rumah yang di Seberang paip gas tu, Dato' *Speaker*, tak dapat dibina sebab mungkin syarat-syarat yang ketat. Saya mohon untuk perbincangan di antara kerajaan negeri dengan pihak-pihak tertentu dipermudahkan Dato' *Speaker*. Keperluannya tinggi, peruntukannya ada tetapi tak dapat dibina oleh syarat-syarat yang ketat ni Dato' *Speaker*, *Speaker*.

Jadi, Itu saja yang saya nak sampaikan. Seperti janji saya semalam Dato' *Speaker*, saya bercakap dengan Yang Amat Berhormat, Dato' *Speaker*, ada 2 perkara yang saya nak sebut dalam perbincangan kami semalam. Pertamanya tentang perigi ion, Dusun Pinang, Kampung Ulu Sepri, Dato' *Speaker.* Saya, saya tak bawak Dato' *Speaker* masuk campur. Saya menyarankan Dato' *Speaker* untuk pergi tengok, mandi, Dato' *Speaker*. Saya secara peribadi telah mandi Dato' *Speaker*. Amat segar Dato' *Speaker*. ya, amat segera Dato' *Speaker.* Cumanya saya mengharapkan dan saya jugak memuji pengusaha ni, Dato' *Speaker*. Dia cakap dengan saya Dato' *Speaker*, bila saya pergi datang mandi itu hari, 50.00 ringgit ya, Dato' *Speaker,* saya boleh belanja Dato' *Speaker*. Dia cakap, dia, pengusaha ni mengalu-alukan semua agensi-agensi kerajaan untuk datang dan membantu melihat apa lagi peraturan-peraturan yang dia perlu patuhi Dato' *Speaker*. Dia tak tutup pintu pun. Maklumlah orang kampung buat, perusahan, apa mengadakan apa tu, usaha seperti ini Dato' *Speaker.* Ya mungkin dia tak tahu apa keperluan-keperluan dia. Kita bantulah. Kalau perlu minta permit ini, silakan, kita sarankan dia. Kalau dia tak mematuhi peraturan ini, kita bantu dia Dato' *Speaker*. Tetapi yang pentingnya saya nak bagi tahu Dato' *Speaker*, saya pergi di sana, saya nak memaklumkan secara tegasnya, tiada unsur-unsur mudarat Dato' *Speaker*. Semua yang sama mandi dengan saya itu memuji, memuji, Dato' *Speaker*. Segar, sekurang-kurangnya segar. Tak

pernah saya dengar lagi orang datang sana pengsan. Tak pernah saya dengar Dato' *Speaker* lepas mandi, berkudis badan Dato' *Speaker*. Sedangkan semuanya mengatakan bagus, segar dan sebagainya Dato' *Speaker* ya Dato' *Speaker.* Dan jauh sekali terdapat unsur-unsur khurafat, unsur-unsur mistik, pemujaan Dato' *Speaker,* tak ada.

Jadi bagi saya, saya mengharapkan dan saya berterima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan yang membantu Dato' *Speaker*. Kaedah ekonomi ataupun manafaat ekonomi hiliran yang sangat banyak Dato' *Speaker.* Anak-anak kampung dapat bekerja 20-30 puluh orang Dato' *Speaker*. *Homestay-homestay* di sekitar kawasan tersebut semua penuh, Exco Pelancongan. Penuh Dato' *Speaker*. Masjid orang datang seawal 4:00 pagi, 5:00pagi, subuh pun ramai Dato' *Speaker*. Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan tolong, kalau boleh bagi peruntukan kepada Masjid Kampung Sepri, Dato' *Speaker*. Ramai orang datang. Banyak hiliran dia, saya mohon untuk kita sama-sama berikan kerjasama Dato' *Speaker.* Dato' *Speaker.*

Dan akhir sekali Dato' *Speaker*, saya khususnya bersama sahabat saya, ADUN Kota nak merakamkan Dato' *Speaker*, sebab kita *last* satu hari sidang awal bulan 5, tak salah saya Dato' *Speaker.* Jadi sejurus kita ataupun seminggu lebih selepas sidang, kita mendapat makluman tentang pemergian Allahyarham Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau, yang ke-21. Saya bagi pihak, Dato' *Speaker,* bagi pihak seluruh anak-anak luak Rembau ingin merakamkan dalam Dewan ni Dato' *Speaker*, ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Teramat Mulia. Bagi pihak masyarakat penduduk di Daerah Rembau, saya nak merakamkan ataupun mengucapkan rasa bangga kami Allahyarham adalah orang pemimpin, Undang yang sangat mesra sangat dekat di hati rakyat Dato' *Speaker*, sangat munasabah ya, sangat sangat rapat dengan kami Dato' *Speaker.* Dan saya yakin saya yakin pelantikkan Yang Teramat Muda Undang yang baru menggantikan yang Lama, sedang berjalan baik dan akan mengikut masa yang baik Dato' *Speaker* ya.

Jadi terima kasih banyak Dato' *Speaker*. Itu saja yang saya nak sampaikan. Terima kasih banyak. Saya sudahi dengan *wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum WBT.*

YB ADUN Seremban Jaya: [mencelah secara *off mic*] Belanjawan, belanjawan tara sokong?

YB Yang Dipertua Dewan: *Waalaikumussalam WBT.*

YB ADUN Chembong: Nanti saya angkat tanganlah, *you* apa bising.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dewan akan berehat dan kita akan bersambung pada pukul 2:30, tengah hari ini. Kita nak tepat datang ya kerana kita ada banyak lagi sesi penggulungan yang akan dibuatkan pada petang ini. Sidang mesyuarat dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.07 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.40 petang]

Setiausaha Dewan : Yang Berkormat, Dato Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sesi perbahasan usul dan Rang Undang-Undang telah pun tamat. Seterusnya saya persilakan pihak kerajaan untuk memberi maklum jawab, maklum balas dan menjawab. Saya jemput Ampangan.

YB ADUN Ampangan: *Assalamualaikum,* salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani Jiwa Merdeka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2025.

Mencari timba si anak dara
Di bawah sarang burung tempua
Salam hormat pembuka bicara
Di di tengah hari mulia ingin berbicara.

Terlebih dahulu tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun yang telah membentangkan Belanjawan 2025 bertemakan "Bersama Membina Negeri Madani". Tidak dilupakan juga terima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri dan seluruh kakitangan jabatan dan agensi yang telah menyediakan Belanjawan 2025. Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Yang Berhormat, tema belanjawan ini amat besar ertinya kerana untuk membangunkan negeri yang kita cintai ini memerlukan sokongan semua pihak. Kerjasama dan kesungguhan dalam memastikan elemen madani itu dapat diterapkan ke segenap lapisan masyarakat. Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT. Maksudnya, maka dengan sebab rahmat dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah lembut kepada sahabat-sahabat dan pengikutmu, dan kalaulah engkau bersikap kasar tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah kesalahan mereka dan pohonkanlah ampun bagi

mereka dan bermesyuarahlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan. Surah Al-Imran, ayat 159.

Dato' Yang Dipertua, ahli dewan yang dihormati, firman Allah SWT ini pada asalnya ditujukan kepada Rasulullah SAW, turut menjadi panduan kepada seluruh umat Islam. Sikap rahmah, lemah lembut, saling memaafkan dan utamakan syura merupakan prasyarat kepada perpaduan ummah. Selagi kita tidak mengikis sikap suka bertelagah, label melabel, melampau dalam perdebatan dan mengadu domba maka mungkin ummah akan mencapai kesatuan dan kekuatan yang didambakan. *Alhamdulillah*, di negeri yang kita cintai ini, isu-isu sensitif ini amat jarang kita dengar. Boleh kata masyarakat majmuk di negeri ini arif dalam mencari maklumat yang benar, melainkan ada individu yang tidak bertanggungjawab yang suka melihat pertelagahan antara masyarakat.

Pelbagai bangsa pelbagai budaya
Perpaduan rakyat teras utama
Rakyat bersatu negara berjaya
Malaysia madani aman sejahtera.

Dato' Yang Dipertua, ahli dewan yang dikasihi, *insya-Allah* jabatan dan agensi di bawah portfolio Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional Dan NGO, kami akan bekerja lebih gigih dalam memastikan belanjawan ini mencapai objektif dalam mensejahterakan rakyat di Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab perkara yang berbangkit dalam perbahasan, berkenaan jam bekerja bagi petugas jururawat yang dibangkitkan oleh YB ADUN Kota. Untuk makluman semua perkara ini telah pun mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Datuk Seri Doktor Zulkifli Ahmad, di mana YB Menteri akan perhalusi perkara ini dalam waktu terdekat. Dan menjadi keutamaan perkara-perkara yang melibatkan Kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan semua petugas-petugas perkhidmatan kesihatan KKM khasnya dan pihak awam dan swasta yang lain tetap terjaga dan dibela.

Dato' Yang Dipertua, ahli Dewan yang dikasihi semua, soalan yang dibangkit oleh ADUN Bagan Pinang. Mohon penjelasan berkenaan kedudukan penambahan blok bangunan. Ulasannya ialah pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang dilantik bagi Projek Blok Pakar Hospital Port Dickson. Negeri Sembilan, reka dan bina pada 24 Julai 2024. Projek ini akan mengambil tempoh selama 156 minggu dan dijangka siap pada 2 Ogos 2027. Buat masa ini pihak kontraktor dalam peringkat kerja-kerja awalan di tapak.

Soalan yang yang dibangkitkan oleh ADUN Seri Tanjung, mengenai mencadang untuk mewujudkan Skim Perubatan Madani di Negeri Sembilan bagi mengurangkan kesesakan pesakit di hospital serta menca, mencepatkan pesakit mendapat rawatan. Skim Perubatan Madani merupakan satu inisiatif rintis oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia yang diwujudkan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap penjagaan kesihatan Primer Akut (Rawatan Sakit-sakit Ringan). Penerima sumbangan tunai rama, STR dalam kalangan B40 boleh mendapatkan rawatan di klinik perubatan swasta (GP) yang berdaftar di bawah Skim Perubatan Madani. Buat masa ini, Skim Perubatan Madani memberi fokus kepada 10 daerah seperti di bawah dan skim ini belum dimulakan di Negeri Sembilan. Kawasan yang yang ter, dapat skim perubatan MADANI ini ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Gombak, Selangor; Ulu Langat, Selangor; Petaling, Selangor; Klang, Selangor; Johor Bahru, Johor; Kinta, Perak; Timur Laut, Pulau Pinang; Kota Kinabalu, Sabah; Kuching, Sarawak. *Insya-Allah* Negeri Sembilan kita akan usahakan.

Soalan yang di, yang dibangkitkan oleh ADUN Gemas mengenai mencadangkan untuk mengagihkan perkhidmatan kepakaran di hospital di daerah Tampin, Jelebu dan Rembau. Perkhidmatan kepakaran di hospital di daerah Tampin, Jelebu dan Rembau, telah disampaikan melalui konsep kluster semenjak 2016 di Negeri Sembilan. Objektif konsep kluster ialah akses perkhidmatan kepakaran berhampiran dengan rumah dan penggunaan fasiliti di hospital tanpa pakar secara optima. Di Negeri Sembilan terdapat 2 hospital kluster. Nombor satu kluster HTAN semenjak 2016 terdiri dari 3 buah hospital di mana Hospital Tengku Ampuan Najihah merupakan *lead hospital* dan hospital di bawahnya ialah Hospital Tampin dan Jempol. Kluster yang kedua ialah kluster HTJS. Dimulakan pada tahun 2018 di mana Hospital Tuanku Jaafar Seremban berfungsi sebagai *lead hospital* dan hospital di bawahnya ialah Hospital Port Dickson, Hospital Jelebu dan Hospital Rembau.

Terdapat 5 perkhidmatan kepakaran sepenuh masa di Hospital Rembau iaitu perubatan, radiologi, pediatrik, kecemasan dan pakar hidung. Manakala di Hospital Tampin terdapat 4 perkhidmatan kepakaran sepenuh masa iaitu perubatan, pembedahan, patologi dan radiologi. Hospital Jelebu menerima perkhidmatan kepakaran bagi disiplin kecemasan dan perubatan daripada Hospital Tuanku Jaafar. Perkhidmatan kepakaran yang lain di diperolehi dari Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah mengikut kluster. Dato' Yang Dipertua

Terbang ke hutan anak Jeladan
Hinggap lama direbung buluh
Kalau tuan sayang badan
Rajinlah periksa jangan bertangguh

Dato' Yang Dipertua, saya juga berharap agar seluruh warga kerja jabatan dan agensi untuk bekerja lebih sistematik untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Negeri Sembilan. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh jabatan, agensi, atlet sukan yang telah mengharumkan nama negeri dan jabatan yang telah mereka wakili. Daripada Aisyah *radiallahuanha* Rasulullah SAW bersabda maksudnya sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja dia laksanakan dengan cemerlang. Riwayat al-Tabarani dalam Al-Mukjam Al al-Aswah. Bekerjalah dengan penuh ketekunan dalam menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan daripada seseorang sebagaimana yang dikehendaki oleh orang tersebut tanpa kurang sedikit pun dengan sempurna mungkin disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan.

Keharmonian dan perpaduan kaum di negeri ini adalah simbol usaha Yang Amat Berhormat Sikamat telah lakukan sepanjang pentadbiran beliau. Ini kerana kita perlu menerima hakikat bahawa negeri ini adalah negeri yang berbilang bangsa dan agama. Walaupun terdapat jurang perbezaan tetapi bukan perbezaan yang dilihat tetapi titik persamaan yang menjadi asas perpaduan yang wujud di Negeri Sembilan. Negeri ini punya, punyai adat perpatih yang menjadi warisan zaman berzaman dan wajib dipertahankan. Walaupun berlaku perubahan kerajaan sejak 2018 yang lalu, negeri ini kekal harmoni dan aman sentosa tanpa sebarang isu-isu ketegangan kaum. Hari ini rakyat di sekeliling kita sangat cakna dan bijak menilai kepimpinan negeri. Mereka hanya mahukan hak-hak asas mereka dapat dipenuhi dan dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah dengan adil dan saksama.

Di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Sikamat berpuluh-puluh inisiatif telah disediakan dan dan dilaksanakan sejak tahun 2018 yang melibatkan kumpulan sasar bermula dari bayi sehingga warga emas. Tidak ada satu kelompok rakyat ditinggalkan. Bahkan inisiatif ini bersifat buta warna kerana ia diberikan tanpa mengira latar belakang kaum, agama, apatah lagi parti politik. Asalkan rakyat yang berhak, maka mereka berhak untuk inisiatif tersebut.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya membaca 2 rangkap pantun.

Bersiar-siar di Pekan bersama rakan
Tempatnya bersih, suasana nyaman
Bajet belanjawan sudah dibentangkan
Harap dapat memberi kesejahteraan

Kerabu ikan kelah hirisan kuini
Campur cekur dan daun selasih
Dibentang sudah belanjawan terkini
Rakyat bersyukur tiada yang tersisih

Akhir kalam, semoga kita semua dapat menjaga nikmat perpaduan yang ada di negeri ini serta menjaga kesihatan diri dan keluarga agar negeri ini terus mendapat rahmat dan perlindungan, perlindungan dari Allah SWT. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Yang Berhormat Linggi.

YB ADUN Linggi: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam sejahtera. Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' *Speaker* dan juga kepada ahli-ahli Yang Berhormat seperti Chennah, Jeram Padang, Johol dan juga Juasseh yang telah pun memberi perhatian dan minat kepada cadangan yang melibatkan kepintaran buatan dalam agenda Belanjawan Negeri Sembilan 2025. Dalam dunia yang semakin pesat berkembang ini kepintaran buatan ataupun *artificial intelligence* (AI) bukan lagi sekadar teknologi tetapi satu keperluan untuk kemajuan dan juga pembangunan di hari-hari yang mendatang. Kepintaran buatan kini menjadi penggerak utama dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan, pertanian dan juga keselamatan.

Bagi Negeri Sembilan, teknologi ini mampu memacu pembangunan mampan, meningkatkan daya saing dan juga memperkasakan kehidupan rakyat. Antara skop penggunaan AI yang boleh diberikan tumpuan adalah satu pemerkasaan ekonomi digital yang mana secara dasarnya AI dapat membantu perusahaan kecil dan juga sederhana untuk memahami pasaran dengan lebih baik melalui analisis dasar besar. Selain daripada itu, ada beberapa lagi contoh penggunaan AI yang memainkan peranan yang signifikan iaitu *data analytic* untuk PKS. Kepintaran buatan dapat membantu perusahaan kecil dan juga sederhana di Negeri Sembilan memahami trend pasaran melalui analisis data besar ataupun *big data,* dengan menggunakan algoritma AI, PKS boleh menganalisis, pola pembelian pelanggan mengenal pasti produk ataupun perkhidmatan yang paling dinikmati, ramalan permintaan iaitu meramalkan waktu puncak pembelian untuk

perancangan stok yang lebih baik, segmentasi pelanggan, menawarkan promosi khusus berdasarkan keperluan dan juga minat pengguna. Maka dengan ini PKS yang menjual produk makanan tradisional boleh menggunakan AI untuk mengenal pasti kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi bagi produk mereka lalu mereka boleh meluaskan lagi pemasaran digital di kawasan tersebut.

Kita juga ada platform e-dagang pintar yang mana AI boleh digunakan untuk memperkasakan platform e-dagang di Negeri Sembilan dengan pengesyoran produk automatik iaitu menawarkan cadangan produk kepada pelanggan berdasarkan sejarah pembelian mereka. Kita juga mempunyai Chatbot AI iaitu memberikan perkhidmatan pelanggan automatik, yang responsif 24 jam sehari. Pengoptimuman harga menggunakan analisis AI ini untuk menyelesaikan harga produk berdasarkan permintaan pasaran dan juga harga pesaing. Melalui pemasaran digital pintar ini, AI dapat membantu peniaga di Negeri Sembilan menjalankan kempen pemasaran yang lebih berkesan iaitu iklan yang lebih berfokus, analisis media sosial dan juga automasi e-mel. Sebagai contoh, restoran tempatan boleh menggunakan AI ini untuk menjalankan di iklan digital kepada pelanggan di sekitar kawasan mereka dengan tawaran diskaun pada waktu-waktu tertentu.

Dari segi perkhidmatan awam, AI boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan seperti pengurusan aduan rakyat. AI dapat digunakan untuk memproses dan juga mengurus aduan rakyat dengan lebih cekap melalui sistem chatbot pintar iaitu platform yang didorong oleh AI untuk boleh menerima aduan, memberikan *response* automatik dan juga menyalurkan aduan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan. Klasifikasi aduan automatik AI boleh mengenal pasti kategori aduan berdasarkan kandungan teks dan juga mengarahkan kepada pegawai yang bertanggungjawab. Pemantauan penyelesaian aduan, aduan ya: sistem AI boleh mengesan aduan-aduan yang diberi, yang belum diselesaikan dan memberikan peringatan kepada pihak bertanggungjawab. Contoh, portal aduan Negeri Sembilan boleh menggunakan AI untuk mengurangkan masa menunggu *response* iaitu sekaligus meningkatkan kepuasan rakyat.

Dari segi perancangan dan juga pengurusan bandar, AI boleh digunakan untuk membantu Kerajaan Negeri merancang pembangunan bandar yang lebih mampan seperti menganalisa data penduduk. AI boleh memproses data populasi untuk memahami pola perubahan penduduk dan merancang kawasan perumahan baru. Yang kedua, iaitu pengurusan sampah pintar. Sistem AI juga boleh memantau tahap penuh tong sampah dan mengatur jadual kutipan yang lebih cekap dan efisien. Dan yang ketiga pemantauan kawasan risiko bencana yang

mana AI boleh mengenal pasti kawasan berisiko banjir ataupun tanah runtuh berdasarkan data cuaca dan juga geografi.

Pemantauan, walaupun AI menawarkan banyak manfaat, terdapat beberapa cabaran yang perlu kita tangani iaitu termasuklah banyak kawasan khususnya di kawasan luar bandar menghadapi kekurangan akses kepada internet berkelajuan tinggi dan juga infrastruktur digital asas yang diperlukan untuk AI ini. Selain daripada itu, kos teknologi seperti pelayan ataupun *server* dan juga storan awam yang besar menjadi penghalang kepada kita. Oleh itu pihak kerajaan negeri bersama dengan MCMC komited dalam memperluaskan rangkaian internet melalui inisiatif Jalinan Digital Negara ataupun JENDELA dengan melalui pembinaan struktur baru pembangunan jalur lebar gentian optik bagi talian tetap dan juga meningkatkan capaian teknologi *5G* ke seluruh kawasan yang berpenduduk.

Setakat suku ketiga tahun 2024 melalui inisiatif Pelan JENDELA, kadar liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk telah mencapai sebanyakk 99.76%. Bagi perlaksanaan Projek JENDELA, sebanyak 90 daripada 105 struktur pemancar baharu telah selesai dibina dan telah pun beroperasi. Selain daripada itu, kesemua 1,666 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf, daripada teknologi rangkaian *4G* kepada, dan sebanyak 2,000, dinaik taraf kepada teknologi rangkaian *4G* ya dan sebanyak 220,444 daripada 221,627 sambungan talian tetap berasaskan gentian optik telah pun siap tersedia. Baki bagi setiap rancangan yang dinyatakan dijangka siap secara berperingkat pada penghujung suku ke empat tahun 2025. Manakala bagi pembangunan rangkaian *5G* di Negeri Sembilan melalui MCMC dan juga Digital National Berhad sebanyak 229 daripada 232 tapak ataupun 77.6% liputan *5G* telah siap dibangunkan menerusi pembinaan struktur baru serta struktur sedia ada yang bertumpu di kawasan utama di setiap daerah di Negeri Sembilan.

Dan kita juga mempunyai masalah iaitu kekurangan tenaga kerja berkemahiran. Tidak semua pekerja mempunyai kemahiran dalam pembangunan dan juga pengurusan AI. Jurang kemahiran ini menjadi cabaran bagi sektor awam dan juga swasta. Maka di sini terdapat keperluan untuk kita mengadakan program latihan intensif dalam teknologi AI seperti data analitik, pembelajaran mesin dan juga pengurusan data.

Isu privasi dan juga keselamatan diambil kira. AI memerlukan data raya sebagai elemen penting untuk berfungsi namun pengumpulan dan juga pemprosesan data ini menimbulkan kebimbangan privasi dan juga keselamatan. Perkara ini boleh ditangani dengan langkah-langkah

seperti memastikan undang-undang privasi data seperti Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) diperketatkan untuk melindungi maklumat pengguna. Yang kedua: semua data yang dikendalikan oleh sistem AI perlu melalui proses penyulitan untuk mengelakkan kebocoran maklumat dan melaksanakan audit keselamatan berkala untuk memastikan sistem AI tidak mudah digodam.

Jadi adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri Sembilan ya, bercita-cita untuk menjadi pemimpin dalam integrasi AI di Malaysia melalui pertama: menarik pelaburan syarikat teknologi global ke negeri ini. Yang kedua: memperkenalkan insentif kepada perniagaan tempatan yang menggunakan teknologi AI. Mewujudkan kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan dan juga sektor swasta untuk penyelidikan dan juga pembangunan.

Seperti ahli-ahli yang Berhormat sedia maklum, semasa sedi, sesi sidang DUN yang lalu MCMC telah pun membuka kaunter aduan ya, bertempat di lobi utama Bangunan Dewan Undangan Negeri pada 5 dan 6 Ogos 2024 dan telah pun menerima aduan daripada 9 YB ADUN berkaitan dengan isu komunikasi di kawasan DUN masing-masing. Setakat 27 November 2024 sebanyak 6 daripada 9 aduan diterima telah dinilai oleh pihak MCMC di lapangan dan mengarahkan pihak industri komunikasi telco untuk menambah baik liputan kawasan yang tidak mencapai piawaian audit berkenaan perkhidmatan komunikasi. Manakala baki 3 aduan masih dalam tindakan pihak MCMC bersama pihak industri komunikasi yang dijangka selesai secara berperingkat pada ataupun sebelum 31 Disember 2024. Bagi ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat untuk mengemukakan aduan pada sesi lepas bolehlah menyalurkan aduan kepada pihak MCMC Negeri Sembilan ataupun melalui portal aduan MCMC. Pihak MCMC juga bersedia untuk menjalankan tinjauan kawasan bersama ahli Yang Berhormat bagi mendapatkan maklumat berkaitan kawasan yang bermasalah di kawasan DUN masing-masing.

Jadi yang Berhormat Dato' *Speaker*, ramai juga kawan-kawan saya bertanya bagaimana Exco Kanan, dia boleh bawak saya ke, lawatan ke China. Saya pun mula-mula agak terperanjat juga, pelik juga kan. Pasal Exco Kanan dia nak jual durian. Apa kena-mengena dengan teknologi? Tapi bila saya sampai ke sana, kita adakan, Exco Pertang pun telah memberikan ucapan pertama dan kita dibawa berbincang dengan, seperti tersebut oleh ADUN Pertang tadi, kita melawat ataupun ada mesyuarat dengan Syarikat Inspur. Ini ada kaitan dengan jawapanlah. Yang mana Syarikat Inspur ini ia, dia adalah satu syarikat pengkalan data, antara yang terbesar di China. Jadi *company* yang menjual durian ini dia bekerjasama dengan syarikat pengkalan data ini untuk

mengumpulkan maklumat dan juga menganalisa soal pasaran durian di negara *China*. Seperti disebut oleh ADUN Lenggeng tadi difahamkan, negara Thailand mengeksport 50,000 kontena durian setahun. Dan di Malaysia kita baru hanya dapat mampu hantar 2,000 ke 3,000 kontena sahaja. Jadi pasaran durian di *China* masih luas lagi. Dan seterusnya saya melihat kesungguhan syarikat tersebut, mereka bukan sahaja mempunyai lokasi untuk menjual durian tetapi mereka menjual durian secara *live*. Dan ini juga, di masa akan datang, mereka merancang, mereka nak menjual durian itu *live* dari kebun dan kebun yang dipilih ialah kebun di Jelebu. Maknanya pasaran mereka ini, buah durian ini akan dijual secara terus. Ini membuktikan bahawa teknologi dan inovasi kita hari ini dah melangkaui sempadan. Dan ini maknanya memang wajarlah dibawak. Lepas ni pulak mungkin ADUN Pertang nak bawa saya lagi, kita nak lihat teknologi tanam musang king di Hainan pulak. Bagaimana mereka, bagaimana mereka nak nak bagi ya, nak bagi sama rasa tu. Haa? Lenggeng ikut? Lenggeng dah tak boleh dah. Dia dah ada kepentingan peribadi, tak boleh.

Jadi seterusnya saya juga melihat bahawa antara lain, mungkinlah ya, sebab durian ini kita gunakan durian *frozen*. Jadi Dato', Dato' ADUN, YB ADUN Pertang dia nak suruh saya rasa durian yang baru gugur dengan durian *frozen* itu sama ataupun tak sama. Jadi pada saya, memang durian tu tak ada jauh beza pun, memang sama. Jadi maknanya teknologi hari ini yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha kita untuk memasarkan durian mereka adalah terbaik. Dan *insya-Allah* saya yakin dan percaya bahawa hasrat ADUN Pertang untuk mewujudkan kilang *frozen* durian di Jelebu akan terlaksana di masa yang akan datang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Linggi. Saya jemput Yang Berhormat Repah.

YB ADUN Repah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli-ahli Berhormat yang mengambil bahagian dalam persidangan kali ini, Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. Dan saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat atas kejayaan dalam pembentangan Bajet Berimbang pada tahun 2025. Dato' *Speaker* ada beberapa isu yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tadi, yang berkaitan dengan portfolio ini. Dan saya ingin menggulung kepada persoalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya daripada ADUN Chuah. Isu yang dibangkitkan adalah pengurusan sisa industri berpotensi mengancam alam sekitar

sekiranya tidak ditangani. Adakah kita mempunyai mekanisme pengawalan yang lengkap serta pengenalpastian kilang-kilang haram? Di Chuah telah berlaku tiga insiden pembuangan sisa yang berbahaya dan mengakibatkan pencemaran yang serius kepada sungai dan udara. Harap pihak berkuasa dapat memperketatkan pencemaran sisa industri dengan kerjasama pihak polis kerana isu seperti ini melibatkan aktiviti *gangster*.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa mekanisme untuk mengawal pengurusan sisa yang dihasilkan oleh pihak industri sama ada melalui perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling Sembilan 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya atau mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh JAS. Selain daripada penguatkuasaan di lapangan, JAS juga membangunkan beberapa sistem untuk menjalankan pemantauan secara *desktop* antaranya kawalan pengurusan buangan terjadual melalui sistem *Electronic Scheduled Waste Information System*, *e-waste,* e-SWIS, Pengurusan Efluen Perindustrian melalui sistem online, sistem report OER. Manakala pelepasan melalui udara, JAS memantau melalui sistem *air remote*. Untuk menambah baik tindakan terhadap salah laku industri, JAS telah membuat pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan meningkatkan denda kepada mereka yang melakukan kesalahan berkaitan dengan pencemaran alam sekitar.

Dalam usaha menangani masalah pembuangan, buangan terjadual, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sememangnya berhadapan dengan pelbagai halangan termasuk aktiviti gangsterisme. Halangan yang, halangan yang JAS hadapi ini tidak menghalang pegawai JAS dari melaksanakan tugas mereka. Bagi memastikan keselamatan pegawai JAS, kerjasama rapat dengan pasukan Polis Diraja Malaysia telah lama terjalin dan sentiasa menjalankan operasi bersama untuk mencegah pencemaran dari berlaku.

Dato' Yang Dipertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga, baru-baru ini saya menerima aduan berkenaan dengan pembuangan minyak dan juga cat terpakai di kawasan Chuah. Dan apabila saya mendapat maklumat ini, saya dapati bahawa sisa tu bukannya daripada Negeri Sembilan. Sebenarnya daripada negeri lain dan kita akan siasat perkara ini. Dan kita kenal pasti salah sebuah kilang yang berada di luar Negeri Sembilan. Dan ia berkaitan dengan kumpulan *gangster* yang diguna pakai bagi melupuskan buangan terjadual ni di Negeri Sembilan. Jadi kita akan siasat dan kita akan ambil tindakan sewajarnya terhadap pelaku ataupun penjenayah alam sekitar ini.

Dato' Yang Dipertua untuk isu yang dibangkitkan oleh ADUN Temiang. Isu yang dibangkitkan adalah adakah terdapat pembinaan kolam takungan di kawasan Temiang bagi menampung jumlah air dalam kajian PISMA Seremban yang telah siap pada tahun 2023. Status terkini Kajian Pembangunan Lembangan Sungai Linggi Fasa 5. Untuk maklumat ahli-ahli yang Berhormat, punca kejadian banjir yang berlaku di kawasan Temiang adalah disebabkan oleh saiz sistem perparitan sedia ada yang tidak dapat menampung pertambahan kuantiti air larian permukaan dan kejadian *backflow* yang berlaku di Jalan Seng Meng Lee. Justeru itu, bagi mengurangkan risiko banjir ini, pihak JPS telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Temiang bermula pada 12 Disember 2023 dan dijangka siap pada 11 Jun 2025 dengan pemasangan struktur *precast wall panel* bagi memulihkan *gradient* dan melancarkan aliran air.

Selain daripada itu, kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Daerah Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan telah siap dilaksanakan oleh Jabatan Perparitan Dan Saliran Malaysia pada Januari 2024. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat cadangan untuk membina sebuah kolam takungan di kawasan Bukit Tembok bagi mengurangkan risiko banjir berserta kerja-kerja menaik taraf sistem saliran sedia ada dengan mengambil kira tahap perlindungan sehingga 100 hari di mana permohonan peruntukan bagi perlaksanaan projek ini akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Ke-13. JPS Malaysia telah mula melaksanakan projek pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 5 secara kaedah reka dan bina bermula pada 1 Februari 2024 sehingga 31 Januari 2029 dengan kos projek berjumlah 101,328,930.00 ringgit. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun di mana status terkini adalah dalam proses penyediaan reka bentuk dan kerja-kerja fizikal dijangka akan bermula pada tahun 2025. Skop kerja yang terlibat di bawah perlaksanaan projek ini adalah melebar dan mendalamkan sungai, pembinaan ban dan *flood wall,* pembinaan struktur *outlet*, pembinaan kolam takungan dan membaik pulih struktur perparitan sedia ada. Dengan perlaksanaan projek ini, dijangka akan dapat mengurangkan risiko banjir di di pekan bandar Seremban dan juga kawasan sekitarnya seperti Kampung Ismail, Kampung Kuala Sawah, Kampung Batu 3 Mambau, Kampung Mantau, Kampung Chedang, Taman Happy, Taman Moksum, Taman Singh, Kampung Dato Mansor, Kampung Pasir, Kampung Semarak, Kampung Ismail dan lain-lain kawasan yang berdekatan.

ADUN Gemas membangkitkan isu berkenaan dengan operasi Loji Rawatan Air di Linggi pernah ditutup berikutan terdapat pencemaran. Selain daripada usaha untuk turun padang yang amat baik, tindakan

kepada syarikat-syarikat yang membuat pencemaran kepada Loji Rawatan Air ini hendaklah diambil tindakan dan dimaklumkan kepada rakyat. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan mengambil tindakan yang tegas terhadap pelaku yang menyebabkan pencemaran air terutamanya yang melibatkan penutupan loji rawatan air di Linggi dengan membuka kertas siasatan terhadap semua kes pencemaran yang berlaku. Terdapat satu kilang yang telah dikenakan hukuman sebanyak 50,000.00 ringgit oleh mahkamah kerana menyebabkan pencemaran air dan mengakibatkan hentinya tugas Loji Rawatan Air. Setiap tindakan perundangan yang telah dijatuhkan hukuman akan dipaparkan dalam media sosial rasmi Jabatan Alam Sekitar.

Seterusnya ADUN Temiang juga, membangkitkan isu berkaitan dengan aktiviti penternakan ayam dan lembu yang tidak terkawal di kawasan Kampung Sungai Sendayan telah menyebabkan peningkatan jumlah lalat sekaligus mengganggu keselesaan penduduk. Penduduk sebelum ini telah membuat aduan kepada pihak berkuasa namun persoalannya apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar untuk menangani isu ini. Untuk makluman ahli-ahli yang Berhormat, aktiviti penternakan sama ada penternakan unggas ataupun lembu dan sebagainya, adalah bidang kuasa di bawah Jabatan Veterinar. Dan ramai juga ahli-ahli Yang Berhormat yang mengadu kepada jabatan yang salah iaitu Jabatan Alam Sekitar. Kita memang tidak mempunyai bidang kuasa ke atas, berkenaan dengan aktiviti penternakan ayam ataupun lembu. Begitu juga ADUN Lukut membangkitkan berkenaan dengan penternak ayam dan lembu di mana salur, aduan ni disampaikan kepada Jabatan Alam Sekitar. Sebenarnya jabatan yang bertanggungjawab adalah Jabatan Veterinar. Jadi untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya ada apa-apa isu berkaitan dengan penternakan ayam dan lembu, boleh disalurkan kepada Jabatan Veterinar. Dan untuk makluman, Jabatan Alam Sekitar juga apabila menerima aduan-aduan seperti ini, mereka akan sampaikan ataupun panjangkan aduan ini kepada jabatan yang berkaitan.

Dan seterusnya ADUN Kota, isu yang dibangkitkan adalah: didapati saiz jabatan, jambatan yang dibina oleh JPS lebih kecil berbanding kelebaran sungai. Status terkini membaiki jambatan runtuh di Kampung Bongek Tengah dan isu tiada pemakluman perlaksanaman, perlaksanaan kerja-kerja kepada wakil rakyat kawasan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat mengikut rekod di daerah Rembau terdapat 17 buah jambatan di bawah seliaan JPS. Melalui pemantauan pemeriksa yang dijalankan oleh pihak JPS pada 8 November 2024 mendapati struktur jambatan dan saiz yang berada di bawah seliaan masih berada dalam keadaan selamat dan bersesuaian dengan kelebaran sungai.

Penyelenggaraan dan pembaikan jambatan akan dilaksanakan dari masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan tahap kerosakan.

Senarai jambatan konkrit yang terlibat adalah seperti berikut: jambatan jalan kampung depan Masjid Kundur Hulu; jambatan Dato' Abdul Samad, Kundur Hulu; jambatan Jalan Tok Hawa, Kampung Kundur Hulu; Jambatan Jalan Dato Abdul Samad, Kundur Tengah; Jambatan Jalan Tanjung Semut, Kundur Tengah; Jambatan Jalan Sekolah Lama, Kundur Tengah, Jambatan Jalan Baru, Semin, Kampung Lubuk Cina; Jambatan Kolam Ikan Gadong; Jambatan Kampung Aur Chengkau Ulu; Jambatan MTB Jalan Kampung Mayun, Kampung Chengkau Hulu; Jambatan MTB Jalan Solok Bangkong; jambatan dari Kampung Nerasau ke Kampung Durian Tunggal; jambatan Jalan Seberang Sawah Kampung Senama Tengah, Jambatan Kampung Semerbok, Jambatan Jalan Kampung Laut Lebai Daim Kampung Pilin; jambatan Kampung Baru, Sungai Beringin, jambatan dari Kampung Senama Ulu. Dan bagi projek-projek membaiki jambatan di Kampung Bongek Tengah telah bermula dilaksanakan pada 15 Oktober 2024 dan dijangka siap pada 14 Ogos 2025 dengan kos sebanyak 696,200.00 ringgit. Sehingga kini kerja-kerja penyediaan tapak dan perobohan jambatan lama yang runtuh telah selesai dijalankan. Peratusan kemajuan adalah 4.9% mengikut jadual yang ditetapkan. Pemakluman awal mengenai projek ini juga telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah pada pada 1 haribulan Oktober 2024 dan status kemajuan akan dimaklumkan dari masa ke semasa secara rasmi kepada pihak yang berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, untuk isu berkaitan dengan alam sekitar ini, bukan sahaja tanggungjawab ini terletak di bahu kerajaan tetapi juga rakyat, wakil rakyat, Ahli-Ahli Majlis dan juga ketua-ketua kampung mempunyai tanggungjawab bersama untuk maklumkan sekiranya ada apa-apa aktiviti yang mencurigakan berkenaan dengan pencemaran alam sekitar ini, mereka perlulah maklumkan kepada aa jabatan yang berkaitan, Jabatan Alam Sekitar dan saya sebagai Exco Alam sekitar. Jadi saya mohon supaya semua rakyat boleh memberi kerjasama supaya kita sama-sama dapat mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba mencemarkan alam sekitar yang kita hidup ini. Sebab alam sekitar ini memang penting. Kita perlu jaga alam sekitar kita sebab kita mendapat punca air daripada sungai-sungai kita. Jadi kita perlu menjaga air sungai ini dengan baik supaya kita dapat memberikan air bersih kepada penduduk Negeri Sembilan ini. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil maklum dan kita perlukan kerjasama dan tanggungjawab daripada semua pihak supaya kita dapat membanteras kejadian pencemaran alam sekitar di Negeri Sembilan. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Repah. Saya silakan Yang Berhormat Bukit Kepayang.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Dewan yang mulia ini, bersempena dengan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema "Bersama Membina Negeri Madani". Sukacita saya menggulungkan perbahasan kali ini dengan menekankan beberapa aspek yang, belanjawan yang jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan dalam sektor Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan selaras dengan, yang menjadi teras kepada pembangunan masyarakat bersih, muafakat, sejahtera sesuai dengan Aspirasi Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan menerusi Belanjawan 2025 telah menyediakan peruntukan untuk semua lapisan masyarakat daripada bayi ke budak sekolah, ke mahasiswa, ke belia, ke warga emas. Juga pengantin baru. Sebelum saya teruskan, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun.

Nyanyi burung riang bersama
Merdu suara burung penari
Bercuti rehat bersama keluarga
Tempat menarik dalam negeri

Di sini saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ahli MMK, Dato' SS, yang, Yang Berhormat Pegawai Kewangan dan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang dan semua penjawat awam di mana telah meluluskan 4 inisiatif sedia ada iaitu 3.0 juta Geran Pengurusan Dan Aktiviti Pelancongan, 7.35 juta untuk Pembangunan Produk Pelancongan, 0.5 juta untuk Geran Aktiviti Adat dan 0.5 juta untuk *Perpatih Fest*. Dan 2 inisiatif baru iaitu inisiatif TAC@N9 (*Tourism Arts and Culture@N9*) 0.5 juta dan juga 0.6 juta untuk Promosi Pelancongan. Suka saya juga merakamkan syabas dan tahniah kepada keseluruhan anggota kakitangan UPEN, LPNS dan Pejabat Exco Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan yang berkhidmat dengan penuh dengan dedikasi integriti dan ikhlas untuk menjayakan Portfolio Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan.

Sebagaimana pihak Dato' Yang Dipertua dan barisan Yang Berhormat Exco dan YB ADUN sedia maklum Tahun Melawat Negeri Sembilan adalah, akan dianjurkan pada tahun 2026. Penganjuran TMNS ini tidak hanya tertumpu kepada produk-produk pelancongan, malahan ia juga boleh dipromosikan melalui kesenian dan kebudayaan Negeri Sembilan. Keunikan adat perpatih yang juga merupakan salah satu

daripada 9 Identiti Negeri Sembilan perlulah giat dipromosikan kerana ianya merupakan salah satu adat yang masih diguna pakai di Malaysia. Di dalam usaha mempromosi dan menyemarakkan seni budaya di negeri ini sudah tentunya perlu berada di landasan 9 Identiti Negeri Sembilan iaitu tadi saya kata, adat perpatih, alat muzik cak lempong, dikir rebana, persembahan tarian piring lambung, teromba, tumbuk kalang, baju kebaya setengah tiang, telepok, bunga lado, atap panjang, dam harimau dan gasing, lagu-lagu Negeri Sembilan, seperti Moh Dogheh. Mulai hari ini semua jangan guna jom ya, "moh". Gulai kuning dan juga 9 Identiti yang tersebut, kami harus membudayakan.

Sekolah seni juga dilihat berpotensi untuk melatih anak-anak mendalami muzik dan tarian Negeri Sembilan seterusnya dapat diwarisi supaya ianya tidak ditelan dek zaman. Kesenian tidak hanya dizahirkan melalui persembahan kebudayaan semata-mata, malahan turut melalui penghasilan kraftangan seperti rotan, buluh, ukiran kayu dan logam serta batik. Melalui seni seni ke kraftangan ini, produk-produk kraftangan seperti baju batik, kerongsang dan tas tangan dan pelbagai produk cenderahati dapat dihasilkan. Seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat ADUN Lenggeng sebentar tadi, kraftangan tersebut boleh didapati di tingkat bawah, ruang pameran aras bawah, bangunan *White House*, selain program promosi jualan kraftangan di gedung membeli-belah terpilih di Negeri Sembilan.

Beberapa usaha sedang digiatkan bagi menghadapi Tahun Melawat Negeri Sembilan antaranya adalah memperkasakan produk-produk pelancongan. Sepertimana yang saya sebut tadi, 7.35 juta telah diperuntukkan untuk Pembangunan Produk Pelancongan. Dan juga penghasilan pakej pelancongan yang berpotensi bagi menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara termasuk negara berpendapatan tinggi. Penganjuran acara pelancongan yang berimpak tinggi, yang tadi saya kata *NS Fest* tu sebenarnya saya kena pinda sedikit informasi. Tadi saya kata 800 ribu pengunjung. Sebenarnya saya dimaklumkan ada 1.147 juta pengunjung yang pergi ke *NS Fest 2024* yang yang bermula dari 27 Julai hingga 3 Ogos 2024. Dan mencatatkan jumlah jualan sebanyak 4.3 juta dan potensi jalinan perniagaan sebanyak 4.7 juta.

Berkenaan dengan persoalan Yang Berhormat Gemas. Muzium Keretapi Gemas sedang diusahakan dan bakal akan dibuka kepada awam pada awal tahun 2025. Untuk persoalan Bagan Pinang, saya akan memberi secara bertulis ya.

Kami amat berbesar hati di atas kerjasama dan keterlibatan Exco dan ADUN dalam menjayakan program pelancongan dan seterusnya dapat

bersama-sama menjadi duta dan ejen mempromosikan pelancongan Negeri Sembilan dalam persediaan menganjurkan Tahun Melawat Negeri Sembilan. Dengan memperluaskan sektor pelancongan negeri ini, masa depan Negeri Sembilan akan lebih utuh dan mampan. Kita tidak lagi bergantung hanya kepada sektor pertanian dan perkhidmatan sebagai sumber penjanaan hasil negeri. Sektor pelancongan juga akan menjadi *gold basket* dengan izin, untuk Negeri Sembilan dalam masa terdekat. Ini bukan sahaja kerana kita dapat, mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan Persekutuan tetapi komitmen semua Yang Berhormat Exco yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Sikamat sentiasa memikirkan sumber baharu untuk menjana pendapatan negeri. Ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan telah berjaya menunjukkan konsensus antara ahli politik walaupun dari parti yang berbeza ideologi, boleh duduk semeja dengan mendahulukan keutamaan negeri dan rakyat. Negeri Sembilan telah keluar dari kepompong politik sempit. Imej keharmonian seperti ini akan memberi keberkatan kepada kerajaan ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Sikamat. Izinkan saya baca serangkap teromba sebelum saya berakhir.

YB ADUN Lenggeng: YB mencelah sikit YB. Boleh? Saya nak tanya berkenaan dengan produk pelancongan itu tadi. *So* saya tadi ingat nak masukkan sekali dekat Hutan Lipur Lenggeng itu berkenaan dengan, nak membina *canopy walk*. Boleh tak masukkan sekali dalam produk pelancongan itu untuk kita tarik sebab Hutan Lipur Lenggeng ni memang kita boleh mampu tarik pengunjung-pengunjung pada Kuala Lumpur, daripada Selangor. Terima kasih.

YB ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Lenggeng. Kami akan pertimbangkan permohonan tapi harus dimohon dengan BQ kalau boleh. Kami akan pertimbangkan.

YB ADUN Lenggeng: Jadi kalau angkat BQ tu, dah kira separuh lulus dah tu. Bak kata ADUN Chembong.

YB ADUN Bukit Kepayang: Okey, terima kasih. Oh, saya sudah ada jawapan untuk, saya boleh baca ya. Okey, untuk ADUN persoalan Yang Berhormat Bagan Pinang berkenaan sektor pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar. Okey. Setiap perancangan projek pembangunan termasuk pelancongan adalah tertakluk kepada pekeliling dan garis panduan yang ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Sembilan. Bagi projek pembangunan tahun 2025, persediaan awal telah dilaksanakan dengan mengadakan Bengkel Perlaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah peruntukan Negeri Sembilan, peruntukan negeri tahun 2025

pada 9 sehingga 11 November 2025 yang lalu. Ini bagi memastikan semua projek pembangunan yang telah disenaraikan dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Berkenaan dengan Tapak Ngoca, LPNS telah pun membuat perancangan awal bagi mempromosikan Tahun Melawat Negeri Sembilan melalui aktiviti promosi dan penganjuran acara pelancongan yang telah disenaraikan dalam kalendar acara pelancongan bermula tahun 2025. Kerjasama juga dilaksanakan bersama media cetak serta elektronik memberi liputan terhadap program dan acara Tahun Melawat Negeri Sembilan. Program promosi yang diadakan bukan sahaja menyasarkan kepada kedatangan pengunjung atau pelancong luar, malah menggalakkan penyertaan mereka dalam acara yang dianjurkan seperti *Perpatih Fest,* Pesta Bola Ngoca di Kuala Pilah.

Berkenaan dengan Tapak Ngoca juga, ini untuk Yang Berhormat Bagan Pinang. Program Pesta Bola Ngoca telah berjaya dilaksanakan buat kali keempat di Stadium Ngocha di Perkampungan Budaya Terachi, Kuala Pilah. Program yang dihadiri oleh hampir 30,000 pengunjung ini memberi impak ekonomi yang sangat baik kepada penduduk setempat. Janganlah keluar. Ini jawapan untuk, okey, oh itu Paroi. Okey, s*orry sorry,* Bagan Pinang ada, *sorry.* Saya rabun, saya rabun. *Sorry,* maaf maaf maaf okey. Program yang dihadiri oleh hampir 30,000 pengunjung ini memberi impak yang begitu tinggi. Secara purata, ROI setiap tahun yang bagi penganjuran Pesta Bola Ngocha mencapai lebih setengah juta dan merupakan impak positif kepada penduduk sekitar. Pemilihan usahawan semasa Pesta Bola Ngoca 2024 telah dibuat melalui kaedah undian mengikut kategori makanan dan jualan yang didaftarkan oleh pengusaha yang berminat bagi memastikan kepelbagaian jualan dan peluang diberikan dengan lebih adil. Okey. Tadi saya nak baca pantun. Okey

Ada hidup orang berbudi
Jujurnya sampai ke lubuk hati
Adat hidup orang baik-baik, ingat tu
Jujur dan ikhlas timbal balik.
Siapa jujur, mujur
Siapa ikhlas bernafas
Siapa dusta, menderita
Siapa bengkok tercampak
Siapa jujur, termasyhur
Siapa lurus, lulus
Siapa ikhlas, lepas
Siapa khianat, lumat.
Siapa dengki, mati

Akhir kata, ampun dan maaf seandainya ada terkasar bahasa, tersilap bicara, bertutur tak tentu arah dan tersasul tak sengaja. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Palong.

YB ADUN Palong: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat, Sejahtera. Salam Malaysia Madani. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak mulakan dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian perbahasan dan seterusnya mengemukakan persoalan-persoalan berkaitan dengan belia dan sukan. Ada lebih kurang 20 lebih soalan-soalan yang akan cuba saya berikan penjelasan.

Yang pertama, Dato' Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, saya mulakan dengan ADUN Seri Menanti yang membangkitkan berkenaan dengan sokongan kerajaan terhadap *e-sport* untuk anak muda. Untuk makluman, Yang Berhormat Seri Menanti, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menyokong penuh dalam pembangunan sukan di Negeri Sembilan terutama sukan *e-sport* yang sering dipelopori oleh anak-anak muda. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Pejabat Belia Dan Sukan telah memberi sokongan berbentuk peruntukan penganjuran sukan *e-sport* kepada Persatuan E-Sport Negeri Sembilan sebagai persatuan sukan negeri yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan perkembangan sukan tersebut. Selain itu, bagi mengiktiraf sumbangan personaliti *e-sport* yang popular di tanah air, yang berasal di Negeri Sembilan, iaitu saudara Muhammad Faris Zakaria ataupun Soloz, kita telah calonkan untuk menerima Pingat Jasa Kebaktian atau PJK sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri juga akan beri insentif kepada 2 atlet *e-sport* yang berasal dari Negeri Sembilan yang mewakili negara dalam kejohanan *World E-Sport Championship 2024* di Riyadh, Arab Saudi yang berjaya menjadi juara dunia baru-baru ini.

Soalan yang kedua ialah mengenai peruntukan dan senarai program yang melibatkan sukan wanita di peringkat negeri. Kerajaan Negeri Sembilan telah pun memperuntukkan sebanyak 10.4 juta di bawah Bidang Tumpuan ke-6 iaitu memperkasaan Memperkasakan Belia, Wanita Dan Sukan dalam belanjawan kita bagi tahun 2025. Kerajaan Negeri Sembilan melalui pejabat, Kerajaan Negeri Sembilan akan meneliti dan merancang program-program yang sesuai untuk di, untuk golongan wanita khususnya berdasarkan peruntukan yang telah pun disediakan.

Seterusnya daripada ADUN Seri Menanti ialah berkenaan dengan prestasi bola sepak Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjawab sekali soalan daripada Serting, soalan yang sama mengenai prestasi pasukan bola sepak Negeri Sembilan. Negeri Sembilan FC ataupun NSFC di bawah Negeri Sembilan Football Club Sendirian Berhad telah menamatkan saingan Liga Malaysia 2023 di tempat yang ke-9. Peranan NSFC ialah untuk bertanding secara profesional dan kompetitif di Liga Malaysia dengan kewujudan pasukan Liga Super bawah 23 tahun, bawah 20 tahun dan bawah 18 tahun. Manakala PBNS lebih terarah kepada pembangunan sukan bola sepak di peringkat negeri dengan penganjuran liga tempatan, kursus kejurulatihan dan pembangunan pengadil. Setakat 25 November 2024, sebanyak 15 perlawanan telah dilalui oleh skuad NSFC dengan hanya satu kali kemenangan liga, 3 kali seri perlawanan liga, 9 kali kalah perlawanan liga, satu kali tewas perlawanan Piala Malaysia dan sekali tewas perlawanan Piala FA. Bagi mengatasi masalah prestasi pada musim ini, beberapa langkah sedang diambil oleh pihak pengurusan NSFC bagi memperbaiki prestasi pasukan untuk musim yang akan datang. Program *talents counting* serta *player recruitment* telah dimulakan bagi persediaan musim hadapan bagi memastikan perancangan yang lebih rapi. Mengikut unjuran kewangan tahun ini, NSFC akan menamatkan tahun 2024 dengan keadaan yang lebih baik dari segi kewangannya. Justeru, itu membolehkan kelab mendapatkan pemain yang lebih berkualiti pada musim hadapan. Beberapa pemain yang menunjukkan prestasi yang baik juga telah berada di dalam perbincangan bagi lanjutan kontrak musim hadapan. 5 pemain bawah 20 tahun juga …..

YB ADUN Gemas: Dato' *Speaker*, boleh saya mencelah.

YB ADUN Palong: Ya sila.

YB ADUN Gemas: Dengan izin YB Exco, dalam ucapan Exco tadi mengatakan kedudukan dan mengakhiri keputusan di tangga ke-9 untuk tahun ini atau tahun sebelum? Sebab kalau ikutkan keadaan semasa, kedudukan pasukan NSFC berada di kedudukan terakhir.

YB ADUN Palong: Saya merujuk kepada tahun 2023, mengakhiri liga, pada 2023 tempat ke-9. Baik. 5 pemain bawah 20 tahun juga telah diserap untuk bersama pasukan Liga Super sehingga tamat musim. *So* ini adalah di antara beberapa strategi yang sedang dirangka oleh NSFC untuk menambah baik pasukan pada masa-masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, saya akui keadaan sekarang ini mereka berada di tangga yang terbawah sekali ya. Sebab itu saya sering kali hadir ke stadium untuk melihat permainan ini dengan satu harapan, dia akan

monang. Tapi yang terakhir saya pergi kalah juga. Walaupun *leading* 1-0 sehingga minit ke-89, minit ke-89 tulah masuk satu satu lagi gol, seri. Dan pada minit tambahan gagal dan kalah dengan jaringan 2-1.

YB ADUN Gemas: YB Exco, lagi sekali. Tak adakah perancang daripada Kerajaan Negeri untuk membantu dalam, sebab sekarang ni baru 13 perlawanan kita masih ada lagi untuk mengelakkan pasukan kita jatuh, pasukan negeri kita jatuh ke Liga M. Adakah perancangan dalam masa, kita masih ada dalam separuh perjalanan lagi? Tak sampai separuh, mungkin dalam 11 perlawanan lagi. Terima kasih.

YB ADUN Palong: Ya Yang Berhormat. Sebenarnya, selama ini pun Kerajaan Negeri lah yang membantu NSFC ini. *By right,* NSFC kita ini tak ada hasil pun sendiri. Dia memang perlu bergantung kepada bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri. Namun demikian, untuk pengetahuan Yang Berhormat Gemas, baru-baru ini ada sikit rombakan dibuat NSFC iaitu dengan membuat pertukaran jurulatihnya dan juga mendapatkan pemain serangan yang baru ya, 3 pemain baru didapatkan untuk menguatkan lagi barisan serangan. Namun demikian, sehingga ke saat ini, kita belum jumpa lagi sentuhan-sentuhan magis yang boleh membawa kemenangan. Jadi saya berharap kepada YB Gemas supaya dapat sama-sama berikan sokongan, siapa lagilah kita nak sokong kalau tak Negeri Sembilan kan? Dah jadi sokonglah Negeri Sembilan supaya kita dapat kembalikan semula rentak permainan yang baik dan kembalikan semula maruah dan martabat bola sepak Negeri Sembilan.

Soalan yang kedua adalah berkaitan dengan program pembangunan bola sepak program, pembangunan bola sepak daripada Seri Menanti. Yang Berhormat Seri Menanti, program bangunan bola sepak Negeri Sembilan secara umumnya telah dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan dengan kerjasama pelbagai agensi antaranya Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Majlis Sukan Negeri serta Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan wakil-wakil di Negeri Sembilan Football Club, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Sukan Negeri, Program Pembangunan Bola Sepak Negara di bawah MSN negara, JBS serta wakil kelab komuniti. Pemegang-pemegang taruh yang disenaraikan merupakan agensi-agensi yang memiliki program pembangunan sukan bola sepak mereka sendiri. Sebab itu, baru-baru ini Dato' Dipertua, saya cuba dapatkan data, ada berapa kelab pembangunan bola sepak di seluruh Negeri Sembilan. Terkejut saya bila saya dapati ada lebih daripada 100 kelab-kelab swasta, pembangunan bola sepak yang berada di seluruh Negeri Sembilan. Dan saya telah buat satu perjumpaan dengan mereka baru-baru ini di UiTM Seremban hampir 60 ke 70 kelab yang hadir dan kita

cuba membuat satu kerjasama sebab sebelum ini masing-masing bergerak secara silo. Setiap kelab ini ada dan kita pun tak ada data. PBNS tidak pernah ada data pun tentang mereka ini. Jadi sekarang, kita sudah ada data 100 lebih, 100 lebih kelab yang pembangunan di bola sepak ini dan kita akan telah pun bersetuju untuk adakan satu program yang kita beri nama *Jang Junior Challenge* ya, *Jang Junior Challenge* yang pertama kali kita buat tujuannya ialah untuk kita mendapatkan *talent-talent* baru bola sepak daripada seluruh akar umbi dari Negeri Sembilan ya. Yang pertama telah kita buat di Jempol baru-baru ini ya, dan yang keduanya *insya-Allah* dalam bulan 2 kita akan juga buat di kawasan pedalaman ataupun kawasan luar bandar. Dan barulah siri yang ketiga kita akan buat di kawasan Seremban. Jadi 3 tempat ini, 3 platform ini akan menjadi platform untuk kita memilih bakat-bakat baru yang akan kita bentuk skuad bawah 10 dan bawah 12 NSFC ataupun peringkat negeri.

YB ADUN Gemas: Lagi sekali memohon mencelah YB Exco. Tahun ni, seperti tahun-tahun sebelumnya, untuk Piala Tuanku, setiap tahun meraikan Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan diadakan pertandingan bola sepak melibatkan 8 pasukan iaitu 7 daerah dan satu daerah kecil iaitu Gemas. Tapi tahun ini telah diputuskan hanya 7 sahaja pasukan jemputan, tiada melibatkan pasukan Daerah Kecil Gemas. Mohon untuk, sebab kita, dalam kejohanan ini Piala Tengku melibatkan pemain bawah umur yang seperti idea atau hasrat Yang Berhormat Exco tadi, terima kasih.

YB ADUN Palong: Okey, yang itu saya akan dapatkan datanya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Seri Menanti jugak ya, setelah kita buat JDC ni maknanya kita akan ada *talent-talent* yang kita ambil daripada seluruh negara untuk kita jadikan skuad elit Negeri Sembilan. Dan selepas 12 tahun ini, kita akan pastikan mereka ini untuk kita boleh hantar mereka ke Akademi Mokhtar Dahari, kepada Sekolah Sukan Zaaba, kepada Sekolah Bukit Jalil ataupun Akademi Felda. Dan yang penting ialah selepas selesai mereka menjalani latihan di keempat-empat institusi ini, kita mesti ambil mereka balik. Kalau tidak, mereka ini akan di direbut atau diambil oleh negeri-negeri lain. Ini contoh apabila baru-baru ini saya melawat Akademi Mokhtar Dahari, di Gambang, ada anak-anak negeri kita yang menjadi *star* di sana, tetapi telah pun diambil oleh negeri lain kerana kita gagal ambil mereka kerana data itu tidak ada pada kita. Jadi sebab itu, kali ini pembangunan ini akan kita susun baik supaya ianya akan beri manfaat kembali kepada negeri-negeri kita. Itu di bawah 10 dan 12 tahun.

Kemudian kita jugak ada program bawah 17 tahun di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negeri Sembilan. Pada tahun ini jugak, NSFC

dengan kerjasama PBNS telah menganjurkan Liga KELME bawah 17 tahun Negeri Sembilan melibatkan 8 pasukan sekolah dan akademi dari seluruh Negeri Sembilan. Para pemain terbaik yang beraksi di liga ini akan ditawarkan melanjutkan pengajian ke Kolej Yayasan Negeri Sembilan dan membentuk skuad NSFC bawah 18 tahun bagi tahun 2025.

Yang ketiga ialah Program Bangunan Bola Sepak Negara ataupun dipanggil NFDP. Program .....

YB ADUN Labu: Mohon mencelah.

YB ADUN Palong: ..... bola sepak negara ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi bagi peringkat umur 7 hingga 17 tahun bermula dengan Akademi Tunas: 7 hingga 12 tahun, pusat latihan daerah diberi antara 13 ke 17 tahun dan di peringkat, di peringkat Negeri Sembilan kita ada 5 Akademi Tunas, 5 pusat latihan daerah dan satu pusat latihan negeri iaitu di SMK Zaaba.

YB ADUN Labu: YB Exco, mohon mencelah. Labu.

YB ADUN Palong: Ya sila.

YB ADUN Labu: Saya nak memberi sikit pandangan berkenaan PBNS berkenaan pembangunan akar umbi. Sebab tahun 2020 ke 2023 saya merupakan ahli Exco Bola Sepak Negeri Sembilan. Masalah dalam PBNS pertamanya adalah mereka tak mengutamakan pembangunan, *team* pembangunan. Contoh peruntukan yang diperuntukan kepada *team* pembangunan ni sangat-sangat terhad. Kita sedia maklum gaji-gaji kepada *player-player* pembangunan ni dalam lingkungan 800.00 ke 1,200.00 ringgit. Itu jugaklah mereka perlu gunakan untuk dia punya makan dan segalanya. Tapi kalau kita lihat contoh 10 tahun yang lepas, *team* pembangunan ni, dia boleh makan di sana, dulu ada Restoran Nelayan, Nelayan, dia makan dan ditanggung oleh PBNS. Jadi kalau budak dah keluarkan, lepas *exercise,* dah keluarkan kalori 800 ke 1,000 kalori, kemudian *cover* balik, kurang daripada tu dah tentu kita tak dapat satu *player* yang bagus. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya tengok pelbagai-bagai rancangan dibuat. Tapi kalau kita tengok 10 lima tahun, 15 tahun lepas, tahun '99 ke tahun 2023, 2024, *player-player* akan, *player-player* muda Negeri Sembilan ni saya kata antara yang paling banyak hadir daripada Jempol dengan hanya melibatkan pertandingan-pertandingan tempatan yang aktif berterusan sepanjang tahun. Contoh sebelum ada Liga MB, Liga Dunhill, liga, Liga Bahau semua dan menghasilkan *player* yang banyak. Jadi

sebenarnya saya lihat untuk pembangunan akar umbi ini paling mustahaknya adalah liga-liga tempatan dan jugak kepentingan PBNS memastikan pembangunan untuk *player-player* remaja ni diutamakan. Terima kasih.

YB ADUN Palong: Okey terima kasih kepada Labu. Labu, kenyataan Labu mengatakan bahawa pembangunan bola sepak Negeri Sembilan tidak bagus itu adalah tidak benar sama sekali. Faktanya ialah bila saya pergi ke AMD (Akademi Mokhtar Dahari), *star* kita di sana adalah anak Negeri Sembilan. Datangnya daripada pembangunan bola sepak di Negeri Sembilan. Cumanya ialah kita tidak ikat mereka. Mereka telah diambil oleh negeri lain lebih awal daripada kita. Itu saja ya. Dan ini yang sedang kita cuba buat, kita susun baik-baik, kita ada datanya dan setiap tahun saya dah minta supaya NSFC pergi ke semua pusat-pusat ini kenal pasti *talent-talent* kita dan bawa mereka kembali semula ke Negeri Sembilan. *Insya-Allah* apa pun pandangan yang baik daripada Labu, kita akan kita akan ambil kira.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Dipertua, soalan daripada ADUN Sungai Lui yakni ditambah baik pusat aktiviti belia. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Lui, Kementerian Belia Dan Sukan melalui Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan setakat ini mempunyai sebuah *white hub* ataupun kita panggil *youth hub* bertaraf negeri yang terletak di daerah Rembau. Namun begitu terdapat Pejabat Belia Dan Sukan di setiap daerah yang juga berfungsi sebagai *white hub* dan permudah cara antara Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan dengan para belia di Negeri Sembilan khususnya. Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan juga mempunyai 2 buah Kompleks Rakan Muda ataupun KRM di daerah Kuala Pilah dan Jempol yang turut dijadikan sebagai pusat kegiatan aktiviti belia selain dapat menarik minat belia untuk menjalankan aktiviti sukan dan riadah di kompleks tersebut. Dan untuk makluman Yang Berhormat Sungai Lui kedua-dua KRM ini, yakni Kuala Pilah dan Jempol telah pun mendapat peruntukan sebanyak 6.0juta ringgit untuk ditambah baik pada tahun hadapan.

Seterusnya berkenaan soalan ADUN Klawang yakni mohon Kerajaan Negeri kekalkan jurulatih pasukan menembak yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Klawang, atlet yang memenangi pingat di Temasya Sukan Malaysia Ke-21 yang lalu, saya merujuk kepada suka menembak, adalah merupakan atlet yang menjalani latihan di Kem Latihan Pelapis Kebangsaan di Majlis Sukan Negara Malaysia bersama jurulatih pasukan kebangsaan. Atlet-atlet ini telah mula memasuki Kem Latihan Kebangsaan pada tahun 2022 yang lalu, mereka ini adalah merupakan *team, Malaysian team* ya. Dan pasti kekal dalam program latihan mereka. Atlet-atlet ini juga masih ada yang

boleh beraksi di temasya Sukan Malaysia 2026 yang akan datang. Diharap atlet yang berada di program pelapis kebangsaan ini akan mengekalkan momentum prestasi cemerlang mereka dan atlet di negeri juga akan berusaha untuk menunjukkan prestasi yang baik bagi dipilih ke kem kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berkaitan pelantikan atau penyambungan kontrak jurulatih menembak, Majlis Sukan Negeri telah pun menawarkan penyambungan kontrak dan telah menerima surat pemakluman bahawa jurulatih berkenaan tidak berhasrat untuk bersama pasukan menembak Negeri Sembilan di temasya akan datang. Beliau ingin pulang berbakti di negeri kelahiran beliau. Beliau yang saya maksudkan adalah saudara Abdul Mutalib yang berusia 67 tahun, berasal dari Selangor ya, jadi beliau berhasrat untuk pulau, untuk pulang aa kembali berbakti di negeri kelahiran beliau. Tawaran penyambungan kontrak telah diberikan pada beliau dan pada 20 November yang lalu, beliau menyatakan hasrat untuk pulang ke negeri kelahiran beliau. Namun begitu Yang Berhormat selaku bapa angkat pada sukan menembak, kita sudah ada satu lagi calon baru ya, untuk jurulatih ini yang memiliki Sijil Spesifik 1 dan Ijazah Sains Sukan berusia 25 tahun, adalah bekas atlet Negeri Sembilan, anak dalam Negeri Sembilan yang *insya-Allah* akan kita cadangkan untuk menjadi jurulatih baru dalam sukan menembak.

Adalah menjadi lumrah pasukan untuk menerima penghijrahan jurulatih pada tahun 2021 misalnya, jurulatih menembak Negeri Sembilan telah berhijrah ke negeri lain sebelum beliau diangkat menjadi jurulatih sepenuh masa MSN negara bagi program persediaan atlet ke Sukan Olimpik. Saya merujuk kepada jurulatih yang bernama saudara Muhammad Firdaus pada ketika itu. Dalam usaha memperkasakan keberadaan jurulatih di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri akan membuat pindaan elaun jurulatih mulai tahun 2025 selari dengan kadar mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Kadar ini akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Majlis Sukan Negeri yang akan bersidang dalam masa yang terdekat. Sebagai usaha memantapkan lagi sukan menembak yang telah memberikan pingat yang terbanyak dalam sukan dan SUKMA yang lepas, pelbagai usaha akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui MSN, antaranya melengkapkan kemudahan peralatan latihan di pusat latihan menembak di lapang sasar menembak Mantin, *insya-Allah.*

Seterusnya ADUN Klawang juga ada membangkitkan berkenaan dengan insentif untuk jurulatih. Kerajaan Negeri melalui agensinya, yakni MSN telah memberikan insentif berupa wang tunai kepada para atlet dan

jurulatih di atas kejayaan Sukan Malaysia Ke-21 Sarawak pada bulan Oktober yang lalu. Sebagai makluman, para atlet yang memenangi pingat di temasya Sukan Malaysia Ke-21 yang lalu telah menerima insentif sebanyak 158 ribu ringgit bagi penerima pingat emas, 50,500.00 ringgit bagi pingat perak dan 103,500.00 ringgit bagi pemenang pingat gangsa. Bagi atlet yang telah memecah rekod kejohanan dan kebangsaan jumlah insentif kemenangan sebanyak 11,000.00 ringgit keseluruhan telah pun kita berikan. Berkaitan insentif kepada jurulatih, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah memberikan wang insentif kemenangan sebanyak 3,000.00 ringgit kepada jurulatih yang mencapai sasaran dan 1,000.00 ringgit kepada jurulatih yang tidak mencapai sasaran. Dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak 157 ribu ringgit keseluruhannya. Dan jumlah keseluruhannya adalah hampir 500 ribu ringgit lebih kurang. Dalam usaha memperkasakan keberadaan jurulatih di Negeri Sembilan, kerajaan akan meminda elaun jurulatih sepertimana saya sebutkan sebentar tadi.

Seterusnya adalah soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Chuah, yakni berkata penajaan daripada syarikat swasta untuk memainkan peranan dalam memajukan sukan di peringkat negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Chuah, dalam usaha mendapatkan tajaan oleh syarikat-syarikat angkat ini, bukan sahaja Majlis Sukan Negeri yang memainkan peranan, tetapi Persatuan Sukan Negeri jugak perlu proaktif dalam merancang program pembangunan sukan yang mampan bagi menarik lebih banyak syarikat untuk menyumbangkan dana kepada persatuan. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Majlis Sukan Negeri telah pun mendapatkan kelulusan bagi Persatuan Sukan Negeri atau kelab sukan berdaftar di seluruh Negeri Sembilan untuk mengutip sumbangan dari penaja mengikut peraturan dan prosedur yang telah termaktub bagi tujuan pengecualian cukai. Persatuan sukan seharusnya memulakan langkah dengan mengemukakan surat permohonan berserta kertas kerja lengkap menggunakan tabung sukan negeri bagi tujuan penyaluran dana untuk mendapatkan pengecualian cukai terhadap sumbangan dalam bentuk wang tunai sahaja. Dana yang diterima melalui Akaun Terimaan Kerajaan Negeri Sembilan ya, dana yang diterima melalui Akaun Terimaan Kerajaan Negeri Sembilan dan akan melalui proses-proses tertentu sebelum dikembalikan kepada persatuan untuk mereka melaksanakan aktiviti.

Melalui kemudahan yang telah kita benarkan ini, sebaiknya Persatuan Sukan Negeri mesti mengambil peluang untuk mendapatkan lebih banyak dana tajaan dari syarikat-syarikat bagi memastikan perancangan aktiviti tahunan khasnya melibatkan pembangunan sukan dapat kita laksanakan. Penajaan atau penyum, ataupun sumbangan

syarikat ini kita boleh kategorikan sebagai *Corporate Social Responsibility.* Antara faedah yang akan diperoleh oleh mereka ialah yang pertamanya pengecualian cukai ke atas dana ataupun penyaluran sumbangan yang dikeluarkan kepada Persatuan Sukan Negeri atau kelab sukan yang di, yang diuruskan oleh MSN dan yang keduanya penggunaan logo yang ditempatkan, yang ditempat, ditempatkan di tempat, difikirkan sesuai yang akan dibincangkan bersama antaranya ibarat contohnya dalam jersi, *banner, bunting, backdrop* dan sebagainya apabila sukan itu dianjurkan. Walau bagaimanapun, saya akan cuba mencari kaedah terbaik bagaimana boleh, boleh kita membantu atau memudah cara supaya pada tahun 2025, lebih banyak lagi syarikat-syarikat yang akan tampil ke hadapan untuk membantu pembangunan sukan khususnya di Negeri Sembilan kita yang kita kasihi.

Seterusnya ialah soalan daripada ADUN Gemas yang paling banyak soalan kali ini. Rekod, Gemas pegang. Pertamanya ialah berkenaan dengan Kompleks Sukan Gemas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya dah tahu Yang Berhormat akan tanya soalan ni, ya. Sebab itu setelah bulan 5 yang lepas, apabila dibangkitkan dalam Dewan, saya telah menghantar surat kepada Yang Berhormat KSU ya, Yang Berbahagia Tan Sri KSU, KBS berkenaan dengan projek ini, di mana kita mohon supaya dia dipercepatkan dan dia mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera. Surat saya bertarikh 23 Mei 2024. Dan KSU telah pun menjawab surat ini pada 14 Jun 2024 dengan mengatakan bahawa KBS akan terus memantau dengan rapi prestasi perlaksanaan projek ini agar dapat disiapkan dengan segera untuk kegunaan masyarakat setempat. Segala kerjasama dan perhatian perkara ini sangat dihargai. Dan untuk makluman Yang Berhormat, status projek ini sekarang ini ialah, ini mana ni, haa ni Gemas. Ya, peratus, setakat ini sebenarnya adalah 60% sahaja Yang Berhormat ya. 60% sahaja ya. Statusnya adalah kerja-kerja bangunannya *building work* dewan serbaguna – 90% siap, astaka – 83%, kerja-kerja infra 68%, rumah sampah – 60%, *synthetic football field* – 55%, pondok jaga – 50% ya. Dan isunya, hasil daripada lawatan yang kita buat di tempat bina, dilihat tiada peningkatan yang sempurna daripada pihak kontraktor. Namun demikian …..

YB ADUN Gemas: YB, YB Exco. Boleh saya mencelah? Saya rasa jawapan yang diberikan oleh jabatan itu saya rasa tak tepat. Saya rasa YB Exco dijemput datang untuk tengok sendiri. Yang …..

YB ADUN Palong: Jawapan saya tadi ialah …..

YB ADUN Gemas: ….. saya rasa bukan 60%.

YB ADUN Palong: Hasil daripada lawatan, tiada peningkatan yang sempurna daripada pihak kontraktor.

YB ADUN Gemas: Sebut adalah yang 60%.

YB ADUN Palong: Oh tak sampai 60%?

YB ADUN Gemas: Sila datang, saya mewakili, tengok tak sampai pun, hanya pondok jaga je yang siap.

YB ADUN Palong: Uihs, haa okey, okey. Baik, Gemas aturkan satu tarikh yang sesuai, kita datang.

YB ADUN Gemas: Saya akan belanja nasi ayam.

YB ADUN Palong: Okey baik terima kasih. Namun demikian, untuk pengetahuan Yang Berhormat Gemas, ini adalah projek daripada *federal* ya, KBS ya. Peringkat negeri kita telah pun buat apa yang sepatutnya kita buat. Yang Amat Berhormat sendiri pun telah tegur dalam Mesyuarat Tindakan Negeri dan kita harap supaya KBS akan dapat tindakan, buat tindakan yang sesuai. Sama jugak dengan kes di Rembau yang akan saya sentuh sebentar lagi.

Seterusnya adalah berkenaan dengan, masih lagi Gemas lagi ni. Gemas, baik pulih padang futsal depan Pejabat Daerah Kecil. Yang Berhormat Gemas, untuk pengetahuan Yang Berhormat Gemas, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan tahun 2024 dana sebanyak 500 ribu ringgit untuk pembaikan-pembaikan kecil di seluruh Negeri Sembilan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Gemas, pada tahun ini sebanyak 63 *touch point* ataupun 63 Projek-Projek Kecil yang telah pun kita sempurnakan di seluruh Negeri Sembilan dengan kos tidak melebihi 10,000.00. Ada yang 10,000.00, ada yang 5,000.00, ada 4,000.00 dan ada jugak yang 3,000.00 ya, dengan niat, dengan tujuan kita adalah untuk kita mengupayakan ya, gelanggang-gelanggang ataupun fasiliti sukan yang berada di kampung-kampung di taman-taman di seluruh Negeri Sembilan. Maka pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah pun, telah pun menyediakan satu lagi inisiatif baru yang kita yang kita namakan sebagai Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan dengan dana sebanyak 3.0 juta ringgit. Untuk makluman Gemas, masih lagi kita akan teruskan program membaik pulih fasiliti sukan.

Dan di samping ditambah lagi, ada 2 lagi perkara baru yang akan kita buat iaitu membaik pulih, membaik pulih Kompleks Sukan Teluk Kemang yang terbiar sekian lama. Jadi ini akan ada satu lagi tempat baru ya, untuk bersukan. Kemudian kita jugak akan sentuh STAR Paroi.

Kalau kita lihat STAR Paroi ni dah lama tak dapat sentuhan daripada kita. Dan kita akan ubah suai khususnya bilik persalinan ya, di Stadium Tunku Abdul Rahman Paroi. Dan suka saya sebut di sini bahawa pada tahun lepas kita tak sebut pun dalam bajet untuk membaik pulih Stadium Tertutup Nilai yang telah pun terbiar begitu lama. Dan hari ini telah pun diberi wajah baru, *branding* baru dengan nama N9 Arena. Terima kasih Kerajaan Negeri. Dengan peruntukan lebih kurang 500 ribu ringgit, kita telah ubah suai dan telah pun tersedia untuk diguna pakai. Dan baru-baru ini telah pun digunakan untuk sukan SUPERB Malaysia di Nilai baru-baru ini.

Jadi ini menunjukkan komitmen kita untuk sentiasa memberikan perhatian. Jadi balik kepada soal gelanggang futsal yang dibangkitkan oleh Gemas itu, Yang Berhormat Gemas *WhatsApp* saja pada saya ya, *WhatsApp* kepada saya, lepas itu kita tengok adakah dia memenuhi syarat-syarat yang kita tetapkan. Sekiranya memenuhi syarat ditetapkan bolehlah kita guna pakai dalam peruntukan yang disediakan oleh kerajaan pada tahun hadapan, *insya-Allah* ya.

Seterusnya adalah berkaitan masih lagi ADUN Gemas yang banyak bertanya ni. Yang ni persiapan-persiapan Sukan Malaysia 2026. Yang ni saya menjawab sekali dengan Kota. Ia juga yang menyebut tentang persiapan Sukan Malaysia. Secara dasarnya sebanyak 28 sukan telah diumumkan oleh negeri Selangor untuk dipertandingkan pada tahun 2026. Ini merupakan kali kedua negeri Selangor menjadi tuan rumah selepas tahun 1998. Sukan-sukan yang akan dipertandingkan merupakan sukan teras yang secara konsisten akan berada di pentas pertandingan Sukan Malaysia di samping sukan-sukan pilihan tuan rumah yang akan dimaklumkan kelak.

Antara persiapan kontinjen Negeri Sembilan: yang pertama: Yang Berhormat Gemas ya, mengekalkan Yang Berhormat angkat bagi sukan yang dilantik serta penglibatan dan peranannya lebih menyeluruh kepada pasukan dan atlet di bawah tanggungjawab mereka. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Yang Berhormat yang telah pun hadir ke Kuching tempoh hari bagi menyokong pasukan-pasukan mereka. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Gemas, kita lantik ADUN-ADUN angkat untuk, pada Sarawak yang tempoh hari, bukan untuk Sarawak. Saya dah sebut kepada semua bapa angkat, mereka dilantik bukan semata-mata untuk Sarawak, tetapi mereka dilantik untuk persediaan SUKMA 2026 di Selangor sebenarnya. Jadi bukan lambat Yang Berhormat, awal kita lantik tu ya. Jadi bermakna mereka hadir, semua hadir dengan, dengan kos mereka sendiri hadir lihat sendiri. Dan mereka lihat apakah

kelemahan-kelemahan yang perlu ditambah baik dan apakah perkara-perkara yang perlu kita perhalusi dalam persediaan 2026.

Dan sejurus mereka pulang tempoh hari, saya telah minta MSN untuk panggil semua pasukan yang terlibat, semua *team* yang terlibat untuk membuat Analisa, buat kajian kelemahan, kekurangan dan perancangan mereka untuk 2026 mulai Januari 2025. Dan dokumen ini mesti ditandatangani oleh semua pengurus pasukan bersama-sama dengan bapa angkat dan Pengarah MSN. Dan ini akan jadi dokumen yang akan kita guna pakai dalam soal *road to* SUKMA 2026 mulai Januari 2025.

Itu perkara yang pertama. Perkara yang kedua ialah kita mengadakan persiapan lebih awal bermula Januari 2025 sepertimana saya sebutkan sebentar tadi. Yang ketiga: mewajibkan atlet menghadiri dan melepasi ujian kecergasan. Yang keempat: membuat pemilihan atlet dengan lebih luas dan terbuka. Ini satu lagi perkara Yang Berhormat Gemas, yang perlu kita beri perhatian. Dan apabila kita lihat ada persatuan sukan yang tidak membuat pemilihan secara menyeluruh, menyebabkan ada atlet-atlet Negeri Sembilan yang *talented,* yang berbakat lari ke negeri lain dan sedihnya mereka lari ke negeri lain, lawan kita, dia bawak balik pingat ke negeri tersebut. Itu lagi menyedihkan. Jadi sebab itulah kita telah memberikan saranan kepada semua persatuan sukan untuk buat pemilihan atlet dengan lebih luas dan terbuka. Kemudian perkara yang kelima ialah memberikan pendedahan menyertai pertandingan dalam dan luar negeri mulai Januari 2025. Mendapatkan bantuan kepakaran kejurulatihan daripada ISN ataupun Institut Sukan Negara, dan MSN dan Persatuan Sukan Kebangsaan dan menetapkan, dan menggunakan aplikasi sains sukan dalam latihan.

Secara keseluruhannya, untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi persediaan ke temasya Sukan Malaysia, semua penggerak sukan khasnya Persatuan Sukan Negeri perlu bangkit dan memulakan langkah yang lebih proaktif. Sebab itu Yang Berhormat Gemas, Yang Berhormat telah pun memberikan teguran tempoh hari bahawa mana-mana persatuan yang tidak proaktif, yang tidak buat sepertimana yang sepatutnya, kita tidak akan teragak-agak untuk meletakkan sukan tersebut *direct* di bawah Majlis Sukan Negeri ya. Ada persatuan yang tidak aktif tetapi dia ada atlet-atlet yang bagus, akhirnya mereka hilang begitu saja dan paling menyedihkan ialah mereka boleh bermain untuk negeri lain dan memberikan pingat untuk negeri lain. Sebab itu mana-mana persatuan tidak aktif, yang tidak proaktif, kita akan lantik mana-mana institusi, mana-mana agensi, mana-mana kelab yang boleh mainkan peranan bagi memastikan sukan tersebut akan mampu membawa pulang pingat untuk negeri kita.

Seterusnya adalah tumpuan sukan yang tidak berteraskan sentuhan. Berdasarkan rekod pencapaian di temasya Sukan Malaysia Ke-21 yang diadakan di Sarawak, acara sukan yang tidak berteraskan sentuhan yang telah membawa pingat adalah sukan menembak – 12 emas, ten pin boling – 1 emas, wushu – 1 emas, berbasikal – 1 emas, skuasy – 1 emas, olahraga – 1 emas, *e-sport* – 1 emas dan sukan gimnastik – 1 emas. Bagi temasya Sukan Malaysia 2026, Negeri Sembilan akan mengekalkan sukan yang dikategorikan tidak berteraskan sentuhan ini sebagai fokus utama di dalam pungutan pingat. Selain itu juga, sukan dalam kategori sukan individu yang menawarkan jumlah pingat emas yang banyak juga akan menjadi fokus kontinjen Negeri Sembilan kali ini. Dan bapa angkat tadi telah pun saya sebut, telah pun saya terangkan sebentar tadi kepada Yang Berhormat Gemas.

Seterusnya ialah persoalan daripada ADUN Serting, ini berkenaan dengan perlu ada usaha untuk meningkatkan prestasi bola sepak, telah saya jawab sekali tadi ya, Yang Berhormat ya. Yang kedua ialah SUKNES. Haa ni, ini dakwaan Serting mengatakan sebanyak 3.0 juta bagi SUKNES 2024, baki 2.0 juta dipindahkan ke mana? Haa ini saya nak kena terangkan sikit kepada Yang Berhormat Serting. Yang Berhormat Serting, pada tahun 2024, kita tidak dimasukkan dalam dalam bajet kita untuk SUKNES. SUKNES 2024, kita gunakan duit sedia ada di Majlis Sukan Negeri, menggunakan duit sedia ada. Dan setelah kita gunakan duit sedia ada lebih kurang tak sampai 500 ribu ringgit dan hasilnya sangat bagus, telah pun diakui oleh semua rakan-rakan Yang Berhormat, maka kerajaan berpendapat sukan, Sukan Negeri Sembilan ini perlu kita teruskan lagi dengan dana tambahan. Maka hari ini kalau kita lihat dokumen yang disediakan itu, ditulis baharu 1.0 juta Kejohanan Sukan Negeri Sembilan SUKNES 2025. Maknanya tahun lepas 500 ribu, tahun ni 1.0 juta ringgit disediakan untuk Sukan Negeri Sembilan. Jadi salahlah dakwaan yang disebut oleh mana kehilangan 2.0 juta. Pertama.

Dan lagi salah, apabila sebut tidak dapat manfaat di kawasan Serting. Itu lagi salah tu ya. Sebab saya, kita boleh *check* dengan semua ni, dan Serting jugak memenangi tak silap saya tempat kedua, futsal tak silap saya. Tak boleh lawan Chembong lah. Chembong *is always the champion*. Tapi *champion* bola jaring aje kan? Haa ya, tapi Serting dapat tempat kedua ya, dalam sukan futsal tak silap saya. Jadi ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat, selain daripada itu kita juga ada …..

YB ADUN Serting: Boleh saya mencelah?

YB ADUN Palong: ….. 3.0 juta ringgit ya, silakan.

YB ADUN Serting: Yang Berhormat mengenai SUKNES ni, betul sepertimana yang didakwa ataupun yang diberitahu, ada penyertaan daripada DUN-DUN. Cumanya di peringkat kami iaitu di 5 DUN yang pembangkang ini, kami tidak mendapat manfaat. Maksudnya itu, kami tidak dilibatkan bersama. Bahkan peruntukan 5,000.00, tak silap sayalah yang, yang didengar iaitu diberi kepada penyelaras. Itu maksud dia. Maknanya selepas ni, untuk akan datang, libatkan kami. Sebab kami pun mampu untuk bersama-sama untuk memajukan sukan di peringkat kami dan juga untuk Negeri Sembilan. Maksud saya itu. Terima kasih ya.

YB ADUN Palong: Okey terima kasih Yang Berhormat. Jadi maknanya Yang Berhormat tarik balik tidak mendapat pada kawasan tu, tak betullah kan? Maksudnya tidak manfaat kepada Yang Berhormatlah maksudnya? Kawasan itu bermanfaat ya. Sebab semua kawasan termasuk 5 kawasan ni semuanya buat sukan. Semua, malahan saya ingat, eh banyaklah. Paroi pun ada jugak ya. Semua ada. Semua dapat manfaat. Cumanya masa Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat tidak dilibatkan sekali. *Insya-Allah* saya akan cuba bawak perkara yang dibincangkan ya. Sekiranya Yang Berhormat menyatakan sokongan kepada kerajaan yang ada ini, *insya-Allah* kita akan pertimbangkan untuk berada bersama-sama dengan kita ya.

YB ADUN Paroi: Sedikit cadanganlah. Dia sebut nama Paroi, saya bangunlah.

YB ADUN Palong: Ya ya silakan.

YB ADUN Paroi: Bila melibatkan sukan ni saya rasa tak adalah kita kita apa tu, melibatkan sukan ni, kita jangan *limit* kan pada politik. Kalau kami ni sebagai ADUN yang diwakili oleh rakyat, yang menang, makna sepatutnya tidaklah pergi kepada Penyelaras DUN. *Direct* kepada kami dan kami sama-sama ya, membantu kerajaan. Ini kami, bukan isu politik ni, ini isu sukan.

YB ADUN Palong: Ya Yang Berhormat, betul. Sebab itu sukan ni tak pernah berpolitik. Yang datang main itu pun ramai penyokong-penyokong Yang Berhormat tu. Contoh Serting tu kan, ramai datang main itu adalah yang yang mengundi Yang Berhormat hari tu. Cumanya diuruskan oleh Penyelaras kita sebab dia bersama-sama dengan kerajaan. Kan? Apalah …..

YB ADUN Labu: Mohon mohon mencelah apa, apa …..

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Labu: …. Exco, boleh ya mohon mencelah?

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Palong: Saya tak benarkan.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

YB ADUN Palong: Saya tak benarkan.

YB ADUN Labu: Jadi …..

YB Yang Dipertua Dewan: Teruskan perbahasan.

YB ADUN Palong: Saya teruskan.

YB ADUN Labu: Sebaiknya boleh bagi saya, memberi sikit …..

YB ADUN Palong: Saya tak benarkan.

YB ADUN Labu: ….. bermaksud ….

YB Yang Dipertua Dewan: Teruskan perbahasan.

YB ADUN Klawang: Dato', Dato' Yang Di Pertua

YB ADUN Palong: Saya teruskan perbahasan. Okey.

YB ADUN Labu: ….. tak boleh terima ……

YB ADUN Klawang: Dato' Yang Di Pertua.

YB ADUN Palong: Ini adalah jawapan daripada ADUN, soalan ADUN Lenggeng berkenaan pembinaan fasiliti sukan baru di Bandar Tasik Senangin. Yang Berhormat, mana deh?

YB Yang Dipertua Dewan: Tak apalah.

YB ADUN Palong: Dah tak ado dah. Baik Lenggeng, sekiranya tanah yang disebutkan itu adalah tanah di bawah Kerajaan Negeri atau Persekutuan, maka bolehlah Yang Berhormat Lenggeng buat permohonan kepada KBS. Haa YB bagi masuk, okey, KBS supaya bolehlah kita mohon pada KBS sekiranya ada dana yang mencukupi

untuk kita bina pusat sukan sepertimana disebutkan oleh ADUN Lenggeng ya.

Kemudian ADUN Chembong berkenaan dengan gelanggang petanque di Kompleks Sukan Seremban 2. Yang Berhormat, dalam Persidangan DUN lepas Yang Berhormat ada menyebut perkara ini kerja-kerja pemasangan lampu telah dilaksanakan pada 12 Ogos 2024 dengan kos keseluruhan 9,500.00 untuk persiapan sebelum ke Sukan Malaysia Ke-21 Sarawak 2024. Kerja-kerja ini telah diselia oleh Persatuan Petanque Negeri Sembilan dan menggunakan peruntukan persatuan sendiri bagi memasang 5 tiang lampu bagi memberi keselesaan atlet berlatih pada waktu malam. Persatuan Petanque Negeri Sembilan telah memohon maklum balas berkenaan tuntutan bayaran ini daripada Majlis Sukan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan pada 8 Oktober 2024. MSN Negeri Sembilan telah memberi maklum balas kepada Persatuan Petanque bagi membuat permohonan kepada Pejabat MB untuk tindakan lanjut berkenaan perkara tersebut ya. Ini jawapan yang disediakan.

ADUN Chembong berkenaan dengan penyelenggaraan Kompleks Sukan Sepri. Yang ni jugak sama Yang Berhormat. Yang ni boleh kita masukkan dalam pembaikan kecil sekiranya kosnya tidak melebihi 10,000.00 ringgit yang saya maksudkan tadi ya. Jadi *insya-Allah* saya akan turun untuk melawat sendiri tempat Yang Berhormat maksudkan sebentar tadi. Saya fikir itu saja Yang Berhormat Dato' …..

YB ADUN Gemas: Yang Berhormat Exco.

YB ADUN Palong: …. *Speaker.*

YB ADUN Gemas: Yang Berhormat Exco boleh saya menambah satu …..

[YB ADUN Seremban Jaya dan YB ADUN Gemas bangun serentak]

YB ADUN Palong: Cukup, banyak sangat.

YB ADUN Gemas: Tak saya nak mintak penghargaan kepada pasukan sepak takraw.

YB ADUN Palong: Bagi Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Exco Sukan, tolong, ada 2 masalah. Satu saya sebagai bapa angkat taekwondo.

YB ADUN Palong: Taekwondo?

YB ADUN Seremban Jaya: Haa taekwondo okey. Kita sendiri mahu cari peruntukan. Ada syarikat atau individual ada orang memberi sokongan. Bila dia orang beri itu peruntukan atau *donation,* bolehkah itu *income tax,* boleh kasi. Satu, satu. Dua, ada satu kali peruntukan 10,000.00 Exco Sukan ada beri. Itu ada terus ke? Haa ini 2 jugak. Terima kasih.

YB ADUN Palong: Macam mana? ulang balik.

YB ADUN Seremban Jaya: Suka itu peruntukan peruntukan. Ada beri 10,000.00 kan? Lagi ada ….

YB ADUN Palong: Owh okey, okey.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih.

YB ADUN Palong: Okey Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

YB ADUN Gemas: YB Exco, saya nak mintak sikit untuk kita masukkan, bukan, bukan nak apa. Sedikit penghargaan kepada pasukan sepak takraw NS Antlers yang telah menjuarai 2 tahun berturut-turut. Satu penghargaan cukup besar. Saya saya juga mewakili pemain mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat. Beliau telah menelefon pemain selepas kita layak sebagai 4 pasukan terakhir, Negeri Sembilan. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dan terima kasih jugak selepas perlawanan di Selangor, kita *champion,* kita juara kepada liga kejuaraan mengalahkan pasukan bayangan Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Yang Amat Berhormat menelefon. Terima kasih. Kalau boleh masukkan dalam ucapan …..

YB ADUN Palong: Gemas.

YB ADUN Gemas: ….. YB Exco penghargaan kepada pasukan NS Antlers.

YB ADUN Palong: Yang Amat Berhormat akan meraikan pemenang-pemenang ataupun atlet-atlet terbaik Negeri Sembilan yang cemerlang dalam kejohanan bukan temasya ya. Kalau temasya tu SUKMA, Sukan SEA, Sukan Asia, tu temasya. Yang bukan temasya ini yang menjadi yang yang atlet terbaik Negeri Sembilan ini akan diraikan oleh Yang Amat Berhormat pada 10 hari bulan 12 ini, *insya-Allah*. Termasuklah pasukan sepak takraw yang dimaksudkan oleh Gemas tadi.

Beralih kepada 2 perkara yang disebut oleh Seremban Jaya ialah berkaitan pertamanya adalah pengecualian cukai. Memang boleh, saya

telah terangkan tadi ya, saya saya syorkan supaya Seremban Jaya berjumpa dengan Pengarah MSN untuk dapatkan penjelasan *detail* bagaimana kita nak buat ya, supaya kita boleh bantu. Dan yang kedua ialah 10,000.00 pembaik, pembaikan kecil tadi tu, masih ada lagi. Masih ada lagi dan saya tambah lagi Seremban Jaya tahun depan.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih.

YB ADUN Palong: Okey terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput .....

YB ADUN Palong: *Assalamualaikum WBT.*

YB Yang Dipertua Dewan: *Waalaikumsalam.* Saya jemput Yang Berhormat Nilai.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang diper, Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan isu, isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Pengangkutan. Beberapa perkara telah pun dijawab dalam soalan lisan dalam 3 hari ini. *So* saya hanya jawab yang beberapa perkara yang tidak dijawab sahaja.

Yang pertama daripada ADUN Gemas berkaitan dengan perniagaan dijalankan oleh warga asing. Kerajaan Negeri melalui MMK telah pun bersetuju untuk mengecilkan skop permintaan keperluan warga asing dalam sektor peruncitan di Negeri Sembilan. Ini melibatkan PBT tidak membenarkan untuk menggaji pekerja warga asing di pusat siber, pasar malam, bazar Ramadan, ekspo atau pasar tani, di kiosk makanan dan juga apa-apa kiosk yang lain. Dan selain daripada itu, dalam syarat pengeluaran *license* oleh PBT, beberapa syarat tambahan pun telah pun dimasukkan dalam *license* tersebut iaitu diwajibkan mendaftar nombor fail Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai proses kelulusan *license* perniagaan dan usaha ini adalah untuk mengatasi isu warga asing ataupun perniagaan Alibaba di negeri ini. Selain itu, penguatkuasaan secara bersepadu di antara beberapa agensi utama iaitu PBT, Jabatan Imigresen, PDRM, SPRM, Jabatan Tenaga Kerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga beberapa agensi yang berkaitan akan dijalankan 2 kali sebulan di beberapa tempat yang tertentu.

Seterusnya adalah daripada yang ADUN, Yang Berhormat Lukut iaitu untuk lampu-lampu hiasan sempena sambutan perayaan. Untuk bagi tahun 2024, majlis, MPPD telah pun memperuntukkan sejumlah 70,400.00 ringgit untuk lampu-lampu hiasan sempena perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga Krismas. Untuk Majlis

lain, Majlis Bandaraya Seremban juga telah memperuntukkan sebanyak 650 ribu bagi kerja-kerja pemasangan lampu hiasan di kawasan Seremban dan juga di Nilai. Di samping itu, beberapa kerja pemasangan lampu hiasan kekal di Jalan Dato' Lee Fong Yee ataupun laluan Rangoli dan juga Jalan Dato' Hamzah di hadapan Masjid Negeri telah dilaksanakan. Untuk tahun 2025, MBS merancang untuk memasang lampu-lampu hiasan kekal di *Benteng Walk* dan juga di *Sungai Ujung Walk*.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Lukut, isu penjaja di lampu isyarat. MBS tidak, mana-mana PBT tidak pernah mengeluarkan permit ataupun *license* untuk berniaga di lampu isyarat. Penguatkuasaan akan dilakukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, Akta Jalan Parit dan juga bangunan, dan juga kompaun dan juga sitaan akan dilaksanakan.

ADUN Paroi berkaitan dengan penjaja, menyediakan prasarana yang bersesuaian kepada penjaja tempatan untuk menggalakkan aktiviti perniagaan. Di kawasan MBS, MBS telah pun menyediakan 670 petak di Pusat Penjaja Setempat. Yang kedua, pusat penjaja struktur tiang dan juga berbumbung, ada 79 unit. MyKiosk 80 unit telah diserahkan manakala untuk tahun ini, 50 unit lagi sedang dan dalam kerja-kerja pemasangan. Keempat: bantuan penjaja berjumlah 300.00 ringgit telah diberikan kepada 141 peniaga pada tahun 2024 iaitu bersamaan dengan 42,300.00 ringgit. Dan yang kelima: pengecualian lesen penjaja telah diberikan kepada 4,380 penjaja di kawasan Majlis Bandaraya Seremban.

Dan berkaitan dengan penjaja warga asing. MBS melalui Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan menjalankan jadual pemantauan 6 kali setiap bulan di beberapa lokasi *hotspot* dan sepanjang tahun 2024 – 256 sitaan berkaitan dengan penjaja asing telah dilaksanakan.

Seterusnya daripada ADUN Labu. Ini untuk kompaun *parking* dikecualikan pada waktu puncak. Bayaran tempat letak kereta di kawasan Seremban dan Nilai bermula daripada pukul 8:00 pagi hingga 5:00 petang selaras dengan UUK Perintah Lalu Lintas dan tiada pengecualian bayaran ketika waktu rehat, 12:00 tengah hari hingga 2:00 petang. Oleh yang demikian, Penguatkuasa MBS bertugas pada masa tersebut untuk mengeluarkan kompaun. Dan saya juga telah meminta kepada Majlis Bandaraya Seremban untuk memberikan sedikit pertimbangan di beberapa kawasan tertentu supaya pada waktu-waktu puncak seperti ini, tidak mengambil untuk tempoh masa 5 minit ataupun 3 hingga 5 minit. *So* ini akan mengurangkan aduan, tindakan kompaun yang dilakukan terutamanya pada waktu puncak.

Seterusnya daripada ADUN, Yang Berhormat Labu berkaitan dengan judi haram *online*. MBS melalui Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan telah menyita 19 barangan telefon dan juga pencetak di 19 premis yang disyaki menjalankan jualan nombor ekor sepanjang tahun 2024. Tindakan penguatkuasaan ini di bawah UUK Trade Perniagaan dan juga Perindustrian kerana menjalankan perniagaan tanpa kebenaran termasuk jugak pembatalan *license* tersebut.

Yang Berhormat Labu, pinjaman berlesen. PBT akan memantau pusat penjimat, Pusat Pinjaman Berlesen dalam bidang kuasa sedia ada iaitu perkara-perkara yang melibatkan PBT seperti urusan lesen, papan iklan, ubah suai bangunan, penurunan iklan, banting haram berkaitan dengan along, syarat-syarat *license* dan juga lain-lain jika mereka tidak mematuhi dan juga ada melakukan beberapa aktiviti yang salah dan juga di luar aa skop *license* diberikan, *license* tersebut akan dibawak ke pertimbangan untuk dibatalkan.

Yang Berhormat Mambau berkaitan dengan hentikan, hentikan, hentian, pemberhentian mesin bayaran *parking* di kawasan bandar. MBS perlu melaksanakan kajian keboleh, kebolehlaksanaan dan sebelum menamatkan perkhidmatan mesin bayaran tempat letak kereta, MBS telah pun mengkaji terlebih dahulu implikasi ke atas penamatan tersebut. Dan sejak penggunaan mesin terminal tersebut iaitu pada akhir 2021, pentadbiran majlis mendapati penggunaan mesin itu tidak meluas. Di mana peratusan penggunaan mesin berbanding dengan medium lain adalah sekitar 7% sahaja. Maka selain daripada itu, pentadbiran Majlis juga mendapati terdapat banyak aduan berhubung kerosakan mesin tersebut seperti gangguan rangkaian, gangguan bateri kerana bateri itu menggunakan tenaga solar, kekerapan kemaskini perisian program (*software update*) dan juga kos penyelenggaraan yang tinggi. Oleh yang demikian, pentadbiran Majlis mendapat sudah tiba masanya, berpendapat sudah tiba masanya penggunaan mesin ini dihentikan digantikan dengan QR kod mesin yang sedia ada. Selain daripada itu melalui juga aplikasi seperti *Fleksi Parking, Touch N Go, eWallet, SETEL, EVO City, QR Code* dan juga melalui 278 ejen *eCoupon* yang telah dilantik oleh 2 syarikat di kawasan Majlis Bandaraya Seremban.

Seterusnya berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan Rumah Pangsa *Flat* Rasah yang telah dibiarkan lama tanpa penyelenggaraan longkang. Sepertimana yang kita semua tahu, penyelenggaraan di dalam kawasan *flat* ataupun rumah-rumah berstrata ini adalah di bawah JMB ataupun Perbadanan Pengurusan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan dan juga menguruskan setiap perkara yang timbul di dalam kawasan tersebut. Tetapi Unit COB MBS

juga membantu melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri ataupun peruntukan daripada Tabung Penyelanggaraan Perumahan Swasta melalui KPKT. Dan untuk kawasan ini unit COB MBS telah pun menyalurkan permohonan peruntukan penurapan jalan daripada Perbadanan Pengurusan *Flat* Rasah Jaya kepada Jabatan Perumahan Negara dan juga KPKT pada, untuk tahun 2025 pada 30 Oktober 2024 pada yang lalu. Selain itu, Unit COB MBS jugak telah menghantar permohonan peruntukan penurapan jalan kepada Bahagian Perumahan SUK Negeri Sembilan bagi tahun, peruntukan bagi tahun 2024 ini.

Seterusnya ADUN Labu, ini berkaitan dengan pasar malam yang telah pun diberhentikan. Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan dan juga Pembangunan Usahawan MBS telah meluluskan penganjuran pasar malam untuk 3 kawasan dengan tempoh percubaan selama 3 bulan terlebih dahulu. Ini adalah satu proses yang biasa dilakukan oleh mana-mana kelulusan terutamanya untuk pasar malam. Dan 3 tempat itu adalah Jalan BBN 1/7 Nilai pada hari Isnin, Kedua *Light Industry Pajam* pada hari Khamis dan ketiga di Kolej Universiti Lagenda Mantin pada hari Ahad. Hasil semakan semua Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan Dan Pembangunan Usahawan mendapati setiap hari terdapat satu pasar malam dianjurkan di kawasan Mantin Pajam Nilai. Jadual penganjuran pasar malam seperti di hari Isnin saja tak ada di kawasan Nilai dan Mantin. Hari Selasa di Taman Semarak, hari Rabu di Kolej Lagenda Mantin. Hari Khamis di Nilai Perdana, hari Jumaat, di Desa Cempaka. Dan di Pekan Pajam: hari Sabtu di Flat Semarak hari Ahad di Desa Ria Nilai 3 dan juga Mantin. Hampir setiap hari ada pasar malam dijalankan di kawasan ini dan MBS berpendapat bahawa memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang murah. Itu adalah tujuan asal kita.

Walau bagaimanapun, penganjuran yang terlalu banyak akan menyebabkan penawaran akan menjadi, akan melebihi permintaan. Selain itu, ia juga akan turut menjejaskan jualan peniaga-peniaga yang menyewa premis kedai dan juga pasar awam milik MBS termasuk jugak pasar-pasar malam yang sedia ada. Kerana apabila banyak pasar malam dibuka setiap hari, hampir setiap hari dalam seminggu, pasar-pasar malam yang lama, penjaja-penjaja dekat sana juga terkesan akibat pembukaan banyak pasar malam seperti ini. Dan mereka juga terpaksa membayar bayaran kepada penganjur setiap hari dan ini akan membebankan juga penjaja.

Selain daripada itu, kita juga mendapati ada sekumpulan penganjur, mereka dengan tujuan untuk menjadi penganjur sahaja. Dan apabila diberi kelulusan sebelum ini untuk 3 pasar malam ini baru kita dapat tahu pemohon itu menggunakan pertubuhan ataupun persatuan yang

berlainan, yang berlainan untuk memohon penganjuran pasar malam. Dan di *Facebook* telah pun tahu ada seorang, satu penganjur menganjur 8 atau 9 pasar malam di kawasan Nilai dan Mantin. Dan paling teruk, pada hari yang sama pun ada 2 tempat pasar malam. Maka Majlis Bandaraya Seremban mengambil keputusan untuk membatalkan dalam tempoh percubaan. Dan tempoh percubaan itu tahu apabila kita meluluskan sesuatu pasar malam. Dan seterusnya adalah daripada ….

YB ADUN Labu: Mohon mencelah YB Exco.

YB ADUN Nilai: Ya.

YB ADUN Labu: Ada 2 persoalan di sini. Kalau ikut mengikut YB Exco pertama adalah disebabkan penganjur, penganjur yang sama. Dan kedua adalah disebabkan oleh banyak pasar malam. Jadi tempat itu adalah berbeza. Tempat jarak ada satu jarak adalah berbeza. Dan aduan kepada saya adalah daripada penjaja ataupun peserta yang mengikut pasar malam itu sendiri. Jadi saya nak tahu di sini sebenarnya masalah tu adalah disebabkan penganjur ataupun disebabkan banyak pasar malam. Kalau banyak pasar malam ni saya rasa tak ada masalah. Sebab salah satu faktor yang perlu kita utamakan adalah peniaga ataupun peserta yang terlibat dalam pasar malam tu dia mendapat pendapatan sebab itulah adalah sumber dia. Jadi selagi kalau ada minat ataupun rakyat yang ramai hadir ke tapak pasar malam tersebut, saya rasa tak ada masalah. Jadi mana satu masalahnya sekarang? Penganjur ataupun tempat?

YB ADUN Nilai: Masalahnya kedua-duanya ada masalah. Satu penganjur. Ada penganjur mengambil peluang untuk mencari, apa ni, cari keuntungan daripada penganjur pasar malam ini. Itu kita perlu elakkan. Itu pertama. Yang keduanya tempat yang tak sesuai. Macam di, pada hari Ahad di Pekan Mantin ada satu tapak pasar malam, lebih 20-30 tahun. Dan pada hari yang sama, masa yang sama, satu lagi pasar malam pula di Kolej Lagenda Mantin. Dan jaraknya adalah dalam 3-4 kilometer. *So* itu adalah sesuatu yang tidak boleh dibenarkan dan sebab itu Majlis mengambil tindakan. Dan kalau ada pasar malam atau sorry, kalau ada penjaja ataupun peniaga-peniaga kecil ini perlu berniaga pada hari tersebut, di pasar pasar-pasar malam yang sedia ada ni, masih ada banyak kekosongan tapak. Mereka digalakkan dan diminta untuk memohon dengan penganjur ataupun Majlis Bandaraya Seremban untuk menganjurkan ataupun untuk berniaga di pasar pasar-pasar malam yang sedia ada ini.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya adalah daripada Yang Berhormat Bagan Pinang iaitu berkaitan dengan bangunan terbengkalai di Port

Dickson. Yang pertama, kajian pembaharuan semula tapak-tapak *brownfield* di Negeri Sembilan sedang dikaji dan kajian ini berada di peringkat akhir. Kedua-dua bangunan yang dimaksudkan adalah sebahagian daripada 54 tapak *brownfield* di Negeri Sembilan yang telah dikenal pasti. Yang pertama: bangunan di bawah milik Segi Sinarmas yang telah diambil alih pemilikan baru oleh syarikat pelikuidasi. Dan keduanya adalah bangunan hadapan Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan cadangan pembangunan semula untuk bangunan yang telah diambil alih dari Segi Sinarmas Sendirian Berhad. Pada masa ini sedang dimuktamadkan oleh pemilik baru sebelum permohonan dikemukakan kepada MPPD. Dan juga beberapa tindakan kajian pembaharuan semula tapak-tapak *brownfield* ini akan dilaksanakan pada masa yang terdekat ini untuk memastikan beberapa tempat yang terbengkalai ini dapat dimajukan kemudian.

Seterusnya adalah daripada ADUN, Yang Berhormat Bagan Pinang. Ini berkaitan dengan penebangan pokok yang berbahaya. Untuk makluman, sekurang-kurangnya terdapat 62 projek penyelenggaraan pokok dilaksanakan bagi Seremban dan Nilai yang berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia 8.0 juta bagi tahun 2024. Proses lantikan adalah melalui sebut harga, kerja undi serta lantikan terus bergantung kepada nilai projek. Sebanyak 62 syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek tersebut. Banyak pokok-pokok yang bahaya yang terletak di di tepi jalan utama dan juga di kawasan-kawasan perumahan, kalau kita boleh lihat di luar sedang diambil tindakan dan juga akan diambil tindakan secara berperingkat.

Untuk Yang Berhormat Chuah, berkaitan dengan pengoperasian kilang haram. PBT dalam menangani isu pengoperasian kilang haram ini adalah dengan mempertingkatkan lagi tindakan penguatkuasaan.

YB ADUN Paroi: Pencelahan.

YB ADUN Nilai: Selain daripada itu …..

YB ADUN Paroi: Pencelahan sikit.

YB ADUN Nilai: Ya.

YB ADUN Paroi: Okey, berkenaan dengan pokok tadi, tengok dia punya jumlah bayaran itu tinggilah. Sekarang ni daripada kajian ni nak tahu sikit di peringkat negeri Negeri Sembilan juga khasnya di Seremban lah, pokok-pokok lama yang ditebang itu, sekarang ni dah berapa persen telah selesai? Kalau kita, itu satulah. Yang keduanya, saya dalam suasana sekarang ni, suasana hujan, kebanyakan daripada pemerhatian

saya sendiri, pokok-pokok tinggi ni, kalau tidak di *maintain,* tak ditebang sekarang ya, isu keselamatan akan muncullah. Makna kata berapa *percent* sudah diselesaikan?

YB ADUN Nilai: Tadi berkaitan dengan kos. Untuk pokok-pokok besar ini memang kos dia tinggi sebab memerlukan dari segi keselamatan dan semua. Dan dari segi peratusan itu, saya akan rujuk kepada MBS dan saya boleh jawab secara bertulislah.

Yang seterusnya adalah Yang Berhormat Chuah, ini berkaitan dengan pengoperasian kilang haram. Tindakan penguatkuasaan akan diambil secara berterusan. Dan selain daripada itu, PBT juga bercadang untuk bekerjasama dengan pihak TNB dan juga SAINS untuk menyekat pembekalan utiliti kepada kilang-kilang haram yang tidak mempunyai sebarang kelulusan pembangunan daripada Majlis, daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Seterusnya Daripada Yang Berhormat Johol, pembinaan Balai Bomba di kawasan Johol. Jabatan ini telah mengemukakan permohonan bagi pembinaan balai dan juga penyelamat bomba Johol melalui *Rolling Plan* Ke-2 tahun 2022, RP3 tahun 2023 dan RP4 tahun 2024 tetapi masih belum mendapat apa-apa kelulusan. Justeru itu jabatan ini telah pun diberikan keutamaan, telah beri keutamaan untuk dimasukkan sekali lagi permohonan dalam *Rolling Plan* Ke-5 bagi tahun 2025.

Seterusnya berkaitan dengan ADUN Lukut. Dewan orang ramai Taman Indah Jaya, Lukut. Ini adalah satu Dewan bukan didaftarkan di bawah aset Majlis, Majlis tetapi ia telah diurus, diserahkan dan diuruskan oleh Persatuan Penduduk dan juga JKK.

Seterusnya daripada ADUN Lobak berkaitan dengan membina satu gelanggang futsal di Taman Sri Pulai 3. Untuk makluman, tahun 2025 …..

YB ADUN Temiang: Ini Temiang lah YB.

YB ADUN Nilai: Temiang? *Sorry* haa. Untuk Temiang, Taman Sri Pulai 3. Tahun 2025, pihak Majlis Bandaraya Seremban telah pun menyediakan peruntukan berjumlah 400 ribu ringgit untuk digunakan bagi pembinaan gelanggang futsal mengikut keutamaan.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Lobak, *walkway*, tandas dan juga lampu hiasan di Dataran Lobak. Pihak MBS akan memohon kepada Jabatan Landskap dan Negara, Jabatan Landskap Negara apabila permohonan peruntukan dibuka bagi tahun hadapan bagi projek naik

taraf untuk tahun 2026. Dan juga untuk tahun 2025, pihak MBS akan menggunakan peruntukan dalaman bagi penambahan infrastruktur awam secara kecil-kecilan di Dataran Lobak tersebut.

Seterusnya cadangan untuk membina sebuah dewan di Taman Tasik Senangin, Yang Berhormat Lenggeng. Ada satu tanah seluas 0.6 hektar dan pentadbiran MBS mempunyai perancangan untuk membina sebuah dewan terbuka di Bandar Tasik Senangin bagi tahun 2025.

Seterusnya adalah berkaitan dengan perumahan, perumahan pun ada beberapa saya telah pun jawab dalam satu atau dua jawapan bertulis, jawapan lisan. Ini daripada Yang Berhormat Chembong berkaitan dengan Projek Perumahan Rakyat PPR Rembau di Chembong. PPR Rembau di Mukim Chembong dijadualkan siap sepenuhnya pada hujung tahun 2024. Dalam masa yang sama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara telah pun membuka permohonan secara *online* 7 Mac 2024 sehingga 31 Mac 2024. Jabatan Perumahan Negara telah pun menyaring semua permohonan yang diterima dan senarai nama sebanyak 167 permohonan yang berjaya telah dipaparkan di laman, di laman sesawang KPKT. Tempoh bantahan juga telah dibuka 14 hari iaitu bermula 2 Oktober 2024 sehingga 16 Oktober 2024. Jabatan Perumahan Negara juga dalam perancangan dan mendapatkan tarikh yang bersesuaian untuk turun padang ke daerah Rembau untuk hari terbuka khusus mengenai PPR Rembau yang mempunyai 452 unit secara keseluruhannya, termasuk jugak untuk pendaftaran.

Seterusnya daripada ADUN Temiang untuk mendirikan Rumah Mampu Milik di hadapan kuarters kerajaan di Bukit Temiang. Tanah yang dimaklumkan ini adalah tanah milik. Walau bagaimanapun, dalam pembangunan Taman Nilam Sari akan dibina 163 unit Rumah Mampu Milik *Type A* dan juga beberapa lagi rumah *Type B* dan *Type C* iaitu yang tergolong dalam Rumah Mampu Milik oleh pemaju pihak raya, Pemaju Raya Baiduri.

Seterusnya berkaitan dengan Taman Bukit Zamrud oleh Yang Berhormat Temiang. Projek ini ada 270 unit rumah, 22 unit rumah *Type A,* 22 unit *Type B* dan 167 unit *Type C*. Kesemua 211 unit rumah ini telah pun siap dibina. Tetapi 59 unit *Type D* tidak dibina dan projek ini telah dikeluarkan daripada senarai projek terbengkalai dalam pemantauan Jabatan Perumahan Negara pada tahun 2012. Pemaju bertindak untuk memulangkan kembali bayaran deposit 10% kepada 31 orang pembeli sebagai penyelesaian ke atas kegagalan pembinaan 59 unit *Type D*. Seterusnya pihak pemaju telah melantik syarikat lain untuk menguruskan pemulangan bayaran deposit kepada pembeli tersebut.

Namun begitu terdapat 3, terdapat sebahagian daripada 31 pembeli tidak bersetuju dengan kaedah pemulangan deposit dan menuntut supaya rumah tersebut disiapkan. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan telah pun mengadakan 2 sesi mesyuarat pada 14 Jun 2024 dan 9 Julai 2024 bersama dengan pihak pemaju dan juga Koperasi Nasional, *National Land Finance Co-operative Society* untuk mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikan isu ini. Dan kedua-dua pihak bersetuju untuk berunding dan juga membincangkan tindakan selanjutnya bagi memastikan pembangunan 59 unit rumah *Type D*. Dalam perbincangan, isu yang timbul adalah kedua-dua pihak tidak mahu mengaku itu adalah lot milik mereka. *So* itu adalah isu yang timbul. *So* apabila kita meminta untuk mereka mencari satu kaedah untuk mereka meyiapkan, sebab pada masa tersebut, tanah tersebut adalah dimiliki oleh koperasi *land, National Land Finance Co-operative Society* dan di MIA itu adalah sebagai pemaju saja. *So* kita akan cuba cari isu selesaikan isu tanah dan kita akan cuba untuk menyelesaikan 59 unit rumah di sana.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Mambau, berkaitan dengan *Type A*, Rumah Jenis *Town House*. Kita tahu rumah jenis *town house* ini adalah di bawah Akta Pengurusan Strata. Dan kita pun tahu ada banyak isu yang masih kita belum diselesaikan di bawah kawasan-kawasan rumah-rumah bertingkat. Dan juga kita sedang mengkaji beberapa kaedah untuk kita menyelesaikan isu ini. Dan buat masa ini memang kita belum ada satu keputusan untuk kita membenarkan pembinaan rumah *Type A* untuk *town house* tetapi masa ke semasa kita akan melihat keperluan dan juga kesesuaian sebelum kita melaksanakan dasar ataupun rumah mampu milik *Type A* dibenarkan untuk *town house* ini.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Mambau, cadangan agar kerajaan negeri memperuntukkan dana khas yang boleh dipohon oleh JMB untuk laksanakan kerja penyelenggaraan. Dalam pembentangan belanjawan negeri bagi tahun 2025, di bawah Bidang Tumpuan: Pemerkasaan Komuniti, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan satu inisiatif baru untuk penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah dan sederhana swasta dengan kos sebanyak 2.0 juta. Dan kita akan menggunakan peruntukan tersebut untuk menyelenggara beberapa kerosakan dan juga keperluan di rumah-rumah berstrata ini.

Daripada ADUN Seri Menanti, berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah di kawasan luar bandar. Kita, apa saja projek perumahan di Negeri Sembilan adalah tertakluk kepada Dasar Perumahan Negeri. Dan Dasar Perumahan Negeri mewajibkan 20% rumah *Type A* berharga 110 ribu ke bawah dibina. Dan untuk daerah Kuala Pilah, juga tidak terkecuali daripada pembangunan Rumah Mampu Milik terutamanya

Rumah Mampu Milik *Type A,* di mana dalam 5-6 tahun, 5 tahun ini sebanyak 725 unit Rumah Mampu Milik *Type A* telah diluluskan KM dan 30 unit Rumah Harapan Rakyat telah diluluskan kepada penduduk di kawasan Majlis di kawasan daerah Kuala Pilah.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Sri Tanjung berkaitan dengan 100 unit, pengisian 100 unit rumah PPR Ladang Tanah Merah. PPR Ladang Tanah Merah ini masih belum diduduki kerana berlaku isu kerosakan loji rawatan kumbahan. KPKT dalam proses penyediaan dokumen sebut harga, iklan, baik pulih loji rawatan kumbahan dan dijangka akan dibukak pengiklanan pada bulan November ataupun awal Disember 2024 ni untuk memastikan loji rawatan kumbahan berfungsi dengan baik dan juga meningkatkan kebersihan kesihatan persekitaran serta kesejahteraan penghuni PPL Tanah Merah. Dan pada masa yang sama, semakan akhir senarai nama untuk status pekerja ladang atau bekas pekerja ladang daripada SD Guthrie dan juga NUPW sedang dijalankan untuk memastikan senarai nama ini akan ditentukan, dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan diserah kepada Jabatan Perumahan Negara untuk tindakan pengisian.

Seterusnya adalah untuk daerah Rembau, daripada Berhormat Kota, sama jugak kita di daerah Rembau jugak tidak terkecuali daripada pembangunan Rumah Mampu Milik *Type A*. Dan dalam 5 tahun ini sebanyak 321 unit Rumah Mampu Milik *Type A* telah diluluskan Kebenaran Merancang dan 33 unit Rumah Harapan Rakyat telah diluluskan kepada penduduk tempatan yang terdiri daripada golongan B40 untuk kawasan daerah Rembau.

Seterusnya adalah berkaitan dengan pengangkutan, Yang Berhormat ADUN Labu, berkaitan dengan pemantauan pihak berkuasa. Pemantauan dan tindakan ke atas kenderaan berat di Jalan Labu dan Nilai telah dibuat setiap hari oleh pasukan Penguatkuasa JPJ Negeri Sembilan. Selain daripada itu Jalan Labu, selain daripada Jalan Labu dan Nilai, tindakan penguatkuasaan juga turut meliputi kawasan kuari Jalan Batang Benar. Dan sepanjang Januari hingga Oktober 2024, sebanyak 7,037 buah kenderaan perdagangan telah diperiksa di sekitar Nilai. Dan 1,335 daripadanya telah diambil tindakan. Sebanyak 2,261 notis saman telah dikeluarkan termasuk 264 kesalahan lebih muatan. Pemantauan dan juga penguatkuasaan secara berterusan akan dilaksanakan oleh JPJ. Dan sebentar tadi, tengah hari tadi jugak, Ketua Pengarah JPJ jugak telah turun ke jalan di hadapan kuari di Jalan Labu, Nilai untuk proses pemantauan lori-lori tersebut dan juga pengintipan akan dilakukan untuk memastikan tindakan yang lebih tegas diambil.

Seterusnya berkaitan dengan Johol ….

YB ADUN Labu: YB mohon, mintak mencelah sikit. Saya nak ulas sikit. Pertama ucapan terima kasih kepada, atas tindakan yang dibuat di, oleh Jabatan Pengangkutan Jalan semalam dan hari ni. Cuma saya saya nak bagitahu adalah penyelesaian berterusan berkenaan isu-isu lori ni. Yang saya nak beritahu adalah waktu puncak, waktu *time* sekolah ni, kalau dapat diberi perhatian waktu *time* puncak ni, di Sekolah Labu Hilir dan juga Taman Cempaka ni dalam pukul 7:00 ke 8:30 tu, mintak lori-lori walaupun lori kosong ni, kita ada masa untuk dia bergerak sebab sangat membahaya kepada kanak-kanak sekolah. Yang kedua YB adalah di dalam kawasan Nilai sendiri di Mesa Mall. Situ yang kerap berlaku kemalangan lori tanah yang keluar di tapak, di sebelah Mesa Mall tu ada tapak projek baru, berlaku kemalangan maut di sana. Dan jugak lori, satu ada masalah *traffic light* selalu masalah *traffic light* tu selalu rosak dan lori ni keluar sesuka hati. Itu yang saya, saya mohon. Bukan di kawasan Labu saja, keseluruhan kawasan-kawasan yang pembangunan ni harus dipantau. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Berkaitan dengan masa yang tidak dibenarkan. Memang itu telah pun kita buat keputusan dalam MMK dan kita telah pun arahkan kepada semua Pejabat Daerah untuk memastikan semasa kelulusan diberikan untuk lori-lori yang keluar daripada kuari ini mematuhi tempoh tersebut termasuk jugak tidak dibenarkan pada masa *peak hours* ataupun pagi dan juga petang. Seterusnya berkaitan dengan di kawasan Nilai, yang mengeluarkan tanah. Kita pernah mengambil tindakan pada pertengahan tahun ini di mana kita telah pun, Majlis Bandaraya Seremban apabila mereka tidak mematuhi arahan daripada Majlis Bandaraya Seremban, kita telah pun mengeluarkan surat untuk pemberhentian operasi pengeluaran tanah kerana mereka tidak mematuhi selama seminggu lebih ataupun hampir 2 minggu. Dan kita sentiasa mengikuti perkembangan mereka untuk memastikan kedua-dua operator tersebut mematuhi semua syarat yang ditetapkan dan ia akan diteruskan. Kalau mereka tak patuh, kita akan mintak untuk mereka memberhentikan kerja tersebut.

Yang seterusnya adalah daripada Yang Berhormat Johol berkaitan dengan bas henti-henti. Untuk bas henti-henti di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia kini telah pun berubah wajah dengan 100 bas yang baru, yang berwarna *pink,* yang memberikan perkhidmatan bas henti-henti di seluruh Negeri Sembilan. Dan 100 bas ini telah pun beroperasi secara sepenuhnya. Dan untuk menggalakkan lebih ramai untuk menggunakan perkhidmatan ini, kad konsesi iaitu tambang percuma diperkenalkan untuk OKU, warga emas dan juga pelajar sekolah dan juga sehingga universiti. Selain itu, beberapa inisiatif baru jugak akan diperkenalkan pada masa akan datang. Dan juga maklumat

yang lengkap berkaitan dengan laluan masa dan juga setiap pergerakan tersebut di jawapan bertulis telah pun diberikan daripada muka surat 69 sehingga 122 untuk rujukan ahli-ahli Yang Berhormat.

Berkaitan dengan RAC ada beberapa Yang Berhormat telah pun mengemukakan isu berkaitan dengan RAC ini. Tapi saya masih belum dapat jawapan daripada RAC. Saya akan cuba untuk jawab secara bertulis. Dan itu saja. Sebelum saya mengakhiri, saya mengambil kesempatan untuk kita dapat melihat, saya juga telah berkhidmat selama 6 tahun di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Sikamat, saya dapat lihat kerja keras dan juga semangat yang tidak pernah luntur untuk mengurus negeri ini, yang pada awalnya menghadapi pelbagai rinting, rintangan dan juga cabaran. Tetapi Yang Amat Berhormat Sikamat telah pun meletakkan satu penanda aras ataupun *benchmark* yang dapat membawa kita semua supaya tidak kembali mengulangi kesilapan yang lalu. Negeri ini bukan hanya milik beberapa orang yang mempunyai kepentingan sahaja tetapi negeri ini adalah milik rakyat dan juga milik kita semua. Rakyat akan sentiasa memerhati setiap tindakan kerajaan yang memerintah. Rekod bersih rasuah yang telah pun ditunjukkan oleh pentadbiran Yang Amat Berhormat Sikamat sepanjang pentadbiran ini wajib didukung dan diangkat oleh semua ahli-ahli Yang Berhormat dalam Kerajaan Perpaduan termasuk semua ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap *benchmark* yang diletakkan oleh Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Sikamat ini jangan sesekali direndahkan. Jika sekali rakyat telah percaya dengan kesungguhan kerajaan menentang ketirisan dan juga penyelewengan, penyelewengan jangan pula ada yang mahu membudayakan kembali amalan kotor tersebut. Ini adalah satu pandangan kita untuk renungan dan juga pertimbangan kita agar pentadbiran ini dapat kita laksanakan dengan baik. Dan kita berharap kesemua ahli-ahli yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat bekerjasama untuk memberikan satu perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di Negeri Sembilan. Sekian, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Nilai. Saya menjemput Yang Berhormat Senaling.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Saya mengambil kesempatan untuk memberikan ulasan ataupun jawapan kepada sebahagian perkara yang dah ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan belanjawan ni. Sebahagian daripada perkara yang ditimbulkan itu adalah berbentuk cadangan dan ini akan kita fikirkanlah. Apa pun saya mengucapkan terima kasih pertamanya di hari yang, di hari yang kedua sidang ini iaitu hari yang pertama perbahasan, terima kasih kepada YB Johol, YB

Chennah, YB Labu, YB Seri Menanti dan juga Jeram Padang yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan.

YB Johol ada menyebut menyentuh tentang peruntukan sebanyak 300 ribu bagi pembinaan generasi celik AI ni. Ini mengenai teknologi digital dan jugak kecerdasan buatan AI ini dah diulas panjang lebar oleh pagi tadi, petang tadi, oleh Yang Berhormat Exco daripada Linggi. Memang tugas dia pun. Dia dah ulas panjang lebar, saya tak berhajat nak mengulas. Apa pun, ini satu seperti kata YB Chennah ini permulaan yang baiklah ya, walaupun 300 ratus ribu ini bukanlah jumlah yang mencukupi sebenarnya Yang Berhormat Dato' *Speaker,* untuk kita, tapi apa pun ini satu permulaan. Dan mungkin di tahun-tahun akan datang kita akan tengok lagilah, tingkatkan lagi jumlah peruntukan bagi tujuan teknologi digital dan jugak AI ini.

Kemudian YB Labu ada menyentuh soal antara lain yang menyentuh soal, beliau menyentuh soal ada budak-budak masuk sekolah daripada kawasan yang berhampiran daripada kawasan Labu contohnya kawasan Bukit Kepayang, YB Bukit Kepayang ya, dia kata daripada kawasan berhampiran seperti Kepayang, tapi bersekolah di kawasan Batu 7. Macam itulah. Kawasan Labu kan? Jadi untuk itu Yang Berhormat jawapan saya ialah, saya dah tanya dengan garis panduan ya, tentang penempatan murid-murid ni, kebiasaannya Pejabat Pendidikan Daerah ataupun JPN sendiri akan membuat penempatan murid berdasarkan justifikasi yang berikut: yang pertama: pemohon ataupun murid mempunyai ahli keluarga seperti abang atau kakak serta ibu bapa penjaga yang bersekolah atau bertugas di sekolah yang dipohon. Ini memang biasa berlaku Yang Berhormat. Terutamanya kalau guru-guru itu bersekolah di sekolah itu, tentulah dia bawak untuk memudahkan, bawak anak dia sekali ke sekolah itu. Walaupun dia duduk di Bukit Kepayang contohnya, tapi dia mengajar di Labu, biasanya anak-anak dia dibawak untuk memudahkan. Dan jugak begitu juga yang petugas-petugas lainlah. Ini satu yang biasa.

Yang keduanya pemohon murid tinggal berhampiran dengan sekolah yang dipohon. Ini salah satu kriteria. Kalau hampir, sekolah yang berhampiranlah maksudnya dengan tempat duduk. Yang ketiga: pemohon murid mempunyai ahli keluarga seperti abang atau kakak serta ibu bapa penjaga yang bersekolah ataupun bertugas di sekolah berhampiran dengan sekolah yang dipohon. Dia mohon sekolah tu, tapi ibu bapa dia tak bekerja di sekolah itu seperti yang pertama tadi, tapi bertugas hampir dengan sekolah yang dipohon. Itu pun diberikan kelulusan oleh jabatan. Yang keempatnya: ada kemudahan pengangkutan awam mahupun persendirian, jika tempat yang tinggal pemohon dalam jarak yang jauh dari sekolah dipohon.

Jadi itu antara 4 kriteria yang diambil ataupun justifikasi yang diambil kira oleh jabatan apabila dalam soal penempatan murid-murid khususnya yang masuk ke Darjah 1 lah, Dato' Yang Dipertua ya. Jadi dalam keadaan itu mungkinlah ada jugak mereka yang luar daripada kawasan Labu ni, tapi duduk di Bukit Kepayang secara spesifik yang disebut oleh Yang Berhormat Labu tadi, mungkin ada termasuk di bawah kriteria, yang 4 justifikasi tadi, mak bapak dia sekolah situ ataupun kerja hampir dengan sekolah itu. Itu yang, kalau saja-saja je kita biasanya, tanpa justifikasi ni, biasanya tak tak diambil kiralah. Selalunya kalau alamat situ, sekolah yang berhampiranlah. Jadi itu jawapan Yang Berhormat Labu ya.

YB ADUN Labu: YB Exco, mohon mencelah sikit. Nak bagi penerangan berkenaan yang, berkenaan Labu ni.

YB ADUN Senaling: Okey.

YB ADUN Labu: Okey, isu dia adalah penduduk Labu tu sendiri Batu 7 itu, dihantar ke tempat yang lebih jauh, ke sekolah lain. Contoh ada ramai daripada kalangan anak-anak di Labu ditempatkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sedangkan dimohon adalah di Sekolah Kebangsaan. Dan penduduk daripada mungkin Taman Ainsdale di Bukit Kepayang itu dipindahkan ke kawasan sekolah kebangsaan di *area* Batu 7. Ini ini masalahnya. Yang kriteria itu saya faham tadi itu. Yang ado ompek ke limo tu, itu betul. Tapi masalah anak orang kampung itu, bayangkanlah kalau Senaling YB, sekolah kat Pilah, Pilah hantar kat Senaling. Itu itu yang masalah tu. Orang situ tak dapek. Dia nak masuk ke Sekolah Jenis Sekolah Cina. Masalahnya mereka ni asasnya sekolah, sekolah tadika dia pun, dia kat sekolah KEMAS, sekolah kebangsaan. Mana mungkin sekolah rendah dia, dihantar ke sekolah Cina. Ini masalah di di Labu ni. Jadi penyelesaiannya, saya rasa boleh dicadangkan buat 2 sesi kat sekolah situ. Kalau tak sampai apa, nak buat sekolah baru kan mungkin tak ada peruntukan. Boleh dicadangkan, mungkin cara yang lebih singkat cara lebih baik adalah adakan 2 sesi. Sesi pagi dan jugak petang. Itu cara terbaiklah. Sebab kita faham di Ainsdale pun sekolah berdekatan pun jauh. Mungkin yang paling dekat itu adalah Batu 7. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: YB, sekarang baru saya faham. Sekarang ini maksudnya, sebab YB tak sebut ni ya, saya akan *check* juga, *check* dulu tentang perkara ni mungkin kemungkinan besar sekolah yang sedia ada itu dah padatlah maknanya. Dah ada kepadatan pelajar, kemudian tu dipindahkan, dibagi sekolah lain sebab dah tak boleh memenuhi sesi. Jadi cadangannya, kalau dalam keadaan itu ialah mengadakan 2 sesi lah.

Sesi pagi dan petang. Ini kita akan tengok saya akan rujuk pada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan jugak PPD Seremban ya.

Kemudian, terima kasih YB Labu ya. Kemudian YB Seri Menanti – TVET. Soal TVET ni saya dah jawab panjang lebar tadi dalam soalan Dewan, tinggal lagi YB memohon kalau boleh penglibatan YB, Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan untuk menyebarluaskan program-program TVET ni. Jadi tadi saya dah jawab dalam menjawab soalan TVET. Dan memanglah saya berharap ya, semua rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini yang akan sama-samalah memaklumkan tentang program-program TVET khususnya yang berkaitan dengan program-program kemahiran di yayasan, Kolej Yayasan Negeri Sembilan. Kita sama-sama memain peranan kerana ini adalah kolej Negeri Sembilan sendiri dan dia memberikan banyak kemudahan kepada anak-anak Negeri Sembilan. Jadi oleh itu saya harap YB-YB kawasan-kawasan, rakan-rakan Yang Berhormat akan sama-sama menyebarluaskan program-program TVET di, yang ada di Negeri Sembilan ini.

Di masa yang sama sepertimana saya sebut, kita dari segi TVET ni kita banyak institusi yang di bawah Kerajaan Negeri dah dah kita sentuh tapi yang bukan di bawah Kerajaan Negeri. Contohnya Kolej Kemahiran Mara, IKBN Chembong, ini semua program TVET, Politeknik Port Dickson, Politeknik Nilai, kita di Sembilan Negeri Sembilan banyak kolej-kolej dan institusi TVET ni. Tinggal lagi, kitalah yang menjadi penyambung lidah, penyambungnya untuk maklumkan di kawasan kita masing-masing, di sekolah yang di kawasan kita supaya mendatangkan minat ya, kepada anak-anak di kawasan kita mengambil kursus-kursus kemahiran di institusi TVET yang ada di Negeri Sembilan.

Kemudian satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seri Menanti juga ialah tentang bantuan insentif tunai. Ini maksudnya peruntukan ataupun BAN dan juga BAS. BAS untuk sekolah rendah, BAN untuk sekolah menengah. Jadi YB sebutkan bahawa masih ada yang mengadu tak dapat. Jadi sebenarnya dari segi perlaksanaannya Yang Berhormat, kita semua maklum bahawa dilaksanakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Pejabat Pendidikan Daerah mendapatkan nama-nama ini daripada sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah pula akan menilai murid-murid ini yang dikategorikan daripada keluarga *B40*. Jadi dia berpering-peringkat dia punya, dia punya kriteria dia itu. Jadi, kalau ada jugak masih berlaku, saya dah ingatkan kepada jabatan dan juga PPD baru-baru, supaya lebih. Dan saya harap Pejabat Pendidikan Daerah pun akan menyampaikan nota yang sama kepada semua guru-guru di kawasan masing-masing supaya tidak ada anak-anak *B40* ini yang tertinggal daripada mendapat peruntukan daripada kerajaan yang berbentuk insentif tunai ini.

Akhir sekali, pada hari yang kedua juga, Jeram Padang ya, Yang Berhormat Jeram Padang ada menyentuh antara lain SJKT Ladang Helier. SJKT Ladang Helier ni sebenarnya dah lama, dah lama tertangguh, projek ni terbengkalai lebih 10 tahun YB. Dan kita cuba pulihkan, KPM bagi peruntukan sebanyak 300 ribu tetapi nampaknya 300 ribu itu tak mencukupi. Jadi besok, besok difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan akan ke St. Helier ni pagi besok YB, dan kita tengoklah macam mana penyelesaiannya sebab 300 ribu ni memang tak cukup. Tak boleh selesaikan masalah. Jadi sebab kos pembinaan dah tinggi dan sebagainya. Jadi besok baru kita tahu jawapan YB, saya tak dapat bagi jawapan sekarang. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan akan melawat. Saya harap YB pun akan turut hadir besoklah ha di sekolah apa ni, SJKT St. Helier ni untuk kita mendapatkan kepastian bila dan berapa banyak peruntukan boleh ditambah oleh KPM bagi tujuan menyelesaikan masalah di St. Helier ni.

Hari yang ketiga, terima kasih kepada YB Sungai Lui, YB Gemas dan jugak Serting dan Bagan Pinang ya. YB Sungai Lui, dia risau tentang sekolah luar bandar yang kurang murid dan sekolah bandar, sekolah bandar yang ramai. Ini satu yang kita tak dapat elakkanlah. Memang sepertimana saya sebut di hari kedua itu hari dan jawapan saya bahawa sekolah luar bandar memang banyak sekolah SKM Yang Berhormat. SKM ini sekolah kurang murid. Jadi saya jawab soalan pra sekolah itu begitulah gambarannya. Bila kawasan itu kurang murid, di peringkat pra nya maka dimasuk sekolah itulah jugak jumlah yang akan masuk ke sekolah. Jadi memanglah di luar bandar dan bandar ni memang ada perbezaan dari segi kepadatan murid.

Tinggal lagi yang YB Lui lebih *concern* dengan izin, ialah Sekolah Magnet ni. Sekolah Magnet di Lui ni yang tak nampak penambahan pelajar-pelajar. Ini saya dah bincangkan jabatan. Kita fikirkan apakah kaedah yang paling sesuai untuk kita dapat, nama Sekolah Magnet tapi tak tak dapat tarik budak ramai ke sekolah tu. Jadi kita mungkin kena fikirkan apakah kursus ataupun mata pelajaran tertentu yang boleh kita tawarkan di sekolah ini supaya ramai murid-murid yang datang dapat belajar di Sekolah Magnet ni.

Masa yang sama Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Sekolah-Sekolah Agama Rakyat ni dibantu. Ni kita panjangkan juga kepada Kerajaan Negeri macam mana kita, dapat tak peruntukan selenggaraan daripada Kerajaan Negeri ni boleh tak kita panjangkan kepada Sekolah Agama Rakyat? Sebab sekarang ni kita menumpu sedikit sebanyak bantuan selenggara ni hanya kepada sekolah-sekolah di bawah KPM. Jadi sekarang ni cadangan YB, Sekolah Agama Rakyat perlu diberikan

perhatian jugak. Nanti ini tak ada kata putus yang boleh saya jawab di sini Yang Berhormat. Jadi kita akan tengok sama-samalah ya.

Kemudian Yang Berhormat Gemas. Yang Berhormat Gemas, dia mintak kita fokus kepada SPM kerana keputusan SPM kita Negeri Sembilan amat baik. *Alhamdulillah* ya, amat membanggakan setakat ini. Dan beliau mencadangkan supaya kita mencari penaja, maksud beliau ini ialah supaya kalau ada syarikat-syarikat ataupun badan-badan korporat di kawasan-kawasan berkenaan itu boleh menaja program-program yang, yang memperkasakan pelajar-pelajar yang akan menduduki SPM. Ini satu Cadangan yang baik kalau boleh kita laksanakan. Apa pun kalau kita lihat kepada belanjawan pendidikan tahun ini, yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat tempoh hari, ada sejumlah peruntukan 100 ribu ya, Insentif Khas Galakan Kecemerlangan SPM. Mungkin kalau kita lihat ni mungkin kita bahagikan dengan jumlah sekolah mungkin tak cukup, tapi ini satu permulaan yang baik dan mungkin kita dapat jugak guna pakai peruntukan yang lain-lain jugak untuk kita salurkan kepada sekolah-sekolah demi memperkasakan pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Kemudian Serting. YB Serting mencadangkan, dia banyak mencadangkan ya, mencadangkan Maahad Ahmadi dibuka cawangan di daerah-daerah lain. Betul tak YB? Macam tulah maksud dia lebih kurang kan? Beliau memberi contoh, contohnya seperti di Kelantan, di Kedah ada sekolah-sekolah yang begini yang bukak cawangannya di seluruh daerah. Jadi ini pun, saya terimalah cadangan ni, akan kita bincangkanlah dengan Kerajaan Negeri.

Yang keempat, Bagan Pinang, tentang permohonan beliau supaya ditempatkan sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Port Dickson. Ini sebenarnya dah ada perbincangan lisan di antara Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dengan Unit Sekolah Berasrama Penuh, Malaysia, KPM tetapi setakat ini tidak ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 tentang peruntukan membina Sekolah Berasrama Penuh di kawasan Port Dickson ini. Apa pun kita akan cuba secara formal kali ini. Dan kita tengoklah apa jawapan daripada kementerian tentang permohonan daripada daerah Port Dickson untuk mendapat sebuah Sekolah Berasrama Penuh di kawasan PD.

Jadi hari yang ketiga iaitu hari ni, hari akhir, saya ucap terima kasih kepada Kota, kepada Lenggeng dan jugak Chembong ya. Hari ni 3 YB menyebut tentang, yang pertama tentang Kota. YB Kota ada bertanya tentang padang sekolah saya dah jawab tadi dalam soalan lisan. Tapi saya ucap tahniahlah kerana baru-baru ni saya pun sewaktu

merasmikan, menyempurnakan Hari Aspresiasi PPD Rembau, melibatkan semua sekolah daerah-daerah Rembau, sekolah menengah, sekolah rendah, saya dapati sekolah yang dimaksudkan oleh YB tak ada padang ni, dia johan sukan YB. Belum ada padang dah johan. Jadi elok takde padang tak? Dah ada padang ni, Sekolah Kebangsaan Tanjung ni. Saya menyampaikan, saya jumpa dengan guru besar itu. Johan daerah, memang hebat. Tapi saya takut dapat padang langsung tak johan pulak. Tapi tak apalah, sebab ini kita ambil kiralah ya. Untuk jangka panjang Yang Berhormat Kota mencadangkan buat sekolah baru, kawasan baru tapi sepertimana kita sedia maklum permohonan untuk sekolah baru ni kena kita buat secara rasmi, yang ada kawasan yang cukup keluasannya 8 ekar dan sebagainya, baru kita boleh, tapi boleh kita panjangkanlah. Sebab kerana saya melihat jangka panjang mungkin terdapat pertambahan pelajar-pelajar di situ. Saya pun difahamkan sekolah ni sebelahnya ialah jalan laluan kereta api ya YB? Jalan kereta api itu sebab tak boleh padang. Tapi hebatlah sekolah ni, saya ucap tahniahlah kepada Sekolah Tanjung, SK Tanjung ni dan jugak kepada YB Kota sekalilah ya, di atas kejayaan sekolah ni.

Kemudian, tanah runtuh di SK Semabok. Ada tanah runtuh dah tak di, dah setahun ya? Dah lama tanah ni, saya mintak ya, Jabatan Pendidikan secepat mungkinlah, besok pun kalau boleh tengok sekolah ni, tanah runtuh ni, kita tengok sama ada di luar sekolah atau dalam sekolah dan tanggungjawab siapa yang nak baik pulih tanah runtuh ni yang mungkin akan menjejaskan bangunan sekolah dan sebagainya.

Yang keduanya kita pergi kepada YB Lenggeng. YB Lenggeng menyebut panjang luas tentang TVET. TVET sebenarnya saya dah dah sentuh panjang lebar tadi. Apa yang beliau nak ialah supaya Kolej Yayasan Negeri Sembilan sebagai institusi TVET Negeri Sembilan mengadakan kolaborasi dengan kementerian-kementerian. Itu maksud YB Lenggeng. Sebab kita sedia maklum bahawa walaupun diumumkan besar peruntukan TVET ni, tetapi semuanya diturunkan melalui kementerian dan kementerian yang menjalankan aktiviti. Tak ada setakat ni peruntukan turun kepada kerajaan negeri YB Dato' SFINO ya? Tak ada. Tak ada. Jadi kita pulak di pihak Kerajaan Negeri kita salurkan peruntukan melalui Kolej Yayasan Negeri Sembilan, peruntukan Kerajaan Negeri sendiri. Peruntukan *federal*, TVET yang disebutkan berapa bilion itu dia tak turun pada Kerajaan Negeri. Dia turun melalui kementerian ataupun agensi-agensi seperti MARA, GIATMARA dan sebagainya dan hampir semua agensi mempunyai peruntukan, dapat projek projek, peruntukan TVET ni. Jadi tu sebabnya YB Lenggeng cadangkan supaya Kolej Yayasan Negeri Sembilan berkolaborasi dengan kementerian ini supaya kita dapat faedah bersamalah dalam menjalankan aktiviti TVET. Ini satu yang baik dan saya akan

maklumkan kepada Yayasan Negeri Sembilan dalam masa yang terdekat.

Akhir sekali YB Chembong. YB Chembong, saya ucap tahniah kepada PPD Rembau. PPD Rembau adalah PPD terbaik ya, di Negeri Sembilan, mencapai Gred Purata 3.60 dalam SPM tahun lepas dan 10 tahun yang lalu pun memang PPD Rembau yang terbaik dalam Negeri Sembilan. Ini saya akui, disebut oleh YB Chembong tadi, memang terbaik. Dan, YB dah sebut pagi tadi tu, tu yang tak tepuk tangan lagi. Dan kita tahu sekolah-sekolah yang berpres, prestasi baik, seperti SEMADAH ya, Sekolah Menengah Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail terbaik STPM dalam negara, dalam Malaysia yang nombor satu itu. Jadi memang hebat, PPD Rembau dengan pencapaian dia. Saya ucap tahniah dan kita harap PPD-PPD lain pun akan bersaing hebat ya, untuk keputusan-keputusan di masa yang akan datang.

Apa pun ada satu dua perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat, iaitu pertamanya Kolej Vokasional Dato Lela Maharaja. Kolej ni mempunyai asrama, ada asrama. Tinggal lagi ada arahan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia supaya sekolah ini, kolej ini menambah *enrolmen* dia. Bila tambah *enrolmen* ni, asrama tak cukup. Itu itu maksud YB tadi bila menyentuh soal ini. Jadi kita tengoklah, saya akan rujuk balik perkara ni kepada jabatan, berapa jumlah sekarang ni, setelah dapat arahan ni, berapa ramai penambahan pelajar yang yang mampu diterima oleh Kolej Vokasional Dato Lela Maharaja ni. Kalau ada pertambahan yang yang jumlahnya yang memerlukan kita menambah blok asrama, maka kita akan buat permohonan secara rasmilah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Di masa yang sama Yang Berhormat Chembong juga menyebut tentang keperluan sebuah sekolah menengah yang baru di kawasan Durian Daun ataupun di kawasan Pilin yang mana difahamkan bahawa sekolah yang paling berhampiran dengan Durian Daun ni ialah sejauh 15 kilometer. Itu paling hampir daripada kawasan Kampung Durian Daun dan Pilin ini. Walaupun saya tak faham sangat ini kawasan Pilin ini tapi itu yang dimaksudkan tadi. 15 kilometer. Jadi kawasan jauh. Jadi di kawasan Pilin, Durian Daun ni pun dah ada satu UiTM. Bila ada UiTM makanya ramailah bertambah penduduk situ melalui tenaga pengajar, pekerja dan sebagainya. Jadi perlu sebuah sekolah baru. Itu maksud Yang Berhormat. Ini merupakan satu cadangan dan *insya-Allah* kita akan bawa cadangan ni kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan seterusnya kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jadi itu saja jawapan ringkas saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. *Assalamualaikum.*

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Pilah.

YB ADUN Pilah: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam sejahtera. Salam Negeri Sembilan Bersih, muafakat, sejahtera. Salam Malaysia madani. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebelum saya memulakan ucapan penggulungan, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Aminuddin, Dato' Seri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar dan yang telah membentangkan belanjawan pada Jumaat yang lepas. Dan tidak dilupakan kepada Dato' Kewangan Negeri dan seluruh kakitangan jabatan dan agensi yang telah bersama-sama ya, berganding bahu untuk menggembleng tenaga dalam membantu mengurus tadbir negeri yang kita cintai ini. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat dan pihak-pihak yang terlibat kerana meneruskan kelangsungan dan agenda pembangunan negeri ini untuk memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat menyeimbangkan keperluan sara hidup dan mengukuhkan ekonomi supaya terus berdaya tahan seperti yang telah diumumkan oleh Dato' Seri Utama Menteri Besar dalam Belanjawan tahun 2025 iaitu kekal dengan tema "Bersama Membina Negeri Madani". Usaha keras dan komitmen semua pihak untuk memajukan khususnya wanita, keluarga dan masyarakat Negeri Sembilan tidak ternilai dan amat saya hargai.

Menjawab isu yang dibangkitkan ADUN Bagan Pinang iaitu mengenai isu peruntukan di bawah Program Pemerkasaan Wanita. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Belanjawan 2025, Kerajaan Negeri Sembilan telah menyediakan sebanyak peruntukan Ringgit Malaysia 0.93 juta bagi perlaksanaan program dan aktiviti pemerkasaan wanita. Antaranya ia adalah berbentuk program peningkatan ekonomi wanita, inisiatif membasmi kemiskinan keluarga, program kasih iaitu OHSEM (Orang Hebat Sejahtera Dan Emosi), program Kasih Ceria iaitu Nogori Sejahtera dan program-program bersepadu bersama kerajaan dan swasta. Dalam pemerkasaan, dalam inisiatif 0.93 juta ini ya, di bawah portfolio saya, kita bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan ya, portfolio ini iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, LPPKN Negeri Sembilan dan UPEN sebagai agensi pelaksana untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan ini. Perancangan yang berstruktur dan bersama pelbagai pihak bagi memastikan inisiatif yang dipertanggungjawabkan yang, supaya dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Perlaksanaan program dilaksanakan sehingga kini ke peringkat akar umbi akan

memberi manfaat kepada kumpulan sasar di bawah portfolio akan dipantau secara holistik.

Ia, saya menyentuh soalan dan dan isu yang dibangkitkan oleh YB Lukut. YB Lukut tak ado di sini ya. Iaitu mengenai program-program PH GEM di kawasan beliau ya. Program PH GEM ini untuk tahun 2025, kita memfokuskan penjenamaan barulah. Kita, dari segi program aktiviti pemerkasaan wanita ya, ia memberi tumpuan kepada program-program yang memperkasakan wanita khususnya program di peringkat negeri di mana setiap program mampu mencapai sasaran bersepadu dalam skala besar dan lebih jauh besar dalam misi memperkasakan wanita di semua peringkat keseluruhan 36 DUN ya, dan 8 Parlimen di Negeri Sembilan dalam misi memperkasakan wanita. Namun program-program lain juga dalam berskala kecil masih diteruskan.

Untuk makluman YB Lukut, yang dimaklumkan tiada program di PH GEM ini, seperti yang sedia maklum, ya, Dewan yang mulia ini, program di bawah PH GEM ini seperti tahun-tahun yang yang lepas perlu dimohon ya, perlu dihantar permohonan ke Pejabat Exco Wanita. Kalau tidak memohon bagaimana perlaksanaan nak dilakukan di kawasan YB lah ya. Dalam, dan di penyata rasmi saya dah diumumkan, saya dah nyatakan jawapannya ya, dalam Persidangan Pertama (Perasmian) di mana YB-YB ADUN di semua 36 DUN di Negeri Sembilan ini boleh menguar-uarkan ya, apa-apa inisiatif Program Pemerkasaan Wanita dan dan YB-YB ADUN sendiri peka dan tahu wanita di kawasan YB memfokuskan program apa. Kalau kita, sebab pada peringkat saya saya buka ruang peluang YB-YB ADUN yang tahu ya, apa program-program yang beri manafaat kepada wanita-wanita di kawasan YB masing-masing. Jadi mohonlah permohonan ini. Ada ya. Ada ruang untuk memohon. Jadi tak adalah isu dikata di di kawasan Lukut tidak ada program ya. Ada. Dan kita ada penyelia di kawasan PD yang menguruskan program-program di setiap Parlimen ya.

Soalan seterusnya iaitu daripada YB ADUN Serting mengenai adakah masih terdapat bantuan C4U. Okey, untuk menjawab persoalan ini, untuk pengetahuan YB ADUN Serting, Bantuan *Care For You* dilaksanakan sejak tahun 2019 masih diteruskan pada tahun 2025 dengan jumlah peruntukan 1.2 juta. Ada tambahan ya tahun lepas RM1.0 juta tahun ini dinaikkan dan jumlahnya 1.2 juta. Terima kasih kerajaan Negeri Sembilan. Peruntukan ini adalah yang tertinggi berbanding peruntukan yang pernah diluluskan sebelum ini, sebanyak 1.0 juta pada tahun 2024. Ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyantuni dan mengurangkan beban kewangan ibu tunggal di bawah kategori miskin dan miskin tegar.

Merujuk isu untuk yang dibangkitkan oleh ADUN Lobak mengenai mohon kerajaan tambah penempatan golongan gelandangan seperti, di rumah RMC iaitu Rumah Minda Ceria. Ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan diteruskan untuk tahun ini juga. Untuk makluman YB ADUN Lobak, Rumah Minda Ceria adalah inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan bermula tahun 2021 bagi mengisi, mengatasi isu-isu penempatan dan pemulihan kepada golongan gelandangan yang dikategorikan memiliki masalah, masalah dari segi keupayaan mental, ketagihan barang terlarang seperti dadah, hidu gam dan alkohol ataupun sakit melarat. Berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993, had maksimum penghuni RMC adalah seramai 16 orang lelaki. Sehingga kini terdapat 8 orang penghuni di RMC yang masih, dan masih terdapat kekosongan. Ada lagi YB Lobak. Jadi jika yang, ada aduan-aduan boleh rujuk kepada pihak JKM untuk pendaftaran.

YB ADUN Lobak: Pilah, mencelah.

YB ADUN Pilah: Ya.

YB ADUN Lobak: Saya dimaklumkan, penuh.

YB ADUN Pilah: Sini, dinyatakan, pengarah menyatakan ada kekosongan. Jadi YB besok, nanti boleh maklum, rujuk Pengarah JKM untuk kemasukan apa ni, penamalah atau insan yang bermasalah itu ya. Jadi keseluruhan program perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian yang diadakan di RMC, dijangka akan mengambil tempoh satu hingga 2 tahun bergantung kepada ketersediaan golongan gelandangan tersebut kembali semula ke komuniti. Sehubungan dengan itu, mana-mana kes yang berkeperluan dan memenuhi salah satu kategori yang dinyatakan di atas boleh ditempatkan di Rumah Minda Ceria. Bagi kategori masalah ketidakupayaan mental pula perlu mendapatkan pengesahan rawatan daripada Kementerian Kesihatan. Pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan penambahan penempatan golongan gelandangan seperti RMC bagi golongan wanita pula yang menepati mana-mana kategori di atas.

Saya menjawab soalan daripada ADUN Paroi mengenai piawaian manakah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan bagi mendefinasikan miskin tegar. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mendefinasikan miskin tegar dan miskin adalah golongan yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah Ringgit Malaysia 1,198.00 bagi satu isi rumah. Ini berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menjadikan panduan kepada semua pegawai JKM dalam menentukan kelayakan penerima bantuan JKM.

Soalan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Labu iaitu kurang tumpuan diberikan kepada kebajikan masyarakat dalam Belanjawan 2025. Ada 3 isu yang dibawa oleh ADUN Labu. Kedua: Sumbangan Keceriaan secara *one off* kepada warga emas perlu dipertimbangkan untuk golongan di bawah umur 65 tahun. Ketiga: berapakah bilangan warga emas yang telah menerima Sumbangan Keceriaan wang, warga emas secara *one off* pada tahun 2024 dan berapakah bilangan pasangan yang menerima sumbangan perkahwinan kali pertama daripada Kerajaan Negeri Sembilan. Untuk menjawab saya nyatakan di sini ya ADUN Labu, Kerajaan Negeri Sembilan tidak mengabaikan rakyat Negeri Sembilan termasuk golongan warga emas, pelbagai inisiatif serta bantuan aspirasi telah dibuka kepada semua yang layak memohon selagi memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga telah memberikan sejumlah peruntukan kepada pusat khidmat bagi tujuan kesejahteraan rakyat. Kerajaan telah sekian lama menyediakan bantuan kepada warga emas yang boleh menampung barang keperluan seperti lampin pakai buang, bantuan kerusi roda yang disediakan kepada warga emas yang layak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kedua, Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan ini dan akan menjalankan kajian lanjut yang sewajarnya. Bagaimanapun, sebarang penambahan jumlah bantuan serta inisiatif Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Negeri Sembilan.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan yang menyelaraskan pemberian *one off* warga emas dan sumbangan perkahwinan kali pertama, berikut adalah maklumat yang di dinyatakan ya, sehingga 31 Oktober 2024 seramai 33,500 jumlah warga emas yang telah menerima bantuan *one off* dengan jumlah pembelajaran sebanyak Ringgit Malaysia 6.7 juta. Manakala, seramai 1,283 orang pemohon telah diluluskan pembayaran bagi inisiatif pasangan yang menerima sumbangan perkahwinan kali pertama daripada Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia 641,500.00. Jumlah pemohon tersebut merangkumi bangsa Melayu, Cina, India serta orang Asli dari julat umur antara 22 tahun hingga ke 35 tahun dari seluruh negeri.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Lukut mengenai mohon Kerajaan Negeri membantu menyediakan kenderaan yang baru bagi PKMD PD kerana kenderaan yang telah uzur. Terima kasih diucapkan kepada keprihatinan YB Lukut terhadap kesukaran petugas JKM Daerah Port Dickson atas kende, akibat kenderaan jabatan yang telah uzur. Kerajaan Negeri dan pihak Exco Kebajikan sentiasa mengambil berat dan sedaya upaya membantu

penjawat awam agar dapat melaksanakan tugas dengan selesa dan selamat demi kepentingan rakyat. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memohon kelulusan menggunakan lebihan peruntukan Bantuan Am bagi perolehan sebuah kenderaan baru bagi kegunaan pusat khidmat masyarakat DUN PD ya, khidmat masyarakat di Port Dickson ya. Ucapan terima kasih kepada Dato' Kewangan Negeri ya, kerana telah meluluskan sejumlah Ringgit Malaysia 133 ribu bagi perolehan kenderaan tersebut. JKM sedang berusaha mengurus proses perolehan kenderaan tersebut dan dijangka akan selesai pertengahan Disember 2024.

Dato' Yang Dipertua, isu yang dibangkitkan seterusnya adalah dari ADUN Sungai Lui iaitu mencadangkan agar Kerajaan Negeri menubuhkan akaun amanah untuk menyelenggara premis Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK). Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) adalah badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. PPDK menyediakan program pemulihan bagi OKU di seluruh Negeri Sembilan. Sehingga kini terdapat 44 buah PPDK yang menjaga pelatih seramai 1,108 pelatih OKU. PPDK menerima geran pengoperasian daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun geran tersebut tidak meliputi bantuan bagi pembaikan premis PPDK. Kerajaan Negeri telah menubuhkan akaun Negeri Sembilan, Akaun Amanah OKU Negeri Sembilan pada tahun 2021 atas cetusan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Punca kuasa bagi penubuhan Akaun Amanah adalah Akaun Amanah Disatukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kerja 1957. Tujuan akaun ini ditubuhkan adalah untuk memperakur, memperakaun dan menyelaras semua terimaan dan perbelanjaan bagi aktiviti, program, pembangunan serta pengurusan orang-orang kurang upaya di Negeri Sembilan. Salah satu program pembangunan OKU di bawah akaun amanah ini adalah bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan OKU bagi pengoperasian, pembaikan dan penyelenggaraan kecil, pembelian peralatan program dan aktiviti dijalankan. Sehubungan dengan itu, peruntukan di bawah akaun Amanah OKU Negeri Sembilan boleh digunakan untuk membantu PPDK bagi membiayai sebahagian kos pembaikan premis-premis yang telah rosak. Permohonan boleh dikemukakan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan selaku jabatan yang bertanggungjawab.

Di sini saya nyatakan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Dato' Kewangan kerana satu inisiatif baru yang kita khususkan untuk OKU Negeri Sembilan iaitu Sentuhan Prihatin OKU dengan nilai Ringgit Malaysia 0.22 juta. 0.22 juta. Betul Dato' ya? Kok salah. 0.22 ribu, haa ya, ini, 222, haa 220 ribu haa okey, maaf, Dato' Yang Dipertua maaf, okey, kang saya silap umum,

bertambah pulak belanjawan nanti ya. Jadi ini adalah salah satu inisiatif baru kita memfokuskan kepada aktiviti program untuk golongan OKU di semua ya, 44 PPDK di Negeri Sembilan. Jadi satu inisiatif baru ini kita dapat, saya harap PPDK dan pelaksana guru-guru dapat menggunakan sebaik mungkin inisiatif ini untuk keperluan pelatih-pelatih OKU Negeri Sembilan. Jadi harapan saya, dah terjawab semuanya ya? Jadi yang menyentuh akaun amanah tadi ya, bantuan boleh diberikan bergantung kepada peruntukan yang ada di dalam akaun memandangkan sumber utama akaun adalah sumbangan daripada pihak swasta, GLC dan syarikat-syarikat korporat dan orang ramai.

Alhamdulillah terjawab semuanya soalan-soalan isu-isu yang dibangkitkan oleh YB-YB ADUN. Harapan saya, pemerkasaan wanita adalah salah satu usaha menyemai keharmonian keluarga, adalah agenda yang telah dilaksanakan di negeri ini di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Sikamat iaitu Menteri Besar. Ini dapat dilihat dengan pelbagai pa, pelbagai program yang telah dijalankan. Dan kita juga dapat melihat figura-figura wanita berada dalam barisan kepimpinan pentadbiran Negeri Sembilan yang telah menunjukkan corak kepimpinan yang berkesan dan proaktif. Kita sedang membangun negeri madani, dengan ini, dengan acuannya tersendiri di bawah Kerajaan Perpaduan melalui pasca perubahan kerajaan sejak 2018 telah membuka sinar baru bagi negeri ini untuk terus menjadi sebuah negeri yang mampan sebaris dengan Selangor dan Pulau Pinang kerana, jangan kerana terleka dengan tingginya pendapatan negeri yang telah melonjak dalam tempoh 5 tahun kita menjadikan kita lalai dan leka. Kepada jabatan dan agensi di bawah portfolio saya, saya harap Portfolio Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ini, *insya-Allah* kita akan bekerja lebih gigih lagi dalam memastikan portfolio ini mencapai objektif dalam mensejahterakan rakyat Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Sama-sama. Yang Berhormat Bahau.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana membenarkan saya untuk menggulung khususnya pada waktu ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Portfolio Industri.

Dato' Yang Dipertua untuk menjawab Yang Berhormat Chennah, pembangunan *Malaysian Vision Valley* 2.0 (MVV 2.0) melibatkan projek pemangkin yang dikenali sebagai Projek *Heartbeat* akan memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan perindustrian bagi meningkatkan pelaburan, melonjakkan ekonomi seterusnya membuka

lebih banyak peluang pekerjaan. Menerusi usaha ini, suka saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri pada masa ini akan membuka dan membangunkan kira-kira 10 kawasan perindustrian baru dengan segmen industri yang telah dikenalpasti bagi menyokong agenda pembangunan MVV 2.0. Pembangunan kawasan perindustrian baharu ini melibatkan Taman Perindustrian Bandar Hamilton, *NS Smart Park, MVV TechValley, Tech Park 3@Enstek, Vision Business Park, Ekar Smart Park, Springhill Industry Park Fasa 3, Sikamat Industrial Park, SPD Tech Valley* dan *NS Semi Conductor Valley*. *NS Semi Conductor Valley* telah pun dilancarkan pada 10 haribulan Oktober yang lalu. Manakala MVV City Parcel B, MVV 2.0 seluas 1,382 ekar akan melibatkan Taman Perindustrian *MVV TechValley* akan disempurnakan Majlis Pecah Tanahnya pada 17 Disember 2024 akan datang.

Dato' Yang Dipertua, terletak di bahagian Selatan Lembah Klang, MVV 2.0 adalah destinasi semula jadi yang strategik untuk menerima impak limpahan Lembah Klang yang berkembang besar. Lokasinya yang bersebelahan dengan pintu masuk antarabangsa negara; Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), serta berdekatan dengan bandar-bandar utama dan pusat-pusat pertumbuhan di Konovasi Nasional menjadikan kawasan seperti Nilai sebagai lokasi yang menarik serta logik bagi pembangunan hab logistik sebagai sokongan kepada industri kawasan Lembah Klang atau serantau.

Dato' Yang Dipertua, untuk itu, *SME Business Park* di Nilai Impian telah dibangunkan penempatan gudang-gudang penyedia logistik di kawasan tersebut. Ini berikutan lokasi dan penetapan projek berkenaan yang berdekatan dengan akses ke Lebuh Raya ELITE, bahkan model projek tersebut yang dibangunkan sebagai sebuah *managed industrial park* pertama di Negeri Sembilan. Dan projek *SME Business Park* ini akan diluaskan dengan pembangunan SME 2, 3 dan 4 melibatkan keluasan 132 ekar. Dan ini mungkin akan dapat menyokong idea bagi pembangunan hab logistik di Nilai.

Selain daripada itu, rangka kerja Inisiatif Pembangunan Kluster Industri di Wilayah Tengah juga menggalakkan integrasi rantaian bekalan serantau dan global dalam merancakkan aktiviti pelaburan menerusi pendekatan model inisiatif bagi mengukuhkan rantaian, rantaian bekalan dengan memanfaatkan industri-industri tumpuan yang telah wujud untuk membina kluster yang baru. Pembentukan identiti kluster industri ini selari dengan agenda negara NIMP 2030. Antara strategi kepada inisiatif ini meliputi pembangunan ekosistem melalui pendekatan promosi pelaburan yang bersasar serta menambah baik infrastruktur dan jaringan logistik. Oleh itu, berdasarkan kepada

perancangan dan usaha yang dirancangkan ini, kita jangka sokongan perindustrian dalam bentuk pembangunan hab logistik akan lebih rancak pada masa datang.

Dato' Yang Dipertua, masa depan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sikamat semakin kukuh dengan adanya sokongan, dokongan daripada Barisan Nasional khususnya Yang Berhormat Exco Kanan dan juga semua rakan-rakan Yang Berhormat, akan bersama mengikut rentak yang telah disusun bersama Yang Amat Berhormat Sikamat. Kepimpinan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat pasti akan memberikan impak yang besar kepada Negeri Sembilan terutamanya dalam sektor ekonomi dan pembangunan kerana Negeri Sembilan hari ini bukan lagi Negeri Sembilan yang dahulu. Kita tidak mudah mahu melabelkan diri kita sebagai *the greater state,* tetapi hari ini kita memang selayak dipanggil *the greater Negeri Sembilan* kerana kita melepasi fasa sukar. Dan hari ini kita menjadi negeri yang semakin kukuh dan mampan. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat yang telah menyusun tapak ekonomi negeri ini dengan baik dan cemerlang. Ini membolehkan negeri ini mencapai sasaran pendapatan negeri Ringgit Malaysia 1.0 bilion menjelang tahun 2030. Saya yakin jika barisan kepimpinan yang ada pada hari ini bekerja bersungguh-sungguh bersama dengan Yang Amat Berhormat Sikamat, impian tersebut pasti tercapai. Sekian, terima kasih.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Bahau. Ahli-ahli Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguh Mesyuarat Dewan dan akan sambung semula pada hari Khamis; 28 November 2024 bersamaan 26 Jamadil Akhir 1446 Hijrah. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 5.40 petang.]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Dato' Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Dato' Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
14.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
15.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
16.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
17.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
18.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
19.	YB Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
20.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
21.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

BIL.	NAMA	KAWASAN
22.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
23.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
24.	YB Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
25.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
26.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
27.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
28.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
29.	YB Dato' Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Haji Kamarol Ridzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.08 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Susunan Mesyuarat, perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Gemencheh.

[YB ADUN Gemencheh telah membacakan doa di bawah Peraturan IX Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan..

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim alhamdulillahi rabbil'alamin wassalatu wassalam'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wabil islami dina, wabi muhammadin nabiya warosula. Alhamdulillah* segala puji bagi Allah Tuhan pencipta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini; 28 November 2024 merupakan hari kelima persidangan.

Di sini saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir pada hari ini kerana tugasan beliau di peringkat Kementerian. Yang Berhormat ADUN Chennah tidak dapat hadir pada hari ini kerana beliau perlu menghadiri sesi penggulungan Kementerian Pengangkutan Malaysia di Dewan Rakyat. ADUN Bahau tidak dapat hadir pada sesi pagi kerana menerima kunjungan Timbalan Menteri Pendidikan di kawasan beliau. Yang Berhormat ADUN Seremban Jaya juga tidak, akan sedikit lewat untuk menyantuni urusan rakyat di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Bahau.

Hadirin sekalian, sebagaimana maklum, sesi penggulungan akan disambung pada hari ini. Seterusnya akan disusuli dengan pembentangan 5 Rang Undang-Undang. Sebagaimana biasa saya ingin menyeru pada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian terima kasih selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kelima)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kelima).

YB Yang Dipertua Dewan: Saya mempersilakan ADUN Lobak.

YB ADUN Lukut: Saya mewakili Lobak untuk menanyakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan loji rawatan kumbahan ataupun STP. Jumlah loji aktif dan rumah pam di bawah seliaan Indah Water Konsortium Negeri Sembilan adalah sebanyak 531 buah seperti mana pecahan mengikut daerah berikut: Seremban – 277, Port Dickson – 78, Jempol – 50, Tampin – 48, Kuala Pilah – 42, Rembau – 26 dan Jelebu – 10. Manakala tapak loji rawatan kumbahan yang telah dirasionalasisi, dirasionalisasikan dan tidak beroperasi adalah sebanyak 53 buah.

Berkaitan dengan perancangan terhadap loji rawatan kumbahan yang tidak berfungsi ini, Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) sedang mengemaskini cadangan hala tuju bagi tapak loji rawatan kumbahan (LRK) yang telah dirasionalisasi ataupun tidak lagi berfungsi sebagai loji kumbahan aktif. Hala tuju ini akan menentukan sama ada tapak loji rawatan kumbahan yang tidak berfungsi ini akan dikekalkan untuk terus diselenggara oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) ataupun dilepaskan semula kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Sungai Lui: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lui di atas pertanyaan. Hanya nak maklum kepada Dewan ini ya, Dato' Dipertua, tentang pendidikan awal kanak-kanak di Negeri Sembilan ni, saya dah jawab sebenarnya soalan daripada Lobak pada hari pertama. Apa pun, kalau YB nak saya teruskan, saya teruskan. Teruskan? Sebab hari pertama saya dah jawab tentang pendidikan awal kanak-kanak. Ini pun pendidikan awal kanak-kanak. Apa pun Yang Berhormat Yang Dipertua, pertanyaan mengenai tabika (Taman Bimbingan Kanak-Kanak) serta taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di negeri ini sama ada kelolaan kerajaan mahupun swasta. Bagi Jabatan ada 3. Satu, yang pertamanya ialah KEMAS, yang kedua ialah Tabika Perpaduan, yang ketiga ialah di bawah prasekolah jabatan, Kementerian Pelajaran dan ada jugak yang daripada swasta Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Daripada tabika Kemas untuk tabika (Taman Bimbing Kanak-Kanak) sebanyak 471 kelas dan taska iaitu Taman Asuhan Kanak-Kanak sebanyak 42 kelas. Bagi Tabika Perpaduan pula, sebanyak 120 buah dan taska sebanyak 2 buah sahaja. Manakala tadika swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di Negeri Sembilan berjumlah 381 buah. Itu jumlah Yang Berhormat yang Dipertua. Dan semua tabika dan taska ni mengikut kurikulum yang telah ditetapkan. Dan pemantauan sentiasa dibuat supaya tabika dan swas, dan jugak taska ni menjalankan operasi mereka dengan anak-anak kita mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan. Tinggal lagi ada juga yang tidak berdaftar dengan kerajaan, itu tak dapat saya jawab pada hari ni. Dato' Dipertua, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya kemukakan soalan nombor 2.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan tanah dan bangunan terbiar. Jumlah pemilik tanah dan bangunan terbiar yang telah difailkan kes mahkamah di Majlis Bandaraya Seremban adalah sebanyak 210 kes. Yang kedua, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menghukum pemilik-pemilik sedemikian yang melepaskan tanah mereka tanpa diselenggara sehingga menimbulkan kacau ganggu.

Pihak PBT selepas menerima aduan atau berdasarkan pemantauan dijalankan, pemilik akan diberikan notis di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan sekiranya pemilik masih tidak mengambil sebarang tindakan berdasarkan kepada notis yang diberikan, maka tindakan undang-undang yang boleh diambil :

- Di bawah Seksyen 74. Bagi kesalahan membiarkan rumah atau bangunan atau tanah atau mana-mana bahagiannya dalam keadaan kotor dan tidak baik atau diliputi tumbuhan-tumbuhan rimbun atau mudarat boleh didenda tidak melebihi 1,000.00 ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya;

- Keduanya di bawah Seksyen 80. PBT boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap seseorang yang melakukan mana-mana kacau ganggu itu bagi menghapuskannya dan juga bagi mendapatkan ganti rugi. Selain itu, tindakan secara terus juga boleh diambil di bawah Seksyen 81, 82 dan 110 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seterusnya, PBT boleh mengambil tindakan untuk membersihkan lot-lot bangunan yang ingkar notis dengan pembersihan dilaksanakan oleh Majlis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan dan segara kos pembersihan akan dicaj kepada pemilik bangunan seperti yang jelas dinyatakan di dalam bawah Akta 171.

Sekiranya notis tidak dipatuhi, pemilik boleh jugak dikenakan tindakan dan didakwa di mahkamah. Pihak Majlis turut memanjangkan perkara ini kepada Pejabat Tanah Dan Daerah bagi tindakan penguatkuasaan Notis 6A dan 8A Kanun Tanah Negara bagi premis yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang, tunggakan cukai tanah yang tinggi kerana kebanyakan rumah-rumah terbiar ini, mereka tidak ada jaga dan juga ada kes di mana tunggakan cukai pun tidak dibayar. Terima kasih.

YB ADUN Temiang: Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan saya adalah kita faham isu ini bukanlah isu yang barulah di mana sejak saya jadi wakil rakyat selalu kita membangkitkan sejak 2008 sehingga sekarang. Jadi saya nampak memang MBS telah pun mengambil usaha seperti menggantung ini *banner* notis di tanah-tanah ataupun bangunan terbiar tersebut. Cuma saya nampak lepas gantung *banner, then* ambil masa yang lama untuk mengambil tindakan mahkamah atau ini fail kes ke mahkamahlah. Tetapi masalah tersebut adalah tanah itu masih dipenuhi dengan pokok-pokok yang tinggi bersemak samun dan MBS tidak mengambil segera, langkah segeralah untuk membersihkan kawasan tersebut. Jadi saya harap ada penambahbaikan ataupun buat

undang-undang baru, dasar baru di mana selepas notis tidak dipatuhi, teruslah pergi bersihkan supaya tidak menimbulkan kacau gangguan kepada jiran-jiran setempat.

YB ADUN NILAI: Okey. Kita menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Temiang di mana tadi saya nyatakan di Majlis Bandaraya Seremban saja ada 248, 210 kes yang telah difailkan di mahkamah dan ini yang difailkan di mahkamah saja. Yang belum diambil tindakan mahkamah itu saya ingat lagi banyaklah. *So* memang ini memberikan masalah dan juga gangguan kepada jiran. Di kawasan saya pun ada, sehingga anai-anai menyerang rumah tersebut dan merosakkan rumah sebelah yang tidak membuat apa-apa kesalahan. Maka kita menyambut baik cadangan dan kita akan cuba untuk melihat tindakan yang lebih tegas boleh dirangka supaya tempoh masa itu boleh disingkatkan dan tindakan undang-undang yang lebih tegas boleh dibawa ke mahkamah, dan kalau boleh tidak diambil tindakan, tindakan yang lebih berat dikenakan supaya isu ini, yang sepertimana yang nyatakan yang lama berlarutan ini, kita boleh meletakkan satu titik noktah. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Johol.

YB ADUN Johol: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Johol, soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan Johol nombor 1 mengenai pegawai masjid. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah menjalankan beberapa program bagi menarik minat calon-calon ataupun pelapis imam di setiap daerah. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti program Isbat yang bertujuan meningkatkan prestasi bacaan Al Quran calon-calon ataupun pelapis-pelapis imam. Program pelapis imam juga dijalankan di daerah-daerah yang menyasarkan golongan remaja bagi tujuan menarik minat dan persediaan pelapis imam di kawasan terutamanya di luar bandar.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga menggalakkan masjid-masjid untuk melantik imam tambahan sebagai langkah persediaan sekiranya imam yang telah dilantik meletakkan jawatan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Johol: Dato' Yang Dipertua, sedikit soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat atas jawapan tadi. Saya ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa agama negeri ya, Jabatan Agama Islam terutamanya pihak berkuasa agama di daerah-daerah sebenarnya supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam hal yang telah bagi

saya dasar di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan itu dah jelas tetapi apa yang saya harapkan ialah di peringkat daerah ini lebih proaktif. Daerah ataupun kawasan wilayah, kami di Johol ada wilayah agama Islam Johol. Jadi peringkat wilayah ataupun peringkat daerah ni akan lebih proaktif selaras dengan apa ni, apa dia panggil, perancangan ataupun kaedah-kaedah yang telah di diguna pakai ataupun telah dirancang oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan sendiri. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya bersetuju dengan cadangan daripada pihak apa, Yang Berhormat Johol atas cadangan yang baik, dan saya juga berharap bahawa pihak PAID, Pegawai Agama Islam Daerah dapat turun ke masjid-masjid bagi melihat sendiri apa yang berlaku di masjid, dan ini juga merupakan satu perkara yang boleh kita tambah baik daripada masa ke semasa dengan pengetahuan pihak PAID itu sendiri untuk kita segerakan apakah keperluan dan tindakan yang perlu diambil di sesuatu masjid *insya-Allah.* Jadi saya berharap pihak PAID akan dapat turun ke masjid-masjid dan memberikan penerangan ataupun bantuan yang sepatutnya dilakukan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Dato' Yang Dipertua soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Serting. Soalan, soalan Serting adalah mengenai pengurusan masjid. Dato' Yang Dipertua, proses pencalonan AJK adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pemilihan Jawatankuasa Masjid Negeri Sembilan Sesi 2025-2027 yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Di dalam garis panduan tersebut, pencalonan AJK yang telah dikemukakan oleh kariah kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam akan disemak sebelum dikemukakan kepada ADUN ataupun Pejabat Menteri Besar untuk pengesahan. Ini, ya, semakan aduan bagi memastikan bahawa mereka kenal siapa yang akan dilantik sebagai pengerusi, setiausaha dan bendahari. Ini bagi memastikan bahawa tidak berlaku ya, tidak berlaku salah guna masjid untuk kepentingan-kepentingan yang tertentu. Seterusnya senarai nama yang telah disahkan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan Mesyuarat MAINS untuk diperakukan sebelum pelantikan dibuat oleh MAINS ya, MAINS tetap yang akhirnya menentukan siapa yang akan jadi pengerusi, setiausaha dan bendahari.

Jawatankuasa Masjid memahami bahawa jawatan yang di, jawatankuasa masjid memahami bahawa jawatan yang disandang oleh mereka adalah bersifat sukarela dan pencalonan mereka juga datangnya dari anak kariah. Justeru setakat ini kerajaan masih belum ada penetapan untuk menyediakan imbuhan secara tetap kepada mereka. Walau bagaimanapun kerajaan menerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ada menyalurkan bantuan *one off* kepada pihak masjid termasuk sagu hati kepada jawatankuasa masjid. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Serting: Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, mengikut kepada sesi yang lepas, pertamanya tiada apa tu, tiada pengesahan daripada ADUN dan juga MB. Lepas tu yang kedua, kalau ikutkan pada sesi-sesi yang lepas, adanya *interview* ataupun temuduga kepada pengerusi yang akan ataupun bakal dilantik. Dan seterusnya saya mohon agar diberikan mandat kepada ahli kariah untuk melantik pengerusi dan juga ahli jawatankuasanya. Kerana, apa yang berlaku dan kita tengok pada hari ini, pelantikan ini kadang-kadang ada di kalangan kariah yang mengatakan bakal pengerusi itu jarang datang ke masjid sebelum ni. Kita tak tahulah, lepas dilantik nanti akan terus berada di masjid selalu. *Wallahua'lam* lah. Tidak tahulah macam mana, dan begitu jugak dalam syarat ataupun kriteria yang disebutkan, tidak memegang jawatan pimpinan dalam politik. Tapi hari ini ataupun realiti yang berlaku sekarang ini, ramai di kalangan orang-orang politik yang berusaha atau sungguh-sungguh untuk mendapatkan jawatan tersebut. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita ya, saya nyatakan tadi bahawa ini adalah jawatan ya, sukarela yang kita katakan bahawa nama pun daripada kariah itu sendiri. Dan kita sedia maklum bahawa kita telah menetapkan bahawa tidak ada orang politik khususnya ketua bahagian, ketua cabang, ketua, apa ketua sekalipun untuk menjadi pimpinan politik. Tetapi kalau yang jawatan kecil setakat ketua kampung, ketua cawangan itu saya rasa kecil saja. Tetapi itu kita harus faham bahawa kadang-kadang dia lebih dihormati oleh masyarakat setempat. Dato' Yang Dipertua, saya juga melihat bahawa soalan tadi, menyatakan bahawa, nak ada, apa lagi? Soalan dia tadi? Pemilihan ya. Kita telah buat dan ada bantahan ketika itu ya, apabila kita lihat bahawa ada yang tak pernah datang masjid pun mengundi ya. Jadi kita rasa bahawa lebih baik nama itu diangkat daripada ahli kariah yang berada di masjid. Yang tak hadir ke masjid selepas dilantik, saya berharap bahawa ini adalah amanah yang besar. Mereka kena mengimarahkan masjid apabila menjadi pengerusi, bendahari dan setiausaha masjid pastinya saya rasa ini juga merupakan satu amanah yang harus mereka dukung untuk memastikan bahawa mereka juga

mengimarahkan masjid apabila mereka memegang jawatan utama di dalam masjid. Dan saya berharap bahawa apabila pelantikan ini dapat dilaksanakan, mereka pastinya akan memikul tanggungjawab ini dengan lebih baik *insya-Allah.* Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Mambau kemukakan soalan pertama. Nombor 1. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, kempen bebas beg plastik. Objektif utama untuk menggalakkan orang awam tidak menggunakan plastik beg di setiap pasar raya dan juga kedai-kedai perniagaan adalah untuk kita mengurangkan penghasilan sisa plastik yang memerlukan jangka masa yang lama untuk proses penguraian sekaligus ia juga menyebabkan pencemaran sisa plastik. Selain daripada itu, kita jugak mahukan menjaga pencemaran alam. Pada masa yang sama, pengurangan beg plastik ini juga akan mengurangkan kos pelupusan sampah yang setiap tahun terpaksa dibebani, dibeban atas bebanan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tiada lagi penggunaan beg plastik sekali guna iaitu *oxo, oxo-degradable* dan juga *photodegradable.* Galakan kepada orang awam untuk membawa beg kitar semula dan bekas makanan mesra alam sendiri semasa membuat pembelian. Keempat, kempen ini jugak adalah bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, pengurusan sisa dan juga kesejahteraan rakyat.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan, kita telah pun mulakan mengadakan hebahan secara serah notis kepada para peniaga. Kempen kesedaran berbentuk video, poster dan juga dipaparkan di media-media sosial. Ketiga: ini jugak telah pun dimak, dimasukkan sebagai salah satu syarat dalam Patil Lesen 2024 dan juga akan dilaksanakan seterusnya. Larangan penggunaan beg plastik sekali guna polistrina, penggunaan penyedut minuman atas permintaan dan larangan penggunaan beg plastik jenis *oxo* atau *photo* kepada semua kategori perniagaan termasuk penjaja akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2025 di mana selama beberapa tempoh masa ini, lebih hampir 2 tahun, kita telah pun mengadakan pelbagai cara kempen untuk memastikan rakyat mematuhi. Dan sudah tiba masanya untuk kita menguatkuasakan dengan mengenakan tindakan yang sewajarnya kepada kedai ataupun pasar raya yang tidak mematuhi syarat tersebut. Kelima: meletakkan syarat supaya peniaga tidak boleh menggunakan beg plastik sekali guna dan juga penyedut minuman plastik. Ianya telah dimasukkan dalam syarat permohonan lesen perniagaan baru dan juga pembaharuan lesen perniagaan. Sesi

libat urat, libat urus bersama pelesen premis makanan, pasar raya dan lain-lain premis perniagaan dengan pengisian mengenai produk biodegradasi dan alternatif bagi menggantikan beg plastik, bekas makanan polistrina dan penyebut, penyedut minuman plastik. Seterusnya serahan dasar kempen bebas beg plastik dan syarat-syarat lesen perniagaan terkini yang mengandungi dengan jelas larangan penggunaan beg plastik tersebut.

Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa beg biodegradasi sahaja yang dibenarkan sebagai penggantian untuk beg plastik. Bukan beg plas, beg yang ditulis dengan perkataan *oxo-degradable* atau *photodegradable*, kerana ini, 2 jenis ini juga adalah di luar digunakan dengan lebih meluas apabila kempen bebas plastik ini dilaksanakan, mereka pindah kepada *oxo* dan *photo.* Dan oxo dengan photo ini adalah jenis beg yang lebih berbahaya. Di mana kedua-dua ini akan menghasilkan *micro-plastic* yang lebih berbahaya kepada semua kehidupan termasuk jugak manusia. Terima kasih.

YB ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jadi terima kasih kepada Nilai. Jadi Dato' Yang Dipertua, kami sering menerima atau dimaklumkan bahawa, bahawa kebanyakan kedai-kedai perniagaan menggunakan *oxo* degradasi untuk menggantikan beg plastik seperti yang dinyatakan oleh Nilai tadi. Dan ia juga tidak dibenarkan kerana menghasilkan *micro-plastic*. Jadi soalan tambahan saya, apakah itu *micro-plastic* dan apa kesannya, apa kesannya kepada kita semua? Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Yang Berhormat Mambau. Terima kasih atas permintaan penjelasan ini sebab ramai orang di luar tidak tahu. Sebab itu ramai, apabila kita ada bebas plastik, mereka dengan, pilih jenis plastik *oxo* dengan *photo*. Dan di Pasar Besar Seremban, di beberapa pasar raya, masih menggunakan jenis ini. Dan *micro-plastic* ini terhasil daripada beg *oxo* dan *photo* yang merupakan kepingan halus ataupun terhasilnya *mikro-plastic* merupakan kepingan halus plastik yang bersaiz kurang daripada 5 milimeter dan hampir-hampir tidak dapat dilihat dengan mata kasar kita. Dan ada di mana-mana sahaja. Dan sangat bahaya kepada semua kehidupan. *Oxo* dengan *photo* ini tidak mengurai sebaliknya akan menghancur menjadi serbuk-serbuk halus. Itu yang dipanggil *mikro-plastic*. Keduanya ia boleh memasuki salur darah dan sistem badan manusia melalui pernafasan. Seterusnya memasuki salur darah dan sistem badan melalui makanan juga. Plastik jenis *oxo* dan *photo* ini yang dibuang merata-rata memasuki kolam sungai dan laut dan juga menghancur dan ia dimakan oleh ikan dan seterusnya ikan itu pula akan dimakan oleh manusia. Maka *micro-plastic* tersebut berpindah ke dalam sistem badan manusia. Memasuki

saluran darah dan menjadi penyebab saluran darah tersumbat seterusnya membawa kepada penyakit strok dan juga beberapa penyakit yang lain. Dan juga menyebabkan penyakit kanser. Ini bukan rekaan tetapi beberapa kajian telah pun membuktikan *mikro-plastic* ini telah wujud di dalam sistem dalaman kita dan juga dalam bahan, barangan makanan seperti ikan dan juga beberapa kehidupan di laut. Maka langkah terbaik dengan jelas adalah kita tidak membekalkan apa-apa plastik dan menggalakkan pengguna, pelanggan membawa beg kain, kertas jaring ataupun beg yang boleh diguna berkali-kali. Ini adalah satu keputusan yang terbaik daripada Kerajaan Negeri untuk demi menjaga alam sekitar dan juga kehidupan termasuk manusia kerana ada beberapa negeri mengenakan caj 20 sen kepada beg plastik tetapi, dan akhirnya setahun mereka dapat mengumpul hampir 28.0 juta menjadi hasil kepada Kerajaan Negeri. Tetapi kita boleh mengambil tindakan tersebut, tetapi akhirnya kita berhadapan dengan bahaya kepada kita kepada pencemaran dan 28.0 juta itu tidak dapat menampung apa bahaya dan juga yang didedah, yang terdedah kepada masyarakat dan juga kepada alam sekitar ni. Sekian terima kasih.

YB ADUN Lukut: Tambah sikit boleh Dato' Yang Dipertua? Lukut. Tambah sikit. Apa yang dimaksudkan oleh Nilai tadi itu, adakah beg plastik ini termasuk juga pada penjaja yang buat bungkus, tapau, yang kecil itu, yang beg plastik tu. Adakah termasuk dalam kawalan ini. Ataupun kita nak galakkan dia pakai kotak plastik yang mereka selalu bungkus tu, adakah dia termasuk dalam Kempen ini? Kotak plastik.

YB ADUN Nilai: Ya. Keputusan ini adalah tertak, termasuk kepada semua jenis perniagaan di mana beg plastik ini adalah beg plastik berwarna merah ataupun apa saja warnalah, yang digunakan sebagai untuk bungkusan. Itu, kita susah untuk mengharamkan semua jenis plastik. Tetapi ini adalah sedikit usaha yang dimulakan pada hari ini supaya yang digunakan sebagai untuk bungkusan itu kita boleh elakkan. Termasuk dalam *license* penjaja jugak dimasukkan, di MPPD, di MBS. Itu adalah salah satu syarat yang sangat jelas dinyatakan. Dan diganti pulak dengan bekas plastik, itu pun tidak dibenarkan jugak. Mereka ada alternatif di mana, yang penjaja yang jual kuih itu yang mereka boleh gunakan beg, *paper bag,* bukan *paper beg*. Apa itu? Bukan bekas pun. Beg, bukan *polystyrene. Polystyrene* pun tidak dibenarkan. Kertas. Yang beg kertas itulah, yang berwarna coklat itu. Itu adalah antara antara alternatif dan di luar untuk kuih pisang, untuk kuih-kuih ini dah digunakan. Kita harap itu dapat diper, dipertambahkan. Kalau daun pisang pun boleh jugalah. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Seri Menanti

YB ADUN Seri Menanti: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama.

YB ADUN Pertang: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua saya bangun bagi menjawab soalan ADUN Seri Menanti berkaitan dengan pewartaan tanah rizab orang Asli di Kampung Langkap. 2 soalan yang dikemukakan kepada saya yakni yang berkaitan dengan pampasan di jalan Guntur – Langkap dan juga pewartaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Seri Menanti dalam Seksyen 11 Akta 134 Akta Orang Asli 1954 ada dinyatakan. Apa yang dinyatakan dalam Seksyen ini ya. Pampasan atas pemberian hak milik tanah kerajaan yang di atasnya tumbuh pokok buah-buahan dan pokok getah. Perkara 11(1) jika sesuatu masyarakat orang Asli boleh membuktikan suatu tuntutan terhadap pokok buah-buahan ataupun pokok getah di atas mana-mana tanah kerajaan yang diberi milik, diberikan, dipajakkan atau apa-apa maksud diduduki buat sementara waktu di bawah lesen atau selamanya dilupuskan maka pampasan sedemikian rupa hendaklah dibayar kepada masyarakat orang Asli sebagaimana yang didapati adil oleh Pihak Berkuasa Negeri. Itu yang di dalam, yang di, tercatat di bawah Akta 134 ini.

Sehubungan dengan itu Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan projek membina jalan penghubung di antara Kampung Guntur ke Langkap, Kuala Pilah, di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Projek ini telah melibatkan sebahagian Kampung Orang Asli Guntur, kawasan hutan simpan dan Kampung Orang Asli Langkap Tanjung yang mana seramai 36 penduduk terkesan, yang melibatkan kebun, kebun getah dan tanaman lain. Projek ini dilaksanakan pada tahun 2021 yakni secara *detail* nya 11 Oktober pada tahun 2021 dan dijangka siap pada Mei 2027. Kerja-kerja pengiraan pokok di Kampung Orang Asli Langkap telah pun dijalankan dan akan diserahkan kepada Jabatan Penilaian Harta untuk ditentukan nilai pampasan yang bakal dibayar. Pokok-pokok tanaman yang terlibat dengan jajaran ini akan dibawa, dibayar, di bawah Seksyen 6 secara Ex *Gratia. Ex Gratia, Ex Gratia , haa pronounce*.

Berkaitan dengan perwataan Kampung Orang Asli Langkap saya dah sebut dalam jawapan saya sebelum ini. Tetapi saya nak *detail* kan khusus untuk Langkap ni ya, pihak, pihak JAKOA ataupun Negeri Sembilan/Melaka telah mengangkat permohonan ini ke ibu pejabat untuk mendapatkan peruntukan kerja-kerja ukur. Selain daripada itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan

permohonan daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Sembilan/Melaka bagi mewartakan tanah kerajaan di Mukim Langkap, Daerah Kuala Pilah seluas lebih kurang 526.11 hektar yakni bersamaan 1,300 ekar pada 6 Disember tahun 1989. Antara syarat yang dikenakan sebelum tindakan perwartaan dilaksanakan adalah pembatalan sebahagian daripada kawasan Rizab Melayu. 1,300 ini masuk dalam kawasan Rizab Melayu. Dan saya telah jelaskan di Dewan yang mulia ini pada hari yang kedua persidangan kalau tak silap, kalau tak silap saya supaya kawasan Rizab Melayu ini dibuat penggantian untuk di kawasan zon yang telah dibenarkan. Semakan semula, saya dapati bahawa sebahagian daripada kawasan penggantian Rizab Melayu ini, yang telah diluluskan oleh MMKNS pada ketika itu, telah pun diberi hak milik dan juga kawasan ini di dalam, di dalam proses untuk kita kenal pasti semula dan juga tindakan penyediaan kertas pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Seri Menanti: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Exco Kanan atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan. Berkenaan dengan pemberian *Ex Gratia* ini sedikit sebanyak memberikan harapan kepada hampir seramai 36 orang penduduk Kampung Orang Asli Langkap yang terkesan akibat projek pembinaan jalan raya tersebut. Persoalan saya ialah adakah Yang Berhormat Exco Kanan dapat memberikan gambaran awal berapakah nilai pampasan yang bakal diterima oleh penduduk yang terlibat dalam projek ini? Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, gambaran awal ni saya tak boleh bagi, pasal ni Dewan, dipegangnya kang, *reporter* ramai kat luar tu. Saya, kang *reporter* di *pick up* nya jawapan saya, saya jawab dengan masyarakat orang Asli Langkap. Tapi saya boleh bagi garis panduan. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN apa, Seri Menanti ya. *Ex-gratia* ni dia bergantung kepada jumlah pokok yang ditanam. Maknanya beberapa pokok yang ditanam, penilaian akan dibuat oleh Jabatan JPPH, kemudian bayaran *ex-gratia* ni bergantung kepada jumlah pokok. Katalah pokok yang saya tanam di atas tanah yang saya tanam ada 20 pokok, penilaian bergantung kepada 20 pokok. Kalau misal kata Pegawai Kewangan Negeri tanam lima pokok je. Takkan nak sama dengan *ex-gratia* yang saya terima. Ini maksud saya.

Saya ambil contoh yang paling baik di Lenggeng. Ni ADUN Lenggeng ni. Ada kawasan orang Asli. Saya tak suruh bangun. Saya tak suruh bangun. Saya buat contoh je. Kerana di Lenggeng ni ada Kampung Asli Asli Jeram Kedah. Dia terlibat dalam projek pembinaan jalan Gagu ke Beranang. 25 masyarakat orang Asli di Jeram Kedah terlibat dalam pampasan ini. Dan KKDW telah memperuntukkan 648,000 ribu tak silap saya, 648,000 ribu jumlah pampasan yang akan dibayar kepada 25

masyarakat orang asli di Kampung Jeram Padang, jeram, Jeram Kedah, Jeram Kedah. Dan setiap, yang daripada 25 ni, Dato' Yang Dipertua, dah terima bayaran. ADUN Lenggeng tak ucap terima kasih pun kepada kerajaan, tak ucap terima kasih pun pada saya.

YB ADUN Lenggeng: Saya nak mengambil kesempatan ni nak ucap terima kasih kepada YB Exco Kanan kerana memberi tumpuan kepada Jeram Kedah.

YB ADUN Pertang: Sudah jolok baru bangkit, sudah terhantuk baru terngadah. Ni masalah kadang-kadang ADUN Lenggeng. Kita bayar berapa Dato' Yang Dipertua, 4,500.00, 4,800.00 sehingga ada yang dapat 76,00.00. Pampasan yang kita bayar. Ini konsep yang kita buat ya. Untuk makluman ADUN Seri Menanti, dan apabila penilaian ni sudah lengkap maka bayaran ni akan dibuat oleh pihak kementerian kepada masyarakat orang Asli. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya mengemukakan soalan nombor 1.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua berkaitan dengan pengangkutan awam dan infrastruktur. Adakah pelan induk Kerajaan Negeri? Secara umumnya Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan melalui Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 atau RSNS telah memberikan penumpuan khusus kepada sektor pengangkutan awam dan juga infrastruktur. Di dalam RSNS ini telah menggariskan dasar berkaitan dengan sistem pengangkutan awam seperti meningkatkan *urban rural link* bagi menambah baik kemudahsampaian antara bandar dan luar bandar bagi menambah baik kemudahsampaian serta memperbaiki mutu dan juga meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam secara menyeluruh ataupun mesra pengguna.

Selain daripada itu, bagi menterjemahkan dasar-dasar ini juga terdapat cadangan-cadangan projek yang diperincikan di dalam dokumen rancangan tempatan di setiap daerah bagi memastikan dasar-dasar ini dapat dicapai. Melalui penyediaan laporan ringkasan projek yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan, setiap cadangan projek yang digariskan itu di dalam rancangan tempatan telah diedarkan secara *pull out* kepada agensi-agensi pelaksana yang berkaitan. Antara cadangan penambahbaikan untuk daerah Seremban dan Port Dickson: terdapat 8 cadangan projek yang bertujuan meningkatkan tahap kemudah sampaian di daerah ini seperti Pembangunan Rangkaian Rel Wilayah, Mewujudkan Sistem Bas BRT

Dan Menambah Laluan Koc, Cadangan Laluan Trem Bandar Seremban Dan Port Dickson. Kedua bagi daerah Jempol pulak terdapat projek cadangan khusus bagi peningkatan pengangkutan awam seperti cadangan laluan kereta api berkembar Gemas – Bahau - Kuantan dan cadangan perkhidmatan bas Daerah Jempol. Ketiga: Daerah Tampin pulak digariskan 12 cadangan projek. Antaranya cadangan zon pembangunan berorientasikan transit atau TOD melalui Pelan Pembangunan TOD Gemas dan Pulau Subang dan membina rangkaian laluan basikal di setiap bandar utama.

Seterusnya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri telah mengambil inisiatif dengan, *sorry,* ini yang untuk kedua. Soalan keduanya adalah berkaitan dengan penggunaan kenderaan elektrik dan juga stesen pengecasan. Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif dengan membentangkan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik ataupun GPP EVCB di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 19 Disember 2023 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan dan bandar desa, Bandar Dan Desa. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyokong agenda dan kerangka Ekonomi Madani selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mencapai sasaran sebanyak 10,000 petak pengecasan kenderaan elektrik di seluruh negara pada tahun 2025.

Garis panduan ini membantu Pihak Berkuasa untuk negeri dan juga PBT serta semua pihak yang berkaitan ataupun semua agensi kerajaan dalam mengawal pembangunan khususnya penyediaan Pelan Pembangunan bagi pertimbangan permohonan Kebenaran Merancang, pelan bangunan atau permit pembinaan bagi petak pengecasan kenderaan elektrik di Negeri Sembilan. Dengan adanya GPP ini, ianya akan memudahcara permohonan pembinaan EVCB di setiap kawasan pembangunan baru dan kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan 300 unit ataupun tapak pengecasan kenderaan elektrik ini menjelang tahun 2025. Setakat ini, yang telah dibuat, dan telah diluluskan KM adalah lebih kurang dalam lingkungan 128. Maka ini akan membantu untuk kita, GPP ini akan membantu untuk meningkatkan ataupun mencapai sasaran kita untuk mencapai 300 petak pengecasan menjelang tahun 2025. Sekian, terima kasih.

YB ADUN Rahang: Dato' yang per, Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan atas penyedia pelan induk pengangkutan awam dan sudah pasti ia akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan, apakah perancangan jangka pendek untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Negeri Sembilan menggunakan pengangkutan awam. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, memang betul, sepertimana yang tadi saya nyatakan, ini adalah satu pelan induk Kerajaan Negeri yang secara menyeluruh dan juga perlaksanaannya telah pun diberikan, dipanjangkan kepada beberapa agensi kerajaan untuk dilaksanakan. Dan perlaksanaan pelan induk ini akan mengambil satu tempoh masa yang lama. Maka usaha kita untuk memastikan lebih ramai masyarakat di Negeri Sembilan menggunakan pengangkutan awam, kita ada, sedia ada kita ada 2 sistem pengangkutan awam darat yang tersedia di Negeri Sembilan iaitu perkhidmatan kereta api yang mempunyai 2 jenis perkhidmatan iaitu KTM Komuter bagi jajaran Batu Caves - Pulau Sebang dan KTM *Intercity* yang menghubungkan JB Sentral ke Tumpat melalui Gemas, Train ke Timur, Tumpat, JB Sentral melalui Gemas Train ke Selatan. Ini adalah 2 perkhidmatan di bawah KTM. Manakala bagi perkhidmatan bas awam terdiri daripada perkhidmatan bas henti-henti.

Bagi perkhidmatan bas, *sorry,* bagi perkhidmatan kereta api, untuk tempoh masa pendek ini melalui Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pengangkutan telah pun, telah dan sedang melaksanakan projek menaik taraf landasan berkembar elektrik Lembah Klang (KVDT 2) dari Salak Selatan ke Seremban yang sedang dilaksanakan. Landasan dari arah Salak Selatan ke Seremban sudah siap dan dalam proses penyerahan kepada KTM. Dari Seremban ke Salak pulak, akan mengambil masa lebih kurang 18 bulan untuk *complete* kan laluan kedua-dua arah daripada Salak Selatan ke Seremban. Masa kini memang tempoh untuk sampai daripada, daripada Seremban sampai ke Kuala Lumpur, mengambil masa yang lama kerana perlaksanaan projek KVDT 2 dan satu landasan itu telah ditutup. Maka dua-dua arah kini menggunakan satu landasan sahaja. Sebab itu mengambil masa yang lama khususnya dari Seremban ke Kuala Lumpur. Dengan siapnya kedua-dua arah ini dalam masa satu setengah tahun ataupun 2 tahun ini trek yang baru akan membolehkan komuter itu akan sampai dengan lebih cepat dan juga tempoh masa tersebut dapat dikurangkan. Dan ia akan membantu lebih ramai masyarakat di Negeri Sembilan yang bekerja di Lembah Klang dapat menggunakan pengangkutan awam kereta api ini ataupun komuter.

Bagi Perkhidmatan bas awam, ia di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan, perkhidmatan BAS.my Seremban telah diperkenalkan dan 100 bas baru termasuk beberapa bas EV telah pun memulakan perkhidmatan secara keseluruhan dalam bulan November ini. Dan ini, perkhidmatan BAS.my ini meliputi koridor Seremban, Nilai, Port Dickson, Kuala Klawang, Tampin dan Kuala Pilah, Bahau dan hampir seluruh kawasan ataupun daerah di Negeri Sembilan ini telah pun

meliput meliputi dalam perkhidmatan bas henti, bas henti-henti ini. Dan beberapa inisiatif baru yang telah diumumkan seperti kad konsesi iaitu tambang percuma kepada warga emas, kepada OKU dan juga pelajar daripada sekolah rendah sampai universiti jugak akan menggalakkan lebih ramai orang akan menggunakan perkhidmatan bas henti-henti di seluruh Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput ADUN Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Kota kemukakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih. Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Kota. Soalan ADUN Kota berkenaan longkang di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Selia Selenggara. Dato' Yang Dipertua jalan Seremban Tampin merupakan Jalan Persekutuan FT001 dan termasuk dalam skop pihak konsesi Selia Selenggara adalah kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang di jalan tersebut pada masa ini pihak Selia Selenggara melaksanakan kerja-kerja selenggaraan longkang dengan baik ya. ini jawapan daripada JKR lah. Serta mengikut spesifikasi sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak. Sebarang ketidakpatuhan kepada spesifikasi penyelenggaraan tersebut adalah melanggari perjanjian kontrak dan boleh mengakibatkan pemotongan bayaran bulanan. Walau bagaimanapun terdapat keperluan untuk menaik taraf longkang tepi jalan sedia ada yang telah dibina sekian lama akibat daripada pembangunan kawasan sekitar dan memohon, permohonan naik taraf sejumlah 6.0 juta telah diangkat untuk kelulusan secara *one off* ke Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2025 ya.

Tetapi untuk makluman Dewan juga, kita sedia maklum kali ini semua soalan tertumpu kepada ke konsesi konsesi Selia Selenggara dan isu penyelenggaraan ya, penyelenggaraan jalan ya, dan juga isu lampu sedia ada yang tidak berfungsi. Jadi saya berharap bahawa JKR dan Selia Selenggara memberikan keutamaan kerana saya lihat pada persidangan kali ini ketidakpuasan hati mengenai prestasi konsesi Selia Selenggara dan isu-isu mengenai lampu jalan merupakan satu yang sentiasa daripada hari pertama sehingga hari ini dibincangkan. Jadi saya berharap bahawa ini harus diberikan keutamaan selepas ini. Dan saya berharap pada persidangan akan datang isu seperti ini tidak berulang.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri juga telah memohon menaik taraf pada RP5 kepada, oleh JKR Negeri Sembilan untuk kelulusan dan kita sedia maklum kajian, skop kajian sahaja dari Sungai Gadut ke Pedas ya, meliputi 9 kilometer meliputi kerja-kerja kajian, *design* dan pelan pengambilan tanah sedang dijalankan. *Insya-Allah* kita lihat

perkembangan daripada masa ke semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: *Assalamualaikum WBT.* Soalan nombor 1.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, soalan ini semalam saya sudah pun jawab dalam penggulungan, tapi saya tambah sedikit berkaitan dengan penyelenggaraan pokok. Kerja-kerja penyelanggaraan pokok berisiko dilaksanakan dari masa ke semasa. Ia menja, melibatkan kerja-kerja secara *one off*, berkala dan juga secara terus melibatkan beberapa tempat. Bagi Jalan Persekutuan selaras dengan peruntukan Seksyen 101 (b) dan (c) dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976, pihak PBT mempunyai kuasa bagi menanam, memangkas atau membuang pokok. Manakala selaras dengan surat Ketua Pengarah JKR kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, pihak JKR akan mendapatkan kerjasama pihak PBT untuk membantu melaksanakan penyeleng, penyenggaraan pokok di Kawasan-kawasan *reserve* jalan.

Penyenggaraan pokok-pokok liar yang berisiko di Jalan Persekutuan, pihak JKR telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Cawangan Senggara Fasiliti Jalan JKR Malaysia pada 30 September 2024 berjumlah 4.7 juta Ringgit Malaysia. Manakala sejumlah 10.4 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2024 kepada pihak JKR, PBT dan juga Pejabat Daerah untuk membuat cantasan pokok merbahaya menggunakan peruntukan MARRIS. Sebab itu hari ni kalau kita lihat di luar, yang sebelum ini ada banyak kes pokok tumbang, walaupun kini ada, bukan kita menafikan, tetapi banyak pokok-pokok yang besar, yang berbahaya, yang tinggi telah dan juga sedang dipotong, dicantas oleh beberapa agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, JKR dan juga Pejabat Daerah. Kita harap tindakan ini bukan sekali sahaja tetapi tindakan ini kita ambil secara berterusan untuk memastikan pokok-pokok yang berbahaya terutamanya yang berada di sebelah jalan-jalan dapat diambil tindakan. Dan juga kita mahukan tidak ada apa-apa insiden yang meragut nyawa yang sebelum ini berlaku, tidak akan berulang lagi di kawasan, di kawasan Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Paroi: Sedikit celahan. Soalan saya, benarkan dakwaan pokok tepi jalan yang berada di tanah persendirian bukan tanggungjawab ya, PBT tetapi tanggungjawab pemilik tanah walaupun ia berisiko kepada pengguna jalan raya itu? Apa tindakan yang, yang perlu kita ambillah di peringkat kerajaan? Yang keduanya, apa pelan mitigasi jangka pendek, jangka panjang kerajaan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya berkaitan risiko pokok tumbang. Itu

mungkin ada jawab, adakah kerajaan bekerjasama dengan pakar *arboriculture* untuk memastikan pokok-pokok yang berisiko dikenal pastilah. Maknanya *arborist* ni adalah pakar kesan pokok sakit dan pokok dan macam doktor, doktor pokoklah ya. Apakah kaedah pemantauan berasaskan teknologi atau peralatan terkini pemantauan pokok-pokok di, lebih-lebih lagi kita dah jadi Majlis Bandaraya? Wallahua'lam.

YB ADUN Nilai: Soalan apa? Saya pun sudah lupalah. Soalan pertama apa haa? Tadi soalan? [percakapan YB ADUN Paroi secara *off mic*]. Okey dakwaan, okey, di mana ada jugak kawasan jalan yang sebelahnya adalah tanah milik individu. Di mana ada, jika ada sebarang pokok di dalam kawasan tanah milik individu itu adalah tanggungjawab pihak individu tersebut. Tetapi itu bukan bermaksud bahawa kita menolak semua isu tersebut kepada pihak individu pemilik tanah tersebut. Tetapi kita telah pun mengambil tindakan di mana pihak-pihak, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenal pasti, bukan akan, sebelum ini beberapa mesyuarat telah dilaksanakan dan kita telah pun mengambil satu keputusan di mana kita akan mengenal pasti beberapa pokok berbahaya di tepi jalan di dalam kawasan individu ataupun milik sendiri, diberikan notis. Kalau dalam satu tempoh masa itu notis itu tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan dan seperti sama jugak seperti rumah yang tidak diuruskan dengan baik, kita akan mengambil tindakan dan kos tersebut kita akan menuntut kepada pemilik tanah tersebut. Itu adalah tindakan yang kita ambil. Dan kita bukan mengelak sepertimana yang didakwa tadi. Itu yang pertama.

Yang kedua saya sudah pun menjawab. Soalan ketiga berkaitan dengan *arborist* iaitu pakar penjagaan pokok. Sama jugak, mesyuarat pada 2 bulan lepas, kita telah pun memintak kepada Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan untuk merujuk kepada pakar tersebut ataupun kita, wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan menghadiri beberapa latihan, *sorry,* latihan, seminar ataupun beberapa bengkel yang dianjurkan. Memang ada, di bawah KPKT ada usaha tersebut dilaksanakan maka walaupun kita tidak sehebat pakar tersebut tetapi *at least* kita ada pegawai-pegawai kita sendiri yang boleh menilai beberapa pokok-pokok yang berbahaya dan kita ambil tindakan yang sewajarnya supaya ia tidak memberikan sebarang ancaman kepada pengguna jalan ataupun masyarakat awam. Sekian terima kasih.

YB ADUN Temiang: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan boleh? YB Exco soalan tambahan. Di mana tentang penyelenggaraan pokok ini kita sering mendapat aduanlah di mana penduduk-penduduk membuat aduan supaya, kepada pihak PBT untuk tebang pokok-pokok yang

merbahaya, membahayakan orang ramailah. Tetapi kadang-kadang PBT yang ambil masa lama dan penduduk-penduduk tersebut telah mengambil tindakan sendiri. Maksudnya dia kena, dia potong sendirilah dan dikenakan kompaun oleh PBT. Jadi kes-kes ini boleh timbang rasalah mohon pengecualian dengan kompaun tersebut.

YB ADUN Nilai: Okey, kita mengambil maklum berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Temiang. Memang satu isu yang kita berhadapan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan ataupun di peringkat Majlis Bandaraya Seremban ini. Bukan satu, bukan dua pokok, banyak pokok yang terlibat, sebab itu kita memerlukan sedikit masa. Dan kalau pokok-pokok yang diambil tindakan sendiri oleh pemilik tersebut, kalau dikenakan kompaun, kita boleh diberi, dibawak dan kita akan mempertimbangkannya supaya kalau betul-betul pokok itu adalah pokok yang berbahaya, tetapi ada jugak di tempat di mana pokok tu tak tinggi pun. Pokok itu tak berbahaya pun. Itu pokok adalah ditanam oleh pihak pemaju dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi untuk kepentingan dan juga untuk beberapa faktor tertentu oleh pemilik rumah, mereka memotong pokok tersebut. Itu pun ada. *So* kita akan mempertimbangkan kalau pokok itu memang berbahaya, kita akan cubalah untuk menyelesaikan masalah masalah ini secara harmoni. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada YB Lenggeng di atas soalan yang berkaitan dengan TVET ya. Walaupun semalam saya dah gulung banyak, penggulungan semalam tentang TVET ni. Apa pun hari ini Yang Berhormat bertanyakan tentang peningkatan macam mana nak promosikan di kalangan belia khususnya dalam sektor pertanian dan jugak teknologi tinggi di DUN Lenggeng. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di peringkat sekolah kita dah mula promosikan mata pelajaran TVET ni khususnya dalam pertanian. Saya nak maklumkan di sini untuk makluman YB Lenggeng, kita ada lebih kurang 14 sekolah ya, dalam Negeri Sembilan yang dah ada pun mata pelajaran pertanian ni. Yang pertama SMK Teriang Hilir, ni untuk makluman Dewan lah, rakan-rakan Yang Berhormat boleh, *so that* Yang Berhormat semua tahu ya di kawasan masing-masing ada sekolah-sekolah yang terlibat dengan mata pelajaran pertanian ni. SMK Teriang Hilir, SMK Lui Barat, SMK Alam Beraja, SMK ni, semua felda ni, SMK Bandar Baru Serting, SMK Pasoh, SMK Jelai, SMK Undang Rembau, SMK

Dato Mohd Said, SMK Tuanku Ampuan Najihah, SMK Taman Semarak, SMK Warisan Puteri, SMK Bandar Seri Sendayan, SMK Dato Mohd Taha dan juga SMK Tuanku Syed Idrus. Jadi ini mata pelajaran ni ada di sekolah-sekolah ni, kalau Yang Berhormat Lenggeng di kawasan Lenggeng dia ada 2 sekolah menengah tapi tak ada mata pelajaran ni. SMK Panchor dan juga SMK Dato Klana Putra. Apa pun kalau Yang Berhormat ingin supaya mata pelajaran diajar di kawasan Lenggeng, saya akan cadangkan kepada jabatan ataupun kementerian untuk 2 sekolah yang ada dalam kawasan DUN Lenggeng ini iaitu SMK Panchor Jaya dan jugak SMK Dato' Klana Putra ini supaya kita dapat bawa mata pelajaran TVET pertanian dan teknologi pertanian ni ke kawasan Yang Berhormat lah. Tertakluk kepada kelulusanlah mengikut keperluan guru dan peralatan dan sebagainya.

Selain daripada itu Yang Berhormat, dalam pendidikan vokasional menengah atas ataupun PVMA, pelajar juga mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2 dan berpeluang menyambut, menyambung pelajaran mereka ke tahap lebih tinggi ataupun diploma ataupun ijazah ya. Yang sekolah yang terlibat ya, dalam menawarkan mata pelajaran Juruteknik Tanaman dan Pendidikan Vokasional Menengah Atas ni ialah SMK Undang Jelebu dan jugak SMK Undang Rembau. Ni untuk makluman rakan-rakan Yang Berhormat lah.

Kolej Vokasional Dato Lela Maharaja juga menawarkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Sijil Kemahiran Malaysia serta peluang menyambung pelajaran dalam bidang pertanian Diploma Pertanian iaitu yang merangkumi Hortikultur, Akuakultur, Landskap, Agroindustri Tanaman, Teknologi Mekanisasi Agro, Agroindustri Ternakan Poltri Dan Agroindustri Ternakan Ruminan. Jadi itu antara subjek-subjek TVET pertanian yang kita ajarkan di sekolah-sekolah.

Dan soalan Yang Berhormat tentang macam mana nak promosikan di kalangan belia, saya akan bincang dengan Yang Berhormat Exco Belia supaya semua kursus-kursus yang terlibat dengan pertanian ataupun teknologi tinggi ini dapat kita uar-uarkan kepada persatuan-persatuan belia yang ada dalam Negeri Sembilan. Dan semalam pun kita mintak rakan-rakan Yang Berhormat untuk menguar-uarkan ya, tentang program-program TVET khususnya yang yang ada dalam, di bawah kolej yayasan, Kolej Yayasan Negeri Sembilan di Kuala Pilah tu. Dan jugak di kolej-kolej lain yang banyak ada di Negeri Sembilan ini. Walaupun di bawah, bukan di bawah Kerajaan Negeri tapi sebenarnya Negeri Sembilan banyak institusi TVET aa termasuk yang berkemahiran tinggi seperti Kolej Kemahiran MARA di Rembau, IKBN dan tidak ketinggalan jugalah Kolej Politeknik PD dan Nilai yang sepertimana

yang saya sebutkan dalam jawapan saya semalam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lenggeng: Soalan tambahan Yang Berhormat Senaling, Exco. Boleh ke kita aa panggil institusi-institusi ini dan contohnya Kolej Yayasan Negeri Sembilan ni masuk ke sekolah-sekolah untuk bagi tujuan mempromosi TVET-TVET yang ada di kawasan masing-masing?

YB ADUN Senaling: Terima kasih Yang Berhormat. Tak ada, tak ada halangan rasa saya sebab Kolej KYNS ni bawah, pengerusinya Dato' Dato' PKN kita YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Dan saya rasa semua boleh rundinglah. *Insya-Allah* YB ya. Dato' PKN kata panggil je kita akan datang ke ke sekolahlah untuk beri penerangan. Memang banyak ni kursus yang ditawarkan dan memang menjadi satu sasaran kepada anak-anak lepasan SPM sekarang ni untuk mengambil bidang TVET sepertimana saya sebut, yang YB sebut semalam para pelajar-pelajar yang kurang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Tapi hari ni TVET bukanlah hanya kepada kurang cemerlang tetapi juga kepada yang cemerlang pun kerana ia sebagai satu pilihan hari ni iaitu untuk mendapatkan kemahiran. Terima kasih YB.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor 1.

YB ADUN Repah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Terima kasih kepada Gemencheh yang bertanyakan isu pencemaran sungai. Dato' Yang Dipertua, Merujuk kepada kes pencemaran sungai di Kampung Gedok, Gemencheh, pihak Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan telah memulakan siasatan dan sampel air sungai telah diambil. Sekiranya pencemaran telah berlaku akibat daripada pelepasan bahan tercemar ke dalam sungai, maka pelaku telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 7A (1) Akta Air 1920 dibaca bersama dengan Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 yang mana sekiranya pelaku didapati bersalah, pelaku boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi 500 ribu ringgit atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7A(11) Akta Air 1920 dibaca bersama dengan Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007.

Berkenaan pelan jangka panjang, pihak Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan dalam mengatasi kes pencemaran air mentah terutamanya melibatkan sektor perindustrian, berikut adalah perancangan dan dalam tindakan pihak Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan:

- Pertama: Melengkapkan makmal dalaman Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan supaya pemantauan kualiti air sungai dapat dilaksanakan dengan lebih efisien pada masa hadapan.

- Kedua: Penyediaan draf undang-undang bagi menggantikan Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 supaya skop perundangan melibatkan pengurusan air mentah, pemantauan kualiti air mentah dan tindakan penguatkuasaan adalah lebih meluas dan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien pada masa hadapan.

- Ketiga: Perancangan menyediakan Garis Panduan Parameter Air Mentah Negeri Sembilan yang baru bersesuaian dengan peredaran masa, trend perindustrian dan kes pencemaran yang berlaku pada masa kini.

- Dan keempat: Perlaksanaan Jawatankuasa Pemantauan Dan Penguatkuasaan Negeri Sembilan bagi tujuan memperkasakan tindakan undang, tindakan pemantauan, persediaan, respon dan pemulihan bagi kes-kes pencemaran sumber air mentah yang berlaku secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi kerajaan di Negeri Sembilan.

Manakala melalui semakan rekod di dalam Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan pula, terdapat aduan pencemaran di kilang kelapa sawit Gedok Mas (KKS Gedok Mas). Susulan aduan pencemaran sungai tersebut, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan dan telah menjalankan persampelan pelepasan akhir di takat pelepasan akhir di premis sebelum memasuki sungai dan mendapati pelepasan tersebut mematuhi had yang telah ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

Perancangan jangka pendek JAS Negeri Sembilan telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 bagi mengarahkan premis untuk menjalankan kerja-kerja penyingkiran enapcemar bagi semua kolam pengolahan efluen yang dibina dipremis bagi memastikan sistem rawatan air efluen berfungsi dengan baik dan berkesan serta tidak mencemarkan sungai berhampiran.

Perancangan jangka panjang pula, JAS Negeri Sembilan akan meneruskan pemeriksaan secara berkala di premis tersebut bagi

memastikan Notis Arahan yang dikeluarkan oleh jabatan dan semua syarat lesen di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 yang ditetapkan adalah dipatuhi dan diambil tindakan serta-merta.

Selain dari itu, JAS Negeri Sembilan juga meneruskan rondaan di kawasan aduan bagi memastikan tiada kejadian pencemaran sungai berlaku di kampung, lagi di Kampung Gedok dan juga air sungai kuning. Namun, JAS Negeri Sembilan juga mendapati terdapat beberapa aktiviti lain yang melibatkan penternakan ayam, lembu dan kambing sepanjang sungai yang berpotensi menyebabkan pencemaran sungai dan juga menyebabkan kacau gambu, kacau ganggu kepada habitat dalam sungai.

Jadi untuk makluman juga, bagi kes-kes melibatkan penternakan dan juga penternakan seperti ayam dan lembu aduan perlulah disalurkan kepada Jabatan Veterinar supaya mereka juga mengambil maklum berkenaan isu ini dan seterusnya apa-apa bidang kuasa di bawah mereka perlu dibuat dengan baiklah supaya kita dapat elak pencemaran sungai tersebut. Selain dari itu, kalau kita lihat untuk kelapa, kilang kelapa sawit sebenarnya JAS mempunyai bidang kuasa untuk penguatkuasaan sahaja. Sekiranya terdapat air daripada kilang tersebut dilepaskan ke dalam sungai yang membolehkan pencemaran berlaku maka penguatkuasaannya adalah mengikut akta-akta yang diperuntukkan di bawah JAS. Apa yang kita cadangkan adalah kilang kelapa sawit sepatutnya mereka mempunyai satu *treatment plan* dan juga ditambah dengan satu kolam *detention* supaya sebelum air ni dilepaskan ke dalam sungai, air daripada kolam *detention* itu boleh dianalisa sebelum dilepaskan ke dalam sungai. Jadi ini adalah satu perkara yang perlu diambil oleh kilang kelapa sawit supaya kejadian ini tidak berulang di masa hadapan. Dan semua jabatan yang berkaitan boleh mengambil sampel untuk tujuan analisa dan seterusnya jika ada parameter tidak dipatuhi, tindakan boleh diambil terhadap kilang tersebut. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Soalan daripada Rantau.

YB ADUN Paroi: Boleh mencelah sikit tak? Berkenaan dengan, okey, Yang Berhormat Exco lah, semalam apabila penggulungan yang berkenaan dengan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, berkenaan *ergonomic* itu tidak dijawablah. Saya rasa dah 2 kali soalan ini saya adukan dalam Dewan, sesi lepas pun ada jugak. Dan sesi ini semalam pun saya pun baru tengok benda itu tidak dijawablah.

YB ADUN Repah: Terima kasih saya rasa ini bukan soalan tambahan berkaitan dengan tajuk pada hari ini. Walau bagaimanapun berkaitan dengan soalan berkenaan dengan *ergonomic* itu saya kan jawab secara lisan, secara bertulis kepada ADUN Paroi lah. Terima kasih.

YB ADUN Kota: Dato' Yang Dipertua, boleh mohon izin untuk saya mewakili Rantau. Kota. Soalan nombor 1. Terima kasih Dato'.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Kota yang mewakili ADUN Rantau. Soalan berhubung dengan meningkatkan sumber hasil. Dato' Yang Dipertua, Pemulihan ekonomi dunia pasca pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang positif kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sembilan. Momentum pertumbuhan ekonomi telah berlaku secara berterusan, di mana KDNK Negeri telah mencapai pertumbuhan positif pada tahun 2021, iaitu pada paras 3.1%. Daya tahan ekonomi yang kukuh dan stabil turut men, diterjemahkan kepada tingkatan KDNK yang lebih baik pada tahun 2022 iaitu berjumlah 50.9 billion dan bertumbuh sebanyak 6.6% melepasi tingkat KDNK semasa pra-krisis. Pada tahun 2023, KDNK Negeri Sembilan mencatat nilai ditambah 51.9 bilion, meningkat 1.8% berbanding tahun sebelumnya, dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Situasi pemulihan ekonomi yang memberangsangkan ini menunjukkan keberkesanan intervensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk merangsang aktiviti ekonomi.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah melaksanakan Kajian Pembinaan Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan penyediaan Dokumen Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan tersebut, penjanaan hasil Kerajaan Negeri kepada komponen Hasil Bukan Cukai perlu dipertingkatkan bagi mengimbangi kutipan daripada Hasil Cukai. Tumpuan kepada Hasil Bukan Cukai dicadangkan berdasarkan kepada dua pertimbangan.

Analisis kajian mendapati keupayaan Hasil Bukan Cukai dalam menjana nilai KDNK adalah lebih tinggi berbanding Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kedua-dua, hasil bukan cukai bersifat dinamik dan berkolaborasi dengan prestasi ekonomi negeri berbanding dengan Hasil Cukai yang lebih bersifat statik. Justeru, berdasarkan analisis dan kedudukan semasa ekonomi Negeri Sembilan, terdapat beberapa bidang potensi meningkatkan kutipan hasil antaranya transformasi komoditi air serta pengenalan caj perkhidmatan yang menjurus ke arah kelestarian ekonomi.

- Transformasi Sumber Air sebagai Komoditi Perniagaan. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2024, BKSA telah membuat semakan semula ke atas kadar caj air laut dan Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan kenaikan caj air laut daripada 1 sen/m^3 kepada 3sen/m^3. Sehingga 6 November 2024, kutipan caj air laut adalah sebanyak 21.689 juta ringgit.

  Selain itu, BKSA juga telah mengenakan caj yang baru iaitu Caj Struktur atas biadan, atas badan Perairan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024. Sehingga 6 November 2024, kutipan Caj Struktur atas badan Perairan adalah sebanyak 19.82 juta ringgit.

- Pengenalan caj perkhidmatan yang menjurus ke arah kelestarian ekonomi. Selain itu, pelbagai bentuk caj baharu yang menjurus kepada kelestarian pembangunan ekonomi boleh diperkenalkan kepada sektor ekonomi bagi memastikan penggunaan sumber yang cekap. Oleh itu, transformasi kepada kualiti perkhidmatan berkenaan alam semula jadi akan ditambah baik selaras bagi menyokong usaha melestarikan alam sekitar.

  Selaras dengan peruntukan Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKN) pada 18 Oktober 2023 telah bersetuju dengan pelaksanaan Caj Pemajuan bermula 1 Januari 2024 di peringkat PBT Negeri Sembilan. Mesyuarat telah bersetuju agar 20% daripada hasil kutipan Caj Pemajuan yang diterima di PBT dicarum kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Caj Pemajuan ini sebahagiannya dijadikan hasil PBT serta akan dibelanjakan oleh PBT bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan masyarakat. Kutipan Caj Pemajuan yang dilevi ini secara tidak langsung akan mengimbangi peruntukan pembangunan negeri dan juga peruntukan yang disalurkan kepada PBT di Negeri Sembilan untuk tahun-tahun perancangan berikutnya.

  Selain itu, bayaran perkhidmatan ekosistem akan dikaji semula bagi menampung kos penyelenggaraan kemudahan awam serta menambah baik program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan biodiversiti. Justeru, bagi mencapai matlamat penggunaan, pengurusan hutan dan biodiversiti secara mampan, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah selesai mengkaji semula Kaedah-Kaedah Hutan dan sedang mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mengenakan caj bayaran berkaitan ekopelancongan iaitu fi, iaitu Fi Konservasi Taman Eko Rimba. Caj bayaran sebanyak 3.00 ringgit untuk warganegara dan 6.00 ringgit untuk bukan warganegara serta dikecualikan bayaran untuk kanak-

kanak di bawah 12 tahun, warga emas dan orang kurang upaya. Caj bayaran Fi ini akan dilaksanakan secara berperingkat di Taman Eko Rimba terpilih setelah Kaedah Hutan selesai diwartakan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga menyusun beberapa strategi dan langkah tambahan dalam memastikan sumber hasil Kerajaan Negeri dapat ditingkatkan terutamanya daripada aspek hasil tanah. Antara langkah dan strategi yang telah diambil adalah:

- Pertama, memudahkan perniagaan (*ease of doing business*) di Negeri Sembilan dengan memberi keutamaan dan mempercepatkan proses permohonan berkaitan tanah yang berimpak tinggi oleh pihak berkepentingan. Langkah ini bukan sahaja dapat mempercepatkan pembangunan projek di Negeri Sembilan malah dapat memberi pulangan hasil premium yang, tanah yang tinggi kepada Kerajaan Negeri. Langkah ini seterusnya disambut dengan pelaksanaan pemodenan sistem pengurusan permohonan tanah menggunakan sistem eMMK yang membantu Kerajaan Negeri membuat keputusan permohonan tanah dengan lebih pantas sekaligus membantu mempercepatkan kutipan hasil premium tanah kepada Kerajaan Negeri.

- Strategi kedua ialah melaksanakan semakan cukai tanah. Satu kajian yang menyeluruh telah dibuat ke atas jadual kasar cukai tanah dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Sembilan (Semakan Cukai 2006) 2005 [N.S.P.U.7/2005] yang tidak pernah dibuat semakan menyeluruh hampir 20 tahun sejak tahun 2006. Sekiranya semakan ini berjaya dilaksanakan pada tahun 2024, kutipan cukai tanah semasa bagi tahun 2025 dijangka bertambah kepada 407 juta ringgit.

- Strategi ketiga, adalah pelaksanaan pelan komunikasi melalui pendigitalan dan pemerkasaan promosi kutipan cukai tanah semasa dan tunggakan cukai tanah. Antara langkah yang telah dan akan dirancang untuk meningkatkan kutipan hasil tanah adalah dengan melaksanakan aktiviti cabutan bertuah, hebahan melalui platform media sosial, hebahan melalui radio dan iklan *billboard*, sesi libat urus bersama jabatan/agensi serta syarikat-syarikat besar yang tidak menjejas, menjelaskan cukai tanah, pengeluaran surat peringatan pembayaran cukai tanah, hebahan kemudahan pembayaran cukai tanah secara ansuran, pembayar, pembukaan kaunter bergerak dan van bergerak, pembayaran cukai tanah secara atas talian melalui laman web e-PTGNS, mesej pembayaran cukai tanah melalui aplikasi *WhatsApp*, emel dan SMS.

- Strategi keempat adalah semakan kadar fi, lesen dan lain-lain caj perkhidmatan. Beberapa kajian yang telah dilaksanakan mendapati terdapat keperluan Kerajaan Negeri untuk membuat semakan kepada kadar fi pejabat, bahan batuan mineral, lesen pendudukan sementara, pajakan tanah rizab dan premium tambahan akibat pembangunan tanah. Semakan ini dijangka dapat membantu Kerajaan Negeri memastikan kadar yang dikenakan adalah kekal relevan pada masa kini. Bagi industri mineral negeri, Kerajaan Negeri juga dalam tindakan membuat Pindaan Enakmen Mineral 2002 dan Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Sembilan 2007 bagi mematuhi keperluan pengeluaran nadir bumi di Negeri Sembilan.

Inisiatif seterusnya adalah melalui langkah pemodenan dan pendigitalan sistem kutipan hasil tanah iaitu Sistem Kutipan Hasil Tanah (SKHT) dan portal e-PTGNS. Pendigitalan bayaran kutipan hasil tanah bukan saja memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri untuk mengutip hasil, bahkan dapat memudahkan urusan rakyat.

Sehingga Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip sebanyak 74.17 juta melibatkan 179,027 transaksi menggunakan platform atas talian ePTGNS yang merangkumi kutipan sebanyak 40.4 juta bagi kutipan cukai manakala 33.76 juta bagi kutipan bukan cukai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya menarik soalan itu semula sudah kerana sudah melampaui peristiwa, *taken care over my event,* dengan izin. Apa pun Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar dan Dato' SUK dan juga YB Nilai yang mungkin terlibat secara langsung dan tidak langsung mengisi kekosongan jawatan Setiausaha Majlis Daerah Jelebu yang telah pun diisi pada minggu lepas. Dan dah pun mula, *of course* sudah mula bertugas dan dah dapek boban bosar dah pun untuk diselosaikan.

Dato' Yang Dipertua soalan tambahan. Isunya adalah kekosongan ini berlanjutan sehingga lebih daripada 3 tahun. Seolah-olah kita punya rancangan gantian ataupun *subsection plan* itu tidak dilaksana di jabatan ini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri supaya perkara yang sama tidak berulang di mana-mana jabatan sekalipunlah di masa hadapan? Sekian terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, untuk Majlis Daerah Jelebu, jawatan Setiausaha ini telah diisi oleh Encik Muhammad Shahnaz bin

Mustafa berkuatkuasa pada 18 November 2024. *So* memang ada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan lain masih belum ada. Tetapi pengisian seseorang jawatan itu jugak adalah bergantung kepada kemampuan ataupun kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Sebab itu masih ada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan masih belum diisi. Tetapi kita ambil kira beberapa faktor dan juga keperluan jawatan itu perlu diisi. Itu juga penting untuk memastikan jawatan yang itu dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan juga mengawal ataupun memimpin pihak-pihak berkuasa kawasan tertentu. Dan untuk pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain kita akan cuba mengambil tindakan yang sewajarnya. Dan kita harap tak lewat sehingga 3 tahunlah. Okey, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: *Assalamualaikum WBT.* Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1.

YB ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan daripada ADUN Bagan Pinang berkenaan sukan elektronik. Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menyokong penuh dalam pembangunan sukan di Negeri Sembilan terutama sukan *e-sport* yang sering dipelopori oleh anak-anak muda. Bagi mewujudkan sebuah pusat sukan *e-sport,* memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi serta perlu pengawasan yang rapi dalam penjagaan peralatan-peralatan komputer dan aplikasi yang terlibat. Untuk maklumat, makluman Yang Berhormat ADUN Bagan Pinang, Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) telah menghantar permohonan ke EPU untuk membina sebuah *Centre of Youth* yang berteraskan *e-sports* dan masih belum mendapat maklum balas lanjut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Portfolio Belia dan Sukan dan MSN sentiasa memberikan sokongan berbentuk peruntukan penganjuran sukan *e-sport* kepada Persatuan E-Sport Negeri Sembilan sebagai persatuan sukan negeri yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan perkembangan sukan tersebut. Persatuan E-Sport Negeri Sembilan merupakan NGO yang bergiat aktif dalam penganjuran serta turut menyediakan pusat latihan yang separa lengkap dan mempunyai dewan mini yang boleh memuatkan 20 hingga 40 orang pada satu-satu masa untuk mereka boleh menganjurkan bengkel kerjaya *e-Sports* dan juga sesi pembelajaran berkaitan *e-sports* yang terletak di Jalan Rahang, Seremban.

Persatuan ini telah melahirkan ramai pakar dalam bidang *e-sports* seperti atletnya, jurulatih, pengulas sukan *e-sports*, bahagian teknikal, *graphic designer* dan lain-lain lagi. Persatuan ini juga telah banyak membantu bidang kerjaya di kalangan komuniti e-sukan dan belia. Contoh terdekat, semua atlet SUKMA MLBB ataupun *Mobile Legend BB* yang telah memenangi pingat emas telah diserap bekerja sebagai pemain profesional dan digajikan oleh syarikat-syarikat utama dalam *Mobile Legend Professional League* ataupun MPL dan *Moontoon Academy League (MAL)* adalah bukti yang nyata dalam bidang kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa Persatuan Sukan Elektronik Negeri Sembilan sangat komited dalam pembangunan dan kerjaya untuk komuniti sukan elektronik Negeri Sembilan.

Dan sedikit pencapaian kejayaan Sukan e-Sport Negeri Sembilan umpamanya pada tahun 2022, pada, di Sukan Sea Vietnam dalam acara PUBG contohnya, kita membawa pulang pingat gangsa. Dan pada tahun yang sama, di SUKMA Kuala Lumpur dalam acara *E-Football*, kita dapat pingat emas dan pigat gangsa. Manakala tahun 2024 di SUKMA Sarawak dalam acara *Mobile Legend* kita mendapat pingat emas. Dalam *World Esports Championship* di Riyadh baru-baru ini, dalam acara *Mobile Lagend BB* anak Negeri Sembilan, 2 orang atlet menjadi juara dunia. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipetua.

YB ADUN Bagan Pinang: Soalan tambahan. Tahniah dan terima kasih kerana kejayaan beberapa atlet *e-sport* kita*.* Apakah pernah kerajaan membuat kajian dan pendidikan tentang menjadikan *e-sport* ini sebagai tarikan pelancongan di Negeri Sembilan dan seterusnya menjadikan *e-sport* ni sebagai hab utama di Negeri Sembilan untuk Malaysia *insya-Allah.* Terima kasih.

YB ADUN Palong: Terima kasih ADUN Bagan Pinang. *Insya-Allah* saya akan berbincang dengan Kepayang bagaimana sukan ini boleh dijadikan sebagai tarikan pelancongan di Negeri Sembilan. Terima kasih atas pandangan.

YB Yang Dipertua Dewan: Ada Yang Berhormat boleh bawa soalan daripada ni, Seremban Jaya? Tak ada pesan. Jadi kita terus kepada Lukut lah.

YB ADUN Lukut: Lukut mengemukakan soalan nombor 3.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih DUN Lukut. Soalan yang memang antara yang menjadi tumpuan sekarang. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak 14.8 juta dalam Belanjawan 2024 untuk Inisiatif Bantuan Warga Emas

yang berumur 70 tahun dan ke atas yang dianggarkan seramai 75,000 orang. Warga emas yang layak bantuan ini akan menerima bantuan keceriaan sebanyak 200.00 ringgit seorang sebagai tanda kasih kepimpinan negeri kepada warga emas yang telah banyak berjasa mendidik anak bangsa selama ini.

Setakat 31 Oktober 2024, sebanyak, seramai 33,500 atau 44.7% daripada jumlah warga emas yang dianggarkan 75,000 orang telah menerima bantuan tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak 6.7 juta ringgit yakni 45.3% daripada peruntukan. Bilangan pemohon mengikut kawasan DUN adalah seperti berikut: Lobak – 2,118 melibatkan 423,600.00 ringgit, Bukit Kepayang - 1,778 melibatkan 355,600.00 ringgit, Bahau – 1,637 orang melibatkan 327,400.00 ringgit, Mambau – 303,600.00 ringgit, Rahang – 1,472 - 294,400.00 ringgit, Gemencheh – 1,267 – 253,400.00 ringgit, Repah – 1,086 orang – 217,200.00 ringgit, Seremban Jaya – 1,072 – 214,400.00 ringgit, Nilai – 1,064 orang – 212,800.00 ringgit, Chennah – 1,057 orang – 211,400.00 ringgit, Sungai Lui – 1,014 orang – 202,800.00 ringgit, Palong – 986 – 197,200.00 ringgit, Paroi – 983 orang – 196,600.00 ringgit, Gemas – 973 orang – 194,600.00 ringgit, Pilah – 939 orang – 187,800.00 ringgit, Temiang – 930 orang – 187,400.00 ringgit, Lukut – 905 – 181,000.00 ringgit, Sikamat – 905 orang – 181,000.00 ringgit, Sri Tanjung – 896 orang – 179,200.00 ringgit , Chuah – 851 orang – 170,200.00 ringgit, Chembong – 818 orang – 163,600.00 ringgit, Lenggeng – 784 orang – 156,800.00 ringgit, Pertang – 748 orang – 149,600.00 ringgit, Rantau – 714 orang – 142,800.00 ringgit, Linggi – 703 orang – 140,600.00 ringgit, Kota – 696 orang – 139,200.00 ringgit, Ampangan – 685 ribu – 137,000.00 ringgit, Jeram Padang – 680 orang - 136,000.00 ringgit, Senaling – 600 orang – 120,000.00 ringgit, Klawang – 582 orang – 116,400.00 ringgit, Johol – 577 orang – 115,400.00 ringgit, Juasseh – 529 – 105,800.00 ringgit, Seri Menanti – 463 orang – 92,600.00 ringgit, Labu – 458 orang – 91,600.00 ringgit dan Bagan Pinang, ramai orang mudo, orang tuo kurang sikit, 291 orang saja – 58,200.00 ringgit.

Bagi warga emas yang belum memohon, permohonan boleh dibuat melalui laman portal N9Digital secara atas talian atau aplikasi telefon bimbit Kerajaan Negeri sejak Disember 2023 telah meuar-uarkan bantuan ini melalui media sosial, pimpinan tempatan serta kepada semua agensi kerajaan. Kerajaan Negeri memohon kerjasama semua Pusat Khidmat DUN agar dapat menyampaikan maklumat mengenai permohonan ini kepada rakyat di peringkat akar umbi melalui jawatankuasa kampung serta kawasan rukun tetangga di kawasan DUN masing-masing. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lukut: Soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Yang Amat Berhormat Sikamat. Saya ucap terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri yang telah membawa keceriaan kepada warga emas kita melalui skim ini. Dan sebagaimana kita tahu, kita, dekat pusat khidmat sebagai pengantara untuk kita edarkan wang kepada warga emas. Kadang-kadang kita kena bawa lebih 100 ribu dekat Pusat Khidmat untuk nak bagi warga tua kita pun takut. Adakah, soalan saya, adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memberi 200.00 ini, 200.00 ringgit ini melalui cara yang lain. Mungkin guna *Touch N Go,* mungkin guna baucar beli barangan ataupun cara lain. Sebab kita kadang-kadang *cash* yang banyak dekat Pusat Khidmat pun sebagai ADUN pun kita takut, kita pergi bank dekat pusat khidmat kadang kalau kena rompak ke, kan, *so* mohon pencerahan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Okey terima kasih. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih cadangan daripada Yang Berhormat Lukut. Kita sedia maklum ya, sebenarnya tujuan kita memberi *cash* ini adalah untuk supaya pihak ADUN dapat berjumpa dengan warga-warga emas ini sendiri. Dan jika ada cadangan untuk terus bayar terus kepada kepada kepada penerima, ini juga boleh kita pertimbangkan tapi dengan persetujuan ADUN-ADUN yang lain ya. Kerana saya melihat bahawa apabila program-program ini dijalankan, ia mendapat satu apa, perhatian yang cukup hebat daripada warga-warga emas ini. Dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama warga-warga emas, ada masa lagi untuk mereka mengisi borang N9Digital tersebut. Dan jika mereka belum belum berkesempatan ataupun mereka tak tahu cara untuk mendapatkan bantuan ini, mereka boleh terus ke pergi ke pusat-pusat perkhidmatan ataupun NADI berhampiran. Mohon bantuan untuk mereka secara *online* ataupun panggil anak-anak mereka untuk mengisi. Kita ada masa lagi lebih kurang dalam tak sampai sebulanlah lagi ya, ya, tak sampai sebulan. Dan *insya-Allah* tahun hadapan kita teruskan dan saya mohon kalau boleh di awal tahun itu lebih awal untuk mereka memohon kepada mereka yang berkelayakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

4. RANG UNDANG-UNDANG

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024]

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan dalam (2025) 2024.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam sesi penggulungan perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan tahun 2025 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pertang.

YB ADUN Pertang: *Bismillahhirrahmanirrahim. Alhamdulillah, alhamdulillahirabbil'alamin wabihi nasta'in wassholatu wassalamu ala asyrofil anbiyai wal mursalin wa'ala alihiwassohbihi ajma'in. Assalamualaikum WBT.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani, Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat dan Sejahtera. Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membuat penggulungan bagi portfolio Kementerian Desa Dan Wilayah, serta Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan.

Dato' Yang Dipertua, pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan serta memberikan pandangan terhadap perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan Dan Kos Sara Hidup dan juga Kemajuan Desa, Perladangan Dan Komoditi sewaktu sesi perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di dalam Dewan yang mulia ini. Terdapat 16 ADUN yang telah membangkitkan isu di bawah kedua-dua portfolio ini iaitu ADUN Johol, Sri Tanjung, Seri Menanti, Gemencheh, Jeram Padang, Sungai Lui, Gemas, Juasseh, Chuah, Paroi, Serting, Lukut, Bagan Pinang, Kota, Lenggeng dan Chembong. Semua ahli-ahli Yang Berhormat ini telah membangkitkan pelbagai isu. Ada isu yang sama dan ada isu juga yang berbeza. Saya mendengar dengan teliti setiap perbahasan daripada setiap ahli Yang Berhormat sama ada di dalam Dewan ataupun di luar ketika berehat ataupun di dalam kenderaan. Dan setiap perbahasan yang telah saya teliti dan saya dengar itu, saya telah membuat beberapa justifikasi yakni terdapat lebih kurang 56 isu berkaitan dengan kedua-dua portfolio saya yang telah dibangkitkan. Saya menyedari bahawa semua isu-isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN ini adalah bertujuan untuk memakmurkan lagi Negeri Sembilan sekaligus bersama-sama di dalam kita mencapai hasrat Kerajaa Negeri untuk menjadikan Negeri Sembilan bersama membina negeri Madani. *Insya-Allah* saya akan memberikan maklum balas dalam masa yang telah ditetapkan oleh Dato' Yang Dipertua. Walaupun tidak ada julat waktu yang tertentu tetapi *insya-Allah* saya cuba pendekkan kerana saya tengok Dato' Yang Dipertua ni

memang tahan jati diri dia. Saya nak bagi pantun sikit kepada Dato' Yang Dipertua.

Anak kera melompat tinggi
Jatuh terhempas di dalam perigi
Dato' Yang Dipertua kuat jati diri
Saya *salute* dan sanjung tinggi

Saya nak bagi tahu, macam itu pantun ADUN Lenggeng. Dato' Yang Dipertua saya buat selingan sikit. Pantun ni satu rangkap tak ada. Yang ada 2 rangkap, 4 rangkap dan 6 rangkap. Yang lenggeng baca hari itu saya tak tahu pantun ke apa saya tak tahu. Jadi ADUN Lenggeng tu betulkan pantun. Saya sambung balik Dato' Yang Dipertua. *Insya-Allah* saya akan berikan jawapan yang diberikan untuk menjawab segala persoalan yang timbul.

Pertama ADUN Johol. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Johol, yang membangkitkan pelbagai isu yang berkaitan dengan portfolio Kemajuan Desa Dan Wilayah dan antaranya ialah orang Asli, JPKK dan pembangunan kawasan luar bandar. Perkara pertama yang dibangkit oleh ADUN Johol untuk menjadikan dan mengisytiharkan hari sambutan Hari Orang Asli sebagai cuti umum. Itu di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan in shaa allah saya akan bisik dengan pimpinan JAKOA supaya kita cadangkan di peringkat pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim supaya kita jadikan hari sambutan hari Orang Asli Sedunia itu sebagai cuti umum di peringkat persekutuan.

Kedua berkaitan dengan isu penyediaan kemudahan orang Asli di DUN Johol. Berdasarkan rekod yang saya ada, terhadap 10 kampung orang Asli di dalam DUN Johol. Kesemua perkampungan telah mendapat kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air. Manakala bagi capaian telekomunis, telekom, telekomunikasi haa, yang masih rendah di beberapa kawasan orang Asli, pihak SKMM Negeri Sembilan sedang berusaha untuk meningkatkan capaian telekomunikasi bagi kawasan-kawasan tersebut. Walaupun penggulungan yang dibuat oleh Yang Berhormat ADUN Linggi mengatakan bahawa pencapaian telekomunikasi di Negeri Sembilan ini bagus, tetapi boleh dipertingkatkan di beberapa kawasan terutamanya kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Johol juga membangkitkan berkenaan dengan garis panduan khusus bagi memelihara dan melindungi tanah rizab orang Asli. Buat masa ini untuk makluman ahli Dewan, tiada garis panduan khusus bagi memelihara atau melindungi tanah rizab orang Asli tetapi

kesemua kawasan tanah rizab orang Asli ini dilindungi di bawah akta, okey Dato' Yang Dipertua. Minum air dulu. Saya bagi pantun tadi terbatuk Dato' Yang Dipertua. Dilindungi di bawah Akta 134 Akta Orang Asli di mana Ketua Pengarah JAKOA diperuntukkan kuasa sebagai Pegawai Pengawal Tanah Rizab Orang Asli. Sebarang aktiviti yang dilakukan di atas tanah rizab perlulah mendapat kebenaran Pegawai Pengawal tanah tersebut. JAKOA bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan garis panduan rasmi untuk memelihara tanah rizab orang Asli.

Berkenaan dengan jumlah JPKK yang telah menerima peruntukan Sejati Madani sehingga 26 November 2024, sebanyak 396 JPKK telah memohon geran program sejati, Program Sejahtera Komuniti Madani yakni Sejati Madani. Dan daripada jumlah tersebut sebanyak 341 permohonan JPKK telah pun diluluskan melibatkan semua sektor yang ditawarkan iaitu pelancongan dan hospitaliti, pertanian dan makanan, jahitan dan kraftangan, aktiviti hijau dan kitar semula serta herba dan kesihatan. Dan Program Sejahtera Komuniti Madani ini dipantau oleh jawatankuasa pemantau ataupun yang kita katakan yang ditubuhkan di peringkat negeri yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pembangunan Negeri ataupun SDO dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri. Jawatankuasa Pemantau Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah juga diwujudkan bagi memudahkan gerak kerja pemantauan di daerah-daerah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa, Jawatankuasa Pantau Peringkat Negeri Bilangan 1 pada 11 Oktober tahun 2024. Pemantauan dilaksanakan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri iaitu ICU JPM termasuk pemantauan kemajuan projek dan perbelanjaan dana oleh komuniti mengikut perancangan yang telah diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, senarai kelulusan program ini telah dimaklumkan pada Pejabat Daerah Dan Tanah dan turut dipanjangkan juga kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat ADUN dapat bersama-sama dengan Pejabat Daerah untuk memantau perlaksanaan projek-projek Sejati Madani di kawasan masing-masing supaya hasrat pertama kerajaan untuk memberikan manafaat total kepada komuniti masyarakat di setiap kampung itu dapat terlaksana dengan baik.

Berkenaan dengan jurang di antara kawasan bandar dan luar bandar pula, 77% seperti yang telah saya sebut di dalam Dewan ini, daripada keluasan Negeri Sembilan diklasifikasikan sebagai kawasan luar bandar yang merangkumi daerah Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu dan Rembau dan sebahagian daripada kawasan Seremban dan Port Dickson. Bagi mengurangkan jurang antara kawasan ini, beberapa langkah telah diambil. Antaranya pembaikan penyediaan infrastruktur luar bandar.

Yang kedua, kerjasama dengan KKDW bagi perlaksanaan Projek Ameniti Sosial atau PAMS di kawasan luar bandar dengan peruntukan yang semua sedia maklum telah diluluskan sebanyak 3.0 juta ringgit.

Menyedari peri pentingnya ketersambungan jaringan jalan raya dalam soal pembangunan kawasan ini, beberapa projek besar yang menghubungkan kawasan luar bandar sedang dan juga telah dilaksanakan. Saya sebut beberapa projek untuk makluman Dewan yang mulia. Pertama: membina jalan baru dari Kampung Gagu ke Ulu Beranang – dalam proses pembinaan yang menelan kos sebanyak 163.0 juta ringgit. Yang kedua: membina jalan daripada Seri Menanti, Kuala Pilah ke Ulu Sepri, Rembau dengan kos projek sebanyak 106.8 juta Ringgit Malaysia. Yang ketiga: membina jambatan baru daripada, jambatan baru dan jalan tuju dari Kuala Lukut ke Chuah, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan dengan kos projek sebanyak 200.0 juta ringgit. Pembinaan akses jalan raya dan infrastruktur lain di kawasan luar bandar menjadikan kawasan tersebut lebih berdaya huni dan membuka lebih banyak peluang aktiviti ekonomi yang dapat menyumbang kepada pengukuhan sektor pertanian, perladangan, pelancongan dan pembuatan di luar bandar.

YB Johol juga membangkitkan isu yang berkenaan dengan pelan luar bandar atau mekanisme penguatkuasaan bagi waris pemilik tanah untuk mengelakkan isu tanah terbiar. Berkaitan dengan isu garis panduan program JPKK yang dibangkitkan oleh YB Johol, garis panduan kepada JPKK bagi perlaksanaan program adalah mengikut Garis Panduan Tadbir Urus 2024 yang telah pun disediakan oleh KKDW. Garis panduan ini juga untuk makluman Yang Berhormat Johol, telah diterima pakai oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang melibatkan peranan Yang Berhormat ADUN dalam wakil ataupun setiap program JPKK di peringkat kampung. Garis panduan ini menetapkan bahawa pihak JPKK perlu menyediakan laporan program dan tatacara penggunaan peruntukan. Dan di kesempatan ini, saya juga ingin meminta kesemua ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat berbincang dengan JPKK, bantu dan beri pandangan kepada mereka di dalam melaksanakan program yang baik.

Dato' Yang Dipertua, saya masuk kepada Yang Berhormat Sri Tanjung yang membangkitkan …..

YB ADUN Lenggeng: Mohon mencelah YB Exco.

YB ADUN Pertang: Ya.

YB ADUN Lenggeng: Berkenaan dengan tatacara JPKK, saya ingin bertanyakan soalan berkenaan dengan sekiranya JPKK tidak melakukan mesyuarat dalam masa satu tahun. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Satu tahun tu memang dah lama, dah pendek umur Pengerusi JPKK tu. Saya dah bagi taklimat kepada semua Pengerusi JKK, JPKK mesyuarat 3 kali *in the row,* dengan izin. Tidak melakukan mesyuarat 3 kali berturut-turut. Surat peringatan dan notis tunjuk sebab akan dikeluarkan. 6 kali berturut-turut notis untuk penamatan jawatan Pengerusi JPKK akan dikeluarkan *insya-Allah*. Terima kasih DUN Lenggeng.

YB ADUN Lenggeng: Tapi siapa yang akan keluarkan penamatan atau yelah, sebab di kawasan saya ada yang berlaku begitu.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat laporlah kat saya Yang Berhormat. Nanti saya tengoklah, Kerajaan Negeri akan ambil tindakan.

YB ADUN Lenggeng: Baik.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat, kawasan Yang Berhormat, saya belum masuk lagi Yang Berhormat. Ini Johol tadi tu.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya ingat beginilah, pencelahan itu mesti peraturan. Benda-benda pengurusan jangan masuk dalam pencelahan. Boleh?

YB ADUN Pertang: Boleh. Yang Berhormat mintak dulu dekat *Speaker* lepas itu baru saya benar atau tidak. Jangan mintak kat saya.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya tak menggalakkan pencelahan masa pergulungan. Kalau soalan, boleh. Penggulungan saya nak Yang Berhormat boleh bebas jawab. Okey.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Sri Tanjung membangkitkan berkenaan kenaikan elaun bagi Pengerusi dan Setiausaha JPKK. Isu ini adalah antara isu yang popular. Sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Menanti, sama dengan yang dibangkitkan oleh Sungai Lui dan sama juga yang dibangkitkan oleh Chembong dan sama juga pemikiran dengan saya sebagai Ahli Exco, kerana isu ini telah saya bangkitkan di Dewan Rakyat, tetapi untuk makluman Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin akan kebajikan kepimpinan di peringkat akar umbi kerana barisan hadapan dalam menyuarakan keperluan rakyat terutamanya penduduk kampung. Buat masa ini, Dato' Yang Dipertua, elaun JPKK, Setiausaha adalah *status quo*.

Maknanya 900.00 Pengerusi, 400.00 kepada Setiausaha. *Insya-Allah* Kerajaan Negeri akan membuat kajian dari masa ke semasa mengikut prestasi kewangan Negeri Sembilan daripada masa ke semasa. Maknanya yang di sebelah saya ni dia ambil beratlah tu *insya-Allah.*

Dato' Yang Dipertua, saya menjawab ADUN Seri Menanti yang membangkitkan berkenaan dengan soal banci pertanian, peruntukan daripada Kerajaan Pusat, pensijilan myGAP dan juga pensijilan myOrganic. Setakat ini, status terkini perlaksanaan banci masih berada di peringkat analisis lanjut. Bancian ini telah berakhir pada 10 Oktober 2024 dan hasil awal yang telah diperoleh adalah seperti berikut: seramai 37,795 rospek, responden telah pun direkodkan. Daripada jumlah itu sebanyak 82% ataupun 30,974 responden dikenal pasti berada di tempat kediaman pertanian dan walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, daripada 4, daripada jumlah itu hanya 41.2% sahaja yakni 12,792 responden daripada jumlah itu adalah tempat kediaman pertanian aktif, yang bergerak secara aktif iaitu individu atau isi rumah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pertanian. Pertubuhan perniagaan sebanyak 1,017 pertubuhan telah pun kita banci, jumlah, daripada jumlah itu 30% atau 305 pertubuhan dikenal pasti sebagai pertubuhan perniagaan pertanian yang terlibat di dalam sektor yang berkaitan. Menariknya kesemua pertubuhan ini merupakan pertubuhan perniagaan pertanian aktif dengan penglibatan langsung dalam sektor pengeluaran, pemasaran atau pemprosesan hasil pertanian.

Hasil dapatan awal ini Dato' Yang Dipertua, telah memberikan gambaran penting mengenai tahap penglibatan isi rumah dan organisasi dalam sektor pertanian di Negeri Sembilan. Data ini akan digunakan sebagai asas untuk merangka pelan strategik bagi meningkatkan produktiviti kecekapan dan keberdayaan sektor ini. Untuk direkodkan di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sembilan amat menghargai pengumuman peruntukan untuk peningkatan hasil pertanian termasuk tanaman padi sebanyak Ringgit Malaysia 300 juta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025 yang lalu. Peruntukan ini adalah bukti komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuhkan sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan negara terus terjamin.

Bagi pihak Negeri Sembilan, beberapa inisiatif strategik telah dirangka bagi menafaatkan peruntukan ini. Antaranya ialah inisiatif pelestarian sawah negeri, pembangunan zon kekal pengeluaran makanan, pembangunan projek berskala besar, transformasi pertanian pintar ataupun i-Smart Tani, insentif penarafan ladang MyGAP dan juga naik taraf pusat pengumpulan dan jualan Ampangan. Untuk tahun 2024,

jumlah keseluruhan peruntukan untuk sektor pertanian, ternakan dan perikanan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 9,237,534 untuk tahun 2024. Dan peruntukan ini telah dipecahkan kepada jabatan-jabatan di bawah portfolio ini yakni Jabatan Pertanian – 2,878,496.00 ringgit, Jabatan Perikanan – 926,532.00 ringgit, jabatan, bagi FAMA – 838,945.00 ringgit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar – 173,695.00 ringgit, Lembaga Pertubuhan Peladang – 4,315,744 Ringgit Malaysia dan MARDI – 104,122.00. Khusus bagi Seri Menanti sebanyak 133,630.00 ringgit diperuntukkan pada tahun ini. dan peruntukan ini adalah bukti komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memperkukuhkan sektor pertanian, ternakan dan perikanan negara di dalam mencapai matlamat pembangunan yang mampan dan jaminan bekalan makanan yang mencukupi.

Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah pun membuat unjuran pencapaian berdasarkan peruntukan pertanian agro makanan yang berjumlah 11.0 juta Ringgit Malaysia. Peruntukan ini dirancang untuk dimanafaatkan secara optimum melalui pembangunan sektor pertanian yang inklusif dan menyeluruh. Berikut adalah unjuran pencapaian bagi peruntukan tersebut: bilangan projek yang dibangunkan sebanyak 1,895 projek dijangka akan dilaksanakan di seluruh negeri bagi tahun 2025. Bilangan pengusaha terlibat dianggarkan seramai 4,105 pengusaha akan mendapat manafaat secara langsung daripada perlaksanaan projek ini. Luas kawasan pembangunan yang kita jangka adalah melibatkan 7 daerah utama yang merangkumi keluasan 1,227.5 hektar di seluruh Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, bagi pensijilan myGAP ataupun, dan myOrganic, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa komited untuk memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti, selamat dan mampan. Setakat Oktober 2024, pencapaian dalam pensijilan ini adalah sebanyak 324 MyGAP, dan 26 myOrganic dengan perincian seperti berikut: sektor pertanian agro makanan: MyGAP 277 ladang, myOrganic 26 ladang. Sektor ternakan: myGAP 35 ladang ternakan, sektor akuakultur: myGAP 35 ladang akuakultur.

Bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh ADUN Gemencheh, yang membangkitkan berkenaan dengan status terkini SSL Negeri Sembilan dan juga berkaitan dengan sektor perikanan terutamanya bekalan air tawar. Saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa tanaman ataupun perikanan yang mendapat perkhidmatan tinggi di kalangan rakyat Negeri Sembilan dan kadar kucupannya, kecukupannya adalah seperti berikut. Ni saya saya kena nyatakan Dato' Yang Di Pertua ya. Pertama: ternakan daging lembu dan kerbau – 39.07%, daging kambing dan be be berbiri – 14.034% kadar kecukupan

bagi rakyat Negeri Sembilan. Sayuran bayam – 74.7% cukup, Sawi – 85.3%, bendi - 116, lebih daripada kecukupan keperluan rakyat Negeri Sembilan. Cili – 30.2%, kacang panjang – 89.7%. Ini ahli-ahli Yang Berhormat boleh buat sedikit catatan supaya boleh dijadikan sebagai aktiviti pertanian di kawasan DUN masing-masing. Daging ayam lebih, 339.79% Dato' Yang Dipertua, maknanya ayam Negeri Sembilan memang melebihi daripada keperluan rakyat Negeri Sembilan. Maknanya mana ladang-ladang yang langgar syarat, Jabatan Veterinar tidak akan teragak-agak dengan penguatkuasaan Pejabat Daerah kita akan tutup ladang yang melakukan kacau ganggu di untuk komuniti dan juga masyarakat sekitar. Telur ayam – 218.51% melebihi daripada jangkauan, susu segar 118.64% tetapi yang paling kurang ialah bijiran dan padi yang hanya mencukupi keperluan rakyat Negeri Sembilan – 8%. Buah-buahan durian – 155% melebihi cukupan. Itu yang kita nak hantar ke *China*, belimbing – 458% melebihi daripada kecukupan, jambu batu – 74 dan betik – 82 serta pisang – 72%.

Angka ini Dato' Yang Dipertua, menunjukkan bahawa keluaran seperti daging ayam, telur ayam, susu segar, bendi, durian dan belimbing telah mencapai tahap pengeluaran yang melebihi keperluan penduduk negeri. Walau bagaimanapun, terdapat keluaran seperti lembu, kerbau dan kambing dan berbiri, cili dan padi yang memerlukan perhatian khusus untuk meningkatkan kadar kecukupan khususnya bagi memenuhi keperluan makanan asas dan menjamin sekuriti makanan negeri. Kerajaan Negeri Sembilan melalui pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan telah merangka dan melaksanakan strategi yang inklusif bagi meningkatkan kadar kecukupan makanan di negeri ini *insya-Allah.* Pendekatan ini melibatkan penyertaan menyeluruh daripada komuniti pertanian termasuk petani kecil dan sederhana, golongan belia serta pemain industri.

Melalui Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) '21-'25 dan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan '23 dan '33, pelbagai pelan tindakan telah digubal bagi menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam sektor pertanian. Antara usaha yang dilaksanakan termasuk pemberian insentif dan bantuan pembiayaan kepada mereka yang terlibat di dalam sektor ini. Untuk meningkatkan akses pasaran, pihak FAMA telah menggalakkan penggunaan platform digital termasuk media sosial dan pemasaran dalam talian. Jabatan Perikanan juga turut memberikan sokongan dengan memperluaskan pasaran melalui pembungkusan dan pelabelan produk pensijilan seperti sijil halal. Bagi memperkukuhkan kapasiti teknikal pengusaha, latihan teknikal turut dianjurkan oleh agensi di bawah portfolio saya. Program ini memberi peluang kepada pengusaha untuk memantapkan serta meningkatkan kemahiran dalam pengurusan pertanian dan ternakan.

Dalam memastikan keselamatan bekalan makanan, Kerajaan Negeri Sembilan memperkenalkan insentif sekuriti makanan. Insentif ini merangkumi naik taraf infrastruktur ladang seperti sistem pengairan fertigasi dan pemberian input pertanian seperti baja dan benih. Dato' Yang Dipertua, sehingga kini daripada tahun 2021 hingga 2024, sebanyak 41.17 juta telah diperuntukkan untuk pelbagai inisiatif ini yang memberi manfaat kepada 2,739 pengusaha. dan bantuan ini turut merangkumi subsidi kos, operasi ladang sehingga 20% dan membantu meningkatkan pendapatan mereka 500.00 ke 1,000.00 sebulan. *Outlet* Agrobazaar FAMA juga memainkan peranan penting dalam menyediakan makanan pada harga mampu milik. Melalui perlaksanaan semua inisiatif ini, Kerajaan Negeri Sembilan komited memastikan sektor pertanian dan perikanan terus berkembang sekaligus mengimbangkan isu jaminan bekalan makanan.

Yang Berhormat Gemencheh juga membangkitkan berkenaan dengan jumlah tangkapan hasil laut Negeri Sembilan 2023 sehingga 2024, sudah ada senarai. Saya akan bagi kepada Gemencheh secara bertulis kerana terlalu banyak, *detail*. Tapi secara keseluruhannya ialah jumlah wang yang dikutip pada tahun 2023 ialah 85,000.00 ringgit dan jumlah nilai pada 2024 turun sikit yakni 56,000.00 ringgit. Jumlah pengusaha perikanan air tawar di Negeri Sembilan di bawah subsektor akuakultur adalah seramai 450 penternak.

Di bawah portfolio ini juga Yang Berhormat Gemencheh membangkitkan berkenaan dengan inisiatif baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yakni program Sentuhan Madani Felda. Ini adalah inisiatif baru Dato' Yang Dipertua, dan memandangkan ia juga adalah satu pendekatan untuk komuniti dan kesejahteraan rakyat felda, satu mesyuarat dan perbincangan akan diadakan bersama agensi-agensi berkaitan yang diterajui oleh FELDA bagi meneliti program serta aktiviti yang boleh dirangka untuk memberikan manafaat total kepada semua masyarakat felda secara amnya. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Gemencheh berkenan dengan program yang boleh dilaksanakan mengikut zon dan wilayah, saya mengambil cadangan itu sebagai cadangan yang baik. Dan sudah semestinya program ke arah cadangan itu akan saya laksanakan bersama dengan ahli-ahli Yang Berhormat DUN kawasan pada program yang berkenaan.

Berkenaan dengan isu banjir besar yang berlaku di Kampung Tenai, Kampung Tengah, Taman Muhibah dan sebuah sekolah di Felda Bukit Rokan Utara baru-baru ini, ianya telah diambil serius oleh FELDA. Hasil semakan awal, saya dapati, didapati bahawa salah satu punca banjir ni

ada disebabkan sungai yang berada dalam rancangan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Ini adalah punca utama banjir di mana-mana kawasan perumahan sama ada perumahan di kawasan felda, di kampung-kampung tradisi longkang dan sungai tidak diselenggara dengan baik. Sungai ni adalah di bawah seliaan dan selenggara Jabatan Pengairan Dan Saliran. Kerana itu pihak FELDA akan mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan bersama dengan JPS untuk mendapatkan kata persetujuan bagi berusaha menangani punca masalah ini. *Insya-Allah* saya secara peribadi, sebagai Exco yang terlibat, saya zahirkan komitmen saya bagi memastikan perkara ini tidak akan berulang pada masa yang akan datang *insya-Allah.*

Dato' Yang Dipertua, ADUN Jeram Padang. Dah ada? Kalau tak ada, saya *skip* Dato' Yang Dipertua, ADUN Jeram Padang saya hantar bertulis. ADUN Sungai Lui. Pun tak ada? Ada? ADUN Sungai Lui membangkitkan berkenaan dengan isu kemudahan awam seperti dewan orang ramai, balai raya dan taman permainan dan lain-lain lagi di felda berkeadaan, yang berkeadaan uzur termasuk kemudian infra yang perlu dinaik taraf. Dato' Dipertua, untuk makluman ahli Dewan bagi tahun 2024, pihak Felda Wilayah Raja Alias telah mengemukakan 25 permohonan untuk kelulusan ibu pejabat merangkumi kerja-kerja pembaikan tanah runtuh, longkang, dan bangunan awam dengan anggaran peruntukan sebanyak 8.2 juta ringgit. Selain daripada itu sebanyak 49 permohonan masih di peringkat penilaian dan penyediaan anggaran harga oleh pihak perunding yang dilantik oleh pihak FELDA. FELDA telah menerima peruntukan kerajaan bagi projek jalan dan longkang di kawasan kampung sebanyak 8 projek yang berjumlah 13.45 juta.

Yang Berhormat Lui juga membangkitkan berkenaan masalah pembayaran hasil yang tidak konsisten waktunya. Pihak pengurusan FELDA untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya membuat ketetapan tarikh pembayaran pada 16 sehingga 20 hari bulan setiap bulan serta pembayaran sara hidup dan pendahuluan antara 25 sehingga 28 setiap bulan. Mandatori. Kecuali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada kes-kes tertentu yang melibatkan kelewatan pembayaran. Kalau kelewatan ini sudah menjadi satu budaya, maka saya nak mintak Yang Berhormat ADUN laporkan kepada saya dan *insya-Allah* kita akan selesaikan masalah ini dan, untuk diharmonikan bersama dengan pengurusan FELDA. Tempoh bayaran ini mengambil masa, berkenaan isu kelewatan pembayaran siap kerja pulak Dato' *Speaker*, kepada kontraktor yang mengurus hasil kebun, proses pembayaran siap kerja bagi kontrak ladang akan diselesaikan oleh Ibu Pejabat FELDA setelah kontraktor buat permohonan sijil bayaran dan disokong oleh pihak pengurusan Rancangan. Tempoh bayaran mengambil masa paling lama selama antara 1 ke 2 bulan sahaja. Dan

sekiranya berlaku kelewatan mungkin sebab dokumentasi yang tidak lengkap dan pelbagai perkara yang berlaku. Saya, selanjutnya bagi menyelesaikan isu kesilapan dokumentasi dan semakan terperinci ini akan dibuat sebelum dokumen bayaran berkenaan dimajukan kepada ibu pejabat dan *insya-Allah* pihak FELDA maklum terhadap isu ni dan telah mengambil inisiatif melalui kerjasama bersama Pejabat Pembahagian Pusaka Negeri Sembilan. Satu program pewarisan bicara peringkat, bicara kuasa peringkat FELDA telah berjaya dilaksanakan selama 10 hari dalam bulan Oktober 2024. Ini yang berkaitan dengan pertanyaan Sungai Lui berkenaan isu perwarisan masih banyak lagi tertangguh dan tergendala sehingga ada sesetengah waris masih tidak dapat pendahuluan ataupun gaji selama 9 bulan. Dan saya sebut tadi, pada 2024 kita dah selesaikan banyak kes 191 kes pewarisan yang tertunggak pada tahun 2023 telah diselesaikan dan bakinya *insya-Allah* perancangan program ini akan kita teruskan pada tahun 2025 bagi menyelesaikan kes semasa yang telah dikenal pasti pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Yang Berhormat, penyelesaian pewasiran ini adalah tertakluk kepada tanggungjawab pihak waris untuk membuat permohonan bicara kuasa melalui Pejabat Pembahagian Pusaka.

Berkenaan perlaksanaan program lot perumahan generasi baru di Felda Palong 12 dan 13, sedang dalam proses pengesahan pelan tapak dan penetapan perbandingan anggaran kos pembangunan bagi setiap unit lot. Semua agensi teknikal yang terlibat telah mengeluarkan surat pengesahan dan maklum balas terhadap cadangan yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan dasar yang bersesuaian masih dalam tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi perlaksanaan lot generasi tersebut.

Sungai Lui mencadangkan agar diwujudkan *select committee* untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan felda. dan sebenarnya jawatankuasa ini telah pun wujud yakni kita panggil sebagai Jawatankuasa Kemajuan Pembangunan Komuniti Rancangan di setiap Rancangan. Antara tujuan jawatankuasa ditubuhkan adalah mengatasi dan mengambil masalah yang timbul di felda. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam jawatankuasa ni, pengerusinya ialah Pengurus Rancangan. Lepas itu kita ada lagi JKKR, kita ada GPW, kita ada KAF, kita ada belia, kita ada NGO dan selepas ini, saya akan pastikan ahli Yang Berhormat yang mempunyai kawasan felda akan terlibat di dalam jawatankuasa yang telah saya nyatakan sebentar tadi.

Bagi ADUN Gemas, yang membangkitkan berkenaan isu padi. Gomeh ni isu padilah dia tanyo selalu. Dek, montang-montang dia ni kawasan padi banyak kan. Jelebu ado. Membangkitkan berkenaan isu padi ni

ditanam Negeri Sembilan tapi dihantar ke negeri lain. Mintak maaf ya Dato' Dipertua. Yang gomeh timbulkan ni, bila pesawah cenderung untuk menjual padi mereka kepada kilang yang menawarkan harga lebih. Kerajaan buat garis harga padi siling 1,400.00. Tapi masalahnya Dato' Yang Dipertua, dia ada kompetensi di antara pengilang dengan pengilang yang lain. Kita sedia maklum, ada pesawah cenderung untuk menjual padi mereka kepada kilang yang menawarkan harga yang lebih tinggi. Ini adalah *typical exercise* dengan izin, kepada semua peniaga. Ada orang tawar 1,700.00, kilang di Melaka, ada yang tawar 1,800.00, kilang di Johor. Dan situasi ini memang beri kesan kepada bekalan beras tempatan di Negeri Sembilan. Sebagai langkah untuk mengatasi isu ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan insentif galakan padi di bawah peruntukan negeri. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan pesawah terus menjual padi mereka kepada pusat belian tempatan di Negeri Sembilan. Di bawah skim ini, untuk makluman Dato' ahli Yang Berhormat dan Dato' Yang Dipertua insentif sebanyak 100.00 ringgit per tan dengan maksimum sehingga 2,000.00 ringgit disediakan kepada pesawah yang layak untuk memberikan galakan supaya hasil padi mereka dihantar ke Kuala Pilah. Langkah ini *insya-Allah* dapat memberikan galakan kepada pesawah untuk terus menyokong sektor beras tempatan serta menjamin bekalan beras di Negeri Sembilan.

Berkenaan dengan cadangan perolehan mesin pemprosesan padi dan sebagainya itu, mungkin buat masa ini tidak lagi ekonomik Yang Berhormat kerana ia menyebabkan kos yang begitu tinggi terutamanya di dalam kos penyelenggaraan dan operasi. Kerajaan akan lebih fokus kepada inisiatif-inisiatif lain yang lebih mampan serta memberikan sokongan kepada pesawah untuk meningkatkan produk produktiviti mereka.

ADUN Juasseh, dia mintak peruntukan kepada 40 ekar di kawasan Seri Jemapoh untuk tanam tanam apa, kelapa MATAG. Kelapa MATAG. Saya ingat Juasseh dia kata bukan nak tanam kelapa laut. Saya dah sebutkan …..

YB ADUN Juasseh: Bukan, kelapa laut YB Guna …..

YB ADUN Pertang: …. tak sesuai …..

YB ADUN Juasseh: Kelapa MYD. Dia campur dia, dia, dia *combine*.

YB ADUN Pertang: Untuk makluman Yang Berhormat Juasseh, permohonan peruntukan projek tanaman kelapa berjumlah 660,660.00 ringgit dari Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Pilah telah pun dihantar ke Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan. *Insya-*

Allah permohonan ini sedang berada dalam penilaian terakhir di bawah program pengukuhan keterjaminan jaminan makanan tahun 2025, untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar yang melibatkan kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan.

Yang Berhormat Juasseh membangkitkan isu berkaitan dengan isu baik pulih dan naik taraf balai raya di DUN Juasseh. Untuk makluman ADUN Juasseh, Kerajaan Negeri bersama Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Kuala Pilah telah buat beberapa pembaikan. Tahun 2023, balai raya Kampung Terentang dan Kampung Majau. Tahun 2024, Pejabat Daerah telah menerima peruntukan pembaikan Balai Raya Kampung Juasseh Kapitan dan Balai Raya Kampung Sungai Talang. Banyak balai raya Yang Berhormat dah di *repair* dari Pejabat Daerah. Tahun 2025, kita tengoklah mana peruntukan yang boleh kita luluskan kerana banyak juga balai raya yang perlu kita baiki.

Kemudian Yang Berhormat Juasseh membangkitkan isu berkenaan dengan gred perjawatan bagi Pegawai KEMAS Daerah. Yang ini pun dah pun saya perbahaskan di Dewan Rakyat daripada Gred 19 bawa ke gred 41 kerana bebanan tugas Pegawai KEMAS Daerah sekarang ini semakin hari semakin meningkat. Dan *insya-Allah* kita memberikan sokongan kepada cadangan daripada Yang Berhormat Juasseh ni tadi.

Dato' Yang Dipertua saya pergi pula kepada Juasseh ada tanya soal *artificial intelligent* di KEMAS. Ini dah dijawab oleh ADUN Linggi dalam soal yang berkaitan dengan digital. ADUN Chuah membangkitkan isu kekurangan perumahan di kawasan kampung. Ini adalah me, meling, apa, me, yang termasuk dalam program kekurangan, Program Perluasan Kampung, Dato' Yang Dipertua, yang mana Kerajaan Negeri menyediakan tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pembinaan kediaman. Buat masa ini terdapat beberapa kaedah perlaksanaan bagi Program Perluasan Kampung. Perlaksanaan oleh Kerajaan Negeri melalui pemberian lot-lot tanah berkeluasan 4,000 ke 6,000 kaki persegi. Peserta perlu membina kediaman sendiri. Permohonan untuk perlaksanaan di bawah program pemajuan kawasan dan, oleh, di bawah Kementerian Desa Dan Wilayah.

Dato' Yang Dipertua, ADUN Paroi membangkitkan berkenaan dengan status terkini operasi pasar tani kekal PAKAR di Paroi dan juga Pavilion Negeri Sembilan di MAHA. Pasar tani untuk makluman ADUN Paroi, menyediakan platform kepada petani dan usahawan tempatan untuk memasarkan hasil segar seperti sayur, buah dan produk hiliran. Sambutan semakin baik di PAKAR ini dan juga PAKAR ini kita akan lakukan penambahbaikan infrastruktur dan pelbagai program bagi

memastikan sambutan terus diberikan oleh pengguna untuk membantu usahawan-usahawan di PAKAR. Untuk program, Kerajaan Negeri menerusi Belanjawan 2025 telah memperuntukkan 3.0 juta sebagai dana untuk menampung kos membangunkan Pavilion MAHA Negeri Sembilan pada tahun hadapan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah umum untuk memperuntukkan 3.0 juta dan kerja awalan bagi menampung kos ini 500 ribu akan dibuat pada tahun 2025. [batuk].

Minta maaf ADUN, haa ni, [batuk] mintak maaf. ADUN Serting, membangkitkan berkenaan dengan isu tekanan air rendah di Bandar Seri Jempol dan Felda Raja Alias. Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran paip di kawasan Felda Raja Alias dan Bandar Baru Jempol adalah paip lama jenis *asbestos cement (AC)*dan kawalan tekanan air perlu dilaksanakan. Kalau dia tak kawal air ni Yang Berhormat, dia boleh pecah. Bila dia buka *extra* sikit, dia boleh *burst* paip ni. Bila dia pecah, gangguan bekalan air di kawasan Serting, di kawasan felda ini, Felda Raja Alias akan berlaku. Kerana itu bekalan dan *pressure* air terpaksa dikawal oleh jabatan, oleh SAINS. Pihak SAINS juga dan proses melaksanakan program penukaran paip yang rosak secara berperingkat untuk seluruh Negeri Sembilan termasuk kawasan Felda Raja Alias dan Bandar Baru Jempol.

Yang Berhormat Serting membangkitkan soal peruntukan Jualan Negeri Sembilan Prihatin dan juga berkaitan dengan isu Beras Perpatih. Isu sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Pinang, jadi saya jawab bersekali ya. Berkenaan dengan soal peruntukan. Peruntukan yang digunakan untuk jualan harga Negeri Sembilan Prihatin merupakan *revolving fund*, dengan izin. Bahasa mudahnya peruntukan digunakan sebagai subsidi dan untuk memperoleh barangan jualan dengan harga yang paling rendah. Harga jualan setiap program ini diakaunkan semula kepada sumber peruntukan supaya dapat digunakan pada waktu yang akan datang. Setelah semakan dibuat, jumlah peruntukan yang diberikan bagi tahun 2025 adalah munasabah membandingkan mas, memandangkan masih terdapat baki peruntukan daripada tahun 2024 dan sebelumnya.

Untuk isu Beras Perpatih ini, Yang Berhormat, buat masa ini, kapasiti pengeluaran Beras Perpatih adalah sebanyak 48 tan sebulan, Beras Perpatih Negeri Sembilan ya. Kapasiti ini memang jauh daripada mencukupi untuk menampung keperluan pasaran runcit secara meluas. Kerana itu Beras Perpatih, saya nak sebut rekod daripada bulan Mac sejak kita lancarkan dalam NS Fest tempoh hari, sehingga November 2024 – 384 tan telah pun dijual melalui Jualan Nismilan Prihatin. Kerana itu sekarang ni beras ini kita jual dan pasarkan melalui Jualan

Nismilan Prihatin saja supaya semua bekalan beras ini dapat kita salurkan kepada masyarakat yang selayaknya.

Ketika ini, yang ni saya nak sebut juga, ketika ini keluaran purata beras Negeri Sembilan adalah sebanyak 4 metrik tan per hektar. Sasaran saya, sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan hasil ini sehingga 7 metrik tan per hektar. Keluasan tanah sawah padi di Negeri Sembilan adalah lebih kurang 1,200 hektar, namun yang bertanam 700 ke 800 hektar kerana beberapa masalah yang berkaitan dengan infra. *Insya-Allah* sekarang ini kita beri penumpuan kepada infra bagi menambah kawasan penanaman padi ini dan juga untuk menambah keperluan, menampung keperluan beras di Negeri Sembilan. Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat, keperluan Negeri Sembilan memerlukan 80,000 metrik tan setahun untuk menampung keperluan kita. Dan 80,000 tan metrik ini memerlukan 20,000 hektar kawasan penanaman padi yang pada kita, mustahil untuk kita capai. Jadi kerana itu, kita menambah lagi tanaman padi sekurang-kurangnya daripada 8% pada 2028 kita boleh mencakupi sehingga 16 ke 18% keperluan padi di Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Lukut membangkitkan isu pemasaran padi pisang, pemasalahan hasil pisang. Merujuk kepada laporan komoditi harian bagi komoditi pisang di Negeri Sembilan, saya dah sebut tadi bahawa bekalan pisang kita melebihi daripada keperluan. Dan harga mengikut data pada November 2024 kekal pada 5.65 ringgit. Tidak ada kenaikan yang melampau Yang Berhormat ya. Harga purata pisang pada September sekitar 8.00, kemudian berlaku kenaikan sikit pada November – 8.75 ringgit. Kemudian dia turun balik akan, mengikut musim ataupun mengikut monsun yang kita lalui sekarang ini.

YB ADUN Lukut: Mohon pencerahan Datuk.

YB ADUN Pertang: Ya ya.

YB ADUN Lukut: Datuk Seri, saya bukan sebut pasal harga dekat pasaran. Saya sebut harga keluar ladang. Orang datang ke ladang untuk ambil hasil apa, pisang. Awal tahun RM3.50 setengah untuk sekilo. Tapi akhir tahun ini dia turun sampai RM1.20 sekilo. Tak cukup untuk kos untuk menanam pisang.

YB ADUN Pertang: Ya. Kerana itu saya sebut Yang Berhormat, harga purata pisang tanduk pada September 2024 ya, pada 2024, lapan ringgit. Berlaku sedikit kenaikan, dia naik lagi. Mengikut musim. Harga purata bagi pisang berangan dan pisang emas – 6.25 ringgit dan 5.00 ringgit pada September 2024. Harga purata pada November 2024 –

RM6.15 dan RM4.80. Tak pernah seringgit lebih Yang Berhormat. Mana Yang Berhormat? Yang Berhormat Lukut, pernah sampai satu ringgit lebih. Saya akan mintak, bincang dengan Jabatan Pertanian. Kita akan turun ke DUN Yang Berhormat, kita tengok siapa yang beli pisang seringgit lebih ni ya. Ini orang tengah ni kita kena kawal sikit Yang Berhormat. Bersama dengan saya supaya kita kawal orang tengah, supaya pengundi Yang Berhormat di DUN Lukut akan mendapat manfaat *total* daripada perjuangan kerajaan ini *insya-Allah.*

ADUN Bagan Pinang membangkitkan berkaitan dengan kerjasama dengan MARDI dan teknologi saliran titis bagi mengurangkan penggunaan air yang menjadi masalah utama penanaman padi. Sistem pengairan titis telah digunakan dengan meluas bagi tanaman makanan seperti sayuran dan buahan. Bagi tanaman padi penggunaan sistem pengairan titis memerlukan kos yang tinggi untuk pembangunan sistem di samping belanja yang besar untuk penyelenggaraan kerana ianya melibatkan kawasan penamaan padi yang luas. *Insya-Allah* apa, sistem pengairan titis ini boleh dilaksanakan sekiranya ada petani atau pihak swasta yang berminat dan sanggup melabur di dalam program ini.

Dato' Yang Dipertua, bagi ADUN Kota, saya kena *speed* sikit lagi kerana masa saya sudah hampir habis. Yang Berhormat Kota membangkitkan berkenaan dengan isu migrasi luar bandar ke bandar. Saya pun telah jawab Dato' Yang Dipertua, dalam jawapan lisan tentang bagaimana kita nak kawal daripada migrasi, migrasi golongan belia dan muda ke kawasan bandar. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah yang seperti yang telah saya sebut. Pertama: kita tambah meningkatkan daya huni kawasan luar bandar. Kedua: melaksanakan program peluasan kampung secara meluas. Ketiga: penyediaan infrastruktur kawasan luar bandar supaya pewujudan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada semua golongan belia supaya tidak pindah ke kawasan bandar.

ADUN Lenggeng. Haa ni baru masuk Lenggeng ya. ADUN Lenggeng, pertama saya ucap terima kasihlah kepada Lenggeng kerana pemikiran Lenggeng itu lebih kurang sama dengan pemikiran Kerajaan Negeri. ADUN Lenggeng mencadangkan supaya mening, untuk meningkatkan keberkesanan dan juga memberikan kebaikan kepada golongan petani, penternak dan nelayan. ADUN Lenggeng mencadangkan supaya diwujudkan satu GLC atau *government linked company* yang berkaitan dengan industri pertanian dan hasil tani. *Insya-Allah* untuk makluman ADUN Lenggeng, perkara ini telah pun dimulakan perbincangan awal di kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan *insya-Allah* dalam proses merangka kerja. Dan jika mendapat kelulusan dan kebenaran daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, *insya-Allah*

seawal tahun 2025, hasrat untuk menubuhkan syarikat GLC berkaitan industri tani ini dapat kita tubuhkan di Negeri Sembilan bagi memberi manfaat kepada golongan petani, penternak yang berada di Negeri Sembilan *insya-Allah.*

Akhir sekali Dato' Yang Dipertua, ADUN Chembong yang membangkitkan penyaluran geran kepada Kampung Orang Asli Ulu Chuai memandangkan kampung ini tidak mempunyai JPKK orang Asli. Ada Chembong ya. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini Kampung Orang Asli Ulu Chuai dipimpin oleh seorang Batin. Kampung ini tidak mempunyai JPKK orang Asli kerana bilangan penduduk pada ketika ini tidak mencapai 200 orang sepertimana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Dan Tatacara Pelantikan dan, dan juga Penamatan JPKK Orang Asli. Walau bagaimanapun mengambil kira pertambahan bilangan penduduk dan keperluan pentadbiran dari segi pembangunan, JAKOA telah mengangkat permohonan ke ibu pejabat bagi tambahan 3 kuota JPKK Orang Asli di Negeri Sembilan, khususnya di Kampung Orang Asli Chuai dan dua buah JPKK Orang Asli lagi yakni di kampung orang Asli di Seremban. Pada tahun ini, Kampung Orang Asli Ulu Chuai telah menerima geran khas sebanyak 5,000.00 ringgit bagi menjalankan program komuniti. Program ini telah pun dilaksanakan pada 11 Ogos 2024.

Berkenaan dengan isu naik taraf jalan Kampung Orang Asli. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Mesyuarat Jawatankuasa MARRIS telah meluluskan 11 projek yang dipohon oleh Pejabat Daerah bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Kampung Orang Asli di seluruh Negeri Sembilan yang melibatkan kos sebanyak 1.17 juta Ringgit Malaysia. Oleh demikian sekiranya terdapat keperluan menyelenggara jalan di mana-mana perkampungan orang Asli, permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Daerah Dan Tanah melalui peruntukan MARRIS.

Berkaitan dengan bas henti-henti, ADUN Chembong ya. Kerajaan Negeri tidak menamatkan perkhidmatan bas yang, apa ni, bas henti-henti luar bandar ni, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada, kepada kajian, kontrak satu tahun daripada 2 Oktober 2023 dan tamat pada satu Oktober 2024. Cumanya kita tak sambung kontrak itu, tawaran kontrak itu kepada pengusaha ini kerana berdasarkan penilaian, selain daripada laluan hentian bas Rembau dan Lubuk China, didapati bahawa purata penumpang adalah sangat rendah pada setiap bulan di 5 laluan bas Rentas Negeri Sembilan yang lain. Kerana itu, kontrak perkhidmatan Rentas Negeri Sembilan ini telah diputuskan untuk tidak diteruskan berdasar penilaian ini.

Dato' Yang Dipertua, akhir sekali. Saya nak ucapkan tahniah, mengambil kesempatan ni Dato' Yang Dipertua, saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya sebut tadi, selepas penelitian saya, soalan daripada ahli-ahli ADUN kali ni luar biasa. Merentasi dunia di peringkat antarabangsa. Sehingga mencabar pemikiran ramai kami di kalangan Exco membuat *research* sehingga awal pagi untuk menjawab soalan mereka. Perbahasan juga sangat luar biasa di kalangan ahli-ahli ADUN. Dan kerana itu Yang Berhormat, saya nak sebut saya ulang balik, alang-alang kita berdayung biar sampai ke Pulau Sembilan, alang-alang kita bergabung, biar berhabih untuk rakyat Negeri Sembilan. Kenapa saya timbulkan pantun ini, Yang Berhormat Dato' *Speaker*, kerana biar berabih ini bukan bermakna berabih dari segi wang ringgit. Berabih dalam soal pemikiran Yang Berhormat, berabih dalam soal usaha, berhabis dalam soal keringat, tenaga dan *understanding*. Kerana itu Yang Berhormat, perbahasan daripada ahli Yang Berhormat pembangkang dan juga kerajaan, jawapan daripada ahli Exco Kerajaan Negeri kali ini, saya lihat luar biasa. Kerana setiap usaha dan dikemukakan oleh ADUN dan jawapan kerajaan adalah menjurus kepada pembelaan kesejahteraan rakyat. Dan ini adalah merupakan satu pembelaan untuk kepentingan rakyat. Apabila kedua-dua pemikiran parti, Pakatan Harapan bersama dengan Barisan Nasional, antara saya dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin Harun, mempunyai satu kekuatan persefahaman untuk memberikan khidmat semaksimum mungkin kepada kepentingan rakyat. Dan saya juga minta, dan disambut oleh penjawat-penjawat awam, dan saya juga minta atas kerjasama semua pelopor-pelopor media Dato' Yang Dipertua, untuk membawa hasrat ini supaya difahami sampai ke peringkat akar umbi.

Tetapi masalahnya Dato' Yang Dipertua, sebelum saya tamatkan penggulungan ini, saya nak lahirkan rasa kecewa sedikit. Ada media yang faham tentang perjuangan. Ada media yang menggunakan antara nak dapatkan apa, *value,* nak dapatkan nilai berita itu dengan mengeluarkan *catchy* ataupun topik-topik *catchy* yang boleh mendatangkan persepsi lain di kalangan rakyat. Saya nak bawa di Dewan yang mulia ya, tajuk yang saya baca semalam: "Negeri Sembilan tiada halangan teruskan aktiviti penternakan babi di PFA Bukit Pelanduk". Dato' Yang Dipertua, *typical* dengan izin, rakyat baca tajuk, dia tak baca *detail.* Kecuali ada TikTok. TikTok ni memang biasa kita dengar sebelum kita tidur. Tapi kita tak baca ni Dato' Yang Dipertua. Tapi berasaskan kepada tajuk dan topik ini, dia boleh mendatangkan rasa kegusaran di kalangan orang Melayu di Negeri Sembilan. Apa jadi kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan juga Barisan Nasional di Negeri Sembilan sehinggakan memberikan keluas, memberikan kelulusan,

memberikan kebenaran dan buka aktiviti penternakan babi di di Negeri Sembilan yang mana ini tidak harus dilakukan di bawah pimpinan Kerajaan Perpaduan. Saya saya mintak maaf kepada masyarakat Cina ya, di Dewan dan juga di Negeri Sembilan, ini bukan soal PFA. Apa dia makna PFA? *Pick farming area*.

Dan saya sebut di dalam jawapan saya, bahawa Jabatan Perancang, saya ulang balik Dato' Yang Dipertua. Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan bersama Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Perbandaran Port Dickson menyediakan Rancangan Tempatan *Malaysian Vision Valley* (*RT MVV) 2045* bagi merancang pembangunan di seluruh daerah Seremban dan Port Dickson berdasarkan RT MVV tersebut kawasan ini terletak di Blok Perancangan 2 Jimah Baru dan cadangan pembangunan di RT MVV telah mengzonkan kawasan tersebut sebagai zon pembangunan bercampur yang meliputi zon guna tanah industri komersial dan perumahan. Projek itu, di sekitar itu, kita akan bangunkan di bawah MVV. Dan kawasan ini akan mendapat limpahan pembangunan ini dalam soal industri.

Saya jawab, saya akui, saya jawab soal Kerajaan Negeri Sembilan tidak ada halangan jika ada pemilik-pemilik hendak, nak, apa orang kata, nak, saya baca balik jawapan saya supaya tidak ada salah faham. Mana ada jawapan saya. Saya tak tengok. Jawapan saya, saya ingat, Kerajaan Negeri tidak ada halangan untuk pemilik ataupun pemilik tanah untuk melakukan penternakan babi dengan 2 syarat. Saya ingat lagi syarat saya bagi. Apa dia syarat dia? Dengan reban ataupun ladang tertutup. Yang kedua *zero discharge* dengan izin. 2 syarat. Kerana ada soalan daripada YB Chuah, kalau tak silap saya, YB Chuah ke YB mana yang tanya saya hari tu. YB Chuah. Yang tanya saya, apakah apa ni, pendirian Kerajaan Negeri jika ada pemilik nak meneruskan usaha penternakan babi di di Bukit Pelanduk. *In this is a PFA, pig farming area*. Jadi saya nak mintak kepada rakan, di kalangan rakan-rakan media ni, saya minta maaf, saya tegur secara terbuka dalam Dewan Undangan Negeri supaya hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan suasana ketenangan, *peace* di Negeri Sembilan, suasana *understanding* di Negeri Sembilan. Usaha kuat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, daripada semua ahli Exco dan juga ahli ADUN tidak diganggu-gugat dengan *perception* yang tidak wajar dilakukan oleh pihak tertentu. Jadi, saya nak mintak maaf Dato' Yang Dipertua, atas perkara ini. Dan saya harap supaya bai'ah dan etika kemendiaan itu dapat kita jaga bersama.

Sebelum saya akhiri penggulungan ini, saya akan mengambil kesempatan ini jugak Dato' Yang Dipertua untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai di bawah portfolio saya, semua, semua ketua-ketua jabatan yang telah melakukan kerja kuat untuk

membantu saya bagi menjawab semua persoalan sepanjang tempoh persidangan ini. Dan juga saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana telah mempengerusikan Dewan Undangan Negeri dengan begitu baik, yang begitu tahan, saya *confirm* saya tak tahan apa yang dilakukan Dato' Yang Dipertua. Dan akhir sekali saya nak sebut kepada Dato' Yang Dipertua, dua rangkap pantunlah. Pantun ni pantun okey Dato' Yang Dipertua, *don't worry*.

Emas, perak, intan suasa
Cantik bersinar, cahaya berkilauan
Biar berbeza agama dan bangsa
Gerak bersama kukuhkan perpaduan

Rumah bertiang berdinding papan
Tanam selasih di tengah laman
Tidak kira Barisan, Perikatan dan juga Harapan
Kita sama-sama sokong Belanjawan Negeri Sembilan

Sekian, *wabillahitaufikwalhidayah, wassalamualaikum WBT.*

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Pertang. Saya suka pantun yang awal tu. Masa mukadimah tu. Jadi Yang Berhormat Pertang, apa kita kata berhabis berfikir, berhabis usaha, berhabis tenaga, dalam Bahasa Arab tu satu aje, jihad. Betul? Jadi saya menjemput Yang Amat Berhormat Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih semua ADUN-ADUN yang telah memberikan ucapan perbahasan pada persidangan pada kali ini. Terima kasih Exco-Exco yang telah menjawab dengan matang dan penuh informatif yang boleh melegakan ya, melegakan kepada soalan-soalan ataupun permasalahan-permasalahan tersebut telah dapat dijawab dengan baik. Saya ada 3 je.

Dato' Yang Dipertua saya teruslah Dato' Yang Dipertua, untuk menjawab ADUN Gemas mengenai Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Infrastruktur, Utiliti ya. Untuk makluman, pihak JKR bersama-sama pihak Selia Selenggara sering membuat pemantauan rutin ya, tadi pun ada soalan yang sama. Dan saya rasa bahawa ya, hari ini kita berharap bahawa pihak Selia Selenggara dapat menambahkan, menambah baik lagi perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Sembilan. Untuk makluman Kerajaan Negeri telah pun mengangkat permohonan ke Kementerian Kerja Raya *Rolling Plan* Ke-5 Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tajuk Projek Cadangan Jalan Kuala Pilah *Bypass* Dari Tanjung Ipoh Ke Kampung Gentam Tengah, Kuala Pilah. Kerja-kerja ini dilaksanakan

sebaik sahaja kelulusan diterima ya. Jadi memang kita berharap juga dia dapat diperbaiki.

Isu berkenaan jalan rosak di Jalan Persekutuan FT001 Bandar Gemas disebabkan aset paip pihak ketiga. Tindakan segera pembaikan sementara telah pun diambil oleh pihak Selia Selenggara. Terima kasih. Soalan ADUN Lobak mengenai lampu jalan di FT001, jalan yang dinyatakan oleh Jalan Persekutuan FT001 Jalan Seremban – Beranang. Untuk makluman JKR telah melaksanakan kerja pemasangan 15 batang lampu solar di atas persimpangan Taman Industri Tun Dr. Ismail di ke Pekan Mantin dengan kos berjumlah 200 ribu ringgit pada tahun ini ya. Kita tak dapatlah nak buat untuk kesemua sekali, kita bagi-bagi sedikit.

Dato' Yang Dipertua, ADUN Gemencheh mengenai isu jalan juga. Untuk makluman, persimpangan Sekolah Menengah Dato' Mohd Taha yang berada di Jalan Persekutuan FT001, Seksyen 242.00. Kerja-kerja pembaikan serta penambahbaikan ciri keselamatan persimpangan tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2022 di bawah peruntukan Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Black spot jalan yang dinyatakan adalah Jalan Persekutuan FT001 Jalan Gemas – Tampin. Untuk makluman juga JKR telah memasang tambahan 23 batang lampu jenis solar di Seksyen 226, 214 dan 223 Jalan FT001 pada tahun ini dengan jumlah peruntukan sebanyak 293 ribu ringgit. Walau bagaimanapun pihak JKR telah pun mengangkat permohonan tambahan lampu pada 15 November yang lepas bagi kelulusan bagi tahun 2025 sebanyak 200 ribu ringgit lagi.

ADUN Lukut, jalan daripada persimpangan Rantau Seliau Ke Mambau. Jalan yang dinyatakan adalah Jalan Persekutuan FT053 Jalan Seremban – Port Dickson. Untuk makluman JKR telah pun mengangkat permohonan sejumlah 300 ribu ringgit kepada Kementerian Kerja Raya pada 30 September 2024 yang lalu bagi kerja pemasangan lampu jalan untuk kelulusan tahun 2025. Bagi ADUN Lukut juga cadangan pelebaran laluan ya, jalan masuk ke sekolah, ke Sekolah Kampung Jimah. Untuk makluman pelebaran jalan laluan tersebut di sekolah tersebut, melibatkan urusan pengambilan tanah di atas lot 2948 GM, geran Malaysia, geran, geran 608 Mukim Jimah, Daerah Port Dickson, seluas lebih kurang 0.2234 hektar, di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960. Status terkini bagi permohonan tersebut adalah kertas pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Seksyen 8 telah diluluskan pada 11 November 2024, sedang dalam tindakan pewartaan Seksyen 8.

ADUN Serting mengenai JKR juga. Pencahaya, pencahayaan ya, pembaikan longkang. Jalan yang dinyatakan adalah Jalan Persekutuan

FT11, Jalan Bahau – Keratong. Untuk makluman, JKR telah melaksanakan pemasangan lampu jalan sebanyak 16 batang seperti soalan tadi. Bagi Mesyuarat Jawatankuasa MARRIS bertarikh 17 Julai 2024 telah meluluskan permohonan dari Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan lain-lain kerja berkaitan di kawasan jalan kampung, Daerah Jempol. Kerja-kerja pembaikan longkang di Kampung Johan dengan anggaran kos 2.2 juta, peruntukan MARRIS. Tarikh mula projek adalah pada 1 November 2024 dan dijangka siap pada 31 Mei 2025.

Soalan ADUN Bagan Pinang. Kos-kos kerja penebangan pokok merbahaya. Kerajaan Negeri telah meluluskan kerja-kerja selenggara pokok-pokok berbahaya melalui peruntukan MARRIS pada tahun 2024 dengan kos keseluruhan 10.63 tiga juta manakala bagi DUN Bagan Pinang sebanyak 800 ribu ringgit telah diperuntukkan melalui 8 sebut harga kerja penebangan pokok. Kesemua perolehan bagi projek-projek tersebut telah dilaksanakan secara undi kepada kontraktor-kontraktor yang layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

ADUN Juasseh pembinaan jambatan konkrit di Kampung Beting. Susulan daripada kejadian banjir yang berlaku pada 14 Mei 2024 telah mengakibatkan kerosakan pada struktur asas ataupun *abutment*, jabat, jambatan di Kampung Beting. Sehubungan itu, JPS Daerah Kuala Pilah telah mengemukakan permohonan pembaikan ataupun penggantian struktur jambatan melalui peruntukan MARRIS dengan anggaran kos sebanyak 900 ribu ringgit dan telah diluluskan pada Ogos 2024. Walau bagaimanapun, mulai lawatan susulan yang dijalankan, pihak JPS mendapati terdapat kesukaran dan kekangan bagi tujuan mobilisasi jentera dan bahan binaan termasuk membawa struktur rasuk ke tapak bina menyebabkan reka bentuk asal perlu dipinda semula. Sehubungan itu, proses perolehan bagi projek ini dijangka akan dilaksanakan Januari 2025.

Bagi soalan ADUN Labu, kemalangan maut melibatkan kanak-kanak 2 tahun. Ini saya rasa dah dijawab oleh YB, YB Nilai.

Status projek jalan penghubung TTJ – Kem Senawang. Soalan ADUN Paroi. Untuk makluman projek tersebut sedang dalam fasa akhir proses perolehan. Dijangka iklan tender pada 12 Disember 2024 di bawah tajuk Membina Jalan Baru Dari Taman Tuanku Jaafar, TTJ Golf Ke Taman Bandar Senawang. Dan Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada bulan Mac 2025. Kelewatan ini adalah disebabkan kita tak boleh nak lalu tepi kem ya. Kita terpaksa alih jajaran tersebut kerana di kem itu ada, adalah merupakan kawasan keselamatan yang terpaksa kita pelihara.

Untuk soalan ADUN Seri Menanti. Program pencahayaan juga, dan pemasangan lampu amaran, garis kuning. Pihak JKR Daerah mengambil maklum berkaitan permohonan tersebut. Bagi mengenal pasti keperluan pemasangan lampu solar bagi Jalan Persekutuan, permohonan akan dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya. Dan untuk makluman persimpangan masuk taman-taman tersebut terletak di Jalan Persekutuan FT051 Jalan Seremban – Kuala Pilah. Pihak JKR akan membuat semakan di tapak dan mengenal pasti keperluan kawasan tersebut *insya-Allah* ya. Dan mereka akan mohon peruntukan untuk menaik taraf.

Yang Berhormat Seri Menanti juga. Majlis Daerah menyokong cadangan yang di, apa, Majlis Daerah menyokong cadangan tersebut.

ADUN Jeram Padang jalan baru Felcra Rompin ke Felda Palong 2. Untuk makluman Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu yang berbangkit di kawasan tersebut. Pihak JKR Negeri akan mengangkat permohonan di bawah *Rolling Plan* 1 Rancangan Malaysia Ke-13 ke Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah bagi program jalan luar bandar bagi tajuk projek Membina Jalan Baru Dari Felcra Rompin Ke Felcra, Ke Felda Palong 2.

ADUN Klawang. Pemantauan terhadap kerja-kerja penurapan jalan raya di DUN Klawang. Pejabat Daerah Dan Tanah sentiasa memantau perlaksanaan tersebut dan jika ada perkara-perkara yang ya, boleh menimbulkan permasalahan, saya harap dapat dikemukakan untuk tindakan selanjutnya.

Mohon pemantauan terhadap kerja penurapan jalan, kes ADUN Chembong. Projek permohonan naik taraf Jalan FT01 dari Sungai Gadut ke Pedas, status permohonan ini, apakah perkembangan jalan baru antara Sepri, Daerah Rembau ke Seri Menanti, mohon agensi Projek Perumahan Rakyat Chembong ya, mengenai jalan supaya projek ini, peruntukan MARRIS dapat menaik taraf jalan-jalan perkampungan orang Asli. Seperti yang sedia maklum rasa yang orang Asli kita dah terjawab. Seperti yang sedia maklum ya, kita telah mengangkat ya, permohonan menaik taraf jalan daripada, laluan FT01 Jalan Pedas ke Sungai Gadut Seksyen 296 hingga 305 daerah Rembau pada *Rolling Plan* Ke-5 Rancangan Malaysia Ke-12 ke Kementerian Kerja Raya. Kerja-kerja dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan peruntukan. Saya dimaklumkan bahawa kerja-kerja kajian sedang dimulakan.

Untuk makluman status projek membina jalan daripada Seri Menanti ke Kuala Pilah ke Ulu Sepri di Rembau. Projek sedang dilaksanakan kerja

penyiasatan tanah, pengambilan tanah di bawah Seksyen 5 serta penyediaan laporan bagi kerja EIA kepada Jabatan Alam, oleh Jabatan Alam Sekitar. Kerja-kerja bagi pihak ini sedang dilaksanakan. Terdapat isu teknikal di tapak yang menyebabkan perjalanan projek ini menjadi lewat. Dijangka kerja fizikal bagi kedua-dua projek ini dapat dilaksanakan sebaik sahaja pengambilan tanah dan EIA diselesaikan.

Jalan masuk perumahan rakyat Chembong adalah Jalan Negeri N76 Jalan IKBN Chembong dan kerja-kerja menaik taraf persimpangan hingga ke Perumahan Rakyat Chembong akan dilaksanakan oleh pihak pemaju iaitu Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sepertimana syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam kelulusan pelan jalan dan perparitan. Bagi Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat MARRIS telah meluluskan permohonan daripada Pejabat Daerah bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan orang Asli di seluruh Negeri Sembilan. Pada tahun 2024 sahaja sebanyak 1.17 juta telah diluluskan melibatkan 11 projek di kampung perorangan, perkampungan Orang Asli di Negeri Sembilan. Oleh yang demikian sekiranya terdapat keperluan penyenggaraan jalan di mana-mana perkampungan orang Asli, permohonan boleh dilakukan melalui Pejabat Daerah Dan Tanah melalui peruntukan MARRIS.

Jawatankuasa Bertindak Pelaburan juga, mohon JKR status permohonan naik taraf longkang pekan Kota akibat banjir. Lokasi dinyatakan adalah FT001 Jalan Seremban – Tampin. Untuk makluman, JKR telah mengangkat permohonan longkang di Pekan Kota sejumlah 310 ribu kepada Kementerian Kerja Raya bagi kelulusan tahun 2025 pada 30 September 2024 ya.

Untuk soalan ADUN Lukut. Isu peniaga mangsa di *traffic light* apa tindakan. Merujuk kepada Kaedah 10A(1) Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 tiada siapa pun boleh menjual atau menawarkan untuk menjual benda-benda/barang kepada mana-mana orang yang berada di atas kenderaan di persimpangan jalan atau mana-mana jalan raya. Manakala Kaedah 10A(2) Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 pula menyatakan tiada siapa pun yang berada di di di dalam atau di atas kenderaan boleh membeli benda-benda/barang daripada mana-mana di persimpangan jalan ataupun mana-mana jalan raya. Jadi saya berharap penguatkuasaan dapat dijalankan bagi memastikan tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Dato' Yang Dipertua, mengenai Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Agama Islam. ADUN Labu. Tidak ramai mengetahui berkenaan bantuan perkahwinan kali pertama. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah mengambil langkah proaktif menyebar maklumat

berkaitan Aspirasi Bantuan Belia Berkahwin 2024 iaitu bantuan perkahwinan anak Negeri Sembilan untuk mendirikan rumah tangga buat kali pertama pada, pada tahun 2024, sebanyak 500.00 ringgit. Hebahan telah dibuat ya, melalui kaunter Unit Pendaftaran Nikah, Cerai Dan Rujuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Ibu Pejabat di semua jabatan dan dan semua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Daerah. Kita juga, sepanjang 2024, sebanyak 500 kursus telah diadakan dengan penglibatan sebanyak 8,663 peserta. Hebahan laman web, media sosial Jabatan Agama Islam juga diadakan. Hebahan dalam program-program kekeluargaan anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam juga diadakan. Keseluruhan penerima setakat Oktober 2024 adalah seramai 1,283 dengan jumlah peruntukan 641,500.00 ringgit. DUN Labu sahaja ada 51 orang pemohon telah diluluskan.

ADUN Sungai Lui, naik taraf bangunan fasiliti Sekolah Agama Rakyat terutama di DUN Sungai Lui. Meja, kerusi, papan hitam dan lain-lain. Berkaitan isu bantuan terhadap Sekolah Agama Rakyat yang dibangkitkan oleh ADUN Sungai Lui, untuk makluman semua Sekolah Agama Rakyat sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sentiasa menyalurkan bantuan kepada sekolah agama rakyat. Antaranya Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM499,371.60 sen sejak tahun 2020. JAKIM memberikan bantuan dan naik taraf sebanyak 4.5 juta ringgit tahun 2022 dan 2023 termasuk 180 ribu ringgit, 180,900.00 ringgit kepada SAR di kawasan DUN Sungai Lui. Selain itu bantuan pengoperasian dan kewangan turut disalurkan termasuk 4,921.00 ringgit untuk SAR Felda Sungai Lui Timur bagi pembayaran utiliti dan 29,560.00 ringgit untuk pembelian aset dan latihan guru pada 2022 dan 2023. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan turut memberikan bantuan *one off* sebanyak 10,000.00 ringgit kepada setiap SAR di seluruh Negeri Sembilan pada tahun 2022.

ADUN Gemas. Tanah kosong yang milik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang tidak diselenggara. Tanah kosong yang dibangkitkan oleh ADUN Gemas ada di Lot 13237 Mukim Bandar Gemas yang diwartakan sebagai tapak Masjid Gemas seluas 10 ekar, kos keseluruhan untuk pembersihan kawasan di lot berkenaan adalah sebanyak 150 ribu ringgit berdasarkan peruntukan semasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah melantik kontraktor pada 20 November 2024 dan sedang melaksanakan kerja pembersihan di sebahagian kawasan semak samun di lot tersebut dengan kos terlibat sebanyak 25,000.00 ringgit.

ADUN Seri Menanti, cadangan bina surau baru di Kampung Orang Asli Ulu Mampas. Kerajaan Negeri komited untuk membangun dan

meningkatkan syiar Islam dan, tanpa meminggirkan pihak termasuk masyarakat orang Asli di mana 36 buah surau telah dibina di perkampungan orang Asli di seluruh Negeri Sembilan. Memandangkan terdapat keperluan untuk membina surau di perkampungan orang Asli Ulu Mampas, maka Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan akan memberi keutamaan dan perancangan pembinaan surau di perkampungan tersebut.

ADUN Seri Menanti juga memperkasakan *ahli sunah waljamaah* dengan perbanyakkan program. Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan menyedari pentingnya memastikan umat Islam khasnya di Negeri Sembilan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang Islam khasnya di negeri ini. Bagi mempunyai pemahaman ini program yang berlandaskan al-Quran dan sunah demi memperkukuhkan pegangan dan panduan dalam kalangan umat Islam, program berbentuk advokasi akidah telah dilaksanakan secara berkala oleh kedua-dua agensi, seminar, konvensyen dan *podcast* atau program advokasi secara atas talian melalui YouTube, TikTok dan juga penerbitan poster kesedaran. Sehingga 15 November 2024, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah melaksanakan 15 siri program advokasi akidah secara bersemuka dan 8 siri secara atas talian. Jabatan Hal Ehwal Agama Malaysia juga menerbitkan buku Asas Akidah Takmir Negeri Sembilan sebagai buku rujukan guru-guru takmir dalam pengajaran ilmu tauhid agar masyarakat dapat pemahaman yang sama melalui sumber rujukan yang sama.

ADUN Seri Menanti, perluasan Skim PERKESO kepada imam. Caruman PERKESO kepada para Imam telah dilaksanakan secara *one off* oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2021 melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Inisiatif tersebut diteruskan pada tahun 2024 dan tahun 2025 melalui peruntukan persekutuan yang memberi manfaat kepada lebih kurang 14,373 orang Imam Seluruh Malaysia. Caruman turut dipanjangkan kepada guru takmir seramai 5,000 orang. Caruman tersebut membuktikan komitmen dalam, kerajaan dalam menjaga kebajikan Imam.

ADUN Sungai Lui penambahbaikan tatacara pengurusan bagi saudara baru orang Asli. Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sentiasa berusaha menambah baik, memperkemas tatacara pengurusan bagi saudara baru orang Asli dan mualaf Negeri Sembilan. Jabatan telah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah menghasilkan modul asas mualaf dalam memberi panduan asas yang kukuh bagi meningkatkan tahap pendidikan asas saudara baru. Begitu juga dengan Buku Mauizah yang diwujudkan untuk melatih

pembimbing mualaf dalam menyampaikan ilmu serta mendalami dakwah secara lebih berkualiti dengan kaedah pengajaran yang mudah, objektif dan tepat. Di samping itu, pelantikan sukarelawan Rakan Ziarah seramai 70 orang bermula tahun 2025 mempunyai proses pemilihan yang baru melalui beberapa tapisan seperti ujian penilaian dan temuduga sebelum dilantik sebagai, dilantik. Pemilihan ini bertujuan agar individu yang dilantik adalah yang memiliki kelayakan dan menepati pilihan. Seramai 20 orang Penggerak Masyarakat Orang Asli juga akan diberi latihan dan kursus bagi memastikan setiap gerak kerja serta program kepada orang Asli Islam sentiasa ditambah baik. Fokus utama orang Asli Islam dapat mencapai kejayaan cemerlang dalam pendidikan dan mampu meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik.

ADUN Serting Masjid Ulu, Serting Ulu, Masjid Bayai Lama dan Masjid Kampung Bayai Baru perlu dinaiki taraf kerana sudah lama tidak diselenggara. Masjid Kampung Serting, Daerah Jempol dilaksanakan kerja penyelenggaraan keseluruhan bumbung masjid dan penggantian karpet di ruang solat pada 13 Mei 2022 di bawah peruntukan pembangunan negeri vot P63 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebanyak 188,800.00 ringgit. Manakala kerja pembaikan bumbung konkrit, *waterproofing* di masjid Mariah Kariah Bayai Baru, Daerah Jempol telah dilaksanakan pada 7 November 2023 dengan kos peruntukan 114,200.00 ringgit di bawah peruntukan Majlis Agama Islam. Kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf masjid di Negeri Sembilan dilaksanakan secara berfasa serta mengikut keutamaan, kerosakan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

ADUN Bagan Pinang perlu ambil tindakan proaktif mempertahankan kedudukan Mahkamah Syariah. Merujuk kepada persoalan mengapa Negeri Sembilan tidak memasukkan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Negeri seperti yang dilakukan oleh Kedah, izinkan saya menjelaskan bahawa pendirian Negeri Sembilan adalah, adalah ketiadaan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Negeri tidak memberi impak besar kepada sistem perundangan syariah negeri ini. Cabaran utama Perundangan Syariah Negeri Sembilan adalah berkaitan dengan pemerkasaan bidang kuasa Mahkamah Syariah bukannya aspek penubuhan Mahkamah Syariah. Oleh itu, tumpuan kita adalah memperkukuhkan perundangan substansif dan prosedur undang-undang syariah agar selari dengan keperluan semasa. Walau bagaimanapun, keperluan untuk memasukkan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh akan diperhalusi dan dibincangkan secara mendalam sekiranya perlu. Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan Mahkamah Syariah di Port Dickson dan Rembau, perkara ini sedang dalam perhatian dan akan diperhalusi berdasarkan keperluan

semasa. Kerajaan Negeri sememangnya memberikan komitmen penuh untuk memperkasakan sistem kehakiman syariah dalam memastikan infrastruktur yang sedia, yang disediakan adalah memadai bagi memenuhi tuntutan semasa serta perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

ADUN Serting, peruntukan buka cawangan Maahad Ahmadi di setiap daerah. Sekolah Agama Berasrama Penuh (SABP) Ahmad Ahmadi Negeri Sembilan adalah sekolah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan menjalankan kurikulum bersepadu dini. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan peruntukan naik taraf sebanyak 2.3 juta daripada 2019 hingga 2023. Peruntukan Mengurus pada tahun 2018 hingga 2024 adalah sebanyak 1.3 juta tidak termasuk Emolumen. SABP Maahad Ahmadi telah menerima peruntukan dermasiswa dari MAINS untuk pelajar sebanyak 1.7 juta ringgit sejak tahun 2020 dan 274 ribu bagi bantuan per kapita untuk aktiviti kecemerlangan sekolah sejak tahun 2020. SABP Maahad Ahmadi juga telah menerima peruntukan pembangunan daripada JAKIM sebanyak 151,600.00 ringgit pada tahun 2021. 80,000.00 pada tahun 2022 dan sebanyak 114,300.00 ringgit pada tahun 2023. Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan berkenaan pada masa akan datang sekiranya kedudukan kewangan mengizinkan. Sebagai alternatif, ibu bapa boleh menghantar anak mereka untuk belajar kurikulum bersepadu Dini yang sama seperti SABP Maahad Ahmadi di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Ya, sekolah Dini ni ada 9 sekolah di seluruh Negeri Sembilan iaitu sekolah Dato' Klana Petra Maamor, Seremban; Sekolah Agama Syeikh Mohd Murtadza, Rantau; SekolahMenengah Agama Chuah; Sekolah Menengah Agama Johol; Sekolah Menengah Agama Ulu Jempol; Sekolah Menengah Agama Dato Haji Mustafa, Jempol; Sekolah Menengah Agama Haji Muhammad, Jempol; Sekolah Menengah Agama Kuala Klawang, Jelebu; Sekolah Menengah Agama Gemas; Tampin dan Sekolah Menengah Agama Rembau.

ADUN Klawang mohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan kenaikan elaun Imam masjid ya. Elaun terkini dibayar kepada Imam 1 dan Imam 2 adalah sebanyak 850.00 ringgit yang dibayar melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mengalu-alukan dan mengucapkan penghargaan kepada masjid-masjid yang membuat penambahan elaun kepada Imam 1 dan Imam 2 dengan jumlah 150.00 ringgit hingga 2,500.00 ringgit seorang bergantung kemampuan kewangan masjid. Pecahan bilangan masjid yang membuat penambahan elaun berdasarkan daerah adalah seperti berikut: Seremban – 38 masjid, Port Dickson – 4 buah masjid, Jempol -

10 buah masjid, Rembau – 9 buah masjid, Tampin – 24 masjid, Jelebu – 4 masjid, Kuala Pilah – 25 masjid. Keseluruhan masjid yang membuat tambahan bayaran elaun adalah sebanyak 37% iaitu 114 daripada 310 buah masjid. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan kenaikan elaun Imam masjid seluruh Negeri Sembilan berdasarkan kemampuan kewangan negeri pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cadangan naik taraf surau, Surau Geddes, Jempol ya, Ladang Geddes. ADUN, oleh ADUN Serting. Surau Ladang Geddes telah naik taraf dari surau biasa kepada surau yang melaksanakan solat Jumaat pada 23 Mei 2014. Kebenaran solat Jumaat ini dibuat kerana kedudukan yang jauh daripada masjid berhampiran. Walau bagaimanapun, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam melihat pada ketika ini tiada keperluan untuk menaik taraf dari surau kepada masjid kerana kemudahan sedia ada adalah mencukupi untuk menampung jumlah orang Islam yang hanya 5% berbanding 95 ratus, 95% orang bukan Islam.

Serting juga, program remaja, belia remaja untuk hadir solat berjemaah di masjid. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah melaksanakan pelan peningkatan jemaah masjid, Jemaah. Dan *alhamdulillah* ya, kita melihat bahawa jumlah yang hadir sembahyang berjemaah di seluruh Negeri Sembilan terus meningkat saban tahun. Bagi menarik lebih ramai golongan belia remaja hadir solat berjemaah di masjid, pihak masjid telah mula melaksanakan aktiviti yang menjurus kepada minat remaja seperti *fun run*, aktiviti memanah, *hiking* dan senamrobik. Selain itu masjid juga, yang terpilih melaksanakan pemberian kupon jemaah kepada pelajar sekolah yang menunaikan solat subuh di masjid. Ini satu program yang amat menarik, di mana ahli-ahli jemaah mengumpulkan ya, sumbangan-sumbangan mereka, ada yang memberikan sendiri kepada anak-anak yang datang berjemaah subuh di masjid. Saya mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa masjid yang bersungguh-sungguh nak pastikan anak-anak muda sentiasa minat untuk datang ke masjid. Bagi tahun 2025, antara program yang dirancang untuk remaja adalah Program Pembangunan Imam Muda, Program Belia Masjid, Program Jom Fit, Program Cakna Remaja Inovatif, Kem Remaja Muslih, Program Pendidikan dan Penerangan Jenayah Syariah, *Street* Dakwah, Program Ambang Merdeka Dan Tahun Baru, Pesta Sukan Rakyat, *Say No To Valentine Day* ya. Mintak maaf kepada yang bukan Islam ya. Yang orang Islam dia selalu tak sambut *Valentine Day* ya, jangan jadi isu pulak.

Penambahan elaun bagi Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita. Elaun sedia ada diterima oleh Bilal adalah sebanyak 500.00 ringgit sebulan, Siak – 450.00 ringgit sebulan dan Pembantu Am Wanita 450.00 ringgit.

Ini memang ya, semua duk tanya kenapa tak naik. Kalau kita jumpa Dato' Lembaga pun tanyo kenapo elaun dio tak naik, ya. Jadi *insya-Allah* kita, negeri ini kalau kita takbir dengan elok, dengan peningkatan prestasi kewangannya, *insya-Allah* kita akan naikkan elaun-elaun Bilal, Siak, Pembantu Am wanita, Dato'-Dato' Lembago kito, ketua-ketua kampung tadi ya. Jadi ini satu ya, satu yang mereka kena faham bahawa buat masa ini hanya sedikit-sedikit yang kita boleh berikan. *Insya-Allah* pada masa akan datang jika kewangan kita bertambah baik, kita yakin ini juga akan diberi perhatian.

Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua cadangan masjid baru di Masjid Ayer Hitam, Kerajaan Negeri mengambil maklum berkenaan cadangan masjid baru di Kampung Ayer Hitam, Chembong, Daerah Rembau. Jabatan boleh menyenaraikan projek pembinaan baru masjid ini dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Walau bagaimanapun pembinaan Masjid Negeri Sembilan akan dilaksanakan keutamaan. Dan saya harap bahawa awal tahun hadapan kita akan mengenal pasti masjid-masjid baru untuk kita pohon untuk kita bina pada tahun 2025, *insya-Allah*.

Dato' Yang Dipertua, akhir, Jawatankuasa Bertindak Kewangan, Tanah Dan Sumber, Dan Sumber Alam ya. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Mohd Fairuz Mohd Isa, Serting, penguatkuasaan dalam hutan simpan kekal, peruntukan disalurkan terlalu rendah ya. Sebelum ini tidak ada peruntukan langsung, peruntukan sebanyak 140 ribu pada tahun 2025 ini bagi tujuan aktiviti penguatkuasaan dalam hutan simpan kekal. Kita tak melantik ya, tidak ada pelantikan, tak ada pelantikan untuk kakitangan baru tetapi kita membuat pelaksanaan aktiviti operasi penguatkuasaan bersepadu bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti Pejabat Tanah Galian Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah, PDRM termasuk beberapa agensi lain. Selain itu juga Jabatan Perhutanan akan mengadakan operasi bersepadu perhutanan dan operasi bersepadu khazanah yang melibatkan jabatan di peringkat Persekutuan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan dan PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan seperti Pahang, Selangor, di daerah-daerah berhampiran kita, di sempadan kita. Walaupun peruntukan ini agak rendah namun aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh jabatan turut menggunakan teknologi terkini termasuk pemantauan melalui *drone,* imej satelit yang turut dibekalkan dengan kerjasama pihak Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan. Selain itu pemantauan menggunakan helikopter juga dilaksanakan dengan kerjasama pihak PDRM ya. Saya bersama dengan Dato' SS, bersama dengan Ketua Polis ya, tempoh hari telah, juga dengan Pengarah Hutan ya, dapat melihat sendiri apa yang berlaku di hutan kita yang amat menarik. Dan inilah harta yang kita akan tinggalkan buat anak cucu kita.

Cadangan ADUN Chennah, Negeri Sembilan sebagai hab logistik. Kawasan khas untuk pusat logistik tidak ada dalam mana-mana perancangan awal oleh pemaju, namun kita telah menerima ya, kita menerima, apabila diumumkan di dalam sidang DUN tempoh hari, kita juga telah menerima banyak permintaan daripada pemaju-pemaju untuk menjadikan kawasan mereka sebagai hab, hab logistik negara ya. Jadi bila diumum dalam surat khabar itu dan dalam Dewan dibincangkan, ramai yang menawarkan untuk menjadikan kawasan mereka hab, hab logistik negara. Bersesuaian dengan tanah ETC Development terletak bersebelahan Lebuhraya ELITE, kawasan Perindustrian Tech Park, Enstek dan kawasan perindustrian di Bandar MVV, kawasan ini mempunyai kedudukan yang strategik, mempunyai *accessibility* yang baik daripada lebuh raya utama. Jadi banyak sekarang yang mereka berada di kawasan tersebut mengemukakan cadangan untuk menjadikan tempat mereka sebagai hab logistik negara.

Status terkini perlaksanaan RKK Gemas, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (PLAN Malaysia) Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Tampin telah menyediakan Rancangan Khas (RKK) Gemas di mana dokumen perancangan ini telah diwartakan pada 8 Oktober 2020 ya. Jadi RKK Gemas merupakan pelan rancangan pembangunan terperinci. Jadi saya mohon kepada ADUN Gemencheh boleh dapatkan *copy* di pejabat, Pejabat Tanah Kecil Gemas untuk mendapatkan RKK tersebut. Dalam RKK tersebut ya, kita nak jadikan, hala tuju adalah untuk menjadikan bandar Gemas sebagai pusat katalis yang berdaya maju dan berdaya tahan serta ke arah pembangunan bandar yang kondusif dan mampan. Bagi memastikan hala tuju pembangunan ini dapat dijelmakan, sebanyak 4 fokus iaitu Gemas sebagai pusat agro polis timur di Negeri Sembilan, Gemas sebagai hab transit (TOD) dan Gemas sebagai bandar yang indah beridentitikan, beridentiti dan Gemas sebagai bandar berdaya huni dengan prasarana terbaik ya. Dan banyak lagi yang boleh dilihat dalam perkara tersebut.

Dato' Yang Dipertua, ADUN Lenggeng, ADUN Johol, kerajaan menimbang elaun perbatuan kepada Penghulu. Berkenaan elaun perbatuan Penghulu, untuk makluman pada masa ini, Penghulu tidak dibolehkan membuat tuntutan perbatuan bagi tugasan luar pejabat kerana Penghulu telah diberikan Elaun Luar Penghulu yang mengambil kira tugasan luar yang dilaksanakan oleh Penghulu termasuk aktiviti di mukim dan majlis peringkat daerah melalui Surat Pekeliling Bil.11/2009. Elaun Luar Penghulu telah ditetapkan pada kadar berikut: Penghulu Gred NP36 ke atas – 300.00 ringgit, Penghulu Gred NP32 – 250.00 ringgit dan Penghulu Gred NP29 – 200.00 ringgit. Namun mengambil kira keperluan semasa, Penghulu yang kerap melaksanakan

tugas di luar, pejabat maka Kerajaan Negeri pada 7 September 2022 meluluskan kenaikan kadar baru Elaun Penghulu dengan tambahan 200.00 ringgit menjadikan jumlah keseluruhan Elaun Luar Penghulu sebanyak 500.00 ringgit bagi Gred NP36 ke atas, 450.0 ringgit bagi Penghulu Gred NP32 dan Penghulu Gred NP29 – 400.00 ringgit. Dah naik sebenarnya ya. Dia nak *claim* dua-dua sekali ya, kito letak mampulah lagi ya. Kalau boleh kita ambil yang ni, kita ambil kita ikut, itu boleh jugak. Kita boleh buat kajianlah ya. Kita buang yang ni, kita ambil yang itu ya. Untuk duo-duo tak bolehlah. Perlaksanaan pembayaran kadar baharu berkuat kuasa 1 Januari 2023. Kadar Elaun Luar Penghulu akan dikaji daripada masa ke semasa berasaskan pada perkembangan semasa tugasan penghulu dan juga tertakluk kepada kemampuan kewangan negeri.

Johol, YB Johol, Pelan Pembangunan Luar Bandar. Saya rasa telah dijawab oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat Pertang, Exco Kanan telah jawab.

ADUN Temiang cadangan agar Jawatankuasa Tanah Daerah melibatkan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan sebagai ahli dalam mesyuarat yang membincangkan permohonan tanah. Penglibatan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri bagi perlaksanaan Jawatankuasa Tanah Daerah di Negeri Sembilan pernah dilaksanakan sebelum ini. Walau bagaimanapun selaras dengan fungsi perlaksanaan Jawatankuasa Tanah Daerah pada masa kini iaitu bertindak sebagai *One Stop Centre* bagi tujuan penyelarasan ulasan jabatan teknikal bagi satu permohonan melibatkan urusan tanah perlaksanaannya di peringkat daerah adalah bertanggung, bertanggung kepada keperluan sesuatu daerah. Sehingga kini hanya 4 daerah sahaja yang melaksanakan mesyuarat bagi jawatankuasa tersebut iaitu daerah Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah dan Rembau. Jadi memang kita pun tak ada tanah lagi nak dibagi-bagi. Nak diracik-racik. kerana itu tak banyaklah mesyuarat yang diadakan.

ADUN Gemencheh mohon Kerajaan Negeri beri tumpuan lebih kepada program cegah kejadian banjir di DUN Gemencheh. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Pekan Gemencheh yang telah siap pada Disember 2022. Objektif kajian adalah untuk merangka pelan induk saliran pengurusan air larian bagi mengurangkan risiko banjir. Di antara langkah mengurangkan banjir yang dicadangkan dalam kajian ialah menaik taraf Sungai Asahan dan Sungai Cemangkoh serta menaik taraf longkang tepi jalan, *road drain, road side drain* di Jalan Tampin – Gemas dan Selandar, Batang Melaka. Pihak JPS akan memajukan

permohonan untuk menaik taraf Sungai Asahan dan Sungai Cemangkoh pada Rancangan Malaysia Ke-13.

Bagan Pinang, isu air kolam takungan, masalah terus membelenggu rakyat dan warga Port Dickson. 2 projek takungan air memerlukan perhatian segera, pertama: kolam air Teluk Kemang masih dalam pembinaan walaupun dijanjikan untuk siap pada bulan Julai 2024. Kedua-dua kolam imbangan Bukit Permata, Lukut nampak seperti sudah siap tapi belum beroperasi ya. Dan sini jawapan dia, kerajaan negeri melalui SAINS sentiasa komited untuk memastikan kecukupan bekalan air di seluruh Negeri Sembilan termasuk di daerah Port Dickson dengan perlaksanaan projek-projek berimpak tinggi. Bagi projek Cadangan Membina Dan Menyiapkan Satu Unit Rumah Pam Berserta Sistem Pengepaman Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolam Teluk Kemang, ianya sedang dilaksanakan dengan kemajuan 71.8%. Mengikut perancangan asal, tarikh projek siap adalah pada 31 Julai 2024. Walau bagaimanapun akibat beberapa faktor luar jangka seperti perubahan reka bentuk, pihak kontraktor telah diluluskan lanjutan masa penyiapan projek. Projek dijadualkan siap pada Mei 2025. Apabila siap bekalan air ke kawasan Lukut dan sekitarnya dapat dipertingkatkan serta dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber bekalan air dari LRA Sungai Linggi. Kolam imbangan Bukit Permata telah, telah tidak beroperasi sejak tahun 2018 akibat masalah mendapan tanah dan kegagalan struktur. Pihak SAINS melalui PAAB akan melaksanakan projek pembinaan kolam imbangan baru Bukit Permata berkapasiti 4 juta gelen dengan anggaran kos pembinaan 25 juta ringgit bagi menggantikan kolam imbangan yang lama yang bakal dirobohkan. Projek ini dalam tempoh kajian reka bentuk dan perunding yang dilantik PAAB dan dijangka dibina pada bulan Disember 2025.

ADUN Temiang, tekanan air rendah pada waktu malam. Hasil semakan, pihak SAINS mendapati bahawa tekanan air di Kampung Baru Rahang masih memenuhi piawaian yang ditetapkan iaitu melebihi satu bar. Tekanan air mengalami sedikit penurunan pada waktu puncak disebabkan penggunaan yang lebih tinggi dan kembali stabil pada waktu selebihnya. Kerajaan melalui SAINS sedang melaksanakan kerja penggantian paip-paip rosak dan menaik taraf infrastruktur bekalan air lain secara berperingkat di seluruh Negeri Sembilan. Kita dapat 140 juta untuk kita belanjakan untuk NRW kita.

Pencerobohan kawasan sempadan negeri antara Pahang/Negeri Sembilan dari, soalan daripada ADUN Sungai, daripada Sungai Lui ya? Razi. Pada dasarnya Jabatan Perhutanan sentiasa melaksanakan pemantauan secara berkala agar kawasan hutan sentiasa terpelihara ya. Pemantauan di kawasan *hot spot* yang berisiko berlaku pencerobohan

hutan juga diberi perhatian ya, akan, dan pencerobohan hutan ataupun pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran. Sebagai rekod pada tahun 2024 sebanyak 14 kes kesalahan hutan telah dikesan dan disiasat serta sebahagiannya telah dikemukakan dikenakan hukuman. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan juga melaksanakan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Pahang dalam operasi secara bersepadu pada 24 hingga dua 26 Oktober 2024 yang lalu. Mensasarkan kenderaan membawa muatan kayu, dan semakan kawasan *hot spot* di sempadan Negeri Pahang/Negeri Sembilan di simpang Pelangai dan sekitarnya. Bagi pemulihan kawasan bekas ceroboh, Jabatan Perhutanan telah mengambil tindakan memulih semula kawasan hutan simpan seluas 70 hektar yang diceroboh dengan tanaman sawit kepada tanaman pokok hutan di Hutan Simpan Kenaboi yang bersempadanan dengan negeri Pahang pada tahun 2022 hingga 2024.

Yang ADUN Lobak, soalan dia cadangan kawasan, kerjasama Kerajaan Negeri untuk membantu meningkatkan kutipan hasil tanah terutama di Seremban dan Port Dickson. Kerajaan Negeri menyambut baik penglibatan ADUN kawasan untuk meningkatkan kutipan hasil tanah terutama melibatkan daerah Seremban dan Port Dickson. Kerjasama yang terjalin antara ADUN kawasan dan Kerajaan Negeri sememangnya amat dialu-alukan. Kita buat banyak program bagi memastikan kutipan kita sentiasa mendapat, dapat menepati sasaran kita.

ADUN Labu, soalan yang, soal, apakah langkah dan tindakan diambil bagi memastikan lori pasir. Saya rasa dah dijawab.

Jajaran laluan gas bawah tanah Petronas yang berada di sebelah rumah ya. Ini ADUN Chembong ya. Pejabat Daerah dan Tanah Rembau telah menetapkan tarikh temu janji bersama pihak Petronas pada hari Isnin; 9 Disember 2024 di bilik mesyuarat Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau. Terus ambil tindakan ya. Jalan jajaran laluan gas ya. Jadi kita pun sedia maklum ini, gas, dah lama dan kena selesaikan segera.

Apakah proses yang terlibat untuk pengeluaran REE. Proses pengeluaran lesen melombong NREE adalah tertakluk kepada SOP NREE Negeri Sembilan boleh baca di laman web PTG ya. Diluluskan oleh MMK pada 3 Januari 2024. Antara proses yang terlibat adalah permohonan lesen mencari gali ataupun lesen penjelajahan, permohonan lesen pajakan melombong bagi tanah kerajaan atau lesen melombong tuan punya tanah bagi tanah hak milik sebelum operasi perlombongan boleh dimulakan. Permohonan perlu mendapatkan kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar, Skim Pengendalian Melombong kepada Jabatan Mineral, Jabatan Alam Sekitar, Skim

Pengendalian Melombong daripada Jabatan Mineral Dan Geologi dan Kebenaran Merancang daripada PLANMalaysia.

Jadi itu saja Dato' Yang Dipertua dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepada semua ADUN yang terlibat dan juga kepada semua ahli Exco yang telah menjawab. Dan saya harap bahawa jawapan-jawapan ini memberikan manfaat kepada kita semua. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2025 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024 telah dijawab oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2025, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Ada tak? Yang berkecuali? Jadi usul ini diluluskan sebulat suara.

[Keputusan undian: 30 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Labu berkecuali manakala YB ADUN Serting dan YB ADUN Paroi tidak mengundi]

[YB ADUN Klawang tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: 31 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. Manakala YB ADUN Labu dan YB ADUN Paroi tidak mengundi]

[YB ADUN Klawang tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB ADUN Sikamat: Yang, Dato', Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal demi sefasal.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Tak ada. Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Keputusan undian: 32 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. Manakala YB ADUN Labu tidak mengundi]

[YB ADUN Klawang tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal 1.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 2.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiasaha: Jadual.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: 30 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. Manakala YB ADUN Labu, YB ADUN Serting dan YB ADUN Paroi tidak mengundi]

[YB ADUN Klawang tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) 2024 telah diban, ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bali, bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: 30 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. Manakala YB ADUN Labu, YB ADUN Serting dan YB ADUN Paroi tidak mengundi]

[YB ADUN Klawang tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

Setiausaha Dewan: Enakmen Perbekalan (2025) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

5. <u>RANG UNDANG-UNDANG KEDUA:</u>

Rang Undang-Undang untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Rang Undang-Undang kedua. Rang Undang-Undang untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Bahau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya memberikan penerangan ringkas mengenai tujuan dan sebab pindaan ini dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang yang bakal dibentangkan pada hari ini adalah berhubung dengan cadangan mewujudkan satu jawatan baru dalam kalangan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang akan dikenali sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan

Kanan. Dengan memasukkan peruntukan baru di bawah perkara 38 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.

Dewan Undangan Negeri Sembilan Yang Ke-14 telah dibubarkan pada 1 Julai 2023. Sejurus selepas itu Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Yang Ke-15 (PRU Yang Ke-15) telah diadakan pada 12 Ogos 2023. Sebagaimana sekalian hadirin sedia maklum pelantikan jawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah disempurnakan melalui penyerahan surat cara pelantikan dan angkat sumpah Menteri Besar pada 14 Ogos 2023. Seterusnya Majlis Penyerahan Surat Cara Pelantikan Dan Angkat Sumpah Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan juga telah disempurnakan, diadakan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 24 Ogos 2023. Jawatan ahli mesyuarat yang, yakni kanan juga pertama kali dimahsyurkan semasa majlis angkat sumpah dan menandatangani surat sumpah di hadapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada hari yang sama pada tarikh 24 Ogos 2023 tersebut.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 7 Ogos 2024 bersetuju dengan cadangan pewujudan jawatan baru iaitu jawatan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kanan melalui pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan Sembilan 1959 dan pindaan Enakmen Saraan 1980 tertakluk kepada perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat serta Tengku Besar, Yang Teramat Mulia Tengku Besar Tampin. Pada asas secara asasnya peranan dan fungsi jawatan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kanan ini akan memberi men, akan membantu Menteri Besar dalam menjalankan kuasanya melaksanakan kewajibannya dan menunaikan fungsinya atas arahan Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Peraturan 28 Perintah 4, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan 1980 menetapkan aturan seperti berikut: sebarang rang undang-undang mengenai pindaan perlembagaan sebelum disiarkan menurut syarat-syarat yang berkaitan dan peraturan-peraturan tetap dan perintah-perintah ini hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perlembagaan untuk persetujuannya. Justeru, Jawatankuasa Perlembagaan telah bermesyuarat pada 2 Oktober 2024 dan telah membincangkan mengenai cadangan pewujudan jawatan baru iaitu Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kanan untuk unit, untuk UUTKNS 1959 dan seterusnya, dan seterusnya jawatankuasa bersetuju dengan cadangan pindaan terma dan klausa seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-Undang

Jilid 7 Nombor 42 bertarikh 17 Oktober 2024 tambah, kurungan, (Tambahan No. 4) yang akan kita bentangkan nanti. Demikianlah dahulu penerangan saya, dan saya dengan ini mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali kedua. Sekian, terima kasih.

YB ADUN Bahau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua dan telah disokong. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja. Jika tiada, kita, ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan Rang Undang-Undang, untuk meminda undang-undang, ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan rang undang-undang untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan telah dijawab oleh pihak kerajaan.

Berdasarkan perkara Perkara-Perkara 78 Fasal 5 menetapkan bahawa sesuatu pindaan perlembagaan perlu mendapat sokongan undian tidak kurang 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan. Bagi membolehkan Rang Undang-Undang pindaan ini dibacakan bagi kali kedua, undian diperlukan ialah sekurang-kurangnya 24 undi. Saya dengan ini memerintahkan, perintahkan ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan undian masing-masing secara berasingan dengan pilihan sama ada pertama: setuju. tidak setuju, berkecuali atau memilih untuk tidak mengundi. Yang bersetuju? Jadi kita, Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Setiausaha Dewan: Satu rang …..

YB Yang Dipertua Dewan: Haa? Keputusan? Baca keputusan. [perbincangan YB Yang Dipertua Dewan dan Setiausaha Dewan]. Jadi kita undi 34 dengan 2 tak hadir. Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-Undang, supaya Dewan Undangan secara, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dipertimbangkan sefasal demi sefasal.

YB ADUN Bahau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.
[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa.]

Setiausaha: Fasal 1.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 2.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Bahau: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju manakala YB ADUN Labu tidak mengundi]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang bagi meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Bahau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana proses undian bagi bacaan kali kedua tadi, berdasarkan Perkara 78 Fasal 5 menetapkan bahawa sesuatu pindaan perlembagaan perlu mendapat sokongan undian tidak kurang 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan. Bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini, Rang Undang-Undang pindaan ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan, undian diperlukan ialah sekurang-kurangnya 24 undi.

Saya dengan ini perintahkan ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan undian masing-masing secara berasing dengan pilihan sama ada setuju, tidak setuju atau berkecuali atau memilih untuk tidak mengundi. Yang bersetuju? Jadi kita ada semua, 34 setuju dan 2 tidak hadir. Keputusan undi 34/36. Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan (Pindaan) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

6. <u>RANG UNDANG-UNDANG KETIGA:</u>

Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Rang Undang-Undang Ketiga. Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya: Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua. Saya berdiri di hadapan Dewan yang mulia ini untuk membentangkan 3 Rang Undang-Undang (RUU). 2 daripadanya melibatkan pindaan manakala satu Rang Undang-Undang yang baru. Ketiga-tiga Rang Undang-Undang ini dianggap sebagai penting bagi memperkukuhkan lagi dasar-dasar dan struktur pentadbiran Negeri Sembilan. Pembentangan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai kandungan dan tujuan ketiga-tiga Rang Undang-Undang tersebut. 3 Rang Undang-Undang yang berkaitan ialah

Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024, cadang, kedua: cadangan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 dan ketiga: Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. Sebelum saya mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 ini, izinkan saya memberikan penerangan ringkas mengenai latar belakang, tujuan dan sebab pindaan dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli-ahli yang mulia, dari segi latar belakangnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 telah disiarkan dalam Warta pada 1 Mac 2004 sebagai Satu Enakmen Bagi Mengadakan Peruntukan Baru Berhubung Pentadbiran Agama Islam. Penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Enakmen tersebut menggantikan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991. Enakmen ini telah dipinda kali terakhir pada 2012. Oleh yang demikian berdasarkan tempoh kali terakhir pindaan telah melebihi 10 tahun, maka terdapat keperluan memindah enakmen ini bagi memastikan kesemua peruntukan adalah relevan dan sesuai dengan keadaan semasa. Usaha penelitian pindaan enakmen ini telah dijalankan secara giat sejak tahun 2021 melalui Jawatankuasa Teknikal Dan Undang-Undang MAINS. Bengkel yang pertama dimulakan pada bulan Januari tahun 2021. Cadangan Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 ini telah dibincangkan dan diperhalusi beberapa siri mesyuarat serta bengkel dengan melibatkan semua agensi agama di Negeri Sembilan yang berkaitan dengan RUU ini telah dimuktamadkan oleh jawatankuasa, Jawatankuasa Teknikal Dan Undang-Undang MAINS pada 11 Ogos 2023. Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 ini melibatkan lebih kurang 52 pindaan seksyen sedia ada, pertambahan 7 Seksyen baru iaitu 46A, 47A, 47B, 80A, 85A, 85B dan 118A, serta memotong Bahagian ke IV (Seksyen 55 hingga 77) berkaitan Mahkamah Syariah dengan cadangan pewujudan Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024.

Yang Dipertua, Dato Yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pindaan Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 ini adalah bertujuan untuk:

- memperluaskan dan mengukuhkan peranan dan fungsi MAINS.

- memperkukuhkan syarat-syarat pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti serta peranan Jawatankuasa Fatwa.

- memperkukuhkan fungsi dan bidang kuasa Ketua Pendakwa Syarie serta Pendakwaan Syariah.

- menambah baik peruntukan berkaitan Kumpulan Wang Majlis Dan Tatacara Kewangan.

- menambah baik peruntukan Bahagian ke 9 berkaitan, berkaitan pemelukan Agama Islam dan mengadakan punca kuasa membuat peraturan-peraturan berhubungan pendaftaran mualaf.

- menambah baik peruntukan Bahagian ke 10 untuk menggambarkan ruang lingkup perkara yang dimaksudkan berhubung Jawatankuasa Tauliah Dan Pendidikan Islam.

- mengadakan punca kuasa Majlis untuk mendaftarkan sekolah-sekolah Islam Negeri Sembilan berbangkit dengan kuasa, kuasanya enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996.

- dan mengadakan punca kuasa bagi membuat peraturan-peraturan berkaitan perjalanan dan pentadbiran rumah kebajikan, pusat-pusat pemulihan dan/atau rumah perlindungan, urusan berkaitan hal ehwal halal dan tatacara pengurusan harta orang Islam.

Berkaitan pindaan RUU ini juga Mesyuarat Khas Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Bilangan 2/2023 yang diadakan pada 8 September 2023 telah meluluskan Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. Sebagai asas pertimbangan, Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 ini adalah perlu dan wajar bagi memastikan hal ehwal pentadbiran agama Islam Negeri Sembilan dapat dilaksanakan serta relevan dengan situasi dan keperluan semasa malah Rang Undang-Undang ini juga memberikan, tidak memberikan sebarang implikasi kewangan kepada peruntukan Kerajaan Negeri Sembilan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali kedua. Sekian, terima kasih.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 di, dicadang, telah dicadang dibacakan bagi kali yang kedua. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan perkara ini untuk dibahaskan pada dasarnya sahaja.

YB ADUN Paroi: [percakapan secara *off mic*] … sekali 3 ke apa haa? Sekali 3 kan? Sekali 3 …..

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat …..

YB ADUN Paroi: Boleh tanya sikit tak Dato', Dato' Yang Dipertua. Yang ni, Rang Undang-Undang ni nak dibaca sekali 3 ke atau satu ni? Pentadbiran Agama Islam, undang-undang ni, Undang-Undang Keluarga Islam ke atau, yang mana satu?

YB Yang Dipertua Dewan: Dia Rang Undang-Undang dua kosong, Negeri Sembilan 2003. Haa enakmen, enakmen apa ni, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

YB ADUN Paroi: Okey.

YB Yang Dipertua Dewan: Okey, ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang undang, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-

Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal 1 hingga Fasal 10.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 hingga Fasal 10 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 11 hingga Fasal 20.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 11 hingga Fasal 20 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 21 hingga Fasal 30.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 21 hingga Fasal 30 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 31 hingga Fasal 40.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 31 hingga Fasal 40 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 41 hingga Fasal 50.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 41 hingga Fasal 50 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 51 hingga Fasal 60.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 51 hingga Fasal 60 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 telah dipertim, telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli berhor, ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

7. <u>RANG UNDANG-UNDANG KEEMPAT:</u>
Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024.

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Rang Undang-Undang Keempat. Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah yang merangkumi penubuhan Mahkamah Syariah, bidang kuasa, pelantikan Hakim Syarie dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan, dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah yang merangkumi penubuhan Mahkamah Syariah, bidang kuasa, pelantikan Hakim Syarie dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebelum saya mencadangkan Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya memberikan sedikit penerangan mengenai tujuan dan rasional mengapa enakmen ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua cadangan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 untuk makluman

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli-ahli Dewan yang mulia, Rang Undang-Undang yang bakal dibentangkan pada hari ini adalah untuk mewujudkan satu enakmen baru bagi mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah yang merangkumi penubuhan Mahkamah Syariah, bidang kuasa, pelantikan Hakim Syarie dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya melalui Dewan Undangan Negeri.

Punca kuasa penubuhan Mahkamah Syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya telah diperuntukkan di bawah Bahagian Keenam [IV] – Mahkamah Syariah, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 telah memperuntukkan seperti berikut: "Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam di dalam Negeri Sembilan kecuali perkara-perkara hukum syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Sembilan selepas Yang di-Pertuan Besar kecuali jika diperuntukkan selainnya".

Justeru, satu jawatankuasa kerja di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah diwujudkan pada tahun 2021 untuk mengumpul maklumat dan membuat penyelidikan bagi tujuan Penyelidikan draf Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Jawatankuasa kerja tersebut telah mengadakan kunjungan ke Jabatan Kehakiman Syariah Perak dan Jabatan Kehakiman Syariah Kedah pada tahun 2021 untuk mendapatkan maklumat. Hasil daripada kunjungan dan penyelidikan yang telah dijalankan, maka satu draf Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 telah direalisasikan. Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 ini telah dibentang dan dibahaskan bersama Jawatankuasa Teknikal Dan Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sebanyak 2 kali pada 18 Mac 2023 dan 7 April 2023 telah dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang MAINS pada 11 Ogos 2023. Di peringkat MAINS, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 ini telah dibentangkan dalam mesyuarat khas MAINS Bilangan 2/2023 pada 8 September 2023 dan telah diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini memindahkan punca kuasa hal ehwal pentadbiran Mahkamah Syariah daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dengan mewujudkan enakmen khusus berkaitan kuasa-kuasa kehakiman Mahkamah Syariah. Di samping itu, RUU ini juga

menambahkan kuasa-kuasa sedia ada serta penambahbaikan daripada aspek pentadbiran dan kehakiman syariah antara lain yang melibatkan tatacara pelantikan Hakim-Hakim Syarie, tatacara pemecatan Hakim Syarie dan kuasa-kuasa tambahan kepada Mahkamah Syariah. RUU, RUU ini juga menambah hierarki Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dengan pengwujudan Mahkamah Syariah, Mahkamah Utama Syariah. Ianya akan memberi hak kepada suatu kes yang bermula di Mahkamah Tinggi Syariah untuk didengar 3 kali. Hierarki Mahkamah Syariah Negeri Sembilan yang baru yang dicadangkan adalah seperti berikut pertama: Mahkamah Utama Syariah. Kedua: Mahkamah Rayuan Syariah. Ketiga: Mahkamah Tinggi Syariah. Dan yang keempat: Mahkamah Rendah Syariah.

Mahkamah Utama Syariah yang dicadangkan ini akan dianggotai tidak lebih 7 orang panel yang berkelayakan dan dilantik oleh Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin atas syor Jawatankuasa Kehakiman Syariah. Mahkamah Rayuan Syariah pula dianggotai oleh Presiden Mahkamah Rayuan Syariah dan tidak lebih daripada 8 orang panel yang berkelayakan dan dilantik oleh Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin atas syor Jawatankuasa Kehakiman Syariah. Pengurusan dan pendengaran kes Mahkamah Utama Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah akan dilaksanakan di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan di Bandar Seri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan dengan kekuatan pegawai dan kakitangan sedia ada buat masa ini.

Selain itu, RUU ini akan mewujudkan satu Jawatankuasa Kehakiman Syariah yang terdiri daripada 7 orang anggota bagi menjalankan fungsinya antaranya mengesyorkan pelantikan, pembatalan hakim-hakim dan lain-lain. Sejajar dengan cadangan pewujudan RUU ini, peruntukan Bahagian Keenam [IV] – Mahkamah Syariah yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dimansuhkan kerana enakmen khusus berkaitan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan diwujudkan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekali lagi dibacakan bagi kali yang kedua. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 telah dicadangkan untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Oleh itu secara,

seterusnya saya kemukakan perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

[Tiada ahli Yang Berhormat mengambil bahagian di dalam perbahasan]

Tak ada ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah yang merangkumi penubuhan Mahkamah Syariah, bidang kuasa, pelantikan Hakim Syarie dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal demi sefasal.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal 1 hingga Fasal 4.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 hingga Fasal 4 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 5 dan Fasal 6.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 5 dan Fasal 6 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 7 hingga Fasal 10.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 7 hingga Fasal 10 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 11 hingga Fasal 20.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 11 hingga Fasal 20 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 21 hingga Fasal 25.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 21 hingga Fasal 25 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 26 hingga Fasal 32.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 26 hingga Fasal 32 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 33 hingga Fasal 38.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 33 hingga Fasal 38 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 39 hingga Fasal 56.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 39 hingga Fasal 56 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Jadual.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2024 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang

Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

8. <u>RANG UNDANG-UNDANG KELIMA:</u>

Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara kelapan, Rang Undang-Undang Kelima. Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya: Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya memberikan penerangan ringkas mengenai tujuan dan sebab pindaan ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli-ahli Dewan yang mulia, Rang Undang-Undang yang bakal dibentangkan pada hari ini adalah Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2024 yang melibatkan pindaan sebanyak 13 seksyen sedia ada serta pindaan Jadual, pertambahan satu seksyen baru iaitu Seksyen 28A (Perlantikan Jurunikah) dan pemotongan seksyen 47A (Akaun berkanun semasa permohonan bagi

perintah perceraian) kerana tatacara pemfailan kes telah diperuntukkan dengan jelas di bawah Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Pindaan terakhir yang dibuat ke atas Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 adalah pada tahun 2019. Usaha memperhalusi keperluan pindaan RUU Keluarga Islam ini telah dilaksanakan melalui beberapa siri bengkel sejak tahun 2022 hingga 28 haribulan Ogos 2023. Antara tujuan utama ia dipinda adalah untuk:

- memberi kuasa kepada Ketua Pendaftar mengecualikan penyerahan Sijil Kursus Praperkahwinan Islam yang diiktiraf atau mana-mana dokumen lain yang ditetapkan bagi tujuan Permohonan Kebenaran Berkahwin kepada mana-mana orang yang telah ditetapkan.

- Selain itu mengadakan kawalan ke atas penzahiran dokumen peribadi.

- Meluaskan pelantikan Jawatankuasa Pendamai supaya tidak terhad kepada Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sahaja tetapi termasuk juga Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Kor Agama Angkatan Tentera, mana-mana kaunselor bertauliah yang diiktiraf oleh Majlis ataupun mana-mana orang yang ditetapkan oleh Hakim.

- Antara lain pindaan ini bertujuan membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan mahkamah, boleh merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi selaras dengan cadangan penubuhan Mahkamah Utama Syariah.

- Dan memperuntukkan punca kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berkaitan tatacara pelantikan, peraturan am dan tatatertib Jurunikah.

Di peringkat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Bilangan 2/2023 pada 8 September 2023 dan telah diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai asas pertimbangan kepada Rang Undang-Undang ini perlu dibuat pindaan kerana ia mewujudkan satu RUU yang memberikan punca kuasa bagi tujuan penyelarasan dan pengurusan hal ehwal nikah, cerai dan rujuk dengan negeri-negeri lain. Ia juga menyeraskan rujukan seksyen berkaitan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) dengan

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan). Serta ia juga membolehkan pelaksanaan permohonan kebenaran dalam talian sepenuhnya melalui Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SSPIM) dengan mewujudkan seksyen baharu. Dan yang paling penting, RUU ini juga memberikan, tidak memberikan sebarang implikasi kewangan kepada peruntukan kerajaan Negeri Sembilan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali kedua. Sekian terima kasih.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan perkara ini untuk dibahas, untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

YB ADUN Paroi: *Assalamualaikum WBT* Dato' Yang Dipertua, sedikit ingin penjelasan sajalah ya. Dato' yang, saya ingin bertanya tentang kepada pihak kerajaanlah ya, berkenaan dengan cadangan berkenaan Seksyen 28 ni termasuk 28A di mana selalunya perkataan "Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin". Tapi kalau saya tertengok kat sini, kepada yang di, kepada "Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Luak yang berkenaan serta Tengku Besar Tampin". Maknanya pindaan ni, "Undang Luak yang berkenaan" tulah. Apa maksud "Undang Luak yang berkenaan" dan apa impaknya daripada segi perlaksanaan jika pindaan tersebut di apa di di apa di, di, diubahlah. Saya mohon sikit tulah. Maknanya selalunya kita tengok "Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Yang Empat" ya situ. *Wallahua'lam*.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Ada lagi? Tak ada ya? Untuk menjawab soalan yang dengan menggantikan perkataan Yang di-Pertuan Besar dengan perkataan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan perkataan Yang di-Pertuan Besar dengan persetujuan Undang Luak yang berkenaan atau Tengku Besar Tampin. Ini bermaksud untuk kawasan tersebut ataupun contohnya di Rembau, hanya yang terlibat untuk memberi pengesahanan atau meluluskan adalah di bawah pentadbiran undang, Yang Teramat Mulia Undang Rembau ya. Untuk Johol – Undang, Yang Teramat Mulia Undang Johol. Untuk Jelebu begitu juga. Dan begitu juga untuk Tanah Mengandung. Jadi tujuan dia tidaklah tunggu empat-empat akan tandatangan untuk

persetujuan tetapi, di Luak tersebut meluluskan sendiri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Okey?

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024 telah dijawab oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat bersetuju manakala YB ADUN Lenggeng tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Dipertua, bangun saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat bersetuju manakala YB ADUN Lenggeng tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal 1.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 2.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 3 hingga Fasal 7.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 3 hingga Fasal 7 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 8 hingga Fasal 10.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 8 hingga Fasal 10 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 11 hingga Fasal 16.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 11 hingga Fasal 16 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 17.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 17 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 18.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 18 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 19.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 19 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' yang, Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2024 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]

Setiausaha Dewan: Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

9. <u>RANG UNDANG-UNDANG KEENAM:</u>

Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara kesembilan, Rang Undang-Undang Keenam. Rang Undang-Undang untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya: Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota-Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

[Bacaan kali kedua]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya untuk menerangkan, penerangan ringkas mengenai tujuan dan sebab pindaan ini dibentangkan pada Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bakal dibentangkan pada hari ini adalah berhubung dengan cadangan semakan dan pelarasan saraan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Dan Anggota Pentadbiran Di Bawah Enakmen, Anggota Pentadbiran Dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 selepas ini disebut sebagai "Enakmen Saraan 1980". Berdasarkan rekod kadar saraan bagi jawatan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran Dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri telah disemak kadar ataupun gaji baru berkuatkuasa 1 Julai, 1 Januari 2015.

Sebagaimana hadirin sekalian sedia maklum, Dewan Undangan Negeri Sembilan antara Dewan Undangan Negeri di Malaysia yang terawal melaksanakan semakan gaji. Sejurus selepas itu, Dewan Undangan Negeri seMalaysia yang lainnya juga telah melaksanakan semakan gaji Ahli Dewan-Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Sebagaimana Dewan Undangan yang mulia ini maklum pada masa ini gaji Yang Berhormat ADUN Negeri Sembilan adalah yang terendah berbanding lain-lain Dewan Undangan Negeri di Malaysia. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju agar agar Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan menjalankan semakan dan kajian berkenaan dengan gaji ataupun elaun Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Anggota Pentadbiran dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri bagi menyelaraskan semula gaji sedia ada memandangkan kedudukan gaji ahli-ahli Yang Berhormat tersenarai tersebut sebagai gaji terendah berbanding dengan gaji ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Undangan Negeri seMalaysia.

Pelarasan gaji ini juga selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan kenaikan gaji bagi penjawat awam melalui skim ataupun kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang bertujuan untuk menambah baik struktur gaji dan sistem saraan perkhidmatan awam dengan lebih sistematik. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh yang demikian terdapat keperluan untuk mengemaskini Enakmen Saraan 1980 bagi memastikan gaji-gaji Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri adalah selaras dengan gaji yang diterima oleh DUN seMalaysia yang lain. Penyelarasan gaji ADUN juga dipanjang, akan, juga akan dipanjangkan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah bersara selaras dengan ketetapan Enakmen Saraan 1980.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 14 Ogos 2024 telah menimbang dan seterusnya bersetuju dengan cadangan semakan semula dan pelarasan gaji Yang Berhormat ADUN, Yang Dipertua Dewan, Timbalan Yang Dipertua Dewan, DUN Dan Anggota Pentadbiran, Anggota Pentadbiran. Perincian ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-Undang Jilid 77 nombor 42 bertarikh 17 Oktober 2024 (Tambahan No.5) yang telah diedarkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, implikasi kewangan yang terlibat dalam pelaksanaan pelarasan yang dicadangkan adalah dianggarkan 2.508 juta setahun. Pelarasan ini juga memberikan implikasi kewangan tambahan dianggarkan sebanyak 788,437.44 ringgit bagi menampung

bayaran pencen ahli Yang Berhormat yang telah bersara. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, demikianlah dahulu penerangan saya. Dan dengan ini saya mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali kedua. Sekian terima kasih.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan perkara ini untuk dibahaskan, untuk diperbahas, untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

YB ADUN Labu: Labu, Labu, Dato' Yang Dipertua. *Assalamualaikum WBT.* Jadi berkenaan Rang Undang-Undang, Rang Undang-Undang Saraan Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi sebelum kita di dalam Dewan ini, Dewan yang membincangkan kepentingan rakyat, Dewan yang membincangkan kepentingan rakyat. Setiap dari kita ahli-ahli Yang Berhormat yang diberi kepercayaan oleh rakyat untuk memastikan kesejahteraan, kepentingan mereka terlebih dahulu. Jika kita ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan untuk menaikkan gaji dan elaun Yang Berhormat wakil rakyat, saya berpandangan, sudahkah kita berlaku adil lama memastikan kesejahteraan rakyat sama ada di kawasan atau di kawasan ADUN kerajaan ataupun ADUN pembangkang. Jadi saya cuba jelaskan di sini, dengan kenaikan yang dicadangkan seperti berikut: kenaikan Menteri Besar daripada 19,175.00 ringgit kepada 30,000.00 ringgit, kenaikan 53%. Kenaikan Exco Kanan daripada 10,888.00 ringgit kepada 17,000.00 – 56%. Daripada Exco 10,888.00 ringgit kepada 15,000.00 – 37.5%. ADUN biasa daripada 8,954.00 kepada 12,900.00 – 44%. Dan Setiausaha Politik daripada 5,000.00 ke 10,00.00, kenaikan 100%. Dengan dianggarkan implikasi kewangan tambahan lebih kurang 2,000,508.00 ringgit.

Dato' Yang Dipertua, dalam bahas saya pada 25 haribulan 2004 saya membangkitkan bahawa ada berapa perkara yang perlu diberi keutamaan seperti gaji-gaji elaun Imam dan sebagainya. Dan kedua adalah peruntukan kepada ADUN-ADUN kawasan pembangkang. Mana mungkin kami daripada Perikatan Nasional bersetuju jika keutamaan rakyat di kawasan kami dibelakangkan dan kami mengutamakan kepentingan kami sendiri. Jadi atas dasar yang saya nyatakan tadi, saya memohon bahawa perkara ini dapat dikaji sehinggalah, atau dapat ditangguhkan sehingga Dewan yang mulia ini dapat berlaku adil kepada semua rakyat di Negeri Sembilan tidak kira daripada pihak, daripada kawasan pembangkang ataupun daripada kawasan kerajaan. Jadi saya mohon sekali lagi perkara ini dapat di dikaji semula dan tidak dilana,

dilaksanakan pada ketika ini, dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat 2.0 juta lebih yang dibelanjakan itu dapat kita serahkan kepada rakyat dulu. Sekian, terima kasih.

YB ADUN Pertang: Tak ada perbahasan? Dato' Yang Dipertua, ada perbahasan lagi?

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya sebenarnya kecik hati sikit dengan Dato' Yang Dipertua. Sebab semalam masa saya membahaskan usul belanjawan, Dato' Yang Di Pertua tengok ketuk jam depan saya 2-3 kali Dato' Yang Dipertua. Jadi tak apalah. Cuma hari ini saya bangun sebentar untuk bagikan pandangan tentang peruntukan Dewan Undangan Negeri kawasan-kawasan lain Dato' Dipertua. Saya dulu, saya pernah jadi pembangkang Dato' Yang Dipertua. Saya pernah jadi pembangkang. Tetapi walaupun peruntukan itu tidak diturunkan kepada saya, tetapi peruntukan itu masih lagi diturunkan melalui agensi-agensi kerajaan Dato' Dipertua. Jadi rasanya, walaupun kawasan-kawasan di Dewan, kawasan Dewan Undangan Negeri kawasan pembangkang masih lagi menerima peruntukan-peruntukan ini. Cumanya agensi-agensi yang melaksanakan Dato' Dipertua. Itu pandangan saya, sikit saja. Terima kasih banyak. Ya.

YB ADUN Lenggeng : Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya sama seperti Yang Berhormat Chembong. Semalam saya berbahas berkenaan dengan insentif-insentif yang yang diteruskan oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan bajet tahun 2025. Jadi kita sedia maklum bahawa semua insentif-insentif yang pada tahun 2024, dibawa kepada tahun 2025 dengan penambahbaikan. Contohnya seperti yang digulung oleh Yang Amat Berhormat Sikamat. Siapa-siapa saja Kerajaan Negeri Sembilan tidak terkecuali di mana-mana kawasan pembangkang boleh mohon melalui N9 online ya. Jadi tadi pun bagi tahu bahawa di Serting pun ada apa, bila berkahwin berapa yang Yang Amat Berhormat menggulung tadi semua di kawasan-kawasan bukan sahaja kawasan-kawasan kerajaan, malah kawasan pembangkang turut menerima habuannya. Turut menerima insentif-insentif daripada Kerajaan Negeri. Jadi sekiranya mereka, sekiranya pembangkang maklum pada Dewan bahawa ini adalah zalim kerana menaikkan gaji tetapi me me men menzalimi rakyat kawasan mereka, itu adalah sesuatu yang salah dan mengelirukan Dewan. Sekiranya ya, sekiranya kita menghalang, sekiranya, maksudnya sekiranya permohonan daripada belah pembangkang tidak dilayan, haa barulah dikatakan zalim terhadap kawasan-kawasan pembangkang. Tetapi apa yang ditahan oleh Kerajaan Negeri adalah pejabat ADUN-ADUN pembangkang. Jadi saya rasa kalau ADUN pembangkang dah

bersedia untuk menjadi pembangkang ketika pilihan raya, maksudnya dia tahu Negeri Sembilan ni memang kuat tapi dia cuba jugak untuk menjadi, masuk dalam kerajaan sebagai pembangkang, maka harap, harap, mereka kena sediakanlah elaun sendiri untuk untuk pejabat-pejabat dia orang. Tapi kalau untuk rakyat, mereka, sekiranya sekiranya rakyat datang kepada kawasan mereka bertanyakan berkenaan dengan insentif-insentif Kerajaan Negeri, mereka boleh bagi tahu, boleh mohon dekat MAINS, boleh seperti yang saya nyatakan semalam, boleh mohon daripada Zakat ya, boleh mohon melalui NS *online*. Semuanya kita akan sampaikan. Sekian Yang Dipertua.

YB ADUN Jeram Padang: Yang Dipertua, saya ingin mencelah sikit. Setahu sayalah, sepanjang setahun kita memerintah Kerajaan Negeri Sembilan ni, saya rasa rakyat di Negeri Sembilan ni tidak ada yang terpinggir. Setuju tak setuju? Pembangunan yang Negeri Sembilan ni ada tak yang terpinggir? Setujukah tak setuju? Segala aduan yang sampai daripada rakyat melalui ADUN-ADUN kerajaan ke atau pembangkang, semua agensi-agensi atau jabatan-jabatan akan ambil tindakan. Tak ada yang terpinggir bagi saya. Tak ada yang zalim. Cuma penyampaian tu kena sampai yang betul-betul. Kalau, kalau ADUN tak dapat peruntukan tu, biasalah adatlah jadi pembangkang. Yang jadi kerajaan *maybe* lah ada peruntukannya. Itulah nikmat jadi kerajaan. Kita jadi kerajaan hari ni untuk membela rakyat. Pembangkang adanya, patutnya menjadi pembangkang yang berdedikasi. Apa cadangan yang kita buat tu kena bantah yang yang baik. Yang tak elok, tegur. Yang mana harus diperbaiki bagi tahu cadangan yang baik. Bukan sebab nak bagi peruntukan pada ADUN pembangkang, tu tak betul. Saya nampak tak ada rakyat Negeri Sembilan yang dipinggirkan hari ni, semuanya elok. Bantuan belajar, bantuan pendidikan, belia kahwin. Cukup. Mohon pun tidak melalui ADUN, *online* semua hari ni, terbuka. Tak ada halangan. Rumah milik kerajaan pun terbuka, *online*. Tak ada masalah. Jadi apa masalahnya? Saya tak ada isu apa-apa pun. Yang Dipertua, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput ya, saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab ya.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk membuat beberapa penjelasan berkaitan dengan perbahasan ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nak ucapkan terima kasih kepada 4 ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-Undang Akta Saraan Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Dato' Yang Dipertua, bila kita berbahas untuk mempertikaikan sesuatu akta atau enakmen, kita mesti berbahas, berdasarkan fakta. Jangan sesekali kita mengambil peluang untuk menjadi hero dan juara untuk

mendatangkan salah tanggapan di kalangan rakyat. Kalau saya menjadi ADUN Labu, hari ni saya bangun saya akan kata bahawa saya tidak sokong dengan akta saraan ini kerana rakyat susah, rakyat tidak dapat pembelaan, perjuangan kita untuk rakyat tidak ditubuhkan, kami tidak setuju dan kami tarik diri daripada menerima akta sasaran ini. Jangan terima. Jangan terima, ini adalah pendirian, jangan kita terima. Saya nak bagi tahu kepada Dato' Yang Dipertua, akta ini bukan kenaikan. Ini adalah pelarasan kerana akta Saraan Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan adalah yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain, berbanding dengan Kelantan yang diperintah oleh PAS, yang berbanding dengan Kedah yang diperintah oleh PAS, berbanding dengan Terengganu yang diperintah oleh PAS. Kenaikan yang sudah dibuat, pelarasan gaji sudah buat lebih awal daripada Kerajaan Negeri Sembilan. Saya nak bagi tahu di Dewan yang mulia, pelarasan gaji atau akta Saraan Ahli Dewan Undangan ni di Negeri Sembilan yang paling akhir 2019 dan akta saraan yang terendah berbanding dengan negeri-negeri yang lain, Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Bahau: [percakapan secara *off* mic] Enakmen, bukan akta, enakmen.

YB ADUN Pertang: Enakmen Anggota Pentadbiran, pasal dia dia ni pasal dah 2:40 ni, saya terbawak pula daripada *federal* sampai ke sini. Jadi saya ingat pun kita ni, Dato' Yang Dipertua Enakmen Anggota Pentadbiran ya. Saya nak bagi tahu Dato' ni, Dato' Yang Dipertua. Ini bukan khusus kepada Anggota Pentadbiran dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri yang berkhidmat sekarang. Dato' Yang Dipertua, ada berapa ratus dan ribu lagi bekas daripada Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang turut menerima manfaat daripada akta ataupun Enakmen Anggota Pentadbiran yang kita bawak pada hari ini. Pencen ataupun saraan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun 2024 di bawah paras kemiskinan sekarang. Kalau kita kaji baliklah. Jadi kerana itu Dato' Yang Dipertua, bila kita menyuarakan sesuatu perkara mesti berlandaskan kepada fakta dan keadaan kita semasa.

Saya nak sebut Dato' Yang Dipertua ya, mengikut rekod, saya nak ingatkan kepada ahli Dewan yang berkenaan bahawa pembentangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama ADUN Sikamat pada minggu hari Jumaat lepas, 29, *jammed* pulak telefon saya ni. 29.75 juta Skim Sejahtera Rakyat yang kita kekalkan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Bajet yang dibentangkan 590.0 juta antara bajet yang tertinggi dalam sejarah Kerajaan Negeri Sembilan dalam keadaan ekonomi yang tak menentu. Dan saya juga nak jelaskan, kalau kita tidak beri jelas pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kalau

kita tak berapa tengok berapa pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam berapa faktor aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk memberikan pembelaan kepada rakyat dan kerajaan tetap kekal dan tetap ditambah dari masa ke semasa demi perjuangan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan untuk memberikan segala bentuk peluang, khidmat dan juga bantuan kepada rakyat.

Dan saya juga nak ingatkan kepada Yang Berhormat ADUN Labu, Kerajaan Negeri Sembilan tak pernah meminggir dan mengecualikan semua rakyat di seluruh DUN di Negeri Sembilan termasuk 5 kawasan DUN pembangkang. Saya sendiri telah menurunkan beberapa ratus juta projek, berapa puluh ribu projek ke setiap DUN yang diwakili oleh ADUN pembangkang di Negeri Sembilan termasuk Gemas, termasuk Serting, termasuk Labu, termasuk Paroi, termasuklah Bagan Pinang.

Dan saya juga nak terjemahkan, nak untuk rekod Dewan, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah, yang ini saya akan bagi secara bertulislah, sejumlah peruntukan kewangan untuk menjalankan kerja-kerja kesejahteraan rakyat dan pembangunan rakyat di kawasan setiap kawasan DUN tanpa pinggirkan waima kawasan itu diwakili oleh wakil rakyat pembangkang. Cumanya Dato' Yang Dipertua, fitrah kita sebagai kerajaan, bila kita tidak bersama kerajaan, tentulah peruntukan kerajaan kepada rakyat terus. Bukan kita tak percaya kepada wakil rakyat pembangkang, tapi kalau dah nama pun pembangkang, memanglah kita tak bagi Dato' Yang Dipertua. Saya takkan bagi belanja kepada anak bukan anak kandung saya. Saya bagi pada anak kandung saya dulu. Duit lebih kalau ada lebih, baru saya sedekah kepada anak yang lain. Kalau bukan anak yang lain, Dato' Yang Dipertua. Kalau nak dianalogikan lah.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap kita sama-sama, saya dah sebut dalam penggulungan saya, saya harap supaya kita sama-sama mengorak kepada pembangunan negeri. Mengorak kepada kekuatan rakyat dan negeri. Tidak mengambil sebarang kesempatan di atas mana-mana ruang untuk menjadi juara kepada tempat yang tidak tepat, kepada perkara yang tidak bertempat dan dalam bahasa yang kita selalu sebut, kita jangan cuba jadi jaguh kepada tempat yang tidak kena Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua, saya ada sikit Dato' Yang Dipertua untuk menjawab soalan, apa perbahasan tersebut ya. Kita sedia maklum bahawa peruntukan kita pada tahun ini, untuk tahun 2025 kita tambah 70.0 juta ya. Dan ini adalah negeri pertama yang mengadakan belanjawan secara berimbang. Ketika kita menaikkan, kalau kata-kata kenaikan ataupun kajian tentang aa

pelarasan ini, kita buat ketika kerajaan dalam keadaan belanjawan dia berimbang bukan defisit. Ado negeri itu dia naik gaji ketika defisit ya. Dan sampai sekarang defisit-defisit-defisit lagi kan? Dan jadi kita memang dah kaji. Dan ia 10 tahun, 10 tahun, setiap 10 tahun itu akan ada kajian. Dan ia juga melibatkan tadi yang dikatakan tadi mengenai penjawat-penjawat apa, pelarasan kepada orang-orang yang telah pencen. Dan kita sedia maklum 2.5 juta berbanding dengan 70.0 juta yang kita bajetkan dalam belanjawan berimbang. Kalau sentiasa dalam dalam kawasan-kawasan pembangkang juga, kita tidak menafikan pembinaan masjid, contohnya di Bagan Pinang melibatkan 15.0 juta ringgit untuk di Bagan Pinang. Jadi kita tidak pernah menafikan hak-hak pembangunan yang ada di kawasan-kawasan pembangkang.

Dato' Yang Dipertua, saya memohon agar kita, selepas ini pun akan kaji semula selepas 10 tahun ya. Dan memang dah lama dah wakil rakyat – wakil rakyat ini meminta supaya saya kaji sebelum ini. Tetapi ketika itu memang tidak mengizinkan dengan keadaan kewangan bajet yang kita selalu katakan dalam keadaan defisit, akhirnya positif. Ini merupakan satu perkara juga yang harus, yang sentiasa kita, Majlis MMK sentiasa fikirkan sesuai tak sesuai, waktu yang sesuai adalah waktu sekarang dan kita kaji untuk tempoh 10 tahun akan datang ya. Jadi tak adolah esok ado kerajaan baru dia kaji dalam tempoh 3 tahun lepas itu. Jadi saya berharap bahawa kajian ini akan bertahan tempoh 10 tahun akan datang. Dato' Yang Dipertua saya saya rasa itu jawapan daripada pihak kerajaan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membahaskan usul ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: 30 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. Manakala YB ADUN Labu, YB ADUN Paroi, YB ADUN Bagan Pinang dan YB ADUN Gemas berkecuali]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal demi sefasal.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tetap menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tak bersetuju? Yang berkecuali? Jadi yang setuju 31, berapa haa? 32. Yang 2 tak hadir, 2 berkecuali. Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

[Keputusan undian: 31 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Labu dan YB ADUN Paroi berkecuali. Manakala YB ADUN Bagan Pinang tidak mengundi]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal 1.

YB Pengerusi: Ahli-ahli jawatan, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 2.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 3 hingga Fasal 5.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 3 hingga Fasal 5 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 6.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 6 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal 7.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 7 dan, Fasal 7 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' yang, Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Yang berkecuali – 2 orang. Yang bersetuju – 32, yang tak hadir – 2, yang berkecuali – 3. Okey, terima kasih Yang Berhormat Seremban. Yang ketiga tu Yang Berhormat Seremban ya? Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: 29 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Labu, YB ADUN Bagan Pindang dan YB ADUN Gemas berkecuali. Manakala YB ADUN Serting dan YB ADUN Paroi tidak mengundi]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2024 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Dato' yang di, Dato' Pengerusi saya bangun, Dato' Yang Dipertua saya bangun menyokong cadangan itu dah pukul 3:00 Dato' Pengerusi, dah lapar dah ni.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya dah 5 jam sini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang

berkecuali? Yang berkecuali – 4 orang. Jadi yang, yang berkecuali – 4 orang, yang tak hadir – 2 orang ya. Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: 29 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Labu, YB ADUN Serting, YB ADUN Paroi, YB ADUN Bagan Pindang dan YB ADUN Gemas tidak mengundi]

Setiausaha Dewan: Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2024. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

10. PENANGGUHAN PERSIDANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara kesepuluh, Penangguhan Persidangan.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan Dewan dengan jayanya.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu, saya ada menerima permohonan daripada ahli-ahli Yang Berhormat ADUN untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk menyampaikan ucapan selama 10 minit sahaja. Tak lebih ya, kalau boleh 5 minitlah. Tutup?

YB ADUN Chembong: Tak nak, tak nak, tak nak.

YB Yang Dipertua Dewan: ….. tarik diri semua ya.

YB ADUN Chembong: Saya saya.

YB Yang Dipertua Dewan: Chembong tetap nak?

YB ADUN Chembong: Ya. Yang Berhormat Dato', Dato' *Speaker*. Kita kena tunjukkan kepada …..

YB Yang Dipertua Dewan: Saya belum panggil lagi …..

YB ADUN Chembong: Tadi tanya. Tadi, okey saya duduk. Dato' *Speaker*, sekarang sila panggil saya.

YB Yang Dipertua Dewan: Okey. Saya silakan Chembong.

YB ADUN Chembong: Dato' *Speaker* benar-benar gunakan kuasa dia. Dia mungkin kurang sedar, dulu kita yang memilih dia, Dato' *Speaker*. Yang Berhormat Dato' *Speaker,* walaupun dah lewat, saya nak mengambil kesempatan ini sedikit sahaja Dato' *Speaker*, sebab saya nak jadi hero Dato' *Speaker.* Saya wajib, harus jadi hero bagi orang-orang di kawasan saya Dato' *Speaker.* Tapi saya setuju dengan Pertang cakap tadi, bukan jadi hero tak tak kena tempat. Kita kena jadi hero bagi semua orang kawasan kita, betul? Tak kira yang telah mengundi kita ataupun bukan mengundi kita. Jadi Speaker, jadi saya pun nak tunjukkan jugalah kita sanggup makan lewat demi rakyat yang mewakilkan kepada kita ya, *Speakar*.

Dato' *Speaker*, saya nak ucapkan tahniah pada Dato' *Speaker*, mewakili kawan-kawan lain yang mungkin tak tak sempat, kepada Dato' *Speaker* yang hebat yang bertahan sehingga kepada hari yang terakhir Dato' *Speaker*. Dan saya nak ucapkan terima kasih, tahniah jugak kepada rakan-rakan Exco. Contoh Dato' *Speaker,* saya suka sangat itu hari, semalam, contoh Dato' *Speaker,* saya ambil satu contoh. Yang Berhormat Exco Pendidikan jumpa saya kat luar Dato' *Speaker*. Dia tanya: Dato' saya tadi kurang fahamlah apa yang Dato' nak sampaikan, ada kurang faham. Dan dalam ucapan dia, dia pun mengakui sebab sebagai Exco, sebagai Menteri Besar dan sebagainya dia bukan faham semua di kawasan-kawasan kita. Kita yang lebih faham. Sebab lebih-lebih lagi Dato' *Speaker* dalam ucapan kita dan perbahasan kita, kita hanya diberikan beberapa minit saja. Kita tak sempat nak ulas 100% secara terperinci. Saya nak terjemah Dato' *Speaker*, yang itu yang kami perlu banggakan. Apabila mereka memahami, mereka dapat menjawab dengan baik Dato' *Speaker.* Jadi terima kasihlah. Tepuklah tangan tuan-tuan ya. Dato' *Speaker,* Dato' *Speaker* dan saya harap roh semangat ini juga dijiwai oleh exco-exco lain dan juga termasuk penjawat-penjawat awam, ketua-ketua jabatan lain. Boleh hubungan, hubungi kamilah. Bukan hanya di dalam Dewan ni saja.

Dato' *Speaker,* ada dua perkara yang semalam Dato' *Speaker* ketuk-ketuk jam depan saya, saya tak sempat nak bawak. Saya nak bawa 2 perkara di kawasan. Dan saya yakin yang isu ni jugak …..

YB Yang Dipertua Dewan: Ini penangguhan, Yang Berhormat.

YB ADUN Chembong: Eh boleh Dato' *Speaker,* 5 minit tadi bagi. Dato' *Speaker*, satu Dato' *Speaker*, tentang, saya kena bawak ni Dato' *Speaker*. Masalah gangguan anjing liar ni Dato' *Speaker*. Saya tengok rakan-rakan lain yang tak bawak Dato' *Speaker* ya. Ya. Saya, sebelum ni ada bawaklah Dato' *Speaker*. Saya dah bawak 2 kali. Senyaplah tadi tak nak cakap [merujuk kepada YB ADUN Seremban Jaya yang menyampuk]. Dato' *Speaker*, anjing liar ni, Dato' *Speaker*, anjing liar ni dah sampai ke tahap mengganggu keselamatan masyarakat penduduk Dato' *Speaker*, Dato' *Speaker*. Jadi saya harap satu tindakan yang sangat-sangat tegas ataupun yang sangat-sangat boleh sekurang-kurangnya mem me memberikan keyakinan kepada orang ramai Dato' *Speaker*. Di kawasan saya ada yang telah digigit Dato' *Speaker*, sebelum ni daripada kacau ganggu, melintas kereta, ketika motosikal lalu, jatuh orang tua tu Dato' *Speaker*. Itu satu. Saya mohon sangat. Dan Kerajaan Negeri Sembilan jadilah hero, mengambil tindakan yang drastik demi keselamatan orang ramai masyarakat Dato' *Speaker* tentang ni. Jadi itu satu.

Nombor dua Dato' *Speaker*. *Last* Dato' *Speaker,* saya nak sebut semalam Dato' *Speaker*. Sebab saya ni tak masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri. Sebabnya Dato' *Speaker*, perasan tak saya tak dipanggil untuk tanya soalan lisan, Dato' *Speaker*? Tiga-tiga hari saya tak dipanggil. Sebab tak dipanggil …..

YB ADUN Seremban Jaya: Tara tulis.

YB ADUN Chembong: Ya betul. Saya tak…..

YB ADUN …..: Datang lambat.

YB ADUN Seremban Jaya: Bukan, tara tulis.

YB ADUN Chembong: Saya tak tanya ….

YB ADUN Seremban Jaya: Langsung tak ada tulis.

YB ADUN ….: Tak sampai.

YB ADUN Chembong: Saya tak dipanggil Dato' *Speaker*. Saya tak dipanggil sebab saya tak kemukakan soalan lisan. Saya tak tanya soalan lisan sebab lazimnya saya bertanyakan hal-hal kawasan. Saya tak tanyakan hal-hal kawasan dalam Dewan ni sebab di kawasan di daerah Rembau semuanya dah selesai. Hal-hal kawasan ditangani dengan baik oleh penjawat awam, kakitangan awam di di daerah Rembau. Cumanya

haa cumanya, ada perkara-perkara yang di luar kapasiti daerah yang saya mintak Kerajaan Negeri tengok Dato' *Speaker*. Saya dah 2-3 kali bawa. Ada jalan lebih kurang sepanjang 1.2 kilometer jalan menuju ke kampung orang Asli. Dianya di luar Pejabat daerah punya kapasiti. Harapkan peruntukan-peruntukan. Jadi saya harap Dato' *Speaker* ya, saya tak mahulah bawak perkara-perara, tapi dah di luar Pejabat Daerah. Saya nak ucapkan terima kasih semua penjawat-penjawat awam, kakitangan kerajaan di peringkat daerah Rembau, terima kasih. Kalau saya Rembau bagi lebih pada yang daerah lain itu ya. Terima kasih dengan itu saya sudahi dengan *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT.*

YB Yang Dipertua Dewan: Ada, ada …..

YAB ADUN Sikamat: Pihak kerajaan akan mengambil maklum dan tindakan …..

YB ADUN Pertang: Saya, rangkum sekali ….

YAB ADUN Sikamat: …… seterusnya, *insya-Allah* saya rasa, kita mengambil perkara tersebut, mengenai isu anjing, mengenai isu JAKOA, jalan, saya rasa akan diambil tindakan segera *insya-Allah.* Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa dan urusetia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 2.58 petang]